


RMK12

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

2021-2025

MALAYSIA MAKMUR, INKLUSIF, MAMPAN



Rukun Negara

Bahawasanya, Negara kita Malaysia mendukung cita-cita hendak:

mencapai perpaduan yang lebih erat di kalangan seluruh masyarakatnya;

memelihara satu cara hidup demokratik;

mencipta satu masyarakat yang adil di mana kemakmuran negara akan dinikmati bersama secara adil dan saksama;

menjamin satu cara yang liberal terhadap tradisi-tradisi kebudayaannya yang kaya dan berbagai corak; dan

membina satu masyarakat progresif yang akan menggunakan sains dan teknologi moden.

Maka kami, rakyat Malaysia, berikrar akan menumpukan seluruh tenaga dan usaha kami untuk mencapai cita-cita tersebut berdasarkan atas prinsip-prinsip yang berikut:

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN
KESETIAAN KEPADA RAJA DAN NEGARA
KELUHURAN PERLEMBAGAAN
KEDAULATAN UNDANG-UNDANG
KESOPANAN DAN KESUSILAAN

ISBN 978-967-5842-23-8



Untuk maklumat selanjutnya sila hubungi:

Ketua Pengarah
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Setia Perdana 5 & 6, Kompleks Setia Perdana
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 Putrajaya
MALAYSIA

https://www.epu.gov.my
E: epu@epu.gov.my

T: 603-8000 8000
F: 603-8888 3755

Dicetak pada 16 Julai 2021
Maklumat dan data dikemas kini sehingga 9 Julai 2021

Hak Cipta Terpelihara ©
Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau disiarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Malaysia.



Dicetak oleh
Percetakan Nasional Malaysia Berhad
Kuala Lumpur, 2021
W: www.printnasional.com.my
E: cservice@printnasional.com.my
T: 603-9236 6895
F: 603-9222 4773

RANCANGAN MALAYSIA KEDUA BELAS

2021-2025

MALAYSIA MAKMUR, INKLUSIF, MAMPAN



> “Kejayaan pelaksanaan dan pencapaian objektif serta matlamat RMKe-12 banyak bergantung kepada komitmen semua pihak, terutama anak muda, berlandaskan semangat Keluarga Malaysia.”

Prakata

Rancangan Malaysia Kedua Belas 2021-2025 (RMKe-12) adalah bertujuan untuk menangani isu semasa dan pada masa sama, memulih serta merancakkan semula pembangunan sosioekonomi Malaysia untuk kemampanan dan kemakmuran jangka panjang. RMKe-12 akan membolehkan seluruh Keluarga Malaysia melangkah ke hadapan dengan menstruktur semula ekonomi negara sebagai asas kepada kesejahteraan rakyat. Pelan pembangunan dengan objektif **'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan'** ini merangkumi separuh pertama pelaksanaan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030.

RMKe-12 ialah agenda besar pemulihan negara dalam usaha Kerajaan mengembalikan kestabilan ekonomi rakyat serta menjana semula dan merancakkan pertumbuhan ekonomi negara secara menyeluruh. Rancangan ini dirangka berdasarkan pendekatan dari bawah ke atas, dengan mengambil kira pandangan semua pemegang taruh. Dalam penyediaan RMKe-12 ini, libat urus yang menyeluruh telah diadakan secara fizikal dan maya. Sesi libat urus ini membabitkan kementerian, agensi, kerajaan negeri, Ahli-ahli Parlimen, sektor swasta, akademia, pertubuhan masyarakat sivil, organisasi antarabangsa dan orang awam.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang komited dalam mengemukakan input dan cadangan bagi memastikan pembangunan negara terus mampan, sekali gus melepasi kekalutan pandemik COVID-19 dan kegawatan ekonomi yang kita hadapi.

Selaras dengan tema RMKe-12, matlamat kita menjelang tahun 2025 antara lain adalah untuk mengembalikan kesejahteraan dan kemakmuran dengan meningkatkan kuasa beli rakyat, merapatkan jurang sosioekonomi dan memastikan kelestarian alam sekitar. Peranan sektor swasta akan dicergaskan semula sebagai pemacu pertumbuhan ekonomi negara. Sungguhpun Malaysia berada dalam tempoh sukar pandemik COVID-19, kita, sebagai Keluarga Malaysia berpeluang menyusun semula ekonomi negara dan terus bersama mengorak langkah ke hadapan.

RMKe-12 adalah bukti komitmen Kerajaan ini dalam meneraju dan menyusun langkah bagi mendepani apa jua situasi. Terdapat pelbagai pendekatan baharu yang boleh dilaksanakan, namun bagi menyesuaikan dengan kebiasaan baharu, kita perlu mendakap erat prinsip kebersamaan, keluar daripada zon selesa dan mengorak langkah ke hadapan dengan yakin, berbekalkan hala tuju yang jelas. Dalam keadaan dunia hari ini yang serba tidak menentu, kita perlu menjayakan pelaksanaan Rancangan ini dengan sentiasa melakukan penilaian berkala dan lebih fleksibel dalam bertindak balas. Langkah ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan untuk memastikan tiada rakyat Malaysia yang tercicir atau terpinggir dalam arus pembangunan.

Insya-Allah, RMKe-12 akan berperanan sebagai rangka tindakan bagi membina semula ekonomi yang berdaya tahan ke arah **'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan'**. Sesungguhnya, kejayaan pelaksanaan dan pencapaian objektif serta matlamat RMKe-12 banyak bergantung kepada komitmen semua pihak, terutama anak muda. Oleh itu, marilah kita bekerja bersama demi menjayakan agenda pembangunan negara berlandaskan semangat Keluarga Malaysia.



DATO' SRI ISMAIL SABRI YAAKOB
Perdana Menteri Malaysia
Putrajaya

September 2021

Kata Aluan

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) yang merupakan pelan jangka sederhana dengan objektif **'Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan',** adalah permulaan kepada fasa baharu dalam hala tuju pembangunan negara - Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030).

RMKe-12 menggariskan tindak balas dasar yang menyeluruh dalam mendepani situasi yang mencabar akibat pandemik COVID-19. Dasar di bawah RMKe-12 disusun untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan, dengan memberi tumpuan kepada agihan kekayaan yang lebih saksama, kesejahteraan rakyat dan kelestarian alam sekitar. RMKe-12 memperkenalkan pendekatan baharu yang membawa perubahan berdasarkan tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan. Pendekatan ini penting bagi menyediakan asas yang kukuh demi masa hadapan negara. Ia juga adalah pemangkin untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi, menangani cabaran sosioekonomi, mengimbangi pembangunan antara wilayah serta meningkatkan daya saing negara. Pelaksanaan pendekatan ini akan menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih berdaya tahan dan mampan di pentas dunia.

Tiga tema RMKe-12 adalah menjana semula ekonomi; memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti; dan melonjakkan kemampanan. Manakala empat pemangkin dasar RMKe-12 memberi tumpuan kepada usaha membangunkan bakat masa hadapan; mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi; menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan; dan memperkukuh perkhidmatan awam. Kesemua 14 pemacu perubahan merupakan langkah yang berani dan inovatif untuk mencetus anjakan pemikiran serta mengubah pendekatan dalam membangunkan negara.

Secara keseluruhannya, tema, pemangkin dasar dan pemacu perubahan ini akan membolehkan Malaysia mencapai objektif untuk menjadi negara berpendapatan tinggi. Kunci kejayaan RMKe-12 adalah pelaksanaan yang berkesan dan komitmen yang tidak berbelah bahagi daripada semua pihak. Dalam hubungan ini, sektor awam dan swasta, pertubuhan masyarakat sivil dan rakyat perlu berganding bahu untuk memastikan objektif RMKe-12, dan seterusnya matlamat WKB 2030 tercapai. Insya-Allah, dengan iltizam dan kegigihan, kita akan berjaya.



DATO' SRI MUSTAPA MOHAMED
Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi)
Putrajaya

September 2021

“RMKe-12 memperkenalkan pendekatan baharu yang membawa perubahan berdasarkan tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan bagi menyediakan asas yang kukuh demi masa hadapan negara.”



Isi Kandungan

PENGENALAN

Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan

Pendahuluan I-2

Landasan Pembangunan Malaysia I-5

Mengimbas Kembali Pencapaian I-9

Malaysia yang Makmur, Inklusif dan Mampan pada Masa Hadapan I-13

- Pemacu Perubahan I: Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi I-13

Tema Rancangan Malaysia Kedua Belas I-14

- Tema 1: Menjana Semula Ekonomi I-14
- Tema 2: Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti I-14
- Tema 3: Melonjakkan Kemampanan I-14

Pemangkin Dasar Rancangan Malaysia Kedua Belas I-15

- Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan I-15
- Pemangkin Dasar 2: Mempercepat Penerimagunaan Teknologi dan Inovasi I-15
- Pemangkin Dasar 3: Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan I-15
- Pemangkin Dasar 4: Memperkukuh Perkhidmatan Awam I-15

Cabaran dan Peluang I-16

Sasaran Terpilih Rancangan Malaysia Kedua Belas I-16

Pemacu Perubahan I-17

- Pemacu Perubahan I: Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi I-17
- Pemacu Perubahan II: Memangkinkan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi I-17
- Pemacu Perubahan III: Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana sebagai Pemacu Pertumbuhan Baharu I-17
- Pemacu Perubahan IV: Memantapkan Keselamatan Negara dan Perpaduan untuk Pembinaan Negara Bangsa I-18
- Pemacu Perubahan V: Memperkukuh Sistem Penjagaan Kesihatan bagi Memastikan Negara yang Sihat dan Produktif I-18
- Pemacu Perubahan VI: Mentransformasi Pendekatan bagi Membasmi Kemiskinan Tegar I-18
- Pemacu Perubahan VII: Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama di Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan I-18
- Pemacu Perubahan VIII: Menerima Guna Ekonomi Kitaran I-19
- Pemacu Perubahan IX: Mempergiat Penerimagunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu I-19
- Pemacu Perubahan X: Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan I-19
- Pemacu Perubahan XI: Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif I-19
- Pemacu Perubahan XII: Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjanaan Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi I-20
- Pemacu Perubahan XIII: Mentransformasi Ekosistem Logistik bagi Meningkatkan Kecekapan I-20
- Pemacu Perubahan XIV: Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan I-20

Kesimpulan I-21



BAB 1

Memperkukuh Asas Ekonomi Makro

Pendahuluan 1-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 1-3

Isu dan Cabaran 1-16

- Produktiviti dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang Rendah 1-17
- Kualiti Pelaburan yang Rendah 1-17
- Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlahan 1-18
- Jurang Pembangunan antara Negeri yang Melebar 1-19
- Bahagian Pampasan Pekerja yang Rendah 1-19
- Manfaat yang Terhad daripada Penyertaan Rantaian Nilai Global 1-20
- Konsolidasi Fiskal Jangka Sederhana yang Tertangguh 1-21
- Pertumbuhan Ekonomi yang Memberi Kesan kepada Alam Sekitar 1-21

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 1-21

- Meningkatkan Produktiviti untuk Mengekalkan Pertumbuhan Berkualiti 1-26
- Menggalakkan Pelaburan Berkualiti untuk Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi 1-26
- Mempercepat Peralihan Struktur Ekonomi bagi Meningkatkan Rantaian Nilai 1-28
- Mengurangkan Ketidaksamaan Pembangunan bagi Menggalakkan Keseimbangan Wilayah 1-29
- Meningkatkan Bahagian Pampasan Pekerja untuk Menambah Baik Taraf Hidup Pekerja 1-30
- Memanfaatkan Penyertaan dalam Rantaian Nilai Global bagi Memperkukuh Perdagangan dan Imbangan Pembayaran 1-30
- Memperkukuh Tadbir Urus Fiskal untuk Menambah Baik Pengurusan Kewangan Awam 1-31
- Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Meningkatkan Kemampanan Alam Sekitar 1-31

Kesimpulan 1-33



TEMA 1

Menjana Semula Ekonomi

Perspektif Menyeluruh T1-2

Pemacu Perubahan II: Memangkinkan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi T1-5

Pemacu Perubahan III: Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana sebagai Pemacu Baharu Pertumbuhan T1-6

Bab 2: Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan 2-1

Bab 3: Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 3-1



BAB 2
Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan

Pendahuluan 2-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 2-3

Isu dan Cabaran 2-9

- Produktiviti Rendah 2-10
- Akses Pasaran yang Rendah dan Firma Kurang Berdaya Saing 2-10
- Perubahan Pesat dalam Landskap Kewangan 2-11
- Pembangunan Perindustrian yang Tidak Seimbang antara Wilayah 2-11
- Tadbir Urus dan Mekanisme Pelaksanaan yang Kurang Berkesan 2-12

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 2-12

- Bidang Keutamaan A: Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti 2-16
- Bidang Keutamaan B: Memperluas Pasaran Eksport 2-23
- Bidang Keutamaan C: Memperkukuh Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan 2-27
- Bidang Keutamaan D: Memperkukuh Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan 2-30
- Bidang Keutamaan E: Menambah Baik Dasar dan Tadbir Urus 2-31

Kesimpulan 2-35



BAB 3
Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Pendahuluan 3-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 3-3

Isu dan Cabaran 3-7

- Pembangunan Industri yang Kurang Memberangsangkan 3-7
- Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang Kurang Berdaya Saing 3-9

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 3-9

- Bidang Keutamaan A: Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi 3-13
- Bidang Keutamaan B: Mempertingkat Keupayaan Usahawan dan Perusahaan 3-26

Kesimpulan 3-31

TEMA 2

Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti

Perspektif Menyeluruh T2-2

Pemacu Perubahan IV: Memantapkan Keselamatan dan Perpaduan Negara untuk Pembinaan Negara Bangsa T2-6

Pemacu Perubahan V: Memperkukuh Sistem Penjagaan Kesihatan bagi Memastikan Negara yang Sihat dan Produktif T2-7

Pemacu Perubahan VI: Mentransformasi Pendekatan bagi Membasmi Kemiskinan Tegar T2-8

Pemacu Perubahan VII: Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan T2-9

Bab 4: Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan 4-1

Bab 5: Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif 5-1

Bab 6: Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah 6-1

Bab 7: Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak 7-1

BAB 4

Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan

Pendahuluan 4-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 4-3

Isu dan Cabaran 4-10

- Peningkatan Ancaman Terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam 4-10
- Jurang dalam Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan 4-11
- Rumah Mampu Milik yang Belum Mencukupi 4-11
- Potensi Sukan untuk Kehidupan Aktif Belum Diteroka Sepenuhnya 4-12
- Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Rakyat 4-12

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 4-12

- Bidang Keutamaan A: Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara 4-16
- Bidang Keutamaan B: Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan 4-19
- Bidang Keutamaan C: Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti 4-23
- Bidang Keutamaan D: Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat yang Aktif 4-25
- Bidang Keutamaan E: Memperkukuh Perpaduan untuk Negara Makmur 4-28

Kesimpulan 4-31



BAB 5

Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif

Pendahuluan 5-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 5-3

Isu dan Cabaran 5-12

- Insiden Kemiskinan 5-13
- Perbezaan yang Ketara dalam Kalangan B40 5-13
- Cabaran yang Dihadapi oleh Kumpulan M40 5-14
- Ketidaksaksamaan Keberhasilan Sosioekonomi Bumiputera 5-14
- Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli yang Ketinggalan 5-15
- Ketersisihan Sosial Kumpulan Sasar Khusus 5-15

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 5-16

- Bidang Keutamaan A: Menangani Kemiskinan dan Mengurangkan Ketidaksamarataan daripada Perspektif Pelbagai Dimensi 5-20
- Bidang Keutamaan B: Memperkasa B40 5-26
- Bidang Keutamaan C: Memberi Sokongan kepada M40 bagi Mewujudkan Masyarakat yang Saksama 5-28
- Bidang Keutamaan D: Mencapai Kesaksamaan Keberhasilan Bumiputera 5-30
- Bidang Keutamaan E: Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli 5-36
- Bidang Keutamaan F: Memperkasa Kumpulan Sasar Khusus 5-38

Kesimpulan 5-41



BAB 6

Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah

Pendahuluan 6-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 6-3

Isu dan Cabaran 6-8

- Pembangunan Wilayah yang Tidak Seimbang 6-8
- Kelemahan Pengurusan Pembangunan Bandar 6-9
- Jurang Pembangunan antara Luar Bandar dan Bandar 6-9
- Kekurangan Peluang Ekonomi di Kawasan Sempadan 6-10

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 6-10

- Bidang Keutamaan A: Memanfaatkan Potensi Ekonomi Wilayah 6-14
- Bidang Keutamaan B: Membangunkan Bandar yang Mampan 6-18
- Bidang Keutamaan C: Mentransformasi Kawasan Luar Bandar bagi Merapatkan Jurang Pembangunan 6-22

Kesimpulan 6-25



BAB 7

Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak

Pendahuluan 7-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 7-3

Isu dan Cabaran 7-8

- Kekurangan Infrastruktur dan Perkhidmatan 7-8
- Pertumbuhan Ekonomi yang Perlahan 7-9
- Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Terhad 7-10
- Akses kepada Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan yang Terhad 7-10
- Cabaran dalam Keselamatan dan Ketenteraman Awam 7-10
- Cabaran dalam Pembangunan Inklusif 7-10
- Kekurangan Kerjasama dan Ketidakcekapan Penyampaian Perkhidmatan 7-11

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 7-11

- Bidang Keutamaan A: Memantapkan Penyediaan Infrastruktur 7-15
- Bidang Keutamaan B: Mengoptimumkan Potensi Ekonomi 7-16
- Bidang Keutamaan C: Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial 7-25
- Bidang Keutamaan D: Memperkukuh Pembangunan Inklusif 7-27
- Bidang Keutamaan E: Memperkukuh Kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri 7-29

Kesimpulan 7-31



TEMA 3

Melonjakkan Kemampanan

Perspektif Menyeluruh T3-2

Pemacu Perubahan VIII: Menerima Guna Ekonomi Kitaran T3-5

Pemacu Perubahan IX: Mempergiat Penerimagunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu T3-6

Bab 8: Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan 8-1

Bab 9: Mempertingkat Kemampanan Tenaga dan Mentransformasi Sektor Air 9-1



BAB 8

Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan

Pendahuluan **8-2**

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 **8-3**

Isu dan Cabaran **8-7**

- Amalan Penggunaan dan Pengeluaran yang Tidak Mampan 8-7
- Kehilangan Biodiversiti 8-8
- Kekurangan Persekitaran yang Menyokong Pertumbuhan Hijau 8-8

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 **8-8**

- Bidang Keutamaan A: Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan 8-12
- Bidang Keutamaan B: Mengurus Sumber Asli dengan Cekap bagi Melindungi Aset Semula Jadi 8-23
- Bidang Keutamaan C: Memperkukuh Persekitaran yang Menyokong Tadnir Urus Berkesan 8-27

Kesimpulan **8-31**



BAB 9

Mempertingkat Kemampanan Tenaga dan Mentransformasi Sektor Air

Pendahuluan **9-2**

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 **9-3**

Isu dan Cabaran **9-7**

- Kekangan dalam Sektor Tenaga untuk Menyokong Pertumbuhan 9-7
- Pengurusan Sektor Air yang Kurang Berkesan 9-9

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 **9-10**

- Bidang Keutamaan A: Memastikan Tenaga yang Mampan untuk Semua 9-13
- Bidang Keutamaan B: Mentransformasi Sektor Air 9-16

Kesimpulan **9-23**

PEMANGKIN DASAR



Perspektif Menyeluruh P-2

Pemacu Perubahan X: Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan P-7

Pemacu Perubahan XI: Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif P-8

Pemacu Perubahan XII: Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjanaan Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi P-9

Pemacu Perubahan XIII: Mentransformasi Ekosistem Logistik bagi Meningkatkan Kecekapan P-10

Pemacu Perubahan XIV: Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan P-11

Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan

- Bab 10: Membangunkan Bakat Masa Hadapan 10-1

Pemangkin Dasar 2: Mempercepat Penerimagunaan Teknologi dan Inovasi

- Bab 11: Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju 11-1

Pemangkin Dasar 3: Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan

- Bab 12: Memperkukuh Kecekapan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik 12-1

Pemangkin Dasar 4: Memperkukuh Perkhidmatan Awam

- Bab 13: Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam 13-1



BAB 10
Membangunkan Bakat Masa Hadapan

Pendahuluan 10-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 10-3

Isu dan Cabaran 10-11

- Ketidaksamaan dalam Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh 10-11
- Ketidakcekapan Pasaran Buruh 10-12
- Perubahan Pasaran Buruh Disebabkan Pandemik COVID-19 10-12
- Outcome Pelajar yang Rendah 10-13
- Penyelarasan dan Tadbir Urus yang Kurang Mantap 10-13
- Ekosistem yang Tidak Kondusif untuk Inovasi 10-14
- Akses Pendidikan yang Terhad bagi Murid Berkeperluan Khas dan Orang Asli 10-15

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 10-15

- Bidang Keutamaan A: Menjajarkan Semula Pasaran Buruh untuk Pertumbuhan yang Inklusif dan Mampan 10-18
- Bidang Keutamaan B: Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan 10-22

Kesimpulan 10-29



BAB 11

Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju

Pendahuluan **11-2**

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 **11-3**

Isu dan Cabaran **11-6**

- Pertumbuhan Ekonomi Digital yang Perlahan 11-6
- Jurang Digital Semakin Melebar 11-7
- Kekurangan Pelaburan dalam Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi 11-8
- Cabaran dalam Penerimagunaan Teknologi Revolusi Perindustrian Keempat 11-8

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 **11-9**

- Bidang Keutamaan A: Memperhebat Ekonomi Digital 11-13
- Bidang Keutamaan B: Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif 11-19
- Bidang Keutamaan C: Mempercepat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi 11-22
- Bidang Keutamaan D: Memanfaatkan Potensi Teknologi Termaju 11-25

Kesimpulan **11-29**



BAB 12

Memperkukuh Kecekapan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik

Pendahuluan **12-2**

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 **12-3**

Isu dan Cabaran **12-7**

- Ketersambungan Batuan Pertama dan Akhir yang Kurang Cekap 12-8
- Industri Pengangkutan dan Logistik yang Kurang Berdaya Saing 12-8
- Tadbir Urus dalam Pengangkutan dan Logistik yang Lemah 12-9

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 **12-9**

- Bidang Keutamaan A: Memastikan Mobiliti Penumpang yang Bersepadu, Mampu Bayar, Berdaya Harap dan Lancar 12-12
- Bidang Keutamaan B: Memacu Industri Pengangkutan dan Logistik Agar Berdaya Saing 12-14
- Bidang Keutamaan C: Memperkukuh Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia 12-16

Kesimpulan **12-19**



BAB 13

Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam

Pendahuluan 13-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 13-3

Isu dan Cabaran 13-7

- Cabaran dalam Pembangunan Bakat 13-7
- Cabaran dalam Ekosistem Tadbir Urus 13-8
- Cabaran dalam Pengurusan Projek 13-8

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 13-9

- Bidang Keutamaan A: Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi 13-12
- Bidang Keutamaan B: Meningkatkan Pendekatan Keseluruhan Kerajaan 13-14
- Bidang Keutamaan C: Memantapkan Pengurusan Belanjawan dan Projek 13-20

Kesimpulan 13-23

KESIMPULAN K-2

Lampiran

Jadual A-2

Carta A-28

Glosari A-30

Indeks A-50



Pengenalan

Malaysia Makmur, Inklusif, Mampan

Pendahuluan

Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 (RMKe-12) merupakan satu transformasi. Walaupun disediakan berdasarkan rancangan sebelumnya, RMKe-12 menetapkan asas bagi merealisasikan semangat Keluarga Malaysia yang akan mengubah landasan pembangunan negara bagi tempoh lima tahun akan datang untuk mencapai Malaysia yang makmur, inklusif dan mampan.

Beberapa pemacu perubahan dan inisiatif yang radikal akan dilaksanakan. Ini termasuk program mengurangkan golongan miskin dan meningkatkan taraf hidup rakyat. Golongan miskin tegar dan miskin bagi kumpulan 10% terendah desil pendapatan isi rumah (B1) akan diberi perhatian khusus. RMKe-12 akan menangani masalah kemiskinan tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi.

Hala tuju pembangunan Malaysia dalam tempoh 10 tahun akan datang adalah berpandukan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030) yang bermatlamat untuk mencapai negara yang bersatu, makmur dan bermaruah. Ekonomi Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang tinggi sebanyak 6.2% setahun dalam tempoh 1971 sehingga 2015. Walaupun ia menyederhana kepada 2.7% setahun dalam tempoh 2016 sehingga 2020, kadar pertumbuhan Malaysia masih jauh lebih baik berbanding kebanyakan negara baru muncul dan membangun. Pertumbuhan ekonomi yang secara relatifnya tinggi telah meningkatkan kesejahteraan rakyat dan merapatkan jurang ketidaksamarataan pendapatan.

Pandemik penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) yang bermula pada tahun 2020 telah mengubah dengan ketara cara perniagaan beroperasi serta kaedah manusia berinteraksi. Ia juga telah meningkatkan penggunaan teknologi digital. Pandemik ini juga telah melebarkan jurang ketidaksamarataan dan ketidakseimbangan sosioekonomi. Sebagai sebuah Kerajaan yang prihatin terhadap keperluan rakyat dalam menghadapi krisis, pendekatan 6R[1] telah dilaksanakan bagi mengurangkan kesan pandemik. Pelan Pemulihan Negara (PPN) telah diperkenalkan pada Jun 2021 sebagai strategi untuk keluar dari Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) secara berfasa dari segi pergerakan manusia serta pembukaan semula sektor ekonomi dan sosial. Peralihan antara fasa adalah berdasarkan kepada pendekatan berpandukan data melalui tiga indikator utama, iaitu jumlah kes baharu setiap hari, kadar penggunaan katil di wad unit rawatan rapi dan peratusan penduduk yang telah divaksinasi. Penyediaan RMKe-12 telah mengambil kira pendekatan 6R yang melibatkan lapan pakej rangsangan ekonomi yang berjumlah RM530 bilion dan peralihan secara berfasa dalam PPN.

RMKe-12 yang merupakan separuh pertama WKB 2030 adalah amat penting bagi mengharungi cabaran semasa dalam konteks global dan domestik. Ia dijangka akan melonjakkan ekonomi negara dan memantapkan semula peranan Malaysia dalam ekonomi dunia. Rancangan ini akan memangkin pertumbuhan, memastikan ekonomi dipulihkan dan membina semula ekonomi negara bagi mencapai kemakmuran, inklusiviti dan kemampanan. Pertumbuhan ekonomi serta agihan kekayaan yang lebih saksama akan mengurangkan jurang antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian

[1] Ketegasan *(Resolve)*, Ketahanan *(Resilient)*, Memulakan Semula *(Restart)*, Pemulihan *(Recovery)*, Memperkasa *(Revitalise)* dan Menyusun Semula *(Reform)*.

bekalan dan pada masa yang sama memastikan kelestarian alam sekitar. RMKe-12 juga memberi tumpuan khusus kepada usaha-usaha menjamin keselamatan dan kedaulatan negara serta mengukuhkan perpaduan rakyat.

RMKe-12 adalah bertunjangkan tiga tema iaitu menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan.
Empat pemangkin dasar, iaitu membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkukuh perkhidmatan awam akan menyokong pencapaian tema ini. Pemangkin dasar ini menjadi asas bagi membentuk pembangunan Malaysia sepanjang lima tahun akan datang dan tahun-tahun seterusnya. Kejayaan pelaksanaan RMKe-12 akan membawa kepada kemakmuran bersama, mempertingkat inklusiviti dan merintis jalan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara yang lebih mampan untuk generasi akan datang. Ini akan mengembalikan kesejahteraan Keluarga Malaysia untuk jangka masa panjang.

Keutamaan pembangunan negara dalam RMKe-12 akan terus dijajar kepada Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) di bawah Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030). Penerimaan pendekatan keseluruhan negara adalah penting dalam pelaksanaan SDG. Selaras dengan prinsip “tiada sesiapa yang tertinggal”, inisiatif merakyatkan SDG akan dipergiat, serta komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) akan diberi penekanan bagi mempertingkat pemahaman dan pelaksanaan SDG pada peringkat akar umbi.

Landasan Pembangunan Malaysia

Dasar pembangunan yang dilaksanakan selepas kemerdekaan sehingga tahun 1970 tidak berjaya menangani sepenuhnya cabaran sosioekonomi, yang menyebabkan ketidaksamarataan pertumbuhan dan ketidakseimbangan sosial. Sehubungan itu, Dasar Ekonomi Baru, 1971–1990 (DEB) digubal dengan matlamat mencapai perpaduan negara melalui strategi serampang dua mata, iaitu membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Wawasan 2020 kemudiannya diperkenalkan pada tahun 1991 dengan sasaran untuk Malaysia menjadi negara maju sepenuhnya mengikut acuan sendiri, merangkumi dimensi ekonomi, politik, sosial, kerohanian, psikologi dan budaya menjelang tahun 2020. Wawasan 2020 merupakan asas bagi Dasar Pembangunan Nasional, 1991–2000 (DPN), yang bertujuan mewujudkan masyarakat yang lebih bersatu padu dan saksama menerusi pembangunan yang seimbang.

Abad ke-21 membawa cabaran baharu dari segi globalisasi, liberalisasi dan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi yang pesat. Dasar Wawasan Negara, 2001-2010 (DWN) merupakan kesinambungan DPN yang memperkenalkan beberapa dimensi baharu, termasuk mentransformasi ekonomi Malaysia kepada ekonomi berasaskan pengetahuan. Wawasan 2020 seterusnya disokong oleh Dasar Transformasi Negara, 2011-2020 (DTN) yang merupakan pelan hala tuju untuk mentransformasi Malaysia secara komprehensif bagi mencapai status negara maju berpendapatan tinggi. DTN merangkumi beberapa program transformasi yang menyasarkan penambahbaikan dalam bidang tertentu seperti tadbir urus, ekonomi dan politik.

Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016–2020 (RMKe-11), menandakan tamatnya tempoh pembangunan selama 30 tahun di bawah Wawasan 2020. Strategi utamanya termasuk memantapkan pertumbuhan sektor, merancakkan penyusunan semula struktur serta meningkatkan inovasi dan penerimagunaan teknologi. Pelbagai usaha turut dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat. Sepanjang tempoh RMKe-11, ekonomi berkembang pada kadar purata 2.7% setahun, dipacu terutamanya oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Meskipun kemajuan sosioekonomi telah dicapai dalam tempoh tersebut, Malaysia belum lagi menjadi ekonomi maju sepenuhnya. Hasil penilaian terhadap Wawasan 2020 ditunjukkan dalam *Kotak I-1*.

Sebagai kesinambungan kepada Wawasan 2020, WKB 2030 bermatlamat untuk memastikan semua rakyat mencapai taraf hidup yang wajar pada tahun 2030. Ia mempunyai tiga objektif utama iaitu pembangunan untuk semua, menangani jurang kekayaan dan pendapatan serta menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu, makmur dan bermaruah. WKB 2030 merupakan komitmen untuk mencapai pertumbuhan ekonomi yang mampan, diiringi pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif merentas semua kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Kuasa beli isi rumah dijangka akan meningkat selaras dengan pertumbuhan ekonomi.

RMKe-12 telah dijajarkan dengan Agenda 2030. Ia menggambarkan komitmen Malaysia melaksanakan 17 SDG melalui dasar, program dan projek dalam Rancangan tersebut. Antara matlamat yang penting ialah membasmi kemiskinan tegar; membina masyarakat yang aman, saksama dan inklusif; mewujudkan persekitaran untuk pertumbuhan ekonomi yang mampan, inklusif dan berterusan; menyediakan peluang pekerjaan yang wajar kepada semua; memastikan perlindungan alam sekitar dan sumber asli; serta mencapai kemakmuran bersama.

Rancangan ini telah dirangka berdasarkan sesi libat urus yang meluas dengan pelbagai pihak berkepentingan, termasuk kementerian, kerajaan negeri, sektor swasta dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO), serta sesi libat urus dalam talian dengan orang ramai. Dengan mengambil kira situasi semasa, penggubalan RMKe-12 adalah paling mencabar berbanding dengan rancangan lima tahun sebelum ini.

Kotak I-1

Wawasan 2020: Satu Penilaian

Latar Belakang

Wawasan 2020 yang diperkenalkan pada Februari 1991 bermatlamat menjadikan Malaysia sebagai negara maju mengikut acuan sendiri menjelang tahun 2020. Bagi mencapai negara maju sepenuhnya, sembilan cabaran utama perlu diatasi iaitu:

1. Mewujudkan negara yang bersatu dengan matlamat yang dikongsi bersama
2. Mewujudkan masyarakat yang berjiwa bebas, tenteram dan maju
3. Memupuk dan membangunkan masyarakat demokratik yang matang
4. Membentuk masyarakat yang sepenuhnya bermoral dan beretika tinggi
5. Membentuk masyarakat yang matang, liberal dan bertoleransi
6. Membentuk masyarakat saintifik dan progresif
7. Mewujudkan masyarakat penyayang dan budaya menyayangi
8. Memastikan masyarakat yang adil dalam bidang ekonomi
9. Membentuk masyarakat makmur yang mempunyai ekonomi berdaya saing, dinamik, mantap dan berdaya tahan

Menterjemah Wawasan 2020 dalam Rancangan Pembangunan

Wawasan 2020 merupakan aspirasi besar untuk masa depan negara yang ditetapkan untuk tempoh 30 tahun. Ia menjadi tunjang bagi rancangan pembangunan jangka sederhana dan panjang antara tahun 1990 hingga 2020. Wawasan ini adalah prinsip panduan bagi tiga Rangka Rancangan Jangka Panjang, iaitu Dasar Pembangunan Nasional, Dasar Wawasan Negara dan Dasar Transformasi Negara serta enam rancangan pembangunan lima tahun Malaysia, iaitu Rancangan Malaysia Keenam hingga Rancangan Malaysia Kesebelas.

Pada mulanya ekonomi diandaikan perlu berkembang sebanyak 7% setahun pada harga sebenar dalam tempoh 1991 hingga 2020 bagi menyokong ekonomi yang kompetitif, dinamik, mantap dan berdaya tahan sepenuhnya seperti yang digariskan dalam cabaran kesembilan. Sasaran pertumbuhan ekonomi yang tinggi ini ditetapkan bagi menangani cabaran keenam dan kelapan untuk mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif serta adil dalam bidang ekonomi. Sasaran kemudiannya telah diubah kepada kadar pertumbuhan yang diperlukan untuk mencapai tahap minimum pendapatan negara kasar[1] (PNK) per kapita bagi sebuah negara berpendapatan tinggi pada tahun 2020.

Cabaran sosiopolitik ditangani dengan menumpukan kepada beberapa bidang utama termasuk mewujudkan peluang ekonomi yang saksama, membangunkan modal insan yang berkualiti, memperkukuh penyampaian perkhidmatan awam, menambah baik tadbir urus, mempertingkat integriti dan akauntabiliti serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Kemajuan Wawasan 2020

Pelbagai kejayaan telah dicapai dalam tempoh 30 tahun yang lalu. Walau bagaimanapun, beberapa krisis yang berlaku dalam tempoh tersebut memberi kesan yang ketara dalam usaha untuk menjadi sebuah negara maju sepenuhnya pada tahun 2020. Penilaian kemajuan dalam mencapai matlamat Wawasan 2020 adalah berbeza kerana sembilan cabaran bersifat kuantitatif dan kualitatif serta mempunyai objektif yang sangat luas. Berikut merupakan analisis ringkas kemajuan yang dicapai dalam tempoh 30 tahun yang lalu.

Cabaran Sosioekonomi (Cabaran 6, 8 dan 9)

Dalam dekad pertama Wawasan 2020, ekonomi telah mencatatkan pertumbuhan sebanyak 7.1% setahun, melepasi sasaran 7% yang ditetapkan walaupun menghadapi Krisis Kewangan Asia pada 1997/1998. Pertumbuhan pada dekad berikutnya menyederhana kepada 4.6% berikutan kejatuhan permintaan global terhadap barangan elektrik dan elektronik pada tahun 2001 dan Krisis Kewangan Global pada 2008/2009. Dalam dekad sehingga tahun 2020, kadar pertumbuhan purata tahunan yang dicatatkan adalah lebih rendah iaitu 4%. Secara keseluruhan, ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.2% setahun dalam tempoh 1991 hingga 2020.

[1] Berdasarkan *World Bank Atlas Method.*

Dalam usaha untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi, jurang PNK per kapita Malaysia berbanding paras minimum ekonomi berpendapatan tinggi telah berkurangan dalam tempoh tersebut. Pada tahun 2020, pendapatan per kapita negara adalah 20.4% di bawah paras minimum ekonomi berpendapatan tinggi iaitu sebanyak AS$12,696. Ini adalah lebih baik berbanding jurang sebanyak 62.6% pada tahun 1991.

Secara amnya, rakyat menikmati taraf hidup yang lebih baik seperti yang ditunjukkan dalam pendapatan purata isi rumah yang lebih tinggi iaitu RM7,901 pada tahun 2019 berbanding RM1,169 pada tahun 1989. Sebahagian besar peningkatan ini disumbangkan oleh prestasi ekonomi yang kukuh, kadar inflasi yang rendah dan stabil serta kadar guna tenaga penuh sejak tahun 1992. Insiden kemiskinan mutlak telah berkurang daripada 16.5% pada tahun 1989 berdasarkan metodologi Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) 1977 kepada 5.6% pada tahun 2019 berdasarkan metodologi PGK 2019. Ketidaksamarataan pendapatan juga telah berkurang dengan pekali Gini yang menurun daripada 0.442 kepada 0.407 dalam tempoh yang sama.

Dalam bidang sains dan teknologi, buat pertama kalinya Malaysia berjaya menghantar seorang rakyatnya ke angkasa pada Oktober 2007. Di samping itu, negara juga memiliki beberapa satelit komunikasi dan penderiaan jarak jauh. Koridor Raya Multimedia (MSC) telah dilancarkan pada tahun 1996 untuk melonjakkan Malaysia ke era maklumat dan pengetahuan.

Walaupun ekonomi Malaysia telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang agak tinggi dalam tempoh 30 tahun, namun ketidakseimbangan ekonomi terus berlarutan dan isu struktur ekonomi masih wujud. Ini termasuk ketidakseimbangan pertumbuhan spatial, ketidaksamaan antara kumpulan pendapatan, kadar pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia, kenaikan kos sara hidup dan industri yang tertumpu kepada rantaian nilai pengeluaran yang rendah. Isu-isu ini perlu ditangani secara menyeluruh untuk membolehkan Malaysia menjadi negara maju pada tahun 2030.

Cabaran Sosiopolitik (Cabaran 1, 2, 3, 4, 5 dan 7)

Pencapaian sosiopolitik sukar untuk dinilai kerana melibatkan faktor sosial dan politik yang bersifat subjektif. Terdapat pelbagai pandangan mengenai pencapaian negara dalam bidang ini.

Malaysia dianggap sebagai antara negara paling aman di dunia. Berdasarkan tahap keamanan[2] dalam Indeks Keamanan Global (GPI) 2021, Malaysia berada pada kedudukan ke-23 daripada 163 negara dan wilayah yang bebas serta mempunyai tahap keamanan yang tinggi. Kedudukan Malaysia bertambah baik, dengan peningkatan sebanyak tujuh tangga berbanding GPI 2016 dan terus berada dalam kalangan lima negara paling aman di rantau Asia Pasifik.

Keputusan Pilihan Raya Umum ke-14 pada tahun 2018 menunjukkan Malaysia adalah sebuah negara yang demokratik dan rakyat yang semakin matang. Ini berdasarkan Indeks Demokrasi[3] oleh *Economist Intelligence Unit* (EIU) yang meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-39 pada tahun 2020 berbanding ke-81 pada tahun 2006. Malaysia dikategorikan sebagai negara "demokrasi tidak sempurna" sama seperti Jepun dan Korea Selatan. Menurut EIU, negara dalam kategori ini mempunyai pilihan raya yang bebas dan adil.

Pada peringkat antarabangsa, Malaysia telah diberi kepercayaan untuk memainkan beberapa peranan penting, seperti sebagai Presiden Majlis Umum Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (1996) dan sebagai anggota tidak tetap Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (UNSC) (1999-2000 dan 2015-2016). Malaysia juga menjadi tuan rumah dan mempengerusikan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (2003), Persidangan Kemuncak Islam Kesepuluh (2003) dan Persidangan Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) 1998. Persidangan APEC 2020 mencatatkan rekod sebagai persidangan yang pertama kali diadakan secara maya di mana APEC Putrajaya Vision 2040 dilancarkan. Komitmen Malaysia terhadap keamanan dan keselamatan antarabangsa terbukti melalui sokongan kuat Malaysia terhadap Resolusi 2334 UNSC pada tahun 2016 yang menggesa supaya Israel menghentikan penempatan haram di wilayah rakyat Palestin.

Malaysia masih menghadapi tahap defisit sosial yang menjejaskan kesepaduan sosial. Keharmonian dan perpaduan masyarakat terjejas sekali-sekala apabila berlakunya pergolakan dalam masyarakat. Penyakit sosial seperti jenayah juvana, keganasan rumah tangga dan perceraian semakin meningkat. Beberapa cabaran sosiopolitik masih wujud dan perlu ditangani dalam merancang pembangunan masa hadapan.

[2] Negara yang aman diukur berdasarkan tiga domain: tahap keselamatan dan ketenteraman masyarakat, tahap konflik domestik dan antarabangsa, dan tahap pengaruh ketenteraan.

[3] Indeks Demokrasi memberi gambaran mengenai keadaan demokrasi di seluruh dunia melibatkan 165 negara bebas berdasarkan lima kategori, iaitu proses pilihan raya dan pluralisme; tahap kawalan kerajaan; penyertaan politik; budaya politik; dan kebebasan awam.

Penutup

Wawasan 2020 merupakan aspirasi dan visi yang mempunyai matlamat yang besar untuk mengubah Malaysia menjadi sebuah negara maju sepenuhnya menjelang tahun 2020. Ketika dilancarkan pada tahun 1991, Wawasan 2020 menggariskan matlamat ideal yang disusuli dengan rancangan pembangunan jangka sederhana dan panjang untuk mencapai status negara maju. Dasar pembangunan telah berubah mengikut peredaran masa, namun objektif utama Wawasan 2020 iaitu perpaduan nasional masih kekal sebagai prinsip panduan dalam merangka dasar. Walaupun kemajuan yang ketara telah dicapai dalam tempoh 30 tahun yang lalu, sembilan cabaran yang dikenal pasti di bawah Wawasan 2020 masih belum dapat diatasi sepenuhnya disebabkan oleh beberapa isu struktur ekonomi domestik dan krisis ekonomi pada peringkat global. WKB 2030, yang akan dilaksana mulai tahun 2021, bermatlamat untuk menangani isu-isu ini di samping memastikan semua rakyat Malaysia mencapai taraf hidup yang wajar pada tahun 2030.

Mengimbas Kembali Pencapaian

Keluaran Dalam Negeri Kasar


Ekonomi Malaysia telah berkembang pesat semenjak tahun 1971 walaupun berhadapan dengan beberapa krisis ekonomi yang disebabkan oleh kejutan luaran.

5.2%
Pertumbuhan
KDNK
1991-2020

Dalam tempoh 1991 hingga 2020, **keluaran dalam negeri kasar (KDNK)** benar berkembang sebanyak 5.2% setahun, disokong oleh permintaan domestik yang kukuh, terutamanya perbelanjaan penggunaan swasta.

Malaysia telah mengekalkan guna tenaga penuh sejak tahun 1992, kecuali pada tahun 2020 disebabkan pandemik COVID-19.


Pertumbuhan KDNK, % setahun



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pendapatan Negara Kasar Per Kapita


PNK per kapita telah berkembang hampir enam kali ganda daripada RM7,382 (AS$2,730) pada tahun 1990 kepada RM42,503 (AS$10,111) pada tahun 2020.



5.8x
Peningkatan
PNK
Per Kapita
dari Tahun
1990 hingga 2020

Keluaran Dalam Negeri Kasar Per Kapita

Jurang **KDNK per kapita** antara wilayah masih berterusan. Walau bagaimanapun, semua wilayah telah mencatatkan peningkatan KDNK per kapita pada tahun 2020 berbanding 2005. Wilayah Tengah dan Sarawak mencatatkan tahap KDNK per kapita melebihi purata nasional.



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pendidikan

Pada hari ini, rakyat Malaysia memiliki tahap pendidikan yang lebih tinggi dengan 32% daripada tenaga buruh mempunyai **kelayakan peringkat tertiari**. Ini merupakan peningkatan lebih daripada tiga kali ganda berbanding pada tahun 1990. Kualiti pendidikan tinggi juga bertambah baik seperti ditunjukkan oleh peningkatan kebolehpasaran graduan dan kedudukan universiti tempatan yang lebih baik pada peringkat global.



32%
Tenaga Buruh dengan Kelayakan Tertiari pada Tahun 2020



Sejak tahun 1990, enrolmen pelajar di **sekolah rendah** terus melebihi 95% enrolmen sejagat. Pada peringkat **pendidikan menengah**, kadar enrolmen meningkat kepada 92.4% pada tahun 2020 berbanding 48% pada tahun 1990.

92.4%
Kadar Enrolmen Pendidikan Menengah pada Tahun 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Kementerian Pendidikan Malaysia

Kemiskinan dan Agihan Pendapatan

Insiden kemiskinan berkurang dengan ketara daripada 16.5% pada tahun 1989 kepada 5.6% pada tahun 2019. Insiden kemiskinan pelbagai dimensi dalam kalangan isi rumah berdasarkan **Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi[1] (MPI)** juga berkurang daripada 0.015 pada tahun 2016 kepada 0.011 pada tahun 2019.

Pendapatan purata bulanan isi rumah meningkat lebih enam kali ganda daripada RM1,169 pada tahun 1989 kepada RM7,901 pada tahun 2019. Manakala **pendapatan purata bulanan isi rumah B40** pula meningkat daripada RM424 pada tahun 1989 kepada RM3,152 pada tahun 2019. Ketidaksamaan pendapatan juga bertambah baik dengan **pekali Gini** berkurangan daripada 0.442 pada tahun 1989 kepada 0.407 pada tahun 2019.

5.6%
Insiden Kemiskinan pada Tahun 2019

6.8x
Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah pada Tahun 2019 berbanding 1989

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[1] MPI menggambarkan insiden kemiskinan pelbagai dimensi dan intensiti ketersisihan.

Infrastruktur dan Kemudahan Asas

Penyediaan **infrastruktur dan kemudahan asas** juga telah bertambah baik. Akses yang lebih baik kepada pusat kesihatan awam telah meningkat pada tahun 2019. Liputan infrastruktur jalur lebar dan akses kepada bekalan air bersih dan terawat, bekalan elektrik, jalan berturap luar bandar juga telah meningkat sehingga akhir tahun 2020.



92.6%
Akses[2] kepada Pusat Kesihatan Awam pada Tahun 2019

95.1%
Akses kepada Bekalan Air Bersih dan Terawat pada Tahun 2020



95.5%
Liputan Jalur Lebar di Kawasan Berpenduduk pada Tahun 2020



98%
Akses kepada Bekalan Elektrik pada Tahun 2020



3,982km
Akses kepada Jalan Berturap Luar Bandar dalam Tempoh 2016 hingga 2020

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara

[2] Jarak dari tempat kediaman ke pusat kesihatan awam yang kurang dari 5km pada tahun 2019.

Perumahan dan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Bagi meningkatkan taraf hidup kumpulan berpendapatan rendah, lebih 1.16 juta unit **rumah kos rendah** telah dibina dalam tempoh 1999 hingga 2020.




1.16juta
Unit dari Tahun 1999 hingga 2020

Perkhidmatan penjagaan kesihatan telah meningkat seperti ditunjukkan oleh **nisbah doktor kepada penduduk,** iaitu 1:482 pada tahun 2019 berbanding 1:2,533 pada tahun 1990. **Jangka hayat ketika lahir** meningkat kepada 74.7 pada tahun 2019 berbanding 70.9 pada tahun 1990. Ini adalah lebih baik daripada sasaran purata global oleh Bank Dunia, iaitu 73.4 tahun. **Nisbah katil hospital** bagi setiap 1,000 penduduk juga telah meningkat kepada 1.95 pada tahun 2019 berbanding 1.3 pada tahun 1990.

Nisbah Doktor kepada Penduduk
1:482
pada Tahun 2019

Jangka Hayat
74.7
pada Tahun 2019

Nisbah Katil Hospital bagi setiap 1,000 Penduduk
1.95:1,000
pada Tahun 2019



Sumber: Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Maklumat Harta Tanah Negara

Ekonomi Hijau

29.4%
Pengurangan Intensiti Pelepasan GHG kepada KDNK pada Akhir Tahun 2016

Dalam meningkatkan kelestarian alam sekitar, Malaysia telah mencatatkan pengurangan **intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK** sebanyak 29.4% pada akhir tahun 2016 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.



20.7%
Purata Bahagian GGP antara Tahun 2016 dan 2019

Dalam tempoh 2016 hingga 2019, purata bahagian **perolehan hijau kerajaan (GGP)** kepada perolehan kerajaan bagi kategori produk dan perkhidmatan hijau terpilih adalah 20.7%, melepasi sasaran 20% dan yang ditetapkan.

Sumber: Kementerian Alam Sekitar dan Air serta Kementerian Kewangan

Kedudukan Antarabangsa

IMD World Competitiveness Yearbook 2021 oleh *Institute for Management Development* (IMD) telah meletakkan Malaysia pada kedudukan **ke-25** sebagai ekonomi paling berdaya saing dalam kalangan 64 negara.

Doing Business 2020 Report oleh Bank Dunia telah meletakkan Malaysia pada kedudukan **ke-12** dalam kalangan 190 negara dari segi memudahkan urusan menjalankan perniagaan.

The Global Competitiveness Report 2019 oleh *World Economic Forum* telah meletakkan Malaysia pada kedudukan **ke-27** sebagai ekonomi paling berdaya saing berbanding 141 negara lain.



Integriti

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah ditubuhkan pada tahun 2009 sebagai badan bebas, telus dan profesional yang menggantikan Badan Pencegah Rasuah.

Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) telah ditubuhkan pada tahun 2018 untuk memberi khidmat nasihat kepada Kerajaan berkaitan tadbir urus, integriti dan inisiatif antirasuah.

Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) telah diperkenalkan pada tahun 2019 untuk mewujudkan negara bebas rasuah. NACP menggantikan Pelan Integriti Nasional (PIN) yang telah dilancarkan pada tahun 2004 untuk membangunkan masyarakat yang beretika.

Indeks Persepsi Rasuah 2020 oleh *Transparency International* telah meletakkan Malaysia pada kedudukan **ke-57** dalam kalangan 180 negara.



Malaysia yang Makmur, Inklusif dan Mampan pada Masa Hadapan

Objektif RMKe-12 adalah untuk Malaysia mencapai status negara yang makmur, inklusif dan mampan sejajar dengan WKB 2030 dan Agenda 2030. Pertumbuhan ekonomi yang mampan akan membolehkan pengagihan ekonomi secara lebih adil, saksama dan inklusif kepada semua kumpulan pendapatan, etnik dan wilayah. Ini akan menyediakan taraf hidup yang lebih baik kepada semua rakyat Malaysia. RMKe-12 juga merangkumi strategi dan inisiatif bagi memelihara keselamatan dan kedaulatan negara. Ini adalah penting untuk memastikan pembangunan sosioekonomi yang mampan.

RMKe-12 adalah bertunjangkan tiga tema yang menumpukan kepada usaha menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan. Teras ini disokong oleh empat pemangkin dasar yang menumpukan kepada usaha membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkukuh perkhidmatan awam bagi mencapai negara yang lebih makmur, inklusif dan mampan.

Selaras dengan RMKe-12 yang transformatif, pemacu perubahan yang merupakan idea baharu dan inovatif yang mencetus peralihan pemikiran dan mengubah dengan ketara pendekatan dalam membangunkan negara akan diperkenalkan. Pemacu perubahan ini akan memastikan Malaysia mencapai objektif WKB 2030, iaitu pertumbuhan mampan seiring dengan pengagihan yang adil dan saksama antara kumpulan pendapatan, etnik, wilayah dan rantaian bekalan. Pemacu Perubahan I merangkumi elemen penting dalam RMKe-12 yang diperlukan untuk mencapai pembaharuan dan transformasi yang dihasratkan.

Pemacu Perubahan I

Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi

Mengapa pembaharuan dan transformasi diperlukan?

Pandemik COVID-19 memberi kesan kepada ekonomi di seluruh dunia dan status quo tidak wajar dikekalkan. Pertumbuhan negatif bagi empat suku tahunan disebabkan oleh kemerosotan aktiviti ekonomi. RMKe-12 dirangka dengan tujuan berikut:

- Membangun semula dan membina kembali ekonomi dengan lebih mantap.
- Menangani ketidaktentuan landskap ekonomi global.
- Mengatasi kelemahan dalam pendekatan pembangunan, tadbir urus dan pelaksanaan.
- Memberi harapan dan keyakinan mengenai masa hadapan negara, terutama kepada golongan belia.

Bagaimana ini dapat dicapai?

RMKe-12 dirangka untuk mentransformasi ekonomi negara. Bagi memastikan ia komprehensif, transformasi ini merangkumi perkara-perkara berikut:

- Mentransformasi kepimpinan melibatkan keseluruhan peringkat Kerajaan.
- Memantau prestasi di peringkat nasional dan melaksanakan intervensi penyelesaian masalah.
- Dasar yang mengutamakan rakyat diterapkan dalam perancangan sosioekonomi.
- Pendekatan keseluruhan negara digembleng bagi mencapai matlamat negara.
- Memperkukuh ekosistem tadbir urus.
- Sokongan politik untuk memastikan kejayaan perubahan dasar.
- Mempertingkat kerjasama dalam kalangan agensi kerajaan, sektor swasta, akademia, CSO dan rakyat.
- Memperkukuh identiti Malaysia, menerapkan nilai murni dan patriotisme.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Pencapaian WKB 2030 dan Agenda 2030.
- Negara yang makmur, berpendapatan tinggi, inklusif, rendah karbon, berteknologi tinggi dan mampan.
- Negara yang berdaya saing pada peringkat global.
- Negara yang bersatu padu, harmoni dan bermaruah.

Tema RMKe-12

Kerajaan komited untuk melaksanakan inisiatif radikal yang memacu perubahan bagi memastikan objektif kemakmuran, inklusiviti dan kemampanan dapat dicapai dalam tempoh RMKe-12. Penekanan akan diberi kepada usaha menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan.

Tema 1
Menjana Semula Ekonomi

Tema 1 memberi tumpuan kepada mengembalikan semula momentum pertumbuhan sektor ekonomi utama dan melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) untuk meletakkan pertumbuhan pada trajektori yang mampan dan juga untuk mengukuhkan kedudukan Malaysia dalam rantaian bekalan global. Malaysia akan beralih kepada aktiviti ekonomi yang bernilai tambah dan berkemahiran tinggi serta menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi yang dipacu oleh teknologi termaju. Dalam tempoh lima tahun akan datang, usaha bersepadu akan dilaksanakan untuk mencergaskan semula semua sektor ekonomi iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pengkuarian serta pembinaan. Selain itu, pertumbuhan produktiviti akan dilonjakkan, pasaran eksport diperluas, keberkesanan ekosistem pengantara kewangan diperkukuh, peranan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan dipergiat serta dasar dan tadbir urus ditambah baik. Tumpuan juga akan diberi untuk mempercepat pembangunan lapan industri dan aktiviti strategik dan berimpak tinggi, iaitu elektrik dan elektronik (E&E), perkhidmatan global (GS), aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biojisim. Di samping itu, usaha akan dilaksanakan untuk mengukuhkan penyertaan PMKS dalam ekonomi dan meningkatkan keupayaan keusahawanan.

Tema 1 menggariskan dua pemacu perubahan dalam menjana semula ekonomi iaitu memacu industri strategik dan berimpak tinggi bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi dan mentransformasi PMKS sebagai pemacu pertumbuhan baharu. Pemacu Perubahan II bertujuan untuk meningkatkan sumbangan industri dan aktiviti strategik dan berimpak tinggi ini kepada ekonomi dengan memanfaatkan teknologi termaju, pendigitalan dan keupayaan khusus. Pelaburan sektor swasta juga akan dirangsang terutama yang mengutamakan elemen persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) bagi menyokong agenda ekonomi hijau. Manakala, Pemacu Perubahan III akan mempercepat pembangunan PMKS melalui penerimagunaan teknologi dan pendigitalan bagi mengamalkan norma baharu dalam aktiviti perniagaan serta meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi untuk PMKS beralih daripada pasaran domestik kepada pasaran global dan memanfaatkan gerakan koperasi dalam pembangunan usahawan. Langkah ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing dan ekosistem perniagaan sekali gus meningkatkan sumbangan PMKS kepada ekonomi.

Tema 2
Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti

Tema 2 memberi penekanan kepada pengukuhan keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti. Dalam memastikan pertahanan dan keselamatan negara, usaha pencegahan jenayah serta rehabilitasi dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan akan dipertingkat manakala kebajikan anggota Angkatan Tentera Malaysia dan penguat kuasa akan ditambah baik. Keutamaan akan diberikan kepada pengukuhan tadbir urus keselamatan. Penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan akan terus menjadi fokus dalam meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Usaha untuk mempertingkat kesiapsiagaan melawan pelbagai jenis penyakit dan memperluas liputan penjagaan kesihatan akan diteruskan. Bekalan rumah mampu milik yang berkualiti akan dipertingkat dengan menambah baik akses kepada rumah mampu milik dan tadbir urus serta memastikan perumahan yang inklusif. Gaya hidup aktif dalam kalangan rakyat akan terus digalakkan dengan membangunkan ekosistem sukan yang menyeluruh. Perpaduan dalam kepelbagaian akan diperkukuh untuk mengekalkan masyarakat yang harmoni dan negara yang makmur. Menangani kemiskinan serta merapatkan jurang ketidaksaksamaan dalam kalangan kumpulan berpendapatan rendah, ketidaksaksamaan keberhasilan sosioekonomi Bumiputera, pembangunan sosioekonomi Orang Asli yang rendah dan ketersisihan sosial dalam kumpulan sasar khusus akan diberi penekanan. Usaha akan dipergiat untuk mempercepat pembangunan yang lebih inklusif antara wilayah dan negeri, serta merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar. Pembangunan di Sabah dan Sarawak akan terus dipergiat untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan rakyat.

Tema 2 memberi penekanan kepada empat pemacu perubahan, iaitu memantapkan keselamatan dan perpaduan negara untuk pembinaan negara bangsa, memperkukuh sistem penjagaan kesihatan bagi memastikan negara yang sihat dan produktif, mentransformasi pendekatan bagi membasmi kemiskinan tegar, serta menggandakan pertumbuhan negeri kurang membangun terutamanya di Sabah dan Sarawak bagi merapatkan jurang pembangunan. Dalam usaha membina negara bangsa dan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi aktiviti ekonomi serta kehidupan yang selamat dan harmoni untuk rakyat, isu pertahanan dan keselamatan negara serta perpaduan akan terus diberi penekanan. Kemunculan pandemik COVID-19 telah menguji kekuatan dan respons sistem penyampaian penjagaan kesihatan di seluruh dunia. Oleh itu, memperkukuh sistem penjagaan kesihatan adalah penting untuk memastikan rakyat mempunyai akses yang saksama kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan serta meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi krisis kesihatan pada masa hadapan. Menangani kemiskinan secara menyeluruh dan meningkatkan tahap kehidupan rakyat adalah pemangkin bagi mencapai inklusiviti yang lebih baik dan meningkatkan kehidupan terutama miskin tegar, B40 dan kumpulan mudah terjejas. Usaha ini akan mengurangkan jurang pendapatan dan meningkatkan taraf hidup isi rumah dalam kalangan kumpulan pendapatan dan etnik yang berbeza. Potensi negeri kurang membangun akan dioptimumkan. Aktiviti ekonomi akan dipergiat manakala infrastruktur dan ketersambungan akan dipertingkat. Dalam hubungan ini, nisbah pendapatan luar bandar kepada bandar akan ditambah baik, manakala KDNK per kapita, purata pertumbuhan KDNK dan pendapatan penengah isi rumah negeri kurang membangun akan terus meningkat.

Tema 3
Melonjakkan Kemampanan

Tema 3 memberi tumpuan kepada mempercepat pertumbuhan hijau serta mempertingkat kemampanan tenaga dan mentransformasi sektor air. Tempoh lima tahun akan datang bakal menyaksikan peralihan seluruh negara kepada amalan ekonomi dan gaya hidup yang lebih mampan yang menghargai khazanah semula jadi dan kesihatan alam sekitar. Peralihan ini akan menangani isu perubahan iklim, amalan penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan, kehilangan biodiversiti, pelaksanaan dasar yang tidak selaras dan pengurusan sumber air yang tidak cekap. Dalam tempoh RMKe-12, pertumbuhan hijau akan dipertingkat untuk mencapai kemampanan dan daya tahan. Perkongsian tanggungjawab bersama bagi mencapai matlamat negara rendah karbon akan diberi penekanan, manakala faedah daripada penggunaan sumber semula jadi akan dikongsi secara lebih saksama. Sektor tenaga dan air akan diuruskan secara menyeluruh dan mampan dengan mengimbangi keperluan bekalan dan permintaan. Pembangunan sektor tenaga akan berpandukan prinsip trilema tenaga, manakala bagi sektor air tumpuan akan diberi dalam memastikan jaminan bekalan air untuk semua.

Dua pemacu perubahan akan dilaksanakan di bawah Tema 3, iaitu menerima guna ekonomi kitaran dan mempergiat penerimagunaan pengurusan sumber air bersepadu (IWRM). Peralihan kepada ekonomi kitaran akan mempertingkat kecekapan dan keberkesanan kos dengan ketara serta mengurangkan tekanan kepada alam sekitar. Ia juga akan menjadikan ekonomi lebih inovatif dan berdaya saing serta mewujudkan peluang baharu untuk pertumbuhan hijau. Langkah mempergiat penerimagunaan IWRM merupakan fasa permulaan kepada transformasi sektor air. Pelaksanaan dasar dan strategi yang berkesan di bawah Tema 3 akan menyumbang kepada pertumbuhan yang lebih mampan dan berdaya tahan, serta pencapaian Agenda 2030.

Pemangkin Dasar RMKe-12

Pencapaian sasaran yang ditetapkan di bawah tiga tema menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan disokong oleh empat pemangkin dasar yang difokuskan untuk membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkukuh perkhidmatan awam. Pemangkin dasar ini membentuk asas dan komponen penting pembangunan Malaysia sepanjang lima tahun akan datang dan tahun-tahun seterusnya.

Pemangkin Dasar 1

Membangunkan Bakat Masa Hadapan

Sasaran pertumbuhan dalam RMKe-12 akan memerlukan pembangunan bakat berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu yang berlarutan di dalam pasaran buruh dan sektor pendidikan seperti peratusan pampasan pekerja (CE) kepada KDNK yang rendah, ketidakcekapan pasaran buruh, akses yang terhad kepada pendidikan yang berkualiti dan kelemahan tadbir urus institusi pendidikan. Pandemik COVID-19 telah meningkatkan kadar pengangguran dan mewujudkan norma baharu dalam cara rakyat bekerja dan perniagaan beroperasi. Oleh itu, RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat masa hadapan dengan menjajarkan semula pasaran buruh, pendidikan dan latihan. Antara inisiatif utama yang akan dilaksana bagi penjajaran semula pasaran buruh termasuk menggalakkan CE yang lebih saksama, meningkatkan penyertaan tenaga buruh dan memperkukuh sistem yang menyokong pasaran buruh. Selain itu, sistem pendidikan dan latihan akan ditambah baik dengan meningkatkan kualiti pendidikan serta memanfaatkan teknologi baru muncul.

Menambah baik ekosistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) bagi membangunkan bakat tersedia masa hadapan akan diperkenal sebagai pemacu perubahan bagi memenuhi permintaan industri dengan lebih baik. Sebagai pemangkin utama dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia, ekosistem TVET yang kukuh akan membolehkan negara menangani isu yang masih berlarutan seperti kebergantungan kepada pekerja asing serta CE dan outcome pelajar yang rendah. Teknologi baru muncul seperti realiti maya, realiti terimbuh dan kecerdasan buatan akan dimanfaatkan untuk menjadi pelengkap kepada aktiviti praktikal dalam pengajaran dan pembelajaran sedia ada serta penyelidikan dan pembangunan di dalam makmal dan bengkel. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini akan menghasilkan pasaran buruh yang fleksibel yang seterusnya menyumbang kepada peningkatan taraf hidup rakyat.

Pemangkin Dasar 2

Mempercepat Penerimagunaan Teknologi dan Inovasi

Penerimagunaan teknologi dan inovasi merupakan pemangkin asas bagi pertumbuhan di semua sektor. Proses pendigitalan akan dipercepat dan penerimagunaan teknologi termaju, khususnya teknologi Revolusi Perindustrian Keempat (4IR), akan digalakkan bagi mencapai ekonomi berasaskan teknologi tinggi. Melalui langkah ini, Malaysia akan menangani isu kekurangan infrastruktur dan perkhidmatan digital, tadbir urus yang tidak bersepadu, jurang digital yang melebar, keupayaan dan kemampuan penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) yang rendah, serta penerimagunaan teknologi yang perlahan. RMKe-12 akan mempercepat penerimagunaan teknologi digital dan teknologi termaju untuk mewujudkan peluang baharu. Ini akan memaksimumkan potensi ekonomi digital serta mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan. Bakat dan kemahiran yang diperlukan untuk memacu ekonomi digital dan 4IR akan ditingkatkan manakala R&D&C&I akan dipergiat. Malaysia juga akan menarik pelaburan dalam ekonomi digital secara agresif untuk menjadi peneraju di rantau ini. Keutamaan akan diberi kepada mengarus perdana pendigitalan untuk mencapai pembangunan yang inklusif, mempercepat R&D&C&I serta memanfaatkan potensi teknologi termaju.

Pemangkin dasar ini menggariskan dua pemacu perubahan dalam mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi. Pemacu ini adalah meningkatkan ketersambungan digital untuk pembangunan inklusif serta menjajarkan R&D untuk pengkomersialan, penjanaan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi. Kejayaan melaksanakan pemangkin dasar ini antaranya akan memastikan 100% liputan 4G di kawasan berpenduduk, liputan 5G yang lebih luas, 100% isi rumah di bandar dan di luar bandar melanggan internet, perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada KDNK sebanyak 2.5%, sumbangan e-dagang kepada KDNK sebanyak 10.5% dan sumbangan ekonomi digital kepada KDNK sebanyak 25.5%. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini dijangka meningkatkan daya saing dan daya tahan negara, sekali gus menjadikan Malaysia lebih bersedia mencapai status negara yang berasaskan teknologi tinggi.

Pemangkin Dasar 3

Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan

Pengangkutan dan logistik memainkan peranan penting dalam memudah cara pertumbuhan dalam semua sektor ekonomi. Penekanan akan terus diberikan kepada peningkatan ketersambungan batuan pertama dan akhir, daya saing industri dan memperkukuh tadbir urus sektor ini. Walaupun begitu, cabaran dalam memenuhi permintaan untuk ketersambungan yang lancar serta infrastruktur pengangkutan dan logistik yang berdaya harap terus menghalang usaha memenuhi permintaan yang semakin meningkat.

Penyediaan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang cekap dan inklusif akan terus diberi perhatian dengan meningkatkan kebolehcapaian pengangkutan awam, mempertingkat fasilitasi perdagangan dan memperkukuh institusi serta rangka kerja kawal selia. Usaha akan dilaksana bagi menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir melalui rangkaian rel dan jalan raya yang bersepadu antara lapangan terbang, pelabuhan, kawasan perindustrian dan bandar. Keupayaan infrastruktur dan perkhidmatan pelabuhan akan dipertingkat, manakala pendekatan pergerakan kargo pelbagai mod dengan pengendali perkhidmatan yang sama akan diguna pakai. Di samping itu, mentransformasikan ekosistem logistik bagi kecekapan yang lebih baik telah dikenal pasti sebagai pemacu perubahan bagi sektor logistik. Inisiatif akan diambil untuk memusatkan perancangan dan pembangunan hab logistik, mempercepat penerimagunaan teknologi, mendorong penggabungan dan pengambilalihan dalam kalangan pemain industri, menubuhkan agensi tunggal sempadan dan menggubal rangka kerja kawal selia bagi pergudangan dan ekonomi maritim. Usaha ini akan menyokong dan memudahkan aktiviti ekonomi dan menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara.

Pemangkin Dasar 4

Memperkukuh Perkhidmatan Awam

Pemangkin dasar ini pada asasnya menyokong semua tema dan pemangkin dasar yang lain bagi menggalakkan kesejahteraan rakyat serta memastikan pembangunan sosioekonomi di Malaysia secara berterusan. Sektor awam akan terus mempergiat pendigitalan, membuat keputusan berpaksikan rakyat, mempercepat pelaksanaan projek serta menyelaras dan meningkatkan kerjasama antara tiga peringkat kerajaan. Memandangkan terdapat jurang dalam bakat, ekosistem tadbir urus dan pengurusan projek, sektor awam akan terus diperkukuh dengan memberi penekanan kepada integriti dan ketelusan. Dalam tempoh RMKe-12, keutamaan akan diberi untuk membangunkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, meningkatkan pendekatan keseluruhan kerajaan serta memantapkan pengurusan belanjawan dan projek.

Transformasi perkhidmatan awam melalui pendekatan keseluruhan kerajaan akan menjadi pemacu perubahan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan serta memanfaatkan sumber sedia ada secara optimum. Pendekatan ini penting untuk mengkaji dan menyusun semula struktur dan fungsi kementerian dan agensi serta memastikan pengasingan peranan dan tanggungjawab yang jelas antara Anggota Pentadbiran dan penjawat awam. Di samping itu, memperkukuh mekanisme pemilihan pegawai pengurusan tertinggi, menambah baik mekanisme pengambilan pegawai pengurusan dan profesional serta mempercepat pendigitalan akan meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan awam. Pelaksanaan pemangkin dasar ini, antara lain akan menambah baik pencapaian Malaysia untuk berada dalam kedudukan 30 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah dan sembilan teratas bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *IMD World Competitiveness Yearbook* serta memastikan 80% perkhidmatan dalam talian Kerajaan Persekutuan akan tersedia dari peringkat awal ke akhir pada tahun 2025.

Cabaran dan Peluang

Sepanjang tempoh lima tahun akan datang, ekonomi Malaysia bakal berhadapan dengan beberapa cabaran dan peluang. Kadar pemulihan ekonomi bergantung kepada pelaksanaan vaksinasi dan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) serta keberkesanan langkah yang dilaksanakan di bawah pakej rangsangan. Peningkatan hutang dan defisit fiskal untuk membiayai pakej rangsangan tersebut akan menjejaskan kemampanan fiskal melainkan jika langkah tersebut disertai usaha konsolidasi fiskal dalam jangka sederhana. Pertumbuhan ekonomi yang berterusan dalam jangka sederhana akan bergantung juga kepada keupayaan meningkatkan kadar transformasi struktur serta peralihan kepada penghasilan produk dan perkhidmatan bernilai tambah yang lebih tinggi dalam semua sektor ekonomi. Ini akan memerlukan usaha yang berkesan bagi menangani jurang kemahiran dan bakat, memacu R&D&C&I dan meningkatkan kesiapsiagaan untuk menguasai teknologi baharu berikutan 4IR.

Dalam aspek sosial, peningkatan risiko kesihatan dan perubahan demografi menimbulkan beberapa cabaran. Peningkatan insiden penyakit tidak berjangkit (NCD) dan keperluan untuk menguruskan pandemik COVID-19, termasuk pelaksanaan Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan, akan memberi tekanan yang lebih besar kepada sistem penjagaan kesihatan. Malaysia perlu membuat persiapan yang menyeluruh untuk menghadapi cabaran yang wujud berikutan peningkatan peratusan masyarakat tua menjelang tahun 2030. Negara berhadapan dengan cabaran menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan serta keperluan meningkatkan taraf hidup B40 dan M40 dengan pendekatan yang lebih bersasar. Usaha untuk merapatkan jurang pembangunan antara wilayah juga menjadi cabaran. Walaupun kadar urbanisasi yang pesat menyediakan peluang ekonomi dan pekerjaan baharu, namun ia memberi cabaran untuk menyediakan infrastruktur serta bekalan tenaga dan bekalan air yang mencukupi.

Meskipun berdepan dengan cabaran ini, Malaysia akan memanfaatkan kekuatan dan kelebihan untuk mempercepat pembangunan sosioekonomi. Asas ekonomi makro yang kukuh, struktur ekonomi dan eksport yang pelbagai, inflasi yang rendah dan stabil serta sektor kewangan dengan modal yang kukuh terus menjadi kekuatan utama ekonomi Malaysia. Kedudukan Malaysia yang terletak berhampiran dengan ekonomi utama Asia membolehkannya menjadi hab kepada beberapa industri.

Kerajaan tetap komited untuk memastikan Malaysia terus menjadi destinasi pelaburan yang menarik dengan memperkenalkan pembaharuan dasar dan peraturan kawal selia serta penambahbaikan tadbir urus. Sektor swasta akan terus menjadi rakan pembangunan utama kepada Kerajaan selaras dengan Dasar Persyarikatan Malaysia dan akan terus memainkan peranan yang penting dalam merealisasikan matlamat WKB 2030 dan Agenda 2030. Ekosistem yang menyokong penyertaan sektor swasta dalam pembangunan akan terus ditambah baik seperti memudah cara peraturan kawal selia serta meningkatkan libat urus dan konsultasi dengan sektor swasta dalam merangka dasar. Penyampaian perkhidmatan awam akan diperkukuh bagi memudahkan urusan menjalankan perniagaan.

Sasaran Terpilih RMKe-12

Dalam tempoh RMKe-12, ekonomi global dijangka kembali mencapai momentum pertumbuhan berikutan pemulihan daripada pandemik COVID-19. Perdagangan dunia dijangka meningkat sebanyak 5.3% setahun, disokong terutamanya oleh prestasi perdagangan yang lebih baik daripada pasaran baru muncul dan negara membangun. Seiring dengan pemulihan ekonomi global, ekonomi Malaysia dijangka berkembang antara 4.5% hingga 5.5% setahun, dengan PNK per kapita yang lebih tinggi, iaitu RM57,882 atau AS$14,842 pada tahun 2025.

Usaha untuk mempercepat peningkatan produktiviti akan diteruskan di bawah RMKe-12. Ini akan menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti buruh yang lebih tinggi. Tumpuan akan diberi untuk mempercepat kesediaan mendepani 4IR, menyediakan persekitaran yang menyokong ekonomi digital, mempergiat R&D&C&I serta membangunkan bakat yang diperlukan. Di samping itu, jangkaan keadaan pasaran buruh yang lebih baik membolehkan Malaysia mencapai semula tahap guna tenaga penuh dalam tempoh RMKe-12. Kadar upah dan gaji juga dijangka meningkat seiring dengan tumpuan yang lebih banyak diberikan kepada pertumbuhan ekonomi yang inklusif. Ini seterusnya akan menyumbang kepada pendapatan isi rumah yang lebih tinggi. Kesejahteraan rakyat dijangka terus ditambah baik, disokong oleh kemajuan ekonomi dan sosial serta keterangkuman pembangunan wilayah. Sasaran terpilih RMKe-12 adalah seperti di ***Paparan I-1***.

Paparan I-1

Sasaran Terpilih RMKe-12

Indikator	Pencapaian RMKe-11	Sasaran RMKe-12
Pertumbuhan KDNK, setahun	*2.7%*	*4.5%~5.5%*
PNK Per Kapita, akhir tempoh	RM42,503	RM57,882
Pertumbuhan Produktiviti Buruh, setahun	*1.1%*	*3.6%*
Pampasan Pekerja, akhir tempoh (% daripada KDNK)	*37.2%*	*40.0%*
Purata Pendapatan Bulanan Isi Rumah, akhir tempoh	RM7,160	RM10,065
Pertumbuhan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, setahun	*0.5%*	*1.2%*

Pemacu Perubahan

Pemacu Perubahan I: Kepentingan Melaksanakan Pembaharuan dan Transformasi

RMKe-12 perlu bersifat transformasi bagi menangani ketidaktentuan ekonomi global, cabaran struktur ekonomi domestik dan kelemahan dalam pendekatan pembangunan. Dalam hal ini, antara elemen yang akan diterapkan dalam RMKe-12 adalah dasar yang mengutamakan rakyat, pendekatan keseluruhan negara dan sokongan politik. Ini akan memastikan kejayaan pelaksanaan WKB 2030 dan Agenda 2030. Pembaharuan dan transformasi adalah penting untuk mencapai negara yang makmur, berteknologi tinggi, inklusif dan mampan, seterusnya membolehkan Malaysia lebih bersatu padu, harmoni dan bermaruah.

Tema 1: Menjana Semula Ekonomi

Pemacu Perubahan II: Memangkinkan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi

Menjana semula ekonomi bagi menghadapi cabaran ekonomi semasa dan masa hadapan tertumpu kepada membina ketahanan dan daya saing dengan memanfaatkan penerimagunaan teknologi termaju, pendigitalan dan keupayaan khusus. Oleh itu, E&E, GS, aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biojisim telah dikenal pasti sebagai industri dan aktiviti strategik, dan berimpak tinggi yang akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi. Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan ditumpukan kepada mempercepat peralihan industri ini kepada yang lebih sofistikated dengan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bernilai ditambah yang tinggi, memperluas pasaran global dan menarik pelaburan berkualiti serta menyumbang kepada pencapaian agenda ekonomi hijau.

Pemacu Perubahan III: Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana sebagai Pemacu Baharu Pertumbuhan

Mengutamakan pendigitalan PMKS sebagai agenda nasional merupakan pemacu perubahan utama bagi ekonomi. Ini akan membolehkan PMKS termasuk usahawan Bumiputera untuk melaksanakan transformasi, bersaing dan menembusi pasaran global. PMKS akan dilengkapkan dengan kemahiran bagi membolehkan mereka mendigitalkan operasi perniagaan menjelang tahun 2025. Bagi meningkatkan daya saing, PMKS juga akan dibantu untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang setanding dengan piawaian antarabangsa. Ekosistem yang kondusif dan menyeluruh akan disediakan untuk menyokong PMKS. Ini termasuk memberi peluang kedua kepada usahawan yang telah mencuba namun menemui kegagalan kerana kejayaan tidak semestinya dicapai pada

percubaan pertama. Pesuruhjaya akan dilantik untuk membantu perniagaan kecil menerima bayaran tepat pada waktunya dan menyelesaikan pertikaian pembayaran. Selain itu, gerakan koperasi akan lebih dimanfaatkan dalam membangunkan usahawan.

Tema 2: Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti

Pemacu Perubahan IV: Memantapkan Keselamatan dan Perpaduan Negara untuk Pembinaan Negara Bangsa

Keselamatan dan perpaduan negara terus menjadi keutamaan dalam mengekalkan sebuah negara yang teguh dan berdaya tahan. Pelan yang menyeluruh akan dilaksanakan dalam mengekang aktiviti yang menyalahi undang-undang di sempadan dan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara yang baharu akan diperkenal dalam memastikan keupayaan pertahanan dan keselamatan yang mampan. Di samping itu, penggunaan teknologi terkini yang meluas serta penglibatan yang besar daripada komuniti akan memudahkan pendekatan keseluruhan negara dalam membanteras jenayah. Menyedari keperluan untuk membina negara bangsa, interaksi sosial dalam kalangan rakyat akan terus dipupuk melalui program perpaduan, sukan dan aktiviti keagamaan. Patriotisme dan kesukarelawanan akan terus diperkukuh melalui penggunaan platform digital dan platform media lain bagi membina kesepaduan sosial dan perpaduan untuk memastikan keamanan dan keharmonian.

Pemacu Perubahan V: Memperkukuh Sistem Penjagaan Kesihatan bagi Memastikan Negara yang Sihat dan Produktif

Pandemik COVID-19 membuktikan pentingnya negara mempunyai sektor penjagaan kesihatan yang kukuh dan terdapat keperluan untuk menggunakan pendekatan keseluruhan negara bagi memastikan pengurusan wabak dan krisis kesihatan yang lebih baik pada masa hadapan. Iktibar daripada pengurusan pandemik COVID-19 akan dimanfaatkan bagi memperkukuh perkhidmatan penjagaan kesihatan. Sumber dan tanggungjawab akan diselaras serta perkhidmatan penjagaan kesihatan akan diperkemas melalui kerjasama antara sektor awam, swasta dan CSO. Di samping itu, sebuah model pembiayaan kesihatan yang lebih mampan akan diperkenal dan perkhidmatan penjagaan kesihatan akan didigitalkan untuk mempergiat penyampaian.

Pemacu Perubahan VI: Mentransformasi Pendekatan bagi Membasmi Kemiskinan Tegar

Dalam menangani kemiskinan tegar, semua rakyat miskin tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi akan dibantu. Inisiatif berani dan radikal berdasarkan keperluan akan dibangunkan bagi membantu golongan miskin tegar dan miskin dalam kalangan B1. Inisiatif ini termasuk menubuhkan unit kemiskinan yang khusus di peringkat Persekutuan dan daerah, serta mewujudkan pangkalan data kemiskinan yang bersepadu dan berpusat. Potensi bagi pengenalan cukai khusus untuk membiayai program menangani kemiskinan akan dikaji. Pelaksanaan inisiatif ini akan memastikan kemiskinan tegar dapat dibasmi pada tahun 2025 di samping rakyat menikmati taraf kehidupan wajar.

Pemacu Perubahan VII: Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama di Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan

Keutamaan akan diberi kepada Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu dengan mengagihkan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas[2] (DE Asas). Pembangunan negeri tersebut akan dipacu oleh nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan sebagai hab aktiviti ekonomi. Kawasan luar bandar akan terus dibangunkan dengan mempergiat pembangunan industri dan mempelbagai aktiviti ekonomi melalui pertanian pintar dan berkelompok. Di samping itu, aktiviti rentas sempadan akan dipertingkat untuk mempercepat pembangunan sempadan. Beberapa projek bagi menambah baik infrastruktur dan ketersambungan akan dilaksanakan. Pelaksanaan kepada usaha ini akan mempercepat pertumbuhan di kawasan kurang membangun serta memastikan pembangunan yang lebih seimbang dan keterangkuman yang lebih baik.

[2] Peruntukan untuk program dan projek bagi mencapai objektif dan strategi yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Contoh program dan projek DE Asas adalah pembinaan sekolah, hospital, jalan raya, kawasan perindustrian dan program pembasmian kemiskinan.

Tema 3: Melonjakkan Kemampanan

Pemacu Perubahan VIII: Menerima Guna Ekonomi Kitaran

Menyedari keperluan untuk menangani cabaran dalam mengimbangi pembangunan sosioekonomi dan kelestarian alam sekitar, model ekonomi kitaran akan diterima guna. Sektor awam dan swasta digalakkan untuk menerima pakai dan mengintegrasikan SDG dan prinsip ESG dalam membuat keputusan. Selain daripada mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan hijau dan memastikan jaminan sumber, ekonomi kitaran akan mengurangkan penjanaan sisa, pencemaran, pelepasan GHG dan kebergantungan kepada sumber asli. Bagi mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran, ekosistem yang menyokong akan disediakan, manakala lebih banyak model ekonomi perkongsian akan digalakkan. Penggunaan bahan dikitar semula dan kitar semula sisa pengeluaran akan dipertingkat, manakala tanggungjawab pengeluar dalam menguruskan produk mereka yang tamat tempoh hayat akan diperluas. Kesemua inisiatif ini akan mengembangkan ekonomi hijau dan memudah cara pencapaian masa hadapan yang rendah karbon.

Pemacu Perubahan IX: Mempergiat Penerimagunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu

Kerajaan menyedari bahawa sektor air perlu ditransformasi secara menyeluruh bagi menjamin bekalan dan kemampanan air. Pengurusan sumber air yang kurang berkesan, pemahaman yang terhad dan kurangnya kesedaran telah menyebabkan alam sekitar terjejas dan menimbulkan implikasi sosial seterusnya memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. RMKe-12 akan menjadi asas kepada agenda transformasi sektor air yang komprehensif dengan mempergiat penerimagunaan IWRM. Pendekatan keseluruhan negara bagi melibatkan semua pihak berkepentingan akan diguna pakai untuk memupuk rasa pemilikan dan tanggungjawab bagi memelihara dan memulihara sumber yang berharga. Tadbir urus sumber air akan diperkukuh bagi menguruskan sumber air dengan berkesan melalui penyemakan undang-undang dan penubuhan pusat bersepadu untuk data dan R&D&C&I berkaitan air. Kemampanan kewangan penyedia perkhidmatan air akan dipertingkat supaya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik.

Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan

Pemacu Perubahan X: Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan

Ketersediaan pekerja teknikal mahir adalah penting dalam menentukan kejayaan penerimagunaan Industri 4.0. Dalam hubungan ini, adalah penting jurang sedia ada dalam ekosistem TVET dikurangkan. Bagi mencapai hasrat ini, daya tarikan serta kualiti penyampaian dan latihan TVET akan dipertingkat melalui penambahbaikan akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan. Sistem penarafan bagi institusi TVET akan diperkenalkan dengan agihan peruntukan akan berdasarkan kepada beberapa komponen termasuk kebolehpasaran, kadar upah graduan, kerjasama industri dan pelaksanaan inisiatif sosial di kawasan luar bandar. Ini akan menyediakan graduan TVET untuk menjadi bakat tersedia masa hadapan.

Pemangkin Dasar 2: Mempercepat Penerimagunaan Teknologi dan Inovasi

Pemacu Perubahan XI: Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif

Keputusan Kerajaan untuk memperkenalkan perkhidmatan telekomunikasi sebagai utiliti awam akan meningkatkan ketersambungan internet yang membolehkan rakyat mendapat akses yang saksama serta pada kadar yang berpatutan, terjamin dan berkualiti. Dalam usaha merapatkan jurang digital, Kerajaan akan memastikan pelajar dan golongan mudah terjejas mendapat akses kepada peranti digital. Pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) akan meningkatkan ketersambungan digital dan mencapai sepenuhnya liputan 4G di kawasan berpenduduk, serta membolehkan 100% isi rumah melanggan internet. Penubuhan Digital Nasional Berhad (DNB) akan mempercepat penyediaan liputan 5G untuk pengalaman pengguna yang lebih baik.

Pemacu Perubahan XII: Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjanaan Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi

Pengkomersialan memainkan peranan penting dalam menggalakkan pemindahan pengetahuan, pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan. Dalam tempoh RMKe-12, 50% daripada dana penyelidikan Kerajaan akan ditumpukan kepada penyelidikan pembangunan eksperimental dengan potensi pengkomersialan yang tinggi. Ini akan diselaraskan oleh Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) yang baru ditubuhkan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Matlamat Malaysia adalah untuk mengikut jejak kejayaan ekonomi yang telah beralih daripada negara berpendapatan sederhana kepada berpendapatan tinggi. Negara-negara ini telah melaburkan peratusan dana penyelidikan yang ketara dalam aktiviti penyelidikan yang dapat dikomersialkan.

Pemangkin Dasar 3: Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan

Pemacu Perubahan XIII: Mentransformasi Ekosistem Logistik bagi Meningkatkan Kecekapan

Logistik merupakan sektor yang amat diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi negara. Oleh itu, perkhidmatan logistik yang cekap adalah penting bagi memastikan pergerakan barangan yang lancar. Walau bagaimanapun, industri yang tidak bersepadu, penerimagunaan teknologi yang rendah, perancangan dan pelaksanaan yang tidak terselaras serta tadbir urus yang lemah telah mengakibatkan kualiti perkhidmatan yang sederhana dan kos yang tinggi secara relatif. Dalam RMKe-12, Kerajaan akan mentransformasi perkhidmatan logistik dengan memusatkan perancangan dan pembangunan hab logistik, mempercepat penerimagunaan teknologi dan menggalakkan penggabungan dan pengambilalihan dalam kalangan pemain industri. Agensi tunggal sempadan untuk fasilitasi perdagangan akan diwujudkan manakala rangka kerja kawal selia nasional akan digubal bagi pergudangan dan ekonomi maritim. Inisiatif ini akan mewujudkan penyedia perkhidmatan logistik yang berdaya tahan dan berdaya saing, meningkatkan daya saing perdagangan antarabangsa serta menambah baik struktur tadbir urus.

Pemangkin Dasar 4: Memperkukuh Perkhidmatan Awam

Pemacu Perubahan XIV: Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

Integriti, akauntabiliti dan ketelusan akan dipertingkat merentas perkhidmatan awam. Struktur dan fungsi kementerian dan agensi akan dikaji dan disusun semula bagi mewujudkan organisasi yang lebih mendatar, sekali gus mengurangkan kerenah birokrasi, meningkatkan ketelusan serta menggunakan sumber secara optimum. Akta bagi perkhidmatan awam akan diperkenal untuk memperkukuh prinsip pengasingan kuasa antara cabang eksekutif, perundangan dan kehakiman. Kerajaan akan meningkatkan lagi budaya berasaskan prestasi dalam perkhidmatan awam serta memperkukuh mekanisme pemilihan pegawai pengurusan tertinggi. Mekanisme pengambilan pegawai pengurusan dan profesional juga akan ditambah baik dalam memperoleh bakat yang terbaik. Di samping itu, usaha mempercepat pendigitalan dan pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia dalam sektor awam akan meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan awam.

Kesimpulan

RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada beberapa keutamaan strategik yang akan mengubah Malaysia. Ia merupakan panduan yang amat penting kepada Malaysia dalam mengharungi cabaran pandemik COVID-19 dan ketidakpastian ekonomi global. RMKe-12 dirangka bagi menjana pemulihan ekonomi yang mampan serta menyediakan perlindungan sosial yang lebih baik untuk kumpulan masyarakat yang mudah terjejas.

Sepanjang lima tahun akan datang tumpuan akan diberikan kepada pencapaian tiga tema yang telah dikenal pasti iaitu menjana semula ekonomi, memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti serta melonjakkan kemampanan. Tema ini akan disokong oleh pemangkin dasar untuk bakat, teknologi, infrastruktur pengangkutan dan perkhidmatan awam, selaras dengan objektif kemakmuran, inklusiviti dan kemampanan di bawah WKB 2030 dan Agenda 2030.

Bab 1

Memperkukuh Asas Ekonomi Makro

Pendahuluan 1-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 1-3

Isu dan Cabaran 1-16
- Produktiviti dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang Rendah 1-17
- Kualiti Pelaburan yang Rendah 1-17
- Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlahan 1-18
- Jurang Pembangunan antara Negeri yang Melebar 1-19
- Bahagian Pampasan Pekerja yang Rendah 1-19
- Manfaat yang Terhad daripada Penyertaan Rantaian Nilai Global 1-20
- Konsolidasi Fiskal Jangka Sederhana yang Tertangguh 1-21
- Pertumbuhan Ekonomi yang Memberi Kesan kepada Alam Sekitar 1-21

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 1-21
- Meningkatkan Produktiviti untuk Mengekalkan Pertumbuhan Berkualiti 1-26
- Menggalakkan Pelaburan Berkualiti untuk Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi 1-26
- Mempercepat Peralihan Struktur Ekonomi bagi Meningkatkan Rantaian Nilai 1-28
- Mengurangkan Ketidaksamaan Pembangunan bagi Menggalakkan Keseimbangan Wilayah 1-29
- Meningkatkan Bahagian Pampasan Pekerja untuk Menambah Baik Taraf Hidup Pekerja 1-30
- Memanfaatkan Penyertaan dalam Rantaian Nilai Global bagi Memperkukuh Perdagangan dan Imbangan Pembayaran 1-30
- Memperkukuh Tadbir Urus Fiskal untuk Menambah Baik Pengurusan Kewangan Awam 1-31
- Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Meningkatkan Kemampanan Alam Sekitar 1-31

Kesimpulan 1-33

1

Pendahuluan

Ekonomi Malaysia berada pada landasan pertumbuhan yang disasarkan dalam tempoh 2016 hingga 2019. Pertumbuhan ini dipacu oleh permintaan domestik yang kekal kukuh serta sektor luar yang berkembang sederhana, dalam persekitaran global yang mencabar. Perbelanjaan isi rumah disokong oleh pasaran buruh yang stabil, inflasi yang rendah dan pendapatan isi rumah yang meningkat. Beberapa isu utama masih wujud, termasuk peralihan struktur ekonomi yang perlahan, peluang perdagangan antarabangsa yang terhad, konsolidasi fiskal yang tertangguh, ketidaksamarataan tahap sosioekonomi dan pembangunan ekonomi yang memberi kesan kepada alam sekitar. Tahun terakhir Wawasan 2020 adalah tahun yang paling mencabar berikutan pandemik COVID-19 yang di luar dugaan. Pertumbuhan ekonomi kurang daripada sasaran yang telah ditetapkan bagi RMKe-11.

RMKe-12 merupakan pelan pemulihan ekonomi jangka sederhana dan jangka panjang bagi menangani kesan pandemik COVID-19 dan meletakkan ekonomi kembali ke landasan pertumbuhan jangka panjang. Ekonomi negara dijangka berkembang semula dengan kadar pertumbuhan yang lebih kukuh dan mampan dalam tempoh 2021-2025. Daya tahan ekonomi Malaysia akan dimantapkan supaya lebih mampu menghadapi cabaran semasa dan yang akan datang dalam mencapai objektif WKB 2030. Bagi menghadapi cabaran ini, strategi ekonomi makro akan ditumpukan kepada peningkatan produktiviti, menggalakkan pelaburan berkualiti, mempercepat peralihan struktur ekonomi, meningkatkan penyertaan dalam rantaian nilai global (GVC) dan memastikan kemampanan fiskal dalam jangka panjang. Keseimbangan wilayah akan terus menjadi keutamaan bagi merapatkan jurang antara negeri, manakala pertumbuhan hijau akan diberi penekanan sejajar dengan Agenda 2030. Dalam tempoh RMKe-12, ekonomi negara dijangka berkembang pada kadar 4.5% hingga 5.5% setahun. Ini disokong oleh permintaan domestik yang kukuh dan sumbangan yang lebih besar daripada sektor luar.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Persekitaran Ekonomi Luaran

Sebagai sebuah ekonomi terbuka, pertumbuhan ekonomi Malaysia turut dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi global. Pertumbuhan ekonomi global menyederhana pada kadar 3.4% setahun antara tahun 2016 hingga 2019 ketika berhadapan dengan beberapa kejutan ekonomi. Antara kejutan tersebut adalah dasar mengutamakan pasaran dalam negeri dan normalisasi dasar monetari dalam kalangan ekonomi utama, ketidakpastian hasil rundingan Brexit serta harga komoditi yang tidak menentu. Ekonomi lima negara utama[1] Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN-5) mencatat pertumbuhan sebanyak 5.2% setahun. Ekonomi Amerika Syarikat (AS) pula berkembang sebanyak 2.3% didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh dan keadaan pasaran buruh yang lebih baik. Ekonomi Republik Rakyat China (PRC) yang berkembang pada kadar yang tinggi sebelum ini telah menyederhana kepada 6.6% setahun berikutan ketegangan perdagangan dan langkah mengimbangi semula ekonomi yang dipacu oleh pertumbuhan domestik.

Ekonomi global mengalami kemelesetan pada tahun 2020, iaitu yang pertama sejak Krisis Kewangan Global 2008/2009, dengan penguncupan sebanyak 3.3%. Punca utama kemelesetan ini adalah pandemik COVID-19. Ia telah menjejaskan lebih daripada 200 negara yang memberi kesan sosial yang ketara menyebabkan tingkah laku norma baharu. Keadaan ini juga telah mengganggu aktiviti ekonomi dan rantaian bekalan global berikutan pelaksanaan langkah kawalan pergerakan dan perjalanan bagi mengekang penularan COVID-19. Pertumbuhan ekonomi global secara keseluruhan berkembang sebanyak 2% setahun dalam tempoh RMKe-11.

Perdagangan dunia meningkat sebanyak 0.7% setahun dalam tempoh RMKe-11, iaitu lebih rendah daripada pertumbuhan ekonomi global. Ini terutama disebabkan oleh ketegangan perdagangan yang semakin meruncing dalam kalangan ekonomi utama, antara lain telah mengakibatkan tarif yang lebih tinggi. Selain itu, harga minyak mentah yang kekal rendah, kitaran elektronik global yang menurun dan pandemik COVID-19 pada tahun 2020 turut menjejaskan perdagangan dunia. Walau bagaimanapun, inflasi dunia terus berada pada tahap sederhana, iaitu pada purata 3.2% setahun dalam tempoh 2016 hingga 2020. Ini sebahagiannya disumbangkan oleh harga komoditi yang berterusan rendah.

Ekonomi Dalam Negeri

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan purata tahunan yang sederhana pada kadar 2.7% bagi tempoh RMKe-11 berikutan penurunan yang ketara disebabkan pandemik COVID-19. Pertumbuhan ini dipacu oleh peningkatan produktiviti, permintaan dalam negeri yang kukuh serta sektor luar yang berkembang sederhana. Pertumbuhan dalam penggunaan swasta telah dipacu oleh perbelanjaan isi rumah yang disokong oleh keadaan pasaran buruh yang menggalakkan, kadar inflasi yang rendah dan bantuan tunai daripada Kerajaan. Dari segi penawaran, pertumbuhan diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Bahagian pampasan pekerja (CE)[2] kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) telah meningkat dan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) telah bertambah baik. Semua negeri telah mencatat pertumbuhan positif, namun jurang KDNK per kapita berbanding purata nasional semakin melebar. Defisit fiskal pula meningkat berikutan pelaksanaan dasar fiskal mengembang oleh Kerajaan bagi mengurangkan impak pandemik COVID-19 kepada rakyat, perniagaan dan ekonomi.

Pendapatan negara kasar (PNK) per kapita pada harga semasa meningkat sebanyak 3% setahun daripada RM36,710 (AS$9,399) pada tahun 2015 kepada RM42,503 (AS$10,111) pada tahun 2020, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-1*. Berdasarkan pendapatan minimum yang ditetapkan oleh Bank Dunia bagi ekonomi berpendapatan tinggi sebanyak AS$12,696 pada tahun 2020, Malaysia perlu meningkatkan pendapatan sebanyak 20.4% lagi untuk keluar daripada status negara berpendapatan sederhana tinggi. Berdasarkan pariti kuasa beli[3], PNK per kapita negara yang dianggarkan oleh Bank Dunia telah mencecah AS$28,780 pada tahun 2019. Ini meletakkan Malaysia dalam kumpulan 27 persentil teratas daripada 190 negara.


[1] Filipina, Indonesia, Malaysia, Thailand dan Vietnam.

[2] Jumlah saraan, wang tunai atau bukan berbentuk wang, yang dibayar oleh sesebuah perusahaan kepada pekerja.

[3] Kadar tukaran mata wang yang menyamaratakan kuasa beli bagi mata wang yang berbeza di antara negara (Bank Dunia).

Paparan 1-1

Pendapatan Negara Kasar Per Kapita, 2015 dan 2020



Nota: *Kadar purata tukaran mata wang asing sebanyak AS$1= RM4.203 pada tahun 2020.
Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan
Unit Perancang Ekonomi

Pencapaian Matlamat Pelbagai Dimensi


Enam matlamat pembangunan sosioekonomi pelbagai dimensi telah ditetapkan dalam tempoh RMKe-11 yang merangkumi aspek kuantitatif dan kualitatif, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-2*. Hanya satu daripada enam matlamat tersebut telah dicapai, iaitu produktiviti buruh. Pertumbuhan KDNK, PNK per kapita, bahagian CE kepada KDNK, purata pendapatan bulanan isi rumah dan MyWI tidak dapat mencapai sasaran. KDNK berada di landasan untuk mencatat pertumbuhan dalam lingkungan sasaran sebanyak 4.9% setahun sepanjang tempoh 2016 hingga 2019. Walau bagaimanapun, penguncupan pada tahun 2020 yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 telah menjejaskan pencapaian pertumbuhan bagi keseluruhan tempoh RMKe-11. Pandemik ini juga telah menyebabkan keadaan pasaran buruh yang tidak memberangsangkan sehingga menjejaskan pendapatan pekerja dan isi rumah, seterusnya mengakibatkan bahagian CE kepada KDNK, purata pendapatan bulanan isi rumah dan MyWI yang lebih rendah.

Pencapaian Sasaran Ekonomi Makro Terpilih

Hanya empat daripada 12 sasaran ekonomi makro terpilih telah dicapai dalam tempoh RMKe-11, iaitu penggunaan awam benar, imbangan perdagangan, akaun semasa imbangan pembayaran dan inflasi, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-3*. Pertumbuhan penggunaan awam benar meningkat disokong oleh perbelanjaan Kerajaan bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan. Imbangan perdagangan dan akaun semasa imbangan pembayaran telah melebihi sasaran disebabkan oleh prestasi import yang lembap berikutan permintaan dalam negeri yang rendah. Inflasi stabil dan lebih rendah daripada sasaran disebabkan oleh perbelanjaan isi rumah yang menyederhana dan harga minyak mentah dunia yang lebih rendah. Sasaran ekonomi makro yang lain tidak dapat dicapai berikutan permintaan dalam negeri dan luar negara yang rendah.

Paparan 1-2

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Matlamat Pelbagai Dimensi




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Paparan 1-3

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Ekonomi Makro Terpilih


Penggunaan dan Pelaburan

Purata Pertumbuhan Pelaburan Swasta Benar




2016-2020

Purata Pelaburan Swasta pada Harga Semasa




setahun

Purata Pertumbuhan Pelaburan Awam Benar




2016-2020

Purata Pelaburan Awam pada Harga Semasa




setahun

Purata Pertumbuhan Penggunaan Swasta Benar



2016-2020


Purata Pertumbuhan Penggunaan Awam Benar



2016-2020

Pengangguran


Kadar Pengangguran



2020

Inflasi


Kadar Purata Inflasi Tahunan



2016-2020


Perdagangan Antarabangsa

Purata Pertumbuhan Eksport Kasar




2016-2020

Imbangan Perdagangan




2020

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran



2020




2020

Baki Fiskal

Peratusan Baki Fiskal kepada KDNK



2020




Produktiviti

Dalam tempoh RMKe-11, pertumbuhan ekonomi terus dipacu oleh input modal dan buruh, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-4*. Sumbangan produktiviti pelbagai faktor (MFP) kepada pertumbuhan KDNK benar telah meningkat daripada 23.2% dalam tempoh RMKe-10 kepada 39.3% dalam tempoh RMKe-11. Peningkatan ini berlaku disebabkan oleh pelbagai langkah yang diambil untuk meningkatkan produktiviti. Ini termasuk semakan semula amalan dan dasar kawal selia, menanda aras amalan terbaik bagi mengurangkan kos menjalankan perniagaan serta menambah baik kerjasama antara sektor awam dan swasta bagi melonjakkan daya saing negara. Pelbagai inisiatif juga telah dilaksana di bawah Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) bagi meningkatkan potensi produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan.

Paparan 1-4

Faktor Pengeluaran, 2011-2020

Pertumbuhan, % setahun
Bahagian kepada pertumbuhan ditunjukkan dalam kurungan, %



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga malar 2015.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Secara keseluruhan, produktiviti buruh meningkat dengan kadar 1.1% setahun dalam tempoh RMKe-11 daripada RM84,114 bagi setiap pekerja pada tahun 2015 kepada RM89,025 pada tahun 2020, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-5*. Pertumbuhan produktiviti merentas semua sektor perlahan berikutan impak pandemik COVID-19 kepada nilai ditambah dan guna tenaga. Pertumbuhan ini diterajui oleh sektor pembuatan yang disumbang oleh peningkatan produktiviti merentas semua subsektor. Bagi sektor perkhidmatan, peningkatan produktiviti dicatatkan dalam subsektor perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT), pengangkutan dan penyimpanan serta utiliti. Pertumbuhan produktiviti dalam sektor pembinaan pula disokong oleh peningkatan penerimagunaan teknologi dan kaedah pembinaan moden. Pertumbuhan produktiviti sektor pertanian mencatat pertumbuhan yang perlahan disebabkan oleh penurunan dalam subsektor agrikomoditi. Pertumbuhan produktiviti dalam sektor perlombongan dan pengkuarian pula kekal sederhana berikutan penurunan berterusan dalam pengeluaran minyak mentah dan kondensat sejak tahun 2017.

Paparan 1-5

Produktiviti Buruh mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2020

Sektor	RM '000 Setiap Pekerja, pada Harga Malar 2015		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar		RMKe-11	
	2015	2020	Sasaran	Sebenar
Pertanian	52.0	53.3	*0.2*	*0.5*
Perlombongan dan Pengkuarian	1,303.6	1,247.6	*4.2*	*-0.9*
Pembuatan	110.3	120.7	*3.9*	*1.8*
Pembinaan	36.5	38.3	*4.3*	*1.0*
Perkhidmatan	79.1	84.3	*3.9*	*1.3*
Keseluruhan	**84.1**	**89.0**	***3.2***	***1.1***

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Permintaan Agregat


Perbelanjaan swasta terus menerajui peningkatan permintaan dalam negeri. *Penggunaan swasta* meningkat sebanyak 4.7% setahun dalam tempoh RMKe-11, didorong oleh dasar monetari yang akomodatif, keadaan pasaran buruh yang menggalakkan dan pertumbuhan kadar upah yang stabil. Walaupun terkesan dengan pandemik COVID-19, penggunaan swasta kekal berdaya tahan disokong oleh langkah rangsangan ekonomi melalui Bantuan Prihatin Nasional, moratorium pinjaman dan pengeluaran dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) i-Lestari dan i-Sinar. Langkah ini menyumbang kepada peningkatan sumbangan penggunaan swasta kepada KDNK daripada 54% pada tahun 2015 kepada 60.8% pada tahun 2020. *Pelaburan swasta* meningkat sebanyak 1.2% setahun dalam tempoh

RMKe-11 walaupun mencatat pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 4.8% setahun dalam tempoh 2016 hingga 2019, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-6*. Pelaburan swasta menguncup sebanyak 11.9% pada tahun 2020 berikutan pertumbuhan ekonomi global yang lebih perlahan dan sentimen pelabur yang lemah. Pelaburan langsung asing (FDI) turut mencatat penurunan daripada RM39.4 bilion pada tahun 2015 kepada RM32.4 bilion pada tahun 2019. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan FDI yang telah menyusut kepada RM14.6 bilion pada tahun 2020.

Pelaburan awam menguncup sebanyak 7.9% setahun dalam tempoh RMKe-11. Penguncupan ini sebahagiannya disebabkan oleh penangguhan dan penyusunan semula keutamaan projek mega termasuk projek Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL). *Penggunaan awam* berkembang sebanyak 3.2% setahun, disokong oleh perbelanjaan Kerajaan bagi emolumen serta bekalan dan perkhidmatan.

Paparan 1-6

Pelaburan Awam dan Swasta, 2015-2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi


Keluaran mengikut Sektor

Daripada sudut penawaran, semua sektor ekonomi kecuali sektor perlombongan dan pembinaan mencatat pertumbuhan positif. Sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi penyumbang utama kepada pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RMKe-11, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-7*. Sektor perlombongan menguncup berikutan gangguan dalam pengeluaran. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula pada Mac 2020 untuk mengekang penularan COVID-19 telah menjejaskan pertumbuhan sektor perkhidmatan, khususnya industri berkaitan pelancongan.

Sektor perkhidmatan meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 3.8%. Pertumbuhan ini dipacu oleh subsektor pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi serta perdagangan borong dan runcit, yang disokong oleh penggunaan dalam negeri yang kukuh. Selain itu, subsektor maklumat dan komunikasi berkembang sebanyak 7.5% setahun. Ia disumbang oleh peningkatan aktiviti telekomunikasi, komputer dan maklumat yang tinggi. Di samping itu, aktiviti e-dagang turut menyumbang kepada pertumbuhan ini berikutan semakin ramai rakyat Malaysia beralih kepada pembelian produk dan perkhidmatan secara dalam talian.

Paparan 1-7

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2020



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga malar 2015.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Sektor pembuatan meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 3.3%. Pertumbuhan ini dipacu oleh industri berorientasikan eksport, terutama produk elektrik dan elektronik (E&E) yang berkembang pada kadar 5.6% setahun serta subsektor petroleum, kimia, getah dan plastik yang berkembang pada kadar 2.8% setahun. Di samping itu, industri berintensif pengetahuan[4] meningkat sebanyak 3.3% setahun, antara lain disokong oleh peningkatan dalam produk petroleum bertapis, bahan kimia & produk kimia dan produk farmaseutikal serta komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan produk elektronik pengguna.

Pertumbuhan *sektor pertanian* meningkat secara marginal sebanyak 0.4% setahun. Subsektor agrikomoditi menguncup sebanyak 2.3% setahun, terutama disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit yang rendah berikutan penggunaan baja yang rendah dan cuaca yang kurang baik, khususnya pada tahun 2019. Selain itu, subsektor agromakanan berkembang sebanyak 3% setahun, terutama disumbangkan oleh peningkatan dalam pengeluaran ternakan, sayur-sayuran dan buah-buahan. Subsektor ini menyumbang sebanyak 53.3% kepada sektor pertanian pada tahun 2020 berbanding 46.8% pada tahun 2015.

Sektor perlombongan menguncup sebanyak 2.2% setahun dalam tempoh RMKe-11. Penguncupan ini disebabkan oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang rendah berikutan penutupan fasiliti pengeluaran minyak dan gas yang dirancang dan tidak dirancang. Di samping itu, komitmen Malaysia kepada Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan sekutu bukan OPEC untuk mengehadkan pengeluaran bagi menstabilkan harga minyak global turut menyumbang kepada penguncupan sektor ini.


Sektor pembinaan menguncup secara marginal sebanyak 0.7% setahun, terutama disebabkan oleh pengurangan aktiviti pembinaan dalam tempoh RMKe-11. Di samping itu, beberapa projek kejuruteraan awam telah ditangguhkan dan dikaji semula. Selain itu, subsektor kediaman dan bukan kediaman menguncup disebabkan oleh stok hartanah tidak terjual yang tinggi.

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri

Semua negeri mencatat pertumbuhan positif dalam tempoh RMKe-11, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-8*. Selangor, Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur[5], Johor dan Sarawak kekal sebagai

Paparan 1-8

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri, 2016-2020



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga malar 2015.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

[4] Termasuk kertas dan produk kertas, percetakan dan pengeluaran semula media rakaman, produk petroleum bertapis, bahan kimia & produk kimia, jentera dan peralatan, komputer dan kelengkapan peranti, kelengkapan elektrik, komponen & papan elektronik, peralatan komunikasi dan elektronik pengguna, pembuatan peralatan perubatan, ketepatan & optik, kenderaan bermotor dan peralatan pengangkutan.

[5] Termasuk WP Putrajaya.

penyumbang utama kepada ekonomi negara pada tahun 2020. Negeri-negeri ini menyumbang sebanyak 59.4% kepada KDNK nasional berbanding 57.9% pada tahun 2015. Wilayah Persekutuan serta tujuh negeri, iaitu Selangor, Pulau Pinang, Kelantan, Perak, Kedah, Johor dan Negeri Sembilan mencatat pertumbuhan ekonomi melebihi purata nasional sebanyak 2.7% setahun. Pertumbuhan bagi kebanyakan negeri ini diterajui oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Kebanyakan negeri yang mencatat pertumbuhan di bawah purata nasional pula bergantung kepada pengeluaran komoditi. Pertumbuhan negeri Sabah dan Sarawak terjejas terutamanya oleh harga minyak mentah, kelapa sawit dan getah yang rendah.


Dalam tempoh RMKe-11, setiap negeri terus memanfaatkan kekuatan ekonomi masing-masing untuk memacu pertumbuhan. Sektor perkhidmatan terus menjadi penyumbang terbesar merentas semua negeri, terutama WP Kuala Lumpur, WP Labuan, Perlis, Kelantan, Perak dan Selangor. Sektor pembuatan pula merupakan sektor kedua terbesar bagi kebanyakan negeri. Bagi ekonomi Sabah dan Sarawak, sektor perlombongan adalah penting. Manakala, sektor pertanian kekal sebagai antara penyumbang utama di Pahang, Kelantan, Perlis, Sabah dan Perak.

Keluaran Dalam Negeri Kasar Berdasarkan Pendapatan

Lebihan kendalian kasar[6] (GOS) dijangka kekal menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK dengan pertumbuhan sebanyak 3.7% setahun dalam tempoh RMKe-11, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-9*. Walau bagaimanapun, sumbangan GOS kepada KDNK ini dijangka berkurang sedikit daripada 60.2% pada tahun 2015 kepada 60.1% pada tahun 2020 disebabkan oleh pendapatan korporat yang rendah berikutan pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan. Selain itu, CE menunjukkan trend yang meningkat dan dijangka menyumbang sebanyak 37.2% kepada KDNK pada tahun 2020 berbanding 35% pada tahun 2015. Purata pertumbuhan bagi CE dijangka sebanyak 5% setahun, dipacu terutama oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Ini berikutan usaha yang telah dilaksana untuk mereformasi pasaran buruh dan meningkatkan produktiviti buruh serta agihan kekayaan yang lebih baik. Oleh itu, pendapatan purata bulanan isi rumah meningkat daripada RM6,958 pada tahun 2016 kepada RM7,901 pada tahun 2019.

Paparan 1-9

Keluaran Dalam Negeri Kasar Berdasarkan Pendapatan, 2015 dan 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

[6] Pendapatan pemilik modal dan pendapatan campuran.

Perdagangan Antarabangsa dan Imbangan Pembayaran

Malaysia adalah sebuah ekonomi terbuka dengan jumlah perdagangan menyumbang sebanyak 116.4%[7] kepada KDNK dan terus berada dalam kalangan 30 negara pengeksport[8] utama dunia. Sumbangan eksport kasar Malaysia kepada eksport dunia telah meningkat daripada 1.2% pada tahun 2015 kepada 1.3% pada tahun 2019. Eksport kepada rakan dagang utama, iaitu ASEAN, PRC, Jepun, Kesatuan Eropah (EU) dan AS menyumbang 70% daripada jumlah eksport pada tahun 2020. Dalam tempoh RMKe-11, *jumlah perdagangan* kekal kukuh dan berkembang sebanyak 4% setahun walaupun berhadapan dengan persekitaran luar yang mencabar. Antara cabaran utama adalah peningkatan ketegangan perdagangan antara ekonomi utama, kejatuhan harga minyak mentah, teknologi global yang berada pada kitaran menurun dan pandemik COVID-19 pada tahun 2020.

Eksport kasar meningkat sebanyak 4.8% setahun, terutamanya disebabkan oleh kenaikan dalam barangan pembuatan yang menyumbang 86.4% kepada jumlah eksport pada tahun 2020. Eksport barangan pembuatan meningkat sebanyak 6.3% setahun dipacu oleh E&E, bahan kimia, peralatan optik dan saintifik serta produk getah. Penggunaan semikonduktor yang lebih banyak dalam industri automotif, peralatan perubatan dan elektronik pengguna telah menyebabkan permintaan yang tinggi bagi produk E&E. Sumbangan 10 negara destinasi eksport utama meningkat daripada 70.9% pada tahun 2015 kepada 71.7% pada tahun 2020 dengan PRC, Hong Kong, AS dan Vietnam mewakili bahagian yang lebih tinggi.


Pertumbuhan eskport pertanian berkembang sebanyak 1.3% setahun disokong oleh minyak sawit dan produk berasaskan sawit yang meningkat sebanyak 2.7% setahun. Eksport barangan perlombongan menguncup sebanyak 6.5% setahun, terutama disebabkan oleh pendapatan eksport yang lebih rendah daripada minyak mentah dan gas asli cecair (LNG). Eksport minyak mentah menurun 6.3% setahun, sebahagian besarnya disebabkan oleh harga yang rendah. Di samping itu, hasil eksport LNG berkurang sebanyak 8.4% setahun disebabkan oleh permintaan yang lebih rendah daripada Jepun, yang menyumbang hampir 50% kepada jumlah eksport LNG.

Import kasar berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 3% dipacu oleh barangan pengantara dan barangan penggunaan serta eksport semula. Import barangan pengantara meningkat sebanyak 1.1% setahun sejajar dengan prestasi eksport barangan pembuatan yang stabil. Import barangan penggunaan pula meningkat sebanyak 3.4% setahun berikutan permintaan berterusan daripada isi rumah. Peningkatan import untuk eksport semula didorong oleh eksport semula produk E&E dan produk petroleum yang lebih tinggi. Selain itu, import barangan modal berkurang sebanyak 1.1% setahun sejajar dengan aktiviti pelaburan domestik yang lebih perlahan.

Secara keseluruhannya, dengan pertumbuhan eksport kasar yang lebih tinggi daripada import kasar, lebihan *imbangan perdagangan* melebar kepada RM184.8 bilion pada tahun 2020 berbanding RM91.6 bilion pada tahun 2015. *Akaun semasa imbangan pembayaran* mencatat lebihan yang lebih tinggi, iaitu daripada RM35.2 bilion atau 3.1% kepada PNK pada tahun 2015 kepada RM60 bilion atau 4.3% kepada PNK pada tahun 2020, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-10*.

Paparan 1-10

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran, 2015-2020



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga semasa.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[7] Sumbangan jumlah perdagangan barangan dan perkhidmatan kepada KDNK (2020).
[8] Laporan *Trade Profiles* oleh Pertubuhan Perdagangan Dunia (2020).

Lebihan akaun semasa ini disumbangkan oleh peningkatan lebihan akaun barangan yang lebih daripada mencukupi bagi mengimbangi defisit berterusan dalam akaun perkhidmatan dan pendapatan. Defisit akaun perkhidmatan menunjukkan pembayaran bersih yang berterusan bagi pengangkutan, perkhidmatan profesional dan teknikal serta harta intelek. Akaun perjalanan mencatat defisit buat pertama kali pada tahun 2020 sejak tahun 1989, terutama disebabkan oleh sekatan perjalanan antarabangsa berikutan pandemik COVID-19. Di samping itu, akaun pendapatan kekal berada dalam defisit berikutan penghantaran balik pendapatan dan dividen oleh pelabur asing serta kiriman wang oleh pekerja asing di Malaysia.

Malaysia terus mencatat kedudukan *rizab antarabangsa* yang kukuh. Paras rizab antarabangsa kekal mencukupi untuk memenuhi obligasi luar negeri jangka pendek dan menyediakan penampan yang mencukupi bagi menghadapi ketidaktentuan luaran. Sehingga 30 Jun 2021, rizab antarabangsa berada pada paras RM461.6 bilion bersamaan AS$111.1 bilion. Nilai ini adalah mencukupi untuk membiayai 8.2 bulan import tertangguh dan 1.1 kali jumlah hutang luar negeri jangka pendek.

Tahun terakhir dalam tempoh RMKe-11 lebih mencabar bagi sektor luar berikutan risiko ekonomi yang berterusan. Risiko ini termasuk ketidaktentuan dari segi jangka masa dan kesan daripada kejutan ekonomi disebabkan oleh pandemik COVID-19, kelembapan harga komoditi, perlindungan perdagangan dan isu geopolitik. Namun begitu, struktur eksport Malaysia yang pelbagai akan terus memperkukuh kedudukan akaun semasa imbangan pembayaran.


Kedudukan Fiskal Kerajaan Persekutuan

Pada awal tempoh RMKe-11, Kerajaan masih meneruskan usaha konsolidasi fiskal. Walau bagaimanapun, perubahan besar dalam keutamaan dasar serta langkah fiskal mengembang yang dilaksana pada penghujung RMKe-11 telah menjejaskan kedudukan fiskal negara. *Defisit fiskal* sebagai peratusan kepada KDNK berkurang daripada 3.2% pada tahun 2015 kepada 2.9% pada tahun 2017. Pencapaian ini disumbangkan oleh pelaksanaan pelbagai inisiatif, termasuk pengenalan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST), penambahbaikan pentadbiran dan pematuhan cukai, rasionalisasi dan pengoptimuman perbelanjaan, pengukuhan institusi fiskal dan penambahbaikan pengurusan belanjawan.

Perubahan besar dalam keutamaan dasar pada tahun 2018, terutama penggantian GST kepada Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) telah mengakibatkan peningkatan defisit fiskal kepada 3.7% kepada KDNK pada tahun 2018. Dasar fiskal mengembang telah dilaksanakan pada tahun 2020 bagi mengurangkan kesan pandemik COVID-19 yang melibatkan empat pakej rangsangan ekonomi[9] bernilai RM305 bilion yang merangkumi suntikan langsung fiskal sebanyak RM55 bilion. Pakej rangsangan ini bertujuan untuk mengurangkan kesan pandemik kepada ekonomi, memastikan kelangsungan perniagaan dan memelihara kesejahteraan rakyat berikutan langkah kawalan pergerakan yang dilaksana bagi membendung penularan COVID-19. Peningkatan perbelanjaan serta pengurangan hasil berikutan pertumbuhan KDNK dan harga minyak mentah yang rendah mengakibatkan defisit yang lebih tinggi sebanyak 6.2% kepada KDNK pada tahun 2020, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-11*.

Paparan 1-11

Kedudukan Fiskal Kerajaan Persekutuan, 2015 dan 2020



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga semasa.
Sumber: Kementerian Kewangan

[9] Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN), Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN PKS+), Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dan Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN (KITA PRIHATIN).

Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 telah diperkenal sebagai langkah jangka pendek untuk memberi fleksibiliti dalam membiayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi serta menginstitusikan mekanisme pelaksanaannya. Di bawah Akta ini, had statutori hutang kepada KDNK telah ditingkatkan untuk sementara kepada 60% sehingga penghujung tahun 2022. Di samping itu, beberapa langkah telah dilaksana untuk menambah baik pengurusan hutang, termasuk penubuhan Jawatankuasa Pengurusan Hutang pada tahun 2019. Secara keseluruhannya, *hutang Kerajaan Persekutuan* adalah sebanyak 62.1%[10] pada akhir-Disember 2020 berbanding 53.6% kepada KDNK pada tahun 2015.

Dasar fiskal mengembang masih diteruskan pada awal tempoh RMKe-12 dalam menangani krisis kesihatan dan krisis ekonomi. Sehingga Jun 2021, empat lagi pakej rangsangan ekonomi[11] telah diperkenalkan bernilai RM225 bilion termasuk suntikan langsung fiskal sebanyak RM25 bilion. Pakej rangsangan ini bertujuan untuk melindungi kebajikan rakyat, menyokong perniagaan, memperkukuh kedudukan ekonomi serta mempercepat pelaksanaan program vaksinasi bagi mengawal dan memutuskan rantaian jangkitan COVID-19.

Inflasi dan Pasaran Buruh

Dalam tempoh RMKe-11, *inflasi* menyederhana pada kadar purata 1.3% setahun. Inflasi mencapai tahap tertinggi sebanyak 2.9% setahun bagi tempoh 2016 hingga 2017 berikutan langkah untuk meningkatkan perbelanjaan isi rumah, seperti pengurangan sementara caruman KWSP, kenaikan gaji penjawat awam dan peningkatan harga komoditi. Kadar inflasi meningkat dengan lebih perlahan sebanyak 0.8% setahun bagi tempoh 2018 hingga 2019 berikutan pengenalan semula SST dengan kadar yang lebih rendah berbanding GST, pengekalan harga runcit bahan api dan kejatuhan harga minyak mentah global. Perbelanjaan isi rumah yang terhad berikutan pelaksanaan PKP serta kejatuhan harga minyak mentah global mengakibatkan inflasi negatif sebanyak 1.2% pada tahun 2020.

Malaysia terus mencatat guna tenaga penuh dalam tempoh empat tahun pertama RMKe-11 dengan *kadar pengangguran* sebanyak 3.3% pada tahun 2019. Prestasi ini didorong oleh pertumbuhan ekonomi yang kukuh dan penambahbaikan dalam pasaran buruh berikutan peningkatan pewujudan pekerjaan dan pengembangan tenaga buruh. Dalam tempoh 2016 hingga 2019, lebih kurang satu juta pekerjaan telah diwujudkan, terutama dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan. Pandemik COVID-19 memberi kesan ketara terhadap pasaran buruh berikutan kekangan yang dihadapi dalam aktiviti perniagaan dan pemberhentian kerja oleh sektor korporat. Kadar pengangguran meningkat kepada 4.5% pada tahun 2020.

Indikator Ekonomi Hijau


Indikator Ekonomi Hijau (GEI) yang diperkenalkan pada tahun 2018 merupakan pelengkap untuk menilai secara sistematik kesan pembangunan terhadap alam sekitar. GEI terdiri daripada 79 indikator, termasuk pelepasan karbon, intensiti tenaga, sumbangan tenaga boleh baharu, kawasan hutan, pengeluaran akuakultur dan penggunaan baja kimia. Indeks GEI meningkat sebanyak 1.9% setahun daripada tahun asas 2010 kepada 114 mata pada tahun 2017, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-12*. Dari segi pencapaian, dua daripada lima komponen mencatat peningkatan yang lebih pantas, iaitu komponen tindak balas dasar dan peluang ekonomi serta komponen pembangunan mampan dalam konteks ekonomi, demografi dan sosial.

[10] Berdasarkan had statutori hutang yang merangkumi Sekuriti Kerajaan Malaysia, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia, nisbah hutang kepada KDNK mencatat 57.9% pada akhir-Disember 2020.

[11] Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia (PERMAI), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi (PEMERKASA), Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan (PEMERKASA+) dan Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (PEMULIH).

Paparan 1-12

Indikator Ekonomi Hijau, 2010-2017



Komponen	Indeks		% setahun	
	2015	2017	2016-2017	2011-2017
Indeks Indikator Ekonomi Hijau	**109.4**	**114.0**	***2.1***	***1.9***
Tindak balas dasar dan peluang ekonomi	112.3	121.8	*4.2*	*2.9*
Pembangunan mampan dalam konteks ekonomi, demografi dan sosial	115.2	120.2	*2.2*	*2.7*
Kualiti kehidupan dalam dimensi persekitaran	106.2	115.1	*4.1*	*2.0*
Sumber aset semula jadi	107.2	108.2	*0.5*	*1.1*
Produktiviti bagi sumber dan alam sekitar	106.3	104.7	*-0.8*	*0.7*


Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia

MyWI berkembang sebanyak 0.5% setahun daripada 117.2 mata pada tahun 2015 kepada 120.2 mata pada tahun 2020 didorong oleh indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi dan sosial, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-13*. Berdasarkan indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi, rakyat Malaysia mendapat manfaat daripada peningkatan infrastruktur pengangkutan, penambahbaikan kehidupan bekerja, kualiti pendidikan yang lebih baik dan pengukuhan komunikasi. Di samping itu, peningkatan dalam indeks subkomposit kesejahteraan sosial juga menunjukkan penyertaan dalam aktiviti sosial yang lebih tinggi serta alam sekitar dan tadbir urus yang lebih baik. Namun begitu, subkomponen keluarga dan kesihatan antara yang mencatat penambahbaikan paling rendah. Antara isu keluarga dan kesihatan yang perlu ditangani termasuk kadar perceraian dan kes penyakit tidak berjangkit.

Paparan 1-13

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2015 dan 2020



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Isu dan Cabaran

Daya tahan ekonomi Malaysia terus diperkukuh melalui pelbagai langkah sejak lima tahun kebelakangan. Namun begitu, beberapa isu utama masih perlu ditangani, termasuk produktiviti dalam kalangan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang rendah, kualiti pelaburan yang rendah, peralihan struktur ekonomi yang perlahan serta jurang pembangunan antara negeri yang melebar. Selain itu, bahagian CE yang rendah, manfaat yang terhad daripada penyertaan GVC, konsolidasi fiskal jangka sederhana yang tertangguh dan kesan kepada alam sekitar akibat pembangunan yang tidak mampan masih menjadi cabaran. Ini akan memberi kesan yang ketara kepada prestasi ekonomi negara. Oleh itu, strategi ekonomi makro di bawah RMKe-12 akan terus memberi tumpuan kepada usaha bagi memastikan kemampanan pertumbuhan ekonomi.

Isu dan Cabaran

- Produktiviti dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang Rendah
- Kualiti Pelaburan yang Rendah
- Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlahan
- Jurang Pembangunan antara Negeri yang Melebar
- Bahagian Pampasan Pekerja yang Rendah
- Manfaat yang Terhad daripada Penyertaan Rantaian Nilai Global
- Konsolidasi Fiskal Jangka Sederhana yang Tertangguh
- Pertumbuhan Ekonomi yang Memberi Kesan kepada Alam Sekitar

Produktiviti dalam kalangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang Rendah

Tahap produktiviti PMKS masih rendah walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk meningkatkan produktiviti. Dalam tempoh RMKe-11, PMKS adalah tiga kali ganda kurang produktif berbanding firma besar, mengakibatkan jurang yang lebar di antara dua kumpulan firma tersebut. Kekurangan penerimagunaan teknologi dan inovasi yang terhad oleh PMKS telah menyumbang kepada produktiviti yang rendah. Di samping itu, PMKS terlalu bergantung kepada pekerja berkemahiran rendah. Peningkatan produktiviti PMKS akan memberi sumbangan yang besar kepada produktiviti nasional. Ini kerana PMKS merupakan kumpulan terbesar dalam ekonomi yang merangkumi 97.2% daripada jumlah perusahaan sehingga Disember 2020.


Kualiti Pelaburan yang Rendah

Berdasarkan data pelaburan yang diluluskan, negara telah beralih daripada industri berintensifkan buruh kepada lebih berintensifkan modal. Nisbah perbelanjaan modal kepada buruh meningkat daripada 0.7:1 pada tahun 2010 kepada 1.5:1 pada tahun 2020, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-14*. Walau bagaimanapun, pelaburan masih tertumpu kepada struktur fizikal iaitu sebanyak 59.5% daripada jumlah keseluruhan, berbanding peralatan ICT serta lain-lain jentera dan peralatan sebanyak 20.3%. Keadaan ini menunjukkan penerimagunaan teknologi dan automasi yang rendah dalam kalangan firma untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi teknologi baru muncul yang menjejaskan produktiviti dan kecekapan firma.

Paparan 1-14


Kualiti Pelaburan, 2010-2020

Pelaburan Diluluskan, 2010-2020



Sumber: Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Pembentukan Modal Tetap Kasar mengikut Jenis Aset, 2010-2019



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga semasa.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlahan

Seiring dengan hala tuju pasca 2020, adalah penting bagi Malaysia untuk terus mempertingkat rantaian nilai dan kepelbagaian sumber pertumbuhan. Peningkatan ini perlu dilaksana dengan membangunkan produk baharu dan kompleks dalam sektor perkhidmatan dan pembuatan agar dapat bersaing dalam pasaran global. Walau bagaimanapun, kebanyakan industri di Malaysia masih berada pada tahap yang rendah dalam rantaian nilai pengeluaran. Kebanyakan industri masih tertumpu kepada aktiviti ekonomi yang berintensifkan buruh serta kurang menerima guna teknologi, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-15*.

Firma Malaysia masih jauh ketinggalan dari segi produktiviti buruh jika dibandingkan dengan firma di negara-negara Asia Timur dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan. Pengilang besar lebih berdaya saing pada peringkat global dari segi produktiviti pelbagai faktor, tetapi pengilang bersaiz kecil dan sederhana masih jauh ketinggalan berbanding pesaing serantau. Selain itu, kebanyakan firma dalam sektor perkhidmatan adalah bersaiz kecil. Firma yang mempunyai produktiviti buruh yang tinggi menggaji bilangan pekerja yang sangat sedikit. Isu kemahiran tenaga kerja dan buruh merupakan cabaran utama untuk melabur dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Paparan 1-15

Peralihan Struktur Ekonomi yang Perlahan dalam Sektor, 2015-2020



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga malar 2015.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Sektor pertanian masih kurang menerima guna teknologi yang tinggi. Walaupun pelbagai strategi dilaksana untuk meningkatkan pengeluaran agromakanan bagi memastikan kecukupan bekalan, sumbangan subsektor agromakanan kepada sektor pertanian sebanyak 53.3% pada tahun 2020, masih rendah di bawah sasaran 60%. Selain itu, sektor pertanian masih bergantung kepada minyak sawit walaupun terdapat inisiatif untuk mempelbagaikan pengeluaran tanaman. Sektor perkhidmatan dipacu oleh pengembangan subsektor perkhidmatan tradisional[12], manakala subsektor perkhidmatan moden[13] masih lagi berada pada tahap yang sama. Kebanyakan PMKS dalam sektor pembuatan pula lebih tertumpu kepada aktiviti memasang dan membungkus produk. Di samping itu, sektor pembuatan turut ketinggalan berbanding negara maju dari segi keupayaan dan kemampuan untuk membangunkan teknologi tempatan.

Jurang Pembangunan antara Negeri yang Melebar


KDNK per kapita nasional meningkat sebanyak 2.8% setahun dalam tempoh RMKe-11. Namun begitu, wujud pengagihan yang tidak seimbang antara negeri. Wilayah Persekutuan dan lima negeri mencatat KDNK per kapita melebihi purata nasional sebanyak RM43,378 pada tahun 2020 dengan WP Kuala Lumpur merekodkan pencapaian tertinggi sebanyak RM120,600. Selain itu, Kelantan, Sabah, Kedah dan Perlis mencatat KDNK per kapita yang rendah berikutan kebergantungan yang tinggi kepada sektor berasaskan komoditi. Kelantan mencatat KDNK per kapita terendah berjumlah RM14,083 dengan jurang sebanyak 67.5% di bawah purata nasional. Jurang pembangunan antara wilayah terus melebar dengan Selangor dan WP Kuala Lumpur menyumbang sebanyak 40.4% kepada KDNK nasional. Wilayah Tengah mencatat KDNK per kapita tertinggi sebanyak RM62,886 pada tahun 2020, sementara wilayah Sabah mencapai pendapatan terendah sebanyak RM22,858 dengan jurang 63.7% kepada wilayah Tengah.

Bahagian Pampasan Pekerja yang Rendah

Bahagian CE yang lebih tinggi adalah penting bagi membolehkan rakyat Malaysia menikmati taraf hidup yang wajar. Walau bagaimanapun, bahagian CE kepada KDNK masih rendah berbanding kebanyakan negara berpendapatan tinggi, iaitu AS, Australia, Korea Selatan dan Singapura, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-16*. Kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja berkemahiran rendah telah menyebabkan kenaikan upah dan gaji yang perlahan. Ini mengakibatkan bahagian CE terus berada pada tahap yang rendah. Struktur ekonomi kekal berada pada rantaian nilai yang rendah. Ini telah mengehadkan keupayaan untuk mewujudkan pekerjaan mahir dan berpendapatan tinggi. Keadaan ini dapat dilihat daripada komposisi pekerjaan mahir yang rendah, pada purata 27.6% dalam tempoh 2016 hingga 2020. Di samping itu, pendapatan yang diterima oleh pekerja adalah tidak sepadan dengan nilai output yang dihasilkan. Ini telah mengekang pertumbuhan CE.

Paparan 1-16

Perbandingan Pampasan Pekerja mengikut Negara Terpilih, 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD)

[12] Subsektor elektrik dan gas, air, pembentungan dan pengurusan sisa, perdagangan borong, perdagangan runcit, kenderaan bermotor, makanan dan minuman, penginapan, pengangkutan dan penyimpanan, perkhidmatan lain serta perkhidmatan kerajaan.


[13] Subsektor maklumat & komunikasi, kewangan & insurans, perkhidmatan perniagaan, perkhidmatan kesihatan swasta dan perkhidmatan pendidikan swasta.

Manfaat yang Terhad daripada Penyertaan Rantaian Nilai Global

Penyertaan Malaysia dalam GVC adalah sangat besar. Eksport negara mempunyai kandungan import yang tinggi. Kandungan import yang digunakan oleh Malaysia untuk menghasilkan produk eksport adalah pada kadar 36.9%[14], iaitu antara yang tertinggi dalam rantau ini berbanding negara lain, seperti Taiwan, Filipina, Indonesia dan Korea Selatan. Sebaliknya, produk Malaysia yang digunakan dalam eksport negara lain adalah rendah pada kadar 18.7%[15]. Kadar ini menunjukkan bahawa manfaat yang diperoleh Malaysia daripada penyertaan GVC masih terhad, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-17*. Oleh itu, adalah penting bagi Malaysia beralih kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi agar lebih berdaya saing dalam GVC, seterusnya meningkatkan pengeluaran input tempatan bagi mengurangkan kandungan import.

Paparan 1-17

Manfaat daripada Penyertaan Rantaian Nilai Global, 2015



Nota: Manfaat daripada penyertaan GVC merujuk kepada sumbangan input domestik dalam eksport negara lain dibahagi dengan sumbangan kandungan import dalam eksport.
Sumber: OECD-WTO: *Statistics on Trade in Value Added database*, 2015

[14] Diukur sebagai rantaian ke belakang, iaitu sumbangan input yang diimport untuk menghasilkan barangan untuk dieksport.

[15] Diukur sebagai rantaian ke hadapan, iaitu sumbangan produk Malaysia sebagai input dalam eksport negara lain.

Konsolidasi Fiskal Jangka Sederhana yang Tertangguh

Konsolidasi fiskal jangka sederhana telah ditangguhkan bagi membolehkan Kerajaan memulihkan ekonomi dan mengekalkan potensi pertumbuhan. Cabaran utama adalah untuk menguruskan kedudukan fiskal dengan pragmatik dan kembali ke landasan konsolidasi fiskal, di samping terus menyokong pertumbuhan ekonomi. Beberapa isu fiskal perlu ditangani, terutama asas cukai yang terhad, ketirisan cukai dan pemberian insentif yang tidak bersasar, peningkatan bayaran persaraan, perbelanjaan penjagaan kesihatan dan pendidikan serta semakan perbelanjaan awam yang tidak menyeluruh. Paras hutang dan liabiliti pula kekal tinggi berikutan keperluan untuk membiayai pakej rangsangan, selaras dengan komitmen Kerajaan bagi melindungi dan menggalakkan pemulihan ekonomi.

Pertumbuhan Ekonomi yang Memberi Kesan kepada Alam Sekitar

Malaysia beruntung dikurniakan dengan banyak sumber semula jadi yang boleh dimanfaatkan untuk pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang pesat telah memberi kesan kepada alam sekitar. Tambahan pula, kos ekonomi yang tinggi daripada perubahan iklim belum diambil kira sepenuhnya dalam perancangan pembangunan sosioekonomi. Ini dirumitkan lagi dengan ketiadaan kaedah yang sistematik untuk menilai kesan pembangunan ke atas alam sekitar.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Prospek Ekonomi Makro

RMKe-12 merupakan separuh pertama pelaksanaan WKB 2030 yang bermatlamat untuk mencapai taraf hidup yang wajar kepada semua rakyat Malaysia. Sejajar dengan objektif untuk memastikan pembangunan yang seimbang dan ekonomi berpaksikan rakyat, usaha yang lebih giat akan dilaksana bagi mencapai matlamat pelbagai dimensi RMKe-12. Ini merangkumi sasaran ekonomi makro serta matlamat sosioekonomi bagi mengimbangi antara objektif pertumbuhan ekonomi, agihan pendapatan dan kesejahteraan rakyat. RMKe-12 juga merupakan sebahagian daripada fasa terakhir di bawah pendekatan 6R yang dilaksanakan bagi melindungi rakyat dan perniagaan serta menstruktur semula ekonomi negara yang terkesan daripada pandemik COVID-19.

Persekitaran Ekonomi Luaran

Seiring dengan pemulihan ekonomi global daripada pandemik COVID-19, pertumbuhan ekonomi dunia dijangka berkembang sebanyak 4.1% setahun dalam tempoh RMKe-12, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-18*. Kadar pemulihan ini bergantung kepada kelancaran pelaksanaan vaksinasi dan keberkesanan pakej rangsangan yang dilaksana di seluruh dunia. Pertumbuhan ekonomi global dijangka dipacu oleh pasaran baru muncul dan negara membangun yang dijangka akan berkembang sebanyak 5.1%, berbanding negara maju sebanyak 2.7%. Pertumbuhan ekonomi PRC dijangka berkembang dengan lebih perlahan disebabkan oleh struktur sosioekonomi, termasuk populasi menua dan peningkatan produktiviti yang lebih perlahan. Namun begitu, PRC dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan global. Pertumbuhan ekonomi negara maju dijangka diterajui oleh AS yang disokong oleh pelaburan tetap sektor perniagaan serta perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan yang lebih besar.

Paparan 1-18

Prospek Ekonomi Dunia, 2016-2025

Perkara	Kadar Pertumbuhan Tahunan, %		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar		RMKe-11	RMKe-12[2]
	2016	2020		
Pengeluaran Dunia	***3.3***	***-3.3***	***2.0***	***4.1***
Negara Maju	*1.8*	*-4.7*	*0.7*	*2.7*
Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun	*4.5*	*-2.2*	*3.0*	*5.1*
Perdagangan Dunia	***2.2***	***-8.5***	***0.7***	***5.3***
Import				
Negara Maju	*2.6*	*-9.1*	*0.6*	*5.0*
Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun	*1.7*	*-8.6*	*0.7*	*6.2*
Eksport				
Negara Maju	*2.0*	*-9.5*	*0.3*	*4.9*
Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun	*2.7*	*-5.7*	*1.5*	*5.5*
Harga Komoditi				
Bukan Bahan Api (purata berdasarkan pemberat import komoditi dunia)	*-0.4*	*6.7*	*2.9*	*2.6*
Minyak Mentah (AS$ setong)[1]	42.8	41.3	53.3	53.6
Pertumbuhan (%)	*-15.7*	*-32.7*	*-4.1*	*4.2*
Harga Pengguna				
Dunia	***2.7***	***3.2***	***3.2***	***3.2***
Negara Maju	*0.7*	*0.7*	*1.3*	*1.8*
Pasaran Baru Muncul dan Ekonomi Sedang Membangun	*4.3*	*5.1*	*4.8*	*4.2*

Nota: [1] Purata harga minyak mentah *UK Brent*, *Dubai Fateh* dan *West Texas Intermediate*.
[2] Anggaran.

Sumber: Tabung Kewangan Antarabangsa, *World Economic Outlook* (April 2021)

Perdagangan dunia juga dijangka pulih dan berkembang dengan lebih pesat sebanyak 5.3% setahun, terutama disokong oleh pertumbuhan eksport yang menggalakkan dalam kalangan negara pasaran baru muncul dan ekonomi sedang membangun. Inflasi dunia diunjur menyederhana pada kadar 3.2% setahun berikutan jangkaan harga komoditi yang rendah dan berpanjangan. Selain itu, pertumbuhan ekonomi global menghadapi risiko kelembapan disebabkan oleh kesan pandemik COVID-19 yang berpanjangan, ketegangan perdagangan yang berlarutan serta ketidaktentuan geopolitik.


Ekonomi Dalam Negeri

Walaupun persekitaran ekonomi adalah mencabar termasuk jangkaan COVID-19 yang berlarutan dan tidak dapat dikawal sepenuhnya, namun pertumbuhan ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih seiring dengan langkah untuk membuka semula sektor ekonomi. Dalam tempoh RMKe-12, potensi pengeluaran dijangka berkembang antara 4% hingga 5%. Aktiviti sektor swasta akan kembali pulih dan kekal sebagai peneraju pertumbuhan disokong oleh dasar monetari dan fiskal yang akomodatif. Keadaan pasaran buruh dijangka bertambah baik dengan kadar pengangguran disasarkan mencapai guna tenaga penuh dalam tempoh RMKe-12, manakala inflasi diunjurkan stabil.

Dalam tempoh RMKe-12, KDNK dijangka berkembang sebanyak 4.5% hingga 5.5% setahun, didorong oleh pertumbuhan produktiviti buruh yang lebih tinggi. Ini akan meningkatkan PNK per kapita sebanyak 6.4% setahun, iaitu daripada RM42,503 (AS$10,111) pada tahun 2020 kepada RM57,882 (AS$14,842) pada tahun 2025, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-19*. Gaji dan upah juga dijangka meningkat. Ini akan menyumbang kepada agihan pendapatan yang lebih saksama antara pemilik modal dan pekerja, yang seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah. Secara keseluruhannya, kesejahteraan rakyat dijangka meningkat, disokong oleh kemajuan ekonomi dan sosial serta pembangunan wilayah yang seimbang dan inklusif.

Paparan 1-19

Pendapatan Negara Kasar Per Kapita, 2020 dan 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Ekonomi Makro Terpilih

Penggunaan dan Pelaburan

Purata Pertumbuhan Pelaburan Swasta Benar (2021-2025)
3.8%

Purata Pelaburan Swasta pada Harga Semasa (setahun)
RM258 bilion

Purata Pertumbuhan Pelaburan Awam Benar (2021-2025)
2.6%

Purata Pelaburan Awam pada Harga Semasa (setahun)
RM80 bilion

Purata Pertumbuhan Penggunaan Swasta Benar (2021-2025)
5.8%

Purata Pertumbuhan Penggunaan Awam Benar (2021-2025)
3.7%

Perdagangan Antarabangsa

Purata Pertumbuhan Eksport Kasar (2021-2025)
5.0%

Imbangan Perdagangan (2025)
RM191 bilion

Akaun Semasa Imbangan Pembayaran (2025)
RM44 bilion

2.2% kepada PNK

Pengangguran

Kadar Pengangguran (2025)
4.0%

Inflasi

Kadar Purata Inflasi Tahunan (2021-2025)
2.7%

Baki Fiskal

Peratusan Baki Fiskal kepada KDNK (2025)
-3.5% hingga -3.0%

Sasaran

Strategi Ekonomi Makro untuk Memulihkan Pertumbuhan dan Memperkukuh Asas Ekonomi

Dasar ekonomi makro untuk RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada usaha memulih dan memperkukuh asas ekonomi. Penekanan akan diberi kepada usaha mewujudkan persekitaran ekonomi yang kondusif dan berdaya saing bagi mencapai daya tahan ekonomi yang lebih kukuh. Lapan strategi telah dikenal pasti untuk memulihkan pertumbuhan dan memperkukuh asas ekonomi, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-20*.

Paparan 1-20

Strategi Ekonomi Makro dan Matlamat Pelbagai Dimensi, 2021-2025

Matlamat Pelbagai Dimensi

- **4.5% hingga 5.5%** pertumbuhan KDNK setahun
- **RM57,882** PNK per kapita pada tahun 2025
- **3.6%** pertumbuhan produktiviti buruh setahun
- **40%** pampasan pekerja daripada KDNK pada tahun 2025
- **RM10,065** purata pendapatan bulanan isi rumah pada tahun 2025
- **1 : 2.5** jurang KDNK per kapita antara wilayah Tengah dan Sabah pada 2025
- **45%** pengurangan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK pada tahun 2030*
- **1.2%** peningkatan Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia setahun

Nota : *Berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

Strategi Ekonomi Makro

- Meningkatkan Produktiviti
- Menggalakkan Pelaburan Berkualiti
- Mempercepat Peralihan Struktur Ekonomi
- Mengurangkan Ketidaksamaan Pembangunan Wilayah
- Meningkatkan Bahagian Pampasan Pekerja
- Memanfaatkan Penyertaan dalam Rantaian Nilai Global
- Memperkukuh Tadbir Urus Fiskal
- Mempercepat Pertumbuhan Hijau


Meningkatkan Produktiviti untuk Mengekalkan Pertumbuhan Berkualiti

Usaha untuk mempercepat pertumbuhan produktiviti akan diteruskan dalam RMKe-12 dengan MFP dijangka menyumbang sebanyak 40.4% kepada pertumbuhan KDNK, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-21*. Peningkatan pertumbuhan KDNK akan menyumbang kepada pertumbuhan produktiviti buruh yang lebih tinggi sebanyak 3.6% setahun, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-22*. Di bawah MPB, kerjasama yang kukuh antara Kerajaan, sektor swasta dan akademia akan dimanfaat untuk meningkatkan lagi produktiviti pada peringkat nasional, sektor dan perusahaan. Pada peringkat nasional, mekanisme perancangan akan diperkukuh. Inisiatif yang berjaya di bawah Nexus Produktiviti akan diperluas dan jurang produktiviti antara perusahaan besar dan PMKS akan dirapatkan. Di samping itu, pelbagai strategi pada peringkat sektor akan dilaksana untuk memperkukuh ekosistem bagi meningkatkan produktiviti, termasuk melonjakkan aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) dalam teknologi baharu dan menambah baik akses kepada pembiayaan untuk menyokong inovasi dan pembangunan kemahiran.

Paparan 1-21

Faktor Pengeluaran, 2016-2025

Pertumbuhan, % setahun
Bahagian kepada pertumbuhan dalam kurungan, %



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga malar 2015.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Paparan 1-22

Produktiviti Buruh mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020-2025

Sektor	RM '000 Setiap Pekerja, pada Harga Malar 2015		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	Sebenar	Sasaran	RMKe-12
	2020	2025	2021-2025
Pertanian	53.3	60.3	*2.5*
Perlombongan dan Pengkuarian	1,247.6	1,341.9	*1.5*
Pembuatan	120.7	148.7	*4.3*
Pembinaan	38.3	46.2	*3.8*
Perkhidmatan	84.3	100.6	*3.6*
Keseluruhan	**89.0**	**106.1**	***3.6***

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi


Menggalakkan Pelaburan Berkualiti untuk Memperkukuh Pertumbuhan Ekonomi

Dari sudut permintaan, sektor swasta akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. *Penggunaan swasta* dijangka meningkat pada kadar purata 5.8% setahun, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-23*. Peningkatan ini akan disokong oleh pendapatan isi rumah yang lebih tinggi berikutan pasaran buruh yang dijangka stabil seiring dengan pemulihan ekonomi pasca pandemik COVID-19, gaji minimum yang lebih tinggi dan bantuan tunai kepada kumpulan sasar.

Pelaburan swasta akan kembali pulih dan dijangka berkembang pada kadar 3.8% setahun atau purata sebanyak RM258 bilion pada harga semasa berbanding RM233 bilion dalam tempoh RMKe-11. Ia akan menjadi pemangkin pertumbuhan ekonomi setelah berkembang dengan perlahan dalam tempoh 2019 hingga 2020. Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) akan menjadi asas pembaharuan yang komprehensif dalam semua inisiatif dan dasar berkaitan pelaburan. NIA menerapkan pendekatan yang holistik dan bersasar dalam usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti selaras dengan matlamat mewujudkan pekerjaan berpendapatan tinggi, memperluas rangkaian domestik dan mempertingkat inklusiviti. Selain itu, usaha akan ditumpukan untuk menambah baik ekosistem dan peraturan kawal selia bagi membolehkan penyampaian perkhidmatan kerajaan yang

Paparan 1-23

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Perbelanjaan, 2016-2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi


lebih berkesan serta memudahkan urusan menjalankan perniagaan. Insentif pelaburan sedia ada juga akan disemak semula bagi menarik lebih banyak pelaburan, terutama dalam industri strategik dan berimpak tinggi. Pelaburan langsung domestik akan digalakkan dengan memberi tumpuan kepada penerimagunaan teknologi dan penyediaan ekosistem perniagaan yang inovatif, terutama untuk PMKS. Dalam usaha menarik FDI pula, tumpuan akan diberi kepada syarikat yang membantu firma tempatan untuk memperoleh akses pasaran serta pemindahan teknologi dan pengetahuan. Melalui pelbagai usaha ini, pelaburan sektor swasta dijangka meningkat kepada melebihi 75% daripada jumlah keseluruhan pelaburan dalam tempoh RMKe-12 berbanding 70% dalam tempoh RMKe-11, iaitu mencapai tahap purata sebelum Krisis Kewangan Asia 1997/1998.

Langkah akan terus dilaksana untuk menggalakkan pelaburan swasta termasuk memanfaatkan kelebihan daya saing kluster industri, meningkatkan daya saing dan menggalakkan pembangunan mampan. Kerjasama antara syarikat dan institusi pendidikan tinggi juga akan dipertingkat untuk menangani isu kekurangan pekerja mahir. Institusi pelaburan akan distruktur semula bagi memberi tumpuan untuk menarik pelaburan berkualiti yang menggalakkan pembangunan produk dan perkhidmatan yang kompleks, mewujudkan pekerjaan berkemahiran dan berpendapatan tinggi, mendorong penggunaan input domestik yang tinggi dan meningkatkan pembangunan di kawasan yang kurang diberi tumpuan. Di samping itu, kerangka pentadbiran insentif akan diselaras dan bersasar untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan.

Pelaburan awam dijangka meningkat sebanyak 2.6% setahun, dipacu oleh perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan perbelanjaan modal syarikat awam bukan kewangan (NFPC). Sebahagian besar pelaburan ini adalah dalam infrastruktur, pengangkutan, utiliti serta industri minyak dan gas. Projek utama sektor awam yang akan dilaksana termasuk ECRL, Sistem Transit Rapid Johor Bahru-Singapura dan Lebuhraya Pan Borneo. Projek ini akan dilaksana secara berperingkat dengan mengambil kira kekangan peruntukan perbelanjaan pembangunan bagi memastikan kemampanan fiskal. *Penggunaan awam* dijangka berkembang sebanyak 3.7% setahun, selaras dengan langkah yang diambil bagi mengurangkan impak pandemik COVID-19 dan merangsang pertumbuhan ekonomi.

Paparan 1-24

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2020-2025



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga malar 2015.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Mempercepat Peralihan Struktur Ekonomi bagi Meningkatkan Rantaian Nilai

Sektor perkhidmatan dan pembuatan akan terus menjadi pemacu utama ekonomi, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-24*. Sektor pertanian akan dicergaskan semula untuk menyokong aktiviti hiliran dan meningkatkan jaminan bekalan makanan. Pertumbuhan sektor ini akan disokong oleh permintaan yang kukuh, produktiviti yang meningkat serta aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan berintensifkan pengetahuan. Pelaksanaan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara adalah penting bagi melonjakkan pertumbuhan dalam semua sektor.

Sektor perkhidmatan dijangka mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 5.2% setahun dan menyumbang 58.3% kepada KDNK pada tahun 2025. Subsektor perdagangan borong dan runcit akan terus menjadi penyumbang utama, disokong oleh strategi untuk memodenkan subsektor ini serta meningkatkan kecekapan dan keberkesanan rantaian bekalan. Usaha bersepadu akan dilaksana untuk memastikan penerimagunaan teknologi yang lebih tinggi bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam sektor ini selaras dengan Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia. Penekanan juga akan diberi untuk mempercepat pembangunan industri yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi, termasuk industri halal dan kreatif serta pelancongan.

Seiring dengan usaha Malaysia untuk menguasai 4IR, *sektor pembuatan* akan terus memberi tumpuan untuk beralih kepada pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pelbagai dan kompleks. Antara industri utama yang akan memacu pertumbuhan termasuk E&E, bahan kimia & produk kimia serta aeroangkasa. Di samping itu, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan penglibatan di sepanjang rantaian nilai pembinaan kapal, farmaseutikal dan peranti perubatan. Usaha akan diambil untuk memanfaatkan teknologi digital dan memperkukuh mekanisme bagi melonjakkan produktiviti selaras dengan Dasar Negara mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD). Penekanan juga akan diberi untuk memanfaatkan teknologi disruptif bagi mempercepat kesediaan mendepani 4IR. Sektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.7% setahun, diterajui oleh subsektor berorientasikan eksport.

Penerimagunaan teknologi moden dan baharu dalam *sektor pertanian* adalah penting bagi mencergaskan semula pertumbuhan sektor ini. Dalam hubungan ini, penekanan akan diberi untuk mempercepat transformasi sektor pertanian kepada sektor yang moden, dinamik dan

berdaya saing yang disokong oleh R&D&C&I yang lebih meluas. Di samping itu, strategi dan inisiatif di bawah Kerangka Sekuriti Makanan Negara dan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 akan dilaksana bagi mencapai sasaran tahap kecukupan bekalan makanan dan mematuhi standard keselamatan makanan antarabangsa. Penggunaan biojisim dan biogas juga akan dioptimumkan. Pembangunan usahawan agrikomoditi bagi produk khusus, termasuk *tocotrienols* akan digalakkan untuk mempelbagaikan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Sektor ini dijangka berkembang sebanyak 3.8% setahun dalam tempoh RMKe-12 dan menyumbang 7% kepada KDNK pada tahun 2025.

Sektor *pembinaan* dijangka berkembang sebanyak 4.2% setahun, dipacu oleh subsektor kejuruteraan awam dan bangunan kediaman. Lebih banyak rumah mampu milik akan dibina di lokasi yang strategik. Sebanyak 500,000 rumah mampu milik akan dibina melalui beberapa inisiatif, termasuk Rumah Mesra Rakyat, Residensi Wilayah dan Program Perumahan Rakyat.


Sektor *perlombongan* dijangka meningkat sebanyak 2.6% setahun dalam tempoh RMKe-12, terutama dipacu oleh peningkatan pengeluaran gas asli. Di samping itu, pengeluaran LNG dijangka meningkat kepada 32 juta tan setahun, disokong oleh kemudahan PETRONAS *Floating LNG* (PFLNG) di Sabah. Walau bagaimanapun, pengeluaran minyak mentah dan kondensat dijangka menyederhana. Keadaan ini disebabkan oleh aktiviti penerokaan sumber hidrokarbon di kawasan yang mencabar termasuk di lapangan laut dalam dan terpencil.

Mengurangkan Ketidaksamaan Pembangunan bagi Menggalakkan Keseimbangan Wilayah

Keutamaan akan terus diberi untuk merapatkan jurang pembangunan antara negeri bagi memastikan pembangunan wilayah yang seimbang. Potensi setiap negeri dan wilayah akan dioptimum bagi merangsang dan mempercepat pertumbuhan ekonomi. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan termasuk pihak berkuasa pembangunan wilayah akan terus diperkukuh untuk merancang, melaksana dan menyelaras pembangunan wilayah dengan lebih baik. Inisiatif akan diambil untuk menaik taraf infrastruktur dan merancakkan semula aktiviti ekonomi di kawasan luar bandar serta menambah baik kesalinghubungan antara luar bandar dan bandar. Manfaat pembangunan sosioekonomi dijangka dapat diagihkan dengan lebih baik dalam kalangan negeri dan wilayah. Ini akan merapatkan jurang pembangunan antara wilayah dan seterusnya meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Paparan 1-25

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri, 2016-2025



Nota: Berdasarkan KDNK pada harga malar 2015.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi


KDNK bagi semua negeri dijangka meningkat selari dengan prestasi ekonomi nasional, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-25*. Pertumbuhan bagi negeri Kelantan, Sabah, Kedah dan Perlis yang mencatat KDNK per kapita terendah dijangka bertambah baik. Peningkatan ini akan merapatkan jurang pendapatan antara negeri. Semua wilayah juga dijangka mencatat pertumbuhan ekonomi yang positif, yang akan merapatkan jurang pendapatan antara wilayah. Jurang KDNK per kapita antara wilayah tertinggi dan terendah, iaitu wilayah Tengah dan Sabah dijangka berkurangan daripada 1:2.8 pada tahun 2020 kepada 1:2.5 pada tahun 2025.

Meningkatkan Bahagian Pampasan Pekerja untuk Menambah Baik Taraf Hidup Pekerja

Dalam tempoh RMKe-12, bahagian CE disasarkan mencapai 40% kepada KDNK, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 1-26*. Usaha akan dilaksana untuk menggalakkan aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan menarik lebih banyak pelaburan dalam industri berintensifkan pengetahuan. Ini bertujuan merangsang pewujudan pekerjaan mahir dan berpendapatan tinggi. Inisiatif untuk meningkatkan produktiviti buruh akan terus diberi penekanan melalui penerimagunaan teknologi termaju yang lebih menyeluruh serta peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga kerja. Di samping itu, kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah akan dikurangkan. Langkah ini dijangka meningkatkan upah dan gaji, seterusnya menambah baik taraf hidup pekerja.

Paparan 1-26

Keluaran Dalam Negeri Kasar Berdasarkan Pendapatan, 2020 dan 2025



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Memanfaatkan Penyertaan dalam Rantaian Nilai Global bagi Memperkukuh Perdagangan dan Imbangan Pembayaran

Prestasi perdagangan antarabangsa Malaysia dijangka lebih baik seiring dengan jangkaan pemulihan perdagangan global dan pengukuhan harga komoditi utama. *Eksport kasar* dijangka meningkat pada kadar purata tahunan sebanyak 5% disokong oleh produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta pasaran yang lebih luas. Pelaksanaan Pelan Tindakan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) 2025 serta usaha untuk memeterai perjanjian perdagangan bebas (FTA) baharu dijangka dapat terus merangsang pertumbuhan perdagangan luar. Perjanjian perdagangan baharu ini termasuk *Regional Comprehensive Economic Partnership* (RCEP), iaitu FTA terbesar di dunia yang meliputi sekitar 30% kepada KDNK global dan penduduk seramai 2.2 bilion. Perjanjian RCEP menawarkan potensi besar dalam memudah cara perdagangan bagi Malaysia, akses pasaran yang lebih luas dan pengurangan halangan perdagangan. Malaysia mempunyai hubungan perdagangan yang erat dengan ekonomi RCEP yang menyumbang hampir 60% kepada jumlah perdagangan negara pada tahun 2020. Menurut Bank Dunia[16], RCEP dijangka memberi kesan positif kepada Malaysia dengan peningkatan KDNK sebanyak 0.8% pada tahun 2030. Di samping itu, terdapat beberapa FTA yang masih dalam perundingan akan memberi manfaat kepada industri tempatan, khususnya pembuatan, pelancongan, kewangan, ICT, e-dagang, pendidikan, penjagaan kesihatan, pertanian, tenaga dan aeroangkasa.

Eksport barangan pembuatan dijangka mencatat pertumbuhan purata sebanyak 4.9% setahun, didorong terutamanya oleh eksport produk E&E dan produk berasaskan sumber[17]. Pertumbuhan eksport E&E sebanyak 5.1% setahun akan diterajui oleh produk seperti litar bersepadu, diod dan semikonduktor fotosensitif berikutan permintaan berterusan untuk teknologi baru muncul, seperti kenderaan autonomi, kecerdasan buatan (AI), standard teknologi generasi kelima (5G) dan internet benda (IoT). Eksport pertanian dijangka meningkat sebanyak 4.8% setahun, disumbangkan terutama oleh minyak sawit dan produk berasaskan sawit serta getah asli. Pertumbuhan eksport perlombongan akan kembali pulih, meningkat sebanyak 7.3% setahun disokong oleh eksport petroleum mentah dan LNG.

[16] *Actual and Potential Trade Agreements in the Asia-Pacific: Estimated Effects, World Bank* (2019).
[17] Termasuk bahan kimia dan produk kimia, produk plastik, produk petroleum, makanan diproses, produk pembuatan berasaskan minyak sawit serta produk getah dan kayu.

Import kasar dianggar berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 5.9% selari dengan prestasi eksport yang kukuh dan peningkatan pelaburan domestik yang memerlukan import barangan pengantara dan barangan modal yang lebih tinggi. Namun begitu, usaha berterusan akan diambil untuk meningkatkan pengeluaran produk penggantian bagi mengurangkan kandungan import, terutama alat ganti dan komponen. Import barangan penggunaan dijangka meningkat berikutan kuasa beli rakyat Malaysia yang dijangka bertambah dalam tempoh RMKe-12. *Lebihan imbangan perdagangan* dijangka masih tinggi, iaitu sebanyak RM191 bilion pada tahun 2025.

Usaha untuk meraih manfaat perdagangan akan dipergiat lagi dengan meningkatkan kecekapan fasilitasi perdagangan di semua pintu masuk. Selain itu, PMKS juga akan digalakkan untuk memanfaat platform digital bagi mempergiat transaksi e-dagang. Inisiatif untuk memperkukuh aktiviti hiliran berasaskan sumber dan perkhidmatan yang berkaitan akan terus dipertingkat, di samping meningkatkan daya saing industri eksport utama melalui penerimagunaan teknologi baharu. Kerjasama antara pemain industri, agensi kerajaan dan institusi penyelidikan juga akan dipertingkat untuk mengenal pasti pasaran dan produk baharu yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Akaun semasa imbangan pembayaran disasarkan akan mengekalkan lebihan sebanyak RM44 bilion atau 2.2% kepada PNK pada tahun 2025. Walaupun akaun perkhidmatan dijangka terus mencatat defisit, namun lebihan yang besar dalam akaun barangan akan mengukuhkan kedudukan akaun semasa. Pembayaran bersih bagi perkhidmatan pengangkutan, pembinaan, insurans dan profesional dijangka terus menyumbang kepada defisit akaun perkhidmatan. Walau bagaimanapun, langkah akan diambil untuk mengurangkan defisit tersebut, termasuk mempergiat usaha pengantarabangsaan dan mempromosi Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan, pendidikan dan penjagaan kesihatan. Di samping itu, usaha akan dipertingkat untuk menambah baik kecekapan perkhidmatan logistik dengan menyelaras prosedur pentadbiran, meningkatkan pematuhan kepada peraturan dan penguatkuasaan yang lebih ketat.

Memperkukuh Tadbir Urus Fiskal untuk Menambah Baik Pengurusan Kewangan Awam

Dasar fiskal mengembang akan dilaksana dalam jangka pendek untuk mencergaskan semula aktiviti ekonomi selepas pandemik COVID-19. Langkah konsolidasi fiskal akan dilaksana semula setelah ekonomi kembali pulih bagi memastikan kemampanan fiskal jangka panjang. Sehubungan itu, *baki fiskal* disasarkan di antara -3.5% hingga -3% kepada KDNK pada tahun 2025. Dalam tempoh RMKe-12, peruntukan pembangunan dianggarkan berjumlah RM400 bilion. Walau bagaimanapun, peruntukan perbelanjaan pembangunan asas bagi tahun 2021 dan 2022 dijangka mencabar.

Tadbir urus fiskal akan ditambah baik dengan menginstitusi prinsip kemampanan fiskal melalui pengenalan Akta Tanggungjawab Fiskal. Ini bertujuan memastikan kemampanan fiskal dalam jangka panjang. Kutipan hasil akan dipertingkat dengan meneroka sumber baharu, memperluas asas cukai, mengkaji semula insentif cukai, memperkukuh keseluruhan pentadbiran cukai serta melaksana strategi meningkatkan hasil dalam jangka sederhana. Pengurusan perbelanjaan pula akan diperkukuh dengan memperkenalkan rangka kerja belanjawan dan perbelanjaan jangka sederhana, melaksana penilaian perbelanjaan awam serta menambah baik pengurusan perolehan Kerajaan bagi memastikan perbelanjaan yang cekap dan berkesan. Pengurusan hutang dan liabiliti jangka sederhana dan jangka panjang akan terus ditambah baik dengan melaksanakan perakaunan akruan, memperkenalkan strategi hutang jangka sederhana, menubuhkan Pejabat Pengurusan Hutang serta mengukuhkan rangka kerja jaminan Kerajaan.

Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Meningkatkan Kemampanan Alam Sekitar

Dalam tempoh RMKe-12, dasar pembangunan yang mengimbangi pembangunan sosioekonomi dan kemampanan alam sekitar akan dilaksana. Sehubungan itu, model ekonomi hijau akan diperkenal untuk melengkapkan perancangan ekonomi makro dan analisis impak. Model tersebut akan mengenal pasti kesalinghubungan antara pertumbuhan ekonomi dan penggunaan sumber semula jadi serta kesan terhadap alam sekitar. Ia akan menjadi rujukan utama dalam menggubal dasar. Ini adalah penting bagi memastikan pertumbuhan yang mampan, memacu kecekapan sumber dan mengekalkan daya tahan ekosistem alam sekitar. Pada masa yang sama, penilaian kesan sosioekonomi yang disebabkan oleh penggunaan sumber yang terhad seperti air, tenaga, guna tanah dan bahan mentah juga akan dilaksana dalam menggubal dasar pembangunan.

Mengekalkan Kestabilan Harga dan Pasaran Buruh

Inflasi dijangka stabil pada paras yang rendah, iaitu purata sebanyak 2.7% setahun berikutan prospek ekonomi yang lebih baik seiring dengan jangkaan pemulihan ekonomi global dan harga komoditi. Pasaran buruh dijangka terus menggalakkan. Lebih banyak peluang pekerjaan akan diwujudkan untuk penduduk tempatan. Ini akan didorong oleh peningkatan produktiviti, penggunaan lebih banyak tenaga kerja laten[18] dan peningkatan kadar penyertaan tenaga buruh wanita. Keadaan ekonomi dijangka kembali berada pada tahap guna tenaga penuh dengan *kadar pengangguran* sebanyak 4% pada tahun 2025. Guna tenaga dijangka meningkat dengan sederhana pada kadar 1.4% setahun, bagi mencapai 16.2 juta pada tahun 2025, manakala pekerjaan baharu akan bertambah sebanyak 1.1 juta.

Meningkatkan Kesejahteraan Rakyat

MyWI disasarkan meningkat sebanyak 1.2% setahun dalam tempoh RMKe-12 berbanding 0.5% dalam tempoh RMKe-11. Indeks subkomposit kesejahteraan ekonomi dan sosial disasarkan mencapai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi. Kesejahteraan sosial dijangka meningkat dengan ketara hasil pembangunan yang lebih seimbang dan berpaksikan rakyat. Kesejahteraan rakyat akan ditambah baik melalui peningkatan penyertaan sosial dan kualiti alam sekitar serta ketersambungan pengangkutan dan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik.

[18] Tenaga kerja yang berpotensi, tidak termasuk dalam pasaran kerja semasa seperti warga tua, suri rumah dan orang kurang upaya.

Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, ekonomi Malaysia berkembang pada kadar sederhana, diteraju oleh permintaan domestik yang kukuh serta asas ekonomi yang pelbagai. Pandemik COVID-19 di luar dugaan dan harga komoditi yang rendah telah memberi kesan ketara kepada pertumbuhan ekonomi dan kedudukan fiskal. Walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran, ekonomi Malaysia dijangka kembali pulih dan mencapai pertumbuhan yang lebih kukuh dan mampan dalam tempoh RMKe-12. Tumpuan akan diberi untuk mempercepat pemulihan dan menjana semula ekonomi bagi mencapai matlamat pelbagai dimensi. Ini adalah penting untuk memastikan kemampanan dan daya tahan ekonomi bagi merealisasikan wawasan menjadi sebuah negara yang makmur, inklusif dan mampan.

Tema 1

Tema 1
Menjana Semula Ekonomi

	Perspektif Menyeluruh	T1-2
Pemacu Perubahan II	Memangkinkan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi Bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi	T1-5
Pemacu Perubahan III	Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Sebagai Pemacu Baharu Pertumbuhan	T1-6
	Bab 2: Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan	2-1
	Bab 3: Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana	3-1

Perspektif Menyeluruh

'Norma baharu' yang dicetuskan oleh pandemik COVID-19 telah mendorong kajian semula pendekatan berkaitan keutamaan dan strategi ekonomi. Ia juga telah membuka peluang kepada Malaysia untuk menstruktur semula ekonomi ke arah pemulihan yang lebih kukuh. Matlamatnya adalah untuk membentuk ekonomi bernilai tinggi dan berdaya tahan bercirikan industri yang inovatif dan berteraskan keusahawanan.

Tema 1 menumpukan kepada usaha mengembalikan semula momentum pertumbuhan sektor ekonomi utama dan pada masa sama, merangsang dan melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS).

Sektor perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pembinaan terus berdepan dengan pelbagai cabaran. Ini termasuklah produktiviti yang rendah, firma yang kurang berdaya saing dan pembangunan industri tidak seimbang antara wilayah. Keadaan ini disukarkan lagi dengan kesan daripada pandemik COVID-19.

Langkah utama untuk maju ke hadapan adalah dengan menggerakkan kesemua sektor ke arah aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Ini akan dilaksanakan dengan melonjakkan pertumbuhan produktiviti dalam meningkatkan rantaian nilai, mengukuhkan keupayaan kewangan pemain industri serta memperluas Nexus Produktiviti yang berjaya dan mempertingkat amalan hijau. Kesemua usaha ini akan mengukuhkan lagi daya saing perniagaan secara keseluruhan.

RMKe-12 juga menyasarkan peluasan pasaran eksport menerusi peningkatan kecekapan pasaran, pemerkasaan peranan pemain industri dan pengukuhan fasilitasi perdagangan. Sebagai tambahan, ekosistem kewangan pengantaraan yang cekap juga akan diperkukuh, dengan tumpuan kepada peningkatan inovasi, daya saing serta pemantapan agenda Kewangan Islam. Peranan kawasan industri dan kawasan pengeluaran makanan akan

Petunjuk Prestasi Utama Terpilih

Bab 2: Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan

4.5% hingga 5.5% — Pertumbuhan Tahunan KDNK

RM57,882 — PNK Per Kapita

Bab 3: Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

45% — Sumbangan PMKS kepada KDNK

25% — Sumbangan PMKS kepada Jumlah Eksport

diperkukuh menerusi pembangunan seimbang kawasan perindustrian dan pelaksanaan konsep industri hijau. Ini akan mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah dan negeri serta antara kawasan bandar dan pedalaman. Selain itu, pengukuhan asas ekonomi negara juga akan disokong oleh penambahbaikan keseluruhan tadbir urus dan pengenalan dasar serta perundangan yang menyeluruh.

Bagi menjana semula pertumbuhan ekonomi, tumpuan juga akan diberikan kepada pembangunan industri yang mampan. Walaupun pelbagai reformasi struktur dan langkah mempercepat penerimagunaan teknologi telah dilaksanakan sepanjang RMKe-11, pertumbuhan keseluruhan industri masih kurang menggalakkan dan PMKS masih tidak berdaya saing.

Dalam tempoh lima tahun akan datang, tumpuan akan diberikan kepada usaha merancakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi. Industri ini adalah elektrik dan elektronik (E&E), perkhidmatan global (GS), aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, biojisim serta aktiviti pertanian pintar. Tumpuan akan diberi antara lain untuk menggalakkan penerimagunaan teknologi termaju, pembaharuan tadbir urus, peningkatan kemahiran bakat, inovasi dan R&D bagi transformasi industri ini kepada yang menghasilkan produk dan perkhidmatan yang bernilai ditambah yang tinggi, memperluas pasaran global dan menarik pelaburan berkualiti.

Pada masa yang sama, usaha akan ditumpu untuk melonjakkan keupayaan usahawan dan perusahaan tempatan serta koperasi. Menyedari kesan pandemik COVID-19, usaha akan diambil untuk membolehkan PMKS lebih berdaya saing di pasaran global. Pembangunan usahawan yang berinovatif dan mampan juga akan dipergiat melalui penerimagunaan teknologi termaju dan digital. Selain itu, tadbir urus dan peraturan yang memudah cara akan diperkukuh untuk memastikan kelangsungan dan kemampanan perniagaan.

Dalam usaha Malaysia memulihkan ekonomi negara, keutamaan akan diberi untuk mewujudkan ekonomi yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan berdaya tahan. Tema 1 RMKe-12 akan menjadi peneraju dalam mencapai matlamat ini dan menyediakan asas yang diperlukan untuk menyokong WKB 2030.

Bab 2: Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan

Bidang Keutamaan A
Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti

Bidang Keutamaan B
Memperluas Pasaran Eksport

Bidang Keutamaan C
Memperkukuh Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan

Bidang Keutamaan D
Memperkukuh Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan

Bidang Keutamaan E
Menambah Baik Dasar dan Tadbir Urus



Bab 3: Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Bidang Keutamaan A
Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi

Bidang Keutamaan B
Mempertingkat Keupayaan Usahawan dan Perusahaan

Pemacu Perubahan II
Memangkinkan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi Bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi

Mengapa transformasi industri ini diperlukan?

Malaysia perlu merancakkan pertumbuhan industri utama bagi merealisasikan sepenuhnya potensi untuk bersaing di peringkat global. Intervensi strategik dalam industri berimpak tinggi ini akan:

- Meningkatkan sumbangan industri ini kepada KDNK, iaitu E&E, GS, aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biojisim.
- Menggalakkan pelaburan dalam pendigitalan dan teknologi termaju, membina keupayaan khusus, dan menjana kesan pengganda yang tinggi.
- Melaksanakan agenda ekonomi hijau dengan mengutamakan elemen persekitaran, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam pelaburan.
- Mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan yang berkualiti tinggi.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Intervensi strategik bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi akan dilaksanakan dengan:

- Merangsang industri E&E kepada rantaian nilai yang lebih tinggi melalui aktiviti reka bentuk dan pembangunan (D&D) serta pembuatan *front-end*.
- Merealisasikan potensi industri kreatif melalui pembangunan ekosistem yang menyeluruh.
- Meningkatkan daya saing industri halal bagi merebut peluang pasaran halal global yang lebih besar.
- Mentransformasi industri aeroangkasa dengan memberi tumpuan kepada pembuatan bernilai tinggi yang dipacu oleh teknologi.
- Menarik minat syarikat multinasional untuk menjadikan Malaysia sebagai hab GS.
- Mempercepat pembangunan produk dan perkhidmatan bernilai ditambah yang tinggi dalam industri biojisim.
- Mencergaskan semula industri pelancongan dengan memperkukuh jenama Malaysia dan promosi yang lebih agresif.
- Mempergiat aktiviti pertanian pintar dengan mempercepat penerimagunaan teknologi moden.
- Meningkatkan pelaburan sektor swasta bagi memacu pertumbuhan industri.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Sumbangan E&E kepada KDNK sebanyak RM120 bilion.
- Sumbangan industri kreatif kepada KDNK sebanyak RM31.9 bilion.
- Eksport halal sebanyak RM56 bilion.
- Pendapatan industri aeroangkasa sebanyak RM30 bilion.
- Jumlah pelaburan GS sebanyak RM89 bilion.
- Jumlah pelaburan dalam industri biojisim sebanyak RM10 bilion.
- Jumlah perbelanjaan pelancong asing sebanyak RM73 bilion.

Pemacu Perubahan III
Mentransformasi Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana Sebagai Pemacu Baharu Pertumbuhan

Mengapa kita perlu mentransformasi PMKS?

PMKS adalah penting bagi menggalakkan keusahawanan dan pertumbuhan ekonomi negara. Transformasi PMKS akan:

- Meningkatkan sumbangan PMKS kepada KDNK dan eksport.
- Meningkatkan daya saing PMKS.
- Meningkatkan keupayaan usahawan Bumiputera.
- Menangani tahap penerimagunaan teknologi dan digital yang rendah.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Transformasi PMKS melalui peningkatan penerimagunaan digital dan daya saing serta pembangunan ekosistem yang menyokong meliputi inisiatif berikut:

- Memperkenalkan pelan hala tuju pendigitalan PMKS kebangsaan.
- Memanfaatkan Pusat Internet Komuniti (PIK) dan Pusat Internet Desa (PID) sebagai pusat sehenti bagi memacu pendigitalan.
- Membangunkan portal bersepadu untuk memudah cara usahawan mendapatkan maklumat penting mengenai sumber kewangan dan khidmat nasihat.
- Mengalih lebih banyak PMKS daripada pasaran domestik kepada pasaran global.
- Melaksanakan program intervensi peluang kedua bagi membantu usahawan yang tidak berjaya dan mengurangkan risiko muflis.
- Melantik pesuruhjaya untuk membantu peniaga kecil dalam memastikan bayaran dibuat tepat pada waktunya dan menyelesaikan pertikaian bayaran.
- Memanfaatkan gerakan koperasi dalam membangunkan usahawan.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Sumbangan PMKS kepada KDNK meningkat kepada 45%.
- Sumbangan PMKS kepada jumlah eksport meningkat kepada 25%.
- Pertumbuhan tahunan purata produktiviti buruh PMKS sebanyak 3.5%.
- Sebanyak 90% PMKS mendigitalkan operasi perniagaan.
- PMKS yang berdaya saing di peringkat global.

Muka surat ini dibiarkan kosong

Bab 2

Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan

Pendahuluan 2-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 2-3

- Pencapaian Sasaran Terpilih 2-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 2-6
- Sektor Pertanian 2-6
- Sektor Pembinaan 2-6
- Sektor Pembuatan 2-6
- Sektor Perkhidmatan 2-7
- Produktiviti 2-9

Isu dan Cabaran 2-9

- Produktiviti Rendah 2-10
- Akses Pasaran yang Rendah dan Firma Kurang Berdaya Saing 2-10
- Perubahan Pesat dalam Landskap Kewangan 2-11
- Pembangunan Perindustrian yang Tidak Seimbang antara Wilayah 2-11
- Tadbir Urus dan Mekanisme Pelaksanaan yang Kurang Berkesan 2-12

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 2-12

- Bidang Keutamaan A 2-16
  Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti
- Bidang Keutamaan B 2-23
  Memperluas Pasaran Eksport
- Bidang Keutamaan C 2-27
  Memperkukuh Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan
- Bidang Keutamaan D 2-30
  Memperkukuh Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan
- Bidang Keutamaan E 2-31
  Menambah Baik Dasar dan Tadbir Urus

Kesimpulan 2-35

2

Pendahuluan

Lima sektor ekonomi iaitu perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pembinaan, terus memacu pertumbuhan ekonomi, menyediakan pekerjaan kepada rakyat dan menjana pendapatan daripada eksport. Dalam tempoh RMKe-11, usaha untuk memperkukuh pertumbuhan dan mempercepat reformasi struktur ekonomi telah dilaksana dengan memperluas asas ekonomi, meneroka aktiviti berintensif pengetahuan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, serta meningkatkan eksport. Sektor perkhidmatan terus menjadi sektor terbesar kepada ekonomi negara pada tahun 2020, iaitu menyumbang sebanyak 58% kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Sektor pembuatan menyumbang sebanyak 23% kepada KDNK, perlombongan 7%, pertanian 7% dan pembinaan 4%. Kesemua sektor ini menghadapi cabaran dari segi produktiviti yang rendah, firma yang tidak berdaya saing, perubahan pesat dalam landskap kewangan dan pembangunan perindustrian yang tidak seimbang antara wilayah. Tambahan pula, terdapat cabaran disebabkan oleh tadbir urus dan mekanisme yang kurang berkesan dalam beberapa sektor. Pandemik COVID-19 telah memperlahankan pertumbuhan dalam semua sektor. Ia juga telah memberi kesan kepada pengeluaran, rantaian bekalan, perdagangan, pelaburan dan produktiviti.

Dalam tempoh RMKe-12, usaha bersepadu akan ditumpu untuk mencergaskan semula sektor ekonomi bagi memulihkan momentum pertumbuhan. Bagi tujuan ini, tumpuan akan diberi untuk melonjakkan produktiviti terutama melalui peningkatan guna pakai teknologi, memperluas pasaran eksport, memperkukuh keberkesanan ekosistem pengantaraan kewangan, mempertingkat peranan kawasan perindustrian serta menambah baik dasar dan tadbir urus. Usaha untuk mengukuhkan kembali ekonomi memerlukan perubahan besar dalam pendekatan dan mekanisme pelaksanaan yang akan mentransformasi sektor dan meningkatkan prestasi ekonomi.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, ekonomi telah berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 2.7%, terutama dipacu oleh sektor perkhidmatan dan pembuatan. Usaha bersepadu telah dilaksana untuk meningkatkan pertumbuhan sektor perkhidmatan dan pembinaan, merancakkan sektor pembuatan dan memodenkan sektor pertanian. Walau bagaimanapun, ketidaktentuan dan kelembapan ekonomi dunia telah menjejaskan ekonomi negara, terutama pada tahun 2020. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan rantaian nilai global dan aktiviti ekonomi domestik.


Pencapaian Sasaran Terpilih

Empat sasaran, iaitu sumbangan kepada KDNK, pertumbuhan sektor, produktiviti buruh dan jumlah eksport telah dipilih untuk memperkukuh pertumbuhan ekonomi dan mempercepat reformasi struktur dalam setiap sektor, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 2-1*. Sasaran sumbangan sektor perkhidmatan dan pembuatan kepada KDNK telah dicapai, manakala pencapaian sektor pembinaan, pertanian dan perlombongan adalah di bawah sasaran. Harga komoditi yang tidak menentu menyebabkan sumbangan sektor pertanian kepada KDNK adalah rendah. Manakala sektor perlombongan terjejas disebabkan oleh harga minyak dan gas dunia yang lebih rendah. Dalam aspek nilai ditambah, semua sektor mencatat pertumbuhan positif walaupun lebih rendah daripada sasaran yang ditetapkan, kecuali sektor perlombongan yang menguncup pada kadar purata 2.2% dan pembinaan pada 0.7% setahun, disebabkan oleh pandemik COVID-19 pada tahun 2020. Bagi produktiviti buruh, hanya sektor pertanian melepasi sasaran di mana sektor tersebut berkembang sebanyak 0.5% setahun. Sektor lain tidak mencapai sasaran berikutan tahap penerimagunaan automasi yang perlahan serta kebergantungan yang tinggi kepada pekerja yang berkemahiran rendah. Prestasi eksport semua sektor adalah di bawah sasaran berikutan penurunan mendadak permintaan global pada penghujung tempoh RMKe-11.

Paparan 2-1


Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih

Sumbangan kepada KDNK




2020 2020

Pertanian




2020 2020

Perlombongan




2020 2020

Pembinaan



2020 2020


Pembuatan



2020 2020


Perkhidmatan

Pertumbuhan Nilai Ditambah




2016-2020 2016-2020

Pertanian




2016-2020 2016-2020

Perlombongan




2016-2020 2016-2020

Pembinaan



2016-2020 2016-2020

Pembuatan



2016-2020 2016-2020

Perkhidmatan


Pertumbuhan Produktiviti Buruh




2020 2020
Pertanian




2020 2020
Perlombongan



2020 2020
Pembinaan




2020 2020
Pembuatan




2020 2020
Perkhidmatan


Jumlah Eksport




2016-2020 2016-2020
Pertanian




2016-2020 2016-2020
Perlombongan



2016-2020 2016-2020
Pembinaan



2016-2020 2016-2020
Pembuatan



2016-2020 2016-2020
Perkhidmatan



Pencapaian Inisiatif Terpilih

Sektor Pertanian

Pelbagai langkah telah dilaksana dalam sektor pertanian untuk meningkatkan pengeluaran yang mampan. Langkah ini bagi menambah baik kecukupan bekalan makanan dan membolehkan petani[1] menjana pendapatan yang tinggi dan mampan. Ini termasuk penyediaan sokongan kewangan, insentif untuk automasi dan mekanisasi, saluran pemasaran yang cekap serta pembangunan keupayaan dan infrastruktur. Sebanyak 113 outlet pasaran baharu seperti Pasar Tani, Gerai Buah-Buahan Segar, Agrobazaar Kedai Rakyat dan Agrobazaar Rakyat Pasar telah dibangunkan sebagai tambahan kepada 784 outlet sedia ada untuk meningkatkan akses pasaran kepada petani dan pengguna. Nilai jualan yang telah dijana daripada keseluruhan 897 outlet ini adalah berjumlah RM7.9 bilion. Kawasan yang dikhaskan bagi pengeluaran makanan telah menyumbang kepada pengeluaran hasil pertanian yang bernilai RM1.5 bilion melibatkan 3,857 agropreneur. Pinjaman berjumlah RM133 juta telah diluluskan kepada 3,700 agropreneur untuk melaksana pelbagai aktiviti berkaitan subsektor agromakanan. Di bawah Program Agropreneur Muda, geran dan pinjaman berjumlah RM126 juta telah diluluskan yang memberi manfaat kepada 6,969 agropreneur muda untuk memula dan mengembangkan aktiviti pertanian. Geran padanan berjumlah RM76 juta telah disalurkan bagi automasi dan mekanisasi. Seramai 4,960 petani telah memperoleh pensijilan Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) yang menyumbang kepada pengeluaran hasil pertanian yang selamat dan berkualiti.

Beberapa langkah telah dilaksana untuk memperkukuh aktiviti huluan dan hiliran subsektor agrikomoditi[2]. Ini memberi manfaat kepada hampir sejuta pekebun kecil, terutama yang terlibat dalam penanaman kelapa sawit, getah dan koko. Langkah ini termasuk perluasan program penanaman semula dengan penggunaan jenis benih berkualiti tinggi serta peningkatan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan penerimagunaan teknologi. Pelaksanaan pengurusan ladang yang mampan dan penggunaan sumber yang optimum melalui penyatuan tanah pekebun kecil turut memperkukuh aktiviti huluan subsektor agrikomoditi. Subsektor ini telah berjaya menarik pelaburan dalam aktiviti hiliran dengan jumlah modal yang diluluskan meningkat daripada RM3.6 bilion pada tahun 2016 kepada RM7.6 bilion pada tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, 38.2% adalah pelaburan domestik. Dalam aspek amalan pertanian mampan, 88% daripada 5.9 juta hektar kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit telah menerima pensijilan Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO).

Sektor Pembinaan

Program Transformasi Industri Pembinaan, 2016-2020 (CITP) telah dilaksana sebagai agenda nasional untuk mentransformasi sektor pembinaan menjadi lebih mesra alam dan cekap kos. Kajian separuh penggal CITP telah menyusun semula 115 KPI kepada 36 KPI sebagai usaha mempercepat transformasi sektor pembinaan dengan prestasi keseluruhan mencapai 91%. Selain itu, kadar penggunaan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam projek awam adalah sebanyak 85% pada tahun 2020, iaitu lebih tinggi berbanding sasaran sebanyak 80%. Walau bagaimanapun, kadar penggunaan IBS dalam projek swasta adalah 41%, iaitu lebih rendah daripada sasaran 50%. Pusat MyBIM telah ditubuhkan pada tahun 2017 sebagai pusat rujukan sehenti yang menyediakan perkhidmatan sokongan dan latihan kemahiran untuk mempercepat penerimagunaan teknologi dalam sektor pembinaan.

Sektor Pembuatan

Program Pembangunan Produk Nilai Ditambah yang Tinggi dan Kompleks telah diperkenal pada tahun 2016. Program ini bertujuan meningkatkan keupayaan dan kecekapan pemain industri dalam membangunkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan kompleks. Sehingga tahun 2020, sebanyak 60 projek dilaksana di bawah program ini dengan kerjasama antara pihak awam, swasta dan akademik. Hasil daripada projek tersebut, sebanyak 57 produk baharu yang kompleks[3] dan 29 pemboleh daya industri[4] yang baharu telah dibangunkan. Sebanyak 12 harta intelek telah difailkan. Di samping itu, selaras dengan Dasar Automotif Negara 2014 (NAP 2014), pelbagai program telah dilaksana untuk meningkatkan jumlah vendor yang memenuhi syarat kelayakan minimum sebagai pembekal kepada pengilang peralatan tulen (OEM) dan menyertai rantaian bekalan. Hasilnya, bilangan vendor yang layak meningkat daripada 277 syarikat pada tahun 2014 kepada 498 pada tahun

[1] Semua petani merangkumi nelayan, penternak, agropeneur dan pekebun kecil bagi subsektor agromakanan dan agrikomoditi.
[2] Komoditi berasaskan pertanian yang merangkumi kelapa sawit, getah, kayu balak, koko, lada, kenaf dan komoditi lain di bawah bidang kuasa Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi.
[3] Produk yang mempunyai peluang strategik untuk dipelbagaikan berdasarkan kepada pengukuran kompleksiti ekonomi.
[4] Pemangkin dalam menghasilkan sesuatu produk secara lebih efisien dan produktif. Antara pembolehcara yang telah dibangunkan adalah standard, makmal pengujian dan sistem.

2020 dengan eksport peralatan dan komponen automotif meningkat daripada RM4.7 bilion kepada RM11.3 bilion dalam tempoh yang sama. Bagi memastikan industri automotif terus kompetitif, Dasar Automotif Negara 2020 (NAP 2020) telah dilancarkan pada Februari 2020 dengan matlamat untuk menjadikan negara sebagai peneraju pembuatan automotif di rantau ini.

Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD) telah dilancarkan pada tahun 2018 untuk memangkin perubahan terhadap tenaga kerja, proses dan teknologi dalam sektor pembuatan. Sebanyak 890 firma telah dinilai melalui Program Penilaian Kesediaan (RAP) bagi menentukan tahap kesediaan firma menerima guna teknologi berkaitan Industri 4.0. Di samping itu, usaha bagi menggalakkan firma memodenkan kilang pengeluaran, memperoleh teknologi baharu, meningkatkan kemahiran pekerja serta meneroka pasaran baharu telah dilaksana melalui Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF). Dalam tempoh RMKe-11, sejumlah RM837 juta geran padanan DISF telah diluluskan kepada 183 projek.

Sektor Perkhidmatan

Subsektor perkhidmatan tradisional merupakan penyumbang utama kepada sektor perkhidmatan sebanyak 71.1%, manakala baki sebanyak 28.9% disumbang oleh subsektor perkhidmatan moden[5]. Subsektor perkhidmatan moden mencatatkan pertumbuhan yang lebih tinggi sebanyak 5.1% setahun berbanding 3.2% bagi subsektor perkhidmatan tradisional dalam tempoh RMKe-11. Prestasi yang lebih baik bagi subsektor perkhidmatan moden ini disumbang oleh subsektor maklumat dan komunikasi, kewangan dan insurans, serta perkhidmatan perniagaan.

Usaha mentransformasi sektor perkhidmatan untuk menjadi sektor yang lebih berintensif pengetahuan dan diterajui inovasi telah dilaksana melalui 29 pelan tindakan di bawah Blueprint Sektor Perkhidmatan, 2015-2020 (SSB). Pencapaian purata kumulatif untuk empat dasar utama di bawah SSB adalah sebanyak 93.3%. Dasar utama tersebut adalah strategi pengantarabangsaan, insentif pelaburan, pembaharuan tadbir urus sektor dan pembangunan modal insan. Strategi pengantarabangsaan telah mencatat prestasi yang paling rendah, iaitu 89.5%.

Pendekatan yang diambil untuk memperkukuh tadbir urus dalam sektor perkhidmatan termasuk menambah baik undang-undang dan peraturan berkaitan pembangunan beberapa subsektor. Akta Perlindungan Pengguna 1999 telah dipinda pada tahun 2017 untuk mengawal selia jualan kredit. Pindaan pada tahun 2019 pula bertujuan untuk meningkatkan had bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna daripada RM25,000 kepada RM50,000. Garis Panduan Penyertaan Asing dalam Sektor Perdagangan Pengedaran Malaysia 2010 telah disemak semula pada tahun 2019 sejajar dengan pertumbuhan pesat e-dagang dan untuk menarik pelaburan asing baharu secara lebih berkesan. Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 [Akta 775] diperkenal untuk mengawal selia perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K). Blueprint Perubatan Tradisional dan Komplementari, 2018-2027 telah dilancar pada tahun 2018 sebagai panduan bagi pembangunan perkhidmatan PT&K dalam aspek amalan, pendidikan, latihan serta bahan dan produk perubatan herba serta penyelidikan.

Pembangunan sektor perkhidmatan kewangan adalah berpandukan Pelan Induk Pasaran Modal 2 dan Rangka Tindakan Sektor Kewangan bagi tempoh 2011 hingga 2020. Pasaran modal meningkat sebanyak 5% setahun daripada RM2.8 trilion pada tahun 2016 kepada RM3.4 trilion pada tahun 2020. Aset sistem perbankan dan insurans dan takaful pula meningkat sebanyak 5.1% setahun daripada RM2.7 trilion kepada RM3.3 trilion dalam tempoh yang sama. Jumlah aset pasaran modal, sistem perbankan serta insurans dan takaful adalah 4.8 kali ganda saiz KDNK pada tahun 2020. Di samping itu, kaedah pengumpulan dana alternatif dalam pasaran modal seperti Modal Teroka (VC), Ekuiti Swasta (PE), Pendanaan Ramai berasaskan Ekuiti (ECF), Pembiayaan antara Rakan Setara (P2P) mencatat pertumbuhan sebanyak 13.6% setahun daripada RM579.7 juta pada tahun 2016 kepada RM965 juta pada tahun 2020. Kaedah ini menjadi pelengkap kepada sistem perbankan dalam menyalurkan modal kepada syarikat yang berpotensi tinggi dan aktiviti berinovatif.

[5] Merangkumi subsektor perkhidmatan maklumat dan komunikasi, kewangan dan insurans, perkhidmatan perniagaan, penjagaan kesihatan swasta dan pendidikan swasta.

Paparan 2-2

Produktiviti Buruh bagi Sembilan Nexus Produktiviti, 2017-2020

Sektor	Subsektor[1]	RM '000 bagi setiap Pekerja, pada Harga Malar 2015		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
		2017	2020	2018-2020
Pertanian	Agromakanan	89.2	91.9	*1.0*
Pembuatan	Kimia dan Produk Kimia	291.1	276.8	*-1.7*
	Jentera dan Peralatan	84.5	86.2	*0.7*
	Elektrik dan Elektronik	164.8	177.4	*2.5*
Perkhidmatan	Peruncitan dan Makanan & Minuman	44.4	42.7	*-1.3*
	Pelancongan	66.9	37.3	*-17.7*
	Perkhidmatan ICT	339.2	367.3	*2.7*
	Perkhidmatan Profesional	76.9	78.0	*0.5*
	Penjagaan Kesihatan Swasta	61.3	59.1	*-1.3*
	Keseluruhan	**82.7**	**82.3**	***-0.2***

Nota: [1] Definisi subsektor adalah sejajar dengan skop bagi setiap Nexus Produktiviti.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Produktiviti

Produktiviti buruh secara keseluruhan mencatatkan kadar pertumbuhan purata sebanyak 1.1% setahun dalam tempoh RMKe-11, iaitu daripada RM84,114 bagi setiap pekerja pada tahun 2015 kepada RM89,025 pada tahun 2020. Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) yang dilancar pada tahun 2017 menyediakan satu rangka kerja untuk meningkatkan produktiviti secara lebih komprehensif dan bersepadu. Antara inisiatif yang telah dilaksana termasuk membangunkan Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx), melancarkan Industry4WRD dan mewujudkan portal Konsultasi Awam Berpusat. Sistem ePPAx telah mempercepat dan memudahkan pengambilan pekerja asing dalam sektor yang dibenarkan. Portal Konsultasi Awam Berpusat telah dilancar pada tahun 2019 bagi menyediakan platform kepada orang awam untuk memberi pandangan dan maklum balas terhadap peraturan atau pindaan undang-undang sedia ada bagi menambah baik tadbir urus.

Sembilan Nexus Produktiviti yang diterajui oleh sektor swasta telah melaksana pelbagai program pada peringkat perusahaan yang memberi manfaat kepada lebih daripada 10,000 syarikat. Program yang dilaksana antara lain, termasuk *Post School Finishing* (PSF) di bawah Nexus Produktiviti Elektrik dan Elektronik yang berjaya melatih 127 graduan kejuruteraan dalam bidang reka bentuk litar bersepadu. Selain itu, program *Industrial IoT PLUGFEST* dibangunkan untuk mempercepat penerimagunaan internet benda (IoT) yang memberi manfaat kepada 200 perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) dalam subsektor elektrik dan elektronik (E&E). Di samping itu, *Malaysia Tourism Excellence Business Certification* (MaTEx) telah dianugerahkan kepada 250 perusahaan yang memenuhi piawaian kualiti MaTEx di bawah Nexus Produktiviti Pelancongan. Pertumbuhan produktiviti buruh bagi subsektor di bawah sembilan Nexus Produktiviti menguncup sedikit pada kadar purata sebanyak 0.2% setahun bagi tempoh 2018 hingga 2020 disebabkan oleh pandemik COVID-19, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 2-2*.

Isu dan Cabaran

Sektor ekonomi terus berhadapan isu dan cabaran yang menjejaskan daya saing dan menghalang semua sektor daripada mencapai potensi pertumbuhan sepenuhnya. Malaysia ketinggalan dari aspek pertumbuhan produktiviti berbanding kebanyakan negara serantau. Isu berkaitan firma kurang berdaya saing, akses pasaran yang terhad, tindak balas yang perlahan terhadap trend baharu muncul serta pembangunan perindustrian yang tidak seimbang, terutama di kawasan yang kurang maju telah memperlahan pertumbuhan sektor. Selain itu, mekanisme pelaksanaan dan tadbir urus yang kurang berkesan telah menyebabkan ketidakcekapan dan peningkatan kos untuk menjalankan perniagaan. Isu dan cabaran ini dirumitkan lagi oleh pandemik COVID-19 yang memerlukan strategi komprehensif dan pelaksanaan yang berkesan dalam memulihkan momentum pertumbuhan.

Isu dan Cabaran

- Produktiviti Rendah
- Akses Pasaran yang Rendah dan Firma Kurang Berdaya Saing
- Perubahan Pesat dalam Landskap Kewangan
- Pembangunan Perindustrian yang Tidak Seimbang antara Wilayah
- Tadbir Urus dan Mekanisme Pelaksanaan yang Kurang Berkesan

Produktiviti Rendah

Malaysia masih berhadapan dengan pelbagai isu berkaitan produktiviti, berpunca daripada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang rendah, kekurangan keupayaan kewangan dan pengurusan sumber yang tidak cekap. Pertumbuhan produktiviti dalam kebanyakan sektor masih rendah berbanding sasaran kerana kebergantungan berterusan kepada tenaga kerja berkemahiran rendah dan peralihan kepada automasi dan mekanisasi yang perlahan. Dalam sektor pertanian, mekanisme pembiayaan yang kurang mampan bagi penanaman semula telah menjejaskan daya maju pekebun kecil, seterusnya mengakibatkan pengeluaran hasil yang rendah. Pengurusan ladang yang kurang cekap dan kawasan pertanian yang berselerak mengehadkan penggunaan tanah secara optimum dan penerimagunaan teknologi pertanian moden. Di samping itu, kehilangan hasil lepas tuai yang tinggi di sepanjang rantaian bekalan menyumbang kepada produktiviti yang rendah. Produktiviti sektor pembinaan masih ketinggalan berikutan penerimagunaan IBS dan alat teknologi lain termasuk Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) yang perlahan.

Dari segi pelaksanaan MPB, penggubalan serta perancangan program dan inisiatif produktiviti peringkat perusahaan masih berasaskan analisis pada peringkat makro. Pendekatan ini kurang berkesan dalam mengenal pasti isu pada peringkat perusahaan yang pelbagai seperti kuasa pasaran, persaingan produk, kedinamikan firma dan pengagihan sumber. Di samping itu, kaedah penilaian ke atas inisiatif, program dan insentif MPB juga kurang teratur. Di samping itu, pelaksanaan program di bawah beberapa Nexus Produktiviti terhad kepada lokasi geografi yang menjadi tumpuan industri, terutama di Lembah Klang. Sehubungan itu, inisiatif tersebut hanya memberi manfaat kepada sebilangan kecil firma sahaja.

Akses Pasaran yang Rendah dan Firma Kurang Berdaya Saing

Kebanyakan firma tempatan dalam kesemua sektor ekonomi menghadapi cabaran untuk berkembang di dalam atau luar negara kerana keupayaan yang rendah untuk menembusi pasaran dan kekurangan daya saing untuk menyertai rantaian bekalan global. Walaupun 13 perjanjian perdagangan bebas (FTA) telah dimeterai pada peringkat dua hala dan pelbagai hala, namun manfaat yang diterima daripada kebanyakan FTA ini tidak seperti yang dijangka, antaranya disebabkan kekurangan pengetahuan dan pemahaman oleh firma. Di samping itu, pasaran tempatan yang kurang cekap dan persaingan yang tidak sihat dalam sektor pertanian, terutama eksploitasi yang berlebihan oleh orang tengah dalam saluran pengedaran telah mengehadkan akses kepada pasaran.

Firma tempatan termasuk pengamal profesional kecil dan sederhana (PPKS) menghadapi cabaran dalam mengendalikan projek besar pada peringkat antarabangsa. Ini disebabkan oleh kekurangan keupayaan dan kemampuan serta kekangan kewangan dan pengalaman. Di samping itu, dasar pelaburan dan perolehan semasa syarikat berkaitan kerajaan (GLC) pula mengutamakan syarikat besar dan berpengalaman. Oleh itu, PPKS yang kurang berpengalaman tidak dapat menyertai aktiviti perniagaan GLC pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Selain itu, peraturan domestik Malaysia juga dianggap lebih akomodatif kepada perkhidmatan tradisional bernilai ditambah yang rendah, berbanding dengan subsektor perkhidmatan moden berteknologi tinggi. Tambahan pula, insentif cukai dalam teknologi baru muncul seperti AI dan *blockchain* masih kurang fleksibel dalam memenuhi perubahan dinamik dalam pasaran. Ini diikuti dengan kesediaan yang rendah dalam kalangan pemain industri untuk mengadaptasi teknologi dan melabur dalam bakat untuk laluan kerjaya yang lebih baik. Ini menghalang daya saing dan daya tahan firma untuk berkembang ke pasaran global.

Industri logistik adalah tidak bersepadu dan mempunyai ekonomi bidangan yang terhad. Kebanyakan syarikat adalah bersaiz kecil dan sederhana yang bersaing menggunakan strategi harga yang agresif dan bukannya berdasarkan penawaran perkhidmatan yang berkualiti dan pelbagai. Sebilangan besar penyedia perkhidmatan menawarkan perkhidmatan pengangkutan dan penyimpanan yang asas dan kurang keupayaan untuk menyediakan perkhidmatan khusus atau bersepadu. Syarikat Malaysia lemah dalam mengguna pakai konsep perkhidmatan pengangkutan pelbagai mod, akibatnya gagal untuk meningkatkan kecekapan rantaian bekalan logistik. Kos perkhidmatan logistik di Malaysia lebih tinggi berbanding dengan pesaing serantau. Tambahan pula, industri ini berhadapan dengan kekurangan bakat yang berkemahiran dan berpengalaman serta mempunyai ciri-ciri keusahawanan. Tahap penerimagunaan teknologi dalam industri ini juga masih rendah. Pemain industri dalam sektor ini kekurangan dorongan untuk meningkatkan daya saing dalam penyediaan perkhidmatan berkualiti. Kebanyakan pemain dalam industri ini tertumpu dalam pasaran domestik.

Ketersambungan adalah kurang lancar, terutama ketersambungan batuan akhir di kawasan luar bandar dan terpencil serta kekurangan kemudahan, seperti gudang dan depot yang telah menyebabkan peningkatan kos dan kelewatan pergerakan barang. Selain itu, kedudukan Malaysia dalam tiga indeks global utama, iaitu *World Competitiveness Yearbook 2021* pada kedudukan ke-25, *Global Competitiveness Index 2019/2020* pada kedudukan ke-27 dan Indeks Pencapaian Logistik 2018 pada kedudukan ke-41, masih ketinggalan berbanding negara jiran. Ini menunjukkan pelaksanaan dasar yang lemah dan kekurangan langkah yang berkesan untuk meningkatkan daya saing. Peningkatan infrastruktur logistik dan pemasaran yang lebih agresif oleh negara-negara jiran sebagai hab logistik telah memberikan cabaran kepada Malaysia untuk mencapai matlamat menjadi hab logistik serantau.

Perubahan Pesat dalam Landskap Kewangan

Sektor kewangan menghadapi cabaran baharu berikutan perubahan pesat dalam pasaran antarabangsa dan tempatan. Ketidaktentuan pasaran yang semakin meningkat, termasuk kesan krisis kesihatan global dan kejutan negatif yang lain, telah memberi cabaran kepada sistem perbankan dan pasaran modal. Penyesuaian dan tindak balas yang perlahan terhadap trend mega global seperti kemajuan teknologi dan pendigitalan yang pesat, penyusunan semula rantaian nilai global serta perubahan permintaan pengguna telah memberi kesan kepada kecekapan dan daya saing sektor kewangan. Di samping itu, terdapat persaingan yang sengit daripada negara serantau yang menawarkan produk dan perkhidmatan kewangan yang inovatif.

Pembangunan Perindustrian yang Tidak Seimbang antara Wilayah

Jurang pembangunan yang besar masih wujud antara wilayah, serta antara kawasan bandar dan luar bandar. Wilayah Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak menghadapi cabaran dalam menarik pelaburan disebabkan oleh infrastruktur seperti utiliti, telekomunikasi dan pengangkutan yang tidak mencukupi. Di samping itu, perancangan pembangunan taman perindustrian adalah lemah, manakala pengurusan dan penyelenggaraan di beberapa taman perindustrian tersebut tidak memenuhi jangkaan dan keperluan pelabur. Perkara ini menyebabkan beberapa taman perindustrian tidak digunakan sepenuhnya dan kebanyakan pembangunan hanya tertumpu di kawasan membangun.

Tadbir Urus dan Mekanisme Pelaksanaan yang Kurang Berkesan

Pelaksanaan dasar sedia ada masih menjadi cabaran dalam memenuhi keperluan pelbagai sektor ekonomi. Beberapa peraturan dan program ditadbir oleh pelbagai agensi, menyebabkan pertindihan peranan dan fungsi serta kumpulan sasar. Ini dibuktikan oleh pertindanan dalam penyaluran geran dan penyediaan latihan, menyebabkan tingkah laku mengambil kesempatan dan mengakibatkan ketidakcekapan penggunaan sumber. Di samping itu, platform sedia ada bagi kerjasama dalam kalangan agensi tidak dimanfaatkan sepenuhnya yang mengakibatkan penyelarasan dan pemantauan yang tidak bersepadu. Perkongsian data yang terhad dan kekurangan analitis data raya (BDA) dalam kalangan agensi juga telah menjejaskan keseluruhan perancangan dan pelaksanaan pembangunan.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan ditumpu untuk mencergaskan semula ekonomi bagi memastikan momentum pertumbuhan dapat dipulihkan. Ini akan dicapai dengan melonjakkan pertumbuhan produktiviti, memperluas pasaran eksport, memperkukuh keberkesanan ekosistem pengantaraan kewangan, mempertingkat peranan kawasan perindustrian dan pengeluaran makanan serta menambah baik tadbir urus dan dasar. Sektor swasta akan memainkan peranan yang lebih besar dalam mengembalikan semula momentum pertumbuhan dalam menghadapi cabaran masa hadapan dan bersaing di pasaran global.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Mengembalikan Semula Momentum Pertumbuhan

Bidang Keutamaan A

Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti

Strategi A1
Memperkukuh Mekanisme Perancangan, Penilaian dan Pemantauan

Strategi A2
Beralih Kepada Rantaian Nilai Lebih Tinggi

Strategi A3
Memperkukuh Keupayaan Kewangan

Strategi A4
Meningkatkan Kejayaan Nexus Produktiviti

Strategi A5
Meningkatkan Amalan Hijau

Bidang Keutamaan B

Memperluas Pasaran Eksport

Strategi B1
Meningkatkan Kecekapan Pasaran

Strategi B2
Memperkasa Industri untuk Bersaing dalam Pasaran Domestik dan Antarabangsa

Strategi B3
Memperkukuh Fasilitasi Perdagangan

Bidang Keutamaan C

Memperkukuh Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan

Strategi C1
Mentransformasi Ekosistem Kewangan bagi Memenuhi Keperluan Ekonomi Masa Hadapan

Strategi C2
Meningkatkan Daya Tahan dan Tadbir Urus Sistem Kewangan

Strategi C3
Menggalakkan Sistem Kewangan yang Mampan dan Inklusif

Bidang Keutamaan D

Memperkukuh Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan

Strategi D1
Mempertingkat Peranan Kawasan Perindustrian dan Kawasan Pengeluaran Makanan sebagai Pemangkin Pertumbuhan

Strategi D2
Mencapai Pembangunan Kawasan Perindustrian yang Seimbang

Bidang Keutamaan E

Menambah Baik Dasar dan Tadbir Urus

Strategi E1
Memperkukuh Penyelarasan dan Kerjasama

Strategi E2
Memperkukuh Peranan dan Fungsi Institusi

Strategi E3
Memperkukuh Dasar dan Perundangan



Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti

Purata Pertumbuhan Produktiviti Buruh



2021-2025

Pertanian



2021-2025

Perlombongan



2021-2025

Pembinaan



2021-2025

Pembuatan



2021-2025

Perkhidmatan

Memperluas Pasaran Eksport

Jumlah Eksport



2025

Pertanian



2025

Perlombongan



2025

Pembinaan



2025

Pembuatan



2025

Perkhidmatan

Memperkukuh Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan



2021

Pasaran Kewangan



2021

Pasaran Modal

Memperkukuh Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan



2025

Kadar Penggunaan di Kawasan Khas Pengeluaran Makanan



2025

Peningkatan Kadar Penggunaan di Kawasan Perindustrian Terpilih

Menambah Baik Dasar dan Tadbir Urus



2021 2021

Pertanian



2021

Perlombongan



2021

Pembinaan



2021

Pembuatan



2022

Perkhidmatan

Sasaran

SDG

WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Melonjakkan Pertumbuhan Produktiviti

Malaysia menetapkan matlamat untuk melonjakkan pertumbuhan produktiviti merentas semua sektor bagi memulihkan momentum pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing industri. Penekanan akan diberi untuk memperkukuh mekanisme perancangan, penilaian dan pemantauan, beralih kepada rantaian nilai lebih tinggi dan memperkukuh keupayaan kewangan. Di samping itu, langkah akan diambil untuk meningkatkan pencapaian inisiatif di bawah Nexus Produktiviti. Amalan hijau juga akan ditingkatkan dalam menguruskan isu sumber dan alam sekitar. Langkah ini akan memacu pertumbuhan produktiviti dan meningkatkan kecekapan.

- Strategi A1 — Memperkukuh Mekanisme Perancangan, Penilaian dan Pemantauan
- Strategi A2 — Beralih kepada Rantaian Nilai Lebih Tinggi
- Strategi A3 — Memperkukuh Keupayaan Kewangan
- Strategi A4 — Meningkatkan Kejayaan Nexus Produktiviti
- Strategi A5 — Meningkatkan Amalan Hijau

Strategi A1

Memperkukuh Mekanisme Perancangan, Penilaian dan Pemantauan

Mekanisme perancangan, penilaian dan pemantauan yang mantap adalah penting untuk memastikan dasar pertumbuhan produktiviti mencapai keberhasilan yang ditetapkan. Penggubalan dasar berasaskan bukti (EBP) akan digalakkan, termasuk dengan mewujudkan rangka kerja perkongsian data yang mesra pengguna. Di samping itu, kaedah penilaian dan pemantauan program akan ditambah baik untuk meningkatkan keberkesanan inisiatif produktiviti.

Menggalakkan Penggubalan Dasar Berasaskan Bukti

Penggunaan pendekatan EBP akan menambah baik keberkesanan dasar dan program dengan memanfaatkan penyelidikan dan kajian sedia ada. Penerimagunaan EBP akan disokong dengan penubuhan rangkaian khusus untuk memudahkan penyelidikan berkaitan produktiviti. Rangkaian ini akan melibatkan penyertaan pakar daripada agensi kerajaan, institusi penyelidikan dan institusi pengajian tinggi yang juga akan membolehkan kerjasama yang lebih baik antara penyelidik antarabangsa dan tempatan. Di samping itu, pengumpulan data mikro akan diperkukuh, termasuk membangunkan set data yang menghubungkan majikan dan pekerja. Set data ini akan mengenal pasti pelbagai faktor penting yang menghalang produktiviti pada peringkat firma. Rangka kerja perkongsian data yang mesra pengguna akan dibangunkan untuk menambah baik ekosistem penyelidikan. Penambahbaikan ini akan memudahkan capaian dan meningkatkan ketelusan data mikro serta menggalakkan kepelbagaian penyelidikan.

Menambah Baik Penilaian dan Pemantauan Program

Rangka kerja penilaian program yang berstruktur akan dibangunkan bagi menilai keberkesanan semua program produktiviti, terutama bagi memastikan pelaksanaan intervensi yang lebih cekap kos. Mekanisme pemantauan dan pelaporan akan diperkukuh untuk memastikan ketelusan dan kemampanan program intervensi. Dalam hubungan ini, penemuan daripada penilaian dan pemantauan program ini akan dijadikan rujukan dalam menambah baik program sedia ada dan membangunkan program baharu berkaitan produktiviti.

Strategi A2

Beralih kepada Rantaian Nilai Lebih Tinggi

Semua sektor perlu beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi sebagai usaha untuk memperkukuh daya tahan. Peralihan ini perlu dilaksana dengan meningkatkan kecekapan dan memodenkan proses pengeluaran serta membangunkan produk dan perkhidmatan baharu. Langkah akan diperkenal untuk membolehkan semua sektor ekonomi meningkatkan rantaian nilai dengan menambah baik proses pengeluaran dan operasi, menerima pakai teknologi bagi pembangunan produk baharu, mempercepat pembangunan bakat serta meningkatkan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Ini akan memperkukuh daya saing perniagaan, seterusnya meningkatkan produktiviti dalam semua sektor.

Menambah Baik Proses Pengeluaran dan Operasi

Operasi dan proses pengeluaran dalam *sektor pertanian* akan ditambah baik bagi meminimumkan kos, mengurangkan masa pemprosesan dan memanfaatkan sepenuhnya penggunaan sumber melalui penerimagunaan teknologi digital. Petani akan digalakkan untuk menggunakan aplikasi digital dalam amalan pengurusan ladang dan perikanan, proses pengeluaran dan pemasaran. Sektor ini akan menggunakan BDA bagi membolehkan petani mengakses data terperinci seperti tanah pertanian, input ladang, insentif dan bantuan kewangan serta permintaan pasaran dalam membuat keputusan pintar berkaitan pengeluaran. Penggunaan sistem pengesanan ikan berasaskan sonar akan menggalakkan aktiviti perikanan laut yang cekap. Selain itu, petani serta koperasi dan persatuan berkaitan pertanian akan digalakkan untuk memanfaatkan platform e-dagang bagi meningkatkan pemasaran hasil pertanian. Ini akan mengurangkan kebergantungan yang berlebihan kepada orang tengah. Platform ini juga akan membuka peluang kepada penyumberan luar perkhidmatan jentera dan peralatan perladangan bagi memanfaatkan sepenuhnya sumber dan mencapai kecekapan kos. Penerimagunaan teknologi dalam sektor pertanian akan turut meminimumkan risiko pengoperasian ladang akibat krisis berkaitan kesihatan bagi memastikan pengeluaran tidak terjejas.

Dalam *sektor pembinaan*, penerimagunaan teknologi termaju, merangkumi realiti terimbuh (AR) dan realiti maya (VR) bagi projek bangunan dan infrastruktur akan dipertingkat sejajar dengan Pelan Strategik Pembinaan 4.0. Usaha juga akan dilaksana untuk meningkatkan keberkesanan pelaksanaan dan pemantauan projek dengan menggalakkan kerjasama pada masa nyata. Mekanisme bagi permohonan dan kelulusan projek dalam talian sedia ada akan ditambah baik bagi memudah dan memendekkan proses kelulusan. Bagi tujuan ini, platform *One Stop Center (OSC) 3 Plus Online* yang diguna pakai oleh pihak berkuasa tempatan akan diintegrasi dengan sistem BIM *e-submission*. Pengintegrasian ini membolehkan perkongsian maklumat dalam kalangan pihak berkuasa yang melulus dan melaksana penilaian pelan bangunan dengan menggunakan model maklumat tiga dimensi.

Kualiti projek pembangunan akan terus ditingkatkan melalui penggunaan kaedah penilaian kualiti yang lebih meluas. Dalam hubungan ini, penggunaan Skor IBS dan Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan bagi menilai projek pembinaan akan diperluas, terutama dalam sektor swasta. Penggunaan kaedah ini akan menyumbang kepada usaha untuk menggalakkan amalan terbaik, meningkatkan kewibawaan pemain industri dan mengurangkan kebergantungan kepada tenaga kerja berkemahiran rendah, terutama pekerja asing.

Usaha akan diambil untuk memoden dan mendigitalkan operasi dan proses dalam *sektor pembuatan* yang akan melonjakkan industri bagi mencapai produktiviti yang lebih tinggi. Pelaksanaan Industry4WRD akan dipergiat, terutama dalam membangunkan keupayaan *system integrator* tempatan bagi menyediakan penyelesaian yang berinovasi berkaitan dengan pendigitalan proses pengeluaran. Di samping itu, pelaksanaan RAP juga akan ditambah baik untuk memberi kemudahan kepada lebih banyak firma menerima guna teknologi berkaitan Industri 4.0 bagi meningkatkan produktiviti.

Usaha bersepadu akan dilaksana bagi memastikan penerimagunaan teknologi yang lebih tinggi untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti merentas *sektor perkhidmatan*. Bagi subsektor perkhidmatan moden seperti kewangan, perkhidmatan profesional dan penjagaan kesihatan swasta, tumpuan akan diberi kepada penerimagunaan teknologi 4IR untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan dalam penyampaian perkhidmatan. Bagi subsektor borong dan runcit, tumpuan akan diberi untuk memodenkan aktiviti perniagaan yang dikendalikan secara manual. Peruncit berskala besar akan digalakkan untuk melabur dalam sistem yang mempunyai keberkesanan kos dan meningkatkan pengalaman pelanggan, termasuk mendaftar keluar secara kendiri serta memilih dan membungkus. Selain itu, penjaja dan peniaga kecil akan digalakkan untuk menerima guna gerbang pembayaran pelbagai saluran, termasuk e-pembayaran dan e-dompet sebagai langkah untuk memodenkan perniagaan.

Pendigitalan dalam perkhidmatan logistik adalah penting untuk meningkatkan produktiviti dan kecekapan serta menyampaikan perkhidmatan yang berkualiti. Industri ini akan digalakkan untuk mendigitalkan dan menghubungkan operasi ke platform bersepadu dalam mewujudkan rantaian bekalan yang pintar dan lebih cekap. Inisiatif ini akan membantu melancarkan perkongsian maklumat dan meningkatkan kecekapan kos, seterusnya memberi manfaat kepada pengguna akhir dan memacu daya saing industri logistik. Selaras dengan peningkatan permintaan daripada platform e-dagang dan bagi memenuhi permintaan pengguna, penyedia perkhidmatan logistik akan digalakkan untuk menambah pelaburan dalam pergudangan dan pusat pengedaran bagi meningkatkan kecekapan. Inisiatif ini akan mempercepat pembangunan rantaian bekalan termaju.

Meningkatkan Aktiviti yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi

Dalam *sektor pertanian*, usaha untuk meningkatkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi akan dipergiat dalam aktiviti huluan dan pertengahan. Aktiviti di setiap peringkat ini akan menghasilkan produk pertanian premium, pelbagai jenis benih tanaman dan baka ternakan berhasil tinggi serta produk sampingan yang diterima pada peringkat antarabangsa. Pertanian pintar dan teknologi pertanian tepat akan diguna pakai dengan skala yang lebih luas dalam subsektor agromakanan dan agrikomoditi. Inisiatif ini termasuk menerima pakai kaedah pertanian berteknologi tinggi merangkumi penggunaan BDA, AI dan IoT serta peralatan tepat seperti dron, robotik dan sensor. Tumpuan akan turut diberi bagi membangun dan mengubah suai jentera dan peralatan pertanian untuk disesuaikan dengan keadaan setempat seperti bentuk muka bumi, cuaca dan keperluan tanaman. Di samping itu, pertanian pintar menegak secara tertutup atau kilang tanaman akan diperluas dengan memanfaatkan Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) sedia ada, tanah dan bangunan terbiar. Petani akan digalakkan menerima pakai amalan pertanian organik untuk memenuhi permintaan yang semakin bertambah terhadap produk organik dan menjana pendapatan yang lebih tinggi. Dalam bidang perikanan laut, koperasi dan persatuan berkaitan pertanian akan digalakkan untuk menceburi aktiviti perikanan laut dalam dan laut lepas dengan menggunakan kapal moden dan peralatan inovatif untuk meningkatkan daya saing serta menggalakkan industri perikanan yang mampan.

Sektor perlombongan akan diperkukuh menjadi lebih responsif, mampan dan berdaya saing dalam menyediakan sumber kepada industri lain. Sehubungan itu, industri pertengahan dan hiliran akan diperkukuh untuk meningkatkan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi berkaitan perlombongan. Kerjasama industri dalam R&D, terutama dalam teknologi pemprosesan dan reka bentuk produk akan digalakkan bagi mewujudkan lebih banyak produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Di samping itu, Pelan Transformasi Industri Mineral Negara 2021-2030 akan memacu pembangunan industri mineral secara holistik. Pelan tersebut antara lain akan menambah baik tadbir urus dan perundangan serta pembangunan rantaian nilai dan modal insan. Tambahan pula, kerjasama antarabangsa akan diteroka untuk memudah cara pemindahan teknologi dan pelaburan asing dalam subsektor mineral dan subsektor pembuatan berasaskan mineral. Di samping itu, pelan hala tuju subsektor kimia yang komprehensif akan dibangunkan untuk menangani jurang dalam ekosistem hiliran minyak dan gas, terutama petrokimia. Pelan hala tuju ini juga akan mengenal pasti infrastruktur sokongan yang diperlukan untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti.

Bagi meningkatkan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam *sektor pembinaan*, tumpuan akan diberi dalam menjadikan sektor ini lebih mesra alam. Amalan pembinaan hijau akan menambah baik kecekapan penggunaan sumber dan keberkesanan kos, selain meningkatkan nilai ditambah dalam sektor. Amalan ini juga dapat mengurangkan kesan terhadap alam sekitar. Pemain industri dalam sektor ini akan terus didorong untuk menggunakan reka bentuk bangunan hijau yang menggalakkan kecekapan sumber, tenaga dan air di samping menerapkan ciri-ciri pembinaan yang mempunyai ketahanan terhadap perubahan cuaca yang melampau dan bencana alam.

Penerimagunaan konsep ekonomi kitaran[6] akan meningkatkan penggunaan bahan binaan yang mesra alam, tahan lama serta boleh biodegradasi dan dikitar semula, seterusnya akan mengurangkan kos dan menghasilkan nilai produk yang lebih tinggi. Ekonomi kitaran ini akan digalakkan dengan menggunakan konsep dan teknologi IBS, BIM, *Prefabricated Prefinished Volumetric Construction (PPVC)* dan Kaedah Modular. Inisiatif perolehan hijau dalam sektor pembinaan akan menggalakkan penggunaan bahan mesra alam dan meningkatkan permintaan terhadap bahan binaan hijau yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Pihak pemaju juga digesa untuk menerima guna pensijilan dan prestasi mampan termasuk Alat Penarafan Infrastruktur Lestari (*Sustainable* INFRASTAR), Indeks Bangunan Hijau (GBI) dan GreenRE. Ini bagi memastikan ciri-ciri kelestarian alam sekitar diambil kira, bermula daripada fasa reka bentuk dan pembinaan sehingga fasa operasi.

[6] Ekonomi kitaran memberi penekanan kepada aktiviti memasukkan semula sumber ke dalam sistem persekitaran dan ekonomi melalui guna semula sisa dan inisiatif pencegahan sisa, seterusnya mengurangkan kerugian sumber.

Strategi pertumbuhan dalam *sektor pembuatan* akan memberi tumpuan untuk mengeluarkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan kompleks, terutama dalam E&E, kimia dan produk kimia, jentera dan peralatan (M&E) dan aeroangkasa. Selain itu, peluang untuk pertumbuhan di sepanjang rantaian nilai dalam subsektor pembinaan kapal, farmasi dan peranti perubatan akan diteroka. Peningkatan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam industri automotif akan disokong melalui pelaksanaan NAP 2020. Sektor pembuatan juga akan memberi tumpuan untuk membangun dan menerapkan teknologi penting seperti IoT, AI, *sensor fusion* serta *deep and machine learning* dalam proses pembuatan produk selaras dengan pelaksanaan Industry4WRD. Matlamat sektor ini adalah untuk meningkatkan pengeluaran peralatan dan komponen kritikal termaju tempatan untuk mengurangkan import, termasuk menggunakan aplikasi robotik bagi memenuhi permintaan yang meningkat.

Dalam *sektor perkhidmatan*, inovasi teknologi telah mengubah cara perniagaan dijalankan dan perkhidmatan disampaikan. Bagi memastikan pemulihan dan penstrukturan semula ekonomi, subsektor perkhidmatan moden akan memberi tumpuan kepada usaha melonjakkan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, menyesuaikan dengan perubahan teknologi, mempertingkat produktiviti buruh dan meningkatkan eksport. Usaha ini akan membolehkan sektor perkhidmatan beralih kepada sektor yang berkualiti tinggi dan berasaskan pengetahuan. Bagi subsektor perkhidmatan profesional, PPKS tempatan akan digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi melalui penerimagunaan teknologi 4IR seperti BDA, AI dan IoT. Usaha ini akan mentransformasi penyampaian perkhidmatan dan menambah baik penyediaan perkhidmatan pelanggan dan produk yang kompleks. Dalam hubungan ini, pelan hala tuju yang menyeluruh bagi semua perkhidmatan profesional untuk menguasai 4IR akan dibangunkan.

Selain itu, langkah akan diambil untuk meningkatkan penerimagunaan BDA serta memperkukuh penyediaan penjagaan kesihatan swasta yang menyeluruh dari awal hingga akhir. Usaha ini akan membolehkan analisis masa nyata dan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti tinggi. Selain itu, pakej pelancongan perubatan mewah serta eksklusif untuk pelancong penjagaan kesihatan premium akan digalakkan. Ini akan menambah baik kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan dalam kalangan pelancong kesihatan di rantau ini. Penekanan juga akan diberi kepada inovasi digital dalam penyampaian dan penyelesaian penjagaan kesihatan bagi memastikan kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik termasuk perkhidmatan penjagaan warga emas. Bagi subsektor pendidikan swasta, kaedah pengajaran secara maya dan pembelajaran berasaskan pengalaman akan terus diperkukuh bagi menambah baik pengalaman belajar, seterusnya meningkatkan kualiti pendidikan. Usaha ini akan mendorong inovasi dalam penghasilan teknologi dan alat pendidikan seperti aplikasi pendidikan serta bahan audio dan video.

Program Kaloborasi Industri (ICP), komponen dasar Perolehan Kerajaan akan dipromosikan sebagai kaedah strategik bagi menyokong usaha dalam meningkatkan rantaian nilai melalui pelaksanaan strategi bagi meningkatkan penggunaan teknologi dan aktiviti inovasi. Sehubungan ini, pelaksanaan ICP akan terus diperkukuhkan bagi memastikan penglibatan syarikat tempatan yang lebih tinggi dalam pembangun ekonomi. Inisiatif ini akan mamacu pertumbuhan ekonomi ke arah pengingkatan nilai kandungan tempatan dan pekerjaan yang lebih tinggi, membolehkan pemindahan teknologi, menggalakkan inovasi serta penembusan pasaran serantau dan global yang lebih meluas melalui kerjasama strategik.

Menerima Pakai Teknologi dalam Pembangunan Produk Baharu

Pendekatan yang lebih bersasar akan diambil bagi meningkatkan rantaian nilai sektor ekonomi serta menghasilkan produk yang bernilai tinggi, pelbagai dan kompleks melalui penerimagunaan teknologi. Penubuhan Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) akan menambah baik pengurusan, memudah cara dan memantau aktiviti penyelidikan oleh industri dan institusi penyelidikan. Penyelidikan eksperimental dan pengkomersialan akan diberi keutamaan untuk menggalakkan lebih banyak aktiviti R&D berasaskan pasaran. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk memperkukuh kerjasama teknikal berkaitan inovasi produk dalam kalangan pusat penyelidikan tempatan dan antarabangsa, institusi pengajian tinggi dan sektor swasta.

Usaha akan dipergiat untuk menceburi industri masa hadapan bagi menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta meningkatkan produktiviti secara berterusan dalam *sektor pembuatan*. Pusat kecemerlangan untuk industri masa hadapan akan ditubuhkan bagi menyelaras dan mengintegrasi amalan terbaik dan penyelidikan serta menyediakan sokongan dan latihan. Pusat ini akan menjalinkan kerjasama strategik bagi mengoptimumkan sumber dalam menjalankan aktiviti R&D&C&I.

Dalam *sektor pertanian*, penyelidikan akan ditumpukan bagi membangunkan jenis benih tanaman, baka ternakan dan perikanan, kaedah penanaman dan produk eksport terpilih. Tumpuan juga akan diberi untuk memastikan hasil pertanian pada harga yang berpatutan, berkhasiat dan selamat. Penyelidikan akan dipergiat melalui kerjasama yang lebih erat antara institusi penyelidikan tempatan dan antarabangsa. Dalam mempercepat pembangunan subsektor penjagaan kesihatan di bawah sektor perkhidmatan, penyelidikan yang lebih terselaras dalam industri PT&K akan dijalankan melalui kerjasama yang diterajui oleh sektor swasta dengan institusi penyelidikan. Penyelidikan ini akan memberi tumpuan kepada produk bernilai tinggi dan kompleks serta mekanisme kawalan kualiti dan keselamatan dengan menggunakan teknologi perubatan canggih di sepanjang rantaian nilai.

Mempercepat Pembangunan Bakat

Kemahiran dan kebolehan tenaga kerja akan dipertingkat bagi membolehkan sektor ekonomi meningkatkan rantaian nilai. Bagi *sektor pertanian*, kurikulum dan modul latihan akan disemak semula untuk mewujudkan ahli pertanian yang bertauliah dan berpengetahuan tinggi yang dapat memenuhi permintaan semasa dan masa hadapan. Sebuah badan profesional akan ditubuhkan untuk memberi pengiktirafan kepada petani yang terlatih dan berpengalaman, pakar perladangan, juruteknik dan ahli sains pertanian sebagai ahli pertanian profesional. Ini akan meningkatkan kedudukan, imej dan pengiktirafan tenaga kerja sektor pertanian.

Pemain industri dalam *sektor pembinaan* adalah digalakkan untuk berkongsi sumber dan bekerjasama dengan institusi latihan bagi menyediakan latihan industri berkaitan teknologi gunaan terkini kepada pekerja dan pelajar. Di samping itu, hubungan antara industri dengan universiti akan diperkukuh dengan menerapkan input dan kepakaran industri dalam bidang pengajian dan latihan selari dengan perkembangan teknologi yang pesat. Selain itu, pemain industri didorong untuk memanfaat program latihan dan akreditasi yang ditawarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan bagi meningkatkan kemahiran pekerja sedia ada. Langkah ini bertujuan melahirkan bakat tempatan yang berkelayakan dalam sektor pembinaan.

Industri di bawah *sektor pembuatan* akan digalakkan untuk bekerjasama dengan institusi latihan kemahiran dalam merangka program latihan yang bersesuaian bagi memenuhi keperluan industri untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi. Usaha membangunkan bakat juga akan memberi tumpuan untuk memperbanyakkan penyediaan program kelayakan mikro bagi memenuhi keperluan latihan kemahiran semula dan kemahiran masa hadapan. Di bawah program ini, pekerja akan mendapat set kemahiran tambahan seperti pengekodan perisian atau pemodelan analitis data melangkaui disiplin tradisional bagi memenuhi permintaan pasaran.

Peralihan ke arah *sektor perkhidmatan* berasaskan pengetahuan memerlukan bakat dalam sektor ini dilengkapi dengan kemahiran profesional dan praktikal terkini. Dalam hal ini, SSB baharu akan menyediakan strategi bagi merangka program pembangunan bakat dalam sektor perkhidmatan. Pelan rangka tindakan menyeluruh bagi perkhidmatan perniagaan dan profesional akan digubal untuk membantu pihak berkepentingan yang berkaitan dalam meningkatkan kemahiran bakat menggunakan alat automasi dan teknologi termaju dalam menguasai 4IR.

Strategi A3

Memperkukuh Keupayaan Kewangan

Usaha akan diambil bagi memperkukuh keupayaan kewangan beberapa pihak berkepentingan, khususnya petani, usahawan dan PMKS dalam menerima guna teknologi baru muncul di sepanjang rantaian nilai untuk meningkatkan produktiviti. Tumpuan akan diberi kepada usaha untuk menambah baik insentif sedia ada serta memperkenalkan mekanisme pembiayaan baharu untuk penerimagunaan teknologi. Inisiatif ini akan menarik pelaburan berkualiti dan menghasilkan lebih banyak produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Ia juga akan menangani isu sekuriti makanan, penjagaan kesihatan dan kebergantungan kepada buruh yang berkemahiran rendah.

Menambah Baik Insentif dan Bantuan Kewangan

Bagi menggalakkan pelaburan berkualiti, insentif dan bantuan kewangan dalam semua sektor ekonomi akan ditambah baik menggunakan pendekatan berasaskan prestasi. Dalam *sektor pertanian*, insentif kewangan untuk pelaburan bagi bangunan, jentera, latihan dan utiliti akan dikaji semula untuk memangkin peralihan daripada pertanian tradisional kepada pertanian moden. Mekanisme penyaluran subsidi dan insentif akan dirasionalisasi daripada berasaskan input kepada berasaskan prestasi dan output. Rasionalisasi ini dijangka dapat meminimumkan ketirisan serta menggalakkan produktiviti dan seterusnya, meningkatkan pendapatan petani. Skim Tanam Semula (STS)[7] akan dilaksanakan dan dana endowmen akan diwujudkan bagi menambah baik mekanisme pembiayaan penanaman semula. Peneroka FELDA akan menjadi perintis kepada skim baharu ini sebelum diperluaskan kepada semua pekebun kecil.

Dalam *sektor pembuatan*, insentif berasaskan prestasi dengan KPI yang jelas, tempoh yang ditetapkan dan dasar pemisah akan diberi penekanan bagi meningkatkan produktiviti. Insentif Elaun Modal Kelengkapan Automasi akan ditambah baik dari segi nilai dan mekanisme bagi membolehkan pengilang mempelbagaikan lagi produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan kompleks. Di samping itu, senarai industri yang diberi insentif cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986 akan dikemas kini untuk menggalakkan industri mempelbagaikan jenis produk dan meningkatkan produktiviti. Pada masa yang sama, langkah akan diambil untuk meningkatkan jumlah penerima geran padanan melalui kerjasama dengan institusi kewangan yang menyediakan pinjaman.

Inisiatif untuk merangsang pertumbuhan dalam *sektor perkhidmatan* akan terus diberi tumpuan bagi menarik pelaburan berkualiti, terutama dalam subsektor perkhidmatan moden dengan menambah baik insentif sedia ada. Dalam subsektor penjagaan kesihatan swasta, insentif cukai sedia ada akan disemak semula untuk menarik penyertaan lebih banyak organisasi berasaskan penyelidikan dan meningkatkan pelaburan langsung asing (FDI) dalam penyelidikan klinikal. Insentif ini bertujuan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab serantau dalam penyelidikan klinikal, khususnya dalam bidang kardiologi, onkologi, reumatologi, kesuburan dan penyakit genetik. Pada masa yang sama, usaha akan dilaksana untuk meningkatkan pelaburan domestik dalam industri farmaseutikal melalui pengkomersialan penemuan R&D bagi menjamin bekalan ubat-ubatan yang mampan di Malaysia.

[7] Skim Tanam Semula (STS) adalah caruman tetap bulanan oleh pekebun kecil yang merangkumi elemen pelaburan untuk pembiayaan penanaman semula dan insurans hayat.

Penerimagunaan pendigitalan dalam pembelajaran dan pengajaran adalah penting bagi meningkatkan daya saing IPTS. Oleh itu, IPTS, terutama dalam kalangan PMKS akan digalakkan untuk menggunakan kemudahan pembiayaan sedia ada bagi menaik taraf dan memodenkan aset ICT serta mendigitalkan kandungan pengajaran. Inisiatif ini akan membolehkan IPTS meningkatkan kualiti dan memperluas pengajaran dan pembelajaran dalam talian untuk keberhasilan yang lebih baik.

Memperkenalkan Mekanisme Pembiayaan dan Insentif Baharu untuk Penerimagunaan Teknologi

Mekanisme pembiayaan dan struktur insentif baharu akan diperkenal untuk mempercepat pembangunan industri berpotensi tinggi dalam kesemua sektor ekonomi, terutama bagi menerima guna teknologi 4IR. Dana pertanian pintar yang khusus akan diwujudkan untuk mempercepat penerimagunaan teknologi moden dalam *sektor pertanian*. Dana ini akan menyediakan peluang kepada petani, terutama agropreneur muda dan pekebun kecil untuk memodenkan aktiviti pertanian di sepanjang rantaian nilai bagi memastikan sekuriti makanan. Insentif akan diperkenal dalam *sektor pembinaan* untuk menggalakkan penerimagunaan teknologi seperti IBS, BIM dan pembinaan modular. Mekanisasi dan automasi dalam sektor ini akan mempercepat penyiapan projek, memastikan kecekapan sumber dan kos serta meningkatkan kualiti. Ini juga akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah.

Malaysia dijangka menjadi negara tua pada tahun 2030. Sehubungan itu, penyelesaian yang berinovasi diperlukan bagi memastikan penduduk kekal produktif. Dalam hubungan ini, insentif kewangan akan diperkenal bagi menggalakkan penggunaan teknologi penjagaan kesihatan termaju dalam kalangan penyedia kemudahan dan perkhidmatan jagaan kesihatan warga emas swasta. Teknologi ini termasuk robotik, VR dan AR akan membantu golongan warga emas menjadi lebih sihat dan produktif.

Strategi A4

Meningkatkan Kejayaan Nexus Produktiviti

Dalam tempoh RMKe-12, model Nexus Produktiviti sedia ada akan terus dimanfaatkan untuk memacu pelaksanaan inisiatif produktiviti dalam lebih banyak sektor. Inisiatif ini akan dilaksana menerusi kerjasama erat antara kerajaan, sektor swasta dan akademia. Selain itu, inisiatif dan program yang berjaya di bawah sembilan Nexus sedia ada akan diperluas ke seluruh negara untuk melonjakkan produktiviti secara keseluruhan.

Memperluas Liputan Nexus Produktiviti

Model Nexus Produktiviti yang diteraju oleh sektor swasta dalam merangka dan melaksana program peningkatan produktiviti pada peringkat sektor akan diperluas untuk meliputi lebih banyak sektor. Sekurang-kurangnya dua Nexus Produktiviti baharu akan diwujudkan dalam tempoh RMKe-12, iaitu pembinaan dan perkhidmatan logistik. Dua sektor ini mempunyai kesalinghubungan yang kukuh dengan sektor lain serta menyumbang sebanyak 7.1% kepada KDNK dan 12.9% kepada jumlah guna tenaga pada tahun 2020.

Meningkatkan Keberkesanan Inisiatif Nexus Produktiviti

Penilaian ke atas keberkesanan inisiatif dan program di bawah sembilan Nexus Produktiviti akan dilaksana melalui kajian semula yang komprehensif. Dalam hubungan ini, program yang kurang berkesan akan dirasionalisasi bagi memastikan sumber dapat disalurkan kepada program yang memberi impak yang lebih besar dalam meningkatkan produktiviti firma. Inisiatif dan program yang menghasilkan impak yang ketara dalam menambah baik produktiviti akan diperluas bagi memberi manfaat kepada lebih banyak firma di seluruh negara. Mekanisme yang komprehensif juga akan diwujudkan bagi memudah cara peluasan program ini.

Strategi A5

Meningkatkan Amalan Hijau

Amalan hijau akan meningkatkan kecekapan dalam penggunaan sumber, seterusnya menyumbang kepada produktiviti yang lebih tinggi, melindungi alam sekitar dan mengekalkan sumber asli untuk kegunaan generasi masa kini dan masa hadapan. Sehubungan itu, tumpuan akan diberi untuk mempercepat penerimagunaan amalan hijau dalam kalangan industri dan menambah baik mekanisme pelaksanaan. Pelaksanaan amalan hijau dalam semua sektor ekonomi bertujuan untuk membina daya tahan jangka panjang, mewujudkan perniagaan yang mampan dan peluang ekonomi baharu serta memberi manfaat kepada masyarakat dan alam sekitar.

Mempercepat Penerimagunaan Amalan Hijau dalam kalangan Industri

Industri akan digalakkan untuk mempercepat penerimagunaan dan pelaksanaan amalan hijau, terutama penggunaan dan pengeluaran mampan (SCP). Peluasan inisiatif perolehan hijau akan meningkatkan permintaan bagi produk dan perkhidmatan hijau, dan menjadi pemangkin kepada industri untuk beralih kepada amalan hijau. Industri juga akan digesa untuk memperoleh dan mengguna produk dan perkhidmatan hijau tempatan, seterusnya menyumbang kepada peluasan pasaran hijau. Di samping itu, industri akan digalakkan untuk melaksana ekonomi kitaran di sepanjang rantaian nilai produk dan perkhidmatan. Usaha ini akan memanfaatkan sepenuhnya bahan dikitar semula dalam kitaran pengeluaran, seterusnya mengurangkan permintaan terhadap bahan mentah. Kerjasama *triple helix* dalam R&D akan diperkukuh untuk meningkatkan inovasi dan pengkomersialan produk hijau serta menerapkan amalan terbaik dalam pengeluaran berskala besar bagi meningkatkan produktiviti.

Pertanian yang mampan akan menambah baik keselamatan dan sekuriti makanan serta meminimumkan impak terhadap alam sekitar. Usaha untuk menerapkan amalan hijau dalam *sektor pertanian* akan dipergiat dengan menggalakkan petani menguna pakai amalan pertanian baik seperti myGAP, MSPO dan Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic). Di samping itu, perolehan berkaitan pertanian

untuk ladang kontrak akan dimanfaatkan bagi menggalakkan penerimagunaan amalan hijau. Inisiatif ini akan membolehkan koperasi dan persatuan berkaitan pertanian membantu petani menerima pakai amalan pertanian pintar dan pertanian yang mesra alam.

Memperkukuh Mekanisme Pelaksanaan Amalan Hijau

Pelan tindakan jangka pendek dan garis panduan perolehan hijau kerajaan (GGP) bagi kerja akan diperkenal untuk menggalakkan amalan hijau dalam *sektor pembinaan*. Pelaksanaan GGP bagi kerja di seluruh negara termasuk perolehan bahan dengan pelabelan hijau akan memangkin peralihan kepada amalan pembinaan yang lebih mampan dan hijau. Pemain industri akan digesa untuk menerima pakai pensijilan dan alat pengukuran prestasi hijau bagi projek pembangunan baharu serta kerja pengubahsuaian dan retrofit. Kaedah pengukuran tersebut termasuk Alat Pengurangan Karbon dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia (MyCREST), *Sustainable* INFRASTAR, Indeks Lebuhraya Hijau Malaysia, GBI dan BIM.

Permintaan global terhadap produk *sektor pembuatan* sedang beralih kepada barangan lebih tahan lama dan cekap sumber yang boleh dibaiki, diguna dan dikitar semula. Dalam hubungan ini, model ekonomi kitaran akan digalakkan melalui mekanisme yang berstruktur untuk membolehkan industri menerima guna proses pembuatan yang mampan, mengurangkan penggunaan bahan mentah dan meningkatkan penggunaan bahan kitar semula. Pelaksanaan Dasar Pengilangan Semula Nasional akan membantu industri beralih kepada ekonomi kitaran melalui pengilangan semula produk. Di bawah dasar ini, tumpuan akan diberi kepada lima sektor, iaitu aeroangkasa, automotif, elektronik dan teknologi maklumat, marin serta M&E. Di samping itu, konsep taman perindustrian eko yang menerapkan model ekonomi kitaran akan dijadikan prasyarat kepada pembangunan taman perindustrian baharu. Selain itu, taman perindustrian sedia ada akan digalakkan untuk menerima guna model tersebut, melalui kerjasama dalam kalangan penyewa taman perindustrian untuk mengurus sumber dan isu alam sekitar dengan cekap. Di samping itu, pemain industri akan dikehendaki untuk menerima guna elemen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam amalan perniagaan mereka. Penerimagunaan elemen ESG dalam sektor pembuatan akan menggalakkan ekonomi rendah karbon dan berdaya tahan iklim.

Bidang Keutamaan B

Memperluas Pasaran Eksport

Pasaran yang stabil dan sihat adalah penting untuk merangsang pertumbuhan sektor dan mencapai pembangunan ekonomi yang mampan. Dalam hubungan ini, peranan GLC akan diperkukuh manakala persekitaran persaingan yang lebih adil dan sihat akan didorong untuk meningkatkan kecekapan pasaran supaya sektor swasta dapat berkembang ke pasaran domestik dan antarabangsa. Langkah untuk memperluas pasaran domestik dan eksport akan ditumpukan kepada usaha meningkatkan kecekapan pasaran, memperkasa peranan pemain industri dan memperkukuh fasilitasi perdagangan.



Strategi B1

Meningkatkan Kecekapan Pasaran

Kecekapan pasaran adalah penting bagi memastikan industri mendapat akses pasaran yang lebih luas dan mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi untuk kekal berdaya saing dan mampan. Inisiatif untuk meningkatkan kecekapan pasaran akan diberi tumpuan kepada usaha menghubungkan pembekal dengan pengguna secara

langsung melalui platform digital dan meningkatkan kemampanan rantaian bekalan. Usaha akan dilaksana untuk menjadikan Malaysia sebagai hab logistik serantau dengan memanfaatkan kelebihan ketersambungan yang baik di rantau Asia Pasifik. Inisiatif ini akan menawarkan peluang yang besar dan mewujudkan rangkaian jaringan yang lebih cekap.

Menghubungkan Pembekal dan Pengguna melalui Platform Digital

Dalam *sektor pertanian*, petani digalakkan untuk memanfaatkan platform e-dagang bagi mempermudah penjualan produk pertanian secara terus dan meningkatkan kebolehjejakan. Sehubungan itu, infrastruktur dan kemudahan berkaitan akan ditambah baik bagi membolehkan petani mendapat akses secara terus untuk memasarkan produk. Di samping itu, kerjasama antara syarikat e-dagang serta koperasi dan persatuan berkaitan pertanian akan diwujudkan bagi membolehkan petani luar bandar menyertai pasaran dalam talian. Koperasi dan persatuan berkaitan pertanian juga akan digalakkan mengguna platform e-dagang untuk meningkatkan eksport dan menembusi pasaran baharu. Platform bidaan dalam talian untuk beberapa produk pertanian akan dibangunkan bagi membolehkan urus niaga yang telus, seterusnya menambah baik kecekapan pasaran dan mencegah manipulasi harga oleh orang tengah. Melalui platform ini, petani juga akan dapat mengurus risiko pengeluaran dengan lebih baik serta membolehkan lebih banyak ladang kontrak dan usaha sama membekalkan hasil pertanian. Ini akan mewujudkan pasaran yang lebih cekap, mendorong produktiviti yang lebih tinggi dan meningkatkan akses pasaran bagi petani.

Meningkatkan Kemampanan Rantaian Bekalan

Rantaian bekalan *sektor pembuatan* akan terus dipertingkat dengan mengeluarkan input asas untuk produk pembuatan. Dalam hubungan ini, langkah akan diambil untuk mengenal pasti jurang yang wujud dalam rantaian bekalan sedia ada bagi memastikan kemampanannya. Pelaburan baharu serta penggabungan dan pengambilalihan (M&A) akan digalakkan untuk menangani jurang yang telah dikenal pasti. Di samping itu, syarikat Malaysia akan digalakkan untuk meningkatkan kerjasama dengan syarikat asing bagi memudahkan pemindahan teknologi dan pengetahuan serta membangunkan tenaga kerja tempatan yang mahir.

Menjadikan Malaysia Sebagai Hab Logistik Serantau

Dalam usaha menjadikan Malaysia sebagai hab logistik serantau, urusan menjalankan perniagaan akan dipermudah. Ini termasuk menambah baik prosedur kawal selia bagi memudah cara pemain domestik serta menarik pemain global untuk menempatkan pusat operasi di negara ini. Pengurusan rantaian bekalan yang cekap dan pusat pengedaran serantau akan dibangunkan untuk menyediakan perkhidmatan yang komprehensif kepada pengguna. Penyedia perkhidmatan logistik akan digalakkan untuk menerima pakai amalan terbaik dan teknologi baru muncul serta memperkenalkan kaedah baharu bagi menjalankan perniagaan. Pendekatan pelbagai mod akan diberi tumpuan untuk mewujudkan rangkaian logistik dan komunikasi yang bersepadu bagi memastikan rantaian bekalan yang cekap dan maju. Pemain industri akan digalakkan untuk membentuk pakatan, termasuk melalui M&A sebagai penyedia logistik pihak keempat (4PL) bagi mengurus dan mengawal semua aktiviti dalam rangkaian rantaian bekalan dan berfungsi sebagai pusat perhubungan tunggal kepada pelanggan. Usaha menjadikan Malaysia sebagai hab serantau akan meningkatkan daya saing pemain industri dan memperluas pasaran di rantau ini.

Strategi B2

Memperkasa Industri untuk Bersaing dalam Pasaran Domestik dan Antarabangsa

Keupayaan industri akan diperkukuh untuk meningkatkan daya saing dan kemampanan industri tempatan. Ini akan dilaksana dengan menggalakkan kerjasama dalam kalangan industri serta memantapkan keupayaan dan kemampuan pemain industri untuk meningkatkan sumbangan dalam pasaran eksport. Usaha ini akan membolehkan industri menyertai pasaran domestik dan antarabangsa secara berkesan.

Menggalakkan Kerjasama dalam kalangan Industri

Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kerjasama dalam kalangan pemain industri bagi menambah baik akses pasaran. Usaha ini termasuk mewujudkan perkongsian pintar antara pemain industri. Dalam *sektor pertanian*, pendekatan ladang kontrak akan diperluas dengan penglibatan syarikat peneraju atau koperasi dan persatuan berkaitan pertanian untuk mewujudkan peluang pasaran yang lebih besar kepada petani, terutama bagi produk pertanian bernilai tinggi. Inisiatif ini akan menjana pendapatan yang lebih tinggi kepada petani.

Dalam *sektor pembuatan*, syarikat multinasional (MNC) akan diberi galakan supaya bekerjasama dengan PMKS bagi memperkukuh rantaian huluan dalam ekonomi dan membantu PMKS menyertai rantaian nilai global. Kerjasama ini akan mempercepat pemindahan teknologi kepada firma tempatan. Di samping itu, PMKS akan digalakkan memanfaatkan persatuan industri untuk mendapatkan khidmat nasihat pemasaran dan maklumat untuk meningkatkan akses pasaran.

Memantapkan Keupayaan dan Kemampuan Pemain Industri

Bagi menembusi pasaran antarabangsa, pemain industri amat bergantung kepada keupayaan dan kemampuan untuk memenuhi permintaan dalam rantaian nilai global. Dalam hubungan ini, konsortium dalam *sektor pembinaan* akan diwujudkan untuk menyatukan pelbagai pemain industri tempatan bagi membida projek antarabangsa. Pemain industri tersebut termasuk kontraktor, pembekal dan pembiaya. Penubuhan konsortium ini akan membolehkan pemain industri memanfaat kekuatan masing-masing dan mewujudkan nilai sinergi bagi meningkatkan daya saing.

GLC memainkan peranan penting untuk membantu firma kecil meningkatkan sumbangan dalam pasaran dan menyerlahkan jenama tempatan di luar negara. Bagi tujuan ini, GLC adalah digalakkan untuk melaksana program bimbingan kepada PPKS dalam *sektor perkhidmatan*, terutama subsektor perkhidmatan perniagaan dan profesional. Ini akan mengurangkan kebergantungan GLC kepada tenaga profesional asing di samping mewujudkan lebih banyak peluang untuk PPKS berkembang. Selain itu, PPKS adalah digalakkan untuk mewujudkan syarikat yang mempunyai kepakaran pelbagai disiplin yang kukuh melalui M&A serta mendigitalkan dan menerima guna teknologi termaju. Ini akan membolehkan PPKS mempertingkat keupayaan seiring dengan perkembangan teknologi yang pesat dan meningkatkan daya saing. Dalam hubungan ini, insentif cukai akan dipertimbang untuk syarikat M&A menerima guna teknologi digital. Inisiatif ini akan meningkatkan keupayaan dan kemampuan PPKS untuk berkembang dalam pasaran domestik dan menembusi pasaran antarabangsa.

Pelan rangka tindakan nasional bagi industri perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) akan dirangka sebagai panduan untuk pembangunan industri ini. Pelan rangka tindakan tersebut juga akan menyediakan hala tuju strategik bagi meningkatkan daya saing, kecekapan dan kemampuan teknologi pemain industri OGSE tempatan. Melalui penambahbaikan ini, pemain industri OGSE tempatan akan berupaya mempelbagaikan perkhidmatan dan melaksana kerja yang kompleks di dalam dan luar negara.

Strategi B3

Memperkukuh Fasilitasi Perdagangan

Fasilitasi perdagangan yang berkesan akan memastikan kelancaran pergerakan barangan dan perkhidmatan antara negara. Dalam tempoh RMKe-12, tumpuan akan diberi untuk memanfaatkan perjanjian perdagangan serta mempergiat pemasaran dan promosi eksport. Ini akan membolehkan pengeksport mendapat akses pasaran yang lebih luas, seterusnya meningkatkan aktiviti perdagangan dan menyerlahkan kewujudan produk dan perkhidmatan tempatan secara menyeluruh pada peringkat antarabangsa.

Memanfaatkan Perjanjian Perdagangan

Malaysia telah memeterai beberapa perjanjian perdagangan untuk memperluas dan menggalakkan perdagangan antarabangsa. PMKS, PPKS dan syarikat peringkat pertengahan dalam semua sektor ekonomi akan digalakkan untuk memaksimumkan peluang daripada FTA sedia ada, perjanjian dua hala dan perkongsian ekonomi dengan negara lain. Pemain industri akan diberi khidmat nasihat dan maklumat yang komprehensif mengenai pasaran asing serta risikan pasaran. Di samping itu, perjanjian dua hala dan pelbagai hala yang baharu dengan rakan perdagangan yang berpotensi akan dikenal pasti. Perjanjian *Regional Comprehensive Economic Partnership* dijangka diratifikasi dan dilaksana dalam tempoh RMKe-12. Perjanjian ini berpotensi untuk memberikan keutamaan akses pasaran kepada 45% penduduk dunia. Beberapa FTA yang berpotensi masih dalam peringkat rundingan dan akan turut menjadi keutamaan untuk dimanfaatkan. FTA ini akan membuka peluang yang lebih besar kepada industri tempatan untuk menembusi pasaran global.

Mempergiat Pemasaran dan Promosi Eksport

Misi perdagangan akan terus diperkemas untuk memainkan peranan yang lebih berkesan bagi mempergiat usaha pemasaran dan promosi. Usaha promosi eksport akan ditambah baik untuk meningkatkan eksport produk bernilai tinggi ke pasaran tradisional dan baharu. Hasil pertanian premium dan bernilai tinggi seperti sarang burung walit serta durian Musang King dan nanas MD2 akan dipromosi secara aktif melalui pelbagai platform. Pengeksport pertanian akan digalakkan untuk mematuhi piawaian *Malaysia's Best* yang menepati piawaian myGAP dan myOrganic yang diterima pada peringkat antarabangsa, serta Peraturan Penggredan, Pembungkusan dan Pelabelan Keluaran Pertanian. Pematuhan ini adalah untuk memastikan penerimaan oleh pasaran. Selain itu, usaha bersepadu untuk menangkis kempen diskriminasi terhadap produk agrikomoditi Malaysia, terutama minyak sawit dan kayu balak akan diteruskan. Usaha ini termasuk mempergiat program bagi memastikan pekebun kecil memperoleh pengiktirafan skim pensijilan MSPO menjelang akhir tahun 2021.

Usaha berterusan akan dilaksana bagi membolehkan lebih ramai pemain industri dalam *sektor pembuatan* menembusi pasaran rakan dagangan utama. Rangka Tindakan Perdagangan Negara (RTPN) digubal untuk meningkatkan ekosistem perniagaan dan daya saing syarikat pengeksport Malaysia dengan memberi tumpuan kepada peraturan perdagangan, logistik dan akses pasaran. Di samping itu, pelaksanaan Program Pembangunan Syarikat Peringkat Pertengahan dan Program *Going Export* (GoEx) akan dipertingkat untuk membolehkan syarikat tempatan mengeksport produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Pengilang juga akan digalakkan untuk memperkukuh penjenamaan barangan tempatan bagi meningkatkan pengiktirafan antarabangsa. Jenama barangan buatan Malaysia akan dipromosi di peringkat global sebagai jenama barangan yang berkualiti.

Dalam *sektor perkhidmatan*, usaha akan diambil untuk meningkatkan eksport produk dan perkhidmatan tempatan bagi mengurangkan lagi defisit perdagangan perkhidmatan. Bagi subsektor penjagaan kesihatan swasta, keterlihatan jenama penjagaan kesihatan Malaysia akan diperkukuh dengan mempergiat pemasaran dan promosi secara digital. Melangkah ke hadapan, fokus industri akan beralih kepada promosi perkhidmatan dengan hasil berintensiti tinggi seperti kesuburan dan onkologi, serta memperkukuh rangkaian dan saluran sedia ada melalui rakan strategik dalam pasaran utama yang dikenal pasti terutama ASEAN dan Timur Tengah. Potensi IPTS akan dimanfaat dengan memperkenalkan program khusus untuk menarik minat pelajar antarabangsa. Kerjasama strategik antara IPTS dengan syarikat besar sebagai rakan pembiaya akan digalakkan. Kerjasama ini akan menguntungkan kedua-dua pihak melalui peningkatan kemampanan IPTS serta ketersediaan bakat yang bersesuaian untuk syarikat. Selain itu, pelbagai inisiatif dan program eksport dalam subsektor peruncitan dan F&B, termasuk *Enhanced Franchise Development Programme* dan Program Transformasi dan Pengedaran Produk akan ditambah baik untuk meningkatkan keberkesanan. Langkah juga akan dilaksana untuk memperkukuh imej jenama produk dan perkhidmatan tempatan dalam meningkatkan penyertaan dalam pasaran antarabangsa.

Dana eksport perkhidmatan sedia ada akan diperluas kepada perkhidmatan perniagaan yang berpotensi tinggi, manakala pelaksanaan dan pemantauan dana tersebut juga akan diperkukuh. Ini bagi meningkatkan kadar penggunaan dan keberkesanan kemudahan pembiayaan. Penerima dana disyaratkan menyediakan laporan untuk menilai prestasi dan mendapat maklum balas secara berkala bagi membantu penyediaan langkah intervensi yang diperlukan. Inisiatif ini akan memperkukuh keupayaan penyedia perkhidmatan tempatan menembusi pasaran antarabangsa.

Bidang Keutamaan C

Memperkukuh Keberkesanan Ekosistem Pengantaraan Kewangan

Ekosistem pengantaraan kewangan yang berkesan dan berdaya tahan penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi yang mampan dan pembangunan masyarakat. Daya tahan ini amat penting ketika dunia, termasuk Malaysia, perlu bertindak balas bagi memulihkan keadaan ekonomi dan sosial susulan krisis kesihatan global dan kejutan negatif yang lain. Pelancaran pelan induk pasaran modal yang ketiga dan rangka tindakan sektor kewangan yang baharu akan menetapkan hala tuju sistem kewangan secara menyeluruh sepanjang tempoh lima tahun akan datang. Penekanan akan diberi untuk mentransformasi ekosistem kewangan bagi memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan, meningkatkan daya tahan dan menambah baik tadbir urus serta menggalakkan sistem kewangan yang mampan dan inklusif.



Strategi C1

Mentransformasi Ekosistem Kewangan bagi Memenuhi Keperluan Ekonomi Masa Hadapan

Usaha akan dilaksana untuk memastikan ekosistem kewangan berupaya memenuhi keperluan ekonomi masa hadapan. Usaha ini akan dilaksana menerusi galakan lebih banyak inovasi dan meningkatkan daya saing sektor perkhidmatan kewangan serta menyediakan lebih banyak kemudahan saluran pembiayaan di sepanjang kitaran hayat semua perniagaan. Secara keseluruhannya, inisiatif ini akan mengubah ekosistem kewangan menjadi lebih berdaya maju, cekap dan berteraskan teknologi.

Menggalakkan Inovasi dan Daya Saing untuk Meningkatkan Kecekapan

Memandangkan pertumbuhan ekonomi yang semakin dipacu oleh teknologi dan aktiviti berintensif pengetahuan, usaha akan tertumpu untuk menggalakkan penggunaan teknologi yang inovatif dan aplikasi teknologi ke dalam sektor perkhidmatan kewangan. Penggunaan e-pembayaran dalam aktiviti ekonomi akan diperluas dan dipercepat untuk membolehkan pengguna mendapat perkhidmatan kewangan yang lebih lancar dan selamat. Peserta sedia ada dalam sistem kewangan perlu menyesuaikan dan beralih kepada pendigitalan untuk kekal relevan. Langkah juga akan dilaksana untuk memudah cara pendigitalan industri bagi menambah baik kecekapan perkhidmatan kewangan secara keseluruhan.

Bagi menggalakkan persaingan dan mendorong lebih banyak inovasi, usaha akan dilaksana untuk memudahkan kemasukan peserta baharu seperti bank digital, penanggung insurans digital, penasihat robotik dan broker digital serta menyokong peserta pasaran menggunakan model perniagaan baharu yang berinovasi. Penambahbaikan infrastruktur utama, peraturan dan amalan yang kondusif juga akan diteruskan. Ini termasuk pelaksanaan rangka kerja keselamatan siber yang berkesan bagi meningkatkan kecekapan, keselamatan dan daya tahan. Selain itu, usaha untuk meningkatkan hubungan dan jalinan dengan pasaran serantau akan terus dipergiat bagi menarik kemasukan lebih banyak modal asing dan pemindahan pengetahuan ke dalam negara.

Meningkatkan Kemudahan Pembiayaan di sepanjang Kitaran Hayat Perniagaan

Saluran pengumpulan dana berasaskan pasaran yang berbeza akan terus dipertingkat bagi memenuhi keperluan dana oleh PMKS di sepanjang kitaran hayat perniagaan serta syarikat besar yang berhasrat mengembangkan pasaran pada peringkat serantau. Ini melibatkan pembangunan pembiayaan alternatif yang teguh sebagai pelengkap kepada sistem perbankan serta mengukuhkan lagi perlindungan pengguna dalam penyediaan kredit mengambil kira bilangan pembiaya bukan tradisional yang semakin meningkat. Di samping itu, usaha menyediakan pembiayaan mikro akan terus dipertingkat. Pembiayaan alternatif akan meningkatkan peluang kepada syarikat dan pelabur untuk mempelbagaikan portfolio pelaburan. Usaha ini akan meningkatkan kecekapan dalam mengantarakan modal risiko untuk menggerakkan simpanan ke dalam pelaburan modal dalam sektor ekonomi yang mempunyai potensi pertumbuhan tinggi.

Strategi C2

Meningkatkan Daya Tahan dan Menambah Baik Tadbir Urus Sistem Kewangan

Pengukuhan daya tahan keseluruhan sistem kewangan penting dalam keadaan ketidakstabilan dan ketidaktentuan yang semakin meningkat dalam sistem kewangan global. Tumpuan akan diberi kepada aspek memperkukuh perlindungan bagi kestabilan sistem kewangan dan menambah baik tadbir urus. Ini akan memastikan daya tahan dan integriti dalam sistem kewangan.

Memperkukuh Perlindungan bagi Kestabilan Sistem Kewangan

Kerjasama yang lebih erat dalam kalangan pihak berkuasa pengawalseliaan di dalam dan luar negara akan dipertingkat untuk mengukuhkan penguatkuasaan kawal selia. Kerjasama ini penting sebagai persiapan menghadapi pasaran kewangan yang semakin pelbagai berikutan peningkatan peserta bukan tradisional yang menyediakan perkhidmatan tanpa sempadan. Dalam mendepani perkembangan teknologi dan kepesatan penyebaran data, instrumen dan mekanisme yang berkaitan dengan teknologi pengawalan (*regtech)* dan teknologi penyeliaan (*suptech*) akan dibangunkan bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan peranan dan fungsi badan kawal selia.

Menambah Baik Tadbir Urus dalam Sektor Kewangan

Tumpuan akan diberikan kepada usaha meningkatkan pengawalseliaan dan penyeliaan ke arah memupuk budaya dan tingkah laku beretika dalam sektor kewangan. Dalam hubungan ini, tindakan kawal selia yang lebih tertumpu kepada pencapaian akan dilaksana bagi membentuk pasaran dan tingkah laku institusi. Langkah ini termasuk memberikan lebih penekanan kepada usaha menggalakkan ahli lembaga pengarah dalam syarikat tersenarai untuk menjalankan tugas dengan lebih berkesan dan seterusnya akan meningkatkan keyakinan pelabur. Selain itu, peranan pelabur institusi dalam menambah baik tadbir urus dan kepimpinan syarikat akan dipertingkat. Langkah yang menyeluruh bagi mencegah rasuah dalam pasaran modal juga akan dilaksana.

Strategi C3

Menggalakkan Sistem Kewangan yang Mampan dan Inklusif

Sektor kewangan memainkan peranan penting bagi menyokong agenda kewangan yang mampan dan inklusif. Ini termasuk memperkukuh agenda kewangan Islam, mempergiat pelaksanaan agenda keterangkuman dan literasi kewangan dalam kalangan masyarakat serta memperluas perkhidmatan kewangan yang mampan.

Memperkukuh Agenda Kewangan Islam

Melangkah ke hadapan, matlamat Malaysia adalah untuk mengekalkan kedudukannya sebagai peneraju pusat kewangan Islam antarabangsa. Usaha untuk mengukuhkan peranan Malaysia sebagai pemimpin berwawasan yang utama dalam kewangan Islam, terutama dalam aspek pengawalan dan penyeliaan akan terus dipergiat. Penerapan prinsip pengantaraan berasaskan nilai (VBI) dalam pemberian pembiayaan oleh institusi kewangan Islam akan diperluas. Bagi tujuan ini, institusi kewangan Islam sedang meneroka penggunaan instrumen kewangan sosial seperti wakaf, sedekah dan zakat untuk membuka lebih banyak peluang dan menggerakkan sumber dengan berkesan. Usaha ini akan menyediakan pembiayaan dan perlindungan kewangan kepada golongan berpendapatan rendah. Bersandarkan rekod prestasi kepimpinan global yang kukuh dalam pasaran modal Islam, Malaysia berada pada kedudukan yang baik untuk terus meningkatkan inovasi dalam instrumen kewangan sosial. Dalam hubungan ini, langkah akan diambil untuk membangunkan

mekanisme dan produk berasaskan pasaran yang lebih inovatif dengan memanfaatkan teknologi kewangan Islam bagi memenuhi keperluan pasaran kewangan yang lebih luas dan ekonomi secara keseluruhan dengan lebih baik.

Mempergiat Pelaksanaan Agenda Keterangkuman dan Literasi Kewangan

Keterangkuman kewangan akan terus menjadi agenda utama untuk dipergiat bagi memastikan semua rakyat mendapat akses yang bermakna kepada perkhidmatan kewangan yang berkualiti dan mampu milik. Penekanan akan diberikan kepada penyelesaian kewangan yang inovatif serta kaedah penyampaian dan instrumen penilaian yang dipacu teknologi. Penawaran produk insurans mikro dan takaful mikro akan diperluas, di samping pengenalan langkah untuk memastikan kemampanan perkhidmatan insurans dan takaful kesihatan untuk rakyat. Usaha juga akan diberi untuk mempercepat pembaharuan bagi menangani isu struktur yang menjejaskan pelaksanaan agenda keterangkuman kewangan. Isu struktur termasuk jaringan keselamatan kewangan yang tidak mencukupi untuk melindungi isi rumah B40 daripada kejutan pendapatan. Bagi tujuan ini, kerjasama dengan pihak berkepentingan utama yang strategik akan dilaksana untuk mencapai outcome yang berkesan. Pada masa yang sama, inisiatif di bawah Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan akan terus dilaksana bagi meningkatkan tahap literasi kewangan rakyat Malaysia.

Memperluas Perkhidmatan Kewangan yang Mampan


Malaysia telah mengorak langkah penting dengan mengintegrasi elemen ESG dalam amalan perniagaan dan pertimbangan terhadap pelaburan syarikat dan penyedia perkhidmatan kewangan. Sistem kewangan akan memainkan peranan sebagai pemangkin untuk Malaysia beralih kepada ekonomi rendah karbon. Menyedari akan keperluan mendesak untuk mempercepat dan memastikan peralihan yang lancar dan teratur, jawatankuasa yang terdiri daripada Bank Negara Malaysia, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan pihak industri kewangan akan memacu dan menyokong tindakan menghadapi perubahan iklim dalam sektor ini. Bidang keutamaan yang akan diberi tumpuan meliputi pengurusan risiko dan data, tadbir urus dan penzahiran, pembangunan produk dan inovasi serta libat urus dan pembangunan kapasiti.

Kewangan Islam dibangunkan dengan matlamat keseluruhan yang memberi tumpuan kepada penciptaan nilai positif dan pencegahan kesan negatif. Institusi kewangan Islam di Malaysia akan didorong untuk terus menjayakan agenda kelestarian melalui inisiatif seperti rangka kerja VBI. Melalui VBI, pelbagai pihak berkepentingan akan bersama-sama menjayakan agenda kelestarian. VBI juga akan menggalakkan institusi kewangan Islam menilai bagaimana mereka mencipta nilai dan impak, terutamanya ketika bertindak balas terhadap perubahan ekonomi, sosial dan persekitaran. Ini akan menyokong pembangunan sosioekonomi sejajar dengan agenda pertumbuhan ekonomi jangka panjang dan kemakmuran bersama. Usaha untuk membangunkan ekosistem Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab (SRI) yang menyokong di bawah *SRI Roadmap* akan dipergiat. Kewangan Islam juga akan dimanfaatkan bagi memajukan lagi penyelesaian SRI. Langkah ini termasuk memperluas produk dan perkhidmatan pasaran modal Islam bagi menyokong aktiviti pembiayaan kewangan sosial, termasuk wakaf demi manfaat yang lebih besar kepada masyarakat.

Bidang Keutamaan D

Memperkukuh Peranan Kawasan Perindustrian dan Pengeluaran Makanan

Pembangunan kawasan perindustrian dan kawasan yang dikhaskan bagi pengeluaran makanan telah diakui sebagai satu daripada platform penting dalam menarik pelaburan, terutama yang berteknologi tinggi. Di Malaysia, kawasan perindustrian memainkan peranan yang penting dalam melonjakkan pembangunan beberapa industri terpilih, menggalakkan pembangunan yang tidak tertumpu pada sesuatu kawasan dan mempercepat pertumbuhan wilayah. Di bawah RMKe-12, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan peranan kawasan perindustrian sebagai pemangkin pertumbuhan dan mencapai matlamat pembangunan perindustrian yang seimbang. Oleh yang demikian, inisiatif akan dipergiat untuk meningkatkan daya tarikan dan pelaburan di kawasan ini.



Strategi D1

Mempertingkat Peranan Kawasan Perindustrian dan Kawasan Pengeluaran Makanan sebagai Pemangkin Pertumbuhan

Langkah akan diambil untuk menambah baik perancangan, penyelarasan dan pengurusan kawasan perindustrian dan kawasan yang dikhaskan bagi pengeluaran makanan di seluruh negara. Pembangunan tersebut akan selari dengan aspirasi negara berteknologi tinggi dan Agenda 2030, terutama yang memberi tumpuan kepada pengurusan yang cekap, penerimagunaan teknologi termaju serta kelestarian alam sekitar. Insentif dan bantuan kewangan akan disemak semula untuk menggalakkan pembangunan di kawasan ini.

Mempertingkat Pembangunan dan Pengurusan Kawasan Perindustrian

Daya tahan kawasan perindustrian bergantung kepada ekosistem yang mampan. Dalam hubungan ini, pembangunan kawasan perindustrian akan digalakkan berasaskan konsep industri hijau. Melalui konsep ini, amalan yang mampan akan diterapkan dalam meningkatkan kemakmuran ekonomi dengan kesan yang minimum kepada alam sekitar dan sosial. Garis panduan yang komprehensif mengenai taman perindustrian eko akan diperkenal untuk diguna pakai oleh kawasan perindustrian.

Pembangunan kawasan perindustrian baharu akan berdasarkan kepada prospek permintaan dan disesuaikan dengan keperluan sebenar pelabur. Rangka kerja dasar akan disedia untuk memberi panduan kepada pemaju dalam merancang, membangun dan menguruskan operasi kawasan perindustrian ini. Rangka kerja ini akan mempertingkat rantaian huluan dan kecekapan penyelenggaraan kawasan perindustrian untuk mewujudkan ekosistem pelaburan yang kondusif. Pemaju akan digalakkan untuk menjalankan kajian kemungkinan dan kajian pasaran yang komprehensif bagi mengurangkan risiko yang berpotensi menyebabkan kawasan perindustrian tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Selain itu, satu kajian menyeluruh akan dilaksana bagi mencergaskan semula kawasan perindustrian yang tidak dimanfaatkan sepenuhnya.

Peranan kawasan yang dikhaskan bagi pengeluaran makanan akan diperkukuh untuk meningkatkan penyertaan agropreneur dalam pertanian moden. Mekanisme pembangunan dan pengurusan yang menyeluruh bagi kawasan ini seperti TKPM, Zon Industri Akuakultur dan Taman Kekal Pengeluaran Ruminan akan dibangunkan melalui kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Selain itu, kerjasama antara kerajaan, penyedia perkhidmatan swasta dan agropreneur akan dipergiat untuk memudah cara penerimagunaan teknologi moden.

Memperkukuh Penyediaan Insentif dan Bantuan Kewangan

Penyediaan insentif dan bantuan kewangan kepada pelabur di kawasan perindustrian, terutama yang membuat pelaburan dalam teknologi termaju akan diperkukuh. Penggunaan teknologi dan automasi yang lebih meluas di sepanjang rantaian nilai akan memacu pertumbuhan produktiviti dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Insentif akan dirangka semula untuk menarik pelaburan berkualiti yang menggunakan teknologi

bersih bagi memastikan amalan yang mampan. Bantuan kewangan juga akan diperluas kepada agropreneur di kawasan pengeluaran makanan untuk mempermudah penerimagunaan amalan pertanian pintar bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan.

Strategi D2

Mencapai Pembangunan Kawasan Perindustrian yang Seimbang

Perindustrian adalah pemboleh daya penting dalam pembangunan wilayah untuk memastikan pertumbuhan yang seimbang dan inklusif. Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan diambil bagi menggalakkan pembangunan yang saksama dan menambah baik taburan kawasan perindustrian untuk merapatkan jurang pembangunan merentas wilayah dan negeri, serta antara kawasan bandar dan luar bandar. Pembangunan industri yang lebih meluas taburannya akan membolehkan penggunaan sumber tempatan yang lebih baik dan merangsang lebih banyak aktiviti ekonomi melalui kesan limpahan.

Menggalakkan Pembangunan Kawasan Perindustrian yang Saksama

Pembangunan kawasan perindustrian, terutama di negeri kurang membangun, akan dilengkapkan dengan beberapa kemudahan dan infrastruktur sokongan. Oleh itu, pelan hala tuju perindustrian akan dirangka termasuk di Sabah dan Sarawak bagi memastikan pembangunan kawasan perindustrian adalah berdasarkan kepada kelebihan dan keupayaan setempat. Di samping itu, mekanisme sedia ada bagi insentif pelaburan akan ditambah baik untuk memastikan wilayah atau negeri kurang membangun diberi keutamaan untuk menerima insentif khas. Ini akan menambah baik ekosistem pelaburan dan menarik pelabur baharu untuk menjalankan perniagaan dan beroperasi di wilayah kurang membangun.

Menambah Baik Taburan Kawasan Perindustrian untuk Keseimbangan Pembangunan

Taburan pembangunan perindustrian yang lebih seimbang dari segi jenis industri dan aktiviti akan membantu pembangunan ekonomi yang lebih seimbang. Kejayaan membangunkan industri pemangkin berdasarkan konsep kluster di Lembah Klang, Johor dan Pulau Pinang akan diperluas dalam pembangunan kawasan perindustrian di beberapa wilayah lain. Dalam hubungan ini, penjajaran industri yang berpotensi berdasarkan kepada kekuatan dan kelebihan setempat akan dilaksana. Langkah ini akan memastikan aktiviti ekonomi yang bernilai tinggi tidak tertumpu di wilayah tertentu sahaja.

Bidang Keutamaan E

Menambah Baik Dasar dan Tadbir Urus

Tadbir urus yang kukuh berserta dasar dan undang-undang yang komprehensif yang dapat disesuaikan dengan perubahan akan memudahkan sektor ekonomi beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi dan berupaya menarik pelaburan berkualiti. Langkah akan diambil bagi memperkukuh penyelarasan dan kerjasama untuk pelaksanaan yang lebih berkesan, meningkatkan peranan dan fungsi institusi serta memperkukuh dasar dan perundangan. Pelaksanaan langkah ini akan menyokong usaha untuk memastikan kesemua sektor lebih produktif dalam memacu pertumbuhan ekonomi.



Strategi E1

Memperkukuh Penyelarasan dan Kerjasama

Penyelarasan dan kerjasama yang berkesan dalam kalangan pihak berkepentingan adalah penting untuk memastikan kejayaan pelaksanaan dasar, strategi dan program. Usaha akan dilaksana untuk meningkatkan keberkesanan mekanisme sedia ada dan menggalakkan perkongsian data dan sumber. Ini akan membolehkan pihak berkepentingan meningkatkan kualiti keberhasilan. Seterusnya, inisiatif ini akan mendorong kepada penggunaan sumber secara optimum dan menambah baik proses membuat keputusan dalam mencapai pertumbuhan yang lebih tinggi.

Meningkatkan Keberkesanan Mekanisme Sedia Ada

Pendekatan komprehensif akan diguna pakai bagi mempergiat semula ekosistem pelaburan dan bertindak balas secara efektif terhadap kemunculan perkembangan trend mega selain bagi memenuhi keperluan pelabur yang sentiasa berubah. Dalam hal ini, dasar Aspirasi Pelaburan Nasional (NIA) telah diperkenalkan pada bulan April 2021 bagi menggalakkan aliran pelaburan yang berkualiti secara mampan. NIA akan menjadi asas pembaharuan yang komprehensif dalam semua inisiatif dan dasar negara yang relevan berkaitan pelaburan. Penekanan akan diberi terhadap strategi promosi dan kemudahan pelaburan yang lebih bersasar, relevan dan berkesan. Tambahan pula, rangka kerja dasar ini akan menjadi asas bagi Malaysia untuk menjadi hab pelaburan serantau yang akan meningkatkan kepelbagaian ekonomi, mewujudkan pekerjaan bernilai tinggi, memperluas rangkaian domestik, mewujudkan segmen ekonomi baharu dan mempertingkatkan keterangkuman.

Mekanisme pelaksanaan dan penyelarasan akan diperkukuh bagi meningkatkan ketelusan dan meminimumkan pertindanan. Dalam hubungan ini, peranan Pejabat Penyeragaman dan Penyelarasan Insentif (ICCO) sebagai penyelaras akan diperkukuh untuk menyelaras dan menyelia semua insentif merentas sektor ekonomi. Keberkesanan portal i-Insentif sebagai portal sehenti bagi permohonan geran dan pembiayaan yang disediakan oleh pelbagai kementerian dan agensi akan dipertingkat. Di samping itu, pejabat negeri dan daerah sedia ada di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna akan dimanfaatkan sebagai gerbang tunggal untuk memudah cara PMKS mendapatkan perkhidmatan. Ini termasuk menyediakan bantuan bagi pendaftaran perniagaan dan harta intelek, permohonan lesen dan permit serta memperoleh maklumat berkaitan bantuan kewangan.

Mekanisme penyelarasan sedia ada bagi *sektor pertanian* akan terus dimanfaatkan dengan mewujudkan sinergi yang lebih baik dalam kalangan agensi yang terlibat dalam pembangunan pertanian bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan. Pusat Pembangunan Perniagaan akan ditubuhkan di semua negeri untuk menyediakan pelbagai perkhidmatan berkaitan pertanian seperti khidmat nasihat agronomi, kelulusan lesen dan permit serta perkhidmatan pensijilan dan pemasaran. Kerjasama strategik antara kementerian, kerajaan negeri dan agensi akan diperkukuh untuk meningkatkan kecekapan pemasaran produk pertanian. Ini akan dilaksana dengan memanfaatkan platform e-dagang sedia ada bagi menyediakan peluang kepada petani untuk menyertai aktiviti promosi dan menyerlahkan kewujudan produk pertanian. Fungsi misi luar negara juga akan diperkemas untuk menambah baik penyelarasan dari segi aktiviti promosi eksport, memudah cara akses kepada pasaran dan mengurus hal ehwal berkaitan perdagangan.

Menggalakkan Perkongsian Data dan Sumber

Ketersediaan data dan maklumat yang tepat dan komprehensif serta sumber yang mencukupi adalah penting untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan. Dalam subsektor perkhidmatan penjagaan kesihatan, sistem data bersepadu yang merangkumi data sektor awam dan swasta akan dibangunkan untuk mengumpul dan mengurus maklumat yang komprehensif, termasuk pendaftaran kesihatan, kawalan penyakit dan aktiviti ekonomi berkaitan penjagaan kesihatan. Sistem ini akan memudahkan perkongsian data dan maklumat antara penyedia perkhidmatan penjagaan kesihatan awam dan swasta. Ini akan membolehkan analisis data masa nyata untuk membantu proses membuat keputusan yang berasaskan bukti, berkesan dan tepat. Selain itu, kerjasama dalam kalangan IPTS akan digalakkan untuk berkongsi sumber, termasuk kemudahan dan peralatan bagi menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran. IPTS juga akan digalakkan untuk meneroka pembiayaan alternatif termasuk wakaf dan pendanaan ramai bagi memastikan kemampanan institusi.

Strategi E2

Memperkukuh Peranan dan Fungsi Institusi

Pertumbuhan sektor ekonomi perlu diurus tadbir melalui rangka kerja institusi yang komprehensif dan dilaksana dengan cekap dengan mandat khusus. Dalam tempoh RMKe-12, tumpuan akan diberi untuk menangani isu tadbir urus yang tidak bersepadu serta pertindanan peranan dan fungsi. Ini termasuk menubuhkan pihak berkuasa khusus untuk subsektor mineral dan mereformasi institusi sedia ada bagi meningkatkan keberkesanan dan kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Menubuhkan Pihak Berkuasa Khusus dan Rangka Kerja Institusi

Output subsektor mineral merupakan antara input utama untuk pertumbuhan industri. Usaha melonjakkan pembangunan subsektor ini secara strategik akan mewujudkan peluang bagi menghasilkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi pada kos yang kompetitif untuk industri tempatan. Sehubungan ini, lembaga pembangunan industri mineral akan ditubuhkan untuk mengawal selia secara sistematik dan meneraju pembangunan subsektor mineral yang mampan di sepanjang rantaian nilai. Lembaga ini juga akan bertanggungjawab untuk menarik pelaburan dalam aktiviti pertengahan dan hiliran serta menggalakkan penerimagunaan teknologi dan mempertingkat kerjasama dalam R&D berkaitan mineral antara pemain industri tempatan dan antarabangsa.

Rangka kerja institusi yang komprehensif bagi perkhidmatan profesional akan dibangunkan bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan PPKS untuk memperluas perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Rangka kerja ini akan menentukan peranan dan fungsi agensi dengan jelas dalam merancang, melaksana dan memantau pembangunan perkhidmatan profesional. Ini akan meningkatkan kemampuan PPKS di peringkat domestik dan memperkukuh keupayaan eksport, seterusnya menyerlahkan penyertaan PPKS tempatan dalam pasaran global.

Mereformasi Institusi Sedia Ada

Peranan dan fungsi agensi berkaitan akan diperkemas untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan, menyumbang kepada proses membuat keputusan yang berkesan dan mengoptimumkan sumber. Peranan dan fungsi berkaitan latihan, penyelidikan dan pemasaran bagi beberapa agensi dalam *sektor pertanian* akan disemak dan dijajarkan semula untuk memodenkan sektor ini. Usaha ini akan mengambil kira keperluan adaptasi teknologi IR4.0, khidmat pengembangan dan pelaburan sektor swasta. Bagi *sektor pembinaan*, Akademi Binaan Malaysia akan diperkukuh sebagai institusi latihan yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa dalam membangunkan bakat teknikal berkemahiran tinggi. Di samping itu, peranan dan fungsi Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia dan Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi akan diperkemas melalui kerjasama strategik untuk meningkatkan keberkesanan R&D dalam sektor pembinaan.

Strategi E3

Memperkukuh Dasar dan Perundangan

Dasar dan perundangan perlu lebih fleksibel dan responsif bagi menghadapi trend dan cabaran global. Dalam hubungan ini, usaha akan dilaksana untuk memperkukuh perundangan sedia ada serta membangun dan menyemak semula dasar yang berkaitan. Persekitaran kawal selia yang kondusif akan memudahkan transformasi pada peringkat sektor untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi.

Membangunkan Dasar Baharu dan Menyemak Semula Dasar Sedia Ada bagi Pembangunan Sektor

Dasar pada peringkat sektor yang mantap adalah penting bagi pembangunan ekonomi yang menyumbang kepada pewujudan pekerjaan dan pertumbuhan yang lebih tinggi. Dasar tersebut menyediakan hala tuju yang menyeluruh untuk pembangunan sektor serta membolehkan industri tempatan dimodenkan dan berkembang maju. Agensi kerajaan akan dikehendaki menerima pakai Amalan Peraturan Baik (GRP) untuk meningkatkan ketelusan, khususnya dalam menyebarkan maklumat berkaitan pindaan peraturan dan undang-undang. Ini akan membolehkan industri sentiasa peka dan mematuhi peraturan terkini.

Dalam *sektor pertanian*, Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) yang sedang dirangka akan memberi tumpuan kepada penggunaan teknologi moden dalam subsektor agromakanan untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Dasar ini juga akan memberi tumpuan kepada peningkatan sekuriti makanan di Malaysia. Satu pelan tindakan sekuriti makanan negara sedang dirangka dan dijangka siap pada penghujung tahun 2021. Pelan tindakan ini akan mengenalpasti inisiatif yang akan memperkukuh empat tonggak sekuriti makanan iaitu ketersediaan, akses, penggunaan dan kestabilan. Pelan tindakan ini akan mencapai outcome yang merangkumi pengurangan kebergantungan terhadap makanan import dan pengeluaran produk makanan yang mampan. Pelaksanaan DAN 2.0 akan membolehkan petani memodenkan aktiviti pertanian serta beroperasi dengan cekap dan berkesan melalui persatuan dan koperasi berkaitan pertanian. Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030) juga sedang dirangka bagi menetapkan hala tuju dan sasaran baharu untuk meningkatkan produktiviti, memperkukuh aktiviti hiliran dan menggalakkan pertumbuhan industri baharu.

Subsektor gas akan terus memainkan peranan penting dalam menyokong pertumbuhan *sektor perlombongan* selaras dengan peningkatan permintaan daripada industri. Pelan hala tuju industri gas asli akan dibangunkan untuk memanfaatkan sepenuhnya pertumbuhan permintaan, memastikan jaminan bekalan dan meliberalisasi pasaran bagi meningkatkan kecekapan dan daya saing. Di samping itu, usaha akan diambil untuk merangka strategi bagi memanfaatkan potensi subsektor gas untuk menjadikan Malaysia sebagai hab perdagangan gas serantau.

Dasar negara berkaitan *sektor pembinaan* akan digubal untuk meningkatkan daya tahan sektor bagi mendepani perubahan pantas dalam permintaan dan pembangunan teknologi. Dasar ini akan memastikan standard amalan yang lebih tinggi dengan menumpukan kepada kualiti, keselamatan dan profesionalisme bagi meningkatkan produktiviti dan kemampanan. Mekanisme pelaksanaan akan dibangunkan bagi menambah baik penyelarasan dan memperkemas tadbir urus di setiap peringkat kerajaan.

Dasar dan peraturan yang berkaitan akan diperkenal dan disemak semula selaras dengan rangka kerja Industry4WRD untuk menyokong pertumbuhan dalam *sektor pembuatan*. Pelan induk perindustrian yang baharu sedang dirangka bagi menyediakan hala tuju industri, termasuk mempergiat pelaburan swasta. Usaha akan dilaksana bagi menggalakkan lebih banyak pelaburan langsung domestik dan FDI yang berkualiti. Selain itu, dasar dan peraturan ini akan diinstitusikan bagi menyokong pembangunan teknologi baru muncul serta memperkukuh pengurusan dan perlindungan harta intelek. Dasar yang berkaitan akan disemak semula dan pelan hala tuju akan dibangunkan untuk subsektor pemangkin seperti E&E, kimia dan produk kimia, M&E, aeroangkasa, pembinaan kapal, farmaseutikal dan peranti perubatan. Di samping itu, beberapa pelan rangka tindakan khusus dalam rantaian nilai automotif yang telah dikenal pasti di bawah NAP 2020 akan dirangka bagi menggalakkan penerimagunaan teknologi khusus dan peluasan segmen pasaran.

Trend mega global sedang merubah dan memodenkan *sektor perkhidmatan*. Dalam hubungan ini, SSB baharu yang menggariskan rangka kerja dasar dan pendekatan strategik akan dilaksana untuk terus memajukan sektor ini. SSB ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan subsektor yang berpotensi tinggi untuk meningkatkan daya saing dan memacu pertumbuhan sektor ini. Ini termasuk usaha untuk membangunkan bakat berkemahiran, meningkatkan pelaburan dan menambah baik akses kepada kaedah penyelesaian digital bagi menyokong pertumbuhan subsektor. Di samping itu, infrastruktur yang penting untuk memacu pertumbuhan sektor akan dibangunkan. Oleh yang demikian, sektor perkhidmatan akan lebih berdaya tahan dalam menghadapi kejutan dan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara.

Memperkukuh Perundangan

Tadbir urus yang baik bergantung kepada wujudnya rangka kerja perundangan yang dinamik. Dalam hubungan ini, beberapa peraturan dan undang-undang akan dipinda untuk memodenkan aktiviti pertanian, meningkatkan keperluan keselamatan makanan dan nutrisi serta menangani isu yang menghalang pembangunan *sektor pertanian*. Beberapa akta akan dipinda termasuk Akta Perikanan 1985, Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 dan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960. Selain itu, prosedur operasi standard dan garis panduan mengenai amalan terbaik dalam subsektor mineral, terutama dalam aspek penguatkuasaan, pemulihan tanah dan amalan yang mampan akan disemak semula dan diharmonikan untuk pelaksanaan pada peringkat negeri. Undang-undang yang berkaitan akan digubal dan disemak semula bagi membangunkan sumber mineral strategik yang berpotensi serta meminimumkan impak daripada aktiviti perlombongan dan pengkuarian terhadap alam sekitar.

Dalam *sektor pembinaan*, pindaan akan dibuat terhadap undang-undang berkaitan, manakala garis panduan akan diperkemas bagi menyelaras peranan Kerajaan Persekutuan dan pihak berkuasa tempatan. Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL) akan disemak semula untuk disesuaikan dengan perubahan terhadap keperluan dan teknologi pembinaan. Dalam hubungan ini, garis panduan yang berkaitan akan disesuaikan dengan pindaan UBBL untuk memastikan pematuhan kepada amalan standard dalam aktiviti pembinaan.

Kawal selia kendiri akan diperkenal untuk menggalakkan pematuhan kepada perundangan dan peraturan keselamatan, terutama dalam subsektor borong dan runcit. Ini akan mengurangkan kos kawal selia dalam menjalankan perniagaan dan menambah baik keberhasilan pasaran bagi pengguna. Peraturan semasa akan dipinda bagi memperkasa sepenuhnya persatuan dan persekutuan untuk melaksana tanggungjawab kawal selia serta menguatkuasakan pendaftaran wajib perniagaan dengan persatuan dan persekutuan berkaitan. Pindaan ini akan membolehkan persatuan dan persekutuan memantau secara langsung dan mengambil tindakan ke atas ahli yang tidak mematuhi peraturan. Sementara itu, akta dan peraturan yang berkaitan dengan IPTS akan disemak semula supaya selari dengan perkembangan semasa subsektor perkhidmatan pendidikan. Pindaan ini adalah penting bagi meningkatkan tadbir urus institusi pendidikan swasta. Inisiatif ini akan menambah baik kualiti perkhidmatan dan meningkatkan potensi IPTS sebagai industri penting.

Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, sektor pertanian, perlombongan, pembinaan, pembuatan dan perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan yang sederhana walaupun berhadapan dengan persekitaran global yang tidak menentu dan ketegangan perdagangan. Sektor perkhidmatan dan pembuatan terus menjadi penyumbang utama kepada ekonomi. Walau bagaimanapun, semua sektor masih berhadapan dengan beberapa cabaran yang menjejaskan keupayaan untuk mencapai potensi sepenuhnya. Di samping menghadapi cabaran berkaitan teknologi, daya saing firma, akses pasaran dan tadbir urus, kesemua sektor mengalami kesan negatif berikutan pandemik COVID-19 pada akhir tempoh RMKe-11. Melangkah ke hadapan, RMKe-12 akan memberi keutamaan untuk melonjakkan produktiviti, memperluas akses pasaran, memperkukuh pengantaraan kewangan, menggalakkan pembangunan perindustrian yang seimbang serta menambah baik dasar dan tadbir urus. Pelaksanaan pelbagai strategi ini akan mengembalikan semula momentum pertumbuhan, seterusnya menyumbang kepada pembangunan untuk semua.

Bab 3

Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana



Pendahuluan 3-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 3-3

- Pencapaian Sasaran Terpilih 3-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 3-5
- Industri Elektrik dan Elektronik 3-5
- Perkhidmatan Global 3-5
- Industri Aeroangkasa 3-5
- Industri Kreatif 3-5
- Industri Pelancongan 3-5
- Industri Halal 3-6
- Pertanian Pintar 3-6
- Industri Biojisim 3-6
- Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana 3-6

Isu dan Cabaran 3-7

- Pembangunan Industri yang Kurang Memberangsangkan 3-7
- Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang Kurang Berdaya Saing 3-9

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 3-9

- Bidang Keutamaan A 3-13
  Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi
- Bidang Keutamaan B 3-26
  Mempertingkat Keupayaan Usahawan dan Perusahaan

Kesimpulan 3-31

3

Pendahuluan

Landskap ekonomi domestik dan global yang semakin mencabar amat memerlukan strategi yang bersesuaian untuk mengekalkan momentum pertumbuhan dan mengukuhkan daya tahan. Dalam tempoh RMKe-11, usaha telah dilaksana untuk menyokong pembangunan ekonomi dengan memperkukuh pertumbuhan industri serta mempercepat reformasi struktur, inovasi dan penerimagunaan teknologi. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa cabaran dari segi pembangunan industri yang kurang memberangsangkan serta perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) yang kurang berdaya saing yang perlu ditangani untuk merealisasikan sepenuhnya potensi ekonomi. Di samping itu, pandemik COVID-19 telah menjejaskan pencapaian industri dan PMKS.

Dalam tempoh RMKe-12, inisiatif bagi melonjakkan pertumbuhan industri strategik dan berimpak tinggi akan diberi penekanan untuk menjana semula pertumbuhan ekonomi. Industri ini termasuk elektrik dan elektronik (E&E), perkhidmatan global[1] (GS), aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal, pertanian pintar dan biojisim. Usaha juga akan dilaksana untuk melonjakkan keupayaan usahawan dan menggalakkan pertumbuhan inklusif dengan mengukuhkan penyertaan PMKS dalam ekonomi. Pelaksanaan inisiatif ini akan meningkatkan daya saing dan mengukuhkan daya tahan bagi mencapai ekonomi berpendapatan tinggi yang dipacu oleh teknologi termaju.

[1] Perkhidmatan bernilai tinggi yang menggabungkan pelbagai fungsi dan memanfaatkan penyampaian perkhidmatan perniagaan merentas operasi antarabangsa dengan kawalan penuh dalam proses membuat keputusan, peruntukan dan pelaporan. Perkhidmatan ini merangkumi ICT, R&D, kewangan dan perakaunan, sumber manusia, perolehan, undang-undang, pemasaran, analisis perniagaan dan perkhidmatan sokongan guna sama merentas pelbagai lokasi dalam organisasi. Contoh perkhidmatan global adalah Hab Prinsipal, Perkhidmatan Perniagaan Global dan ibu pejabat operasi.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Pelbagai inisiatif telah dilaksana dalam tempoh RMKe-11 bagi merekayasa pertumbuhan ekonomi untuk meningkatkan kemakmuran. Strategi utama termasuk memperkukuh pertumbuhan sektor dan menyegera reformasi struktur serta mempercepat inovasi dan penerimagunaan teknologi. Kebanyakan industri strategik dan berimpak tinggi ini telah mencatat pertumbuhan yang kukuh, sementara sumbangan PMKS kepada KDNK menunjukkan trend meningkat. Walau bagaimanapun, tahun 2020 merupakan tahun yang mencabar berikutan pandemik COVID-19 telah memberi impak besar kepada aktiviti ekonomi serta menjejaskan kebanyakan industri dan perniagaan.


Pencapaian Sasaran Terpilih

Dalam tempoh RMKe-11, industri strategik dan berimpak tinggi telah menunjukkan peningkatan yang ketara berdasarkan beberapa indikator. Pada tahun 2020, industri pelancongan dan PMKS merekodkan pencapaian di bawah sasaran dari segi jumlah perbelanjaan pelancong asing serta sumbangan PMKS kepada KDNK dan jumlah eksport. Pandemik COVID-19 telah menyukarkan lagi pencapaian sasaran memandangkan operasi perniagaan telah terjejas teruk sehingga mengakibatkan penutupan perniagaan secara sementara atau kekal. Pencapaian industri dan PMKS ini adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 3-1*.


Paparan 3-1

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih


Pencapaian Industri Strategik dan Berimpak Tinggi




Elektrik dan Elektronik
Sumbangan kepada KDNK




Perkhidmatan Global
Perbelanjaan Perniagaan
* Data awal




Aeroangkasa
Jumlah Pendapatan



Kreatif
Sumbangan kepada KDNK
* Data awal



Pelancongan
Jumlah Perbelanjaan Pelancong Asing




Halal
Sumbangan kepada KDNK




Biojisim
Jumlah Pelaburan

Memperkukuh Pertumbuhan Sektor dan Mereformasi Struktur



PMKS
Sumbangan kepada KDNK



PMKS
Sumbangan kepada Jumlah Eksport



Pencapaian Inisiatif Terpilih

Industri Elektrik dan Elektronik

Industri E&E di Malaysia merupakan sektor pemangkin yang merentas pelbagai industri lain dan telah menjadi penyumbang utama kepada sektor pembuatan. Pada tahun 2020, industri E&E telah menyumbang 6.4% kepada KDNK dengan nilai ditambah sebanyak RM86.1 bilion. Dari 2016 hingga 2020, industri E&E berkembang pada kadar 5.6% setahun, lebih tinggi berbanding pertumbuhan sektor pembuatan pada 3.3% setahun. Selain itu, subsektor E&E mendominasi eksport negara dengan sumbangan sebanyak 45.6% atau RM386.1 bilion pada tahun 2020. Dalam tempoh 2016 hingga 2020, sebanyak 577 projek E&E dengan pelaburan bernilai RM71.4 bilion telah diluluskan.

Perkhidmatan Global

Perkhidmatan Global (GS) yang terdiri daripada Hab Prinsipal, Perkhidmatan Perniagaan Global (GBS) dan ibu pejabat operasi merupakan penyumbang utama pelaburan langsung asing (FDI) di bawah sektor perkhidmatan. Pelaburan GS yang diluluskan daripada syarikat multinasional mencatatkan RM46.1 bilion, mewakili 51.7% jumlah keseluruhan FDI bagi sektor perkhidmatan daripada tahun 2016 sehingga 2020. Dalam tempoh yang sama, sebanyak 309 usaha niaga GS baharu dengan jumlah pelaburan direalisasi sebanyak RM17.6 bilion telah direkodkan. Pelaburan ini mewujudkan 21,711 pekerjaan dengan 4,411 daripadanya adalah pekerjaan berpendapatan tinggi dengan purata gaji bulanan kasar sebanyak RM20,000. Jumlah perbelanjaan perniagaan termasuk perbelanjaan modal daripada usaha niaga ini berjumlah RM46.3 bilion dan RM5.7 bilion lagi telah dibelanjakan untuk perkhidmatan sampingan domestik. Sehingga kini, Malaysia menempatkan sebanyak 579 syarikat GBS berstatus MSC sementara 349 lagi adalah pelbagai ibu pejabat pengoperasian dengan pengambilan pekerja berpengetahuan seramai 146,478 orang.

Industri Aeroangkasa

Industri aeroangkasa telah berkembang daripada industri kecil yang memenuhi keperluan domestik kepada industri yang diiktiraf pada peringkat global, berpandukan Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 (MAIB 2030). Rangka Tindakan ini menggariskan lima bidang strategik dan 41 inisiatif, termasuk meningkatkan keberkesanan institusi, membangunkan modal insan, menguasai pasaran baharu dan memperkukuh rantaian bekalan.

Industri aeroangkasa telah terkesan dengan pandemik COVID-19. Pada tahun 2020, jumlah pendapatan industri aeroangkasa menurun kepada RM11.6 bilion, berbanding RM13 bilion pada tahun 2016 dan RM16.2 bilion pada tahun 2019. Daripada jumlah pendapatan tahun 2020 tersebut, sebanyak 49.9% disumbangkan oleh subsektor pembuatan aeroangkasa dan 42.2% oleh penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO). Industri ini telah menyediakan lebih daripada 25,600 pekerjaan sehingga tahun 2020.

Industri Kreatif

Industri kreatif yang merangkumi multimedia serta budaya, seni dan warisan menjadi semakin penting pada peringkat global. Program *MyDigital Content* telah membantu syarikat animasi tempatan memasarkan produk kreatif yang mempunyai harta intelek (IP) seperti Upin & Ipin, Ejen Ali dan *Didi and Friends* dalam menembusi pasaran tempatan dan global. Usaha merancakkan segmen budaya, seni dan warisan telah dilaksana untuk meningkatkan sumbangan segmen ini bagi menyokong industri kreatif. Industri kreatif berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 3.6%, iaitu daripada RM22.5 bilion pada tahun 2015 kepada RM26.8 bilion pada tahun 2020[2].

Industri Pelancongan

Industri pelancongan mencatat pertumbuhan positif dari tempoh 2016 hingga 2019, terutama disebabkan oleh peningkatan saiz golongan berpendapatan menengah yang berkemampuan di Asia, lebih banyak ketersambungan dan pilihan perjalanan pada harga yang berpatutan serta keadaan ekonomi yang lebih baik. Nilai ditambah kasar industri pelancongan (GVATI) berjumlah RM240.2 bilion pada tahun 2019 berbanding RM165.9 bilion pada tahun 2015. Walaupun ketibaan pelancong meningkat sedikit pada kadar 0.4% setahun daripada 25.7 juta orang pada tahun 2015 kepada 26.1 juta pada tahun 2019, jumlah perbelanjaan pelancong asing meningkat lebih tinggi, iaitu sebanyak 5.7% setahun daripada RM69.1 bilion kepada RM86.1 bilion dalam tempoh yang sama. Guna tenaga dalam industri pelancongan juga meningkat 5.6% setahun daripada 2.9 juta orang pada tahun 2015 kepada 3.6 juta pada tahun 2019. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan sektor pelancongan dan kebanyakan kempen promosi dan acara berkaitan *Visit Malaysia* 2020 telah dibatalkan. Pandemik tersebut juga menyebabkan penurunan drastik ketibaan pelancong pada tahun 2020 kepada 4.3 juta pelancong dengan jumlah perbelanjaan sebanyak RM12.7 bilion sahaja. Oleh itu, sasaran 30 juta ketibaan pelancong dan RM100 bilion pendapatan tidak dapat dicapai. GVATI tahun 2020 juga menurun sebanyak 33.9% kepada RM158.9 bilion, berbanding RM240.2 bilion pada tahun 2019.

[2] Data awal yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, berdasarkan aktiviti ekonomi terpilih yang menyumbang kepada industri kreatif.

Industri Halal

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai inisiatif telah dilaksana bagi memastikan pembangunan industri halal tempatan yang bersepadu dan komprehensif. Usaha telah ditumpukan kepada pembangunan standard dan pensijilan halal, penjenamaan dan promosi serta pengkomersialan produk dan perkhidmatan halal. Jumlah sumbangan industri halal kepada KDNK pada tahun 2019 adalah sebanyak 7.6% bernilai RM115.5 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak 69.3% adalah daripada sektor pembuatan dan 30.7% daripada sektor perkhidmatan. Industri berkembang pada kadar purata 5.5% setahun dalam tempoh 2016 hingga 2019. Selain itu, nilai eksport halal telah meningkat sedikit pada kadar 0.8% setahun, daripada RM39.4 bilion kepada RM40.6 bilion dalam tempoh 2016 hingga 2019. Walau bagaimanapun, pada tahun 2020, sumbangan KDNK menurun kepada RM92.7 bilion dan eksport telah menurun dengan ketara kepada RM30.6 bilion. Jumlah pelaburan kumulatif di 22 taman industri halal sedia ada adalah sebanyak RM2.8 bilion sehingga tahun 2020, dimana 55% adalah merupakan pelaburan langsung asing. Sebanyak 2,225 syarikat baharu telah menerima pensijilan halal yang menyediakan sebanyak 160,337 peluang pekerjaan baharu.

Pertanian Pintar

Beberapa langkah telah diambil untuk memacu pelaksanaan pertanian pintar dalam sektor pertanian bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani. Sistem *Agriculture Flagship* (AgF) yang menyokong pembangunan analitik dan data raya telah dibangunkan untuk menggalakkan petani menerima pakai pertanian pintar. Selain itu, petani serta koperasi dan persatuan berkaitan pertanian telah menerima geran berjumlah RM76 juta untuk mekanisasi dan automasi. Bagi menggalakkan pertanian pintar, tiga projek rintis di bawah program eLadang telah dilaksana untuk memberi peluang kepada petani menerima pakai penyelesaian digital di sepanjang rantaian bekalan yang lengkap. Projek rintis ini telah meningkatkan hasil pengeluaran sekitar 12% dan mengurangkan tenaga kerja sebanyak 50%. Dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), sejumlah 57 teknologi pertanian bernilai RM16.7 juta telah dibangunkan dan dikomersialkan.

Industri Biojisim

Potensi industi biojisim telah dimanfaatkan untuk menjana eksport produk berasaskan biojisim yang lebih tinggi dan menyumbang kepada pengurangan pelepasan gas rumah kaca (GHG) berdasarkan konsep ekonomi kitaran. Secara purata, dianggarkan 80 juta tan kering biojisim dihasilkan daripada ladang kelapa sawit setiap tahun. Daripada jumlah ini, sebanyak 85% disumbangkan oleh lima negeri, iaitu Sabah, Sarawak, Johor, Pahang dan Perak. Dalam tempoh RMKe-11, sebanyak 29 projek berasaskan biojisim dengan pelaburan berjumlah RM1.0 bilion telah berjaya dilaksanakan dan RM534 juta daripadanya merupakan pelaburan asing. Projek ini telah mewujudkan 1,122 peluang pekerjaan. Industri ini mempunyai potensi yang belum dimanfaatkan sepenuhnya memandangkan hanya 15% daripada biojisim yang tersedia digunakan. Pengeluaran produk berasaskan biojisim lebih tertumpu kepada produk asas seperti pelet, gentian sawit, papan lapis, panel dan biogas.

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Dalam tempoh RMKe-11, PMKS terus memainkan peranan penting dalam pembangunan ekonomi. Sehingga Disember 2020, sejumlah 1,151,239 syarikat dikategorikan sebagai PMKS, yang merangkumi 97.2% daripada jumlah syarikat berdaftar. Daripada jumlah ini, 85.5% adalah dalam sektor perkhidmatan, 7.4% dalam pembinaan, 5.1% dalam pembuatan, 1.7% dalam pertanian dan 0.3% dalam perlombongan dan pengkuarian. Pada tahun 2020, PMKS menyumbang 38.2% atau RM512.8 bilion kepada KDNK berbanding 37% atau RM435.1 bilion pada tahun 2015 manakala sumbangan kepada jumlah eksport adalah RM117.8 bilion atau 13.5% pada tahun 2020, berbanding RM145 bilion atau 17.7% pada tahun 2015. Guna tenaga dalam PMKS pula meningkat daripada 6.5 juta pada tahun 2015 kepada 7.2 juta pada tahun 2020.

Sebanyak 172 program pembangunan telah dilaksana yang memberi manfaat kepada kira-kira 220,000 PMKS dan lebih daripada 390,000 usahawan dan individu setiap tahun. Tumpuan program adalah akses kepada pembiayaan, peluasan pasaran, inovasi dan penerimagunaan teknologi serta pembangunan infrastruktur dan bakat. Di samping itu, Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030) telah dilancarkan pada tahun 2019. Dasar ini menetapkan hala tuju untuk mewujudkan ekosistem keusahawanan yang menyeluruh dan kondusif bagi menyokong pembangunan usahawan yang berdaya saing dan berdaya tahan.

Isu dan Cabaran

Industri strategik dan berimpak tinggi memainkan peranan yang penting dalam memacu pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RMKe-11. Industri ini juga telah menyumbang kepada pertumbuhan PMKS. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa isu dan cabaran yang mengekang pertumbuhan industri ini dan PMKS. Cabaran utama adalah pembangunan industri yang kurang memberangsangkan dan PMKS yang kurang berdaya saing.

Isu dan Cabaran

Pembangunan Industri yang Kurang Memberangsangkan
Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang Kurang Berdaya Saing

Pembangunan Industri yang Kurang Memberangsangkan

Walaupun *industri E&E* memberi sumbangan yang besar kepada ekonomi, industri ini menghadapi beberapa cabaran dalam mengekalkan pertumbuhan dan daya saing pada peringkat global. Industri ini menghadapi kekurangan bakat terutama jurutera reka bentuk dan penyelidik yang berkemahiran tinggi bagi memenuhi kehendak industri. Industri E&E kurang berinovasi dan melabur dalam automasi serta teknologi baharu untuk menghasilkan produk bernilai tinggi disebabkan akses yang mudah kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Industri ini juga kurang aktiviti R&D tempatan. Selain itu, aktiviti E&E tertumpu kepada pembuatan *back-end* seperti pemasangan, pengujian dan pembungkusan yang mempunyai nilai ditambah yang rendah serta kurang berasaskan intensiti modal dan teknologi yang kompleks.

Syarikat di seluruh dunia sedang beralih untuk memusatkan perkhidmatan strategik utama yang berada di beberapa unit dalam perniagaan masing-masing ke satu lokasi. Ini adalah bagi berhadapan dengan perubahan yang pantas dalam model perniagaan dan kedinamikan proses membuat keputusan. Walaupun trend ini membuka peluang kepada pewujudan lebih banyak syarikat *Perkhidmatan Global* (GS) untuk beroperasi, Malaysia menghadapi cabaran untuk meraih peluang ini berikutan kekurangan ekosistem yang menyokong. Antara cabaran ini adalah dasar yang kurang jelas dan konsisten, peraturan yang tidak menyokong, bakat yang tidak mencukupi, pembangunan infrastruktur digital yang perlahan serta kurang ketersambungan udara ke bandar utama.

Industri aeroangkasa menghadapi beberapa cabaran untuk mengekalkan daya saing dan kemampanan. Cabaran ini termasuk kekurangan keupayaan teknologi dalam bidang pembuatan aeroangkasa, ketiadaan strategi ke arah pendigitalan dan penerimagunaan teknologi termaju berasaskan Industri 4.0 yang rendah. Tambahan pula, aktiviti MRO tertumpu kepada *line and base maintenance*. Penglibatan adalah terhad dalam aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, seperti pembaikan komponen dan enjin. Penyumberluaran khidmat pembaikan komponen kepada negara jiran telah meningkatkan kos dan masa pusingan, yang menyebabkan industri MRO tempatan kurang berdaya saing. Kerjasama antara kerajaan dengan kerajaan (G2G) dan kerajaan dengan perniagaan (G2B) masih kurang dalam membangunkan Malaysia sebagai hab aeroangkasa. Industri juga masih belum memenuhi keperluan *Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation's* (CORSIA) bagi mengurangkan pelepasan karbon dioksida daripada sektor penerbangan.

Pembangunan *industri kreatif* menghadapi kekangan disebabkan definisi yang tidak jelas, tadbir urus yang lemah, pembiayaan, insentif dan IP yang terhad, serta kekurangan bakat dan pembangunan keupayaan. Dasar Industri Kreatif Negara 2010 (DIKN) yang merangkumi tiga bidang utama, iaitu multimedia, seni budaya dan warisan adalah tidak komprehensif dari segi skop dan liputan. Ini telah menjejaskan perancangan dan pembangunan serta keupayaan industri kreatif untuk berkembang dan meneroka pasaran baharu.

Fasiliti budaya, seni dan warisan milik kerajaan sedia ada tidak dimanfaatkan sepenuhnya kerana ketiadaan mekanisme bersesuaian bagi membolehkan sektor swasta untuk menggunakan fasiliti tersebut. Ini menyebabkan sebahagian daripada permintaan daripada orang awam dan pelancong untuk persembahan seni dan budaya tidak dapat dipenuhi. Galeri, muzium dan perpustakaan awam telah gagal untuk menarik pengunjung disebabkan oleh pengurusan yang lemah dan kerjasama dengan sektor swasta yang terhad. Kekurangan promosi untuk memupuk kecintaan terhadap budaya, seni dan warisan tempatan dalam kalangan rakyat turut menjejaskan permintaan terhadap produk ini. Aspek penjenamaan, pemasaran dan pembangunan pakej masih belum dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan daya tarikan produk.

Perkembangan pesat teknologi kreatif menyebabkan penghasilan dan penggunaan media dan kandungan digital pada peringkat global sentiasa berubah. Walau bagaimanapun, bakat tempatan yang terhad serta program pendidikan dan latihan yang tidak mencukupi bagi mengikuti perkembangan teknologi yang dinamik ini, telah menjejaskan pertumbuhan industri kreatif. Sumber kewangan yang terhad bagi tujuan pemasaran dan promosi turut menghalang pembangunan kandungan digital tempatan.

Bilangan ketibaan pelancong yang mendatar antara tahun 2016 hingga 2019 menunjukkan *industri pelancongan* telah kehilangan daya saing. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh kekurangan pembangunan produk pelancongan dan penyenggaraan yang tidak memuaskan di kawasan tarikan pelancong. Tarikan alam semulajadi di Malaysia seperti pulau, pantai dan tanah tinggi berhadapan dengan risiko kemerosotan akibat daripada kelemahan pengurusan aktiviti pembangunan. Kebanyakan kawasan sensitif alam sekitar seperti taman laut, taman negara dan geopark masih belum menetapkan had daya tampung[3] dan Had Perubahan Boleh Diterima[4] (LAC). Di samping itu, pakej pelancongan sedia ada yang tidak memanfaatkan sepenuhnya budaya, seni dan produk warisan tempatan telah gagal menarik minat pelancong untuk menghayati budaya Malaysia.

Aktiviti promosi melalui platform digital tidak dimanfaatkan sepenuhnya untuk menarik minat pelancong daripada segmen yang tepat. Kaedah pengiklanan secara konvensional, termasuk papan iklan dan media cetak masih digunakan secara meluas. Kaedah ini hanya mewujudkan kesedaran jenama tetapi tidak berkesan dalam menterjemah aktiviti promosi kepada lawatan sebenar. Selain itu, penamatan banyak laluan langsung jarak jauh yang melibatkan beberapa negara oleh syarikat penerbangan nasional dalam usaha untuk mengecilkan saiz operasi telah mengurangkan permintaan pelancongan dari pasaran tersebut. Kesesakan dan kekurangan kemudahan di pintu masuk menjejaskan kedatangan pelancong dari negara-negara jiran. Kelemahan tadbir urus dan kekurangan libat urus dalam kalangan pihak berkepentingan menjadikan perkhidmatan industri pelancongan kurang cekap dan berkesan. Pada masa ini, tiada mekanisme yang berkesan untuk sektor swasta dan CSO menyumbang secara aktif bagi memelihara produk berkaitan budaya, seni dan warisan.

Industri halal terus berhadapan dengan beberapa isu dan cabaran pada peringkat domestik dan antarabangsa. Pemain industri tempatan kekurangan keupayaan untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi bagi memenuhi permintaan pasaran halal. Kekurangan penerimagunaan teknologi, pelaburan strategik, bakat dan aktiviti R&D&C&I berkaitan halal adalah antara isu utama yang mengekang pembangunan industri ini. Rangkaian perniagaan PMKS halal yang terhad, kurangnya ciri-ciri pemikiran sebagai usahawan global serta penggunaan model perniagaan yang kurang dinamik menghalang usaha untuk meluaskan pasaran. Pengeksport halal tempatan berhadapan dengan persaingan yang semakin meningkat dengan bertambahnya bilangan pesaing luar negara yang memperoleh pensijilan halal. Ini dirumitkan lagi dengan pertambahan bilangan badan pensijilan halal, termasuk daripada negara yang mempunyai penduduk majoriti bukan Islam. Keadaan ini menjejaskan jenama halal negara dan menyebabkan produk dari Malaysia kurang dikenali.

Perubahan iklim, peningkatan penduduk dan kehilangan biodiversiti merupakan sebahagian daripada cabaran makro yang memerlukan perhatian segera. Kadar penerimagunaan teknologi moden dalam sektor pertanian masih berada pada tahap sederhana. Ini disebabkan oleh pelbagai faktor seperti kekurangan usaha yang menyeluruh untuk menggalakkan *pertanian pintar*, kebergantungan kepada pekerja berkemahiran rendah dan sederhana, petani yang semakin berusia serta kekurangan pelaburan daripada sektor swasta. Di samping itu, petani berhadapan dengan pelbagai isu dalam menerima pakai pertanian pintar. Ini termasuk kekurangan pengetahuan teknikal, maklumat yang tidak bersepadu, kos pelaksanaan yang tinggi dan ketersambungan rangkaian yang lemah bagi menyokong teknologi pintar.

[3] Jumlah maksimum pengunjung yang dibenarkan di destinasi pelancongan pada satu-satu masa tanpa menjejaskan persekitaran fizikal, ekonomi dan sosiobudaya serta tanpa mengakibatkan penurunan kualiti kepuasan pengunjung pada kadar yang tidak boleh diterima (Pertubuhan Pelancongan Dunia Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu).

[4] Pengenaan had toleransi kepada perubahan di kawasan pelancongan akibat daripada pelbagai aktiviti pelancongan dan pembangunan.

Industri biojisim di Malaysia berhadapan dengan beberapa isu dan cabaran. Ketiadaan pelan induk yang komprehensif bagi menyediakan hala tuju pembangunan industri ini telah menyebabkan pelaksanaan inisiatif yang tidak terselaras untuk menggalakkan perkembangan industri ini. Di samping itu, ketiadaan model perniagaan yang berkesan di sepanjang rantaian nilai telah mengakibatkan pelaburan yang rendah. Ladang dan kilang pula tidak mempunyai sokongan logistik untuk mengumpul bahan mentah biojisim dari lokasi yang berselerak bagi pemprosesan secara berpusat.

Maklumat yang tidak mencukupi mengenai ketersediaan teknologi dan potensi pasaran telah menyebabkan pelaburan yang rendah dalam rantaian pengeluaran biojisim. Di samping itu, tempoh yang panjang dan perbelanjaan modal yang tinggi untuk menerima guna dan membangunkan teknologi telah mengakibatkan pertumbuhan industri yang perlahan. Akibatnya, industri ini hanya menghasilkan produk biojisim bernilai rendah yang kebanyakannya bersifat generik dan sangat mudah diganti, seterusnya menjadikan industri kurang berdaya saing.

Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana yang Kurang Berdaya Saing

PMKS masih kurang berdaya saing disebabkan oleh penerimagunaan teknologi yang rendah, kekurangan bakat berkemahiran dan pengetahuan mengenai pengurusan serta menghadapi akses kepada pembiayaan yang terhad. Penerimagunaan teknologi yang rendah dan kebergantungan yang tinggi kepada pekerja berkemahiran rendah telah melebarkan lagi jurang produktiviti antara PMKS dengan syarikat besar sekaligus menjadikan PMKS tempatan kurang berdaya saing pada peringkat global. Di samping itu, terdapat PMKS yang kurang memahami proses dan pematuhan terhadap keperluan untuk memperoleh pembiayaan. Peraturan dan perundangan berkaitan prosedur pembiayaan perniagaan sedia ada tidak menyokong pertumbuhan PMKS yang mampan dan keusahawanan berasaskan inovasi. Kekurangan program pembangunan keusahawanan yang menyeluruh dan bersepadu telah menghalang peluasan pasaran, inovasi dan kemampanan perusahaan. Pandemik COVID-19 menjejaskan lagi prestasi PMKS berikutan permintaan barangan dan perkhidmatan yang rendah serta gangguan dalam rantaian bekalan.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Industri aeroangkasa dan pelancongan terkesan dengan teruk oleh pandemik COVID-19 dan akan mengambil masa lebih lama untuk pulih. Oleh itu, strategi untuk industri aeroangkasa dalam RMKe-12 akan ditumpu kepada menyediakan landasan yang kukuh untuk pemulihan bagi merebut peluang pertumbuhan akan datang dalam pasaran global pasca pandemik. Memandangkan industri pelancongan merupakan penyumbang kepada tukaran asing yang tinggi dan mempunyai kesan limpahan yang besar kepada sektor lain, industri ini akan dicergaskan semula dalam tempoh RMKe-12.

Industri E&E, GS, kreatif, halal, pertanian pintar dan biojisim adalah industri dan aktiviti strategik yang akan dimajukan lagi untuk menghasilkan produk dan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, penerimagunaan teknologi termaju, R&D dan inovasi dan peluang pekerjaan yang berkualiti. Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan ditumpu untuk mentransformasikan industri dan aktiviti ini menjadi lebih sofistikated dan dipacu oleh teknologi termaju.

RMKe-12 akan memberi tumpuan untuk melonjakkan beberapa pemacu pertumbuhan berpotensi dengan memanfaatkan teknologi termaju dan pendigitalan selaras dengan Dasar Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) Negara dan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia. Pembangunan industri strategik dan berimpak tinggi akan dipercepat, manakala keupayaan usahawan dan perusahaan terutama PMKS akan dipertingkat. Kejayaan pelaksanaan langkah ini akan mengukuhkan daya saing dan daya tahan ekonomi serta menjadikan Malaysia sebagai pemain penting dalam rantaian bekalan global untuk produk dan perkhidmatan yang kompleks dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Melonjakkan Pertumbuhan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi serta Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Bidang Keutamaan A

Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi

Strategi A1
Merangsang Industri Elektrik dan Elektronik untuk Beralih kepada Rantaian Nilai yang Lebih Tinggi

Strategi A2
Meningkatkan Daya Saing Perkhidmatan Global

Strategi A3
Mewujudkan Industri Aeroangkasa yang Mampan

Strategi A4
Memaksimumkan Potensi Industri Kreatif

Strategi A5
Mencergaskan Semula Industri Pelancongan

Strategi A6
Meningkatkan Daya Saing Industri Halal yang Inklusif

Strategi A7
Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar

Strategi A8
Merealisasikan Potensi Industri Biojisim

Bidang Keutamaan B

Mempertingkat Keupayaan Usahawan dan Perusahaan

Strategi B1
Mewujudkan Usahawan yang Inovatif dan Mampan

Strategi B2
Menggalakkan Penyertaan Inklusif melalui Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, Koperasi dan Persatuan Berasaskan Pertanian

Strategi B3
Mewujudkan Ekosistem Keusahawanan yang Kondusif dan Menyeluruh



Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi



2025

Sumbangan Industri Elektrik dan Elektronik kepada KDNK



2025

Nilai Eksport Produk Elektrik dan Elektronik



2025

Jumlah Pelaburan Perkhidmatan Global



2025

Pendapatan daripada Industri Aeroangkasa



2025

Peluang Pekerjaan dalam Industri Aeroangkasa




2025

Sumbangan Industri Kreatif kepada KDNK




2025

Jumlah Perbelanjaan Pelancong Asing



2021-2025

Pertumbuhan Tahunan Pelawat Domestik



2025

Sumbangan Industri Halal kepada KDNK



2025

Nilai Eksport Produk Halal



2021-2025

Jumlah Pelaburan dalam Industri Biojisim

Sasaran
SDG
WKB 2030

Mempertingkat Keupayaan Usahawan dan Perusahaan




2025

Pendapatan daripada Koperasi




2025

Pendapatan daripada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK)



2025

Pendapatan daripada Persatuan Nelayan Kawasan (PNK)




2025

Sumbangan PMKS kepada KDNK




2025

Sumbangan PMKS kepada Jumlah Eksport



2021-2025

Pertumbuhan Tahunan Purata Produktiviti Buruh PMKS



2025

PMKS Mendigitalkan Operasi Perniagaan

Sasaran
SDG
WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Mempercepat Pembangunan Industri Strategik dan Berimpak Tinggi

Pembangunan industri strategik dan berimpak tinggi akan dipercepat untuk melonjakkan pertumbuhan ekonomi, terutama bagi menyesuaikan industri dengan perubahan landskap rantaian bekalan global pasca pandemik. Tumpuan akan diberi untuk merangsang industri E&E untuk beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi, memperkukuhkan Malaysia sebagai hab perkhidmatan global, mewujudkan industri aeroangkasa yang mampan, memaksimumkan potensi industri kreatif, mencergaskan semula industri pelancongan, meningkatkan daya saing dalam industri halal, mempergiat aktiviti pertanian pintar serta merealisasikan potensi industri biojisim. Industri ini diberi keutamaan berdasarkan kemampuan untuk memanfaatkan teknologi termaju dan keupayaan khusus, serta kesan pengganda yang tinggi. Pelaksanaan strategi ini dijangka meningkatkan sumbangan industri kepada KDNK, mewujudkan peluang pekerjaan berpendapatan tinggi dan melonjakkan pendapatan eksport.

- **Strategi A1** — Merangsang Industri Elektrik dan Elektronik untuk Beralih kepada Rantaian Nilai yang Lebih Tinggi
- **Strategi A2** — Meningkatkan Daya Saing Perkhidmatan Global
- **Strategi A3** — Mewujudkan Industri Aeroangkasa yang Mampan
- **Strategi A4** — Memaksimumkan Potensi Industri Kreatif
- **Strategi A5** — Mencergaskan Semula Industri Pelancongan
- **Strategi A6** — Meningkatkan Daya Saing Industri Halal yang Inklusif
- **Strategi A7** — Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar
- **Strategi A8** — Merealisasikan Potensi Industri Biojisim

Strategi A1

Merangsang Industri Elektrik dan Elektronik untuk Beralih kepada Rantaian Nilai yang Lebih Tinggi

Dalam tempoh RMKe-12, pemain industri E&E akan digalakkan untuk menerima guna teknologi termaju dan menghasilkan produk yang lebih sofistikated, seterusnya menyumbang kepada peningkatan produktiviti dan pertumbuhan. Anjakan industri E&E perlu dilaksana melalui peningkatan pelaburan dalam aktiviti yang bernilai tinggi seperti reka bentuk dan pembangunan (D&D) serta pembuatan *front-end*. Dalam hubungan ini, usaha akan ditumpukan untuk memperkukuh ekosistem pembuatan, menggalakkan penerimagunaan teknologi baharu serta meningkatkan pembangunan bakat, aktiviti R&D dan D&D. Menjelang tahun 2025, industri E&E disasarkan menyumbang sebanyak RM120 bilion kepada KDNK dan menjana pendapatan eksport sebanyak RM495 bilion.

Memperkukuh Ekosistem Industri Elektrik dan Elektronik bagi Mencapai Rantaian Nilai yang Lebih Tinggi

Ekosistem yang komprehensif berdasarkan pendekatan lebih sistematik adalah penting bagi memastikan kemampanan pembangunan industri E&E. Dalam hubungan ini, pelan hala tuju E&E nasional akan dirangka sebagai panduan strategik bagi pembangunan industri ini. Subsektor utama di bawah pelan hala tuju ini adalah semikonduktor, solar fotovoltan, diod pemancar cahaya (LED), perkhidmatan pembuatan elektronik (EMS) dan perkhidmatan berkaitan pembuatan (MRS). Subsektor ini dipilih berdasarkan potensi yang besar dan kelebihan sedia ada Malaysia dalam subsektor ini.

Peranan organisasi yang berkaitan akan dipertingkat bagi menambah baik penyelarasan di samping mewujudkan jalinan dan kerjasama yang kukuh dengan institusi penyelidikan serta antara sektor awam dan swasta serta. Insentif untuk industri E&E akan distruktur semula untuk meningkatkan keberkesanan. Pelaksanaan inisiatif ini akan membolehkan penyelarasan dana, sumber teknikal dan fasiliti yang disediakan oleh Kerajaan.

Menggalakkan Penerimagunaan Teknologi yang Tinggi

Teknologi baru muncul telah dikenal pasti sebagai pemangkin strategik untuk melonjak keupayaan negara dalam membangunkan produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan mewujudkan pekerjaan berkemahiran. Usaha akan dilaksana bagi membolehkan industri E&E beralih kepada aktiviti bernilai lebih tinggi di sepanjang rantaian bekalan melalui peningkatan penggunaan automasi dan teknologi termaju. Penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI), internet benda (IoT), robotik, dan data raya sangat bergantung kepada pembuatan semikonduktor termaju. Dalam hal ini, untuk lebih berdaya saing, pemain industri E&E akan digalak memberi tumpuan kepada pembuatan semikonduktor termaju.

Syarikat multinasional (MNC) akan digalakkan untuk membantu meningkatkan keupayaan PMKS tempatan. Pelaksanaan *Lighthouse Project* yang diperkenal pada tahun 2020, akan diperluas untuk menggalakkan MNC membantu PMKS tempatan dalam menguasai pendigitalan dan *Globalization 4.0*[5] dalam model perniagaan mereka. Di samping itu, penubuhan platform perniagaan 4IR akan memberi peluang kepada syarikat E&E dan PMKS untuk mempercepat penerapan dan inovasi teknologi 4IR.

Meningkatkan Pembangunan Bakat dan Keupayaan

Kumpulan bakat berkemahiran adalah penting dalam membangunkan industri E&E bagi menghadapi landskap persaingan yang baharu. Dalam hubungan ini, pelbagai program kelayakan mikro akan diperluas berdasarkan model *Triple Helix*. Set kemahiran tambahan, termasuk pengekodan perisian dan pemodelan analisis data akan disediakan oleh pelbagai institusi latihan untuk memenuhi permintaan pasaran.

Beberapa inisiatif akan dilaksana untuk membangunkan bakat dalam industri E&E selaras dengan Dasar 4IR Negara. Ini termasuk penubuhan pusat pembangunan kemahiran 4IR yang diterajui oleh industri. Insentif juga akan disediakan kepada industri untuk meningkatkan kemahiran dan melatih semula pekerja dalam bidang 4IR. Selain itu, platform data menggunakan AI akan diwujudkan untuk memudahkan perancangan tenaga kerja. Bagi mempercepat pembangunan industri pembuatan bernilai tinggi, pekerja akan ditingkatkan kemahiran dan dilatih semula dalam bidang reka bentuk. Pusat khusus akan dikenal pasti bagi melatih jurutera reka bentuk berkemahiran tinggi untuk memenuhi permintaan.

[5] Perubahan besar global disebabkan oleh teknologi seperti kecerdasan buatan (AI), robotik dan IoT.

Enrolmen dalam program pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) akan ditingkatkan untuk menyediakan bakat bagi menyokong pengeluaran produk yang berteknologi dan bernilai tinggi dalam industri E&E. Program kejuruteraan perisian dan pengaturcaraan di universiti awam akan dijajar mengikut keperluan industri. Pelaksanaan inisiatif ini akan merapatkan jurang bakat serta meningkatkan kompeten bakat dalam industri E&E.

Meningkatkan Penyelidikan dan Pembangunan serta Reka Bentuk dan Pembangunan

Aktiviti inovasi dan reka bentuk adalah penting bagi merangsang pertumbuhan industri. Sehubungan itu, program reka bentuk berintensif pengetahuan untuk subsektor E&E akan digalakkan. Pemain Industri akan digalakkan untuk menjalankan aktiviti D&D, terutama dalam litar bersepadu (IC), pembungkusan IC, sistem terbenam serta perkhidmatan pengujian dan kejuruteraan reka bentuk. Insentif akan disediakan bagi menggalakkan syarikat meningkatkan pelaburan dalam aktiviti D&D.

Geran dan insentif berkaitan R&D akan dikaji semula untuk menyokong aktiviti berasaskan keperluan teknologi termaju dan permintaan pasaran terkini. Di samping itu, aktiviti R&D dari awal ke akhir akan digalakkan bagi memastikan hasil R&D boleh melalui pembangunan eksperimen dan pengujian program yang terperinci untuk memenuhi keperluan standard teknologi dan produk. Selain itu, institusi penyelidikan dan pusat kecemerlangan akan diselaras untuk mengurangkan pertindihan dan meningkatkan keberkesanan dalam menjalankan aktiviti R&D. Pusat teknologi dan inovasi khusus akan ditubuhkan untuk memacu pembangunan teknologi, mempercepat inovasi dan pemindahan teknologi serta meningkatkan pembangunan teknologi tempatan.

Strategi A2

Meningkatkan Daya Saing Perkhidmatan Global

Ekosistem yang kondusif dan menyokong adalah penting bagi Malaysia untuk menjadi hab GS yang berdaya saing. Dasar yang jelas dan menyokong, kawal selia dan persekitaran perniagaan yang lebih baik, pembangunan bakat, infrastruktur digital dan kesalinghubungan udara ke bandar utama adalah diperlukan bagi mewujudkan persekitaran ini. Kejayaan menyediakan keperluan ini akan membolehkan Malaysia menarik lebih banyak syarikat GS dan memudah cara pertumbuhan perkhidmatan sokongan tempatan.

Menyediakan Dasar, Perundangan dan Persekitaran Perniagaan yang Jelas dan Menyokong

Dasar yang jelas dan menyokong serta kawal selia dan persekitaran perniagaan yang kondusif adalah penting untuk menarik perkhidmatan perniagaan global dan tempatan untuk ditubuhkan dan beroperasi dari Malaysia. Dalam hubungan ini, penambahbaikan akan dilaksana untuk meningkatkan kemudahan urusan bagi menjalankan perniagaan dan memudah cara mobiliti bakat, menyediakan dasar percukaian yang menyokong, pemindahan dana yang fleksibel dan perlindungan perantara liabiliti, serta mengiktiraf model pembiayaan alternatif dan meningkatkan R&D.

Meningkatkan Bakat dan Keupayaan Penyedia Perkhidmatan Global

Bagi menyokong operasi hab perkhidmatan global, keupayaan profesional dan penyedia perkhidmatan profesional perlu dipertingkat. Ini termasuk membangunkan program yang komprehensif dan memudah cara usaha untuk mewujudkan kumpulan bakat profesional bertaraf dunia yang lebih besar. Bakat ini akan dilengkapi dengan set kemahiran yang diperlukan. Kerjasama awam-swasta dalam pembangunan bakat, khususnya peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan digalakkan untuk memastikan ketersediaan bakat bagi memenuhi permintaan industri. Di samping itu, dana sedia ada seperti Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) akan terus dimanfaat untuk mempercepat pendigitalan dan meningkatkan keupayaan GS tempatan.

Menambah Baik Infrastruktur Digital

Infrastruktur dan ketersambungan digital yang terbaik adalah penting untuk menyokong pertumbuhan GS. Pelaksanaan Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia dijangka akan meningkatkan infrastruktur dan ketersambungan digital negara. Dalam hal ini, rangkaian 5G dan perkhidmatan storan pengkomputeran awan akan menjadi pemangkin untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi meningkatkan daya tarikan Malaysia sebagai destinasi pelaburan. Ini akan membolehkan syarikat GS untuk menawarkan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam pasaran global.

Meningkatkan Kesalinghubungan Udara ke Bandar-Bandar Utama

Kelebihan utama Malaysia tawarkan kepada MNC yang ingin mewujudkan operasi di rantau ini adalah kemudahan infrastruktur yang terbaik. Ini telah membolehkan Malaysia diiktiraf sebagai antara negara yang mempunyai infrastruktur termaju di Asia. Kesalinghubungan udara yang lebih baik di antara Kuala Lumpur dan destinasi utama antarabangsa yang lain akan melonjakkan lagi daya tarikan negara sebagai destinasi pelaburan. Dalam hubungan ini, usaha sama dengan syarikat penerbangan antarabangsa akan dipergiat untuk terus mempertingkat kesalinghubungan udara.

Strategi A3

Mewujudkan Industri Aeroangkasa yang Mampan

Industri aeroangkasa telah dikenal pasti sebagai salah satu industri strategik untuk melonjakkan Malaysia kepada trajektori berteknologi tinggi. Industri ini akan ditransformasi kepada yang menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih kompleks. Inisiatif yang akan dilaksana termasuk membangunkan ekosistem yang mampan, mewujudkan kluster dan zon aktiviti aeroangkasa, mewujudkan sistem digital aeroangkasa, dan meneroka sumber tenaga yang mampan. Inisiatif ini akan meningkatkan keupayaan dan daya saing industri, seterusnya memperkukuh kedudukan industri tempatan dalam rantaian nilai global. Industri ini diunjur dapat menjana pendapatan sebanyak RM30 bilion pada tahun 2025 berbanding RM11.6 bilion pada tahun 2020 dan mewujudkan 30,000 pekerjaan.

Membangunkan Ekosistem Aeroangkasa yang Mampan

Pembangunan ekosistem yang mampan untuk industri aeroangkasa memerlukan kerjasama yang erat dan berkesan dalam kalangan semua pihak berkepentingan. Dalam hubungan ini, Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO) akan diperkasa sebagai agensi yang berperanan untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan industri aeroangkasa. Langkah ini akan membolehkan NAICO, yang pada masa ini merupakan sebuah unit di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, memperkukuh peranan dalam memudah cara pelaksanaan inisiatif dan pelan tindakan di bawah MAIB 2030. Agensi ini akan memudah cara kerjasama antara kerajaan, industri dan akademia berdasarkan model *Triple Helix*.

Pemerkasaan ini akan mengukuhkan peranan NAICO dalam menyelaras pelaksanaan Rangka Kerja Industri Aeroangkasa yang baru diperkenal, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 3-2*. Rangka kerja ini mengandungi sasaran keseluruhan industri serta strategi dan outcome yang dihasratkan bagi setiap kluster untuk mencapai objektif MAIB 2030. Strategi di bawah rangka kerja ini merangkumi penambahbaikan dalam pendidikan dan latihan bagi menyediakan bakat yang diperlukan. Pusat sehenti akan diwujudkan untuk menyelaras proses pensijilan oleh pelbagai badan kawal selia berkaitan aeroangkasa. Pusat kecemerlangan aeroangkasa juga akan ditubuhkan bagi menyediakan latihan serta perkongsian amalan terbaik dan fasiliti, terutama bagi PMKS untuk meningkatkan daya saing industri dan menjadikan Malaysia sebagai hab aeroangkasa di rantau Asia Tenggara.

Teknologi aeronautik dan astronautik akan dibangunkan untuk memperkukuh industri aeroangkasa. Dalam hubungan ini, keupayaan fasiliti aeronautik dan astronautik akan ditambah baik dan infrastruktur sedia ada akan digunakan secara optimum, manakala kemahiran tempatan akan ditingkatkan. Usaha juga akan dilaksana untuk mewujudkan sumber baharu pertumbuhan ekonomi melalui kerjasama strategik antara Kerajaan dan pemain tempatan yang terlibat dalam industri aeroangkasa.

Paparan 3-2

Rangka Kerja Industri Aeroangkasa

Wawasan Kemakmuran Bersama 2030

Pertumbuhan Tahunan KDNK 4.7% dalam tempoh 2021- 2030

Pendapatan Aeroangkasa RM55.2 bilion pada tahun 2030

Penglibatan *G2G*	Penglibatan *G2B*	Pelaksanaan *Triple Helix*	Pembangunan Ekosistem	Pengurusan Disruptif

Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030

2020
Pendapatan Industri: RM11.6 bilion Guna Tenaga: 25,600

2030
Pendapatan Industri: RM55.2 bilion Guna Tenaga: 32,000

MRO

Menguasai 5% bahagian pasaran global

- Membangunkan pelan hala tuju teknologi Industri 4.0
- Memperluas aktiviti MRO bagi jet perniagaan
- Menarik pelaburan baharu bagi *Fixed Based Operator* (FBO)
- Menerajui perniagaan MRO helikopter serantau

Pembuatan Aeroangkasa

No.1 di Asia Tenggara bagi pembuatan alat ganti & komponen

- Memperkenal Rangka Kerja Digital Aeroangkasa
- Membangunkan rantaian bekalan domestik dan kompetensi untuk ekosistem industri pembuatan aeroangkasa tempatan
- Membangunkan PKS untuk pembuatan termaju

Integrasi Sistem

Kebergantungan kendiri dalam integrasi sistem

- Membangunkan pelan hala tuju pelaburan industri aeroangkasa
- Membangunkan kepakaran dan keupayaan tempatan dalam mengeluarkan *Unmanned Aerial Vehicle* (UAV) atau *drone* buatan Malaysia
- Menggalakkan kolaborasi akademia dan industri bagi projek *NanoSat* dan *CubeSat*

Khidmat Kejuruteraan & Reka Bentuk

Menguasai 3.5% bahagian pasaran global

- Menubuhkan pusat sehenti di SIRIM untuk pensijilan, penentukuran dan pengujian aeroangkasa
- Mewujudkan konsortium tempatan untuk reka bentuk dalaman pesawat dan penyelesaian pembuatan
- Melaksanakan program libat urus strategik G2B dengan OEM

Pendidikan & Latihan

No. 1 di Asia Tenggara dalam penawaran tenaga kerja

- Menyediakan pendidikan dan latihan industri melalui pendekatan *Triple Helix*
- Memantapkan program TVET aeroangkasa untuk pembuatan, MRO dan operasi
- Mewujudkan pusat kecemerlangan untuk bakat aeroangkasa

Sumber: Malaysia Aerospace Industry Association, Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan dan Unit Perancang Ekonomi

Insentif dan bantuan kewangan akan ditambah baik supaya industri kekal berdaya saing dalam rantaian nilai global dan menggalakkan pertumbuhan mampan. Usaha ini adalah kritikal ketika pasaran dunia, termasuk Malaysia, bertindak balas dan pulih daripada implikasi ekonomi dan sosial akibat pandemik COVID-19. Dalam hubungan ini, insentif akan dikaji semula untuk mempercepat R&D, inovasi dan pelaburan dalam aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Pinjaman dan jaminan pinjaman kepada perniagaan akan diteroka untuk meningkatkan akses industri kepada kecairan bagi mengimbangi aliran tunai yang merosot disebabkan oleh impak pandemik. Langkah ini bertujuan untuk membantu pemulihan perniagaan serta menggalakkan pelaburan baharu dalam teknologi termaju dan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi bagi merebut peluang dalam rantaian nilai global masa hadapan. Selain itu, pelaksanaan Program Kolaborasi Industri (ICP) akan diperkukuhkan lagi bagi memastikan penyertaan yang lebih besar daripada syarikat industri aeroangkasa tempatan dalam perolehan Kerajaan terutama dalam sektor pertahanan.

Mewujudkan Kluster dan Zon Aktiviti Aeroangkasa untuk Pertumbuhan Industri yang Seimbang

Pembangunan industri aeroangkasa akan dijajar semula untuk membangunkan keupayaan khusus melalui pewujudan kluster dan zon aktiviti aeroangkasa di kawasan ekonomi terpilih. Pembangunan industri akan memberi tumpuan kepada empat kluster, iaitu MRO, pembuatan aeroangkasa, integrasi sistem dan perkhidmatan kejuruteraan dan reka bentuk untuk mewujudkan sinergi dan menggalakkan pertumbuhan pemain industri tempatan. Pewujudan kluster dan zon aktiviti aeroangkasa ini akan dilaksana berdasarkan kepada kekuatan dan kelebihan setiap kawasan ekonomi. Antara lain, pewujudan kluster aeroangkasa di Selangor akan ditumpu kepada MRO, pembuatan dan pemasangan, manakala kluster di Pulau Pinang akan ditumpu kepada integrasi sistem dan perkhidmatan kejuruteraan. Pendekatan pengezonan ini akan memperluas aktiviti dalam empat kluster aeroangkasa bagi menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih kompleks dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Membangunkan Sistem Digital Aeroangkasa

Sistem digital aeroangkasa khusus akan diwujudkan sebagai repositori data berpusat untuk operasi pesawat, MRO dan pembuatan aeroangkasa di Malaysia melalui kerjasama awam dan swasta. Sistem ini akan diurus oleh Kerajaan untuk mengawal selia dan memantau pembangunan industri. Sistem ini juga akan memudahkan pelbagai pihak berkepentingan dan pemain industri mengakses maklumat permintaan dan penawaran pada masa nyata bagi meningkatkan daya saing industri aeroangkasa tempatan. Maklumat ini penting bagi membolehkan pelarasan strategi perniagaan pada peringkat firma dan industri untuk disesuaikan dengan norma baharu dalam rantaian nilai global berikutan impak pandemik COVID-19 yang telah merubah landskap industri aeroangkasa global.

Meneroka Sumber Tenaga yang Mampan

Usaha akan dilaksana untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama bahan api biojet di rantau ini. Dalam hubungan ini, program untuk menghasilkan prototaip bahan api biojet pertama di Malaysia melalui penyelidikan dan teknologi tempatan akan dimulakan. Ujian pertama bahan api biojet ke atas pesawat yang dipandu oleh juruterbang akan dijalankan pada awal tahun 2022. Langkah ini adalah sebahagian daripada strategi industri bagi mematuhi peraturan baharu Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) yang memberi tumpuan kepada *carbon offsetting*. Pelaksanaan inisiatif ini dijangka memberi kesan pengganda kepada sektor lain, terutama dalam pembekalan bahan mentah bagi bahan api biojet.

Strategi A4

Memaksimumkan Potensi Industri Kreatif

Industri kreatif sedang berkembang pesat dengan peluang dan potensi yang luas. Kreativiti rakyat Malaysia dan perkembangan teknologi digital akan dimanfaatkan untuk memaksimumkan potensi industri kreatif, dan pada masa yang sama memelihara budaya, seni dan warisan negara yang tidak ternilai. Langkah untuk mempercepat pertumbuhan industri kreatif termasuk membangunkan ekosistem yang menyeluruh, meningkatkan kemahiran bakat untuk memenuhi keperluan industri serta memperkukuh pembangunan dan promosi produk. Penambahbaikan pemboleh daya pertumbuhan ini akan meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan serta menyokong pengukuhan identiti kebudayaan tempatan yang unik. Ini membuka peluang kepada Malaysia untuk menjadi pengeksport terkenal dalam industri kreatif. Usaha akan membantu industri kreatif berkembang pada kadar 3.6% setahun dalam tempoh RMKe-12 dan menyumbang sebanyak RM31.9 bilion kepada KDNK pada tahun 2025.

Membangunkan Ekosistem Industri Kreatif yang Holistik

Ekosistem industri kreatif yang holistik, termasuk rangka kerja dasar, tadbir urus dan kewangan, adalah penting untuk menjadikan industri ini sebagai pemangkin pertumbuhan dalam merangsang semula ekonomi. Industri kreatif akan didefinisi semula untuk dijajarkan dengan definisi di bawah *United Nations Conference on Trade and Development*. Ini adalah untuk memastikan skop dan liputan adalah merangkumi keseluruhan industri kreatif. Dasar sedia ada, terutama DIKN dan rangka kerja institusi akan disemak semula untuk menentukan hala tuju baharu industri dan menyokong syarikat tempatan dalam menembusi pasaran serantau dan global. Rangka kerja bagi pembangunan kandungan digital akan ditambah baik untuk meningkatkan eksport, menarik pelaburan, dengan memanfaatkan sepenuhnya bakat dan memperkukuh perkongsian awam dan swasta.

Majlis Pembangunan Industri Kreatif Negara yang diterajui oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) akan menjadi platform utama untuk memacu pembangunan industri kreatif. Akaun satelit bagi industri kreatif akan dibangunkan untuk mempermudah pengumpulan dan analisis data, seterusnya membantu proses membuat keputusan berasaskan bukti bagi merealisasikan potensi industri. Pangkalan data yang menyeluruh juga akan dibangunkan bagi memudahkan perancangan, pemantauan dan penilaian yang lebih baik. Selain itu, mekanisme pembiayaan, termasuk insentif akan ditambah baik untuk mempercepat pertumbuhan industri kreatif. Fasiliti sedia ada milik kerajaan, termasuk kemudahan untuk program kebudayaan di bawah Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) dan Istana Budaya, akan ditawarkan kepada pihak swasta untuk mengoptimumkan penggunaannya bagi mempromosi dan mempamerkan produk dan perkhidmatan kreatif. Usaha bersepadu akan dilaksana untuk mempertingkat kesedaran mengenai kepentingan IP bagi menambah baik penghasilan dan perlindungan kandungan kreatif serta meningkatkan keupayaan menjana pendapatan.

Meningkatkan Kemahiran Bakat untuk Memenuhi Keperluan Industri

Tumpuan untuk memupuk bakat dalam bidang kreatif akan ditingkatkan seiring dengan keutamaan negara dalam bidang sains, teknologi dan inovasi bagi memastikan industri kreatif berdaya tahan dan memberi pulangan. Usaha ini termasuk mewujudkan peluang latihan dan pembelajaran yang khusus bagi memenuhi keperluan industri. Program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi bakat dalam industri kreatif akan dipergiat dalam pelbagai bidang, termasuk animasi, pembikinan filem dan permainan elektronik. Bagi memenuhi permintaan industri kandungan kreatif yang sedang berkembang, platform serantau untuk *eSports*, hab serantau kandungan digital dan *Creator's Studio* akan diwujudkan. Di samping itu, institusi berkaitan pembangunan bakat akan digalakkan untuk menambah baik program latihan secara berterusan bagi melahirkan bakat yang berkualiti dalam pelbagai bidang seperti muzik, fesyen dan reka bentuk. Pengajaran dan pembelajaran subjek berkaitan industri kreatif, iaitu multimedia, teknologi digital dan rekaan fesyen akan diperluas melibatkan lebih banyak institusi TVET di seluruh negara.

Memperkukuh Pembangunan dan Promosi Produk

Kebanyakan pemain industri kreatif sangat bergantung kepada teknologi untuk kekal relevan. Keupayaan R&D akan dipertingkat untuk memastikan kemampanan dan memaksimumkan potensi barangan dan perkhidmatan kreatif. Aplikasi mudah alih dan platform dalam talian akan terus dimanfaatkan untuk memperkukuh pembangunan dan promosi produk. Produk kebudayaan dan warisan, termasuk muzium dan galeri akan ditambah baik melalui penggunaan teknologi, antara lain infografik dan alat perkongsian maklumat untuk memberi pengalaman yang bermakna. Platform digital akan diterima pakai untuk mempromosi dan mengeksport jenama Malaysia dengan memanfaatkan keunikan destinasi, makanan dan budaya tempatan.

Strategi A5

Mencergaskan Semula Industri Pelancongan

Kemampanan industri pelancongan adalah penting memandangkan industri ini telah mewujudkan kesan limpahan ekonomi yang tinggi. Pada tahun 2019, industri ini telah menyediakan 3.6 juta pekerjaan, iaitu 23.6% daripada jumlah guna tenaga. Dalam tempoh RMKe-12, industri pelancongan akan dicergaskan semula untuk memenuhi keperluan pelancong dengan mengambil kira permintaan yang tinggi terhadap aspek keselamatan dan kebersihan yang lebih baik. Ini termasuk mengembalikan keyakinan pelancong, menyediakan produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti, meningkatkan kemampanan produk pelancongan, memperkukuh penjenamaan dan promosi, menginstitusi reformasi tadbir urus dan mempergiat pelancongan domestik. Langkah ini akan memastikan pertumbuhan yang lebih tinggi, pelaburan yang lebih besar, penyertaan komuniti setempat yang lebih meluas dan industri yang lebih mampan. Ketibaan pelancong asing dijangka akan mula pulih pada tahun 2023 mengambil kira kesan pandemik COVID-19 kepada industri pelancongan global. Oleh itu, ketibaan pelancong dijangka mencapai 24.3 juta orang dengan pendapatan berjumlah RM73 bilion pada tahun 2025. Jumlah pelawat domestik dijangka meningkat pada kadar 5.5% setahun dalam tempoh RMKe-12, dengan sasaran seramai 212 juta pelawat dan pendapatan sebanyak RM100 bilion pada tahun 2025.

Mengembalikan Keyakinan Pelancong

Keselamatan dan kebersihan merupakan faktor penentu utama pemilihan destinasi percutian oleh pelancong dan pemilihan lokasi penganjuran mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) oleh penganjur, terutamanya sejak pandemik COVID-19. Sehubungan itu, bagi memastikan sektor pelancongan kembali cergas dan berdaya tahan, usaha penjenamaan dan promosi yang mengutamakan aspek keselamatan dan kebersihan akan diberi penekanan. Kempen untuk memupuk budaya tanggungjawab sosial dan meningkatkan tahap keyakinan pelancong akan turut dilancarkan. Pemilik perniagaan akan digalakkan untuk menerima guna teknologi termaju, seperti automasi, robotik dan AI bagi meminimumkan interaksi fizikal dengan pelanggan sekaligus mengurangkan risiko penyebaran penyakit berjangkit.

Meningkatkan Kualiti Produk dan Perkhidmatan

Nilai dan impak produk dan perhidmatan pelancongan akan diperkukuh dengan menambah baik kandungan, penceritaan dan penyediaan pakej bagi memenuhi perubahan permintaan pelancong yang menginginkan aktiviti pelancongan berasaskan pengalaman. Elemen penceritaan khususnya adalah penting bagi meningkatkan nilai produk dan penghayatan, seterusnya memperkaya pengalaman pelancong. Produk dan perkhidmatan ekopelancongan yang menggambarkan pengalaman unik di Malaysia akan dipromosi sebagai produk premium bagi menyasarkan pelancong yang berkualiti. Mekanisme pemantauan khusus akan dibangunkan di destinasi ekopelancongan, seperti *Kilim Geoforest Park* di Kedah, Taman Negeri Royal Belum di Perak, Lembah Danum di Sabah dan Taman Negara Mulu di Sarawak untuk mengekalkan keaslian dan kemampanan destinasi ini. Langkah juga akan diambil bagi menggalakkan sektor swasta untuk menambah baik pengurusan dan meningkatkan keuntungan dan seterusnya memastikan pemeliharaan dan pemuliharaan tapak tersebut. Bagi meningkatkan kesejahteraan ekonomi masyarakat setempat, penglibatan mereka akan dipergiat dalam menyediakan pengalaman inap desa yang unik, menghasilkan kraftangan dan menawarkan perkhidmatan pemandu pelancong.

Budaya, seni dan warisan Malaysia akan dimanfaat untuk meningkatkan lagi usaha mempromosi pelancongan. Usaha ini akan memberi tumpuan kepada pertunjukan warisan dan budaya negara yang unik, seperti perayaan, persembahan tarian tradisional dan aktiviti gastronomi di Malaysia. Bagi memastikan kemampanan warisan dan budaya tempatan, usaha akan dilaksana untuk menyediakan ganjaran dan penghargaan yang sewajarnya kepada pengamal seni. Peranan sektor swasta akan diperkukuh bagi menyediakan perkhidmatan pelancong yang lebih baik di kemudahan milik kerajaan seperti muzium, galeri dan kompleks JKKN. Dalam hubungan ini, model perniagaan yang lebih dinamik dan berkesan akan dibangunkan untuk membolehkan sektor swasta melengkapi usaha Kerajaan. Selain itu, langkah akan dilaksana untuk mempromosi Malaysia sebagai destinasi pilihan pertama bagi acara MICE dan membeli-belah.

Prestasi industri pelancongan bergantung kepada kualiti perkhidmatan yang disediakan oleh bakat dalam industri ini. Inisiatif akan dilaksana untuk menarik dan mengekalkan individu berbakat, termasuk penyediaan persekitaran kerja yang lebih baik dan latihan dan peningkatan kemahiran yang berkualiti serta penerapan amalan terbaik antarabangsa dalam industri makanan dan hospitaliti. Kerjasama antara industri, kerajaan dan akademia akan diperkukuh dalam menyediakan sinergi untuk melahirkan bakat dengan kemahiran yang sesuai bagi memenuhi keperluan industri.

Meningkatkan Kemampanan Produk Pelancongan

Pemain industri akan digalakkan untuk berinovasi dan menerima guna teknologi digital dalam meningkatkan kemampanan produk pelancongan. Usaha ini termasuk menambah baik penyampaian perkhidmatan serta mempamer dan menjual produk pelancongan dan budaya, antaranya melalui lawatan maya, persembahan kebudayaan

dan pembuatan kraftangan secara dalam talian. Platform pemasaran dalam talian juga akan diguna sebagai pelengkap kepada kompleks seni dan kraftangan, termasuk Kompleks Kraftangan dan Balai Seni bagi membolehkan akses pasaran yang lebih luas dan meningkatkan keterlihatan produk seni dan kraf tempatan pada peringkat global.

Amalan penggunaan dan pengeluaran mampan, termasuk penggunaan label hijau akan terus digalakkan. Amalan ini juga akan menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama destinasi percutian dan penginapan dalam kalangan pelancong yang menitikberatkan amalan penjagaan alam sekitar. Mekanisme penentu harga bagi produk dan perkhidmatan pelancongan akan disemak semula agar setara dengan nilai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan. Tapak pelancongan alam sekitar yang sensitif, terutama yang diberi pengiktirafan *UNESCO Global Geoparks* atau status warisan akan ditetapkan had daya tampung dan LAC. Di samping itu, langkah akan dilaksana untuk mengekalkan tahap kebersihan yang tinggi dan kemudahan awam yang berkualiti di tapak pelancongan ini. Pada masa yang sama, program kesedaran akan dipergiat untuk memupuk budaya penyelenggaraan yang mantap dalam kalangan pihak berkepentingan.

Memperkukuh Jenama Malaysia dan Strategi Pemasaran

Usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai jenama yang menggabungkan identiti, nilai intrinsik, imej dan budaya akan dilaksana melalui strategi mengukuhkan kedudukan jenama. Strategi ini antara lain adalah untuk mencipta imej jenama yang kukuh dan positif serta sinonim dengan nilai tinggi seperti kepercayaan, kualiti dan kemampanan. Ini bertujuan untuk menarik pelancong, pelanggan, pelabur dan pihak berkepentingan lain dari seluruh dunia. Kempen pemasaran dan promosi yang agresif akan dilaksana dengan memberi tumpuan kepada keunikan Malaysia berbanding pesaing lain dan mewujudkan pasaran yang tersendiri. Sasaran pasaran dan petunjuk prestasi utama (KPI) yang jelas akan ditetapkan untuk mengukur keberkesanan strategi ini.

Slogan *Malaysia Truly Asia* akan diberi nafas baharu untuk memanfaatkan pengiktirafan dan nilai jenama tersebut yang dibina melalui usaha terdahulu. Pakej pelancongan yang menarik akan terus dibangun dan dipasarkan. Pakej ini mempamerkan destinasi dan aktiviti termasuk elemen budaya, seni dan warisan bagi menyediakan pengalaman yang unik kepada pelancong. Platform digital akan dimanfaatkan untuk memastikan aspirasi berkaitan pelancongan menjadi kenyataan. Seiring dengan penambahbaikan infrastruktur dan ketersambungan perhubungan antara Asia dan benua lain di dunia, perjalanan pelancong yang masuk dan keluar negara akan menjadi lebih cekap. Matlamat ini boleh dicapai dengan menambah baik kemudahan perjalanan dan memperkukuh ketersambungan pengangkutan udara. Malaysia juga akan menerima guna pendigitalan dalam pengumpulan data dan trend pelancong bagi menambah baik perancangan, penggunaan sumber dan proses membuat keputusan.

Menginstitusi Reformasi Tadbir Urus

Dasar Pelancongan Negara 2020-2030 akan dijadikan panduan utama bagi pembangunan industri pelancongan. Pelaksanaan strategi dan inisiatif di bawah dasar ini akan dipercepat bagi mencapai pertumbuhan industri yang lebih tinggi dan mampan. Jawatankuasa pemandu peringkat kebangsaan mengenai pembangunan pelancongan akan diperkukuh dengan penglibatan agensi pada peringkat persekutuan dan negeri bagi membolehkan pengawasan dan penyelarasan yang lebih strategik. Persekutuan pelancongan Malaysia akan diwujudkan sebagai platform bagi membolehkan kerjasama bersinergi antara sektor swasta dan awam. Usaha ini dijangka dapat menambah baik keberkesanan tadbir urus bagi meningkatkan daya saing industri pelancongan. Sementara itu, fungsi jabatan dan agensi di bawah seliaan MOTAC akan diselaras dan ditambah baik bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Pertindanan dan pertindihan fungsi akan dikurangkan untuk meningkatkan keberkesanan kos dan penyampaian perkhidmatan. Model perniagaan untuk pemasaran destinasi akan distruktur semula, selaras dengan perubahan trend perjalanan pelancong. Pejabat perwakilan Malaysia di luar negara bagi tujuan promosi dan pemasaran tidak lagi diperlukan dan akan dirasionalisasi mengambil kira trend semasa yang menunjukkan kebanyakan keputusan dan pembelian berkaitan perjalanan dibuat melalui platform dalam talian.

Mempergiat Pelancongan Domestik

Pelancongan domestik kekal sebagai tonggak kepada industri pelancongan, yang mewujudkan permintaan dan menyokong kelangsungan industri. Pelancongan domestik akan terus dirangsang untuk menyokong industri pelancongan, terutama dalam mengurangkan impak kejutan seperti yang berlaku ketika pandemik COVID-19. Insentif dan kempen promosi akan dipertingkat bagi memastikan industri pelancongan dicergaskan semula untuk menjadikan industri ini lebih mantap dan mampu menghadapi sebarang kejutan. Platform digital akan diguna secara agresif bagi menggalakkan pelancong domestik meneroka pemandangan dan tempat menarik dalam negara. Di samping itu, pelancongan berasaskan komuniti yang menawarkan pengalaman inap desa akan dipromosi dengan lebih giat melalui pakej yang menarik dan unik seperti kehidupan sebagai nelayan, menginap di rumah panjang dan merasai suasana hidup di kampung. Pakej sebegini memberi peluang kepada pelancong untuk tinggal bersama tuan rumah dan menghayati pengalaman hidup yang unik.

Strategi A6

Meningkatkan Daya Saing Industri Halal yang Inklusif

Landskap halal di peringkat global berubah dengan pantas seiring dengan peningkatan permintaan. Hal ini telah mendorong lebih ramai pemain industri baharu di seluruh dunia yang menawarkan produk dan perkhidmatan halal. Selaras dengan perkembangan ini, pembangunan industri halal akan diperkukuh bagi melahirkan pemain industri halal tempatan yang berdaya saing dalam merebut peluang pasaran halal global yang lebih besar. Langkah akan dilaksana untuk memperkukuh keupayaan dan kemampuan industri halal dengan meningkatkan pembangunan bakat halal, mewujudkan pengiktirafan profesional halal, mempercepat pembangunan industri termasuk penyertaan Bumiputera, meningkatkan daya saing produk dan menjadikan Malaysia sebagai hab halal global. Langkah ini dijangka menyumbang kepada pertumbuhan industri halal dengan peningkatan bahagian kepada KDNK kepada 8.1% dan penjanaan pendapatan eksport berjumlah RM56 bilion pada tahun 2025.

Meningkatkan Pembangunan Bakat Halal

Perkembangan industri halal akan meningkatkan permintaan dan mewujudkan peluang kepada bakat dan profesional halal untuk terlibat secara aktif dalam industri ini. Ketidakpadanan sedia ada antara penawaran bakat dan keperluan industri akan ditangani bagi memastikan bakat halal yang mencukupi untuk menyokong perkembangan industri. Dalam hubungan ini, rangka kerja pekerjaan halal akan diperluas untuk merangkumi keperluan bakat dalam industri berpotensi tinggi seperti farmaseutikal, kosmetik dan peranti perubatan, melalui libat urus bersama pihak industri. Program akademik dan modul latihan untuk kursus halal akan diselaras dan diiktiraf mengikut Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) dan Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Selain itu, institusi pendidikan tinggi dan institusi latihan kemahiran akan digalakkan untuk menawarkan lebih banyak program berkaitan halal bagi menghasilkan graduan yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran yang menyeluruh dalam bidang halal. Kerjasama antara institusi penyelidikan awam dan swasta akan diperkukuh bagi mewujudkan kumpulan bakat penyelidik, saintis dan jurutera dalam bidang halal. Usaha ini akan membolehkan produk dan perkhidmatan halal yang bernilai tinggi dihasilkan.

Mewujudkan Pengiktirafan Profesional Halal

Majlis Profesional Halal (HPB) di bawah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan disusun semula berdasarkan peraturan baharu yang akan dibangunkan bagi memperluas pengiktirafan pengamal profesional halal di pasaran global. Mekanisme berkaitan standard amalan profesional, tatakelakuan dan penilaian kompetensi halal akan dikenal pasti bagi membangunkan rangka kerja pengiktirafan profesional halal. Pengiktirafan profesional halal akan menambah bilangan bakat halal yang berkualiti. Ini akan menjadikan Malaysia sebagai pusat rujukan bagi profesional halal.

Mempercepat Pembangunan Industri Halal bagi Mempertingkat Daya Saing

Industri halal akan terus dibangunkan dengan memanfaatkan kekuatan industri tempatan, termasuk meningkatkan penyertaan syarikat Bumiputera melalui pelaksanaan Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030). Pelan induk ini bertujuan untuk memperkukuh pembangunan industri halal dengan mewujudkan kumpulan bakat yang lebih besar, menambah baik infrastruktur yang bersepadu serta mempercepat pengeluaran produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi bagi merebut lebih banyak peluang pasaran halal global. Kerjasama dan usaha sama pelaburan antara perniagaan tempatan dan antarabangsa akan digalakkan untuk melaksana inovasi dan mengkomersialkan hasil R&D bagi mempertingkat daya saing dan daya tahan industri halal. Di bawah inisiatif ini, usahawan halal tempatan akan digalakkan untuk terlibat dalam pengeluaran produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi seperti ramuan halal, farmaseutikal, kosmetik dan peranti perubatan.

Peranan PMKS akan dipertingkat sebagai pemacu utama pembangunan industri halal. PMKS berprestasi tinggi akan dibimbing untuk menjadi jaguh halal tempatan. Usaha ini melibatkan peningkatan kapasiti pengeluaran dan kualiti produk serta promosi jenama tempatan supaya setanding dengan jenama global bagi menambah baik akses kepada pasaran antarabangsa. Di samping itu, keupayaan dan kemampuan syarikat tempatan akan diperkukuh untuk membolehkan penglibatan syarikat dalam rantaian bekalan MNC. Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHAC) akan diperkukuh untuk menambah baik fungsi membuat analisis dan menyediakan pembuktian saintifik bagi pengesahan dan pengesanan halal. Mekanisme pengawasan dan pemantauan untuk memastikan integriti di sepanjang rantaian bekalan halal akan ditambah baik bagi meningkatkan lagi ketelusan dan keyakinan pengguna.

Penyertaan yang inklusif, terutama penglibatan syarikat Bumiputera dalam rantaian bekalan halal akan terus digalakkan melalui penambahbaikan program sedia ada dan pewujudan program baharu bagi meningkatkan pengeluaran produk bernilai tinggi. Program inkubator perniagaan berteraskan inovasi halal akan dilaksana untuk membangun dan menghubungkan syarikat tempatan dengan inkubator pada peringkat global. Program ini bertujuan untuk membina rangkaian perniagaan, penerimaan dan pengiktirafan yang lebih baik. Selain itu, dana khusus untuk pengeksport produk dan perkhidmatan halal akan diwujudkan untuk menyokong penubuhan konsortium dan menambah baik penjenamaan serta menggalakkan pemadanan perniagaan dengan rakan niaga global bagi memperoleh bahagian yang lebih besar dalam pasaran halal. Di samping itu, aktiviti pengumpulan dana melalui wakaf dan pendanaan ramai berasaskan ekuiti akan dilaksanakan bagi menyokong perniagaan halal peringkat permulaan.

Meningkatkan Daya Saing Produk Halal

Jenama halal Malaysia akan diperkukuh melalui kempen dan promosi bersasar serta kerjasama dan perkongsian strategik. Pengukuhan ini bertujuan untuk merebut peluang pertumbuhan baharu dalam pasaran sedia ada dan menembusi pasaran baharu. Perkhidmatan perundingan berkaitan pembangunan ekosistem halal juga akan ditawarkan kepada negara yang berminat, termasuk negara yang mempunyai penduduk majoriti bukan Islam untuk memperkukuh pengiktirafan jenama halal Malaysia. Standard Malaysia (MS) berkaitan halal yang meliputi akreditasi dan pensijilan akan ditambah baik sebagai pemboleh daya utama untuk meningkatkan daya saing produk dan perkhidmatan. Akses produk PMKS ke pasaran halal global juga akan ditingkatkan melalui pematuhan kepada piawaian dan keperluan antarabangsa seperti Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) dan Amalan Perkilangan Baik (GMP) serta penggunaan platform dagangan dalam talian yang mempunyai reputasi baik. Bagi membolehkan keputusan berasaskan data dibuat, pangkalan data halal bersepadu yang mengandungi maklumat produk, perkhidmatan, trend pasaran dan profil akan ditambah baik.

Menjadikan Malaysia sebagai Hab Halal Global

Rantaian bekalan industri halal akan ditambah baik untuk menjadikan Malaysia sebagai hab halal global. Dalam hubungan ini, pusat pengedaran sedia ada seperti Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ), Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) serta platform e-dagang halal akan dimanfaat bagi menggalakkan kelancaran ketersambungan rantaian bekalan halal. Peranan taman industri halal akan diperkukuh supaya menjadi lebih mesra industri bagi menarik pelaburan baharu dan mengembangkan perniagaan sedia ada. Taman industri halal sedia ada yang kurang berdaya maju akan dibangunkan semula melalui pendekatan pembangunan yang menyeluruh. Pendekatan ini bagi memastikan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan yang bersepadu melibatkan pihak berkuasa negeri, agensi penggalakan pelaburan dan pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah. Di samping itu, insentif akan ditambah baik bagi menarik rakan niaga strategik untuk melabur dalam produk dan perkhidmatan halal yang dipromosi. Dana pembiayaan Islam bersindiket dan platform khidmat nasihat digital akan diwujudkan. Ini bertujuan untuk menyediakan penyelesaian kewangan kepada syarikat tempatan dan antarabangsa. Malaysia akan dipromosi sebagai destinasi pelaburan halal melalui pelbagai platform antarabangsa seperti ASEAN, Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan dewan perniagaan. Rangkaian serantau dan saluran pengedaran syarikat besar tempatan dan MNC akan dimanfaat untuk mempromosi produk dan perkhidmatan berorientasikan eksport.

Strategi A7

Mempergiat Aktiviti Pertanian Pintar

Kaedah pertanian pintar akan dilaksana merentas semua subsektor pertanian termasuk tanaman, akuakultur dan perikanan laut serta ternakan. Langkah akan diambil untuk membangunkan rangka kerja pertanian pintar yang komprehensif, mempercepat penerimagunaan teknologi moden, menambah baik penyebaran maklumat mengenai teknologi dan pembangunan bakat, meningkatkan penyertaan penyedia teknologi dan memperkasa komuniti setempat. Kaedah ini akan meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani, mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing serta meminimumkan kesan terhadap alam sekitar.

Membangunkan Rangka Kerja Pertanian Pintar yang Komprehensif

Pertanian pintar telah dikenal pasti sebagai antara Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) dalam WKB 2030. Rangka kerja yang komprehensif akan dibangunkan sebagai panduan untuk menyokong pelaksanaan pertanian pintar. Rangka kerja ini akan dirangkum dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030), yang sedang dibangunkan. Kerjasama antara agensi pada peringkat Persekutuan dan negeri akan dipertingkat bagi memastikan dasar berkaitan pertanian pintar adalah konsisten.

Mempercepat Penerimagunaan Teknologi Moden

Penggunaan teknologi moden merupakan salah satu faktor utama untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan petani serta mencapai pengeluaran mampan. Usaha untuk mempercepat penerimagunaan teknologi moden dalam kalangan petani akan dilaksana dengan menggalakkan penggunaan analitis data raya (BDA), IoT dan AI serta mempergiat penggunaan dron, robotik dan sensor. Projek demonstrasi pertanian pintar akan dilaksana di beberapa kawasan yang dikhaskan untuk pengeluaran makanan seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan dan Zon Industri Akuakultur. Projek ini akan menyediakan bukti berkaitan kos dan faedah penggunaan teknologi moden untuk menarik penglibatan lebih ramai petani dalam pertanian pintar.

Insentif sedia ada akan ditambah baik untuk menggalakkan pelaburan dalam pertanian pintar yang menggunakan teknologi moden dan menerima pakai amalan hijau. Dana mekanisasi dan automasi akan diperluas untuk menggalakkan penglibatan syarikat swasta serta koperasi dan persatuan berkaitan pertanian. Dana pertanian pintar khusus akan diperkenalkan untuk mempercepat penerimagunaan teknologi moden dalam sektor pertanian. Penggunaan teknologi pertanian tepat di ladang kelolaan FELDA melalui sistem maklumat geospasial akan diperluas bagi meningkatkan kecekapan operasi. Inisiatif ini akan membolehkan FELDA menggunakan data profil ladang yang terperinci termasuk bilangan pokok, kawasan kosong dan petunjuk tahap kesihatan pokok untuk mengoptimumkan penggunaan sumber.

Menambah Baik Penyebaran Maklumat Mengenai Teknologi dan Pembangunan Bakat

Penyebaran maklumat yang berkesan berkaitan teknologi moden akan menjadi satu daripada faktor penting bagi meningkatkan pelaksanaan pertanian pintar. AgF akan diperkukuh untuk menyediakan data yang berdaya harap dan khusus berkaitan teknologi moden. Sistem ini juga akan mengandungi maklumat analitikal yang interaktif bagi membolehkan perkongsian dan pertukaran maklumat dalam kalangan pihak berkepentingan utama. Outcome projek demonstrasi yang dilaksana di kawasan pengeluaran makanan juga akan menyediakan maklumat mengenai pelaksanaan sebenar pertanian pintar dan boleh meyakinkan petani untuk menerima guna teknologi moden.

Pengetahuan dalam penggunaan teknologi moden seperti dron dan robotik yang disokong oleh AI dan IoT adalah penting untuk memacu penerimagunaan pertanian pintar. Dalam hubungan ini, kurikulum dan modul latihan akan disemak semula untuk merangkumi elemen teknologi moden bagi pembangunan bakat. Penglibatan petani termasuk *agropreneur* muda dalam penyelidikan teknologi akan dipergiat untuk memastikan petani sentiasa peka kepada perkembangan baharu. Perkhidmatan pengembangan akan dipertingkat dengan melantik petani yang berjaya sebagai rakan teknikal untuk memberi khidmat nasihat serta panduan dalam menerima guna teknologi.

Meningkatkan Penyertaan Penyedia Teknologi

Peranan penyedia teknologi dalam menyokong penerimagunaan teknologi moden adalah penting untuk pengeluaran yang mampan dan menguntungkan. Dalam hubungan ini, program seperti eLadang akan ditambah baik bagi menggalakkan penglibatan penyedia teknologi dalam memperkenalkan teknologi moden dan penyelesaian digital kepada petani, termasuk penternak, nelayan dan pekebun kecil. Kerjasama antara penyedia teknologi dan petani akan digalakkan untuk menerapkan penggunaan teknologi moden serta meningkatkan akses dan penerimagunaan teknologi pintar yang mampu milik di sepanjang rantaian nilai sektor pertanian. Usaha mewujudkan lebih banyak perkhidmatan penyumberluaran pertanian akan dipergiat untuk mengurangkan perbelanjaan modal dan kos pengeluaran yang ditanggung oleh petani.

Inisiatif pertanian pintar melalui penyedia teknologi juga akan diperluas di bawah Program Pembangunan Peneroka FELDA untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan peneroka. Dalam hubungan ini, projek rintis pertanian pintar melalui aktiviti pertanian moden termasuk tanaman kontan, akuakultur dan ternakan yang dimulakan di FELDA Bukit Rokan akan diperluas di beberapa tanah rancangan FELDA lain. Peluasan ini akan melibatkan penyebaran maklumat mengenai teknologi moden serta pembangunan keupayaan dan penyediaan khidmat nasihat kepada peneroka.

Memperkasa Komuniti Setempat

Pertanian komuniti menggalakkan pembangunan sosioekonomi komuniti setempat serta mendorong amalan gaya hidup sihat dan pengeluaran makanan yang mampan. Pengeluaran makanan melalui pertanian komuniti akan ditingkatkan dengan menerima pakai pertanian pintar. Dalam hubungan ini, insentif akan disediakan untuk membantu komuniti setempat bagi mempergiat pelaksanaan pertanian komuniti. Di samping itu, kerjasama awam dan swasta dalam penyediaan khidmat nasihat dan teknologi pertanian pintar yang bersesuaian untuk komuniti setempat akan dipertingkat.

Strategi A8

Merealisasikan Potensi Industri Biojisim

Industri biojisim akan memanfaatkan sumber yang banyak tersedia bagi menjana sumber pendapatan baharu kepada negara. Bagi memastikan sumber ini digunakan sepenuhnya, industri biojisim akan beralih daripada menghasilkan produk berasaskan biojisim yang bernilai rendah kepada yang bernilai tinggi. Usaha ini termasuk menggubal dasar biojisim yang komprehensif, membangunkan teknologi tempatan melalui R&D&C&I, mempercepat pembangunan produk dan perkhidmatan serta menggalakkan penggunaan produk biojisim yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Usaha ini dijangka meningkatkan pelaburan dalam industri biojisim kepada RM10 bilion dalam tempoh RMKe-12. Ia juga akan mewujudkan pekerjaan baharu, dan melindungi alam sekitar melalui pengurangan pelepasan GHG.

Menggubal Dasar Biojisim yang Komprehensif

Dasar biojisim negara akan digubal bagi menyediakan rangka kerja yang komprehensif untuk memastikan pembangunan industri yang mampan dan merealisasikan potensi ekonomi industri biojisim. Dasar ini akan menggariskan langkah untuk mengukuhkan kerjasama dan penyelarasan dalam kalangan agensi berkaitan bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan. Selain itu, model perniagaan yang berkesan akan diwujudkan untuk memudah cara mekanisme yang lebih baik bagi perkongsian keuntungan di sepanjang rantaian nilai. Pangkalan data biojisim yang menyeluruh akan dibangunkan untuk mengintegrasi maklumat biojisim di sepanjang rantaian nilai, daripada bekalan sumber sehingga ke pasaran biotenaga dan bioproduk.

Membangunkan Teknologi Tempatan melalui Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

Keupayaan tempatan dalam industri biojisim perlu dipertingkat untuk membangunkan dan menerima guna teknologi penukaran biojisim termaju yang mampan, berdaya harap dan menjimatkan kos. Aktiviti R&D&C&I oleh institusi penyelidikan, IPT dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) akan dipergiat untuk terus mencipta nilai daripada sumber biojisim. Sektor swasta akan digalakkan untuk melabur dalam aktiviti yang dipacu penyelidikan berkaitan biojisim melalui bantuan kewangan dan khidmat nasihat. Insentif sedia ada seperti Skim Pembiayaan Teknologi Hijau, Elaun Cukai Pelaburan Hijau dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau akan ditambah baik untuk menarik lebih banyak pelabur termasuk PMKS.

Mempercepat Pembangunan Produk dan Perkhidmatan yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi

Pengkomersialan dan inovasi dalam industri biojisim akan dipergiat untuk menghasilkan pelbagai produk dan perkhidmatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Pembangunan produk dan perkhidmatan ini akan memenuhi keperluan pasaran khusus, terutama produk berkaitan biokimia mesra alam yang mempunyai permintaan tinggi, serta menjadi pengganti kepada produk konvensional sedia ada. Kerjasama antara kerajaan dan sektor swasta akan diperkukuh bagi menyokong pembangunan industri ini.

Insentif akan diperkenalkan untuk menggalakkan pembangunan kemudahan pengumpulan, pengagregatan dan prarawatan bahan mentah biojisim bagi memperkukuh rantaian nilai. Bantuan kewangan untuk perkhidmatan logistik akan disediakan bagi menarik minat syarikat dan koperasi untuk terlibat secara aktif dalam perkhidmatan logistik biojisim. Inisiatif ini akan menyokong usaha memastikan bekalan bahan mentah yang konsisten. Selain itu, institusi kewangan akan diberi pendedahan secara aktif bagi meningkatkan kesedaran terhadap prospek industri biojisim.

Menggalakkan Penggunaan Produk Biojisim yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi

Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan penggunaan tempatan bagi produk berkaitan biojisim memandangkan industri ini masih baharu di Malaysia. Selain itu, usaha memanfaatkan potensi produk biojisim untuk menjana eksport bernilai tinggi akan dipertingkat. Produk biojisim akan dijenamakan sebagai satu komponen penting dalam agenda hijau. Pelan komunikasi strategik akan dirangka untuk menyelaras semua program kesedaran dan pendidikan awam serta usaha advokasi berkaitan biojisim. Di samping itu, aktiviti kesedaran sosial akan diperkukuh untuk meningkatkan kesedaran awam mengenai faedah dan sumbangan produk biojisim kepada kelestarian alam sekitar. Kerjasama awam dan swasta akan dipergiat untuk meneroka dan menembusi pasaran baharu.

Bidang Keutamaan B

Mempertingkat Keupayaan Usahawan dan Perusahaan

Keupayaan usahawan, koperasi, persatuan berasaskan pertanian, perusahaan sosial serta PMKS akan terus dipertingkat dalam tempoh RMKe-12. Usaha akan ditumpu untuk mewujudkan usahawan yang inovatif dan mampan, menggalakkan penyertaan inklusif melalui PMKS, koperasi dan persatuan berasaskan pertanian serta menambah baik ekosistem keusahawanan. Kejayaan pelaksanaan langkah ini dijangka meningkatkan sumbangan PMKS kepada KDNK kepada 45% dan pendapatan koperasi kepada RM60 bilion pada tahun 2025. Pada masa yang sama, pendapatan persatuan berasaskan pertanian, iaitu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) dijangka meningkat kepada RM2.8 bilion manakala pendapatan Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) kepada RM149 juta.



Strategi B1

Mewujudkan Usahawan yang Inovatif dan Mampan

Daya saing usahawan bergantung kepada kemampuan untuk bertindak dengan pantas dan inovatif. Usaha bagi melahirkan usahawan yang berdaya saing dan berdaya tahan termasuk meningkatkan pembangunan keusahawanan dan menggalakkan usahawan yang dipacu oleh inovasi. Ini akan meningkatkan keupayaan dan kemampuan usahawan untuk bersaing dalam pasaran domestik dan antarabangsa.

Mempertingkat Program Pembangunan Keusahawanan

Pembangunan keusahawanan akan berteraskan kepada DKN 2030. Program pembangunan keusahawanan akan terus dipertingkat untuk memupuk minda yang bersesuaian kepada mereka yang berminat menjadi usahawan. Pendidikan dan latihan juga akan ditumpu kepada usaha membangunkan pelajar dengan set kemahiran keusahawanan. Usaha ini akan mewujudkan lebih banyak graduan yang boleh mencipta peluang pekerjaan. Kerjasama *Triple Helix* akan terus digalakkan bagi membolehkan usahawan memperoleh kemahiran dan kecekapan yang diperlukan. Di samping itu, pelaksanaan program jangkauan akan dipergiat bagi melonjakkan keupayaan dan kemahiran keusahawanan dalam kalangan belia, Bumiputera dan kumpulan sasar khusus. Kemudahan inkubator akan diwujudkan di kawasan luar bandar dan kawasan yang kurang membangun bagi menyokong mereka yang berminat menjadi usahawan. Pembangunan *intrapreneurship* dalam organisasi akan diperluas untuk menyediakan peluang kepada pekerja untuk menjadi usahawan. Modul latihan akan merangkumi kemahiran seperti pemikiran analitik, kecerdasan emosi, penaakulan, penyelesaian masalah, pengaruh sosial dan keaslian untuk membantu usahawan menjalankan perniagaan.

Menggalakkan Usahawan yang Dipacu oleh Inovasi

Inovasi adalah penting untuk membolehkan usahawan menghasilkan produk dan perkhidmatan yang dapat memenuhi permintaan pengguna yang sentiasa berubah. Program sokongan akan dilaksana untuk meningkatkan bilangan usahawan yang berinovatif termasuk belia, Bumiputera dan kumpulan sasar khusus dalam industri

yang strategik dan berimpak tinggi, seperti pertanian pintar, halal, aeroangkasa, bioteknologi, peranti perubatan dan ekonomi digital. Di samping itu, usahawan akan digalakkan untuk terus berinovasi dalam operasi dan pengurusan perniagaan melalui penerimagunaan teknologi termaju dan digital. Kerjasama antara usahawan dan penyelidik akan dipergiat untuk meningkatkan inovasi bagi mewujudkan lebih banyak produk dan perkhidmatan bernilai tinggi yang akan melonjakkan daya saing.

Strategi B2

Menggalakkan Penyertaan Inklusif melalui Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana, Koperasi dan Persatuan Berasaskan Pertanian

Penyertaan PMKS, koperasi dan persatuan berasaskan pertanian dalam ekonomi akan diperkukuh bagi memastikan pertumbuhan yang inklusif. Inisiatif yang akan dilaksana termasuk meningkatkan sumbangan PMKS kepada ekonomi, memperluas akses pasaran dan peluang perdagangan antarabangsa serta memanfaatkan koperasi, persatuan berasaskan pertanian dan perusahaan sosial dalam membangunkan usahawan.

Meningkatkan Sumbangan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana kepada Ekonomi

Usaha bersepadu akan dilaksana untuk meningkatkan sumbangan PMKS kepada ekonomi. Dalam hubungan ini, transformasi PMKS kepada perusahaan yang dipacu oleh inovasi adalah penting untuk meningkatkan daya tahan dan daya saing mereka. Inisiatif untuk mempercepat pewujudan firma yang mempunyai pertumbuhan tinggi dan inovatif akan merangkumi penambahbaikan bantuan bersasar dalam automasi, pendigitalan, AI dan teknologi 4IR yang lain. Tumpuan juga akan diberi untuk memperkukuh ekosistem syarikat peringkat permulaan dalam industri masa hadapan. Ini akan dilaksana dengan mewujudkan kluster keusahawanan berasaskan teknologi dan digital. Bantuan kewangan juga akan diselaras bagi memenuhi keperluan khusus syarikat peringkat permulaan yang dipacu oleh inovasi dan teknologi tinggi.

Penerimagunaan teknologi dan inovasi akan digalakkan dengan meningkatkan aktiviti R&D dan mengukuhkan kerjasama penyelidikan antara PMKS, pakar industri dan akademia. Bantuan bersasar dan akses kepada pembiayaan akan ditambah baik untuk pembangunan dan penerimagunaan teknologi baharu. Program latihan dan pembangunan bakat berkaitan dengan automasi, pendigitalan dan teknologi 4IR akan diperkukuh untuk meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula bagi menyokong penerimagunaan teknologi dan automasi.

Pendigitalan PMKS akan dilaksana sebagai agenda nasional yang penting bagi mentransformasi kaedah menjalankan perniagaan secara konvensional. Pelan hala tuju pendigitalan PMKS kebangsaan akan diperkenal untuk memacu penerimagunaan pendigitalan. Mekanisme untuk membantu dan membimbing PMKS dalam proses pendigitalan akan diperkukuh termasuk melalui *Digital On-Boarding for Micro Businesses* (DigitalNiaga), *Digital Transformation Acceleration Programme* (DTAP) dan inisiatif Warongku. *Digital Compass* akan ditambah baik untuk membantu menilai kesediaan dan kemampuan PMKS menerima guna proses perniagaan berasaskan teknologi dan teknologi berkaitan 4IR. Penilaian ini termasuk dalam aspek keselamatan siber untuk mengukur kerentanan PMKS terhadap potensi ancaman dan serangan siber. KPI berasaskan outcome akan diwujudkan bagi semua dana untuk penerimagunaan pendigitalan dan e-dagang bagi memantau keberkesanan program. Sejumlah RM147.1 bilion telah diperuntukan oleh Kerajaan bagi membantu PMKS melalui lapan pakej rangsangan ekonomi sejak penularan pandemik COVID-19. Daripada jumlah tersebut, lebih daripada RM20 bilion dikhususkan untuk memacu agenda transformasi pendigitalan dan teknologi.

Program Pembangunan Vendor (VDP) akan diperluas bagi mewujudkan lebih banyak vendor Bumiputera yang kompeten dalam kalangan PMKS. Inisiatif untuk membangunkan lebih banyak syarikat peneraju melalui kerjasama dengan GLC dan MNC akan dipergiat bagi menggalakkan rantaian bekalan yang bersepadu dan mewujudkan lebih banyak peluang perniagaan. Program sokongan lain, seperti pensijilan, pemasaran dan penjenamaan, pembungkusan serta pembangunan produk akan ditambah baik untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan vendor dalam memenuhi keperluan industri. Usaha ini menyasarkan industri strategik dan berimpak tinggi seperti aeroangkasa, rel, peranti perubatan dan bioteknologi.

Memperluas Akses Pasaran dan Peluang Perdagangan Antarabangsa

Langkah akan dipertingkat untuk menambah baik akses dan peluang pasaran bagi membantu PMKS meningkatkan jualan barangan dan perkhidmatan dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Perolehan Kerajaan (PK) akan dimanfaat sepenuhnya sebagai satu kaedah bagi menyokong PMKS dalam pasaran domestik, memupuk keyakinan perniagaan, memacu inovasi dan merangsang pembangunan produk untuk keperluan kandungan tempatan. Dalam hubungan ini, usaha akan dipercepat bagi memastikan PMKS tempatan, termasuk pengilang untuk terlibat secara aktif dalam PK.

Jalinan kerjasama dengan syarikat besar, terutama MNC akan diperkukuh bagi membolehkan PMKS mendapat akses kepada pasaran yang lebih besar. Dalam hubungan ini, MNC akan digalakkan untuk mengguna input tempatan keluaran PMKS dalam rantaian bekalan pengeluaran. Bagi tujuan ini, keupayaan dan kemampuan PMKS akan dipertingkat untuk menghasilkan produk dan perkhidmatan yang mematuhi piawaian rantaian bekalan global. Program pembangunan keupayaan akan dipertingkat dengan penekanan kepada 4IR, pengurusan strategik, pensijilan, pemasaran dan penjenamaan, pembungkusan, pembangunan produk dan e-dagang.

Rantaian bekalan domestik yang cekap adalah penting bagi memastikan bekalan produk dan perkhidmatan tidak terjejas. Hal ini akan mengurangkan risiko yang wujud akibat daripada gangguan dalam rantaian bekalan global yang disebabkan oleh keadaan yang tidak dijangka, termasuk ketegangan perdagangan yang semakin meningkat dan isu berkaitan kesihatan. Dalam hubungan ini, peluang perniagaan kepada perniagaan (B2B) akan diperluas melalui inisiatif yang menggalakkan syarikat besar memperoleh bekalan daripada PMKS. 'Kempen Beli Barangan Malaysia' akan dipergiat untuk menyokong PMKS tempatan. Di samping itu, program intervensi akan dilaksana untuk membanteras amalan monopoli yang tidak sihat dalam industri tertentu.

PMKS perlu menghasilkan produk dan perkhidmatan yang lebih berkualiti setanding dengan piawaian antarabangsa bagi memastikan PMKS bersaing dalam pasaran global. Sehubungan dengan itu, PMKS yang mempunyai potensi pertumbuhan eksport yang tinggi akan dibantu melalui penyediaan khidmat nasihat, risikan pasaran antarabangsa, pendaftaran IP serta pembangunan jenama dan produk. Inisiatif juga memberi tumpuan untuk memudah cara perdagangan, termasuk mengurangkan halangan dalam peraturan perniagaan dan perdagangan rentas sempadan. Inisiatif ini akan dilaksana melalui kerjasama G2G serta usaha sama dalam kalangan negara ASEAN dan APEC serta pertubuhan antarabangsa yang lain. Usaha juga akan dilaksana untuk memanfaatkan faedah perjanjian perdagangan bebas (FTA) dalam memperluas akses pasaran dan mempercepat pengantarabangsaan PMKS.

Memanfaatkan Koperasi, Persatuan Berasaskan Pertanian dan Perusahaan Sosial dalam Membangunkan Usahawan

Struktur tadbir urus dan rangka kerja perundangan yang mengawal selia gerakan koperasi akan ditambah baik melalui pelaksanaan Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TRANSKOM) 2021-2025. Gerakan koperasi dalam kalangan B40 dan komuniti luar bandar akan terus digalakkan untuk mendorong mereka bersama-sama menggembleng sumber terhad yang dimiliki bagi mencapai ekonomi bidangan. Sokongan yang disediakan kepada PMKS akan diperluas kepada koperasi, termasuk akses kepada program, bantuan dan peluang perniagaan. Sokongan ini akan memperkasa gerakan koperasi sebagai pemboleh daya dan pemangkin bagi mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang seimbang, inklusif, progresif dan mampan.

Peranan PPK dan PNK dalam membangunkan keusahawanan dalam kalangan ahli akan terus dipertingkat dengan menyediakan sokongan berterusan dalam bentuk input, bantuan kewangan, penggunaan teknologi dan khidmat nasihat. PPK dan PNK akan digalakkan untuk melaksana projek agromakanan moden melalui kerjasama dengan ahli bagi meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Usaha ini akan dilaksanakan, antara lain dengan mengadakan lebih banyak program *agropreneur* yang akan membantu memperluas akses pasaran kepada ahli melalui PPK dan PNK.

Pembangunan komuniti perusahaan sosial yang kukuh adalah penting dalam meningkatkan impak sosial melalui aktiviti perniagaan dalam kalangan komuniti. Bagi menggalakkan pembangunan perusahaan sosial, sokongan dan pembangunan keupayaan yang berterusan akan disediakan bagi meningkatkan perniagaan dan pasaran. Dalam hubungan ini, *Blueprint* Perusahaan Sosial 2021-2025 akan diperkenal untuk terus memperkukuh pembangunan perusahaan sosial. Selain itu, Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan (PPISK) akan diperluas bagi membolehkan perusahaan sosial terlibat dalam

sistem e-perolehan kerajaan. Model Perniagaan Inklusif (IB) yang menggalakkan penglibatan PMKS dalam rantaian bekalan GLC dan MNC akan juga diperluas untuk memudah cara penglibatan perusahaan sosial.

Strategi B3

Mewujudkan Ekosistem Keusahawanan yang Kondusif dan Menyeluruh

Ekosistem yang kondusif dan menyeluruh adalah penting untuk menyokong pembangunan keusahawanan dengan mengambil kira kepelbagaian ciri-ciri usahawan, koperasi, persatuan berasaskan pertanian, perusahaan sosial serta PMKS. Bagi tujuan ini, inisiatif akan dilaksana untuk menambah baik tadbir urus, peraturan, peranan institusi dan pembiayaan bagi melonjakkan prestasi usahawan. Inisiatif ini akan menyediakan sokongan yang komprehensif bagi mewujudkan persekitaran yang menyokong, meningkatkan potensi usahawan dan mempercepat pertumbuhan.

Menambah Baik Tadbir Urus, Peraturan dan Peranan Institusi

Tadbir urus yang baik dapat mengurangkan kerenah birokrasi dan seterusnya menggalakkan persekitaran yang menyokong pengembangan perniagaan. Kategori usahawan termasuk usahawan sosial dan syarikat peringkat permulaan akan disemak semula untuk menggambarkan keperluan semasa dan landskap masa hadapan. Ini bertujuan memastikan dasar dan program yang dilaksana memberi manfaat kepada kumpulan sasar. Syarikat peringkat permulaan akan dikelaskan berasaskan kluster teknologi dan bukan teknologi supaya selari dengan kemajuan teknologi dan model perniagaan semasa. Kit panduan mengenai tadbir urus korporat untuk PMKS akan dibangunkan bagi meningkatkan kecekapan dan prestasi perniagaan melalui amalan yang adil, etika yang baik serta budaya korporat dan pengurusan yang bersesuaian.

Peraturan yang memudah cara adalah penting untuk meningkatkan nilai perniagaan baharu. Perundangan sedia ada berkaitan keusahawanan akan disemak semula untuk meningkatkan keberkesanan dan keterangkuman pembangunan keusahawanan. Dalam hubungan ini, undang-undang dan peraturan yang berkaitan akan ditambah baik bagi memastikan perniagaan dan koperasi kekal aktif. Langkah akan terus dilaksana untuk menggalakkan pendaftaran perniagaan dalam sektor tidak formal. Ini akan membolehkan usahawan mendapat sokongan yang diperlukan seperti pembiayaan, pemasaran dan perlindungan undang-undang.

Pesuruhjaya akan dilantik untuk memberi sokongan kepada perniagaan kecil dalam memastikan pembayaran yang tepat pada waktunya dan akan bertindak sebagai pengantara dalam menyelesaikan pertikaian pembayaran, seterusnya menyokong amalan pembayaran yang lebih baik dalam kalangan kerajaan dan perniagaan. Ini akan menangani isu pembayaran lewat untuk pembekalan produk dan perkhidmatan yang membebankan perniagaan kecil memandangkan ini bukan sahaja akan mengganggu aliran tunai malah ia juga memberi ancaman kepada kelangsungan perniagaan.

Pangkalan data berpusat akan diwujudkan untuk menyediakan maklumat yang komprehensif mengenai aktiviti keusahawanan. Pangkalan data ini akan membolehkan pengguna mengakses maklumat mengenai program, kuantiti dan kualiti usahawan serta melaksana analisis yang relevan untuk memperkukuh program pembangunan usahawan. Portal bersepadu, MyAssist MSME dan platform berpusat yang memanfaatkan pusat sehenti sedia ada seperti Pusat Internet Komuniti (PIK) dan Pusat Internet Desa (PID) akan diperkukuh lagi untuk memudah cara usahawan memperoleh pengetahuan, mempelajari amalan terbaik perniagaan, serta mendapatkan maklumat penting mengenai permulaan perniagaan, akses pasaran, pembangunan modal insan, sumber kewangan dan pelbagai aspek perniagaan yang lain. Di samping itu, peranan dan fungsi organisasi pembangunan keusahawanan (EDO) akan diperkukuh dan diperkemas untuk meningkatkan kecekapan dan mengoptimumkan penggunaan sumber. Bagi menyokong inisiatif ini, mekanisme pemantauan yang menyeluruh dan bersepadu akan diperkenalkan untuk menilai impak keseluruhan program pembangunan keusahawanan yang dikendalikan oleh EDO.

Menambah Baik Akses kepada Pembiayaan

Landskap pembiayaan yang lebih pelbagai untuk usahawan dengan penglibatan sektor swasta yang lebih besar akan disediakan melalui pelbagai mekanisme pembiayaan alternatif. Inisiatif pembiayaan bersama antara sektor awam dan swasta akan dipergiat, terutama kepada usahawan dan perusahaan yang berpotensi tinggi dan berinovasi untuk meneroka produk dan perkhidmatan yang

mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Peranan Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) akan dimantapkan untuk memastikan akses kepada pembiayaan oleh kumpulan sasar yang berbeza yang berada pada pelbagai tahap pertumbuhan.

Akses pembiayaan untuk usahawan baharu, terutama syarikat peringkat permulaan juga akan ditambah baik untuk menggalakkan pembangunan dan penerimagunaan teknologi baru muncul dalam perniagaan. Prosedur dan proses kelulusan pembiayaan akan dipermudah bagi mempercepat kelulusan dan penyaluran pembiayaan kepada usahawan. Di samping itu, program intervensi akan diperkenal untuk membantu usahawan yang gagal dan mengurangkan risiko menjadi muflis. Program ini termasuk menstruktur semula hutang dan memberi peluang kedua kepada usahawan. Sehubungan itu, pemantauan program akan ditambah baik bagi memastikan usahawan lebih berjaya dan berdaya tahan. Bagi tujuan ini, mekanisme yang bersesuaian untuk penilaian, pelaksanaan dan pemantauan akan dibangunkan dalam tempoh RMKe-12.

Inisiatif akan dilaksana untuk membangunkan ekosistem *invention to innovation* yang akan meningkatkan pendaftaran IP dalam kalangan usahawan, terutama syarikat dalam peringkat permulaan. Pinjaman dan insentif berdasarkan prestasi, termasuk penggunaan IP sebagai cagaran akan diteroka dalam usaha menyediakan bantuan kewangan. Ini akan menggalakkan reka cipta dan inovasi dalam kalangan usahawan.

Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, langkah yang diambil untuk mempercepat momentum pertumbuhan ekonomi telah menghasilkan impak yang positif melalui pertumbuhan yang kukuh bagi beberapa industri serta PMKS. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran yang terus menghalang usaha untuk mempercepat pertumbuhan industri ini serta memperkukuh keusahawanan dan PMKS. Kejutan luar jangka yang tidak pernah berlaku akibat daripada pandemik COVID-19 telah memperlahankan pertumbuhan ekonomi dan melemahkan daya tahan usahawan dan industri. Melangkah ke hadapan, usaha akan dilaksana untuk mempercepat pembangunan industri strategik dan berimpak tinggi, serta meningkatkan keupayaan dan kemampuan usahawan serta perusahaan. Pelaksanaan semua strategi ini secara berkesan akan menjadikan Malaysia sebagai pemain utama dalam rantaian nilai global.

Tema 2

Tema 2
Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti

	Perspektif Menyeluruh	T2-2
Pemacu Perubahan IV	Memantapkan Keselamatan dan Perpaduan Negara untuk Pembinaan Negara Bangsa	T2-6
Pemacu Perubahan V	Memperkukuh Sistem Penjagaan Kesihatan bagi Memastikan Negara yang Sihat dan Produktif	T2-7
Pemacu Perubahan VI	Mentransformasi Pendekatan bagi Membasmi Kemiskinan Tegar	T2-8
Pemacu Perubahan VII	Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan	T2-9
	Bab 4: Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan	4-1
	Bab 5: Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif	5-1
	Bab 6: Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah	6-1
	Bab 7: Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak	7-1


Perspektif Menyeluruh

Tema 2 memberi tumpuan kepada usaha mengukuhkan keselamatan serta meningkatkan kesejahteraan dan inklusiviti dalam kalangan rakyat. Ini adalah untuk memastikan kestabilan negara melalui pertahanan dan keselamatan di samping menambah baik penjagaan kesihatan, menyediakan perumahan mampu milik, menggalakkan gaya hidup aktif dan memupuk perpaduan. Selain itu, usaha menangani kemiskinan, perbezaan antara kumpulan dalam kategori B40, ketidaksaksamaan keberhasilan sosioekonomi Bumiputera, pembangunan sosioekonomi yang tidak memuaskan dalam kalangan Orang Asli serta ketersisihan sosial dalam kumpulan sasar khusus akan diberi keutamaan. Pengurangan jurang pembangunan antara wilayah, negeri dan kawasan luar bandar akan dirapatkan, dengan memberi penekanan khusus untuk pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak. Ini akan mewujudkan pembangunan yang lebih saksama merentasi lokasi geografi sejajar dengan WKB 2030 dan Agenda 2030.

Kerajaan tidak akan berkompromi dalam memelihara kedaulatan negara. Usaha akan dipertingkat untuk mencegah jenayah, rehabilitasi dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan serta menambah baik kebajikan anggota keselamatan. Tadbir urus keselamatan akan diperkukuh untuk memastikan negara kekal aman dan ketenteraman awam terpelihara. Selain itu, penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan akan dipertingkat melalui pembaharuan sektor penjagaan kesihatan. Di samping itu, bekalan rumah yang berkualiti dan mampu milik akan dipertingkat. Sukan akan dimanfaatkan bagi membina masyarakat yang aktif, manakala perpaduan dalam kepelbagaian akan diperkukuh untuk mewujudkan masyarakat yang lebih harmoni. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyumbang kepada matlamat membina negara yang inklusif, bersatu dan makmur.

Petunjuk Prestasi Utama Terpilih

Bab 4: Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan



Usaha menangani kemiskinan akan lebih diberi keutamaan dalam tempoh RMKe-12, selaras dengan prinsip tiada sesiapa yang tertinggal, untuk memastikan rakyat menikmati keadilan sosial dan taraf hidup yang wajar. Beberapa strategi akan dilaksanakan bagi memperkasa B40 dalam meningkatkan taraf hidup dan pendapatan mereka, manakala sokongan juga akan diberikan kepada M40 untuk menambah baik kualiti hidup mereka. Agenda Bumiputera akan terus dilaksana dengan meningkatkan lagi pembangunan modal insan, peluang perniagaan dan pegangan ekuiti serta pemilikan hartanah Bumiputera. Pendekatan pembangunan yang lebih komprehensif akan diperkenal untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti Orang Asli. Usaha bersepadu akan digerakkan bagi mempertingkat kesejahteraan kanak-kanak, belia, wanita, warga emas, orang kurang upaya (OKU) dan institusi keluarga. Strategi ini dijangka meningkatkan pendapatan dan taraf hidup kumpulan sasar tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi.

Petunjuk Prestasi Utama Terpilih

Bab 5: Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif

0.388
Pekali Gini

4.2%
Insiden Kemiskinan Mutlak

RM4,200
Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah B40

RM4,300
Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah B40

0.88:1
Nisbah Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah Bumiputera kepada Cina

59%
Kadar Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh

70.8
Indeks Belia Malaysia


Usaha juga akan dipergiat untuk mempercepat pembangunan di negeri dan wilayah kurang membangun, serta merapatkan lagi jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar. Kawasan luar bandar akan ditransformasi dengan mengoptimumkan tanah terbiar bagi aktiviti pertanian pintar dan berkelompok serta menggunakan teknologi termaju untuk meningkatkan hasil ladang. Sektor swasta dan perusahaan sosial akan digalakkan untuk merangsang ekonomi luar bandar. Di samping itu, nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan akan dikenal pasti bagi memacu pembangunan. Kerjasama subserantau di bawah Segitiga Pertumbuhan Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) akan dimanfaatkan untuk memangkin pertumbuhan di kawasan sempadan.

Pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak akan dipergiat untuk menggalakkan keterangkuman wilayah. Kerjasama antara agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri akan diperkukuh bagi memastikan pelaksanaan projek dan program yang berkesan. Penyediaan infrastruktur dan ketersambungan akan dimantapkan, manakala potensi ekonomi akan dimanfaatkan dengan mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi pertumbuhan ekonomi. Akses kepada perkhidmatan sosial yang lebih baik akan dipertingkat dengan menambah baik infrastruktur pendidikan, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perumahan. Keselamatan dan ketenteraman awam juga akan diperkukuh bagi memastikan persekitaran yang lebih selamat. Pelaksanaan langkah ini akan memastikan pembangunan yang lebih inklusif dan meningkatkan taraf kehidupan di Sabah dan Sarawak. Usaha yang menyeluruh bagi memperkukuh keselamatan, kesejahteraan dan inklusiviti ini dijangka menjadikan Malaysia negara yang lebih selamat, inklusif dan makmur.

Petunjuk Prestasi Utama Terpilih

Bab 6: Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah

Bab 7: Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak



Nisbah Pendapatan Luar Bandar kepada Bandar

0.67:1

Bab 4: Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan

Bidang Keutamaan A
Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara

Bidang Keutamaan B
Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Bidang Keutamaan C
Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti

Bidang Keutamaan D
Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat yang Aktif

Bidang Keutamaan E
Memperkukuh Perpaduan untuk Negara Makmur

Bab 5: Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif

Bidang Keutamaan A
Menangani Kemiskinan dan Mengurangkan Ketidaksamarataan daripada Perspektif Pelbagai Dimensi

Bidang Keutamaan B
Memperkasa B40

Bidang Keutamaan C
Memberi Sokongan kepada M40 bagi Mewujudkan Masyarakat yang Saksama

Bidang Keutamaan D
Mencapai Kesaksamaan Keberhasilan Bumiputera

Bidang Keutamaan E
Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli

Bidang Keutamaan F
Memperkasa Kumpulan Sasar Khusus

Bab 6: Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah

Bidang Keutamaan A
Memanfaatkan Potensi Ekonomi Wilayah

Bidang Keutamaan B
Membangunkan Bandar yang Mampan

Bidang Keutamaan C
Mentransformasi Kawasan Luar Bandar bagi Merapatkan Jurang Pembangunan

Bab 7: Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak

Bidang Keutamaan A
Memantapkan Penyediaan Infrastruktur

Bidang Keutamaan B
Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

Bidang Keutamaan C
Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial

Bidang Keutamaan D
Memperkukuh Pembangunan Inklusif

Bidang Keutamaan E
Memperkukuh Kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Pemacu Perubahan IV
Memantapkan Keselamatan dan Perpaduan Negara untuk Pembinaan Negara Bangsa

Mengapa memantapkan keselamatan dan perpaduan negara adalah kritikal?

Keselamatan dan kedaulatan serta perpaduan merupakan asas kestabilan dan kemakmuran negara. Ini akan memperkukuh keupayaan Malaysia untuk menangani:

- Ancaman di sempadan.
- Jenayah dan persepsi rasa tidak selamat.
- Isu perpaduan, kemerosotan nilai murni dan penggunaan media sosial yang tidak beretika.
- Kurang penghayatan Rukun Negara dan sejarah Malaysia.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Pembinaan negara bangsa merangkumi pelbagai dimensi dan memerlukan pelaksanaan inisiatif seperti berikut:

- Memperluas penggunaan teknologi termaju dalam mengenal pasti ancaman dan aktiviti penguatkuasaan.
- Memperkukuh keselamatan dan pertahanan siber negara.
- Melaksanakan pelan yang menyeluruh dalam mengurus ancaman keselamatan dan membendung aktiviti yang menyalahi undang-undang di sempadan.
- Memperkukuh pengurusan keselamatan di sempadan, termasuk pergerakan orang dan barangan, serta penguatkuasaan melalui penubuhan agensi tunggal sempadan.
- Memperkenalkan Dasar Industri Pertahanan dan Keselamatan Negara.
- Menggalakkan interaksi sosial menerusi program perpaduan, sukan dan aktiviti keagamaan.
- Memperkukuh patriotisme dan kesukarelawanan melalui penggunaan platform digital dan platform media yang lain.
- Meningkatkan pemahaman dan penghayatan rakyat terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Kedudukan ke-10 teratas dalam *Global Peace Index*.
- Persekitaran yang kondusif untuk aktiviti ekonomi dan kehidupan yang selamat.
- Keupayaan pertahanan dan keselamatan yang mampan.
- Pendekatan keseluruhan negara dalam membanteras jenayah.
- Negara yang harmoni dan aman.
- Penggunaan media sosial yang lebih bertanggungjawab.
- Negara yang teguh dan berdaya tahan.

Pemacu Perubahan V
Memperkukuh Sistem Penjagaan Kesihatan bagi Memastikan Negara yang Sihat dan Produktif

Mengapa memperkukuh sistem penjagaan kesihatan adalah penting untuk negara?

Pandemik COVID-19 telah mewujudkan jurang dalam sistem penjagaan kesihatan. Pengukuhan sistem penjagaan kesihatan negara yang menyeluruh bertujuan:

- Meningkatkan kesiapsiagaan dalam menghadapi krisis kesihatan pada masa hadapan.
- Memastikan rakyat mempunyai akses yang lebih saksama kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan.
- Mengurangkan tanggungan subsidi yang tinggi, pembiayaan penjagaan kesihatan yang tidak mampan dan integrasi pangkalan data yang lemah dalam kalangan institusi penjagaan kesihatan awam dan swasta.
- Menangani kekurangan fasiliti dan ketidakpadanan sumber bagi perkhidmatan penjagaan kesihatan di beberapa kawasan pedalaman.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Pengukuhan memerlukan pendekatan menyeluruh yang akan merangkumi:

- Melaksana pendekatan keseluruhan negara dalam menangani krisis kesihatan pada masa hadapan.
- Menyelaras sumber dan tanggungjawab serta memperkemas perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui kerjasama dalam kalangan sektor awam dan swasta serta pertubuhan masyarakat sivil (CSO).
- Memperkenal model pembiayaan kesihatan yang lebih mampan.
- Mendigitalkan perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan memanfaatkan teknologi baru muncul.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Sumber pembiayaan dan modal insan yang optimum.
- Kualiti penjagaan kesihatan yang ditambah baik pada harga mampu bayar.
- Pengukuhan kesiapsiagaan penjagaan kesihatan dalam menguruskan penyakit berjangkit dan krisis kesihatan.

Pemacu Perubahan VI
Mentransformasi Pendekatan bagi Membasmi Kemiskinan Tegar

Mengapa membasmi kemiskinan tegar penting kepada negara?

Kemakmuran sesebuah negara diukur berdasarkan kualiti hidup rakyatnya. Sehubungan itu, Kerajaan akan menangani isu berikut:

- Kelompok kemiskinan tegar di kawasan luar bandar dan bandar.
- Kadar kemiskinan yang tinggi dalam kalangan Bumiputera, termasuk Orang Asli dan komuniti yang tinggal di kawasan pedalaman.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Mekanisme yang lebih efektif untuk membasmi kemiskinan tegar akan merangkumi inisiatif berikut:

- Menubuhkan unit kemiskinan khusus pada peringkat Persekutuan dan daerah.
- Merangka dasar kemiskinan berdasarkan pendekatan berpandukan data.
- Mewujudkan pangkalan data kemiskinan yang bersepadu dan berpusat.
- Mempertingkat program pendekatan dari bawah ke atas.
- Melaksanakan penyelesaian kemiskinan pada peringkat akar umbi.
- Mengkaji potensi pengenalan cukai khusus sebagai sumber pembiayaan bagi program menangani kemiskinan. Zakat dan wakaf serta sumbangan GLC, sektor swasta dan individu akan dipertimbangkan.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Insiden kemiskinan tegar sifar pada tahun 2025.
- Taraf kehidupan yang lebih wajar untuk rakyat tanpa mengira jantina, etnik dan lokasi.
- Pengurangan ketidaksamarataan dalam kalangan rakyat, termasuk Bumiputera yang merupakan majoriti golongan termiskin.

Pemacu Perubahan VII

Menggandakan Pertumbuhan Negeri Kurang Membangun terutama Sabah dan Sarawak bagi Merapatkan Jurang Pembangunan

Mengapa penting untuk menggandakan pertumbuhan negeri kurang membangun?

Kerajaan berhasrat untuk merapatkan jurang antara negeri kurang membangun dengan negeri maju bagi memastikan pembangunan sosioekonomi yang lebih saksama. RMKe-12 bermatlamat untuk:

- Menangani pertumbuhan KDNK yang perlahan di Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu.
- Mengurangkan insiden kemiskinan yang tinggi di Sabah, Kelantan dan Sarawak.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Hasrat menggandakan pertumbuhan di negeri kurang membangun memerlukan inisiatif yang komprehensif, merangkumi:

- Sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan[1] diagihkan kepada enam negeri kurang membangun, terutamanya Sabah dan Sarawak.
- Membangunkan aktiviti nilai ditambah yang lebih tinggi.
- Meningkatkan pelaburan berkualiti.
- Menyediakan pakej insentif menarik bagi menggalakkan pelaburan ke negeri-negeri ini.
- Meningkatkan aktiviti ekonomi rentas sempadan.
- Menggalakkan bandar mampan melalui perluasan Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAP).
- Mempergiat pembangunan industri di luar bandar melalui pembangunan taman perindustrian baharu dan merancakkan semula yang sedia ada.
- Mengoptimumkan tanah terbiar dan menggunakan teknologi termaju untuk pertanian pintar dan berkelompok.
- Menambah baik infrastruktur dan ketersambungan.

[1] Peruntukan Pembangunan Asas (DE Asas) ialah peruntukan untuk program dan projek bagi mencapai objektif dan strategi yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Contoh projek DE Asas adalah pembinaan sekolah, hospital, jalan raya, kawasan perindustrian dan program pembasmian kemiskinan.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Ketersambungan yang lebih baik.
- Nisbah pendapatan luar bandar kepada bandar bertambah baik daripada 0.58:1 pada 2019 kepada 0.67:1 pada 2025.
- Pertumbuhan KDNK yang lebih tinggi bagi enam negeri yang kurang membangun.
- Insiden kemiskinan yang lebih rendah daripada 5.6% pada 2019 kepada 3.7% pada 2025.

	Pertumbuhan KDNK Negeri (%)		Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah Negeri (RM)	
	2016-2020	2021-2025	2019	2025
Malaysia (Purata Nasional)	2.7	4.5~5.5	5,873	6,900
Kedah	3.1	6.2	4,325	5,100
Kelantan	3.3	6.7	3,563	4,210
Perlis	1.5	5.8	4,594	5,420
Sabah	1.0	6.5	4,348	5,380
Sarawak	0.9	5.3	4,544	5,430
Terengganu	1.8	6.6	5,545	6,470

Bab 4

Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan

Pendahuluan 4-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 4-3
- Pencapaian Sasaran Terpilih 4-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 4-6
- Negara Selamat dan Terjamin 4-6
- Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan 4-6
- Penyediaan Rumah Mampu Milik yang Mencukupi dan Berkualiti 4-7
- Galakan Gaya Hidup Aktif 4-8
- Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Rakyat 4-9

Isu dan Cabaran 4-10
- Peningkatan Ancaman Terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam 4-10
- Jurang dalam Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan 4-11
- Rumah Mampu Milik yang Belum Mencukupi 4-11
- Potensi Sukan untuk Kehidupan Aktif Belum Diteroka Sepenuhnya 4-12
- Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Rakyat 4-12

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 4-12
- Bidang Keutamaan A 4-16
  Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara
- Bidang Keutamaan B 4-19
  Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan
- Bidang Keutamaan C 4-23
  Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti
- Bidang Keutamaan D 4-25
  Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat yang Aktif
- Bidang Keutamaan E 4-28
  Memperkukuh Perpaduan untuk Negara Makmur

Kesimpulan 4-31

4

Pendahuluan

Pertahanan negara sentiasa diutamakan untuk memelihara kepentingan negara dan keutuhan wilayah. Di samping itu, keselamatan dalam negeri yang merangkumi usaha pencegahan jenayah serta penguatkuasaan undang-undang adalah penting untuk memastikan ketenteraman awam dan kestabilan negara dalam mencapai pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam hubungan ini, keupayaan dan kemampuan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan agensi penguatkuasaan telah ditingkatkan manakala program pencegahan jenayah ditambah baik.

Kesejahteraan rakyat juga telah ditambah baik dengan memperkukuh penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, menyediakan rumah mampu milik dan berkualiti serta menggalakkan gaya hidup aktif. Program juga dilaksana untuk memupuk kesepaduan sosial dan perpaduan negara. Secara keseluruhannya, kesejahteraan rakyat terus meningkat dengan pencapaian yang lebih baik dalam aspek ekonomi dan sosial seperti ditunjukkan oleh Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) 2019. Namun begitu, negara masih berhadapan dengan beberapa masalah seperti jenayah yang semakin kompleks, kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) dan pengurusan sempadan yang kurang berkesan, peningkatan kos perkhidmatan penjagaan kesihatan serta kenaikan harga rumah. Pandemik COVID-19 menambahkan lagi cabaran kepada keselamatan dan kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

Kerajaan sentiasa peka akan keperluan untuk memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara serta meningkatkan kesejahteraan dan perpaduan rakyat. Dalam tempoh RMKe-12, keutamaan akan diberi untuk meningkatkan keselamatan dan melindungi kedaulatan negara bagi memastikan negara kekal aman dan makmur. Selain itu, penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan dan penyediaan rumah mampu milik yang berkualiti dan berdaya huni akan ditambah baik. Sukan akan dimanfaatkan bagi membina masyarakat yang aktif manakala perpaduan dalam kalangan rakyat akan ditingkatkan. Pelaksanaan inisiatif ini adalah sejajar dengan WKB 2030 dan Agenda 2030 untuk membina negara yang inklusif, bersatu dan makmur.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai inisiatif telah dilaksana bagi meningkatkan pertahanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan dan perpaduan rakyat. Keutamaan telah diberi untuk memastikan negara lebih selamat dan terjamin, mempertingkat penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan serta meningkatkan bekalan dan kualiti rumah mampu milik untuk isi rumah miskin, berpendapatan rendah dan sederhana. Program bagi menggalakkan gaya hidup aktif juga diperbanyak untuk memupuk budaya bersukan dalam kalangan rakyat. Di samping itu, kesepaduan sosial dan perpaduan dalam kalangan rakyat juga akan terus dipupuk.

Pencapaian Sasaran Terpilih


Sebanyak 10 sasaran telah ditetapkan dalam tempoh RMKe-11 dalam usaha untuk meningkatkan pertahanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan dan perpaduan rakyat. Lima sasaran telah berjaya dicapai, iaitu kes jenayah indeks, persepsi rasa selamat, bilangan rumah yang dibina atau dibaiki untuk isi rumah miskin, peratusan rakyat Malaysia yang mengamalkan budaya bersukan dan bilangan sekolah yang menubuhkan Kelab Rukun Negara, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 4-1*. Walau bagaimanapun, masa respons polis yang disasarkan tidak dapat dicapai berikutan penerimagunaan teknologi yang rendah, kekurangan tenaga kerja dan isu logistik. Prestasi penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan adalah di bawah sasaran seperti ditunjukkan dalam komponen penyampaian kesihatan yang rendah dalam MyWI berikutan peningkatan kadar kematian bayi, nisbah kematian ibu bersalin[1] serta insiden penyakit tidak berjangkit (NCD). Sasaran nisbah doktor dan nisbah katil hospital kepada penduduk juga masih tidak dapat dicapai. Di samping itu, sasaran untuk membina rumah bagi isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana tidak dapat dicapai berikutan sambutan daripada pemaju hartanah yang tidak menggalakkan, kekurangan tanah yang sesuai dan kerenah birokrasi dalam proses kelulusan pelan pembangunan.

[1] Termasuk bukan warganegara yang mempunyai dokumen pengenalan.

Paparan 4-1


Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih

Negara Selamat dan Terjamin




2020 2020

Persepsi Rasa Selamat



2020 2020


Kes Jenayah Indeks bagi Setiap 100,000 Penduduk



2020 2020

Masa Respons Polis

Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan




2020 2019

Nisbah Doktor kepada Penduduk



2020 2019


Nisbah Katil Hospital bagi Setiap 1,000 Penduduk



2020 2019


Masa Respons Kecemasan

Rumah Mampu Milik



2016-2020 2020


Bilangan Rumah Dibina/Dibaiki untuk Isi Rumah Miskin



2016-2020 2020

Bilangan Rumah Dibina untuk Isi Rumah Berpendapatan Rendah dan Sederhana


Gaya Hidup Aktif



2020 2020

Peratusan Rakyat Malaysia Mengamalkan Budaya Sukan

Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Rakyat



2020 2020

Bilangan Sekolah Menubuhkan Kelab Rukun Negara



Pencapaian Inisiatif Terpilih

Negara Selamat dan Terjamin

Usaha bersepadu telah dilaksana dalam tempoh RMKe-11 untuk menjadikan negara lebih selamat dan terjamin. Keupayaan dan kemampuan ATM dan agensi penguatkuasaan telah dipertingkat, manakala program pencegahan jenayah telah ditambah baik. Ini telah menyumbang kepada peningkatan keyakinan dalam kalangan rakyat, seterusnya mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk kehidupan yang selamat.

Keupayaan dan Kemampuan Angkatan Tentera Malaysia dan Agensi Penguatkuasaan

Keupayaan dan kemampuan ATM dan agensi penguatkuasaan telah dipertingkat dengan menambah baik program latihan serta menaik taraf kemudahan dan kelengkapan. Kompetensi anggota telah dipertingkat melalui kursus khas dan latihan yang sistematik seperti latihan strategik secara bersama, analisis jenayah dan penyiasatan forensik. Sehingga akhir tahun 2020, anggota ATM telah menyertai 299 latihan dan program ketenteraan khusus, manakala anggota Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menghadiri 234 kursus khas. Di samping itu, anggota ATM dan PDRM telah mengadakan program latihan khusus berskala besar secara bersama untuk meningkatkan kemahiran dalam operasi bersama. Program ini membolehkan ATM dan PDRM menilai dan menambah baik kesiapsiagaan tempur.

Kemudahan dan kelengkapan telah dinaik taraf bagi memastikan ketersediaan peralatan untuk pengumpulan maklumat risikan, penyiasatan serta analisis bukti dan pendakwaan. Pusat Tindak Balas Siasatan Siber Polis dan Pusat Operasi Pertahanan Siber ATM telah ditubuhkan, manakala Sistem Laporan Polis telah dibangunkan untuk memperkukuh lagi mekanisme penguatkuasaan. Beberapa radar baharu telah dipasang untuk memperluas liputan pengawasan dan kawalan di laut bagi mengekang aktiviti yang menyalahi undang-undang dan pencerobohan oleh kapal negara asing.

Kerjasama dua hala dan pelbagai hala dalam pertahanan dan keselamatan telah dipertingkat untuk mengukuhkan jaringan perhubungan dan perkongsian pengalaman. Diplomasi pertahanan telah dipertingkat melalui 489 kolaborasi dua hala dan pelbagai hala. Bagi menangani isu rentas sempadan, jenayah siber, keganasan dan jenayah terancang, beberapa memorandum persefahaman (MoU) telah dimeterai dan kerjasama telah dilaksana dengan beberapa negara asing. Antara inisiatif ini termasuk kerjasama berkaitan penguatkuasaan undang-undang sivil maritim dan kerjasama untuk memerangi keganasan ekstremisme.

Usaha Pencegahan Jenayah

Usaha pencegahan jenayah telah dipergiat melalui pelbagai program yang melibatkan omnipresence PDRM dan penyertaan awam. Program Unit Rondaan Bermotosikal (URB), *Mobile Patrol Vehicle* (MPV) dan *high-profile policing* adalah antara inisiatif yang dilaksana untuk meningkatkan *omnipresence* PDRM. Ini telah membantu meningkatkan persepsi rasa selamat dalam kalangan rakyat. Selain itu, kawalan dan rondaan sempadan telah dipergiat melalui operasi bersama dalam kalangan ATM, PDRM dan agensi penguatkuasaan yang lain untuk membendung kemasukan PATI dan aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti pengedaran dadah, penyeludupan dan pemerdagangan orang.

Program penyertaan komuniti dan kesukarelawanan menyediakan peluang dan pendedahan kepada rakyat dalam memelihara keselamatan negara dan meningkatkan semangat kebersamaan dalam membanteras jenayah. Sehingga tahun 2020, seramai 837,728 sukarelawan telah berdaftar di bawah program *Volunteer Smartphone Patrol* (VSP) untuk membantu pencegahan jenayah. Di samping itu, program *Go to Safety Point* (GTSP) yang melibatkan 2,918 daripada 3,485 stesen minyak dan program Aman Wanita (AMANITA) yang melibatkan 15,607 aktiviti telah dilaksana untuk meningkatkan kesedaran dan penyertaan masyarakat dalam mengurangkan jenayah. Program Pegawai Perhubungan Sekolah melibatkan seramai 10,341 anggota polis telah dilaksana untuk membendung jenayah juvana dan penyalahgunaan dadah. Selain itu, 10,421 aktiviti pencegahan dadah yang menyasarkan murid sekolah, remaja, orang dewasa serta keluarga telah dilaksana untuk meningkatkan kesedaran dan mencegah penyalahgunaan dadah.

Penambahbaikan Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan telah ditambah baik bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat. Ini termasuk penyediaan sistem penjagaan kesihatan yang mampan, penyediaan sokongan kewangan, penambahbaikan literasi kesihatan dalam kalangan penduduk serta peluasan kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan. Pelaksanaan inisiatif ini telah memperkukuh penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, seterusnya membolehkan rakyat mendapat akses lebih baik kepada perkhidmatan yang berkualiti dan mampu bayar.

Penyediaan Sistem Penjagaan Kesihatan yang Mampan

Kemajuan yang ketara telah dicapai dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih mampan. Antara projek yang telah siap termasuk empat hospital baharu, 77 klinik kesihatan baharu, 78 projek menaik taraf hospital dan 17 projek menaik taraf klinik kesihatan dan 61 projek fasiliti penjagaan kesihatan lain termasuk perkhidmatan bekalan air dan sanitasi luar bandar. Bagi menambah baik

aliran pesakit dan tempoh menunggu, sebanyak 32 hospital kluster[2] telah diwujudkan merangkumi 113 hospital sedia ada. Dalam usaha menangani penyakit berjangkit (CD), Malaysia telah diiktiraf oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pada tahun 2018 sebagai negara pertama di Rantau Pasifik Barat yang berjaya menghapuskan transmisi *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) dan sifilis daripada ibu kepada anak. Selain itu, usaha untuk menangani penyakit baru muncul telah dipergiat dengan pelaksanaan *Malaysia Strategy Framework for Emerging Diseases and Public Health Emergencies II* (MYSED II) *Workplan* (2017-2021). Pelan kerja ini terbukti sangat bermanfaat dalam menangani pandemik COVID-19 terutama dari segi kesiapsiagaan dengan menyediakan langkah pengawalan yang pantas bagi membendung wabak, menyelamat nyawa dan menjimatkan sumber. Malaysia juga telah terpilih untuk terlibat dalam pengujian vaksin bagi jangkitan COVID-19.

Penyediaan Sokongan Kewangan

Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) telah dilancarkan untuk memenuhi keperluan penjagaan kesihatan kumpulan B40 dengan memberi tumpuan kepada NCD. Skim ini menyediakan empat manfaat, iaitu saringan kesihatan, peralatan perubatan, subsidi pengangkutan dan insentif untuk melengkapkan sesi rawatan kanser. Sehingga penghujung tahun 2019, seramai 201,497 individu atau 25% daripada kumpulan sasar telah didaftar dan disaring untuk NCD. Selain itu, sumbangan telah diterima daripada pelbagai pertubuhan masyarakat sivil (CSO), sektor korporat dan komuniti untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan penjagaan kesihatan semasa pandemik COVID-19. Syarikat multinasional dan firma lain turut menyumbang peralatan perubatan, ubat-ubatan, reagen, barang pakai buang dan keperluan perubatan lain, di samping sumbangan wang tunai kepada beberapa tabung COVID-19. Perancangan telah bermula untuk menubuhkan tabung wakaf kesihatan negara yang memberi tumpuan kepada pengurusan serta pembangunan hartanah dan produk wakaf.

Penambahbaikan Literasi Kesihatan dalam kalangan Penduduk

Usaha untuk menambah baik literasi kesihatan dalam kalangan penduduk diteruskan melalui program berasaskan komuniti dan libat urus dengan pengguna. Sehingga tahun 2019, program Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) telah dilaksana di 5,872 kawasan. Pada masa yang sama, program *Communication of Behavioural Impact* (COMBI) telah dilaksana di 2,761 kawasan yang memberi latihan kepada 5,100 pemimpin masyarakat yang melibatkan 30,600 sukarelawan. Di samping itu, Duta Kenali Ubat Anda yang merupakan program pemerkasaan komuniti telah diperluas kepada 1,447 pemimpin masyarakat untuk meningkatkan kesedaran mengenai penggunaan ubat yang betul. Pada tahun 2018, seramai 63,548 wanita telah menjalani pemeriksaan mamogram, 137,015 menjalani pemeriksaan klinikal payudara dan 60,050 menjalani saringan *pap smear*, manakala 96,010 telah menerima vaksin *Human Papillomavirus* (HPV) di fasiliti penjagaan kesihatan awam. Pelan Tindakan Kesihatan Lelaki Kebangsaan 2018-2023 pula telah menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan berstruktur bagi meningkatkan kualiti hidup lelaki. Selain itu, di bawah Program Imunisasi Kebangsaan, sebanyak 98.9% murid Tahun 1 dan 82% murid perempuan berumur 13 tahun telah diberi perlindungan imunisasi pada tahun 2018.

Sekolah dan institusi pendidikan tinggi (IPT) telah diberi peranan yang lebih besar bagi menyokong literasi kesihatan dalam kalangan pelajar. Sehingga akhir tahun 2019, Program Tunas Doktor Muda telah dilaksana di 1,842 prasekolah untuk memupuk kesedaran dan gaya hidup sihat dalam kalangan murid. Di samping itu, Kelab Doktor Muda telah ditubuhkan di 3,286 sekolah rendah dan 577 sekolah menengah. Program Siswa Sihat (PROSIS) pula telah dilaksana di 67 IPT. Pelbagai program kesihatan telah diadakan di sekolah bagi menggalakkan aktiviti fizikal, pemakanan sihat serta saringan risiko dan intervensi NCD. Sehingga tahun 2019, sebanyak 230 pasukan klinik kesihatan bergerak dan 954 pasukan pergigian bergerak telah diwujudkan untuk memperluas penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Peluasan Kerjasama dalam kalangan Pihak Berkepentingan

Kerjasama dalam kalangan agensi kerajaan, sektor swasta dan CSO telah diperluas dalam memperkukuh pengurusan bencana. Sebagai contoh, *Pasir Gudang Emergency Mutual Aid* telah diperkukuh pada tahun 2019 berikutan kejadian pembuangan sisa kimia di Sungai Kim Kim, Pasir Gudang, Johor. Pengukuhan ini melibatkan penyertaan 30 agensi dan 50 pemain industri untuk melaksanakan pelan kontingensi bagi melindungi orang awam daripada bahaya kesihatan. Selain itu, pelbagai kementerian, agensi dan sektor swasta juga telah bekerjasama dalam mengurus pandemik COVID-19. Kerjasama ini termasuk mengubah suai secara sementara fasiliti pameran di Taman Ekspo Pertanian Malaysia Serdang, Selangor kepada Pusat Kuarantin dan Rawatan COVID-19 Berisiko Rendah dengan kapasiti 3,000 katil. Di samping itu, sebanyak 1,649 bangunan kerajaan dan hotel telah diwartakan sebagai pusat kuarantin. Sejumlah 28 makmal diagnostik di IPT awam dan hospital pengajar telah digunakan untuk pengujian COVID-19.

Penyediaan Rumah Mampu Milik yang Mencukupi dan Berkualiti

Penyediaan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti kepada isi rumah miskin serta berpendapatan rendah dan sederhana terus diberi keutamaan dalam tempoh RMKe-11. Antara inisiatif yang dilaksana termasuk peningkatan akses kepada rumah mampu milik, perancangan dan pelaksanaan untuk pengurusan rumah mampu milik awam yang lebih baik dan penyediaan kemudahan mesra pengguna untuk menjadikan kawasan kediaman lebih berdaya huni.

[2] Konsep hospital kluster bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaan fasiliti penjagaan kesihatan dan menangani masalah kekurangan pakar di hospital bukan pakar.

Peningkatan Akses kepada Rumah Mampu Milik

Sehingga 2020, sebanyak 282,259 rumah mampu milik[3] atau 43.2% daripada sasaran 653,000 unit telah siap dibina oleh Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pemaju swasta. Akses kepada rumah mampu milik telah ditingkatkan melalui penyediaan kemudahan pembiayaan untuk pembeli rumah pertama dan program perumahan Sewa untuk Beli (RTO) kepada isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Pembiayaan khas di bawah Skim Rumah Pertamaku (MyHome) dan Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama (MyDeposit) telah disediakan. Skim ini menyediakan bantuan bayaran pendahuluan sehingga RM30,000 atau 10% daripada harga rumah. Sehingga 2020, seramai 6,818 pembeli rumah telah mendapat manfaat di bawah skim MyHome dan 2,865 di bawah MyDeposit. Program RTO pula telah menyediakan sebanyak 5,877 rumah untuk isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Program ini membolehkan isi rumah tersebut menyewa dan memilih untuk membeli rumah di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR).

Pengukuhan Tadbir Urus Rumah Mampu Milik Awam

Langkah telah dilaksana untuk memperkukuh tadbir urus program rumah mampu milik awam. Perbadanan PR1MA Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad dan Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia (PPAM) telah diletakkan di bawah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menambah baik tadbir urus dan penyelarasan. Di samping itu, Sistem Bank Data Perumahan Negara telah dibangunkan pada tahun 2018 bagi membolehkan perkongsian data dalam kalangan agensi Persekutuan dan negeri. Sebanyak 2,934 rumah mampu milik awam telah dibina di atas tanah wakaf melalui kerjasama strategik antara pelbagai agensi Persekutuan, negeri dengan sektor swasta.

Penyediaan Kemudahan Mesra Pengguna untuk Menambah Baik Daya Huni

Skim rumah mampu milik telah menyumbang kepada keadaan hidup yang lebih baik. Kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan yang besar bagi rumah kos rendah dan sederhana awam dan swasta telah dilaksana di bawah Program Penyenggaraan Perumahan (PPP) dan Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia (TPPM). Pelaksanaan PPP yang melibatkan 313 projek perumahan kos rendah dan sederhana awam telah memberi manfaat kepada 202,909 isi rumah. TPPM pula melibatkan 405 projek perumahan kos rendah dan sederhana swasta yang memberi manfaat kepada 559,739 isi rumah. Kemudahan untuk meningkatkan daya huni termasuk laluan tanjakan, lot parkir, lif dan tandas untuk orang kurang upaya (OKU) serta kemudahan awam seperti dewan komuniti, taman permainan, surau dan kedai serbaneka juga telah dijadikan sebagai komponen projek perumahan. Syarat 1% rumah dikhususkan untuk OKU dan warga emas telah dikenakan kepada projek perumahan awam. Sehingga 2020, sebanyak 151 rumah PPR dan 166 rumah PPAM telah diperuntukkan untuk OKU.

Galakan Gaya Hidup Aktif

Pelaksanaan program dan inisiatif bagi meningkatkan penyertaan dalam sukan massa dan sukan berprestasi tinggi (SPT) telah dipergiat untuk menggalakkan gaya hidup aktif. Langkah ini telah berjaya memupuk budaya sukan sebagai gaya hidup aktif dalam kalangan rakyat Malaysia. Ini ditunjukkan oleh peningkatan penglibatan dalam aktiviti sukan kepada 63% pada tahun 2020 melebihi sasaran nasional 50% pada tahun 2020. Pelaksanaan 3,172 program sukan termasuk Bulan Sukan Negara, *Fit Malaysia* dan Liga Sukan untuk Semua telah menarik hampir 20 juta peserta. Selain itu, sebanyak 33 kemudahan sukan baharu telah dibina, manakala 322 kemudahan sedia ada telah dinaik taraf untuk meningkatkan ketersediaan dan kualiti kemudahan sukan di seluruh negara.

Langkah juga telah dilaksana untuk menggalakkan penyertaan komuniti secara aktif bagi memupuk budaya bersukan. Sektor swasta dan badan sukan berasaskan komuniti telah menyokong usaha menggalakkan gaya hidup aktif dengan penganjuran 6,130 acara sukan dan aktiviti rekreasi. Sehingga 2020, seramai 2,342 individu telah dilatih sebagai jurulatih kecergasan bertauliah. Selain itu, sebanyak 3,821 badan sukan telah didaftarkan dalam tempoh 2016 hingga 2020, menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 10,728. Pada tahun 2019, program *e-sports* telah dipromosi untuk menggalakkan perkembangan kemahiran kognitif, pemikiran kritis dan minda yang sihat serta meningkatkan interaksi sosial melalui platform digital. Pertandingan *e-sports* telah dianjurkan dengan kerjasama sektor swasta.

Pelaksanaan program pembangunan sukan serta kemajuan dalam perkhidmatan sains dan perubatan sukan telah menyumbang kepada peningkatan prestasi atlet. Pengetahuan dan kemahiran jurulatih dan pegawai teknikal telah diperkukuh melalui pelaksanaan pelbagai program latihan seperti kursus sains sukan dan pengurusan sukan yang memberi manfaat kepada 13,732 peserta. Di samping itu, pelbagai alat telah dibangunkan melalui aktiviti R&D untuk sains sukan seperti *Analysis Tool for Badminton (BStAT)*, *Cycling Monitoring Software* dan *Force Measurement Platform* bagi meningkatkan prestasi atlet. Selain itu, 15,727 perkhidmatan sains sukan termasuk biomekanik dan analisis prestasi, latihan fisiologi, nutrisi dan psikologi sukan telah disediakan bagi meningkatkan prestasi atlet SPT.

Prestasi atlet kebangsaan dalam kebanyakan SPT pada peringkat antarabangsa telah meningkat, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 4-2*. Pencapaian ini adalah hasil daripada pelaksanaan pelbagai program pembangunan SPT seperti Program Podium, Program Paralimpik dan Program Junior. Sehingga tahun 2020, seramai 830 atlet, termasuk 115 atlet para telah mengambil bahagian dalam program pembangunan SPT. Program Pengenalpastian Bakat telah diperkenal untuk menyediakan kumpulan atlet pelapis bagi SPT yang melibatkan 1,574 murid yang berumur antara 13 hingga 15 tahun.

[3] Rumah yang dijual pada harga RM300,000 dan ke bawah.

Paparan 4-2

Pencapaian Malaysia dalam Pertandingan Sukan Utama Antarabangsa

Bil.	Pertandingan	Pencapaian Terdahulu	Pencapaian Terkini
1.	Sukan Olimpik	Kedudukan ke-65 dengan 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa di Sukan Olimpik London 2012	Kedudukan ke-60 dengan 4 pingat perak dan 1 pingat gangsa di Sukan Olimpik Rio 2016
2.	Sukan Paralimpik	Kedudukan ke-65 dengan 1 pingat perak dan 1 pingat gangsa di Sukan Paralimpik London 2012	Kedudukan ke-36 dengan 3 pingat emas dan 1 pingat gangsa di Sukan Paralimpik Rio 2016
3.	Sukan Komanwel	Kedudukan ke-12 dengan 6 pingat emas, 7 pingat perak dan 6 pingat gangsa di Sukan Komanwel Glasgow 2014	Kedudukan ke-12 dengan 7 pingat emas, 5 pingat perak dan 11 pingat gangsa di Sukan Komanwel Gold Coast 2018
4.	Sukan Asia	Kedudukan ke-14 dengan 5 pingat emas, 14 pingat perak dan 14 pingat gangsa di Sukan Asia Incheon 2014	Kedudukan ke-14 dengan 7 pingat emas, 13 pingat perak dan 16 pingat gangsa di Sukan Asia ke-18 Jakarta-Palembang 2018
5.	Sukan Para Asia	Kedudukan ke-7 dengan 15 pingat emas, 20 pingat perak dan 27 pingat gangsa di Sukan Para Asia Incheon 2014	Kedudukan ke-8 dengan 17 pingat emas, 26 pingat perak dan 25 pingat gangsa di Sukan Para Asia Jakarta 2018
6.	Sukan Asia Tenggara (SEA)	Kedudukan pertama dengan 145 pingat emas, 92 pingat perak dan 86 pingat gangsa di Sukan SEA Kuala Lumpur 2017	Kedudukan ke-5 dengan 56 pingat emas, 57 pingat perak dan 71 pingat gangsa di Sukan SEA Filipina 2019
7.	Sukan Para ASEAN	Kedudukan ketiga dengan 52 pingat emas, 58 pingat perak dan 37 pingat gangsa di Sukan Para ASEAN Singapura 2015	Kedudukan kedua dengan 90 pingat emas, 85 pingat perak dan 83 pingat gangsa di Sukan Para ASEAN Kuala Lumpur 2017

Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Rakyat

Indeks Perpaduan Nasional[4] (IPNas) telah dibangunkan pada tahun 2018 sebagai pengukuran yang komprehensif untuk membantu membuat keputusan berasaskan bukti. Skor IPNas sebanyak 0.567 pada tahun 2018 menunjukkan tahap perpaduan rakyat adalah tinggi[5]. Ini disumbangkan oleh pelbagai inisiatif, antara lain interaksi sosial dan program keharmonian agama yang telah dilaksana pada semua lapisan masyarakat, termasuk di institusi pendidikan dan komuniti. Sebanyak 232,042 aktiviti interaksi sosial melalui program Kawasan Rukun Tetangga telah dilaksana, termasuk Program Sayangi Komuniti, Pasukan Skuad Uniti, Program Jaringan Sosial dan Program Silang Budaya dengan penyertaan 10,105,256 rakyat Malaysia. Program ini telah dilaksana dengan kerjasama sektor swasta, IPT dan CSO. Sehingga tahun 2020, seramai 400 *mediator* komuniti telah ditauliah untuk menyelesaikan isu berkaitan komuniti. Program kesedaran, latihan dan mediasi telah dilaksana terutama untuk golongan belia bagi mengurangkan perselisihan antara agama dan mengekalkan keharmonian dalam masyarakat. Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama (JKMPKA) telah dijenamakan semula kepada Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama (HARMONI) untuk meningkatkan persefahaman mengenai perkara berkaitan agama.

Pelbagai langkah juga telah dilaksana untuk memupuk perpaduan dan nilai murni serta patriotisme, terutama dalam kalangan kanak-kanak dan belia. Pelan Hala Tuju Perpaduan dalam Pendidikan telah diperkenal pada tahun 2017 untuk menyediakan pelan strategik yang komprehensif bagi memastikan perpaduan dalam kalangan rakyat dipupuk dengan berkesan. Program seperti Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan (RIMUP) dan Kelab Malaysiaku serta *Service Learning Malaysia - University for Society* (SULAM) telah dilaksana. Elemen perpaduan dalam kalangan rakyat dan patriotisme telah diterapkan dalam Mata Pelajaran Pengajian Umum, manakala 164 Sekretariat Rukun Negara (SRN) telah ditubuhkan di IPT.

[4] Indeks yang dibangunkan oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional untuk mengukur tahap perpaduan.
[5] Skor dalam julat 0.26 hingga 1.00 bagi pengukuran tingkah laku manusia yang dikategorikan tinggi berdasarkan Skala Pengukuran Cohen (1988).

Kementerian Perpaduan Negara telah ditubuhkan pada tahun 2020 bagi melaksana komitmen Kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat. Ini adalah selaras dengan objektif bagi mencapai negara yang bersatu dan makmur menjelang tahun 2030. Majlis Penasihat Perpaduan Negara telah ditubuhkan untuk menasihati Kerajaan dalam menangani isu perpaduan dan mengemukakan cadangan langkah penyelesaian untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan rakyat. Jawatankuasa Pelaksana Perpaduan Negara dan Jawatankuasa Tindakan Perpaduan Negeri telah ditubuhkan untuk membincangkan isu yang menjejaskan perpaduan.

Usaha untuk meningkatkan persefahaman dan toleransi antara kaum telah dilaksana melalui pelbagai program seni dan budaya. Sehubungan itu, program seperti Festival Permainan Malaysia, Festival Gendang Sarawak dan Pesta Angin Timur Perlis telah dianjurkan dengan penglibatan seramai 367,969 peserta daripada pelbagai kaum. Di samping itu, Hari Kraf Kebangsaan, Festival Kesenian Rakyat Kelantan dan Festival Seni Hidup telah dianjurkan dengan penyertaan hampir satu juta pengunjung. Majlis Rumah Terbuka sempena perayaan utama diadakan setiap tahun bagi mengukuhkan perpaduan dan merapatkan hubungan antara kaum. Program Bulan Bahasa Kebangsaan pula telah dilaksana untuk memupuk kecintaan terhadap negara melalui penggunaan satu bahasa. Program ini telah mendapat sambutan dengan penyertaan melebihi satu juta peserta setiap tahun.

Isu dan Cabaran

Dalam tempoh RMKe-11, langkah telah diambil untuk meningkatkan pertahanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan dan perpaduan rakyat. Namun begitu, beberapa isu masih wujud dan perlu ditangani. Isu ini termasuk peningkatan ancaman terhadap keselamatan dan ketenteraman awam, jurang dalam penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan dan penyediaan rumah mampu milik yang belum mencukupi. Selain itu, potensi sukan negara masih belum diteroka sepenuhnya dan insiden yang mengakibatkan perpecahan masih wujud.

Isu dan Cabaran

Peningkatan Ancaman Terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam
Jurang dalam Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan
Rumah Mampu Milik yang Belum Mencukupi
Potensi Sukan untuk Kehidupan Aktif Belum Diteroka Sepenuhnya
Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Rakyat

Peningkatan Ancaman Terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Cabaran yang dihadapi dalam mengekalkan kestabilan dan keamanan negara termasuk jenayah yang semakin kompleks, peningkatan isu berkaitan dadah serta kebolosan sempadan dan kebanjiran PATI. Kelemahan tadbir urus dan kurang kesiapsiagaan agensi telah menjejaskan kemampuan pertahanan dan penguatkuasaan dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan negara. Di samping itu, penglibatan komuniti dalam aktiviti kesukarelawanan untuk menyokong usaha Kerajaan mengekalkan keselamatan awam semasa kecemasan masih kurang.

Landskap keselamatan melibatkan ancaman rentas sempadan serta teknologi termaju yang dinamik dan pendigitalan telah menyebabkan jenayah menjadi semakin kompleks. Ini termasuk jenayah siber, keganasan dan ekstremisme serta pencerobohan oleh kapal daripada negara asing yang semakin meningkat. Selain itu, penyalahgunaan dadah dan bahan terlarang terus menjadi ancaman utama kepada negara. Ini diburukkan lagi dengan kewujudan bahan psikoaktif baharu (NPS) yang tidak tersenarai dalam sebarang konvensyen antarabangsa. Bilangan penagih dadah yang meningkat telah menyebabkan pertambahan kos untuk rawatan dan kemudahan. Penagih dadah yang tidak dilaporkan menjadi ancaman kepada masyarakat dan menyukarkan usaha komuniti dan pihak berkuasa untuk membendung kegiatan penyalahgunaan dadah dan menyediakan program pemulihan. Kebolosan sempadan kekal

menjadi cabaran, antaranya disebabkan oleh kekurangan penyelarasan antara agensi yang berkaitan dan ketidakcekapan penguatkuasaan. Di samping itu, kebanjiran PATI terus menjadi kebimbangan utama. Bilangan PATI di depot tahanan telah meningkat daripada 10,949 pada tahun 2016 kepada 37,054 pada tahun 2019 yang mengakibatkan perbelanjaan Kerajaan yang lebih tinggi.

Kelemahan tadbir urus telah menghakis kepercayaan dan keyakinan orang awam terhadap agensi yang bertanggungjawab melaksanakan penguatkuasaan. Bilangan kes salah laku yang dilaporkan terhadap pegawai penguat kuasa telah meningkat. ATM dan agensi penguatkuasaan kekurangan tenaga kerja serta aset dan kemudahan yang usang memberi kesan kepada penyampaian perkhidmatan. Sebagai contoh, terdapat jurang keupayaan dalam sistem pendaftaran negara dan imigresen sedia ada untuk memenuhi keperluan semasa yang semakin meningkat. Selain itu, kelemahan dalam pengurusan kuarters ATM dan agensi penguatkuasaan yang lain telah memberi kesan kepada kebajikan dan kesejahteraan anggota.

Kesiapsiagaan pertahanan masih menjadi cabaran, terutama dalam menangani isu pertindihan tuntutan, pertikaian ke atas wilayah darat, maritim dan ruang udara serta konflik dalam kalangan kuasa besar di rantau ini. Isu ini akan menjejaskan kestabilan serantau serta keselamatan dan kemakmuran negara sekiranya tidak ditangani secara aman. Selain itu, kesesakan di penjara juga mengakibatkan bekalan asas tidak mencukupi, risiko keselamatan meningkat serta tahap kebersihan dan kesihatan yang tidak memuaskan. Pada tahun 2020, penjara beroperasi pada kadar 17.2% melebihi kapasiti dan 61.7% daripada banduan terlibat dengan jenayah berkaitan dadah.

Aktiviti kesukarelawanan berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam dalam kalangan komuniti masih rendah berikutan kurang kerjasama dan libat urus dengan agensi yang berkaitan. Kekurangan latihan, kemahiran pertolongan cemas dan peralatan asas juga menyukarkan sukarelawan untuk memberi bantuan di lokasi kemalangan atau kecemasan. Ini menghalang usaha meningkatkan penglibatan komuniti dalam aktiviti kesukarelawanan.

Jurang dalam Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Walaupun terdapat kemajuan dalam penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti, namun beberapa isu utama masih wujud dan perlu ditangani. Ini termasuk tahap kesihatan sebahagian rakyat yang tidak memuaskan dan kualiti beberapa perkhidmatan penjagaan kesihatan yang masih rendah. Malaysia juga berhadapan dengan pertambahan insiden beban penyakit berganda[6]. Insiden CD seperti denggi, tuberkulosis (TB), polio dan HIV semakin meningkat, manakala malaria dan demam campak telah muncul kembali.

Insiden NCD seperti penyakit kardiovaskular, mental, *diabetes mellitus*, kanser dan insiden berkaitan kecederaan terus meningkat yang menyumbang kepada 73% daripada jumlah kematian pada tahun 2018. Peningkatan insiden NCD telah menyebabkan bilangan kematian pramatang yang boleh dicegah yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia. Permintaan terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik juga telah meningkat. Di samping itu, kekurangan zat dalam kalangan kanak-kanak di bawah usia lima tahun masih lagi merupakan satu cabaran. Prevalens bantut semakin meningkat daripada 17.7% pada tahun 2015 kepada 21.8% pada tahun 2019 manakala prevalens obesiti dalam kalangan orang dewasa menunjukkan peningkatan daripada 17.7% pada tahun 2015 kepada 19.7% pada tahun 2019.

Fasiliti yang tidak mencukupi, ketidakpadanan sumber merentas pelbagai peringkat perkhidmatan dan pembiayaan penjagaan kesihatan yang tidak mampan telah menjejaskan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan. Keadaan ini menjadi lebih mencabar semasa pandemik COVID-19. Kekurangan persediaan dalam sistem kawalan penyakit dan pengurusan kesihatan awam masih menjadi cabaran. Kadar subsidi yang tinggi dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan, terutama dalam rawatan penyembuhan telah meningkatkan perbelanjaan Kerajaan. Kesesakan dan masa menunggu yang panjang bagi mendapat rawatan di hospital dan klinik awam terus menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan. Personel kesihatan yang tidak mencukupi, terutama pakar perubatan telah menjejaskan penyediaan perkhidmatan di kawasan tertentu, terutama di luar bandar dan pedalaman. Terdapat juga kelemahan dari segi integrasi pangkalan data kesihatan dalam kalangan institusi penjagaan kesihatan awam. Kenaikan kos penjagaan kesihatan telah menjejaskan kemampanan kewangan Kerajaan dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam yang berkualiti.

Rumah Mampu Milik yang Belum Mencukupi

Usaha untuk menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat terus berhadapan dengan cabaran berikutan pendapatan isi rumah yang rendah berbanding harga rumah, kenaikan kos pembinaan rumah dan proses kelulusan yang rumit. Isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana tidak berkemampuan untuk membeli rumah. Walaupun terdapat penurunan dalam gandaan median atau nisbah harga rumah kepada pendapatan[7] daripada 5.0 pada tahun 2016 kepada 4.1 pada tahun 2019, namun rumah masih tidak mampu dimiliki.

Kaedah pembinaan tradisional yang berintensifkan buruh adalah kurang produktif yang menyebabkan tempoh pembinaan yang lebih panjang dan kos keseluruhan yang lebih tinggi. Kenaikan kos tanah terutama di kawasan bandar yang berkepadatan tinggi menyumbang kepada peningkatan kos projek. Proses kelulusan yang rumit dan memakan masa menyebabkan kos pembangunan yang lebih tinggi dan akan ditanggung oleh pembeli rumah. Di samping itu, kawalan kualiti yang rendah telah

[6] Pesakit yang menghidap CD dan pada masa yang sama menghidap NCD. Sebagai contoh, pesakit yang menghidap diabetes mellitus turut dijangkiti COVID-19.

[7] Metodologi yang dibangunkan oleh *Demographia International* untuk menilai pasaran perumahan di kawasan bandar. Rumah dianggap mampu dibeli jika harga rumah itu kurang daripada tiga kali pendapatan median tahunan isi rumah.

menjejaskan penyediaan rumah mampu milik yang berkualiti. Dalam mengejar keuntungan maksimum, pemaju cenderung mengabaikan aspek kualiti. Terdapat juga beberapa projek perumahan terbengkalai yang memberi kesan kepada segmen pasaran untuk kumpulan berpendapatan rendah dan sederhana.

Kekurangan penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan telah menjejaskan perancangan dan pelaksanaan program perumahan mampu milik awam. Beberapa program yang dilaksana oleh pihak berkuasa pada peringkat Persekutuan dan negeri tidak sejajar dengan dasar perumahan mampu milik. Kekurangan data yang komprehensif dan perkongsian data yang terhad dalam kalangan agensi telah menyebabkan kelewatan dalam mencapai sasaran negara untuk menyediakan rumah mampu milik.

Potensi Sukan untuk Kehidupan Aktif Belum Diteroka Sepenuhnya

Meskipun terdapat kemajuan yang memberangsangkan dalam usaha menggalakkan gaya hidup aktif melalui sukan, namun penyertaan yang inklusif dalam sukan massa masih kurang memuaskan. Selain itu, kebolehcapaian dan penyelenggaraan kemudahan sukan juga masih rendah. Prestasi atlet kebangsaan yang tidak konsisten dan kekurangan bakat baharu menjejaskan lagi kemajuan SPT. Penyertaan rakyat Malaysia dalam sukan massa kekal pada tahap sederhana dengan peningkatan daripada 59.8% pada tahun 2017 kepada 63% pada tahun 2020. Ini disebabkan oleh pengurusan masa yang lemah, gaya hidup sedentari serta kurang kesedaran mengenai kepentingan kehidupan aktif dan sihat. Tambahan pula, akses yang terhad kepada kemudahan sukan dan caj tinggi yang dikenakan oleh pengendali sukan swasta juga tidak menggalakkan penyertaan rakyat dalam budaya bersukan. Peranan pelbagai badan sukan pada peringkat komuniti dalam mempromosi sukan adalah kurang berjaya berikutan pengurusan yang lemah dan tidak profesional.

Prestasi atlet yang tidak konsisten, tahap penyertaan wanita yang rendah dan pendedahan yang kurang dalam pertandingan sukan telah menjejaskan kemajuan SPT pada peringkat antarabangsa. Kekurangan bakat baharu dan peluang untuk menjadi atlet profesional dalam SPT telah menjejaskan usaha untuk mewujudkan kumpulan atlet elit. Kekurangan pusat sains sukan, pusat latihan khusus serta perkhidmatan perubatan dan sains sukan telah memberi kesan kepada prestasi atlet dan penyelidikan dalam pembangunan sukan.

Industri sukan sebagai sumber pertumbuhan baharu yang masih belum diteroka sepenuhnya, terutama disebabkan oleh ketiadaan dasar yang jelas. Insentif untuk mempromosi produk dan perkhidmatan sukan tempatan masih belum mencukupi. Penganjur tempatan pula kurang mampu dari segi kewangan untuk menganjurkan acara sukan antarabangsa dan berprestij. Kualiti dan standard beberapa kemudahan sukan sedia ada tidak mencapai syarat minimum yang ditetapkan oleh badan sukan antarabangsa.

Kesepaduan Sosial dan Perpaduan Rakyat

Perpaduan dalam kalangan rakyat kekal kukuh dan berdaya tahan. Walau bagaimanapun, masih terdapat cabaran yang boleh menggugat perpaduan dan keharmonian. Ini termasuklah insiden yang mengakibatkan perpecahan, kemerosotan nilai murni dan penggunaan media sosial yang tidak beretika. Perancangan program kesepaduan sosial yang tidak terselaras telah menjejaskan usaha untuk menyatupadukan rakyat. Cabaran ini diburukkan lagi dengan kemerosotan nilai murni dalam institusi keluarga yang penting dalam membina masyarakat yang harmoni. Ini telah menyumbang kepada peningkatan dalam kes jenayah juvana, keganasan rumah tangga dan perceraian. Ini ditunjukkan oleh penurunan skor komponen keluarga dalam MyWI daripada 98.6 pada tahun 2015 kepada 95.0 pada tahun 2020.

Perkembangan pesat teknologi digital telah memberi manfaat kepada masyarakat. Namun penyalahgunaan teknologi ini telah menimbulkan cabaran kepada perpaduan dalam kalangan rakyat. Pada tahun 2020, jumlah langganan internet telah mencapai 29 juta. Kira-kira 93.3% daripada jumlah tersebut merupakan pengguna media sosial. Insiden penyalahgunaan media sosial untuk menyebarkan berita palsu, fitnah, ucapan sensitif atau berbaur kebencian dan hasut maya yang berlebihan meningkat dengan ketara. Ini dibuktikan daripada peningkatan jumlah aduan yang diterima mengenai penyalahgunaan media sosial termasuk akaun palsu, ucapan berbaur kebencian dan berita tidak benar, iaitu daripada 109 kes pada tahun 2016 kepada 8,618 kes pada tahun 2020.

Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara adalah asas kepada pembentukan identiti nasional bagi mengekalkan keamanan dan keharmonian. Walau bagaimanapun, rasa hormat, penghayatan dan pemahaman terhadap nilai yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara semakin terhakis. Ketiadaan dasar mengenai perpaduan telah menyebabkan perancangan dan pelaksanaan program tidak terselaras dalam kalangan agensi kerajaan, sektor swasta dan CSO. Ini telah menjejaskan pencapaian outcome yang dihasratkan untuk kesepaduan sosial dan perpaduan dalam kalangan rakyat.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan terus dipergiat untuk meningkatkan pertahanan dan keselamatan negara serta kesejahteraan dan perpaduan rakyat. Ini akan dicapai melalui beberapa langkah, iaitu memastikan keselamatan dan kedaulatan negara, mempertingkat penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, meningkatkan bekalan rumah mampu milik yang berkualiti dan berdaya huni, memanfaatkan sukan dalam membina masyarakat yang aktif dan memperkukuh perpaduan dalam kalangan rakyat. Ini akan menjamin kehidupan yang makmur sejajar dengan WKB 2030.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Meningkatkan Pertahanan, Keselamatan, Kesejahteraan dan Perpaduan

Bidang Keutamaan A

Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara

Strategi A1
Memelihara Kedaulatan Negara

Strategi A2
Meningkatkan Usaha Pencegahan Jenayah, Rehabilitasi dan Kesiapsiagaan Menghadapi Kecemasan serta Menjaga Kebajikan Anggota

Strategi A3
Memperkukuh Tadbir Urus Keselamatan

Bidang Keutamaan B

Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Strategi B1
Memperkemas Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Strategi B2
Memperkukuh Pembiayaan Kesihatan dan Kesedaran Awam

Strategi B3
Memanfaatkan Teknologi

Bidang Keutamaan C

Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti

Strategi C1
Menambah Baik Akses kepada Rumah Mampu Milik

Strategi C2
Mempertingkat Tadbir Urus

Strategi C3
Memastikan Perumahan yang Inklusif

Bidang Keutamaan D

Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat yang Aktif

Strategi D1
Menggalakkan Sukan untuk Kehidupan Aktif dan Sihat

Strategi D2
Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

Strategi D3
Membangunkan Industri Sukan

Bidang Keutamaan E

Memperkukuh Perpaduan untuk Negara Makmur

Strategi E1
Menerima Kepelbagaian Sebagai Aset

Strategi E2
Membina Masyarakat yang Lebih Toleran

Strategi E3
Memperkukuh Tadbir Urus



Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara



2025

Kedudukan dalam *Global Peace Index*



2025

Kes Jenayah Indeks bagi Setiap 100,000 Penduduk



2025

Masa Respons Polis

Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan



2025

Indeks Kesihatan dalam Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI)




2025

Nisbah Doktor kepada Penduduk




2025

Nisbah Katil Hospital bagi Setiap 1,000 Penduduk



2025

Pengurangan Risiko Kematian Pramatang



2025

Pengurangan Prevalens Merokok


Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti



2025

Rumah Mampu Milik Dibina

Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat Aktif



2025

Indeks Budaya Sukan Malaysia

Memperkukuh Perpaduan untuk Negara yang Makmur



2025

Indeks Perpaduan Nasional



2021

Penggubalan Dasar Perpaduan

Sasaran
SDG
WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Memastikan Keselamatan dan Kedaulatan Negara

Keselamatan dan kedaulatan negara akan terus diberi keutamaan bagi memastikan persekitaran yang kondusif untuk menggalakkan kegiatan ekonomi dan kehidupan yang selamat serta mengekalkan negara yang bermaruah dan berdaya tahan. Penekanan akan diberi untuk memelihara kedaulatan negara, meningkatkan usaha pencegahan jenayah, rehabilitasi dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan serta menjaga kebajikan anggota ATM dan penguat kuasa. Di samping itu, keutamaan juga akan diberi dalam memperkukuh tadbir urus keselamatan.



Strategi A1

Memelihara Kedaulatan Negara

Langkah akan diambil untuk memelihara kedaulatan negara daripada PATI dan aktiviti di sempadan yang menyalahi undang-undang serta meningkatkan keupayaan dan kemampuan pertahanan. Usaha ini termasuk merangka pelan yang menyeluruh untuk menguruskan PATI, menambah baik kawalan sempadan dan memperkukuh diplomasi pertahanan. Inisiatif ini adalah penting dalam memastikan negara selamat serta mengekal dan menggalakkan kestabilan serantau.

Mengurus Ancaman daripada Pendatang Asing Tanpa Izin dan Kegiatan di Sempadan

Pelan yang menyeluruh akan dirangka untuk menguruskan PATI. Ini merangkumi strategi untuk menambah baik dasar operasi penguatkuasaan, kawalan sempadan, pengurusan pendatang asing serta pelaporan media dan publisiti. Pelan ini akan merangkumi penambahbaikan sistem penguatkuasaan dalam menangani warga asing yang memasuki secara sah tetapi bekerja selepas tamat tempoh permit. Pelan ini juga akan memperkukuh kerjasama strategik dengan kerajaan negeri untuk memastikan peningkatan penglibatan komuniti dalam memberi maklumat terutama berkaitan PATI. Peranan pemimpin komuniti akan diperkasa dan program kesedaran kepada orang awam akan dipertingkat untuk membantu agensi penguat kuasa dalam menyekat kebanjiran PATI.

Kawalan sempadan akan ditambah baik melalui operasi bersama dan rondaan sempadan di darat dan wilayah maritim melibatkan ATM dan agensi penguat kuasa untuk menghalang kemasukan tanpa izin. Bilangan pos keselamatan di sempadan antarabangsa akan ditambah, terutama di Sabah dan Sarawak. Pengawasan akan diperkukuhkan lagi melalui penggunaan sistem dan teknologi terkini termasuk sensor, radar, kamera litar tertutup dan dron untuk mengimbangi anggota yang terhad dan kekangan kawasan yang sukar diakses. Kawalan maritim juga akan diperketat untuk membanteras aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti pelanunan, penyeludupan dan pencerobohan oleh kapal negara asing. Kerjasama dalam negara dan serantau juga akan dipergiat, terutama dalam operasi penguatkuasaan bersama serta pertukaran maklumat mengenai aktiviti perdagangan haram dan penyeludupan.

Mempertingkat Keupayaan dan Kemampuan Pertahanan

Keupayaan dan kemampuan pertahanan akan dipertingkat bagi memelihara kedaulatan negara seperti yang digariskan dalam Kertas Putih Pertahanan. Sehubungan itu, keupayaan ketenteraan akan diperkukuh dalam aspek perisikan, pengawasan, perolehan sasaran dan peninjauan. Langkah juga akan diambil untuk menambah baik kuasa tembakan dan mobiliti bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan pertahanan. Keselamatan maritim juga akan diperkukuh, terutama dalam aktiviti pengawasan dan penguatkuasaan serta keberadaan di laut bagi melindungi kepentingan sosioekonomi negara dan keselamatan.

Diplomasi pertahanan akan dipergiat melalui kerjasama dua hala dan pelbagai hala bagi mengurang dan mengelakkan konflik. Kerjasama dengan negara luar dan rakan strategik akan diperkukuh melalui MoU dan memorandum perjanjian (MoA), termasuk menggalakkan latihan dan eksesais secara bersama. Kerjasama ini akan membolehkan perkongsian pengalaman dan maklumat, memperoleh pengetahuan teknikal serta memperkukuh rangkaian dan hubungan antarabangsa. Dasar industri

pertahanan dan keselamatan negara akan digubal untuk menyediakan hala tuju yang menyeluruh bagi mengurangkan kebergantungan aset dan peralatan dari luar negara. Dasar ini akan memberi tumpuan kepada pembangunan produk dan perkhidmatan, pembangunan bakat, penerimagunaan teknologi serta aktiviti R&D, seterusnya akan mengurangkan kebergantungan yang tinggi terhadap sumber asing.

Strategi A2

Meningkatkan Usaha Pencegahan Jenayah, Rehabilitasi dan Kesiapsiagaan Menghadapi Kecemasan serta Menjaga Kebajikan Anggota

Langkah bagi memperkukuh keselamatan dan ketenteraman awam akan ditumpu kepada menambah baik usaha mencegah jenayah, membanteras penyalahgunaan dan pengedaran dadah serta mengekang pemerdagangan orang. Di samping itu, pengurusan dan operasi penjara akan ditambah baik untuk menyediakan program koreksional dan pemulihan yang lebih berkesan. Langkah juga akan diambil untuk menambah baik respons dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan. Kebajikan anggota ATM dan penguat kuasa akan dibela untuk meningkatkan prestasi anggota dalam melaksanakan tugas.

Menambah Baik Usaha Mencegah Jenayah

Usaha mencegah jenayah akan terus dipergiat melalui pelaksanaan pelbagai program yang melibatkan PDRM, CSO, sektor swasta dan rakyat. Program PDRM omnipresence termasuk URB dan MPV akan dipertingkat, manakala program *Community Policing* akan diperkukuh termasuk melalui kerjasama dengan CSO, sektor swasta dan komuniti setempat. Program Bandar Selamat yang mengandungi elemen reka bentuk persekitaran dalam pencegahan jenayah seperti pemasangan lampu jalan, cermin keselamatan anti jenayah dan kamera litar tertutup akan diteruskan. Kerjasama erat antara agensi penguat kuasa, ATM, pihak berkuasa tempatan (PBT) dan komuniti akan dipertingkat untuk perkongsian maklumat yang lebih berkesan bagi mengurangkan jenayah dan kekacauan. Inisiatif ini juga akan menggalakkan usaha dalam mencapai pembinaan negara bangsa.

Kempen dan program kesedaran awam melalui media sosial akan dipergiat untuk meningkatkan kesedaran mengenai pencegahan jenayah. Media sosial juga akan dimanfaatkan sebagai platform antara orang awam dengan agensi penguat kuasa bagi menggalakkan pertukaran maklumat berkaitan jenayah. Program bina upaya anggota penguat kuasa juga akan diperkukuh, terutama dalam bidang perisikan, penyiasatan dan pendakwaan.

Pelan tindakan nasional untuk mencegah dan memerangi keganasan ekstremisme akan dibangunkan sebagai panduan untuk memastikan tindak balas yang pantas terhadap ancaman keganasan dan ekstremisme. Perkongsian rangkaian dan maklumat dengan agensi dalam dan luar negara serta syarikat telekomunikasi akan diperkukuh bagi membendung pergerakan pengganas. Program kesedaran dan deradikalisasi melibatkan agensi yang berkaitan akan dipertingkat.

Platform perkongsian yang bersepadu dalam kalangan ATM dan agensi penguatkuasaan yang lain akan dibangunkan untuk menambah baik keberhasilan penyiasatan jenayah siber. Keupayaan anggota akan dipertingkat untuk memerangi jenayah siber dengan memberi tumpuan kepada penyiasatan jenayah, perisikan dan pertahanan siber serta pengawasan dalam talian. Penglibatan agensi keselamatan dan penguatkuasaan akan dipergiat, terutama ATM dan PDRM dalam mengekang ancaman jenayah siber seperti *Macau Scam*, penipuan e-dagang dan perjudian dalam talian. Kerjasama melalui perjanjian dua hala dan pelbagai hala juga akan diperkukuh dalam menangani jenayah siber rentas sempadan. Program sokongan akan dipergiat bagi meningkatkan kesedaran orang awam mengenai jenayah dan keselamatan siber.

Membanteras Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah

Undang-undang berkaitan dadah akan disemak semula bagi memperluas definisi dadah dan bahan terlarang bagi merangkumi NPS dan ketum. Di samping itu, peruntukan undang-undang yang berkaitan akan dipinda supaya penagih dadah yang tidak terlibat dengan jenayah tidak disenaraikan dalam daftar penjenayah dan orang yang tidak diingini. Ini akan memberi peluang kedua kepada bekas penagih untuk mendapatkan pekerjaan. Pengawasan serta operasi bersepadu dan terselaras oleh agensi penguatkuasaan yang berkaitan akan dipergiat untuk membanteras pengedaran dadah. Program penyampaian perkhidmatan alternatif (ASD) akan ditambah baik dengan menggalakkan penglibatan CSO dan sektor swasta bagi meningkatkan keberkesanan program pencegahan dadah. Program kesedaran yang menyasarkan keluarga, sekolah, IPT, tempat kerja dan komuniti akan dipergiat. Indeks bagi mengukur isu berkaitan dadah akan diperkenal untuk menambah baik proses membuat keputusan dalam membanteras penyalahgunaan dan pengedaran dadah.

Membendung Pemerdagangan Orang

Pendekatan yang lebih menyeluruh akan diterima pakai dalam membendung pemerdagangan orang bagi memastikan layanan yang adil dan saksama kepada mangsa. Ini akan merangkumi pencegahan dan pendakwaan pemerdagangan orang serta perlindungan kepada mangsa selaras dengan *United Nations Convention against Transnational Organized Crime (Palermo Protocol)*. Indikator yang menyeluruh akan dibangunkan untuk mengenal pasti mangsa dan melapor aktiviti pemerdagangan orang. Kerjasama strategik dengan CSO dan pertubuhan antarabangsa akan diperkukuh untuk menjaga dan melindungi mangsa dengan lebih baik.

Menambah Baik Pengurusan dan Operasi Penjara

Pengurusan dan operasi penjara akan ditambah baik untuk memperkemas penyampaian perkhidmatan. Pelan yang menyeluruh akan dirangka untuk menambah baik pusat tahanan serta program pemulihan dan koreksional. Keupayaan dan kemampuan anggota penjara akan dipertingkat bagi menyokong usaha ini. Penjara akan dinaik taraf untuk menyediakan persekitaran yang kondusif dan ruang yang mencukupi untuk program pemulihan. Pesalah dadah di bawah Seksyen 15 Akta Dadah Berbahaya 1952 akan ditempatkan secara berasingan dengan banduan lain dalam penjara.

Alternatif kepada pemenjaraan akan diperluas dengan mengadakan lebih banyak program percubaan dan pemulihan dalam komuniti. Ini termasuk perintah kehadiran wajib, hukuman tertunda, parol harian, tahanan di rumah, perintah parol mahkamah dan pengawasan penjara. Di samping itu, perkongsian strategik dalam kalangan CSO, sukarelawan dan majikan akan dipertingkat terutama dalam program integrasi semula banduan ke dalam masyarakat dan program latihan industri pintar dengan kerjasama sektor korporat. Inisiatif ini akan menggalakkan penerimaan semula bekas banduan atau orang yang diparol ke dalam masyarakat.

Menambah Baik Kesiapsiagaan Menghadapi Kecemasan

Fasiliti dan aset akan dinaik taraf bagi meningkatkan keupayaan agensi dalam menyediakan perkhidmatan kecemasan. Penyertaan sukarelawan komuniti setempat dalam *Civil Defence Emergency Response Team–Community* (CDERT-C) akan digalakkan dengan meningkatkan kesedaran tentang pentingnya semangat kesukarelawanan. Sukarelawan ini akan dilatih untuk diiktiraf sebagai ahli tindak balas kecemasan. Selain itu, sistem panggilan kecemasan dan Sistem Penggera Awam akan dinaik taraf untuk mempercepat masa respons. Perkhidmatan bomba sukarela juga akan diperluas ke kawasan FELDA.

Menjaga Kebajikan Anggota Angkatan Tentera Malaysia dan Penguat Kuasa

Kebajikan anggota ATM dan penguat kuasa akan dibela bagi memastikan kesejahteraan anggota serta pelaksanaan tugas yang lebih berkesan. Dalam hubungan ini, kuarters akan dibina, dinaik taraf dan diselenggara bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif kepada anggota. Kuarters yang daif dan tidak selamat untuk diduduki akan dibina baharu manakala kuarters dua bilik akan dinaik taraf. Penyelenggaraan yang lebih teratur akan dipertingkat bagi memastikan kemudahan ini lebih selesa untuk didiami. Selain itu, program penjagaan kesihatan bagi anggota ATM dan penguat kuasa akan turut ditambah baik untuk meningkatkan kesihatan dan kecergasan. Langkah ini akan dapat mempertingkat kesiapsiagaan anggota dalam memenuhi arahan operasi pada bila-bila masa.

Strategi A3

Memperkukuh Tadbir Urus Keselamatan

Tadbir urus keselamatan akan diperkukuh untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan dalam mengekalkan keselamatan dan ketenteraman awam. Peranan dan fungsi Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan dimantapkan, undang-undang berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam akan disemak semula serta langkah pencegahan rasuah akan terus dipertingkat. Penyelarasan dan kerjasama dalam kalangan pihak berkepentingan serta perkongsian data dan integrasi sistem akan dipergiat. Usaha ini akan memastikan penguatkuasaan peraturan dan perundangan yang lebih baik, seterusnya meningkatkan kepercayaan kepada institusi dan memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara.

Mempertingkat Peranan dan Fungsi Majlis Keselamatan Negara

Peranan dan fungsi MKN sebagai agensi peneraju yang menyelaras dasar berkaitan keselamatan negara akan dipertingkat. Dalam hubungan ini, penyelarasan pelbagai jawatankuasa di bawah MKN akan ditambah baik bagi memastikan arahan dan langkah berkaitan dengan keselamatan dan ketenteraman awam akan dilaksana secara lebih berkesan pada peringkat Persekutuan, negeri dan daerah. Penyelarasan ini akan memberi tumpuan kepada isu keselamatan termasuk siber, jenayah rentas sempadan, wabak penyakit, bencana alam serta krisis ekonomi dan sosial. Di samping itu, Pusat Pengurusan Operasi Negara (PPON) akan diperkukuh melalui penyelarasan yang lebih baik antara pihak berkepentingan yang berkaitan serta menghubungkan semua sistem pengurusan keselamatan, pertahanan dan bencana. Ini akan membolehkan pengumpulan maklumat dengan lebih pantas dan mempercepat proses membuat keputusan serta penyelarasan yang lebih baik dalam kalangan agensi untuk menangani ancaman dan krisis.

Menambah Baik Undang-Undang Mengenai Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Beberapa undang-undang akan dipinda untuk memastikan kesesuaian dan keberkesanan bagi meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam. Ini termasuk undang-undang berkaitan jenayah merangkumi Akta Pencegahan Jenayah 1959, Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah Khas) 2012, Akta Pencegahan Keganasan 2015 dan Kanun Keseksaan 1957. Di samping itu, Akta Hasutan 1948 serta Akta Percetakan dan Penerbitan 1984 akan disemak semula.

Memperkukuh Langkah Pencegahan Rasuah

Beberapa langkah pencegahan rasuah akan diperkukuh meliputi semua agensi penguatkuasaan dan ATM. Ini termasuk pelaksanaan piawaian Sistem Pengurusan Antirasuah yang digariskan di bawah Pelan Antirasuah Nasional secara mandatori. Bagi mengurangkan risiko rasuah, semua agensi penguatkuasaan di bawah Kementerian Dalam Negeri dikehendaki melaksana Sistem Pemprofilan Pengambilan bagi jawatan berisiko tinggi dan sensitif. Pusingan kerja juga akan dilaksana secara mandatori.

Menambah Baik Penyelarasan dan Kerjasama

Keberkesanan penyelarasan dan kerjasama adalah penting dalam kalangan semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam memelihara keselamatan negara. Ini akan dilaksana dengan menggalakkan tadbir urus yang baik dalam kalangan agensi penguatkuasaan. Majlis perundingan keselamatan dan ketenteraman awam akan ditubuhkan untuk menyelaras usaha menangani ancaman keselamatan dan sebagai platform perkongsian pengetahuan dalam kalangan pakar keselamatan. Selain itu, majlis ini akan menilai keberkesanan dasar dan program serta perundangan dan prosedur sedia ada berkaitan keselamatan dan ketenteraman.

Bagi menangani jenayah rentas sempadan, usaha bersepadu akan dilaksana untuk menyatukan pelbagai mandat dan kuasa ATM serta semua agensi penguatkuasaan berkaitan kawalan sempadan termasuk di semua pintu masuk. Dalam hubungan ini, pengurusan keselamatan dan penguatkuasaan, termasuk pergerakan orang dan barangan akan diperkukuh melalui penubuhan agensi tunggal sempadan. Pelan tindakan pengurusan dan operasi sempadan yang menyeluruh akan dirangka untuk memperkemas semua prosedur operasi penguatkuasaan sempadan.

Mempertingkat Perkongsian Data dan Integrasi Sistem

Dasar identiti digital nasional akan diperkenal bagi membolehkan pergerakan data yang dipercayai, selamat dan telus. Dasar ini akan memastikan semua sistem yang berkaitan dengan pendaftaran penduduk diintegrasi bagi membolehkan perkongsian data dalam kalangan agensi yang berkaitan. Inisiatif ini dapat menampung pertambahan data penduduk pada masa hadapan dan membolehkan penerimaan ciri-ciri tambahan identiti digital.

Bidang Keutamaan B

Mempertingkat Penyampaian Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Bagi menambah baik kesejahteraan rakyat, tumpuan yang lebih akan diberi untuk mempertingkat penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan dengan menggiatkan semula sistem penjagaan kesihatan dan kerjasama yang lebih mantap dalam penggemblengan sumber. Sistem penjagaan kesihatan akan diperkemas, manakala pembiayaan dengan menggiatkan semula sistem penjagaan kesihatan dan kerjasama yang lebih mantap dalam penggembelengan sumber kesihatan dan kesedaran awam akan diperkukuh. Teknologi baru muncul akan dimanfaatkan bagi menyokong usaha menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik. Pelaksanaan langkah ini akan menyumbang ke arah memastikan kehidupan yang sihat dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.



Strategi B1

Memperkemas Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Perkhidmatan penjagaan kesihatan akan diperkemas untuk memastikan penyampaian yang cekap dengan kos yang berpatutan kepada rakyat. Langkah akan dilaksana bagi memperkukuh dasar penjagaan kesihatan, memerangi CD dan NCD serta meningkatkan program penjagaan kesihatan untuk warga emas. Keupayaan dalam mengendali krisis kesihatan akan ditingkatkan bagi memastikan kualiti dan akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan.

Memperkenalkan Dasar Penjagaan Kesihatan

Pelan Rangka Tindakan Pembaharuan Sistem Penjagaan Kesihatan Malaysia akan diperkenal sebagai hala tuju baharu untuk mentransformasi sistem penjagaan kesihatan negara. Dalam merangka pelan rangka tindakan ini, kajian akan dijalankan untuk memantapkan landskap sektor penjagaan kesihatan. Kajian ini akan merangkumi transformasi sektor penjagaan kesihatan awam, pembaharuan peraturan sektor penjagaan kesihatan swasta dan pembiayaan kesihatan yang mampan. Beberapa dasar yang menyasarkan keperluan kesihatan khusus akan diperkenal, seperti penjagaan kesihatan oral, kesihatan mental dan imunisasi. Di samping itu, dasar keselamatan makanan akan dikaji semula untuk melindungi rakyat daripada ancaman kesihatan dan penipuan dalam rantaian bekalan makanan termasuk penyediaan, penjualan dan penggunaan makanan. Akta kualiti air minum juga akan diperkenal. Pelaksanaan semua inisiatif ini akan memastikan liputan kesihatan yang komprehensif, menjajarkan peranan pelbagai pihak berkepentingan dan menyelaras dengan lebih baik perkhidmatan penjagaan kesihatan melibatkan pendekatan keseluruhan negara.

Memerangi Penyakit Berjangkit

Program pencegahan dan intervensi akan dipergiat bagi memerangi CD, khususnya semasa wabak atau pandemik. Program kesedaran dan mitigasi mengenai penularan penyakit terutama COVID-19, HIV, denggi, TB, rabies, hepatitis B dan C akan dipertingkat dengan memberi tumpuan kepada kumpulan yang disasarkan. Program *Wolbachia*[8] akan diperluas untuk mencegah dan mengawal endemik denggi, terutama di kawasan zon merah. Pelan komunikasi yang berkesan untuk program imunisasi kebangsaan akan dilaksana untuk menghalang penyakit cegahan vaksin. Di samping itu, daftar imunisasi kebangsaan juga akan diwujudkan, manakala program imunisasi akan diperluas bagi meliputi kanak-kanak di sekolah swasta, warga emas, Orang Asli dan penduduk yang kurang mendapat liputan perkhidmatan kesihatan di Sabah dan Sarawak. Peranan PBT dalam pengurusan kesihatan awam akan dipertingkat dengan mengambil kira aspek kesihatan dalam perancangan pembangunan serta menyediakan perkhidmatan sanitasi awam dan langkah kawalan penyakit. Peraturan Kebersihan Makanan 2009 akan dipinda, manakala rangka kerja perundangan dan peraturan lain yang berkaitan akan ditambah baik bagi mengurangkan insiden penyakit bawaan makanan yang berpunca daripada perniagaan makanan sediaan di rumah.

Memerangi Penyakit Tidak Berjangkit

Usaha akan dipergiat untuk memerangi NCD, dengan memberi tumpuan kepada penyakit kanser, kardiovaskular dan *diabetis mellitus* serta masalah mental. Pelbagai program kesedaran gaya hidup sihat akan diperluas untuk meliputi lebih ramai penduduk. Perkhidmatan saringan dan diagnosis kanser kolorektal, oral, payudara dan serviks akan diperkukuh dengan menambah bilangan klinik kesihatan bergerak. Di samping itu, program kesedaran kanser akan diadakan di lebih banyak klinik kesihatan dan hospital dengan menyasarkan kumpulan berisiko tinggi bagi tujuan pengesanan awal.

Program intervensi obesiti di sekolah, IPT, tempat kerja dan pusat komuniti setempat akan dipergiat untuk meningkatkan kesedaran tentang risiko berkaitan tabiat pemakanan tidak sihat. Skop bagi cukai ke atas minuman bergula akan diperluas kepada produk minuman pracampur. Aktiviti sokongan nutrisi untuk wanita pada peringkat umur reproduktif akan dipertingkat bagi mengawal dan mencegah masalah malnutrisi beban berganda[9]. Program berhenti merokok akan terus diperkukuh di sektor awam dan swasta. Peranan Klinik *Cure and Care* sebagai *One Stop Centre for Addiction* akan diperluas untuk merangkumi program rehabilitasi bagi ketagihan alkohol.

Pelan strategik kebangsaan akan dirangka untuk menangani isu kesihatan mental, merangkumi antara lain langkah pencegahan, intervensi dan rawatan. Kempen dan perkhidmatan berkaitan kesihatan mental akan dipertingkat untuk mendidik dan meningkatkan kesedaran melalui usaha bersepadu oleh pelbagai agensi berkaitan, sukarelawan, organisasi berasaskan komuniti (CBO) dan CSO. Di samping itu, daftar bunuh diri kebangsaan[10] akan diwujudkan bagi membantu dalam merangka langkah yang berkesan untuk menangani kadar bunuh diri yang meningkat.

[8] Objektif program *Wolbachia* adalah menggantikan populasi nyamuk liar yang menyebarkan virus denggi dengan populasi nyamuk yang tidak dapat memindahkan virus denggi, *zika* atau *chikungunya* kepada manusia. Penggantian ini akan dilaksana menggunakan bakteria yang dikenali sebagai *Wolbachia*, yang ditemui secara semula jadi dalam sel kebanyakan serangga, termasuk nyamuk dan diturunkan kepada generasi seterusnya melalui telur.

[9] Situasi iaitu kekurangan nutrisi wujud bersama berat badan berlebihan atau obesiti dan penyakit tidak berjangkit yang berkaitan dengan pemakanan.

[10] Pangkalan data bersepadu antara agensi bagi merekod kes bunuh diri dan kecederaan fatal akibat tujuan membunuh diri.

Memperkukuh Program Penjagaan Kesihatan Warga Emas

Memandangkan Malaysia sedang menuju ke arah negara tua pada tahun 2030, adalah mustahak untuk menambah baik program penjagaan kesihatan warga emas. Reka bentuk fasiliti penjagaan kesihatan hendaklah mematuhi Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 2018 dan Akta Pusat Jagaan (Pindaan) 2018 untuk memenuhi keperluan warga emas. Di samping itu, penjagaan kesihatan domisiliari juga akan merangkumi perkhidmatan penjagaan kesihatan oral untuk mencegah dan merawat kanser mulut dalam kalangan warga emas. Kerjasama strategik dengan sektor swasta, IPT, CBO dan CSO akan dipertingkat untuk melaksana program pencegahan dan rawatan kendiri. Program kesedaran mengenai penuaan dan pemakanan yang sihat akan diperkukuh, termasuk di Pusat Aktiviti Warga Emas untuk mengekalkan kesihatan yang baik dalam kalangan warga emas.

Meningkatkan Kesiapsiagaan untuk Mengendali Krisis Kesihatan

Perkhidmatan penjagaan kesihatan akan diperkukuh dengan penyediaan fasiliti, perkhidmatan farmaseutikal, personel kesihatan dan kelengkapan perubatan yang lebih baik untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan dalam mengendali krisis kesihatan. Kapasiti makmal kemahiran klinikal akan ditambah baik bagi meningkatkan kecekapan personel kesihatan dalam menyediakan rawatan berkualiti terbaik. Langkah keselamatan di makmal klinikal juga akan ditambah baik untuk mematuhi sepenuhnya piawaian yang ditetapkan oleh WHO bagi memastikan keselamatan personel. Tambahan pula, personel kesihatan dan kelengkapan perubatan bagi pasukan respons kecemasan awam pelbagai bahaya akan diperkukuh di beberapa pintu masuk terpilih, terutama di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur, Sepang. Semua jabatan kecemasan, terutama di hospital negeri akan dilengkapkan dengan peralatan yang lebih baik untuk meningkatkan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Di samping itu, sistem *track and trace* farmaseutikal akan diperkenal untuk memastikan bekalan ubat-ubatan yang mencukupi dan pengedaran yang cekap ke semua fasiliti penjagaan kesihatan. Sistem ini juga akan berfungsi untuk memeriksa ketulenan ubat.

Memastikan Kualiti dan Akses kepada Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Pelan induk mengenai fasiliti dan sumber manusia akan dirangka untuk memperkukuh keupayaan dan kemampuan personel serta menambah baik fasiliti penjagaan kesihatan. Reka bentuk fasiliti penjagaan kesihatan baharu akan diteliti semula bagi memenuhi keperluan pasca COVID-19. Konsep hospital kluster akan diperluas bagi meliputi lebih banyak hospital awam, termasuk hospital pengajar dan klinik kesihatan untuk meningkatkan akses kepada perkhidmatan pakar. Kurikulum Program Latihan Pascasiswazah Kebangsaan akan dipertingkat untuk menambah baik kualiti dan meningkatkan bilangan pakar perubatan. Tumpuan juga akan diberi kepada aspek penyelenggaraan melalui pendekatan pembaikan, penggantian dan pemulihan. Ini bertujuan untuk menambah baik fasiliti penjagaan kesihatan yang uzur, terutama yang berusia melebihi 50 tahun, serta peralatan perubatan yang lapuk. Selain itu, pendekatan sewaan peralatan perubatan akan diteroka bagi membolehkan penerimagunaan teknologi yang lebih pantas dalam perolehan peralatan perubatan. Pembinaan fasiliti penjagaan kesihatan juga akan dipercepat melalui kerjasama yang lebih baik antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi memenuhi keperluan kesihatan rakyat. Bagi memastikan penduduk kawasan pedalaman mendapat akses yang saksama kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan, perkhidmatan kesihatan bergerak akan diperluas untuk merangkumi perkhidmatan makmal, x-ray dan mamogram.

Teknologi baru muncul akan dioptimumkan bagi menyediakan akses yang lebih baik kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan. Perkhidmatan e-panggilan akan terus dimanfaatkan bagi menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan ke rumah yang lebih baik. Perkhidmatan ini termasuk penghantaran ubat dan keputusan pemeriksaan kesihatan serta penyediaan pengangkutan personel perubatan untuk ujian darah dan khidmat nasihat kesihatan. Perkhidmatan klinik maya akan diperluas ke 250 klinik dalam tempoh RMKe-12 untuk menyediakan akses yang lebih baik kepada khidmat nasihat perubatan dalam talian. Aplikasi mudah alih akan diperkenal bagi membolehkan pesakit membuat janji temu serta merujuk sejarah dan preskripsi perubatan secara dalam talian. Inisiatif ini akan mengurangkan aliran pesakit dan masa menunggu di hospital. Platform e-pembayaran akan dimanfaat untuk membolehkan penggunaan e-dompet bagi pembayaran bil perubatan di klinik kesihatan awam. Dalam hubungan ini, perkhidmatan e-dompet, yang sekarang digunakan di empat klinik, iaitu Klinik Kesihatan Kuala Lumpur, Klinik Kesihatan Cheras, Klinik Kesihatan Seremban dan Klinik Kesihatan Putrajaya Presint 18, akan diperluas ke seluruh negara.

Strategi B2

Memperkukuh Pembiayaan Kesihatan dan Kesedaran Awam

Langkah akan diambil untuk menangani kenaikan kos dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti. Inisiatif akan diperkenal untuk memastikan pembiayaan penjagaan kesihatan adalah mampan dan memperkukuh liputan perlindungan kesihatan untuk kumpulan yang disasarkan. Di samping itu, literasi dan kesedaran mengenai kesihatan dalam kalangan orang awam akan dipertingkat melalui pelaksanaan pelbagai program pada semua peringkat. Pelaksanaan inisiatif ini dijangka dapat memudahkan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti.

Memastikan Kemampanan Kewangan untuk Penjagaan Kesihatan

Beban kewangan Kerajaan akan dikurangkan secara beransur-ansur dalam menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti yang mampan. Laporan *Malaysia National Health Accounts* akan diperkukuh dengan menyediakan analisis yang lebih terperinci mengenai perbelanjaan kesihatan awam untuk mengenal pasti komponen kos utama dalam sistem kesihatan. Caj penjagaan kesihatan sedia ada akan disemak semula supaya pesakit yang berpendapatan lebih tinggi dikenakan bayaran yang lebih tinggi. Subsidi untuk perkhidmatan penjagaan kesihatan akan diperkemas berdasarkan penilaian kelayakan[11]. Di samping itu, dana endowmen kesihatan kebangsaan terutama daripada wakaf akan diperkenal sebagai langkah mempelbagai sumber kewangan dan mewujudkan pembiayaan alternatif untuk penjagaan kesihatan. Beberapa pendekatan termasuk kerjasama awam swasta, sewa untuk beli, sewaan dan perkongsian fasiliti akan diteroka untuk mengurangkan kebergantungan kepada perbelanjaan Kerajaan.

Kenaikan kos bagi produk farmaseutikal dan kelengkapan perubatan membimbangkan pengguna. Inisiatif pembelian strategik sedia ada akan dipertingkat melalui perluasan pendekatan perolehan pukal dalam pembelian produk farmaseutikal dan kelengkapan perubatan. Pendekatan ini akan dilaksana melalui kerjasama dengan sektor swasta serta negara ASEAN yang lain bagi mendapat tawaran yang lebih baik dalam proses perolehan. Di samping itu, mekanisme kawalan harga ubat akan diperkenal untuk melindungi pengguna daripada penetapan harga yang tidak adil.

Memperkukuh Perlindungan Kesihatan

Usaha akan dilaksana untuk menggalakkan rakyat memiliki insurans dan takaful bagi membiayai perbelanjaan penjagaan kesihatan. Skim perlindungan sosial sedia ada di bawah Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) akan diperluas untuk melindungi pekerja di sektor bukan formal, termasuk pekerja yang terlibat dalam pertanian dan perdagangan runcit. Pekerja di bawah skim ini juga akan menikmati manfaat kesihatan. Selain itu, program PeKa B40 akan diperluas untuk menampung kos rawatan dan perkhidmatan di fasiliti penjagaan kesihatan swasta menerusi pembelian dan perjanjian perkhidmatan yang strategik bagi memastikan pembiayaan kesihatan yang lebih mampan.

Mempertingkat Literasi dan Kesedaran Mengenai Kesihatan

Dasar literasi kesihatan kebangsaan akan diperkenal bagi menambah baik pengetahuan dan pemahaman penduduk mengenai maklumat kesihatan asas dan perkhidmatan yang diperlukan. Ini juga akan membantu agensi untuk merancang pelaksanaan program yang lebih baik. Sistem pengawasan literasi kesihatan akan dibangunkan untuk menyokong pelaksanaan dasar ini. Selari dengan aspirasi Agenda Nasional Malaysia Sihat, program kesedaran penjagaan kesihatan akan dipergiat melalui pelbagai platform pada semua peringkat. Pelaksanaan KOSPEN juga akan dipergiat di tempat kerja termasuk agensi kerajaan untuk mengurangkan bilangan kes NCD. Di samping itu, fasiliti kesihatan di bawah pelbagai agensi akan dimanfaatkan, manakala program pembangunan keupayaan pemimpin komuniti akan dipertingkat untuk menambah baik literasi dan kesedaran mengenai kesihatan.

Lebih ramai murid sekolah, pelajar IPT, pemimpin tempatan dan wakil komuniti akan dilantik sebagai ejen kesihatan dan ikon kesihatan kebangsaan bagi mempromosi kesedaran mengenai kesihatan pada pelbagai peringkat. Gabungan kesihatan akan dibentuk untuk merancang kandungan dan aktiviti sukarelawan kesihatan yang lebih baik bagi meningkatkan keberkesanan. Platform media sosial akan dimanfaatkan bagi meningkatkan literasi kesihatan dan menangani maklumat mengelirukan yang memburukkan lagi isu kesihatan.

Strategi B3

Memanfaatkan Teknologi

Subsektor penjagaan kesihatan akan memanfaatkan teknologi baru muncul bagi mengurangkan kos dan prosedur yang tidak perlu. Dalam hubungan ini, lebih banyak perkhidmatan penjagaan kesihatan akan didigitalkan bagi memastikan penggunaan maklumat yang lancar dan menyelesaikan isu sistem maklumat kesihatan yang tidak bersepadu. Di samping itu, penyelidikan, pembangunan dan inovasi akan dimanfaatkan untuk memastikan penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang lebih baik.

Mendigitalkan Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Inisiatif Rekod Perubatan Elektronik (EMR) akan dilaksana secara berfasa untuk memastikan aliran maklumat pesakit yang lancar antara fasiliti penjagaan kesihatan dan akan mewujudkan rekod kesihatan sepanjang hayat. Beberapa sistem maklumat khusus akan diperkenal terutama berkaitan kesihatan persekitaran, air, sanitasi dan kebersihan untuk mengumpulkan maklumat bagi tujuan pengawasan dan pengauditan kesihatan. Dalam hubungan ini, analitis data raya (BDA), risikan perniagaan dan perubatan kepersisan akan dimanfaatkan untuk merancang dan membuat keputusan yang lebih baik. Di samping itu, sistem maklumat keselamatan makanan bersepadu, sistem logo mengenai pilihan makanan dan minuman yang lebih sihat serta pangkalan data berkaitan komposisi makanan akan dibangunkan untuk menyediakan maklumat mengenai keselamatan makanan, komposisi ramuan dan kandungan nutrisi.

[11] Penentuan sama ada seseorang atau keluarga layak mendapat bantuan kerajaan.

Platform maya akan dibangunkan dan diintegrasi dengan *Malaysian Health Data Warehouse* (MyHDW) sedia ada bagi membolehkan perkongsian data merentas agensi kerajaan. Platform ini akan memudah cara proses membuat keputusan berasaskan bukti untuk menambah baik penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan kawalan penyakit. Inisiatif ini akan memastikan perancangan penjagaan kesihatan yang berkesan dan pelaksanaan dengan kos yang cekap.

Meningkatkan Kapasiti Penyelidikan, Pembangunan dan Inovasi

Kapasiti penyelidikan, pembangunan dan inovasi akan dipergiat untuk menambah baik sistem penjagaan kesihatan. Pusat penyelidikan dan inovasi kesihatan digital akan ditubuhkan di Institut Kesihatan Negara (NIH) untuk mempercepat pembangunan produk dan perkhidmatan penjagaan kesihatan digital yang inovatif. Di samping itu, keupayaan penyelidik akan dipertingkat melalui program latihan yang berkualiti dalam menambah baik kompetensi dan prestasi. Peranan Makmal Kesihatan Awam Kebangsaan sedia ada di Sungai Buloh akan diperkukuh melalui pembangunan sebuah pusat sebagai penyedia *External Quality Assurance (EQA)*. Pusat ini akan menyediakan penilaian bebas ke atas prestasi makmal bagi mempertingkat aspek kualiti perkhidmatan makmal kesihatan awam. Usaha juga akan dilaksana untuk meningkatkan penyelidikan saintifik dengan menjalankan kajian kohort kelahiran, penilaian kerentanan dan penyesuaian serta program pemantauan biologi manusia. Kerjasama dan perkongsian strategik, termasuk dengan sektor swasta dan rakan kongsi asing akan dipertingkat untuk memperkukuh keupayaan dan kemampuan penyelidikan dan pembangunan dalam subsektor penjagaan kesihatan.

Bidang Keutamaan C

Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik yang Berkualiti

Akses kepada rumah mampu milik yang berkualiti dan berdaya huni untuk rakyat akan terus diberi tumpuan dalam agenda pemilikan rumah negara. Penekanan akan diberi dalam menambah baik akses dan mempertingkat tadbir urus rumah mampu milik serta memastikan pembangunan perumahan yang inklusif. Strategi ini adalah sejajar dengan WKB 2030 dan Agenda 2030 yang bermatlamat untuk menyediakan akses kepada rumah yang mencukupi, selamat dan mampu milik untuk semua.



Strategi C1

Menambah Baik Akses kepada Rumah Mampu Milik

Akses yang lebih baik kepada rumah mampu milik untuk rakyat akan terus menjadi keutamaan. Inisiatif ini akan dicapai dengan menyediakan rumah mampu milik kepada kumpulan sasar, menambah baik akses kepada pembiayaan dan mengurus kos pembinaan rumah. Langkah akan terus dilaksana untuk memanfaatkan tanah milik kerajaan dan tanah wakaf yang akan membolehkan pemilikan rumah mampu milik yang lebih tinggi untuk kumpulan sasar terpilih.

Meningkatkan Bekalan Rumah Mampu Milik kepada Kumpulan Sasar

Lebih banyak rumah mampu milik akan dibina untuk kumpulan sasar terpilih. Peraturan akan diperkenal bagi mengehadkan pembelian kepada hanya sebuah rumah mampu milik bagi setiap warganegara yang layak. Pangkalan data pemilik rumah mampu milik yang komprehensif akan dibangunkan untuk memantau pemilikan rumah. Harga siling rumah mampu milik juga akan diperkenal di pasaran sekunder bagi mengawal harga rumah, khususnya di kawasan bandar. Di samping itu, dasar pemisah kepada penyewa PPR yang ingkar akan dikuat kuasa dengan tegas untuk memastikan program ini hanya memberi manfaat kepada isi rumah yang layak.

Menambah Baik Akses kepada Pembiayaan Rumah

Skim pembiayaan rumah sedia ada akan ditambah baik bagi membantu isi rumah B40 dan M40 untuk memiliki rumah. Sehubungan itu, program RTO akan diperluas untuk merangkumi rumah berharga sehingga RM500,000. RTO akan membolehkan penyewa membuat pilihan untuk membeli harta tanah yang didiami dalam tempoh lima tahun. Di samping itu, Dana untuk Rumah Mampu Milik dan Skim Perumahan Belia akan terus disediakan bagi membiayai pembelian rumah pertama.

Skim Pinjaman Perumahan akan diperkukuh bagi membantu isi rumah yang memiliki tanah untuk membina rumah mampu milik. Model kewangan baharu dengan pakej pinjaman yang lebih menarik akan diperkenal untuk meningkatkan kadar pengambilan pinjaman. Langkah juga akan dilaksana untuk membantu pemilik rumah yang berhadapan dengan situasi rumah akan dilelong disebabkan oleh masalah kewangan. Dalam hubungan ini, program murabaha kepada ijarah kepada murabaha (daripada milik kepada sewa kepada milik semula) akan diperkenal bagi membolehkan pemilik rumah membeli semula harta tanah yang telah dibeli oleh bank.

Mengurus Kos Pembinaan Rumah

Inisiatif akan dilaksana untuk mengurus kos pembinaan rumah mampu milik. Caj dan bayaran yang dikenakan oleh PBT dan penyedia utiliti untuk pembinaan rumah mampu milik akan diseragamkan. Selain itu, model untuk pembangunan rumah mampu milik berasaskan mekanisme perkongsian kos akan diperkenal melalui kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta pemaju swasta. Insentif Sistem Binaan Berindustri (IBS) sedia ada akan disemak semula untuk menggalakkan pemaju menggunakan teknologi IBS bagi mengawal kos dan meningkatkan kecekapan.

Memanfaatkan Tanah yang Dimiliki oleh Kerajaan dan Tanah Wakaf

Langkah akan dilaksana untuk memanfaatkan tanah yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, tanah wakaf dan penyedia utiliti untuk membina rumah mampu milik. Undang-undang mengenai pembangunan tanah wakaf akan diperkenalkan di peringkat Persekutuan yang akan menjadi garis panduan berkaitan pembangunan tanah wakaf di seluruh negara. Kerajaan Persekutuan akan terus bekerjasama rapat dengan majlis agama Islam negeri dan pihak berkepentingan lain mengenal pasti tanah wakaf yang sesuai untuk pembangunan perumahan. Di samping itu, tanah milik syarikat utiliti awam yang sesuai akan dikenal pasti untuk membina rumah mampu milik, terutama di kawasan bandar dan pinggir bandar. Setakat ini, tiga loji rawatan kumbahan telah dikenal pasti untuk pembangunan tersebut.

Garis panduan pembangunan semula perumahan akan dirangka menggunakan model kerjasama awam dan swasta untuk membangunkan semula perumahan awam, terutama flat usang dan kuarters kerajaan yang lama atau terbiar yang tidak ekonomik untuk dibaiki. Garis panduan ini akan memudahkan pembangunan semula kawasan perumahan kos rendah bagi menambah bilangan rumah yang lebih berkualiti. Di samping itu, rumah mampu milik akan dibina berdekatan dengan terminal pengangkutan bagi meningkatkan mobiliti dan ketersambungan. Sehubungan itu, penyediaan rumah mampu milik akan diambil kira dalam perancangan pembangunan perbandaran baharu.

Strategi C2

Mempertingkat Tadbir Urus

Tadbir urus rumah mampu milik akan dipertingkat untuk menambah baik perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan projek rumah mampu milik pada peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan. Keupayaan institusi membina rumah mampu milik, menguatkuasakan piawaian perumahan dan memantapkan peraturan dan perundangan bagi melindungi pembeli dan penyewa rumah akan diperkukuh. Ini akan membantu memastikan penyediaan rumah yang berkualiti dan menambah baik daya huni untuk kumpulan sasar.

Memperkukuh Keupayaan Institusi untuk Membina Rumah Mampu Milik

Pusat data perumahan yang mengintegrasi data perumahan daripada Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta pemaju swasta akan dibangun untuk memperkukuh keupayaan institusi. BDA akan dimanfaat bagi memudah cara penggubalan dasar berasaskan bukti dalam membangunkan projek perumahan. Di samping itu, sistem pengurusan perumahan yang bersepadu akan dibangunkan sebagai platform pendaftaran tunggal bagi memohon dan memproses permit iklan serta jualan.

Menguatkuasakan Piawaian Perumahan Negara

Piawaian Perumahan Berkualiti (PPB) akan dikuat kuasa bagi memastikan kualiti rumah mampu milik. PPB menetapkan Standard Perumahan Kebangsaan[12] sebagai piawaian rujukan dalam pembinaan rumah mampu milik yang berkualiti. Selain itu, Sistem Penilaian Kualiti untuk Kerja Pembinaan Bangunan (QLASSIC) akan dijadikan mandatori di bawah PPB. QLASSIC akan dijadikan sebagai prasyarat kelulusan kebenaran merancang. Penilaian yang dijalankan di bawah QLASSIC akan berasaskan kepada kualiti kemasan kerja bagi rumah yang dibina.

[12] Standard yang dibangunkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB). Standard ini menetapkan piawaian minimum dalam penyediaan rumah berkualiti di Malaysia dan menjadi garis panduan standard dalam perancangan, reka bentuk dan pembinaan projek perumahan mampu milik.

Memantapkan Peraturan dan Perundangan bagi Melindungi Pembeli dan Penyewa

Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1966 akan dipinda bagi menambah baik peraturan dan perundangan perumahan sedia ada untuk melindungi pembeli rumah. Tindakan yang lebih tegas akan dikenakan ke atas pemaju yang tidak bertanggungjawab dan individu yang bersekutu dengan syarikat yang menyebabkan projek perumahan terbengkalai dan yang menganiaya pembeli rumah. Akta pembangunan komersial akan diperkenal bagi melindungi kepentingan pemilik hartanah kecil dalam projek pembangunan komersial. Akta ini akan menangani isu berkaitan pembangunan beberapa jenis harta tanah di bawah projek komersial seperti studio, dupleks dan *small office and home office* (SOHO) yang tidak menepati keperluan bagi rumah mampu milik. Selain itu, dalam usaha untuk menambah baik pasaran rumah sewa, akta penyewaan perumahan akan diperkenal bagi menentukan hak pemilik dan penyewa.

Strategi C3

Memastikan Perumahan yang Inklusif

Langkah akan diambil untuk memastikan penyediaan perumahan mampu milik adalah inklusif. Bagi tujuan ini, pembinaan rumah mampu milik akan dijadikan prasyarat dalam pembangunan perbandaran baharu. Di samping itu, komuniti akan digalakkan untuk menerima pakai amalan terbaik di bawah Dasar Komuniti Negara (DKN), Dasar Kebersihan Negara dan Pengasingan Sisa di Punca bagi meningkatkan daya huni.

Memastikan Rumah Mampu Milik dalam Pembangunan Perbandaran Baharu

Pembinaan rumah mampu milik akan dijadikan keutamaan dalam pembangunan perbandaran baharu, menjadikannya mudah diakses oleh isi rumah berpendapatan rendah. Objekif untuk memaksimumkan keuntungan dijadikan keutamaan dalam sebilangan projek pembangunan menyebabkan rumah mampu milik tidak mencukupi. Sehubungan itu, garis panduan nasional akan dirangka sebagai rujukan kepada kerajaan negeri untuk membangunkan rumah mampu milik dalam perbandaran baharu. Ini bertujuan meningkatkan keterangkuman dengan memastikan rakyat daripada pelbagai segmen pendapatan mendiami perbandaran tersebut.

Menerima Pakai Amalan Terbaik untuk Meningkatkan Daya Huni

DKN yang dilancarkan pada tahun 2019 bermatlamat untuk memupuk semangat perpaduan bagi membolehkan anggota komuniti hidup dalam persekitaran yang kondusif dan harmoni. Inisiatif DKN akan diperluas ke seluruh negara untuk menggalakkan komuniti lebih aktif dalam memastikan persekitaran adalah selamat dan bersih. Komuniti setempat dan badan pengurusan kediaman akan dilengkapi dengan kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan dan menganjurkan program kemasyarakatan dengan berkesan. Peranan badan pengurusan bersama dan perbadanan pengurusan akan diperkukuh dengan pindaan Akta Pengurusan Strata 2013.

Persekitaran tempat tinggal yang lebih kondusif akan disediakan melalui perluasan amalan terbaik seperti yang digariskan dalam DKN, Dasar Kebersihan Negara dan Pengasingan Sisa di Punca. Pemaju swasta akan digalakkan mengguna pakai konsep reka bentuk sejagat dalam projek perumahan untuk memenuhi keperluan kumpulan sasar khusus, terutama OKU dan warga emas. PBT juga akan digalakkan membina lebih banyak kemudahan mesra persekitaran, termasuk taman awam dan ruang rekreasi, terutama di kawasan kediaman berkepadatan tinggi.

Bidang Keutamaan D

Memanfaatkan Sukan dalam Membina Masyarakat yang Aktif

Sukan akan terus dimanfaatkan sebagai medium untuk membina masyarakat yang aktif. Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030) yang merupakan kesinambungan daripada Dasar Sukan Negara 2009 akan diperkenal untuk menetapkan hala tuju baharu bagi menjadikan Malaysia negara bersukan menjelang 2030. Langkah akan diambil bagi menggalakkan sukan untuk kehidupan aktif dan sihat, meningkatkan kecemerlangan sukan dan membangunkan industri sukan sebagai sumber pertumbuhan baharu. Strategi ini akan membolehkan rakyat Malaysia mengamalkan gaya hidup aktif, meningkatkan penyertaan Malaysia dalam sukan pada peringkat antarabangsa dan melonjakkan sumbangan industri sukan kepada ekonomi.



Strategi D1

Menggalakkan Sukan untuk Kehidupan Aktif dan Sihat

Usaha bersepadu akan dilaksana untuk mempromosi budaya sukan bagi membina masyarakat yang aktif dan sihat. Usaha ini termasuk mempertingkat kebolehcapaian kepada kemudahan sukan, memperkukuh badan sukan berasaskan komuniti dan menggalakkan penyertaan yang inklusif dalam sukan. Pelaksanaan usaha ini akan menyokong Matlamat 3 Agenda 2030 bagi memastikan kehidupan yang sihat dan menggalakkan kesejahteraan serta menyokong prinsip inklusiviti di bawah WKB 2030.

Mempertingkat Kebolehcapaian kepada Kemudahan Sukan

Pelan kebangsaan akan diperkenal untuk menyediakan panduan komprehensif bagi pembinaan, pengurusan dan penyelenggaraan kemudahan sukan awam. Sistem berpusat akan dibangunkan untuk mengurus kemudahan ini dan memastikan penggunaan yang optimum. Sistem tempahan dalam talian yang bersepadu, termasuk aplikasi mudah alih akan dibangunkan bagi membolehkan akses yang lebih luas kepada kemudahan sukan awam.

Libat urus berterusan dengan PBT dan pemimpin komuniti akan dilaksana untuk memastikan pembangunan kemudahan sukan dan kawasan rekreasi baharu berdasarkan keperluan komuniti setempat. Kemudahan sukan awam sedia ada juga akan dinaik taraf dan disenggara dengan baik untuk mengoptimumkan penggunaan. PBT pula akan digesa untuk melaksana penyenggaraan berkala bagi kemudahan sukan dan rekreasi di bawah bidang kuasa masing-masing. Di samping itu, sektor swasta dan badan sukan akan digalakkan bagi menyediakan lebih banyak kemudahan sukan untuk kegunaan awam.

Memperkukuh Badan Sukan Berasaskan Komuniti

Badan sukan berasaskan komuniti akan diperkukuh untuk menganjurkan acara sukan dan mempromosi gaya hidup aktif dengan lebih berkesan. Pengurusan badan sukan ini akan diperkukuh melalui program pembangunan keupayaan untuk mempertingkat kemahiran kepimpinan, pengurusan kewangan dan pentadbiran. Sistem penarafan akan diperkenal bagi menggalakkan kecemerlangan pengurusan dalam kalangan badan sukan berasaskan komuniti. Langkah ini akan membantu badan sukan tersebut dalam menggalakkan gaya hidup aktif dan mengenal pasti bakat baharu pada peringkat akar umbi.

Menggalakkan Penyertaan yang Inklusif dalam Sukan

Kemudahan khusus untuk memenuhi keperluan kumpulan sasar seperti OKU, warga emas dan wanita akan disediakan dalam pembangunan kemudahan sukan dan kawasan rekreasi baharu. Penganjur acara sukan pula akan dikehendaki untuk menganjurkan program khusus bagi menggalakkan penyertaan kumpulan sasar ini. PBT juga akan digalakkan untuk menganjurkan lebih banyak aktiviti sukan bagi kumpulan ini pada peringkat komuniti. Di samping itu, pelan tindakan nasional bagi meningkatkan penyertaan wanita dalam sukan akan diperkenal. Pelan ini bukan hanya akan mempromosi kesedaran bersukan dalam kalangan wanita, tetapi juga memudah cara penyediaan keperluan khusus wanita termasuk mempertingkat keselamatan dan ketenteraman di kemudahan sukan. Usaha yang intensif juga akan dilaksana untuk memupuk budaya bersukan dalam kalangan kanak-kanak dan belia dengan menambah baik program sukan dan sukatan pelajaran di sekolah dan IPT. Kempen kesedaran, terutama melalui platform digital dan acara sukan akan dilaksana untuk menggalakkan penyertaan sukan dalam kalangan kumpulan sasar.

Strategi D2

Meningkatkan Kecemerlangan Sukan

Beberapa inisiatif akan dilaksana untuk memastikan atlet kebangsaan terus cemerlang dalam pertandingan sukan. Oleh itu, tumpuan akan diberi untuk memperkukuh tadbir urus SPT, mempertingkat prestasi atlet, menambah baik perkhidmatan sokongan untuk sukan serta meningkatkan kesejahteraan atlet. Usaha ini akan melonjakkan prestasi negara dalam sukan dan membolehkan atlet kebangsaan mendapat pengiktirafan antarabangsa.

Memperkukuh Tadbir Urus Sukan Berprestasi Tinggi

Dasar Sukan Negara akan disemak semula untuk merangkumi, antara lain langkah memperkukuh pentadbiran dan pengurusan persatuan sukan kebangsaan (NSA). Profesionalisme NSA akan ditingkatkan melalui program pembangunan keupayaan. NSA juga akan digalakkan untuk menggaji bekas atlet kebangsaan bagi memanfaatkan pengalaman dan kemahiran. Sekretariat Wanita dalam Sukan akan ditugaskan, antara lain untuk memastikan lebih ramai wanita, terutama bekas atlet kebangsaan dilatih sebagai jurulatih berkelayakan dan memegang jawatan dalam entiti SPT.

Mempertingkat Prestasi Atlet

Sokongan untuk atlet SPT akan terus dipertingkat bagi memastikan prestasi yang konsisten. Penyertaan atlet SPT dalam program latihan khusus dan kejohanan kompetitif pada peringkat tempatan dan antarabangsa akan dipertingkat. Kerjasama dengan NSA akan diperkukuh untuk menganjurkan lebih banyak kejohanan bertaraf antarabangsa bagi memberi pendedahan yang mencukupi kepada atlet kebangsaan untuk bersaing. Lebih banyak kemudahan latihan yang dikhususkan untuk SPT akan dibina bagi meningkatkan kebolehcapaian dan ketersediaan tempat latihan untuk atlet. Bagi meningkatkan bilangan bakat sukan, program khusus mengenal pasti bakat akan dijalankan di sekolah dan IPT. Majlis Sukan Negeri akan diperkasa dalam mengenal pasti dan melatih bakat baharu melalui pewujudan semula unit SPT.

Menambah Baik Perkhidmatan Sokongan untuk Sukan

Pendekatan menyeluruh akan diambil untuk menambah baik perkhidmatan sains dan perubatan sukan bagi menyokong keseluruhan pembangunan sukan. Langkah ini termasuk menyemak semula dasar semasa untuk memudah cara perkembangan sains sukan dan menyediakan insentif bagi perolehan peralatan sains dan perubatan sukan. Teknologi baru muncul, termasuk BDA akan diguna untuk meningkatkan dan memantau prestasi atlet. Usaha juga akan diteruskan untuk menggalakkan R&D&C&I dalam sains sukan. Kapasiti Pusat Perubatan Sukan Negara akan diperluas bagi menyediakan lebih banyak perkhidmatan.

Mempertingkat Kesejahteraan Atlet

Kesejahteraan atlet akan diberi lebih perhatian dengan menyediakan peluang pendidikan, pembangunan kerjaya dan perlindungan sosial yang lebih baik. Kerjasama dengan IPT akan diperkukuh bagi menyediakan lebih banyak peluang kepada atlet melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi. Program pembangunan keupayaan akan dipergiat untuk membolehkan atlet terlibat dalam perniagaan berkaitan sukan dan menceburi profesion seperti jurulatih, pelatih peribadi dan pegawai teknikal. Kajian akan dijalankan bagi memperkenalkan perlindungan sosial dalam meningkatkan kesejahteraan atlet termasuk selepas persaraan.

Strategi D3

Membangunkan Industri Sukan

Industri sukan akan dipromosi sebagai sumber pertumbuhan baharu untuk membantu pembangunan sosioekonomi rakyat. Langkah akan ditumpu kepada menambah baik ekosistem industri sukan dan membangunkan segmen pelancongan sukan. Langkah ini akan menyediakan persekitaran yang kondusif kepada industri untuk berkembang, mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan serta mempromosi Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk pelancongan sukan.

Menambah Baik Ekosistem Industri Sukan

Ekosistem industri sukan akan ditambah baik dengan memperkenalkan dasar yang bersesuaian serta menggubal undang-undang dan peraturan bagi memudah cara pembangunan industri sukan yang mampan. Dasar ini akan menyediakan hala tuju untuk pembangunan industri. Jawatankuasa penyelarasan akan ditubuhkan bagi mempromosi industri sukan sebagai sumber pertumbuhan baharu. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh pihak berkepentingan berkaitan termasuk pemain industri. Pendekatan BDA juga akan diguna pakai untuk memudah cara proses membuat keputusan berasaskan maklumat.

Usaha akan dilaksana bagi menggalakkan usahawan tempatan menceburi industri pembuatan dan pemasaran barangan sukan serta penganjuran acara sukan dan pengurusan kemudahan sukan. Usahawan akan disokong dengan mewujudkan persekitaran yang kondusif, termasuk menyediakan akses kepada pembiayaan untuk mengembangkan perniagaan dan meningkatkan daya saing. Perniagaan sukan tempatan, terutama perusahaan kecil dan sederhana akan digalakkan bagi menyertai pelbagai pameran perdagangan dan acara sukan tempatan dan antarabangsa untuk mempamerkan produk dan perkhidmatan. Aktiviti promosi juga akan dipergiat bagi mewujudkan kesedaran pengguna mengenai produk dan perkhidmatan sukan tempatan. Sektor swasta juga akan digalakkan memain peranan yang lebih besar dalam menganjurkan acara sukan dan menyediakan peluang perniagaan kepada usahawan tempatan.

Mempromosi Pelancongan Sukan

Pelancongan sukan akan dipromosi untuk memacu pertumbuhan industri sukan dengan menjadi tuan rumah atau menganjur acara sukan seperti sukan rekreasi, *e-sports* dan sukan lasak. Dalam hubungan ini, usaha akan dipergiat supaya penganjuran acara sukan bertaraf antarabangsa diadakan di Malaysia bagi menarik peserta dan penonton dari dalam dan luar negara. Selain itu, pakej pelancongan akan disediakan kepada peserta dan penonton untuk merasai pengalaman mengenai budaya dan hospitaliti tempatan. Sektor swasta juga akan digalakkan untuk melabur dalam kemudahan sukan yang mematuhi piawaian antarabangsa. Usaha ini akan meletakkan Malaysia sebagai pusat acara sukan utama serta destinasi pelancongan pilihan di rantau ini.

Bidang Keutamaan E

Memperkukuh Perpaduan untuk Negara Makmur

Pendekatan keseluruhan negara adalah penting bagi menjadikan Malaysia sebuah negara yang lebih makmur berasaskan kepercayaan, perpaduan dan toleransi. Usaha akan ditumpu untuk menerima kepelbagaian masyarakat sebagai aset negara, membina masyarakat yang lebih toleran serta memperkukuh tadbir urus untuk kesepaduan sosial dan perpaduan rakyat. Langkah ini akan membantu dalam membina negara yang makmur, masyarakat yang lebih bersatu dan harmoni serta menyumbang kepada pembinaan negara bangsa.



Strategi E1

Menerima Kepelbagaian Sebagai Aset

Usaha berterusan akan dilaksana untuk memastikan rakyat menerima, menghargai dan meraikan kepelbagaian. Objektif utama adalah untuk membina masyarakat yang lebih bersatu, makmur dan harmoni. Langkah akan diambil bagi menggalakkan interaksi sosial dan memanfaatkan pelbagai platform pendidikan bagi memelihara kepelbagaian dan memperkukuh perpaduan.

Menggalakkan Interaksi Sosial

Interaksi sosial akan digalakkan dengan menambah baik dan memperluas program perpaduan seperti program Kawasan Rukun Tetangga dan Skim Rondaan Sukarela. Lebih banyak program kebudayaan dan sambutan perayaan akan dianjurkan untuk memupuk persefahaman dan memberi pendedahan kepada rakyat, terutama belia dan kanak-kanak mengenai adat dan budaya tradisional pelbagai kumpulan etnik di Malaysia. Aktiviti di muzium, memorial dan galeri seni serta tempat bersejarah akan dipergiat untuk meningkatkan kefahaman dan memberi pendedahan kepada sejarah dan kepelbagaian budaya masyarakat. Di samping itu, aktiviti sukan akan dipromosi sebagai medium untuk memupuk perpaduan.

Sesi libat urus pada peringkat kebangsaan, negeri dan komuniti akan dipergiat, termasuk melalui sesi *town hall* dan dialog untuk menggalakkan perbincangan mengenai perpaduan dan integrasi nasional. Lebih banyak platform pengantara komuniti akan diwujudkan dengan menggunakan kemudahan sedia ada, manakala bilangan *mediator* komuniti yang bertauliah akan ditambah di seluruh negara. Langkah ini akan memudah cara dalam penyelesaian dan meredakan konflik atau perbezaan pada peringkat komuniti.

Integriti moral akan dipupuk melalui amalan ajaran agama, seterusnya menyumbang kepada pembinaan masyarakat harmoni. Sebagai contoh, program advokasi dalam menggalakkan keharmonian antara penganut agama akan diperluas, manakala rumah ibadat dan aktiviti keagamaan serta media arus perdana dan sosial akan dimanfaat untuk meningkatkan rasa hormat kepada perbezaan kepercayaan. Indeks untuk mengukur tahap keharmonian antara penganut agama dalam kalangan masyarakat pelbagai agama juga akan dibangunkan. Indeks ini akan dijadikan sebagai rujukan dalam merangka strategi berkaitan.

Memanfaatkan Platform Pendidikan

Sukatan pelajaran dan program akademik berkaitan perpaduan di sekolah dan IPT akan disemak semula dan diperkemas untuk meningkatkan keberkesanan dan kesesuaian. Program dan inisiatif untuk menggalakkan penggunaan serta untuk meningkatkan kecekapan Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan dalam masyarakat akan terus dipergiat. Langkah ini akan diambil dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan seperti institusi pendidikan, sektor swasta dan komuniti. Di samping itu, usaha akan dipergiat untuk menggalakkan rakyat mempelajari bahasa tempatan lain seperti bahasa Mandarin, Tamil dan bahasa etnik lain. Kaedah pembelajaran bahasa tempatan lain akan dipelbagai dengan memanfaatkan teknologi digital. Inisiatif ini akan membolehkan rakyat lebih memahami pelbagai adat dan budaya serta meningkatkan tahap kepercayaan antara satu sama lain. Lebih banyak program pendidikan, kempen dan libat urus akan dilaksana untuk memupuk nilai-nilai murni.

Strategi E2

Membina Masyarakat yang Lebih Toleran

Tumpuan akan diberi untuk meningkatkan persefahaman dan rasa hormat dalam membina masyarakat yang lebih toleran. Langkah akan diambil bagi memperkukuh patriotisme dan kesukarelawanan serta memanfaatkan platform digital dalam memupuk nilai-nilai murni. Langkah ini merupakan asas dalam pembinaan negara bangsa dan akan memastikan rakyat Malaysia hidup dengan aman dan harmoni.

Memperkukuh Patriotisme dan Kesukarelawanan

Pemahaman dan penghayatan terhadap Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara akan dipertingkat melalui kempen kesedaran yang lebih luas dengan memanfaatkan media digital dan platform lain. Di samping itu, pakar perlembagaan dan individu berpengaruh dalam media sosial akan dilantik sebagai ikon untuk meningkatkan tahap kesedaran patriotisme. Indeks baharu untuk menilai tahap patriotisme dalam kalangan rakyat Malaysia juga akan dibangunkan bagi membantu dalam merangka program patriotisme. Usaha akan dipergiat untuk menyebarkan maklumat mengenai sejarah Malaysia kepada setiap warganegara. Inisiatif seperti dokumentari pendek dan program interaktif akan ditingkatkan melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan. Program kesedaran, termasuk Kelas Bimbingan Malaysia akan diperluas di semua perwakilan luar negara yang utama untuk meningkatkan semangat patriotisme dan nasionalisme dalam kalangan rakyat Malaysia yang tinggal di luar negara.

Kesukarelawanan akan terus dipertingkat, terutama dalam kalangan belia bagi memperkukuh kesepaduan sosial dalam masyarakat. Program kesukarelawanan sedia ada akan diperluas bagi membolehkan penglibatan aktif belia dalam aktiviti sukarela. Anugerah ikon sukarelawan akan diperkenal bagi mengiktiraf sukarelawan dan individu berpengaruh dalam media sosial yang membantu Kerajaan untuk menerap semangat kesukarelawanan dan memupuk perpaduan rakyat. Platform digital akan dimanfaatkan bagi meningkatkan semangat kesukarelawanan dan perpaduan dalam kalangan belia serta mempromosi aktiviti bagi membina kesepaduan sosial dan perpaduan rakyat.

Menggalakkan Penggunaan Platform Digital Secara Beretika

Program advokasi mengenai penggunaan media digital yang beretika dan bertanggungjawab akan diperluas pada seluruh lapisan masyarakat bagi mengekalkan keharmonian. Penggunaan media digital yang beretika akan dimasukkan ke dalam program akademik yang relevan serta aktiviti kokurikulum di sekolah dan IPT. Selain itu, kerjasama dengan selebriti, individu berpengaruh dalam media sosial dan pencipta kandungan akan dipertingkat bukan sahaja bagi menyokong penggunaan media yang beretika dan bertanggungjawab tetapi juga untuk membangun kandungan yang positif dan bermakna mengenai perpaduan. Beberapa peruntukan dalam perundangan sedia ada seperti Kanun Keseksaan, Akta Hasutan 1948 dan Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 akan disemak semula dan diperkukuh bagi mengawal penyebaran maklumat berniat jahat dan hasutan serta berita palsu yang mengancam perpaduan dan keharmonian negara.

Strategi E3

Memperkukuh Tadbir Urus

Usaha untuk menggalakkan kesepaduan sosial dan mengukuhkan perpaduan rakyat memerlukan struktur tadbir urus yang mantap, dasar yang jelas dan kepemimpinan yang berwibawa. Langkah akan diambil untuk merangka dasar dan memperkukuh kerjasama antara pihak berkepentingan dalam menambah baik tadbir urus bagi kesepaduan sosial dan perpaduan. Pemimpin dan CSO juga akan digalakkan menyertai pelbagai program secara aktif untuk mengukuhkan perpaduan.

Menggubal Dasar Mengenai Perpaduan

Dasar nasional mengenai perpaduan akan diperkenal untuk menggalakkan kesepaduan sosial dan keharmonian serta memanfaatkan kepelbagaian sebagai aset bagi memperkukuh perpaduan rakyat. Dasar ini akan menggariskan tiga teras bagi meneraju agenda perpaduan, iaitu membina rakyat yang patriotik dan demokratik, membentuk identiti nasional serta memperkukuh ekosistem perpaduan. Pelan tindakan juga akan diperkenal untuk menterjemahkan dasar melalui pelaksanaan program dan inisiatif khusus merentasi pelbagai sektor dan agensi bagi memupuk, mengukuh dan memelihara perpaduan rakyat. Lebih banyak program peningkatan keupayaan akan diadakan bagi memperkukuh kompetensi dan membangunkan pakar rujuk dalam bidang perpaduan.

Memperkukuh Kerjasama antara Pihak Berkepentingan

Selaras dengan pendekatan keseluruhan negara, kerjasama antara Kerajaan dengan sektor swasta dan CSO akan dipergiat untuk menggalakkan kesepaduan sosial, perpaduan, patriotisme dan kesukarelawanan. Lebih banyak sesi libat urus dan program perkongsian pintar akan dilaksana untuk memastikan penyertaan yang inklusif serta menggalakkan jalinan kerjasama yang lebih baik. Kemudahan awam seperti Pusat Rukun Tetangga, Kompleks Perpaduan, Pusat Komuniti Desa, Pusat Khidmat Masyarakat dan Pusat Aktiviti Warga Emas akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk menggalakkan interaksi sosial.

PBT dan CSO akan digalakkan untuk menganjurkan program berkaitan perpaduan seperti dialog, perbincangan kumpulan fokus dan kempen mengenai maklumat awam secara proaktif. Program latihan dan pembangunan keupayaan bagi personel PBT dan ahli CSO akan dipergiat untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran sebagai pengantara, pendamai dan perunding berkaitan perpaduan. CSO akan digalakkan untuk mempelbagai sumber pembiayaan daripada dana masyarakat dan sektor swasta bagi melaksana program ini.

Pemimpin adalah penggerak untuk menyebar luas semangat patriotisme dan memperkukuh perpaduan rakyat hingga ke peringkat akar umbi. Oleh itu, adalah penting bagi pemimpin untuk mengetepikan perbezaan dan mempertingkat persefahaman dalam usaha mewujudkan masyarakat yang teguh, bersatu dan makmur. Pemimpin agama akan digalakkan untuk terus memainkan peranan yang penting dalam menerapkan nilai-nilai murni dan menggalakkan masyarakat mengamalkan tingkah laku yang bertanggungjawab dan bermaruah. Pemimpin agama juga merupakan saluran penting dalam penyampaian maklumat bagi mendorong perubahan sosial. Pusat komuniti, pejabat ahli parlimen dan ahli dewan undangan negeri serta rumah ibadat akan turut dimanfaatkan sebagai tempat menyelesaikan isu komuniti dan mempromosi program perpaduan.

Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan telah diberi kepada pengukuhan pertahanan dan peningkatan keselamatan negara, kesejahteraan dan perpaduan rakyat. Langkah telah ditumpukan untuk memperkukuh keselamatan dan ketenteraman awam, mempertingkat penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan, menyediakan rumah mampu milik yang mencukupi dan berkualiti, mempromosi gaya hidup aktif dan memupuk perpaduan rakyat. Namun begitu, masih terdapat beberapa isu dan cabaran berkaitan keselamatan dan ketenteraman awam, kesihatan, perumahan, sukan dan perpaduan yang perlu ditangani. Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan dipergiat untuk memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara. Kesejahteraan dan perpaduan rakyat akan ditingkatkan dengan menambah baik penyampaian penjagaan kesihatan serta menambah bekalan rumah mampu milik yang berkualiti. Sukan akan dimanfaatkan dalam membina masyarakat aktif manakala perpaduan akan terus diberi keutamaan dalam membina masyarakat yang bersatu dan makmur serta menyumbang kepada pembinaan negara bangsa.

Bab 5

Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif



Pendahuluan 5-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 5-3

- Pencapaian Sasaran Terpilih 5-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 5-5
- Peningkatan Pendapatan B40 5-5
- Penambahbaikan Akses kepada Pendidikan untuk B40 5-9
- Pembangunan Komuniti Ekonomi Bumiputera 5-9
- Pemerkasaan Kumpulan Minoriti 5-10
- Kesejahteraan Kumpulan Sasar Khusus 5-11
- Peningkatan Kuasa Beli 5-12

Isu dan Cabaran 5-12

- Insiden Kemiskinan 5-13
- Perbezaan yang Ketara dalam Kalangan B40 5-13
- Cabaran yang Dihadapi oleh Kumpulan M40 5-14
- Ketidaksaksamaan Keberhasilan Sosioekonomi Bumiputera 5-14
- Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli yang Ketinggalan 5-15
- Ketersisihan Sosial Kumpulan Sasar Khusus 5-15

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 5-16

- Bidang Keutamaan A 5-20
  Menangani Kemiskinan dan Mengurangkan Ketidaksamarataan daripada Perspektif Pelbagai Dimensi
- Bidang Keutamaan B 5-26
  Memperkasa B40
- Bidang Keutamaan C 5-28
  Memberi Sokongan kepada M40 bagi Mewujudkan Masyarakat yang Saksama
- Bidang Keutamaan D 5-30
  Mencapai Kesaksamaan Keberhasilan Bumiputera
- Bidang Keutamaan E 5-36
  Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli
- Bidang Keutamaan F 5-38
  Memperkasa Kumpulan Sasar Khusus

Kesimpulan 5-41

5

Pendahuluan

Menangani kemiskinan dan pembangunan inklusif kekal menjadi tonggak penting dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia. Sejak Rancangan Malaysia Kedua, mengurangkan kemiskinan tegar dan meningkatkan kesejahteraan semua rakyat Malaysia tanpa mengira jantina, etnik, status ekonomi dan lokasi menjadi salah satu keutamaan dalam perancangan pembangunan. Dalam RMKe-11, peluang yang saksama disediakan bagi membolehkan rakyat menyertai dan mendapat manfaat daripada pembangunan dan pertumbuhan ekonomi. Inisiatif pembangunan inklusif merangkumi usaha meningkatkan pendapatan dan kuasa beli isi rumah B40[1] (B40), mempertingkat keupayaan Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC), memperkasa kumpulan minoriti dan menangani ketidaksamarataan. Dalam tempoh tersebut, taraf hidup telah bertambah baik berdasarkan peningkatan dalam pendapatan penengah bulanan serta penambahbaikan dalam akses kepada perkhidmatan kesihatan, infrastruktur dan kemudahan asas. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani bagi mencapai matlamat keterangkuman untuk semua. Selain daripada pendapatan, dimensi kemiskinan yang lain juga perlu ditangani. Di samping itu, beberapa isu masih menjadi cabaran, termasuk jurang yang luas antara kumpulan pendapatan, ketidaksaksamaan keberhasilan sosioekonomi dalam kalangan komuniti Bumiputera dan ketersisihan sebilangan kumpulan sasar.

RMKe-12 akan memberi tumpuan yang lebih untuk menangani kemiskinan dan keterangkuman selaras dengan prinsip tiada sesiapa yang tertinggal, dalam mencapai taraf hidup yang wajar dan memastikan keadilan sosial. Strategi ini merupakan sebahagian daripada keutamaan WKB 2030 yang menyokong komitmen untuk menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju dan makmur dengan pengagihan kekayaan yang adil dan saksama merentas kumpulan pendapatan, etnik dan rantaian bekalan. Ini adalah sejajar dengan Agenda 2030. Bagi tujuan ini, usaha bersepadu akan dilaksana bagi mengurangkan lagi insiden miskin tegar, mencapai kesaksamaan untuk semua, di samping menangani cabaran semasa dan masa hadapan termasuk impak pandemik COVID-19. Inisiatif ini dijangka akan meningkatkan pendapatan dan taraf hidup isi rumah miskin tanpa mengira etnik, B40, M40[2], Bumiputera dan Orang Asli serta memperkasa kumpulan sasar khusus.

[1] Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah. Pendapatan bulanan B40 pada peringkat nasional adalah di bawah RM4,850, berdasarkan Survei Pendapatan & Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2019 (HIES & BA 2019).

[2] Kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan. Pendapatan bulanan M40 pada peringkat nasional adalah antara RM4,850 dan RM10,959 (HIES & BA 2019).

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai usaha telah dilaksanakan untuk meningkatkan pendapatan dan kesejahteraan rakyat. Usaha yang berterusan telah dijalankan untuk memperkasa B40, termasuk golongan miskin bandar dan luar bandar, kumpulan minoriti seperti Orang Asli serta isi rumah komuniti Cina di Kampung Baru[3] dan isi rumah India yang berpendapatan rendah. Kumpulan sasar khusus seperti wanita dan kanak-kanak, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas[4] juga diberi keutamaan dalam meningkatkan kesejahteraan mereka. Di samping itu, langkah meningkatkan kuasa beli rakyat dan program untuk meningkatkan pemilikan kekayaan dalam kalangan BEC telah dilaksana.

Pencapaian Sasaran Terpilih


Dalam tempoh RMKe-11, sebanyak 10 sasaran terpilih telah dikenal pasti bagi menambah baik keterangkuman ke arah melahirkan masyarakat yang saksama dan meningkatkan kesejahteraan rakyat seperti ditunjukkan dalam *Paparan 5-1*. Satu sasaran telah tercapai, manakala empat sasaran mencatat kemajuan yang memuaskan. Lima lagi sasaran masih belum tercapai berikutan pertumbuhan ekonomi yang lebih rendah daripada jangkaan dan sistem penyampaian perkhidmatan yang kurang berkesan.

[3] Kampung yang diwujudkan di bawah Rancangan Briggs (1948-1960).
[4] Individu yang berumur 60 tahun dan ke atas seperti yang diterima pakai dalam *United Nations World Assembly on Ageing* di Vienna.

Paparan 5-1


Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih

Menurunkan Ketidakseimbangan Pendapatan secara Keseluruhan




Pekali Gini


Meningkatkan Taraf B40 ke arah Masyarakat Kelas Menengah



Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah B40




Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah B40




Insiden Kemiskinan Pelbagai Dimensi

*Berdasarkan metodologi PGK 2005


Memperkukuh Peluang Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) untuk Meningkatkan Pemilikan Kekayaan



Penyertaan Bumiputera dalam Kategori Pekerjaan Mahir




Peratusan Isi Rumah Bumiputera Memiliki Seunit Kediaman




Pemilikan Ekuiti Korporat dengan Penguasaan Berkesan oleh Bumiputera


Menangani Keperluan Kumpulan Sasar Khusus



Indeks Kesejahteraan Keluarga



Kadar Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh



Indeks Belia Malaysia

Sasaran · Prestasi · Sasaran Dicapai · SDG

Pencapaian Inisiatif Terpilih

Peningkatan Pendapatan B40

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai inisiatif telah diperkenal untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli B40 yang memberi kesan dalam penambahbaikan kedudukan sosioekonomi isi rumah secara keseluruhan. Pendapatan penengah bulanan isi rumah B40 telah meningkat daripada RM3,000 pada tahun 2016 kepada RM3,166 pada tahun 2019. Pendapatan purata bulanan isi rumah B40 pula meningkat daripada RM2,848 pada tahun 2016 kepada RM3,152 pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, pekali Gini keseluruhan meningkat kepada 0.407 berbanding 0.399 menggambarkan jurang ketidaksamarataan pendapatan yang semakin melebar.

Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) telah disemak semula pada tahun 2019 untuk menggambarkan corak perbelanjaan isi rumah dan kos sara hidup secara lebih tepat. Berdasarkan metodologi PGK tahun 2019, PGK nasional adalah RM2,208. Insiden kemiskinan mutlak telah berkurang daripada 7.6% pada tahun 2016 kepada 5.6% pada tahun 2019. Pada tahun 2019, insiden kemiskinan mutlak di kawasan luar bandar adalah 12.4% dan 3.8% di kawasan bandar. Antara daerah termiskin dalam negara adalah Tongod, Pitas, Kota Marudu, Beluran dan Kudat di Sabah, Pusa di Sarawak serta Lojing di Kelantan seperti di *Paparan 5-2*. Manakala, insiden kemiskinan relatif meningkat daripada 15.6% pada tahun 2016 ke 17% pada tahun 2019. Sejajar dengan amalan antarabangsa, Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) telah diperkenal pada tahun 2016 untuk mengukur kemiskinan daripada perspektif yang lebih inklusif. MPI mengukur kemiskinan berdasarkan empat dimensi iaitu pendapatan, pendidikan, kesihatan dan taraf hidup. MPI telah bertambah baik daripada 0.015 pada tahun 2016 kepada 0.011 pada tahun 2019, hasil pencapaian yang lebih baik dalam dimensi pendapatan dan pendidikan. Menurut DOSM, insiden kemiskinan mutlak meningkat kepada 8.4% pada tahun 2020[5] akibat pandemik COVID-19.

Paparan 5-2

Sepuluh Daerah Termiskin di Malaysia, 2019



Sumber: HIES & BA 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

[5] Simulasi DOSM adalah berdasarkan data HIES & BA 2019 dan petunjuk terpilih dari *Salaries and Wages Survey 2020*, *LFS*, *Economic Activity Survey 2020* dan *Special Survey on Effects of COVID-19 on Economy & Individual*.

Kotak 5-1

Semakan Semula Pendapatan Garis Kemiskinan

Latar belakang

Kaedah pengukuran kemiskinan yang tepat dan dikemas kini adalah penting bagi penggubalan dasar yang lebih baik bagi kemiskinan. Malaysia mengukur insiden kemiskinan isi rumah berdasarkan tiga kaedah iaitu mutlak, relatif dan pelbagai dimensi. Kemiskinan berdasarkan pendekatan mutlak diukur menggunakan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang diperkenalkan pada tahun 1977. Di bawah pendekatan ini, terdapat dua kategori kemiskinan iaitu miskin dan miskin tegar. Isi rumah yang berpendapatan di bawah separuh daripada pendapatan penengah dianggap miskin relatif. Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) mengukur kemiskinan dalam konteks yang lebih luas, melibatkan aspek pendapatan dan bukan kewangan merangkumi kesihatan, pendidikan dan kemudahan asas.

PGK merujuk kepada jumlah pendapatan bulanan isi rumah yang diperlukan untuk memenuhi keperluan minimum makanan dan bukan makanan bagi membolehkan setiap ahli isi rumah menjalani kehidupan yang sihat dan aktif. Pengukuran ini adalah berdasarkan kepada konsep kos keperluan asas seperti yang dicadangkan oleh Ravallion (1998)[1]. Konsep ini diguna pakai oleh kebanyakan negara membangun. Pengiraan PGK mengambil kira ciri-ciri demografi isi rumah, seperti saiz, umur dan jantina setiap ahli serta lokasi iaitu negeri, bandar dan luar bandar. Metodologi PGK telah disemak semula pada tahun 2005 dan 2019.

Metodologi PGK 2005

PGK 1977 telah disemak semula secara terperinci pada tahun 2005 oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dan pakar nutrisi daripada universiti tempatan dengan kerjasama *United Nations Development Programme* (UNDP). Dua komponen PGK diperkenalkan iaitu PGK makanan dan PGK bukan makanan. Keperluan pemakanan dalam PGK makanan adalah berasaskan pengambilan kalori minimum bagi setiap ahli isi rumah. Ia juga mengambil kira piramid makanan dan amalan pemakanan seimbang oleh *World Health Organization's Food* dan *Nutrition Board Recommended Dietary Allowance*. Dengan mengambil kira gender dan umur, jumlah kadar kalori yang diperlukan akan ditukar kepada item nutrien makro. Item ini kemudian diselaraskan dengan harga dalam bakul PGK makanan. Komponen bagi PGK bukan makanan pula ditentukan oleh perbelanjaan sebenar berasaskan pola perbelanjaan kumpulan isi rumah berpendapatan rendah merangkumi pakaian, perumahan, pengangkutan, barangan bukan makanan lain dan perkhidmatan. Pengukuran PGK bukan makanan juga mengambil kira faktor ekonomi bidangan dalam perbelanjaan isi rumah serta pergerakan dan perbezaan harga mengikut negeri, bandar dan luar bandar. Isi rumah berpendapatan di bawah PGK makanan adalah dikategorikan sebagai miskin tegar. PGK dikemas kini selaras dengan Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES & BA) yang dilaksana dua kali bagi setiap lima tahun.

Metodologi PGK 2019

Metodologi PGK 2005 telah dikaji semula pada tahun 2019 oleh UPE dengan kerjasama DOSM, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) serta kementerian dan agensi lain yang berkaitan. Kajian semula dilakukan bagi memastikan PGK memberi gambaran yang lebih tepat berhubung kos sara hidup semasa. Metodologi PGK 2019 masih menggunakan konsep kos keperluan asas dalam pemilihan barangan makanan dan bukan makanan. Walau bagaimanapun, pengukuran PGK makanan berubah daripada keperluan kalori minimum kepada konsep optimum minimum[2]. Bagi PGK bukan makanan, bilangan item telah meningkat daripada 106 kepada 146 berdasarkan corak perbelanjaan oleh kumpulan isi rumah berpendapatan 20% terendah (B20). PGK 2019 juga menunjukkan perubahan harga semasa bagi barangan dan perkhidmatan.

PGK Makanan

Perbezaan utama dalam metodologi 2019 berbanding metodologi 2005 adalah penggunaan konsep optimum minimum dan berasaskan garis panduan pengambilan makanan. Metodologi ini mengambil kira keperluan kalori berdasarkan jantina dan juga umur, bukan sahaja mengambil kira nutrien makro tetapi juga nutrien mikro. Keperluan kalori dan nutrien ini bagi setiap individu adalah berdasarkan Laporan Saranan Pengambilan Nutrien (RNI) untuk Malaysia (2017) oleh KKM. Keperluan ini dilaporkan mengikut bilangan sajian untuk setiap kumpulan makanan berdasarkan Piramid Makanan Malaysia 2020 seperti yang ditetapkan dalam Panduan Diet Malaysia (PDM) 2020. Ini adalah untuk menentukan kos pembelian makanan bagi sumber nutrien makro dan nutrien mikro. Keperluan kalori yang berbeza bagi sesebuah isi rumah akan memberi nilai PGK makanan yang berlainan. Nilai purata PGK makanan pada peringkat nasional pada tahun 2019 adalah RM1,169 sebulan. Contoh pengiraan PGK makanan berdasarkan kepada saiz isi rumah empat orang adalah seperti di *Rajah 1*.


[1] PGK bukan makanan adalah berdasarkan corak perbelanjaan isi rumah berpendapatan rendah.

[2] Keperluan nutrisi optimum ditetapkan berdasarkan RNI 2017 dan Piramid Makanan Malaysia 2020. Manakala minimum merujuk kepada pemilihan item makanan sebagai proksi kepada setiap kumpulan makanan berdasarkan corak perbelanjaan B20.


Rajah 1

Konsep Minimum Optimum PGK Makanan





Piramid Makanan Malaysia 2020
Panduan Pengambilan Makanan Harian



Had pengambilan lemak, minyak, gula dan garam.

Ikan: 1 hidangan
Ayam/daging/telur: 1-2 hidangan
Legum: 1 hidangan

Susu dan bahan tenusu lain: 2 hidangan

Nasi, bijiran lain, produk berasaskan bijiran penuh dan ubi: 3-5 hidangan

Sekurang-kurangnya 5 hidangan sayuran dan buah-buahan.
Buah-buahan: 2 hidangan
Sayuran: ≥ 3 hidangan



(250 ml)
6-8 gelas air kosong

Nota:
- Bilangan hidangan yang disyorkan dikira berdasarkan 1,500 kcal, 1,800 kcal dan 2,000 kcal untuk orang dewasa.
- Orang dewasa yang kurang aktif/tidak aktif harus memilih bilangan hidangan minimum.

PGK Bukan Makanan

PGK bukan makanan bagi tahun 2019 mengambil kira barangan dan perkhidmatan asas serta aspek kualiti hidup yang diperlukan oleh isi rumah berdasarkan enam kategori, iaitu pakaian, pendidikan, kesihatan, pengangkutan, perumahan dan komunikasi. Sebanyak 146 item bukan makanan telah dipilih berbanding 106 item dalam metodologi 2005. Perbelanjaan yang diambil kira termasuk kos ubat-ubatan untuk diabetes, tekanan darah tinggi dan kardiovaskular, kos yuran pengajian dan pembayaran telefon bimbit prabayar. PGK bukan makanan pada peringkat nasional adalah RM1,038 pada tahun 2019.

PGK Keseluruhan Berdasarkan Metodologi 2019

Berdasarkan pengiraan PGK makanan dan bukan makanan, PGK keseluruhan pada peringkat nasional bagi tahun 2019 ialah sebanyak RM2,208, berbanding RM2,141 pada tahun 2016[r]. PGK mengikut negeri pula adalah seperti ditunjukkan dalam *Jadual 1*.

Jadual 1

Pendapatan Garis Kemiskinan Mengikut Negeri, 2016 & 2019

Negeri	PGK 2016[r] RM	PGK 2019 (RM)
Malaysia	**2,141**	**2,208**
WP Labuan	2,676	2,633
Sabah	2,514	2,537
Terengganu	2,347	2,507
Johor	2,428	2,505
Melaka	2,272	2,375
Pahang	2,274	2,270
Kedah	2,113	2,254
WP Kuala Lumpur	2,206	2,216
Kelantan	2,054	2,139
Sarawak	2,108	2,131
WP Putrajaya	1,980	2,128
Negeri Sembilan	1,972	2,088
Perak	2,010	2,077
Selangor	1,950	2,022
Pulau Pinang	1,938	1,989
Perlis	1,957	1,967

Nota
[r] PGK 2016 disemak semula berdasarkan metodologi 2019

Program eRezeki telah diperkenal pada tahun 2016 bagi menyediakan peluang untuk menambah pendapatan B40 secara umum dan M40 di kawasan bandar melalui platform digital. Sejak mula dilaksana, seramai 354,479 peserta telah dilatih bagi memanfaatkan platform digital. Program ini menghubungkan peserta kepada lebih daripada 100 platform sumber awam dan ekonomi perkongsian yang disahkan. Melalui program ini, seramai 699,517 pengguna berpeluang menambah pendapatan. Sehingga 31 Disember 2020, pendapatan terkumpul berjumlah RM1.4 bilion. Selain itu, seramai 5,597 usahawan telah dilatih di bawah Program Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar (PEKB) yang dahulunya dikenali sebagai Program Azam Bandar. Program ini memberi peluang kepada golongan miskin bandar untuk menceburi bidang perniagaan mikro seperti salun rambut, perkhidmatan landskap dan bakeri melalui kerjasama dengan CSO. Peserta yang berjaya menamatkan program ini mampu memperoleh pendapatan purata bulanan tambahan sehingga RM600. Keusahawanan sosial telah dipupuk melalui kerjasama dengan IPT untuk menggalakkan penubuhan perusahaan sosial[6] (SE) dalam menangani isu sosioekonomi. Sejumlah 8,180 usahawan sosial telah dilatih dan 140 SE telah diwujudkan[7]. Selain itu, projek rintis Pemangkin Usahawan Sosial Hebat (PUSH) untuk melahirkan usahawan sosial telah dilaksanakan. Sebanyak 30 SE telah mengambil bahagian dalam projek ini.

Program Agropreneur Muda menyediakan bantuan kewangan dan latihan kepada usahawan untuk menceburi bidang penanaman, ternakan, perikanan dan aktiviti berasaskan pertanian. Program ini telah memberi manfaat kepada 6,969 belia B40. Selain itu, program pertanian bandar yang dijalankan di 4,556 lokasi yang melibatkan seramai 111,486 peserta telah berjaya menjana pendapatan purata bulanan tambahan sekurang-kurangnya RM300.

[6] Entiti yang menjalankan misi sosial dengan menggunakan model perniagaan yang lestari. Entiti ini berhasrat untuk memberikan impak yang mampan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat dalam aspek pendapatan, sosial dan alam sekitar.
[7] Berdasarkan data *Malaysian Global Innovation and Creativity Center* (MaGIC) pada suku pertama tahun 2020.

Penambahbaikan Akses kepada Pendidikan untuk B40

Pada tahun 2019, kuota kemasukan minimum sebanyak 60% untuk pelajar B40 memasuki Maktab Rendah Sains MARA (MRSM), Sekolah Berasrama Penuh (SBP) dan matrikulasi telah diperkenalkan. Langkah juga telah diambil untuk menggalakkan pelajar menyertai TVET dan program keusahawanan. Kira-kira 80% pelajar yang menyertai TVET dan program keusahawanan adalah daripada isi rumah B40.

Pembangunan Komuniti Ekonomi Bumiputera

Agenda pembangunan Bumiputera terus menjadi satu daripada keutamaan negara dalam meningkatkan status sosioekonomi serta memastikan kejayaan BEC. Beberapa inisiatif telah dilaksana termasuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan modal insan, mempertingkat kawalan efektif pemilikan ekuiti korporat, meningkatkan pemilikan kekayaan serta membina BEC yang berdaya tahan dan mampan.

Majlis Amanah Rakyat (MARA) memainkan peranan penting dalam memperkukuh pembangunan modal insan Bumiputera melalui institusi seperti MRSM, Kolej Profesional MARA, Kolej Kemahiran Tinggi MARA dan Universiti Kuala Lumpur. Sehingga tahun 2020, seramai 289,884 pelajar telah mengikuti latihan TVET serta program pengurusan dan profesional. Dalam tempoh 2016 hingga 2020, sejumlah 241,274 pelajar telah menamatkan pendidikan tertiari dengan sokongan daripada MARA.

Seramai 28,109 peserta telah menyertai program Peneraju Tunas, Peneraju Skil dan Peneraju Profesional yang disediakan oleh Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB), sehingga tahun 2020. Kumpulan sasar bagi program ini kebanyakannya adalah pelajar daripada isi rumah berpendapatan rendah dan keluarga yang mempunyai latar belakang yang mencabar. Di bawah program Peneraju Tunas, sebanyak 71.9% daripada 4,256 murid pada peringkat menengah di MRSM dan SBP serta 94.4% daripada 3,381 pelajar pada peringkat pendidikan tertiari berjaya mencapai keputusan peperiksaan yang memberangsangkan. Selain itu, sebanyak 89.5% daripada 9,032 peserta di bawah program Peneraju Skil dan Peneraju Profesional, telah diambil bekerja dalam beberapa bidang berkemahiran tinggi. Di bawah program Peneraju Skil Mahir, sebanyak 71.4% daripada 658 peserta menerima gaji bulanan melebihi RM3,800 yang disasarkan. Seramai 1,304 peserta pula telah mendapat kelayakan sebagai akauntan profesional, 51 sebagai Penganalisis Kewangan Bertauliah dan tiga sebagai Pengurus Risiko Kewangan di bawah program Peneraju Profesional. Program ini telah menghasilkan seramai 86 pelajar perakaunan yang menerima 113 pengiktirafan global bagi prestasi akademik yang cemerlang.

Beberapa langkah telah diambil untuk meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dengan kawalan yang efektif. Pelaburan *Assets Under Management* (AUM) oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB) yang dimiliki oleh Bumiputera telah meningkat kepada RM270 bilion pada tahun 2020 berbanding RM218 bilion pada tahun 2015. Pelaburan ini terdiri daripada pelbagai kelas aset. Aset ini terdiri daripada pelaburan dalam syarikat yang disenarai, syarikat yang tidak disenarai, harta tanah dan instrumen tunai serta instrumen pendapatan tetap. Dalam tempoh tahun 2016 hingga tahun 2020, dividen berjumlah RM52.4 bilion telah diagihkan kepada lebih 12 juta pemegang unit saham melalui lima dana unit amanah, iaitu Amanah Saham Bumiputera (ASB), ASB 2, ASB 3 Didik, Amanah Saham Nasional (ASN) dan ASN *Equity 2*. Selain itu, MARA melalui PMB *Investment* Berhad telah melabur sebanyak RM1.3 bilion dalam 15 dana unit amanah patuh syariah. Ekuiti Nasional Berhad (EKUINAS) pula telah melabur dalam 41 buah syarikat dengan pelaburan komited bernilai RM4.2 bilion dan jumlah pelaburan terkumpul yang telah direalisasi sebanyak RM3.4 bilion sejak penubuhannya pada tahun 2009. Pelaburan ini adalah dalam pelbagai subsektor dalam pendidikan, perkilangan dan perkhidmatan, minyak dan gas, peruncitan serta makanan dan minuman. EKUINAS telah mengagihkan sebanyak RM320 juta kepada Yayasan Pelaburan Bumiputera untuk memberi manfaat kepada pemegang unit amanah Bumiputera yang diuruskan oleh PNB. Bagi meningkatkan pelaburan dan pemilikan ekuiti Bumiputera, VentureTECH telah melabur sebanyak RM244 juta dalam syarikat berkaitan bioteknologi, teknologi hijau dan berasaskan bio serta teknologi baru muncul. Pelaburan ini telah mencipta nilai bersih terkumpul sebanyak RM1.1 bilion.

Peratusan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera meningkat sedikit daripada 16.2% pada tahun 2015 kepada 16.9% pada tahun 2018 berdasarkan nilai tara, seperti di *Jadual 5-1*. Pemilikan ekuiti korporat oleh bukan Bumiputera menyusut sementara pemilikan oleh pelabur asing kekal sekitar 45%. Pemilikan oleh nomini[8] meningkat dengan ketara daripada 7.8% pada tahun 2015 kepada 11.9% pada tahun 2018. Metodologi pengiraan ekuiti korporat dibuat berdasarkan nilai tara saham syarikat seperti yang dilaporkan kepada Suruhanjaya Syarikat Malaysia dan Bursa Malaysia. Pemilikan ekuiti korporat bagi tahun 2019 belum dapat dimuktamad disebabkan moratorium yang diberikan kepada syarikat untuk menyerah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan kepada SSM berikutan pandemik COVID-19.

[8] Syarikat yang menyediakan perkhidmatan sebagai penama atau pemegang amanah yang dilantik bagi pihak pemilik sebenarnya *(beneficial owner)*. Pegangan saham berdasarkan etnik tidak dapat dikenal pasti kerana pemilik sebenarnya tidak diisytiharkan.

Jadual 5-1

Pemilikan Ekuiti Sektor Korporat Mengikut Kategori, 2015 dan 2018

Kategori	Pemilikan Ekuiti (%)	
	2015	2018
Bumiputera	16.2	16.9
Bukan Bumiputera	30.7	26.3
Asing	45.3	44.9
Nomini	7.8	11.9
Jumlah	100	100

Sumber: Unit Perancang Ekonomi

Pemilikan hartanah Bumiputera menunjukkan sedikit peningkatan dalam tempoh RMKe-11. Peratusan isi rumah Bumiputera yang memiliki seunit kediaman telah meningkat sedikit daripada 73% pada tahun 2016 kepada 73.7% pada tahun 2019. Peningkatan ini adalah lebih rendah berbanding sasaran sekurang-kurangnya 75%. Pemilikan hartanah oleh Pelaburan Hartanah Berhad (PHB) telah meningkat sebanyak RM1.5 bilion dengan pemerolehan lima bangunan komersial. Jumlah saiz dana Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) telah meningkat daripada RM2 bilion pada tahun 2015 kepada RM4 bilion pada tahun 2020, manakala pemegang unit amanah telah meningkat daripada 50,000 kepada 75,070. Sejumlah 494 premis perniagaan bernilai RM238.7 juta yang dimiliki oleh Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB), MARA dan perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN) telah disewakan bagi membantu 576 usahawan Bumiputera.

Usahawan Bumiputera telah diberi pelbagai bantuan kewangan untuk membantu mereka dalam perniagaan peringkat permulaan dan pengembangan. Geran berjumlah RM485.5 juta telah diluluskan melalui dana mudah cara di bawah Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU). Dana ini telah membantu 215 syarikat Bumiputera untuk melaksana 259 projek dengan jumlah pelaburan bernilai RM3.8 bilion dan mewujudkan lebih daripada 11,000 pekerjaan baharu. Di samping itu, geran dan pinjaman daripada organisasi pembangunan usahawan (EDO) berjumlah RM2.8 bilion telah memberi manfaat kepada lebih 100,000 usahawan Bumiputera. Ini membolehkan usahawan mewujudkan 51,000 peluang pekerjaan baharu. Selain itu, TEKUN Nasional (TEKUN) telah menyalurkan pinjaman mudah sebanyak RM1.7 bilion untuk membiayai 132,650 usahawan mikro Bumiputera, terutama dalam industri asas tani dan kotej serta perniagaan runcit.

Selain MARA, beberapa agensi mandat Bumiputera termasuk TERAJU dan EKUINAS juga telah diberi mandat untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan. TERAJU berperanan sebagai sekretariat bagi Majlis Ekonomi Bumiputera yang bertanggungjawab untuk menyelaras pembangunan sosioekonomi Bumiputera. TERAJU juga dimandatkan untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dengan melaksanakan beberapa program seperti Syarikat Bumiputera Berprestasi Tinggi (TERAS), Skim Usahawan Permulaan Bumiputera (SUPERB), Dana Pembangunan Usahawan Bumiputera, Skim Jejak Jaya Bumiputera serta inisiatif *carve-out and compete*. Selain itu, peranan EKUINAS telah dijajar semula bukan sahaja untuk meningkatkan pemilikan ekuiti korporat, malah untuk mencapai keberhasilan Bumiputera yang lebih ketara melalui pewujudan pekerjaan, penyertaan dalam bidang profesional dan pengurusan serta pembangunan bakat.

Pemerkasaan Kumpulan Minoriti

Usaha bagi memperkasa kumpulan minoriti, iaitu Orang Asli serta isi rumah Cina dan India yang berpendapatan rendah telah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi yang lebih baik untuk komuniti ini. Usaha ini termasuk menyediakan infrastruktur dan kemudahan asas, melaksana program pembangunan ekonomi serta menyelesaikan isu hak dan pemilikan tanah. Jalan di 754 daripada 853 kampung Orang Asli telah dinaik taraf. Sejumlah 701 kampung telah dibekalkan dengan elektrik, manakala 706 kampung mempunyai akses kepada retikulasi dan air terawat alternatif. Pada akhir tahun 2020, kebanyakan perkampungan Orang Asli telah mendapat bekalan tenaga elektrik dan air terawat. Di samping itu, Program Pembangunan Ekonomi Orang Asli yang dilaksana untuk meningkatkan pendapatan telah memberi manfaat kepada 23,980 isi rumah. Seramai 1,448 peserta telah menerima manfaat daripada kursus keusahawanan di bawah Program Pembangunan Keusahawanan Orang Asli, manakala 324 usahawan telah menerima geran untuk memulakan perniagaan dalam pelbagai bidang. Sehingga September 2020, seluas 33,220 hektar tanah telah diwartakan bagi tujuan penempatan dan aktiviti ekonomi Orang Asli.

Dalam usaha meningkatkan status sosioekonomi isi rumah Cina berpendapatan rendah di Kampung Baru, Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru Cina telah diteruskan dalam tempoh RMKe-11. Sehingga Disember 2020, pinjaman mudah berjumlah RM131 juta telah diluluskan kepada 3,428 usahawan mikro. Di samping itu, sebanyak 2,503 projek pembangunan seperti projek infrastruktur dan kemudahan asas serta pengindahan landskap telah dilaksana. Bagi komuniti India berpendapatan rendah pula, pinjaman mudah berjumlah RM117 juta telah diluluskan oleh TEKUN kepada 5,825 usahawan di bawah Skim Pembangunan Usahawan Masyarakat India. Lebih banyak peluang telah disediakan kepada golongan muda India untuk melanjutkan pelajaran ke sekolah berasrama penuh dan mengikuti program TVET bagi

meningkatkan pencapaian pendidikan mereka. Dalam tempoh RMKe-11, seramai 2,060 murid India telah melanjutkan pelajaran ke MRSM.

Kesejahteraan Kumpulan Sasar Khusus

Keutamaan terus diberi untuk mempertingkat kesejahteraan kumpulan sasar khusus yang terdiri daripada kanak-kanak, belia, wanita, warga emas, OKU dan keluarga. Unit Penjagaan dan Perlindungan Kanak-kanak (CCNCPU) telah diperluas untuk melindungi kepentingan kanak-kanak. Selain itu, seramai 244 pelindung kanak-kanak telah dilatih di seluruh negara. Bagi mempertingkat keselamatan dan perlindungan kanak-kanak, sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual terhadap Kanak-kanak dalam Daftar Kanak-kanak (eDKK) telah diperkenal pada tahun 2019. Sistem ini menyediakan perkhidmatan tapisan keselamatan untuk majikan dalam perkhidmatan berkaitan penjagaan kanak-kanak. Sehingga tahun 2020, sejumlah 4,009 bakal pekerja telah ditapis. Di samping itu, sejumlah 411 sekolah telah menyertai Program Perlindungan dan Pemulihan Kanak-kanak yang memberi manfaat kepada 96,512 murid. Dalam memperkukuh asuhan dan didikan awal kanak-kanak (ECCE), sejumlah 30 Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) baharu telah ditubuhkan di premis Kerajaan dengan peruntukan sebanyak RM4.6 juta pada tahun 2020. Sehingga tahun 2020, terdapat sebanyak 5,302 TASKA dan 14,306 Taman Didikan Kanak-kanak (TADIKA).

Usaha telah diambil untuk membimbing belia menjadi pemimpin masa hadapan melalui pelbagai program kepimpinan dan kesukarelawanan. Dalam tempoh 2016 hingga 2020, sejumlah 227,900 belia telah mendapat manfaat daripada beberapa program kepimpinan seperti Felo Perdana dan Felo Korporat, Parlimen Belia Malaysia dan Skuad Majlis Belia Malaysia dalam Perniagaan (MiB300) serta Program Kapal Belia Asia Tenggara dan Jepun. Hampir 300,000 belia telah menyertai pelbagai program kesukarelawanan seperti Program Sukarelawan Belia Malaysia (MYCorps), Program Sukarelawan Pasca Bencana dan Program *Touch Point* Kesukarelawanan Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS). Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 telah dipinda pada tahun 2019 untuk menyediakan lebih banyak peluang kepada belia untuk menjadi pemimpin.

Peranan wanita dalam pembangunan ekonomi telah dipertingkat melalui pelbagai program kesedaran dan pembangunan keupayaan, termasuk kepimpinan dan pembangunan keusahawanan. Penyertaan wanita dalam membuat keputusan telah meningkat dengan pertambahan peratusan wanita dalam pengurusan tertinggi[9] daripada 35.6% kepada 38.2% dalam sektor awam dan daripada 24.4% kepada 25.8% bagi sektor swasta antara tahun 2016 dan tahun 2020. Di samping itu, seramai 7,542 wanita telah dilatih dalam program perusahaan berasaskan komuniti sebagai sebahagian daripada inisiatif pemerkasaan wanita dalam ekonomi.

[9] Gred Utama C dan ke atas bagi perkhidmatan awam dan ahli lembaga pengarah syarikat tersenarai awam yang berada pada kedudukan 100 teratas bagi sektor swasta.

Bagi memastikan keselamatan, perlindungan dan kesihatan wanita, pelbagai langkah telah diambil untuk menambah baik kesedaran dan mempertingkat kesejahteraan wanita. Dalam hubungan ini, seramai 53,057 wanita telah menyertai Klinik Undang-undang dan program menghapuskan keganasan terhadap wanita. Bagi menangani isu keganasan terhadap wanita, Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga telah ditubuhkan pada tahun 2019 yang dianggotai oleh wakil daripada kerajaan dan CSO. Program Klinik D'Stress telah diperkenal untuk menangani isu kesihatan mental, yang memberi manfaat kepada seramai 66,027 wanita. Di samping itu, projek mengarus perdana gender untuk memperkukuh dan mempertingkat keterangkuman wanita telah dilaksana bagi menggalakkan kefahaman mengenai isu gender dan kesaksamaan gender.

Dalam mempertingkat kesejahteraan warga emas, Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas telah diperkenal pada tahun 2018. Garis panduan ini dijadikan sebagai rujukan dalam merancang dan mereka bentuk penginapan yang bersesuaian untuk warga emas serta pusat penjagaan. Selain itu, bilangan sukarelawan yang menyertai Program Khidmat Bantu di Rumah telah meningkat sebanyak 33%, iaitu daripada 2,242 pada tahun 2016 kepada 2,982 pada tahun 2020. Program ini membolehkan jangkauan yang lebih luas bagi penjagaan dan khidmat peneman bagi warga emas. Program ini memberi manfaat kepada 8,592 warga emas pada tahun 2020 berbanding 6,117 pada tahun 2016. Di samping itu, Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta [Akta 802] telah digubal pada tahun 2018 untuk melindungi hak warga emas dalam mendapat penjagaan yang berkualiti. Akta ini menetapkan keperluan standard yang minimum bagi kualiti penjagaan dan perkhidmatan di institusi penjagaan warga emas milik swasta.

Penekanan telah diberi untuk memperkasa OKU supaya lebih berdikari dan mandiri dari segi ekonomi. Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya telah diluluskan pada tahun 2019 sebagai garis panduan kepada PBT dalam menambah baik aksesibiliti kepada kemudahan awam. Selain itu, sebanyak 85 program *Disability Equality Training* telah dianjurkan untuk meningkatkan penyertaan aktif OKU dalam masyarakat. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) telah dilaksana untuk membangunkan keupayaan dan kemampuan OKU. Sejumlah 240 daripada 560 PDK telah dinaik taraf dengan kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan dijenamakan semula sebagai PDKNet. Inisiatif ini membolehkan OKU mendapat akses yang lebih luas kepada maklumat melalui platform digital. Kajian bagi meneliti lebih banyak peluang ekonomi dan pekerjaan kepada OKU serta pemerkasaan sistem sokongan bagi penjaga OKU telah dimulakan pada tahun 2019 dan dijangka siap pada tahun 2021.

Pelbagai program jangkauan telah dijalankan untuk meningkatkan pendaftaran OKU dalam Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya (SMOKU), termasuk melalui program Santuni OKU. Peningkatan pendaftaran dalam SMOKU telah membolehkan penyampaian bantuan bersasar. Di bawah program *Job Coach Service*, seramai 1,397 OKU telah dilatih dan dibantu untuk mendapat pekerjaan. Sehingga tahun 2020, seramai 4,488 OKU telah diambil bekerja, mewakili 0.33% daripada kuota yang disasarkan, iaitu sekurang-kurangnya 1% penyertaan OKU dalam perkhidmatan awam. Pada tahun 2019, seorang wakil daripada OKU telah dilantik sebagai ahli Suruhanjaya Perkhidmatan Awam untuk menggalakkan penyertaan OKU dalam perkhidmatan awam. Seorang wakil daripada OKU terus menganggotai Dewan Negara.

Pelbagai usaha telah dilaksana untuk memperkukuh institusi keluarga. Program Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti (FACE) telah diperkenal pada tahun 2016 bagi meningkatkan kesedaran dan kemahiran keibubapaan. Program seperti Keluarga@Kerja, SMARTbelanja@LPPKN dan IlmuKeluarga@LPPKN pula telah dilaksana bagi meningkatkan pengetahuan dan kemahiran berkaitan perkahwinan, keibubapaan dan kesejahteraan keluarga yang memberi manfaat kepada 907,100 ahli keluarga sehingga tahun 2020. Beberapa program bagi menangani isu kematian ibu bersalin dan kehamilan tidak diingini juga telah dilaksana. Ini termasuk program kaunseling serta pendidikan seksual dan kesihatan reproduktif. Sejumlah 1,065,301 ahli keluarga terutama wanita telah mendapat manfaat daripada program sokongan keluarga seperti perancangan keluarga, mamogram, saringan kanser serviks dan rawatan subfertiliti.

Peningkatan Kuasa Beli

Usaha bagi meningkatkan kuasa beli rakyat telah dipergiat, terutama dalam membantu isi rumah yang terjejas akibat kos sara hidup yang tinggi, menangani herotan pasaran dan meningkatkan kesedaran kepenggunaan. Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah ditubuhkan pada tahun 2018 bagi menangani isu dan cabaran berkaitan kos makanan, penjagaan kesihatan, pendidikan, perumahan, pengangkutan dan utiliti. Antara program yang diselaras dan diperkenal di bawah NACCOL adalah *Food Bank*, Barangan Asas 100 (BA100), Penguatkuasaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan, Pas Perjalanan Tanpa Had serta kemudahan pinjaman bersubsidi untuk isi rumah berpendapatan rendah. Pas Perjalanan Tanpa Had My30, My50 dan My100 untuk pengguna Bas Rapid dan Rel Rapid telah diperkenal bagi mengurangkan kos pengangkutan. Inisiatif ini telah memberi manfaat kepada lebih dua juta pengguna di seluruh Malaysia. Dana sebanyak RM1 bilion telah disediakan untuk pembeli rumah pertama yang berpendapatan di bawah RM4,360 sebulan bagi membeli rumah mampu milik berharga RM300,000 dan ke bawah.

Peraturan Kawalan Harga dan Anti Pencatutan telah diperkemas pada tahun 2017 bagi menghalang aktiviti pencatutan barangan dan perkhidmatan. Bagi meningkatkan kesedaran kepenggunaan, program seperti Skuad Pengguna, Rakan KPDNHEP, Kelab Pengguna Sekolah dan Gerakan Pengguna Siswa telah dilaksana. Bidang kuasa Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia telah dipertingkat pada tahun 2019 untuk menyelesaikan tuntutan pengguna. Had tuntutan telah dinaikkan daripada RM25,000 kepada RM50,000 pada tahun 2019. Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia 2019-2023 telah dilancarkan sebagai hala tuju untuk meningkatkan tahap literasi kewangan dan kesejahteraan kewangan rakyat.

Isu dan Cabaran

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai usaha telah dilaksana untuk mempertingkat pembangunan inklusif dan kesejahteraan rakyat. Namun begitu, ketidaksamarataan sosioekonomi masih menjadi cabaran dari segi pendapatan dan pengagihan kekayaan. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan lagi kesejahteraan rakyat. Isu sosioekonomi termasuk kemiskinan, jurang yang ketara dalam kumpulan B40, ketidaksamarataan keberhasilan sosioekonomi Bumiputera, status sosioekonomi yang rendah bagi Orang Asli dan kumpulan sasar khusus. Kumpulan M40 kini mula berhadapan dengan lebih banyak cabaran sejak pandemik COVID-19. Selain itu, kuasa beli yang rendah dan kos sara hidup yang tinggi, kekurangan perlindungan sosial serta pendidikan kewangan yang rendah turut menjejaskan kesejahteraan rakyat. Cabaran ini perlu ditangani bagi mengelak polarisasi sosial.

Peningkatan kos sara hidup telah mengurangkan kuasa beli, seterusnya menjejaskan kesejahteraan rakyat, terutama isi rumah berpendapatan rendah. Peningkatan harga barangan keperluan asas seperti makanan dan minuman, perumahan dan pengangkutan telah mengakibatkan kumpulan isi rumah ini kekurangan sumber kewangan untuk memenuhi keperluan lain, khususnya pendidikan dan kesihatan. Di samping itu, sistem perlindungan sosial tidak bersepadu dan liputan perlindungan masih rendah. Agensi yang terlibat dalam menyediakan perlindungan sosial berfungsi secara *silo* dengan ketiadaan pangkalan data berpusat dan bersepadu, mengakibatkan pemilihan kumpulan sasar yang tidak tepat dan bertindih. Kebanyakan pekerja dalam sektor tidak formal masih tidak mendapat perlindungan. Selain itu, pengurusan kewangan yang lemah dan gaya hidup yang melangkaui kemampuan dalam kalangan sebahagian rakyat disebabkan oleh kurang pengetahuan kewangan telah menghalang mereka dalam membuat keputusan kewangan yang baik dan menjadikan mereka mudah terdedah kepada penipuan dan pemalsuan kewangan.

Isu dan Cabaran

Insiden Kemiskinan
Perbezaan yang Ketara dalam Kalangan B40
Cabaran yang Dihadapi oleh Kumpulan M40
Ketidaksaksamaan Keberhasilan Sosioekonomi Bumiputera
Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli yang Ketinggalan
Ketersisihan Sosial Kumpulan Sasar Khusus

Insiden Kemiskinan

Malaysia telah mencapai kejayaan yang ketara dalam mengurangkan kemiskinan. Walau bagaimanapun, beberapa kelompok tertentu masih dibelenggu kemiskinan. Antara faktor yang menyumbang kepada kemiskinan adalah tahap pendidikan yang rendah, kekurangan akses kepada kemudahan infrastruktur asas dan kebergantungan kepada satu sumber pendapatan. Isi rumah miskin juga berhadapan dengan cabaran dalam mendapat akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan berkualiti dan perumahan mampu milik. Isi rumah miskin bandar berhadapan dengan kos sara hidup yang tinggi dan kekurangan keupayaan untuk memanfaatkan peluang ekonomi. Mekanisme penyampaian bagi membasmi kemiskinan masih lemah dan tiada penyelarasan. Di samping itu, petunjuk untuk mengukur tahap kemiskinan pelbagai dimensi masih kurang komprehensif. Pandemik COVID-19 terus menjejaskan isi rumah miskin oleh kerana mereka terlibat dalam pekerjaan berkemahiran rendah dan sektor tidak formal yang mudah terdedah kepada kehilangan pekerjaan.

Perbezaan yang Ketara dalam Kalangan B40

Kepelbagaian ciri-ciri B40 merupakan satu cabaran yang kompleks. B40 terdiri daripada isi rumah miskin dan berpendapatan rendah yang mempunyai ciri-ciri dan keperluan berbeza, yang memerlukan dasar dan strategi yang berlainan. Kumpulan ini juga mudah terjejas apabila berlaku kejutan ekonomi dan sosial disebabkan oleh keterbatasan untuk menyesuaikan diri dengan perubahan. Kebanyakan B40 mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah serta kurang mendapat akses kepada kemudahan kesihatan, rumah mampu milik dan perlindungan sosial.

B40 sangat terdedah kepada hutang kerana pendapatan mereka yang tidak mencukupi dan jumlah simpanan yang rendah. Tahap pendidikan dan kemahiran yang rendah dalam kalangan B40 juga mengehadkan peluang untuk mendapat pekerjaan berpendapatan tinggi dan mengekang peningkatan mobiliti sosial. Pada tahun 2019, hanya 12.8% daripada ketua isi rumah B40 mempunyai pendidikan tertiari, manakala 21.2% bersekolah untuk tempoh yang minimum. B40 juga menghadapi cabaran dalam mengakses perkhidmatan penjagaan kesihatan disebabkan oleh beberapa kekangan termasuk jarak yang jauh dan kekurangan simpanan. Di samping itu, mereka tidak mampu membeli rumah kerana tidak dapat memenuhi syarat-syarat yang dikenakan oleh institusi kewangan.

Inisiatif yang telah dilaksana untuk meningkatkan kesejahteraan B40 tidak dapat merealisasikan sepenuhnya keberhasilan yang diingini disebabkan ia bersifat umum dan tidak menepati keperluan kumpulan ini yang pelbagai. Sistem perlindungan sosial lebih menumpukan kepada bantuan sosial dan tidak dapat menampung sepenuhnya insurans sosial. Intervensi pasaran buruh juga tidak memuaskan. Selanjutnya, penyampaian perlindungan sosial untuk golongan B40 tidak memuaskan kerana kelemahan dalam penyelarasan dan penetapan sasaran. Ini mengakibatkan kurang keberkesanan dan ketidakmampanan program kebajikan yang menjurus kepada penggunaan sumber yang tidak efisien dan keberhasilan tidak dicapai.

Isi rumah Cina di Kampung Baru dan isi rumah India yang berpendapatan rendah terus berhadapan dengan cabaran dalam memperoleh peluang pekerjaan dan kemudahan pembiayaan mikro untuk berniaga. Kemudahan pembiayaan mikro yang tidak mencukupi telah menghalang isi rumah Cina yang berpendapatan rendah di Kampung Baru untuk mengembangkan perniagaan mereka. Sementara itu, kebanyakan isi rumah India yang berpendapatan rendah bekerja dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah dan kurang peluang dalam keusahawanan. Isi rumah ini juga berhadapan dengan cabaran sosial seperti keadaan hidup yang tidak kondusif, keluarga yang tidak berfungsi sewajarnya serta gangsterisme dalam kalangan belia.

Cabaran yang Dihadapi oleh Kumpulan M40

Kumpulan M40 mempunyai peluang yang terhad untuk mendapat bantuan memandangkan mereka umumnya tidak layak menerima bantuan sosial. Selain itu, mereka tidak dilindungi sepenuhnya oleh mekanisme insurans sosial, terutama yang bekerja di sektor tidak formal. Antara isu yang dihadapi oleh kumpulan ini termasuk kos sara hidup yang tinggi dan peningkatan pendapatan yang perlahan. Kebanyakan M40 tinggal di bandar di mana kos sara hidup adalah lebih tinggi. Pendapatan M40 termasuk dalam julat yang dikenakan cukai, manakala pelepasan cukai yang diberikan kepada mereka dianggap tidak mencukupi. Kumpulan ini juga mempunyai akses yang terhad kepada kemudahan penjagaan kanak-kanak dan ECCE yang disediakan oleh Kerajaan. Hal ini kerana kemasukan adalah berasaskan prinsip yang awal didahulukan dengan keutamaan diberi kepada B40. Keadaan ini dijejaskan lagi oleh ketidakmampuan mereka untuk melanggan kemudahan perlindungan insurans kesihatan dan pekerjaan yang komprehensif.

Ketidaksaksamaan Keberhasilan Sosioekonomi Bumiputera

Isu utama yang dihadapi oleh Bumiputera adalah agihan pendapatan yang tidak saksama serta insiden kemiskinan dan kadar pengangguran yang tinggi. Kebanyakan Bumiputera tertumpu dalam kategori pekerjaan berkemahiran rendah. Sebahagian besar Bumiputera terlibat dalam perniagaan bersaiz mikro dalam perniagaan bernilai ditambah yang rendah. Usahawan Bumiputera juga banyak bergantung kepada bantuan Kerajaan. Pemilikan hartanah yang rendah dan Tanah Rizab Melayu (TRM) yang tidak dibangunkan sepenuhnya menggambarkan cabaran yang dihadapi oleh Bumiputera. Tambahan pula, pemilikan ekuiti sektor korporat dengan kawalan berkesan masih rendah, manakala mekanisme penyampaian agenda Bumiputera masih kurang berkesan.

Pendapatan isi rumah Bumiputera menunjukkan sedikit peningkatan, namun pendapatan ini masih rendah secara relatif berbanding dengan kumpulan etnik lain. Pendapatan penengah bulanan isi rumah Bumiputera pada tahun 2019 adalah RM5,420 berbanding etnik Cina sebanyak RM7,391 dan etnik India RM5,981. Jurang pendapatan penengah antara Bumiputera dan Cina adalah sebanyak RM1,971, iaitu empat kali lebih tinggi berbanding pada tahun 1989. Nisbah ketidaksamaan pendapatan antara etnik Bumiputera dan Cina melebar sedikit daripada 0.74:1 pada tahun 2016 kepada 0.73:1 pada tahun 2019. Selain itu, insiden kemiskinan tegar dalam kalangan Bumiputera masih tinggi secara relatif pada 0.5% berbanding Cina pada 0.1% dan India pada 0.4%. Tambahan pula, Bumiputera mempunyai insiden kemiskinan mutlak tertinggi iaitu 7.2%, berbanding Cina 1.4% dan India 4.8%. Bumiputera mewakili 65.1% daripada jumlah isi rumah nasional pada tahun 2019, namun 71.4% tertumpu dalam kumpulan pendapatan B40. Walaupun isi rumah Cina mewakili 25.9% daripada jumlah isi rumah nasional, 39.2% berada dalam T20[10] dan 19.5% berada dalam B40. Pandemik COVID-19 telah menjejaskan lagi pertumbuhan pendapatan, pemilikan kekayaan, peluang keusahawanan dan pekerjaan Bumiputera.

Bumiputera mencatat kadar pengangguran tertinggi berbanding kumpulan etnik lain, iaitu seramai 406,000 atau 57.1% daripada 711,000 penganggur pada tahun 2020. Kebanyakan Bumiputera yang menganggur adalah daripada kumpulan umur antara 15 hingga 30 tahun, iaitu seramai 308,700 atau 76% daripada jumlah keseluruhan Bumiputera yang menganggur. Berikutan pandemik COVID-19, kadar pengangguran Bumiputera telah meningkat dengan ketara kepada 4.6% pada tahun 2020 berbanding 3.7% pada tahun 2019.

Berdasarkan Laporan Survei Tenaga Buruh (LFS) 2020, peratusan Bumiputera dalam kategori pekerja mahir adalah lebih rendah, iaitu 39.3% berbanding etnik Cina 40.1%. Penyertaan Bumiputera dalam pekerjaan profesional terpilih juga masih rendah berbanding dengan kumpulan etnik lain. Sebagai contoh, pada tahun 2019, Bumiputera dalam profesion akauntan adalah 8.9% dan arkitek 41.3%. Selain itu, peluang pekerjaan untuk *huffaz*[11] adalah terhad kepada sektor tidak formal disebabkan kurang kemahiran teknikal.

Perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) Bumiputera merupakan 39.1% daripada jumlah PMKS pada tahun 2015[12], namun majoriti daripada mereka, iaitu 82.8%, tertumpu kepada perusahaan mikro yang mengeluarkan produk dan perkhidmatan dengan nilai ditambah yang rendah. Kebanyakan PMKS Bumiputera sangat bergantung kepada projek dan bantuan Kerajaan seperti geran dan pinjaman. Pembangunan yang tidak seimbang antara wilayah dan negeri tertentu pula mengehadkan peluang PMKS Bumiputera untuk berkembang. PMKS Bumiputera juga kurang berkeupayaan dan berkemampuan keusahawanan serta jaringan kerjasama yang terhad untuk menyertai rantaian bekalan.

Peratusan isi rumah Bumiputera memiliki sekurang-kurangnya seunit kediaman masih di bawah sasaran sekurang-kurangnya 75% pada tahun 2020. Nilai transaksi Bumiputera dalam hartanah kediaman, komersial dan perindustrian adalah bernilai rendah kerana mereka kurang kemampuan dalam memperoleh dan memiliki

[10] Kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi. Pendapatan bulanan T20 pada peringkat nasional adalah RM10,960 dan lebih (HIES & BA 2019).
[11] Orang Islam yang telah menghafal keseluruhan Al-Quran.
[12] Sumber: Statistik Bumiputera tahun 2019, DOSM (Edaran Terhad)

hartanah tersebut. Nilai transaksi hartanah kediaman Bumiputera pada tahun 2019 berjumlah RM26.4 bilion berbanding RM40 bilion transaksi bukan Bumiputera. Nilai transaksi Bumiputera lebih rendah kerana pemilikan Bumiputera tertumpu dalam segmen kediaman kos rendah hingga sederhana. Selain itu, nilai transaksi Bumiputera untuk hartanah komersial adalah berjumlah RM1.4 bilion berbanding RM9 bilion untuk bukan Bumiputera. Bagi kategori hartanah perindustrian pula, nilai transaksi Bumiputera adalah RM135 juta berbanding RM1.9 bilion untuk bukan Bumiputera. Di samping itu, jurang yang ketara dalam pengagihan kekayaan masih kekal dalam kalangan Bumiputera. Sebagai contoh, 9.5% pemegang unit ASB memiliki 83% jumlah saham pada tahun 2020 berbanding 79% pada tahun 2015. Jurang yang ketara dalam kalangan Bumiputera adalah disebabkan oleh peratusan Bumiputera yang tinggi dalam pekerjaan yang bergaji rendah. Hal ini telah menyebabkan Bumiputera memiliki simpanan yang rendah dan kurang celik pelaburan.

Pembangunan TRM dan tanah wakaf masih terhad disebabkan oleh kekurangan kemampuan kewangan dan isu tadbir urus yang lemah. Jumlah keluasan TRM telah berkurangan daripada 5.04 juta hektar pada tahun 2017 kepada 4.88 juta hektar pada tahun 2019 disebabkan kesukaran mengenalpasti tanah untuk menggantikan TRM. Data berkaitan jumlah keseluruhan saiz tanah wakaf adalah tidak komprehensif. Ketiadaan rangka kerja kawal selia yang seragam untuk mentadbir urus TRM dan tanah wakaf mengakibatkan perancangan dan pembangunan yang tidak selaras. Selain itu, kesedaran mengenai potensi instrumen wakaf untuk meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan rakyat masih lagi rendah.

Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera masih di bawah sasaran yang ditetapkan pada tahun 1971 iaitu sekurang-kurangnya 30%. Sasaran ini masih belum dapat dicapai sebahagiannya disebabkan oleh liberalisasi beberapa sektor ekonomi termasuk kelonggaran dalam syarat 30% pemilikan ekuiti Bumiputera bagi sektor pembuatan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian 1975. Pemilikan ekuiti korporat Bumiputera tidak banyak berubah selama ini oleh kerana penjualan ekuiti kepada bukan Bumiputera dan kepentingan asing. Beberapa institusi Bumiputera yang dimandatkan oleh Kerajaan telah memaksimumkan objektif keuntungan komersial dan kurang memberi penekanan kepada agenda Bumiputera.

Mekanisme penyampaian agenda Bumiputera yang kurang berkesan mengakibatkan ketirisan dan sasaran tidak tercapai. Beberapa agensi yang bertanggungjawab dalam memacu pembangunan sosioekonomi Bumiputera bekerja secara *silo*. Keadaan ini menyebabkan berlaku pertindihan program dan pendekatan tidak bersepadu. Tambahan pula, kebanyakan inisiatif dan program dipacu oleh Kerajaan. Syarikat multinasional (MNC) dan sektor swasta kurang memberi sokongan kepada dasar dan inisiatif agenda Bumiputera. Pembatasan yang kurang jelas mengenai objektif sosioekonomi dan komersial dalam kalangan agensi mandat Bumiputera[13] juga telah menjejaskan pencapaian agenda Bumiputera.

Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli yang Ketinggalan

Orang Asli masih lagi ketinggalan dari segi pembangunan sosioekonomi. Insiden kemiskinan dalam kalangan Orang Asli masih tinggi iaitu 33.6% pada tahun 2019. Pelan pembangunan sosioekonomi Orang Asli yang tidak holistik dan kurang bersepadu melambatkan pembangunan mereka. Di samping itu, tahap pendidikan dalam kalangan Orang Asli yang rendah mengurangkan mobiliti sosial dan kebolehpasaran kumpulan ini. Pencapaian Orang Asli dalam pendidikan adalah jauh ketinggalan dan mereka tidak berada dalam pembangunan arus perdana. Infrastruktur asas yang tidak mencukupi, kekurangan ameniti dan perkhidmatan seperti jalan perhubungan, bekalan elektrik, bekalan air terawat dan telekomunikasi telah menjejaskan kesejahteraan komuniti ini. Dasar yang berbeza bagi pewartaan tanah antara negeri dan kurangnya sensitiviti terhadap keperluan Orang Asli melambatkan pembangunan mereka. Selain itu, beberapa agensi yang terlibat dengan pembangunan Orang Asli tidak mempunyai kemampuan dalam menyampaikan perkhidmatan dengan berkesan.

Ketersisihan Sosial Kumpulan Sasar Khusus

Kumpulan sasar khusus, iaitu kanak-kanak, belia, wanita, warga emas, OKU dan keluarga menghadapi pelbagai cabaran. Cabaran ini termasuk dasar yang tidak bersepadu, pengangguran yang tinggi, ketidaksamaan gender serta jaringan keselamatan yang tidak mencukupi dan kekurangan persekitaran yang menyokong. Cabaran ini telah menghalang peluang kumpulan ini untuk meningkatkan kesejahteraan mereka.

Bagi perkembangan kanak-kanak, terdapat kekurangan dalam mekanisme untuk mengukur tahap perkembangan kanak-kanak yang berbeza-beza. Undang-undang sedia ada yang memberi tumpuan kepada tindakan punitif menyebabkan prosiding kehakiman perlu dilaksana walaupun hanya untuk kesalahan ringan. Keadaan ini mendedahkan kanak-kanak kepada stigma sosial yang seterusnya menyukarkan mereka untuk berintegrasi semula dengan masyarakat. Mengenai pusat penjagaan kanak-kanak, isu aksesibiliti, kemampuan, kualiti serta pendaftaran telah menjejaskan tahap kualiti penjagaan dan pendidikan kanak-kanak berumur tiga hingga enam tahun.

[13] Agensi mandat yang memacu agenda Bumiputera seperti TERAJU, MARA, PNB, EKUINAS, PHB, PUNB dan YPPB.

Sehingga Disember 2020, kadar pengangguran dalam kalangan belia[14] yang berumur antara 15 hingga 30 tahun mencecah 8.3% berbanding 6.5% pada tahun 2015. Di samping itu, guna tenaga tidak penuh dalam kalangan belia adalah tinggi, dengan 643,900 atau 40.8% daripada jumlah belia berkelayakan tertiari bekerja dalam kategori pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah pada tahun 2019. Peratusan yang tinggi dalam kalangan belia berpendidikan separa mahir dan berkemahiran rendah menggambarkan pertumbuhan yang perlahan dalam penciptaan pekerjaan berkualiti. Sehingga Disember 2020, seramai 163,763 belia menyertai program bantuan pengurusan hutang, menunjukkan cabaran yang dihadapi belia dalam menguruskan kewangan. Berdasarkan Indeks Belia Malaysia 2020, penyertaan belia dalam program kesukarelawanan dan patriotisme masih lagi pada tahap yang sederhana pada 73.27.

Kadar penyertaan tenaga buruh wanita adalah 55.3% pada tahun 2020 berbanding lelaki pada 80.6%. Penglibatan wanita dalam politik pula masih ketinggalan dengan hanya 13.2% ahli Parlimen adalah wanita. Peratusan wanita yang terlibat dalam proses membuat keputusan bagi sektor swasta masih di bawah sasaran nasional, iaitu minimum 30%. Hanya 25.8% daripada ahli lembaga pengarah syarikat awam tersenarai (PLC) yang berada pada kedudukan 100 teratas di Malaysia adalah wanita.

Ketiadaan rangka kerja penjagaan warga emas yang komprehensif, simpanan yang rendah untuk menghadapi hari tua, kurangnya peluang pembelajaran sepanjang hayat dan peluang pekerjaan telah mengehadkan kemampuan warga emas untuk berdikari. Selain itu, ketiadaan pangkalan data komprehensif telah menjejaskan usaha untuk menyediakan khidmat penjagaan yang lebih baik kepada warga emas. Di samping itu, Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas yang diperkenal pada tahun 2018 tidak diterima pakai oleh kebanyakan PBT. Hal ini telah menjejaskan persekitaran kehidupan warga emas. Pengurusan kewangan yang lemah dalam kalangan warga emas telah mengakibatkan ketidakstabilan kewangan, menjadikan kehidupan pasca persaraan lebih mencabar dan meningkatkan risiko untuk mereka jatuh miskin. Warga emas juga mempunyai peluang terhad untuk terlibat secara aktif dalam masyarakat dan berdikari dari segi ekonomi.

Pendaftaran OKU yang rendah dalam SMOKU telah mengekang pelaksanaan program yang berkesan untuk meningkatkan kesejahteraan OKU. Persekitaran yang kurang menyokong, termasuk akses kepada kemudahan awam serta perkhidmatan perbankan dan insurans telah menghalang OKU untuk terlibat secara aktif dalam masyarakat. Walaupun Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat dalam pembangunan kemudahan awam telah disediakan sebagai panduan kepada PBT, namun pemakaian garis panduan ini belum dijadikan mandatori. Tambahan pula, kekurangan program TVET yang khusus untuk peningkatan kemahiran dan latihan semula telah menyekat pembangunan kerjaya OKU.

Isu berkaitan kekeluargaan perlu diberi perhatian segera. Ini termasuk institusi keluarga yang tidak berfungsi sewajarnya, pengetahuan kesihatan seksual dan reproduktif yang terbatas, kemahiran keibubapaan yang lemah, keseimbangan antara kehidupan dengan kerja yang kurang, keberhutangan yang serius serta ketagihan melayari internet yang berlebihan. Lebih satu pertiga daripada jumlah pasangan bercerai dalam tempoh lima tahun perkahwinan. Ini telah menyebabkan lebih banyak institusi keluarga tidak berfungsi sewajarnya. Selain itu, kadar kesuburan pada peringkat nasional berkurangan kepada 1.8 pada tahun 2019, iaitu di bawah paras penggantian sebanyak 2.1. Pengurangan ini memberi cabaran untuk membangunkan tenaga kerja masa hadapan yang berdaya maju. Kawalan ibu bapa yang tidak berkesan dalam memastikan keselamatan anak-anak ketika melayari internet juga membimbangkan, seperti dinyatakan dalam Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia 2019.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Melangkah ke hadapan, RMKe-12 akan terus memberi tumpuan kepada usaha menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat inklusif bagi mencapai taraf hidup wajar dan keadilan sosial. Langkah ini akan dilaksana melalui pelbagai strategi dan inisiatif bagi meningkatkan kesejahteraan rakyat. Usaha bersepadu akan dilaksana bagi menangani kemiskinan, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup B40, memberi sokongan kepada M40 bagi mewujudkan masyarakat yang saksama serta mencapai kesaksamaan keberhasilan Bumiputera. Tumpuan juga akan diberi bagi meningkatkan kesejahteraan Orang Asli serta kumpulan sasar khusus.

[14] Berdasarkan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (pindaan) 2019 [Akta 668].

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Menangani Kemiskinan dan Membangunkan Masyarakat Inklusif

Bidang Keutamaan A

Menangani Kemiskinan dan Mengurangkan Ketidaksamarataan daripada Perspektif Pelbagai Dimensi

Strategi A1
Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Miskin
Strategi A2
Menambah Baik Akses terhadap Perkhidmatan Penting
Strategi A3
Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Miskin
Strategi A4
Memperbaiki Kualiti Hidup Miskin Bandar
Strategi A5
Memperkukuh Mekanisme Penyampaian Perkhidmatan
Strategi A6
Mengurangkan Ketidaksamarataan Pendapatan Isi Rumah

Bidang Keutamaan B

Memperkasa B40

Strategi B1
Meningkatkan Pendapatan B40 dan Mendefinisi Semula Kategori Kumpulan Pendapatan
Strategi B2
Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Asas untuk B40
Strategi B3
Meningkatkan Sosioekonomi Isi Rumah Cina dan India Berpendapatan Rendah

Bidang Keutamaan C

Memberi Sokongan kepada M40 bagi Mewujudkan Masyarakat yang Saksama

Strategi C1
Melonjakkan Pendapatan M40
Strategi C2
Meningkatkan Akses kepada Pendidikan yang Berkualiti dan Mampu Bayar
Strategi C3
Menggalakkan Perlindungan Kesihatan dan Pekerjaan
Strategi C4
Meningkatkan Pemilikan Rumah oleh M40

Bidang Keutamaan D

Mencapai Kesaksamaan Keberhasilan Bumiputera

Strategi D1
Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera
Strategi D2
Menambah Baik Tadbir Urus dan Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan
Strategi D3
Memperkukuh Pendidikan dan Memperkasa Modal Insan
Strategi D4
Meningkatkan Daya Tahan dan Kemampanan Perniagaan Bumiputera
Strategi D5
Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera
Strategi D6
Memanfaatkan Sepenuhnya Tanah Rizab Melayu dan Instrumen Wakaf
Strategi D7
Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat yang Mampan

Bidang Keutamaan E

Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli

Strategi E1
Memantapkan Pendidikan sebagai Pemangkin Utama
Strategi E2
Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli

Bidang Keutamaan F

Memperkasa Kumpulan Sasar Khusus

Strategi F1
Mengutamakan Kesejahteraan Kanak-kanak
Strategi F2
Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing
Strategi F3
Memperkasa Peranan Wanita
Strategi F4
Mempertingkat Kesejahteraan Warga Emas
Strategi F5
Memperkasa Orang Kurang Upaya
Strategi F6
Memperkukuh Institusi Keluarga



Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Menangani Kemiskinan dan Mengurangkan Ketidaksamarataan



2025

Pekali Gini



2025

Insiden Kemiskinan Mutlak



2025

Insiden Kemiskinan Relatif



2025

Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi

Meningkatkan Pendapatan dan Taraf Hidup B40



2025

Pendapatan Purata Bulanan Isi Rumah B40




2025

Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah B40



2025

Peratus Pengagihan Pendapatan B40 daripada Keseluruhan Pendapatan Isi Rumah



2025


Peratus Pekerja Mahir daripada Jumlah B40

Mencapai Kesaksamaan Keberhasilan bagi Bumiputera




2025

Nisbah Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah Bumiputera kepada Cina



2025

Nisbah Gaji dan Upah Penengah Bulanan Bumiputera kepada Cina



2025

Sumbangan KDNK Perusahaan Bumiputera



2025

Penyertaan Bumiputera dalam Kategori Pekerjaan Mahir



2025

Peratusan Isi Rumah Bumiputera yang Memiliki Seunit Kediaman



2025

Pemilikan Ekuiti Korporat Bumiputera dengan Penguasaan Berkesan

Memperkasa Kumpulan Sasar Khusus




2025

Indeks Belia Malaysia



2025

Kadar Penyertaan Wanita dalam Tenaga Buruh



2025

Penyertaan OKU dalam Perkhidmatan Awam



2025

Indeks Kesejahteraan Keluarga

Sasaran
SDG
WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Menangani Kemiskinan dan Mengurangkan Ketidaksamarataan daripada Perspektif Pelbagai Dimensi

Kemiskinan dan ketidaksamarataan perlu ditangani daripada perspektif pelbagai dimensi. Strategi yang akan dilaksana termasuk menambah baik akses kepada perkhidmatan penting, meningkatkan pendapatan dan taraf hidup isi rumah miskin, menangani kemiskinan bandar, memperkukuh mekanisme penyampaian perkhidmatan dan mengurangkan ketidaksamarataan antara isi rumah. Program pembasmian kemiskinan akan dilaksana melalui kerjasama lebih erat dalam kalangan agensi Kerajaan serta usahasama di antara sektor awam, sektor swasta, CSO dan masyarakat. Tumpuan khusus akan diberi kepada daerah dan lokasi yang termiskin di bandar dan luar bandar. Pelaksanaan strategi ini akan memastikan kemiskinan tegar dapat dibasmi pada tahun 2025.

- **Strategi A1** — Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Miskin
- **Strategi A2** — Menambah Baik Akses terhadap Perkhidmatan Penting
- **Strategi A3** — Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Miskin
- **Strategi A4** — Memperbaiki Kualiti Hidup Miskin Bandar
- **Strategi A5** — Memperkukuh Mekanisme Penyampaian Perkhidmatan
- **Strategi A6** — Mengurangkan Ketidaksamarataan Pendapatan Isi Rumah

Strategi A1

Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Miskin

Mempertingkat dan Mempelbagai Sumber Pendapatan

Program kebajikan sosial sedia ada bagi isi rumah miskin tegar dan miskin akan ditambah baik. Bantuan seperti pindahan tunai dan sokongan penjagaan kesihatan akan terus disedia berdasarkan keperluan. Program kebajikan produktif seperti keusahawanan dan pembiayaan mikro akan dipergiat untuk menyediakan peluang ekonomi kepada isi rumah miskin. Di samping itu, latihan dan peningkatan kemahiran akan diperkukuh dalam kalangan ahli isi rumah miskin bagi meningkatkan kebolehpasaran dan keupayaan untuk menceburi bidang yang boleh menjana pendapatan. Pendidikan asas kewangan akan dipertingkat bagi menambah baik literasi kewangan mereka.

Mempromosi Pendekatan Keseluruhan Negara dalam Mengatasi Kemiskinan

Sektor swasta akan digalak untuk menawarkan bantuan berstruktur dan bersasar kepada isi rumah miskin dengan menyediakan biasiswa dan latihan, peluang keusahawanan dan pekerjaan serta melaksanakan program yang memberi manfaat melalui kaedah pembangunan setempat. Isi rumah miskin akan digalakkan untuk terlibat dalam perusahaan sosial dan koperasi bagi meningkatkan pendapatan. Aktiviti ekonomi berdasarkan komuniti akan diteruskan sebagai sebahagian daripada program menjana pendapatan. Pendekatan perniagaan inklusif[15] akan diperkenal untuk meningkatkan penglibatan isi rumah miskin dalam rantaian bekalan.

Strategi A2

Menambah Baik Akses terhadap Perkhidmatan Penting

Penambahbaikan akses kepada perkhidmatan penting merupakan asas utama dalam menangani kemiskinan. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi untuk meningkatkan akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti serta menambah baik perkhidmatan penjagaan kesihatan. Inisiatif ini akan meningkatkan kesejahteraan dan taraf hidup isi rumah miskin.

Menambah Baik Penyediaan Pendidikan dan Latihan Kemahiran yang Berkualiti

Penyediaan pendidikan berkualiti akan diperluaskan untuk meningkatkan tahap pencapaian dalam kalangan isi rumah miskin. Dalam hubungan ini, perkhidmatan ECCE bersubsidi akan diteruskan dan diperluaskan untuk menawarkan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak yang berpatutan dan berkualiti tinggi kepada isi rumah miskin. Usaha juga akan dilaksana ke arah pendidikan awal kanak-kanak kepada semua manakala usaha akan dipergiat untuk memastikan kanak-kanak daripada keluarga miskin dapat menamatkan 11 tahun persekolahan wajib. Di samping itu, intervensi bersasar seperti biasiswa akan disediakan untuk mengurangkan jumlah keciciran sekolah dalam kalangan isi rumah miskin. Peluang biasiswa akan turut disediakan bagi meringankan beban kewangan isi rumah miskin untuk melanjutkan latihan kemahiran, TVET dan pendidikan tinggi. Langkah ini akan meningkatkan ekonomi dan mobiliti sosial serta kebolehpasaran dalam kalangan isi rumah miskin.

[15] Perniagaan yang melibatkan kumpulan masyarakat terbawah (B1) dalam ekonomi untuk menyediakan barang dan perkhidmatan, menjadikan mereka sebahagian daripada rantaian nilai.

Menambah Baik Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Jangkauan penjagaan pra-kelahiran kepada perkhidmatan geriatrik untuk isi rumah miskin akan diperluas bagi meningkatkan tahap kesihatan mereka. Di samping itu, kesedaran mengenai kepentingan kesihatan yang baik akan dipromosi dengan memastikan pengambilan makanan seimbang pada semua peringkat umur. Inisiatif akan dipergiat menggalakkan pengambilan makanan seimbang melalui program bakul makanan untuk isi rumah miskin. Program ini dilaksana berpandukan keperluan minimum yang optimum berdasarkan Piramid Makanan Malaysia. Langkah ini akan mengurangkan kadar kematian kanak-kanak, meningkatkan jangka hayat serta menggalakkan gaya hidup yang aktif dan sihat. Ini adalah penting kerana fasa awal kanak-kanak adalah masa yang sangat penting dalam perkembangan hidup mereka. Tempoh ini meletakkan asas untuk pembelajaran dan kesejahteraan kanak-kanak.

Strategi A3

Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Miskin

Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan taraf hidup isi rumah miskin. Usaha ini termasuk menambah baik kemudahan asas dan infrastruktur serta menambah baik keadaan tempat tinggal isi rumah miskin. Sehubungan itu, infrastruktur asas akan ditambah baik manakala rumah baharu akan dibina dan rumah yang usang akan dibaik pulih.

Menambah Baik Infrastruktur dan Kemudahan Asas

Keutamaan akan diberi untuk menyediakan peluang yang saksama bagi rakyat menikmati kehidupan yang wajar. Akses kepada perkhidmatan kutipan sampah dan pengangkutan yang sistematik akan ditambah baik. Perkhidmatan asas utiliti dan komunikasi seperti air terawat, elektrik dan ketersambungan jalur lebar akan dipertingkat, terutama di kawasan pedalaman.

Menambah Baik Keadaan Tempat Tinggal

Program bantuan rumah akan diteruskan bagi memastikan rumah mampu milik yang mencukupi untuk isi rumah miskin. Program ini bertujuan menambah baik keadaan hidup isi rumah miskin di kawasan luar bandar dan bandar dengan membina rumah baharu dan membaik pulih rumah usang. Program ini dijangka dapat memanfaatkan sejumlah 50,000 isi rumah miskin.

Strategi A4

Memperbaiki Kualiti Hidup Miskin Bandar

Usaha untuk menangani kemiskinan bandar akan ditumpukan kepada peningkatan akses kepada sokongan sosial bagi mengekalkan tahap kualiti hidup tertentu serta meningkatkan kesejahteraan isi rumah miskin bandar. Langkah yang akan diambil adalah memudahkan akses kepada pendidikan dan penjagaan kesihatan, meningkatkan dan mempelbagai sumber pendapatan dan menyediakan rumah mampu milik.

Meningkat dan Mempelbagaikan Sumber Pendapatan

Akses kepada latihan keusahawanan dan pembiayaan mikro akan diperluas untuk meningkat dan mempelbagai sumber pendapatan isi rumah miskin bandar. Dalam hubungan ini, inisiatif SE akan digalak untuk menangani isu sosial dan ekonomi yang dihadapi oleh isi rumah miskin bandar. Aktiviti berasaskan komuniti dalam menghasilkan barangan dan perkhidmatan seperti pertanian bandar, perkhidmatan penjagaan kanak-kanak dan perniagaan makanan dari rumah akan juga digalakkan untuk menjana pendapatan tambahan. Selain itu, golongan miskin bandar akan didedahkan dengan peluang pekerjaan ekonomi gig. Tambahan 500,000 rumah mampu milik akan dibina untuk menyediakan rumah yang berkualiti dan selesa kepada isi rumah miskin.

Memudah Cara Akses kepada Pendidikan dan Penjagaan Kesihatan

Akses kepada pendidikan awal kanak-kanak akan dipermudah untuk kanak-kanak daripada isi rumah miskin bandar. CBO akan digalak menyediakan kemudahan ECCE di kawasan perumahan kos rendah awam dan swasta. Di samping itu, lebih banyak kelas tuisyen akan disediakan kepada pelajar daripada isi rumah miskin bandar yang tinggal di perumahan kos rendah. Platform digital akan dimanfaatkan untuk menyediakan kelas tuisyen secara atas talian. Pengambilan makanan yang seimbang juga akan digalakkan untuk menangani isu malnutrisi dalam kalangan kanak-kanak. Di samping itu, kesedaran mengenai program TVET akan dipertingkat dalam kalangan belia daripada isi rumah miskin bandar.

Strategi A5

Memperkukuh Mekanisme Penyampaian Perkhidmatan

Mekanisme penyampaian perkhidmatan akan diperkukuh dengan mempertingkat sistem penyampaian serta menambah baik kaedah mengukur insiden kemiskinan dan pelaksanaan dasar serta mengkaji mekanisme pembiayaan baharu. Langkah ini adalah penting bagi memastikan keberhasilan pembasmian kemiskinan dapat dicapai.


Menambah Baik Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Penyampaian perkhidmatan akan diperkukuh melalui pelan tindakan yang komprehensif dan dasar pemisah yang jelas untuk meningkatkan kecekapan dan menggunakan sumber sepenuhnya. Dasar dan inisiatif akan diselaras, untuk menyediakan pendekatan bersepadu dalam memberikan bantuan kepada pelbagai kumpulan sasar. Dalam hubungan ini, satu unit khas yang dianggotai oleh kakitangan yang kompeten akan diwujudkan untuk menangani kemiskinan secara menyeluruh. Unit ini akan berfungsi sebagai badan pusat untuk merancang, menyelaras, melaksana dan memantau usaha pengurangan kemiskinan. Potensi bagi pengenalan cukai khusus untuk membiayai program menangani kemiskinan akan dikaji. Selain itu, sumber pembiayaan tambahan termasuk zakat dan wakaf serta sumbangan daripada GLC, pihak swasta dan individu akan dipertimbangkan. Bantuan sosial dan pengurangan kemiskinan akan dijajar berdasarkan kepada pelbagai kategori kemiskinan dan kumpulan mudah terjejas, fokus kepada golongan miskin dan miskin tegar daripada desil pendapatan B1[16]. Kategori Pendapatan Isi Rumah Nasional adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 5-3*.

[16] Kumpulan 10% terendah desil pendapatan isi rumah B40. Berdasarkan HIES & BA 2019, pendapatan bulanan isi rumah B1 pada peringkat nasional ialah di bawah RM2,500.

Paparan 5-3

Kategori Pendapatan Isi Rumah Nasional, 2019



Setiap desil kategori pendapatan mewakili 10% daripada jumlah isi rumah, bersamaan dengan 727,500 isi rumah

Nota: Siapakah yang didefinisikan sebagai isi rumah miskin?

- **Miskin tegar** merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada PGK makanan, RM1,169 (-----)
- **Miskin mutlak** merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada PGK mutlak, RM2,208 (-----)
- **Miskin relatif** merujuk kepada isi rumah yang berpendapatan kurang daripada separuh pendapatan penengah negara, RM2,937 (——)
- **Isi rumah mudah terjejas** merujuk kepada isi rumah berpendapatan antara PGK mutlak (RM2,208) dan 2.5 kali PGK mutlak, RM5,520 (——)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Sistem eKasih akan disemak semula dan diperkukuh dalam mengenal pasti, melaksana dan memantau program pembasmian kemiskinan bagi meningkatkan ketelusan dan ketepatan data. Dasar berasaskan bukti akan memudah cara proses mengenal pasti kumpulan sasar dan membangunkan profil isi rumah miskin. Pangkalan data berkaitan pembasmian kemiskinan dan bantuan sosial akan disepadu melalui pembangunan Pangkalan Data Perlindungan Sosial (PDPS) untuk menghapuskan pertindihan serta ralat pemasukan dan penyisihan data. Analisis data raya dan dasar yang berpandukan data juga akan diguna untuk menambah baik program membasmi kemiskinan. Selain daripada program sedia ada, pelaksanaan pendekatan bawah ke atas akan ditambah baik dengan melibatkan CSO dan CBO. PBT dan ketua komuniti juga akan diperkasa untuk mengenal pasti dan mengurangkan kelompok kemiskinan pada peringkat komuniti. Pegawai Kerajaan yang khusus di peringkat tempatan akan ditugaskan untuk menyelaras dan melaksanakan pendekatan akar umbi bagi memastikan kejayaan inisiatif mengurangkan insiden kemiskinan.

Menambah Baik Kaedah Mengukur Kemiskinan dan Pelaksanaan Dasar

Kaedah mengukur kemiskinan akan terus ditambah baik dalam memastikan keberkesanan inisiatif pembasmian kemiskinan. Dimensi dan indikator MPI akan diperluas agar lebih komprehensif untuk mengukur kemiskinan pelbagai dimensi dengan lebih baik. MPI akan membantu proses membuat keputusan berasaskan bukti pada semua peringkat perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian inisiatif untuk mengurangkan kemiskinan. MPI akan diguna pakai oleh semua pihak berkepentingan dalam merangka program yang mengambil kira ketersisihan dan keperluan isi rumah bagi pelaksanaan yang lebih bersasar dan berkesan.

Strategi A6

Mengurangkan Ketidaksamarataan Pendapatan Isi Rumah

Usaha mengurangkan ketidaksamarataan pendapatan antara isi rumah adalah penting dalam mencapai pengagihan yang saksama. Inisiatif ini termasuk menangani peningkatan kos sara hidup dan meningkatkan kuasa beli serta mengukuhkan perlindungan sosial. Ini akan memastikan rakyat mendapat manfaat daripada pembangunan sosioekonomi dalam mencapai keterangkuman dan kesepaduan sosial.

Menangani Peningkatan Kos Sara Hidup dan Meningkatkan Kuasa Beli

Usaha mengurangkan ketidaksamarataan antara isi rumah akan dipergiat bagi mempertingkatkan keterangkuman dan mencapai kesaksamaan untuk semua. Usaha ini termasuk menangani peningkatan kos sara hidup dan meningkatkan kuasa beli. Dalam hubungan ini, penguatkuasaan kawalan harga barang dan perkhidmatan akan dipertingkat bagi menangani manipulasi harga. Inisiatif *foodbank* dan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) akan membantu mengurangkan beban kewangan isi rumah miskin. Tambahan lagi, literasi dan pendidikan kewangan akan digalakkan pada semua peringkat umur.

Memperkukuh Perlindungan Sosial untuk Semua

Majlis Perlindungan Sosial Malaysia (MySPC) dan Jawatankuasa Khas Kabinet Menangani Kemiskinan (JKKMK) telah digabungkan menjadi satu entiti. Langkah ini diambil bagi mengukuhkan penyelarasan penggubalan dasar serta melaksanakan strategi perlindungan sosial yang lebih berkesan. Selain daripada menangani isu kemiskinan, majlis ini juga akan menumpukan kepada isu insurans sosial dan pasaran buruh.

Bidang Keutamaan B

Memperkasa B40

Beberapa strategi akan dilaksana untuk memperkasa B40 bagi meningkatkan taraf hidup dan pendapatan. Tumpuan akan diberi bagi mempelbagaikan pendapatan B40, menyemak semula kategori kumpulan pendapatan dan meningkatkan pendapatan untuk semua isi rumah yang berpendapatan rendah. Di samping itu, usaha akan dilaksana bagi menambah baik akses kepada perkhidmatan asas seperti pendidikan, penjagaan kesihatan dan perumahan serta perlindungan sosial.



Strategi B1

Meningkatkan Pendapatan B40 dan Mendefinisi Semula Kategori Kumpulan Pendapatan

Meningkatkan Keupayaan dan Kemampuan B40

B40 akan digalak untuk mempelbagaikan sumber pendapatan bagi membolehkan mereka menikmati taraf hidup yang wajar. Ahli isi rumah akan diberi sokongan pendidikan, latihan dan kemahiran bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan melalui pendekatan bawah ke atas dan pendekatan berasaskan komuniti. Mereka akan digalak untuk menumpukan kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi melalui penggunaan amalan terbaik dan menerima guna teknologi seperti pertanian pintar, perniagaan dalam talian dan peluang penyumberan luar. Kejayaan pelaksanaan inisiatif ini akan meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan.

Meningkatkan Keusahawanan dalam Kalangan B40

Usaha bagi mewujudkan lebih banyak peluang untuk menjana pendapatan melalui aktiviti keusahawanan dalam kalangan B40 akan dipertingkat. Di samping itu, peluang akan disediakan kepada B40 supaya terlibat dalam perniagaan atas talian. Pendekatan SE akan dipergiat dengan memanfaatkan sumber setempat bagi mewujudkan peluang perniagaan. Pendekatan perniagaan inklusif akan digalakkan untuk membolehkan B40 terlibat dalam rantaian bekalan.

Menyemak Semula Kategori Kumpulan Pendapatan

Kategori kumpulan pendapatan isi rumah sedia ada akan disemak semula bagi membolehkan bantuan yang lebih bersasar. Semakan ini akan mengambil kira perubahan struktur pendapatan dan perbelanjaan, kos sara hidup, kuasa beli, demografi serta lokasi isi rumah. Kategori kumpulan pendapatan isi rumah yang baharu akan memantapkan lagi penggubalan dasar dan menambah baik penyampaian perkhidmatan.

Strategi B2

Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Asas untuk B40

Menambah Baik Akses kepada Pendidikan dan Latihan Kemahiran

Akses kepada pendidikan dan latihan kemahiran yang berkualiti akan diperkukuh untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan dalam kalangan ahli isi rumah B40. ECCE akan terus dipertingkat dengan menggalakkan CBO menyediakan kemudahan di kawasan yang kekurangan perkhidmatan tersebut. Anak-anak dari isi rumah B40 akan terus diberi keutamaan dalam pemberian biasiswa dan pengambilan ke SBP dan MRSM. Bantuan kewangan akan diteruskan untuk melanjutkan pengajian ke latihan kemahiran termasuk TVET dan institusi pendidikan tinggi.

Meningkatkan Akses kepada Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Akses kepada penjagaan kesihatan yang berkualiti dan kemudahan kesihatan primer di kawasan luar bandar dan pedalaman akan dipertingkat untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang mampu bayar dan lebih baik. Inisiatif Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40 (PeKa B40) akan diperkukuh dengan memperluas liputan dan meningkatkan kesedaran kumpulan sasar mengenai manfaat PeKa B40. Bantuan PeKa B40 akan membiayai sebahagian daripada kos perkhidmatan penjagaan kesihatan dan peralatan perubatan. Model wakaf akan diguna sebagai alternatif bagi meringankan beban B40 dalam memenuhi perbelanjaan penjagaan kesihatan. Model ini juga akan menyediakan perkhidmatan ambulans, pusat dialisis dan pusat penjagaan warga emas. Di samping itu, koperasi akan digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berpatutan kepada ahli mereka.

Meningkatkan Peluang B40 untuk Memiliki Rumah

Dasar dan program perumahan sedia ada untuk membantu B40 akan diteruskan. Walau bagaimanapun, untuk memiliki rumah mampu milik, keutamaan akan diberikan kepada desil pendapatan B1. Dalam hubungan ini, program perumahan seperti Sewa untuk Beli (RTO), Rumah Mesra Rakyat dan Program Perumahan Penjawat Awam Malaysia akan terus dilaksana. Penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta PBT akan diperkukuh dalam mengintegrasi dan memperkemas dasar perumahan secara menyeluruh.

Strategi B3

Meningkatkan Sosioekonomi Isi Rumah Cina dan India Berpendapatan Rendah

Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah Cina Berpendapatan Rendah

Strategi dan inisiatif untuk menangani kemiskinan serta pemerkasaan B40 akan dilaksana tanpa mengira etnik. Bagi isi rumah Cina berpendapatan rendah di Kampung Baru, akses kepada kemudahan kewangan akan diteruskan dengan menyediakan pinjaman perniagaan untuk membantu meluaskan perniagaan mereka. Skim Pinjaman Khas Penduduk Kampung Baru akan diperluas termasuk aktiviti mempromosi Kampung Baru sebagai destinasi pelancongan yang menarik. Di samping itu, infrastruktur dan kemudahan asas akan terus dinaik taraf bagi membolehkan komuniti Kampung Baru menikmati kemudahan yang lebih baik.

Meningkatkan Taraf Hidup Isi Rumah India Berpendapatan Rendah

Dalam mencapai pembangunan inklusif, kesejahteraan isi rumah India berpendapatan rendah akan terus diberi keutamaan, selaras dengan Pelan Tindakan Masyarakat India. Akses kepada pendidikan berkualiti akan ditambah baik manakala pencapaian pendidikan yang rendah dan isu keciciran dalam kalangan komuniti ini akan ditangani. Program peningkatan kemahiran bersasar yang memenuhi keperluan pemain industri akan ditawarkan untuk meningkatkan peluang pekerjaan manakala peluang keusahawanan akan dipertingkat. Di samping itu, program yang bersesuaian seperti kursus pra dan pasca perkahwinan serta perkhidmatan sokongan untuk keluarga yang berisiko tinggi akan disediakan bagi menangani isu keluarga dan belia yang bermasalah secara menyeluruh.

Bidang Keutamaan C

Memberi Sokongan kepada M40 bagi Mewujudkan Masyarakat yang Saksama

Usaha bersepadu bagi menyokong M40 terutamanya desil pendapatan M1[17] akan dilaksana untuk memperoleh manfaat ekonomi yang lebih saksama dan menambah baik taraf kehidupan mereka. Dalam hubungan ini, akses kepada pendidikan akan ditambah baik manakala pemilikan rumah mampu milik akan dimudah cara. Di samping itu, insentif akan disediakan untuk menggalakkan mereka memiliki insurans kesihatan dan insurans pekerjaan.



[17] Kumpulan 10% terendah desil pendapatan isi rumah M40. Berdasarkan HIES & BA 2019, pendapatan bulanan isi rumah M1 pada peringkat nasional adalah di antara RM4,850 dan RM5,879.

Strategi C1

Melonjakkan Pendapatan M40

Penyertaan M40 dalam Aktiviti Penjanaan Pendapatan

Pendapatan M40 akan dipertingkat bagi menangani kos sara hidup yang tinggi dan mengelak mereka daripada tergolong dalam kumpulan mudah terjejas. Dalam hubungan ini, M40 akan digalak untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan dan pendapatan sampingan serta melabur dalam portfolio penjanaan pendapatan. Ekonomi perkongsian akan digalakkan dalam kalangan M40 melalui penggunaan platform digital. Di samping itu, institusi kewangan akan digalak untuk menyediakan program literasi kewangan dan khidmat nasihat.

Strategi C2

Meningkatkan Akses kepada Pendidikan yang Berkualiti dan Mampu Bayar

Menyediakan Bantuan Pengasuhan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak

Peningkatan akses kepada pendidikan mampu bayar akan mengurangkan beban M40 dalam menyediakan pendidikan yang berkualiti untuk anak mereka. Selain itu, perkhidmatan ECCE mampu bayar, khususnya di kawasan bandar dan premis sektor awam akan disediakan dan dipertingkat. Sektor swasta akan terus digalakkan untuk menyediakan perkhidmatan penjagaan harian di tempat kerja.

Strategi C3

Menggalakkan Perlindungan Kesihatan dan Pekerjaan

Menggalakkan Insurans Kesihatan dan Pekerjaan

M40 akan digalak untuk melanggan insurans kesihatan dan pekerjaan untuk mengurangkan risiko mereka daripada kewangan yang mudah terjejas. Selain itu, kelayakan pelepasan cukai pendapatan ke atas insurans kesihatan dan hayat serta pekerjaan untuk M40 akan dikaji semula bagi mengurangkan beban kos penjagaan kesihatan. Inisiatif ini akan memberi perlindungan kepada mereka daripada keadaan luar jangka disebabkan oleh risiko kesihatan dan berkaitan pekerjaan.

Strategi C4

Meningkatkan Pemilikan Rumah oleh M40

Memudah Cara Pemilikan Rumah Mampu Milik

Pemilikan rumah mampu milik untuk M40 akan dipermudahkan. Usaha ini akan dilaksana melalui kerjasama yang lebih erat dengan kerajaan negeri dan sektor swasta dalam menyediakan rumah mampu milik yang berkualiti di lokasi yang strategik. Program RTO akan diperkukuh bagi menyediakan pilihan kepada M40 memiliki rumah dengan ansuran bulanan yang mampu bayar.

Bidang Keutamaan D

Mencapai Kesaksamaan Keberhasilan Bumiputera

Agenda Bumiputera akan terus menjadi agenda nasional bagi mencapai pembangunan sosioekonomi yang adil, saksama dan inklusif selaras dengan WKB 2030. Agenda ini akan dirangkumkan dalam semua dasar sedia ada dan dasar yang baharu. Pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan diberi keutamaan dengan menambah baik tadbir urus, penyampaian perkhidmatan dan pembangunan modal insan serta memperkukuh akses kepada pendidikan. Perniagaan Bumiputera akan diperkasa supaya berdaya tahan dan mampan. Di samping itu, usaha bersepadu akan dilaksana bagi meningkatkan penciptaan kekayaan, memanfaatkan sepenuhnya potensi TRM dan instrumen wakaf serta memastikan pemilikan ekuiti korporat yang mampan.

- **Strategi D1** — Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera
- **Strategi D2** — Menambah Baik Tadbir Urus dan Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan
- **Strategi D3** — Memperkukuh Pendidikan dan Memperkasa Modal Insan
- **Strategi D4** — Meningkatkan Daya Tahan dan Kemampanan Perniagaan Bumiputera
- **Strategi D5** — Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera
- **Strategi D6** — Memanfaatkan Sepenuhnya Tanah Rizab Melayu dan Instrumen Wakaf
- **Strategi D7** — Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat yang Mampan

Strategi D1

Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Bumiputera

Membasmi Kemiskinan dan Meningkatkan Pendapatan Isi Rumah Bumiputera

Usaha yang bersasar dan strategik akan dilaksanakan bagi mencapai manfaat sosioekonomi yang lebih saksama dalam kalangan isi rumah Bumiputera. Bantuan akan terus disediakan kepada isi rumah Bumiputera yang miskin untuk meningkatkan akses kepada beberapa keperluan asas seperti perumahan, pendidikan dan kesihatan. Selain itu, isi rumah B40 Bumiputera akan digalak mempelbagaikan sumber pendapatan bagi meningkatkan taraf hidup melalui penyediaan latihan yang bersesuaian.

Isi rumah M40 Bumiputera akan terus diperkasa bagi meningkatkan potensi untuk menikmati taraf hidup yang lebih baik. Kumpulan ini akan digalakkan untuk menceburi bidang keusahawanan, mempertingkat literasi dalam pengurusan kewangan dan pelaburan serta menyertai aktiviti untuk menjana pendapatan tambahan termasuk memanfaatkan platform digital. Selain itu, T20 Bumiputera akan digalakkan untuk menyumbang semula secara aktif kepada komuniti Bumiputera. Kerjasama antara EDO Bumiputera, SOE dan sektor swasta dengan ikon yang berjaya akan diwujudkan untuk penciptaan nilai dan kesan limpahan berganda.

Strategi D2

Menambah Baik Tadbir Urus dan Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan

Tadbir urus dan penyampaian perkhidmatan institusi dan agensi mandat Bumiputera akan ditambah baik untuk memastikan kejayaan agenda pembangunan sosioekonomi Bumiputera. Dalam hubungan ini, fungsi dan program institusi ini akan dinilai semula bagi memastikan keberkesanan dan mengelak berlakunya pertindihan. Pangkalan data Bumiputera merentas kementerian, agensi dan SOE juga akan diselaraskan. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyokong pencapaian matlamat kesaksamaan keberhasilan Bumiputera.

Menambah Baik Tadbir Urus Institusi dan Agensi Mandat Bumiputera

Usaha bersepadu akan ditumpukan bagi menggalakkan tadbir urus yang baik dan penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Dalam hubungan ini, mandat, fungsi, program Kerajaan dan peranan institusi Bumiputera akan dikaji semula bagi memastikan Bumiputera mendapat faedah sepenuhnya. Selain itu, program untuk menghidupkan semula aspirasi agenda Bumiputera dalam kalangan pemimpin institusi dan agensi mandat Bumiputera akan diperkenal untuk memastikan komitmen penuh dalam melaksana agenda ini.

Mandat dan fungsi berkaitan Bumiputera di setiap kementerian dan agensi akan diselaras bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan agenda Bumiputera. Dalam hubungan ini, Bahagian Kemakmuran Bumiputera (BKB) akan diwujudkan semula di setiap kementerian dan agensi melalui penempatan semula kakitangan sedia ada. Bahagian ini akan bertanggungjawab untuk melaksana agenda Bumiputera pada peringkat kementerian dan agensi serta memantau dan menilai kesaksamaan keberhasilan pelaksanaan ini. Sementara itu, lembaga pengarah dan pengurusan tertinggi EDO dan SOE akan dilantik dalam kalangan ahli korporat dan pemain industri yang berkelayakan selaras dengan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia. Mereka juga harus dipilih dalam kalangan yang mampu menjayakan pelaksanaan agenda Bumiputera.

Peranan MARA akan diperkukuh berdasarkan kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta MARA 1966. MARA akan meneroka model pembangunan baharu untuk terus memacu kemajuan dalam meningkatkan kedudukan sosioekonomi Bumiputera. MARA juga akan terus terlibat dalam beberapa aktiviti komersial dan perindustrian untuk mewujudkan lebih banyak peluang kepada usahawan Bumiputera. Tambahan pula, MARA akan memainkan peranan penting untuk meneroka potensi ekonomi TRM.

TERAJU akan terus memainkan peranan utama dalam pelaksanaan agenda Bumiputera dan menjadi sekretariat kepada Majlis Kemakmuran Bumiputera dalam menyelaras, memantau dan menilai pelaksanaan program pembangunan strategik Bumiputera. TERAJU akan membangunkan pangkalan data berkaitan penyertaan Bumiputera dalam aktiviti sosioekonomi utama. Pengumpulan dan perkongsian data dalam kalangan pihak berkepentingan akan ditambah baik untuk memudah cara penubuhan gudang data Bumiputera yang bersepadu. Selain itu, TERAJU akan mewujudkan satu gerbang tunggal yang menyediakan maklumat dan perkhidmatan berkaitan pendidikan, latihan, keusahawanan, pemilikan ekuiti dan hartanah Bumiputera.

Memperkukuh Sistem Penyampaian Perkhidmatan

Prestasi lembaga pengarah dan ketua pegawai eksekutif bagi EDO dan SOE akan dinilai berasaskan kepada keberhasilan petunjuk prestasi utama (KPI). *Scorecard* Bumiputera akan diperkenal semula untuk mengukur pencapaian keberhasilan sosioekonomi Bumiputera. Semua pihak berkepentingan termasuk Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan serta EDO dan SOE dikehendaki melaksanakan *scorecard* ini. Organisasi perniagaan dan sektor swasta akan turut digalakkan untuk menerima pakai *scorecard* tersebut. Indeks Kemakmuran Bumiputera yang komprehensif akan dibangunkan bagi mengukur kemajuan dan kesejahteraan Bumiputera.

Inisiatif akan diperkenal untuk menggalakkan peluang pekerjaan yang saksama kepada Bumiputera dalam sektor swasta bagi memastikan agihan peluang pekerjaan yang adil. Tambahan pula, dasar dan peraturan perolehan Kerajaan sedia ada juga akan dikaji semula dan diperkukuh bagi memastikan pengagihan kontrak Kerajaan yang saksama di setiap peringkat. Pindaan dan penambahbaikan akan dibuat ke atas Akta Syarikat 2016 dan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 bagi mengenal pasti pemilik sebenar saham dalam syarikat dan perolehan Kerajaan.

Strategi D3

Memperkukuh Pendidikan dan Memperkasa Modal Insan

Pembangunan modal insan akan menjadi tumpuan utama dalam meningkatkan kedudukan sosioekonomi Bumiputera. Usaha akan dipergiat dalam memperluas akses dan peluang pendidikan, meningkatkan kualiti program kemahiran, penyertaan dalam program profesional bertauliah serta kemahiran dan kebolehpasaran *huffaz*. Langkah ini adalah untuk menambah baik keupayaan dan kemampuan Bumiputera dalam mendapat peluang pekerjaan berkemahiran tinggi serta menghasilkan modal insan yang seimbang dari segi pengetahuan, kemahiran dan nilai moral.

Memperluas Akses dan Peluang Pendidikan

Akses kepada peluang pendidikan berkualiti dari peringkat prasekolah hingga peringkat pengajian tinggi akan menjadi tumpuan utama dalam meningkatkan status sosioekonomi Bumiputera. Institusi pendidikan MARA akan dimanfaatkan untuk melengkapkan modal insan Bumiputera dengan kemahiran masa hadapan termasuk kecerdasan buatan (AI), kemahiran digital lanjutan, pemikiran kritis serta kerohanian dan nilai positif bagi meningkatkan kreativiti dan kecekapan. Institusi pendidikan Bumiputera juga akan digalak untuk melaksana program pemupukan dan pembangunan[18] dalam melengkapi program akademik dan latihan teknikal kepada pelajar dan pelatih.

Meningkatkan Kualiti Program Latihan Kemahiran

Latihan kemahiran berstruktur dalam program TVET akan dipergiat oleh MARA untuk meningkatkan bakat Bumiputera bagi memenuhi permintaan industri serta menangani isu kadar pengangguran Bumiputera yang tinggi terutama dalam kalangan belia. Dalam hubungan ini, platform digital akan dibangunkan melalui kerjasama antara IPT dan industri untuk meningkatkan peluang graduan Bumiputera mendapat pekerjaan. Di samping itu, program untuk membangunkan set kemahiran baharu berkaitan penyelesaian masalah yang kompleks, reka bentuk dan pengaturcaraan teknologi akan diperkenal bagi mempersiap Bumiputera mendapat pekerjaan mahir baru muncul.

[18] Program ini bertujuan bagi membantu pelajar dan pelatih memperoleh kemahiran dan nilai yang bersesuaian seperti kemahiran insaniah berkaitan industri, celik kewangan, ketersediaan pekerjaan, kepemimpinan dan nilai kerohanian untuk melengkapi kecekapan teknikal dalam mewujudkan individu yang seimbang dan berdaya saing.

Meningkatkan Penyertaan Bumiputera dalam Program Profesional Bertauliah

Lebih ramai graduan Bumiputera yang layak akan dibantu untuk meningkatkan jumlah profesional Bumiputera seperti akauntan, arkitek dan jurutera. Selaras dengan perkembangan teknologi dan 4IR, strategi khusus akan dirangka untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam kerjaya masa hadapan seperti penganalisis dan saintis data serta pakar data raya melalui kerjasama strategik dengan industri dan institusi latihan kemahiran. Di samping itu, lebih ramai profesional Bumiputera akan dilatih untuk menjadi pakar dalam pelbagai bidang seperti perubatan dan kejuruteraan. Dana akan diperoleh daripada SOE dan sektor swasta serta individu melalui dana masyarakat untuk mengurangkan kebergantungan kepada kerajaan.

Menambah Baik Kemahiran dan Kebolehpasaran *Huffaz*

Usaha bersepadu akan terus dilaksana untuk mengakreditasi program tahfiz[19] dalam menyediakan laluan yang lebih baik kepada *huffaz* untuk memasuki arus pendidikan perdana terutama dalam kalangan institusi tahfiz swasta. Dalam hubungan ini, modul tahfiz dan sukatan pelajaran akan dijajar dengan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT) agar selaras dengan Dasar Pendidikan Negara. Di samping itu, YPPB dan MARA akan terus melatih lebih ramai *huffaz* dalam bidang teknikal dan profesional serta program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) untuk meningkatkan peluang *huffaz* mendapat pekerjaan.

Strategi D4

Meningkatkan Daya Tahan dan Kemampanan Perniagaan Bumiputera

Peningkatan daya tahan dan kemampanan perniagaan Bumiputera akan diberi tumpuan utama dalam memperkasa budaya keusahawanan. Penyertaan Bumiputera dalam sektor strategik berimpak tinggi dan baru muncul akan diperkukuh. Inisiatif ini akan memastikan keupayaan perniagaan Bumiputera menjadi lebih berdaya saing pada semua peringkat dalam rantaian bekalan.

Mempertingkat Keupayaan dan Kemampuan Usahawan

Keupayaan dan kemampuan usahawan Bumiputera akan dipertingkat dengan memupuk sikap berdikari, minda yang berdaya saing dan budaya berprestasi tinggi. Bantuan kewangan dan bukan kewangan akan disedia berdasarkan merit dan keperluan. Program bimbingan dan pementoran berstruktur akan diperkukuh melalui penglibatan usahawan yang berjaya untuk berkongsi etika dan amalan perniagaan terbaik. Lebih ramai usahawan Bumiputera akan digalakkan untuk menceburi bidang ekonomi digital.

Mempergiat Program Keusahawanan

Program keusahawanan pada peringkat permulaan, termasuk kepada belia dan golongan profesional akan dipergiat untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dengan menyediakan lebih banyak latihan dan khidmat nasihat dalam perniagaan inovatif dan berasaskan pengetahuan. Usahawan Bumiputera akan didorong untuk menceburi industri yang mempunyai potensi pertumbuhan yang tinggi seperti halal, aeroangkasa, industri kreatif, biojisim pertanian, pelancongan, dan E&E termaju. Dalam hubungan ini, penyertaan Bumiputera dalam industri berpotensi tinggi ini akan disokong melalui perolehan teknologi tempatan dan asing serta harta intelek (IP). Tambahan pula, sektor korporat akan digalak untuk mewujudkan dana masyarakat Bumiputera bagi menyediakan pembiayaan alternatif kepada usahawan Bumiputera.

[19] Sekolah agama yang memberi tumpuan kepada pendidikan hafalan dan tafsiran Al-Quran.

Mempertingkat Penyertaan PMKS Bumiputera dalam Sektor Ekonomi Strategik Berimpak Tinggi dan Baru Muncul

Penyertaan PMKS Bumiputera dalam program pembangunan vendor akan terus dipergiat. Program ini akan diperkukuhkan dengan melibatkan MNC sebagai syarikat *anchor* untuk membantu vendor Bumiputera baharu bagi mempertingkatkan penglibatan dalam rantaian bekalan industri masa hadapan seperti peralatan perubatan bio dan aeroangkasa. Selain itu, inisiatif *carve-out and compete* akan diperluas kepada pelbagai sektor bagi meningkatkan keberkesanan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi. PMKS Bumiputera juga akan digalakkan untuk menubuhkan konsortium dan koperasi bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan untuk bersaing di sepanjang rantaian bekalan. VentureTECH pula akan menyuntik modal dalam syarikat Bumiputera yang berpotensi. Dasar pemisah yang jelas akan dirangka bagi menggalakkan syarikat PMKS Bumiputera yang berjaya agar lebih berdikari dan berdaya tahan.

Meneroka dan Mengembangkan Perniagaan

PMKS Bumiputera akan digalakkan untuk mengembangkan perniagaan dan menembusi pasaran antarabangsa. Dalam hubungan ini, SOE akan memperkukuh kerjasama dengan MNC dan syarikat antarabangsa dalam mengenal pasti dan membantu PMKS Bumiputera yang berpotensi. Perkongsian pintar antara SOE, institusi R&D dan PMKS Bumiputera akan dipergiat untuk membangun dan mengkomersialkan IP serta produk dan perkhidmatan inovatif bagi menembusi pasaran baharu. Usahawan Bumiputera akan digalak untuk menjalankan perniagaan di kawasan pertumbuhan baharu seluruh negara. Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) pula akan digesa untuk memperluas bantuan kewangan, bimbingan dan pementoran bagi menyokong usahawan Bumiputera yang berpotensi menceburi aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

Strategi D5

Meningkatkan Penciptaan Kekayaan Bumiputera

Memperkenalkan Mekanisme Pembiayaan Baharu untuk Aset Bukan Kewangan

Pelbagai inisiatif akan dilaksana untuk meningkatkan lagi pemilikan hartanah Bumiputera. Terma pembiayaan yang lebih baik untuk pembelian hartanah akan diperkenal melalui kerjasama antara institusi kewangan, pemaju swasta dan pelabur. Tambahan pula, EDO akan digalakkan untuk memperoleh dan membangunkan aset komersial dan perindustrian di bawah skim Sewa untuk Beli oleh usahawan Bumiputera.

Penubuhan sebuah dana khusus akan dikaji bagi menyediakan skim pembiayaan kewangan kepada isi rumah Bumiputera yang berkelayakan. Tambahan pula, bagi mengurangkan ketidakseimbangan wilayah, kawasan perbandaran baharu di pinggir bandar dengan kesalinghubungan dan infrastruktur yang baik akan dibangunkan oleh sektor swasta dan agensi mandat Bumiputera. Di samping itu, dasar kuota Bumiputera dalam pemilikan rumah akan diselaraskan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan kerajaan tempatan bagi membolehkan lebih ramai Bumiputera membeli aset kediaman pada harga yang berpatutan.

Memperkenalkan Model Perniagaan Baharu bagi Aset Bukan Kewangan

Bagi meningkatkan pemilikan aset Bumiputera, PHB akan meneroka model perniagaan baharu bagi membolehkannya terlibat dalam projek penswastaan kerajaan sebagai sebahagian daripada portfolio amanah pelaburan hartanah. Model baharu pemilikan hartanah akan diperkenal melalui suntikan dana ke dalam AHB. Suntikan ini bertujuan untuk menjana dividen yang akan dilabur semula sebagai instrumen pelaburan jangka panjang. EDO dan SOE akan meneroka model perniagaan baharu yang inovatif untuk mengekal dan meningkatkan pemilikan premis komersial dan perniagaan sesuai dengan kebiasaan baharu pasca pandemik COVID-19.

Strategi D6

Memanfaatkan Sepenuhnya Tanah Rizab Melayu dan Instrumen Wakaf

Memperkukuh Pembangunan Tanah Rizab Melayu dan Instrumen Wakaf

Bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi masyarakat Bumiputera, pembangunan TRM dan instrumen wakaf akan dioptimumkan. Dalam hubungan ini, pihak berkuasa negeri akan digalakkan untuk membangunkan TRM dan tanah wakaf dengan kerjasama agensi Persekutuan. Pelan induk bersepadu mengenai pembangunan TRM, tanah wakaf dan instrumen wakaf akan digubal untuk menyediakan rangka kerja bagi pembangunan sosioekonomi di peringkat negeri dan tempatan. Peranan dan skop Jawatankuasa Pemandu Pengurusan Data Tanah Rizab Melayu Semenanjung Malaysia akan diperluas untuk menyediakan garis panduan berkaitan pembangunan tanah dan penciptaan nilai.

Sebuah jawatankuasa yang dianggotai oleh wakil Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan ditubuhkan bagi menyediakan hala tuju yang menyeluruh berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pembangunan tanah wakaf. Di samping itu, potensi untuk mengembangkan konsep wakaf sebagai instrumen pembangunan sosioekonomi yang lebih meluas akan dikaji. Dana wakaf pada peringkat Persekutuan akan diwujudkan bagi menggembleng sumber daripada orang perseorangan dan badan korporat untuk membiayai aktiviti sosioekonomi. Inisiatif ini akan dilaksanakan tanpa menjejaskan status majlis agama Islam negeri sebagai pemegang amanah tunggal aset wakaf.

Strategi D7

Memastikan Pemilikan Ekuiti Korporat yang Mampan

Penguasaan berkesan Bumiputera dalam organisasi korporat akan dipertingkat untuk memastikan pemilikan ekuiti korporat yang mampan. Penguasaan ini dapat dicapai dengan meneliti semula strategi pelaburan dan meningkatkan literasi pelaburan. Peranan SOE sebagai pemboleh daya pembangunan dalam meningkatkan pemilikan ekuiti Bumiputera akan dimantapkan lagi.

Mengkaji Semula Strategi Pelaburan

Model pelaburan dalam agensi mandat Bumiputera akan dikaji semula untuk memastikan pulangan yang optimum kepada syarikat Bumiputera daripada pelaburan dan pelupusan strategik. Dalam memastikan pemilikan ekuiti sektor korporat Bumiputera yang mampan, saham dan syarikat yang dijual oleh agensi mandat Bumiputera akan ditawarkan kepada konsortium atau syarikat Bumiputera yang berkelayakan. Sebahagian daripada penjualan ini akan diagih dan dikongsi dengan agensi mandat Bumiputera yang lain untuk menambah baik pengagihan kekayaan Bumiputera. Pelupusan pemilikan oleh syarikat Bumiputera akan dipantau oleh pengawal selia sektor yang berkenaan untuk mengekalkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera. Cadangan untuk memperkenalkan jaringan keselamatan ekuiti akan dikaji bagi memastikan penjualan ekuiti Bumiputera akan dibuat kepada individu dan entiti Bumiputera lain yang berkelayakan.
Selain itu, Jawatankuasa Pemilikan Ekuiti yang ditubuhkan di bawah UPE, JPM akan dipertanggungjawabkan untuk memantau pelaksanaan dasar dan strategi bagi terus memperkukuh pemilikan ekuiti sektor korporat Bumiputera.

Mempertingkat Literasi Pelaburan

Institusi Bumiputera seperti PNB, MARA dan EKUINAS akan bekerjasama dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Malaysia bagi mempertingkat literasi pelaburan. Program jangkauan mengenai tawaran awam permulaan (IPO) akan dipergiat untuk menggalakkan individu, syarikat dan koperasi Bumiputera yang layak memohon Peruntukan Khas Saham Bumiputera. Inisiatif ini akan membantu meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera dalam syarikat awam yang tersenarai di Bursa Malaysia.

Memantapkan Peranan SOE sebagai Pemboleh Daya bagi Pemilikan Ekuiti Bumiputera

Pelaburan GLC dan GLIC akan memberi keutamaan kepada sektor strategik dan penglibatan dalam sektor bukan strategik akan dikurangkan secara berperingkat. Penjualan aset yang dimiliki GLC dan GLIC dalam sektor bukan strategik akan diselaras untuk memastikan pelupusan ini memberi keutamaan kepada usahawan dan entiti Bumiputera yang berkelayakan. GLC dan GLIC perlu memperkasa agenda Bumiputera bagi memastikan kemampanan pemilikan ekuiti sektor korporat Bumiputera. Program untuk memudah cara penyenaraian lebih banyak PLC Bumiputera akan diperluas dengan menambah baik program sedia ada. Kerjasama strategik dengan pelabur asing dan pengurus dana akan dipermudahkan untuk mengumpul dana bagi membantu PMKS Bumiputera dan PLC menjadi pemain antarabangsa.

PNB akan membantu meningkatkan penyertaan komuniti Bumiputera dalam perkhidmatan perancangan kewangan dan pelaburan berasaskan digital. Di samping itu, PNB akan memperkenal produk unit amanah baharu yang mempunyai pelaburan dalam pasaran antarabangsa. Dari segi strategi pelaburan, PNB akan terus melabur dalam syarikat berprestasi tinggi yang tersenarai di Bursa Malaysia. PNB juga akan mempelbagai portfolio pelaburan dalam pasaran domestik dan antarabangsa. Khazanah Nasional Berhad (KHAZANAH) sebagai sebuah institusi dana kekayaan berdaulat nasional akan terus menerajui kerjasama dengan GLC dan GLIC terpilih untuk menyokong dan memperkukuh Agenda Pemerkasaan Bumiputera dalam meningkatkan pemilikan ekuiti korporat. Syarikat Bumiputera dalam industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, industri hijau dan industri baru muncul akan dibangunkan melalui Program Pelaburan Berasaskan Prestasi VentureTECH.

Bidang Keutamaan E

Meningkatkan Pembangunan Masyarakat Orang Asli

Kesejahteraan Orang Asli akan dipertingkat bagi memastikan komuniti tersebut mampu menikmati pembangunan sosioekonomi negara dengan lebih bermakna. Sehubungan ini, pendekatan pembangunan yang komprehensif dengan tumpuan kepada pendidikan akan diperkenalkan. Pelan pembangunan sosioekonomi Orang Asli akan dirangka dengan menumpukan kepada usaha mengurangkan kemiskinan serta menyediakan infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan asas yang lebih baik. Kerjasama antara agensi akan diperkukuh untuk memantapkan penyampaian perkhidmatan. Kesemua inisiatif ini akan membantu pencapaian pembangunan yang inklusif serta meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti Orang Asli.



Strategi E1

Memantapkan Pendidikan sebagai Pemangkin Utama

Akses kepada pendidikan akan ditambah baik bagi menggalakkan mobiliti sosial Orang Asli. Usaha ini akan dilaksana melalui pengukuhan program pendidikan dan menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran. Ini akan meningkatkan pencapaian pendidikan dalam kalangan Orang Asli.

Memperkukuh Program Pendidikan

Usaha dalam memperkukuh program pendidikan sedia ada akan diperkemas. Akses kepada ECCE untuk komuniti Orang Asli akan ditambah baik bagi persediaan yang lebih baik untuk mereka memperolehi kemahiran asas membaca, menulis dan mengira (3M). Keciciran murid semasa peralihan dari peringkat ECCE ke sekolah rendah dan dari peringkat rendah ke menengah akan dikurangkan manakala, kaedah pengajaran dan pembelajaran akan ditambah baik bagi memastikan murid Orang Asli terus bersekolah dan menyambung pelajaran ke tahap yang lebih tinggi. Selain itu, kemasukan dalam program TVET dan pendidikan tertiari akan dipertingkat.

Program Jom Belajar akan diperluas lagi dalam kalangan komuniti untuk menambah baik kehadiran pelajar melalui kaedah pengajaran inovatif dan pembelajaran yang bersesuaian dalam mengurangkan kadar buta huruf. Dalam memastikan persekitaran hidup yang kondusif untuk guru, penginapan yang selesa wajar disediakan. Program Kelas Komuniti akan diteruskan bagi memastikan komuniti menguasai kemahiran asas 3M.

Memperkemas Pendekatan Pendidikan Orang Asli

Akses kepada pendidikan akan ditambah baik bagi menggalakkan mobiliti sosial Orang Asli. Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) yang menawarkan tempoh persekolahan sehingga ke Tingkatan 3 akan dapat diakses oleh murid Orang Asli bagi memudahkan peralihan murid daripada sekolah rendah ke sekolah menengah rendah. Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11) yang menyediakan 11 tahun persekolahan akan dilaksana bagi memastikan murid Orang Asli tetap bersekolah sehingga menduduki peperiksaan SPM. Bagi memotivasikan murid Orang Asli untuk belajar di peringkat menengah, sekolah K11 akan memberi tumpuan kepada program TVET dengan latihan kemahiran spesifik mengambil kira keperluan tempatan dan nasional.

Lepasan SPM dan graduan dari komuniti setempat akan digalakkan untuk membantu mengajar murid Orang Asli. Sehubungan itu, program khas Membawa Sekolah ke Komuniti akan diperkenalkan dengan kerjasama antara Kerajaan, universiti dan pertubuhan masyarakat sivil. Program ini akan menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran separa formal yang akan memberi penekanan kepada kemahiran 3M dalam memastikan murid bersedia memasuki sistem sekolah arus perdana.

Strategi E2

Mempercepat Pembangunan Sosioekonomi Orang Asli

Merangka Pelan Pembangunan Sosioekonomi yang Komprehensif untuk Orang Asli

Pembangunan sosioekonomi Orang Asli akan dipercepat dan disesuaikan dengan keperluan dan budaya komuniti. Dalam hal ini, satu pelan pembangunan akan dirangka meliputi pendidikan dan latihan, peningkatan pendapatan, penyediaan infrastruktur asas, pembangunan tanah, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perumahan. Pelan pembangunan sosioekonomi Orang Asli yang bersepadu akan dilaksana dengan kerjasama erat semua pihak yang berkepentingan. Kerjasama antara agensi akan diperkukuhkan untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan sistem penyampaian dalam meningkatkan kesejahteraan Orang Asli. Keupayaan dan kemampuan Jabatan Kemajuan Orang Asli dan agensi lain yang berkaitan akan diperkukuh.

Meningkatkan Pendapatan Orang Asli

Program pembasmian kemiskinan akan memfokuskan kepada aktiviti menjana pendapatan. Tanaman berpotensi yang mempunyai nilai komersial dan kraftangan tradisional akan terus dibangunkan untuk memanfaatkan sepenuhnya potensi mereka. Di samping itu, kemudahan pembiayaan mikro dan latihan kemahiran akan disediakan bagi membolehkan Orang Asli menjadi usahawan, terutama dalam ekopelancongan, agropelancongan serta kesenian dan kraftangan. Kerajaan Negeri akan digalakkan untuk menambah baik pewartaan tanah bagi aktiviti ekonomi.

Memperluas Infrastruktur, Perkhidmatan dan Kemudahan Asas Orang Asli

Usaha akan dipergiat bagi menambah baik kehidupan Orang Asli dengan memperluaskan infrastruktur, perkhidmatan dan kemudahan asas. Usaha ini termasuk pembinaan jalan dan penyediaan bekalan air terawat, bekalan elektrik dan perumahan untuk menaik taraf hidup komuniti ini. Akses kepada telekomunikasi dan perkhidmatan penjagaan kesihatan akan ditambah baik bagi meningkatkan kesejahteraan Orang Asli.

Bidang Keutamaan F

Memperkasa Kumpulan Sasar Khusus

Usaha yang padu akan digembleng bagi memperkasa kumpulan sasar khusus untuk meningkatkan kesejahteraan dan mencapai taraf hidup yang lebih tinggi berdasarkan prinsip tiada sesiapa yang tertinggal. Keutamaan akan diberi kepada kesejahteraan kanak-kanak, pembangunan belia serta pemerkasaan wanita. Inisiatif juga akan diberi kepada usaha untuk meningkatkan kesejahteraan warga emas, memperkasa OKU untuk berdikari dan memperkukuh institusi keluarga.



Strategi F1

Mengutamakan Kesejahteraan Kanak-kanak

Memperkukuh Tadbir Urus untuk Perkembangan dan Perlindungan Kanak-kanak

Usaha meningkatkan kesejahteraan kanak-kanak, tadbir urus dan mekanisme pelaksanaan untuk perkembangan dan perlindungan kanak-kanak akan ditambah baik. Indeks perkembangan kanak-kanak kebangsaan akan diperkenal sebagai kaedah menambah baik dasar berkaitan perkembangan biologi dan psikologi kanak-kanak. Proses perundangan berkaitan kanak-kanak akan disemak semula untuk melindungi mereka dengan lebih berkesan. Semakan semula ini akan melibatkan pengasingan kanak-kanak yang terlibat dengan jenayah ringan daripada penjenayah yang melakukan kesalahan yang lebih serius untuk membantu kanak-kanak tersebut diterima semula dalam masyarakat. Selain itu, isu perkahwinan kanak-kanak akan terus ditangani menerusi pelaksanaan Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur. Program ECCE akan dirasionalisasi untuk meningkatkan kebolehcapaian dan kualiti program serta memastikan bayaran yang berpatutan.

Strategi F2

Membangunkan Belia yang Dinamik, Berdaya Tahan dan Berdaya Saing

Memperkukuh Pembangunan dan Penyertaan Belia

Belia memainkan peranan penting dalam menentukan masa hadapan negara. Pelan kebangsaan mengenai pemerkasaan ekonomi belia akan diperkenal untuk hala tuju strategik dalam meningkatkan kebolehpasaran belia. Pelan ini akan merangkumi antara lain, latihan dan peningkatan kemahiran termasuk pendigitalan, penciptaan pekerjaan serta perkongsian maklumat mengenai kemudahan pembiayaan sedia ada. Di samping itu, rangkaian pendidikan kewangan untuk belia akan diperkenal sebagai platform untuk mempromosi program literasi kewangan dan pengurusan kredit. Program kepemimpinan dan kesukarelawanan belia pada peringkat sekolah, IPT dan komuniti akan diselaras untuk meningkatkan penyertaan belia dalam aktiviti komuniti. Tumpuan juga akan diberi untuk memupuk semangat patriotisme, mempertingkatkan kesedaran mengenai politik, Perlembagaan Persekutuan dan peranan sistem legislatif dalam pentadbiran negara. Ini adalah susulan pindaan Perlembagaan yang menurunkan usia mengundi kepada 18 tahun. Usaha untuk menggalakkan gaya hidup sihat dan aktif dalam kalangan belia akan dipergiat dengan memberi lebih penekanan kepada kesejahteraan mental. Selain itu, lebih banyak program akan dilaksana untuk meningkatkan kesedaran mengenai etika dalam penggunaan teknologi termasuk platform digital.

Strategi F3

Memperkasa Peranan Wanita

Menggalakkan Kesaksamaan Gender

Peranan wanita akan diperkasa untuk membolehkan mereka mengambil bahagian yang lebih penting dalam masyarakat. Usaha akan tertumpu kepada menggalakkan kesaksamaan gender, meningkatkan penyertaan dalam ekonomi dan menambah baik peranan wanita dalam proses membuat keputusan. Undang-undang berkaitan akan disemak semula bagi memastikan wanita mendapat perlindungan yang lebih baik. Rangka kerja bagi mengarus perdana gender[20] akan diperkenal untuk mengambil kira perspektif gender dalam menggubal dasar. Tumpuan akan diberikan kepada usaha memantapkan keupayaan institusi dan proses menggubal dasar berasaskan bukti terutama dalam analisis berkaitan gender. Penyertaan wanita akan ditingkatkan dalam semua sektor melalui pelbagai platform, termasuk dalam ekonomi perkongsian dan pembangunan keusahawanan.

Mempertingkat Perlindungan Undang-undang

Isu keselamatan dan perlindungan wanita akan terus ditangani dengan memperkukuh undang-undang sivil dan syariah serta meningkatkan program kesedaran dan intervensi mengenai hak wanita. Perundangan bagi menangani gangguan seksual dan ketidaksamaan gender akan diperkukuh untuk memastikan persekitaran yang selamat bagi wanita serta menghapus keganasan terhadap wanita dan diskriminasi gender.

[20] Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (ECOSOC) mendefinisikan pengarusperdanaan gender sebagai proses penilaian implikasi sebarang cadangan tindakan terhadap wanita dan lelaki, termasuk perundangan, dasar atau program, dalam semua bidang dan peringkat.

Strategi F4

Mempertingkat Kesejahteraan Warga Emas

Mempertingkat Penjagaan dan Sokongan kepada Warga Emas

Malaysia sedang menuju ke arah status negara tua[21] pada tahun 2030. Dalam hubungan ini, usaha bersepadu akan diambil untuk mempertingkat penjagaan, perlindungan dan sokongan bagi membolehkan warga emas menjadi anggota masyarakat yang aktif. Usaha ini termasuk memperkenal undang-undang bagi melindungi hak warga emas, mewujudkan rangka kerja jangka panjang yang komprehensif, meningkatkan kualiti dan perkhidmatan penjagaan warga emas serta menggiatkan industri penjagaan sosial. Kempen kesedaran mengenai kehidupan hari tua yang sihat akan dipergiat, manakala penjagaan warga emas akan dijadikan sebagai kerjaya profesional. Di samping itu, kerjasama antara penyedia penjagaan kesihatan awam dan swasta akan diperkukuh dengan memperluas perkhidmatan penjagaan paliatif bagi memastikan keberkesanan program intervensi. Inisiatif baharu juga akan diperkenal untuk memodenkan perkhidmatan penjagaan kesihatan melalui penggunaan internet benda (IoT) bagi pemantauan penjagaan di rumah dan perundingan perubatan secara maya.

Memperkukuh Perlindungan Sosial

Program untuk memupuk literasi kewangan dalam kalangan generasi muda akan dipergiat untuk menambah baik kemahiran pengurusan kewangan sebagai persiapan hari tua. Selain itu, sistem pencen dan perlindungan persaraan juga akan diperkemas. Skim persaraan swasta akan dipromosi sebagai pelengkap kepada skim yang sedia ada. Program bantuan sosial sedia ada akan diselaras untuk memperkukuh perlindungan sosial bagi warga emas. Dalam hubungan ini, e-Warga Emas akan dilancarkan sebagai pangkalan data bersepadu nasional warga emas untuk memudah cara penggubalan dasar dan pelaksanaan program yang lebih baik. Kebolehcapaian kepada program pembelajaran sepanjang hayat dan peluang pekerjaan akan diperluas untuk meningkatkan pendapatan dan kualiti hidup warga emas. PBT akan digalakkan untuk menerima guna Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas, manakala rangka dasar peringkat kebangsaan mengenai Bandar Mesra Usia akan diperkenal untuk menggalakkan persekitaran yang lebih kondusif kepada warga tua. Program intergenerasi akan terus dipromosi untuk memperkukuh interaksi sosial dalam kalangan generasi pelbagai peringkat.

[21] Negara yang penduduknya berumur 60 tahun dan ke atas mencapai 15% daripada jumlah penduduk.

Strategi F5

Memperkasa Orang Kurang Upaya

Memastikan Keterangkuman bagi Orang Kurang Upaya

Langkah akan diambil bagi memperkasa OKU untuk berdikari dan terlibat secara aktif dalam masyarakat. Pendaftaran OKU dalam SMOKU akan ditambah baik melalui kerjasama strategik antara pelbagai agensi dan CSO serta pengintegrasian dengan sistem Hab Perkongsian Data Kerajaan Malaysia (MyGDX). Usaha akan dipertingkat bagi memastikan keterangkuman OKU dalam aspek pendidikan dan kemahiran, guna tenaga, kewangan serta sukan. Lebih banyak peluang ekonomi akan disediakan kepada OKU melalui pelbagai platform, termasuk ekonomi perkongsian dan ekonomi digital. PBT akan terus digalakkan untuk menerima pakai prinsip reka bentuk sejagat untuk menambah baik kebolehcapaian kemudahan awam oleh OKU. Perlindungan sosial untuk OKU juga akan diperkukuh dengan menyemak semula liputan perlindungan insurans, termasuk kepada penjaga.

Strategi F6

Memperkukuh Institusi Keluarga

Membina Institusi Keluarga yang Kukuh

Institusi keluarga memainkan peranan penting dalam membentuk individu bagi membina komuniti yang kukuh dan masyarakat yang penyayang. Dalam hubungan ini, institusi keluarga akan diperkukuh dengan memperkasa komuniti. Program pendidikan pra perkahwinan dan kemahiran keibubapaan akan dirangka semula bagi memanfaatkan platform digital dan lebih relevan kepada isu dan cabaran semasa.

Keseimbangan antara kehidupan dan pekerjaan akan ditambah baik dengan menggalakkan aturan masa bekerja yang fleksibel. Kaedah bekerja yang lebih fleksibel ini akan diperluas, manakala sektor swasta akan digalakkan untuk menyediakan cuti paterniti dan perkhidmatan penjagaan yang lebih baik. Program kesihatan seksual dan reproduktif akan ditambah baik dengan meningkatkan peranan Pusat Subfertiliti Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN). Khidmat nasihat berkaitan hutang dan literasi kewangan akan ditambah baik, terutama untuk B40. Program kesedaran mengenai literasi digital akan diperluas dalam kalangan ibu bapa untuk menangani masalah ketagihan digital, manakala program perlindungan kanak-kanak dalam dunia siber akan dijadikan sebahagian daripada modul kurikulum sekolah. Ini adalah untuk meningkatkan kefahaman mengenai ancaman siber.

Kesimpulan

RMKe-11 tertumpu kepada pencapaian yang lebih saksama dan meningkatkan kesejahteraan masyarakat selaras dengan prinsip inklusiviti. Penekanan juga telah diberikan kepada usaha untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli kumpulan B40, menambah baik pembangunan BEC dan menangani ketersisihan sosial kumpulan sasar yang khusus. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran dalam menangani kemiskinan dan ketidaksamarataan sosioekonomi. Dalam tempoh RMKe-12, penekanan yang lebih akan diberikan kepada usaha menangani isu kemiskinan dan memperkukuh inklusiviti serta mencapai taraf hidup yang wajar dan keadilan sosial. Langkah akan ditumpukan kepada pendidikan dan latihan, keusahawanan, perlindungan sosial untuk semua isi rumah terutama golongan miskin, B40, M40, Bumiputera, Orang Asli dan kumpulan sasar khusus. Ini adalah sejajar dengan WKB 2030 dan Agenda 2030. Usaha yang menyeluruh dan pelaksanaan yang bersepadu dalam menangani kemiskinan dan membangunkan masyarakat inklusif akan memandu Malaysia menjadi sebuah negara maju, inklusif dan makmur pada tahun 2030.

Bab 6

Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah



Pendahuluan 6-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 6-3

- Pencapaian Sasaran Terpilih 6-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 6-5
- Pembangunan Ekonomi Wilayah 6-5
- Asas Ekonomi yang Pelbagai dan Ketersambungan yang Lebih Baik 6-6
- Bandar yang Berdaya Saing 6-6
- Kerjasama Subserantau ASEAN 6-7
- Pembangunan Luar Bandar 6-7
- Infrastruktur Luar Bandar 6-7
- Kesalinghubungan antara Bandar dan Luar Bandar 6-7
- Aktiviti Ekonomi Luar Bandar 6-8

Isu dan Cabaran 6-8

- Pembangunan Wilayah yang Tidak Seimbang 6-8
- Kelemahan Pengurusan Pembangunan Bandar 6-9
- Jurang Pembangunan antara Luar Bandar dan Bandar 6-9
- Kekurangan Peluang Ekonomi di Kawasan Sempadan 6-10

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 6-10

- Bidang Keutamaan A 6-14
  Memanfaatkan Potensi Ekonomi Wilayah
- Bidang Keutamaan B 6-18
  Membangunkan Bandar yang Mampan
- Bidang Keutamaan C 6-22
  Mentransformasi Kawasan Luar Bandar bagi Merapatkan Jurang Pembangunan

Kesimpulan 6-25

6

Pendahuluan

Pembangunan wilayah bermatlamat untuk menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang saksama antara wilayah dan negeri serta kawasan luar bandar dan bandar. Dalam tempoh RMKe-11, tumpuan telah diberi untuk memperkukuh kerjasama antara negeri serta memoden dan mempelbagai asas ekonomi bagi merangsangkan pertumbuhan merentas wilayah. Kawasan pertumbuhan dan bandar utama telah dimanfaatkan untuk mewujudkan peluang pelaburan dan melonjakkan ekonomi bandar. Platform kerjasama subserantau ASEAN, iaitu Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand (IMT-GT) dan Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) telah dimanfaatkan untuk memudah cara pembangunan di kawasan sempadan. Akses dan ketersambungan kepada infrastruktur dan kemudahan asas telah ditambah baik untuk menjana lebih banyak aktiviti ekonomi di kawasan kurang membangun. Namun begitu, ketidaksamaan dan ketidakseimbangan antara negeri, dalam negeri dan wilayah masih wujud. Jurang pembangunan di antara kawasan luar bandar dan bandar pula masih berterusan.

Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan dipergiat untuk mempercepat pembangunan yang lebih inklusif bagi negeri dan wilayah, serta merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar. Ini termasuk memanfaatkan sepenuhnya potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan[1] dan mentransformasi kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan. Lebih penekanan akan diberi untuk pembangunan di negeri kurang membangun.

[1] Bandar yang memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keupayaan generasi masa hadapan untuk memenuhi keperluan mereka. Bandar mampan perlu mengambil kira kesepaduan dan keseimbangan dalam aspek ekonomi, sosial, kebudayaan, fizikal dan alam sekitar dalam proses pembangunan melalui penekanan kepada penggunaan sumber yang cekap bagi meningkatkan kualiti hidup.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai langkah telah dilaksana pada peringkat wilayah dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar bagi mencapai keseimbangan pembangunan. Penekanan telah diberi untuk menarik pelaburan, menjana aktiviti ekonomi dan menambah baik infrastruktur di wilayah kurang membangun dan kawasan luar bandar. Ini telah menyumbang kepada agihan manfaat sosioekonomi yang lebih baik dalam kalangan wilayah dan negeri serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Pencapaian Sasaran Terpilih

Dalam tempoh RMKe-11, lapan sasaran terpilih telah dikenal pasti seperti ditunjukkan dalam *Paparan 6-1*. Lima sasaran telah tercapai iaitu Kajian Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu, pembinaan jalan berturap di kawasan luar bandar, tambahan bilangan rumah yang menerima bekalan elektrik serta membina dan menaik taraf menara telekomunikasi di luar bandar. Sasaran lain tidak tercapai disebabkan oleh pelbagai isu, termasuk pelaksanaan projek pembangunan yang perlahan dan impak pandemik COVID-19.

Paparan 6-1

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih

Memperkukuh Pembangunan Ekonomi Wilayah




Kajian Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu




Kajian Pelan Induk Daya Saing Bandar


Merapatkan Jurang Pembangunan antara Bandar dan Luar Bandar




Nisbah Ketidaksamaan Pendapatan Isi Rumah antara Bandar dan Luar Bandar




Pembinaan Jalan Berturap




Tambahan Rumah Menerima Bekalan Air Bersih dan Terawat



Tambahan Rumah Menerima Bekalan Elektrik



Menara Baharu



Menara Dinaik Taraf

Menara Telekomunikasi Luar Bandar Seluruh Negara



Pencapaian Inisiatif Terpilih

Pelbagai langkah telah diambil untuk menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang lebih saksama antara enam wilayah, iaitu Utara, Timur, Tengah, Selatan, Sabah dan Sarawak. Ini termasuk memperkukuh dan menyelaras pembangunan ekonomi wilayah, memoden dan mempelbagaikan asas ekonomi, menggalakkan bandar yang berdaya saing, mempertingkat kerjasama subserantau serta mempercepat pembangunan luar bandar. Kekuatan dan sumber yang tersedia di setiap wilayah telah dimanfaat bagi merangsang pertumbuhan dan mempertingkat pembangunan sosioekonomi.


Pembangunan Ekonomi Wilayah

Usaha untuk memperkukuh dan menyelaras pembangunan ekonomi wilayah telah dilaksana termasuk penyediaan kajian Rangka Kerja Pembangunan Wilayah Bersepadu pada tahun 2019. Kajian ini merangkumi rangka kerja komprehensif dan semakan semula indeks komposit pembangunan sebagai panduan perancangan untuk semua peringkat kerajaan. Enam negeri kurang membangun, iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis telah diberi keutamaan dalam agihan peruntukan perbelanjaan pembangunan (DE). Berdasarkan kepada peruntukan asal, sebanyak 46% daripada jumlah DE RMKe-11 telah diagihkan untuk negeri-negeri tersebut, terutama bagi pelaksanaan projek infrastruktur termasuk jalan raya, bekalan air, saliran dan pengairan serta projek pertanian untuk memastikan pembangunan yang lebih seimbang antara negeri.

Langkah telah diambil untuk memperkukuh aktiviti ekonomi bagi mengurangkan ketidaksamaan sosioekonomi antara wilayah dan negeri. Semua wilayah mencatat pencapaian yang lebih baik dalam aspek keluaran dalam negeri kasar (KDNK) per kapita, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 6-2*. KDNK per kapita bagi wilayah Tengah dan Sarawak melepasi purata nasional, iaitu RM43,378. Berdasarkan pertumbuhan KDNK per kapita, wilayah Tengah dan Utara mencatat pertumbuhan purata tahunan paling pesat sebanyak 3.7%, berbanding kadar nasional sebanyak 2.8% bagi tempoh 2016 hingga 2020.

Paparan 6-2

Keluaran Dalam Negeri Kasar Per Kapita Mengikut Wilayah, 2015 dan 2020




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Semua wilayah dan negeri juga menunjukkan peningkatan dalam pendapatan penengah bulanan isi rumah pada tahun 2019, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 6-3*. Wilayah Tengah dan Selatan melepasi penengah nasional, iaitu RM5,873. Pendapatan penengah bulanan isi rumah di Wilayah Persekutuan (WP) Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Selangor, WP Labuan, Johor, Pulau Pinang dan Melaka adalah lebih tinggi daripada penengah nasional. Wilayah Tengah dan Timur mencatat pertumbuhan pendapatan penengah bulanan isi rumah pada kadar 5.8%, melepasi penengah nasional 5% antara tahun 2014 hingga 2019. Terengganu menunjukkan pertumbuhan pendapatan penengah bulanan isi rumah yang paling pesat, iaitu 7.7% dalam tempoh yang sama.

Paparan 6-3

Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah, 2014 dan 2019



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Asas Ekonomi yang Pelbagai dan Ketersambungan yang Lebih Baik

Usaha bersepadu turut dilaksana untuk mempelbagai asas ekonomi dan menyediakan ketersambungan yang lebih baik. Penekanan telah diberi untuk menggalakkan kepelbagaian aktiviti hiliran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dalam pelbagai sektor melalui penggunaan teknologi moden. Pelaksanaan projek ekonomi seperti projek Taman Biopolimer Kertih di wilayah Timur dan Terminal Kontena Kluster Industri Kelapa Sawit Lahad Datu di Sabah telah berupaya menarik pelaburan berkualiti, menyediakan peluang pekerjaan dan merangsang pertumbuhan di wilayah tersebut. Usaha turut dipergiat untuk menambah baik akses dan ketersambungan melalui penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas seperti rangkaian pengangkutan, utiliti dan infrastruktur digital. Antara projek yang dilaksana termasuk pembinaan *Central Spine Road* dan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai di wilayah Timur serta penyediaan infrastruktur bagi Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi dan Jalur Lebar Pinggir Bandar.

Bandar yang Berdaya Saing

Empat Pelan Induk Daya Saing Bandar (CCMP) untuk WP Kuala Lumpur, Johor Bahru, Kuching dan Kota Kinabalu telah disiapkan. Pelan ini bertujuan untuk meningkatkan daya saing bandar utama dengan mengenal pasti pemacu utama pertumbuhan dan memaksimumkan sumbangan bandar utama sebagai pemangkin pertumbuhan. CCMP untuk George Town dan Kuantan dijangka siap pada tahun 2021. Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia (MSCF) pula telah dilancarkan pada tahun 2019 bagi melaksana inisiatif bandar pintar dan menjadikan bandar di Malaysia setara dengan bandar pintar global. Objektif MSCF adalah untuk menggalakkan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan teknologi termaju bagi menangani isu perbandaran.

Inisiatif untuk menggalakkan daya saing bandar dalam aspek kehidupan dan ketersambungan yang lebih baik terus diberi tumpuan dengan menambah baik infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan bagi kesejahteraan penduduk bandar. Projek pengangkutan rel utama termasuk Transit Aliran Ringan 2 (LRT 2) yang disiapkan pada tahun 2016 dan Transit Aliran Massa 1 (MRT 1) pada tahun 2017 telah mengurangkan kesesakan di kawasan *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*. Usaha juga dilaksana bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan dengan membina tambahan 13 Pusat Transformasi Bandar di seluruh negara. Dasar Perumahan Negara 2018-2025, Dasar Perumahan Mampu Milik Negara (DRMM) dan 29 garis panduan perancangan telah disediakan sebagai rangka kerja yang memberi panduan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mencapai kualiti hidup yang lebih baik bagi penduduk bandar.

Tahap kesejahteraan penduduk bandar diukur melalui Indeks Kebahagiaan yang merupakan satu daripada indikator dalam sistem Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia (MURNInets). Berdasarkan penilaian Indeks Kebahagiaan mengikut kategori PBT pada tahun 2019, sebanyak 66%, iaitu 69 daripada 105 PBT yang dinilai mencapai tahap bahagia berbanding 10%, iaitu 10 daripada 101 PBT pada tahun 2015. Daripada pencapaian tersebut, 10 bandar dikategorikan sebagai bandar paling bahagia pada tahun 2019. Enam bandar mencatat markah 100%, iaitu Bentong, Jasin, Kuala Terengganu, Kuantan, Seremban dan Taiping, manakala empat bandar lagi mencatat markah melebihi 90%, iaitu Kulai, Melaka Bandaraya Bersejarah, Jeli dan Yan. Antara kriteria yang diambil kira bagi menentukan bandar paling bahagia adalah termasuk hubungan kekeluargaan dan tahap kesihatan yang baik serta kualiti perkhidmatan PBT.

Kerjasama Subserantau ASEAN

Kerjasama subserantau ASEAN yang meliputi kawasan IMT-GT dan BIMP-EAGA terus dimanfaatkan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat. Inisiatif ditumpukan untuk menambah baik ketersambungan dan memudahkan urusan pelepasan di sempadan untuk pergerakan orang dan barangan. Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) fasa dua di Bukit Kayu Hitam yang siap dibina telah meningkatkan penyampaian perkhidmatan dan membantu merancakkan aktiviti ekonomi rentas sempadan. Kemajuan juga telah dicapai dalam menghubungkan ICQS Bukit Kayu Hitam dengan kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) Sadao, Thailand.

Ketersambungan dalam kawasan subserantau terus dipertingkat dengan pelaksanaan pelbagai projek di bawah Projek Ketersambungan Fizikal (PCP) IMT-GT dan Projek Infrastruktur Keutamaan (PIP) BIMP–EAGA. Projek tersebut berada dalam pelbagai peringkat pelaksanaan. Pemeteraian memorandum persefahaman (MoU) mengenai kesalinghubungan udara antara negara anggota IMT-GT telah meningkatkan peluang untuk pengembangan perniagaan, termasuk aktiviti pelancongan. Di bawah MoU ini, tujuh lapangan terbang domestik yang khusus telah dikenal pasti untuk menyediakan penerbangan terus yang akan meningkatkan mobiliti dan merancakkan aktiviti ekonomi. Lebuhraya Pan Borneo Pakej 1 di Sarawak pula telah siap dibina. Kerja menaik taraf Lapangan Terbang Sandakan dan pembesaran Pelabuhan Kontena Teluk Sepanggar sedang dalam pembinaan. Pelan Tindakan Bandar Hijau Kota Kinabalu pula telah dilancarkan pada tahun 2019.

Pembangunan Luar Bandar

Usaha terus dilaksana untuk mempercepat pembangunan luar bandar, terutama di kawasan terpencil yang tertentu. Langkah yang telah diambil untuk merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar, termasuk menambah baik infrastruktur luar bandar, meningkatkan kesalinghubungan antara bandar dan luar bandar serta mempromosi aktiviti ekonomi setempat. Ini telah mengurangkan ketidaksamaan pendapatan antara bandar dan luar bandar, iaitu daripada nisbah 1:0.57 pada tahun 2016 kepada 1:0.58 pada tahun 2019.

Infrastruktur Luar Bandar

Infrastruktur luar bandar telah ditambah baik dengan membina dan menaik taraf jalan luar bandar dan infrastruktur digital serta meningkatkan liputan bekalan air dan elektrik. Dalam tempoh RMKe-11, sepanjang 3,982 kilometer jalan berturap di kawasan luar bandar telah dibina dan dinaik taraf bagi menambah baik ketersambungan. Tambahan sebanyak 46,697 rumah di kawasan luar bandar yang mendapat bekalan air telah meningkatkan liputan perkhidmatan ini kepada 96%. Liputan bekalan elektrik luar bandar telah mencapai 98% yang memberi akses kepada tambahan 49,415 rumah. Pembinaan 380 menara telekomunikasi baharu dan penaiktarafan 1,183 menara di kawasan luar bandar, telah melebihi sasaran yang ditetapkan di bawah RMKe-11. Ini telah meningkatkan liputan perkhidmatan jalur lebar kepada 95.5% pada tahun 2019 berbanding 85% pada tahun 2015.

Kesalinghubungan antara Bandar dan Luar Bandar

Ketersambungan antara kawasan luar bandar dan pekan kecil serta kawasan bandar dalam negeri dan wilayah telah ditambah baik. Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti telah diperluas bagi menambah baik ketersambungan di antara kawasan bandar dan luar bandar serta menyediakan perjalanan berjadual untuk komuniti luar bandar. Perkhidmatan myBAS telah diperluas ke laluan baharu di kawasan luar bandar yang kurang mendapat perkhidmatan seperti Bahau di Negeri Sembilan, Salak Tinggi di Selangor dan Chemor di Perak.

Akses kepada perkhidmatan asas di kawasan luar bandar seperti penjagaan kesihatan primer, pendidikan dan perumahan mampu milik terus dipertingkat. Liputan penjagaan kesihatan primer telah diperluas melalui pembinaan dan penaiktarafan 478 klinik kesihatan dan 139 klinik komuniti. Program jangkauan penjagaan kesihatan telah diperkukuh dengan tambahan 218 klinik kesihatan bergerak dan 10 perkhidmatan Doktor Udara. Selain itu, akses

kepada pendidikan berkualiti telah ditambah baik melalui pembinaan dan penaiktarafan 776 sekolah, termasuk sekolah daif. Program Bantuan Rumah (PBR) telah meningkatkan akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti di kawasan luar bandar dengan pembinaan 6,919 rumah baharu dan pembaikan 35,794 rumah. Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) dan mini RTC telah dijenamakan semula sebagai Pusat Komuniti Desa (PKD). Semua pusat ini terus menawarkan perkhidmatan kerajaan oleh agensi barisan hadapan, khidmat nasihat perniagaan dan program kemahiran keusahawanan. Sehingga tahun 2020, sebanyak 191 PKD telah ditubuhkan di seluruh negara.

Aktiviti Ekonomi Luar Bandar

Inisiatif untuk mempergiat aktiviti ekonomi setempat di kawasan luar bandar telah dilaksana dengan menggalakkan lebih banyak penyertaan sektor swasta dan keusahawanan luar bandar. Ini termasuk projek Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM), Projek Integrasi Tanaman Nanas dan Program Peningkatan Pendapatan (PPP). TKPM telah dimanfaatkan sepenuhnya untuk meningkatkan pengeluaran makanan melalui amalan pertanian yang baik dan membangunkan agropreneur dengan pendapatan bulanan minimum sebanyak RM4,000. Pada tahun 2020, seramai 1,303 agropreneur telah terlibat dalam 68 TKPM sedia ada di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 626 agroprenuer memperoleh pendapatan purata bulanan sebanyak RM4,000. Integrasi tanaman nanas dalam subsektor agrikomoditi, terutama kelapa sawit dan getah melalui Projek Integrasi Tanaman Nanas memberi manfaat kepada 839 peserta melibatkan kawasan seluas lebih daripada 880 hektar. Sebanyak 70% peserta memperoleh pendapatan purata bulanan melebihi RM3,700. Selain itu, seramai 321 daripada 803 peserta dalam pelbagai program di bawah PPP seperti bakeri, peruncitan dan penanaman cili secara fertigasi berjaya meningkatkan pendapatan sebanyak 30%.

Program Desa Lestari dan *Rural Business Challenge* (RBC) di bawah konsep Kampung Maju Abad ke-21 telah dilaksana untuk memberi inspirasi kepada komuniti luar bandar untuk menetap dan bekerja atau menceburi perniagaan di kawasan luar bandar. Melalui program Desa Lestari, sebanyak 551 pekerjaan telah diwujudkan dengan penyertaan 71 koperasi desa yang memberi manfaat kepada 5,563 ahli. Di bawah program RBC pula, sebanyak 209 usahawan belia telah diberi bantuan pembangunan perniagaan, mewujudkan 1,892 pekerjaan dan meningkatkan keuntungan purata tahunan sebanyak 30%.

Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS) telah diwujudkan di 10 Pusat Internet Desa (PID) seluruh negara. PeDAS berperanan sebagai pusat sehenti bagi menawarkan peluang kepada usahawan PMKS untuk meningkatkan kemahiran dalam ekonomi digital. Program latihan berstruktur juga telah diperkenal bagi meningkatkan kemahiran keusahawanan dan pengurusan bagi usahawan luar bandar. Dalam hubungan ini, sebanyak 300 kursus merangkumi Program Latihan Usahawan, Kursus Pelancongan Desa: *Homestay* dan Kursus Pengurusan Institusi Desa Berasaskan ICT: Perniagaan Atas Talian telah dijalankan. Kursus ini telah memberi manfaat kepada lebih daripada 370,000 usahawan luar bandar.

Isu dan Cabaran

Walaupun beberapa kemajuan telah dicapai dari aspek keseimbangan wilayah dalam tempoh RMKe-11, namun pelbagai usaha masih perlu dilaksana. Ketidaksamaan antara wilayah dan negeri serta kawasan bandar dan luar bandar terus wujud. Isu yang dikenal pasti adalah pembangunan wilayah yang tidak seimbang, pengurusan pembangunan bandar yang lemah, jurang pembangunan antara luar bandar dan bandar serta peluang ekonomi yang tidak mencukupi di kawasan sempadan.

Isu dan Cabaran

- Pembangunan Wilayah yang Tidak Seimbang
- Kelemahan Pengurusan Pembangunan Bandar
- Jurang Pembangunan antara Luar Bandar dan Bandar
- Kekurangan Peluang Ekonomi di Kawasan Sempadan

Pembangunan Wilayah yang Tidak Seimbang

Pembangunan wilayah yang tidak seimbang sebahagiannya disebabkan oleh kekurangan perancangan ekonomi dan spatial yang khusus di wilayah. Tumpuan yang berlebihan kepada aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang rendah dan ekosistem sokongan yang tidak mencukupi terus melebarkan jurang pembangunan. Perancangan pembangunan spatial di setiap wilayah kurang tumpuan dan gagal untuk mengenal pasti aktiviti ekonomi utama yang berpotensi. Terdapat juga isu kurangnya kerjasama

antara wilayah dan negeri. Aktiviti ekonomi dilaksana tanpa memanfaatkan kekuatan dan kelebihan sedia ada di setiap wilayah. Ini telah menimbulkan persaingan yang tidak sihat dalam menarik pelaburan dan mendapatkan sumber antara wilayah.

Kebanyakan wilayah terlibat dalam aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang rendah yang tidak menerima guna teknologi tinggi atau tidak menggaji pekerja yang berintensifkan pengetahuan. Ini mengakibatkan kurang keupayaan untuk menarik pelaburan berkualiti. Beberapa wilayah terlalu bergantung kepada keluaran pertanian dan industri berasaskan sumber yang menjadikan wilayah tersebut mudah terjejas akibat ketidaktentuan harga komoditi. Ini antara lain telah mengakibatkan pendapatan per kapita yang lebih rendah di wilayah.

Ekosistem sokongan yang tidak mencukupi telah menjejaskan persekitaran perniagaan dan pertumbuhan ekonomi. Penyediaan infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan asas termasuk bekalan air dan elektrik, liputan jalur lebar serta ketersambungan jalan raya dan perkhidmatan pengangkutan masih tidak mencukupi. Isu ini telah menjejaskan usaha menarik pelaburan berkualiti tinggi. Kekurangan aktiviti R&D&C&I turut menjejaskan usaha untuk meningkatkan produktiviti. Beberapa wilayah di luar Lembah Klang juga menghadapi kekurangan pekerja mahir untuk memenuhi permintaan khusus oleh industri.

Kelemahan Pengurusan Pembangunan Bandar

Kadar urbanisasi Malaysia telah meningkat daripada 74.3% pada tahun 2015 kepada 77.2% pada tahun 2020. Perancangan yang kurang berkesan, kepadatan ekonomi yang rendah, kemerosotan alam sekitar dan persekitaran bandar yang kurang kondusif telah mengakibatkan pembangunan fizikal, ekonomi dan sosial yang kurang mampan. Perancangan dan tadbir urus bandar juga terhalang sebahagiannya disebabkan oleh persempadanan bandar yang tidak jelas, data peringkat bandar yang tidak mencukupi, mekanisme pemantauan yang kurang berkesan serta kekurangan keupayaan dan kemampuan kebanyakan PBT dalam mengguna pakai pendekatan inovatif. Perkongsian data yang kurang antara agensi kerajaan, khususnya data peringkat bandar juga menghalang perancangan dan pembangunan bandar yang berkesan.

Beberapa bandar utama di Malaysia masih mengalami kepadatan ekonomi yang rendah berbanding kebanyakan bandar di negara berpendapatan tinggi. Ini disebabkan oleh ketidakupayaan untuk menarik pelaburan terutama dalam industri berteknologi tinggi serta guna tanah yang lebih tertumpu kepada pembangunan perumahan dan hartanah. Selain itu, penerimagunaan Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon (LCCF) yang rendah termasuk pengurusan sisa dan penggunaan tenaga yang kurang cekap juga memberi cabaran dalam pembangunan bandar lestari. Pendapatan isi rumah, perumahan mampu milik dan kemudahan asas yang tidak mencukupi serta kos sara hidup yang tinggi menjejaskan daya huni di kawasan bandar. Ketersambungan batuan pertama dan akhir kepada kemudahan pengangkutan awam sedia ada yang masih kurang dan pembangunan berorientasikan transit yang terhad di bandar telah meningkatkan kos sara hidup penduduk bandar.

Jurang Pembangunan antara Luar Bandar dan Bandar

Jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar masih wujud disebabkan oleh pembangunan luar bandar yang lebih perlahan. Isu dan cabaran utama dalam pembangunan luar bandar termasuk infrastruktur, perkhidmatan dan kemudahan asas yang tidak mencukupi serta kekurangan kesalinghubungan dengan bandar. Selain itu, ekonomi luar bandar masih tertumpu kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang rendah serta kurang penyelarasan antara agensi. Ini telah menjejaskan kesejahteraan dan kualiti hidup penduduk luar bandar.

Infrastruktur termasuk jalan raya berturap, bekalan air dan elektrik serta infrastruktur digital yang disediakan untuk beberapa kelompok penduduk dan kawasan terpencil masih tidak mencukupi. Ini disebabkan oleh akses yang kurang baik, bentuk muka bumi yang mencabar dan populasi yang berselerak. Kemudahan asas di kawasan luar bandar terutama sanitasi, pembetungan, sistem saliran, pelupusan sisa serta liputan telekomunikasi dan jalur lebar tidak mencukupi. Perkhidmatan asas seperti perumahan dan penjagaan kesihatan awam juga masih kurang mencukupi di kawasan luar bandar. Kekurangan akses kepada perkhidmatan pengangkutan dan logistik menghalang ketersambungan dan mobiliti di kawasan luar bandar yang disebabkan oleh perkhidmatan bas yang tidak mampan serta perkhidmatan logistik yang tidak mencukupi. Kekurangan ini mengekang pelaburan, seterusnya mengehadkan keupayaan komuniti luar bandar untuk menyertai aktiviti ekonomi.

Kebanyakan penduduk di luar bandar bekerja dalam bidang perkerjaan yang berkemahiran rendah. Pada tahun 2020, sebanyak 20.4% daripada tenaga kerja luar bandar berpendidikan rendah, manakala 56.4% menamatkan pendidikan menengah. Kebanyakan guna tenaga luar bandar terlibat dalam aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang rendah terutamanya dalam sektor perkhidmatan dan pertanian. Tambahan pula, usahawan luar bandar kurang memanfaatkan ekonomi digital.

Mekanisme pelaksanaan yang kurang berkesan mengakibatkan ketidakcekapan penggunaan sumber dalam pembangunan luar bandar. Kelemahan penyelarasan antara pelbagai pihak berkepentingan telah menyebabkan pertindihan program dan kumpulan sasar. Kekurangan pengalaman, profesionalisme dan kemahiran kepimpinan dalam kalangan pemimpin luar bandar juga menyebabkan pentadbiran kampung kurang berkualiti. Data yang kurang berkualiti dalam Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) menghalang perancangan pembangunan luar bandar yang komprehensif.

Kekurangan Peluang Ekonomi di Kawasan Sempadan

Peluang ekonomi rentas sempadan dan pembangunan rantaian nilai yang terhad masih menjadi cabaran dalam membangunkan kawasan sempadan. Punca utama kepada isu ini adalah kekurangan akses kepada kemudahan asas dan ketersambungan serta kelemahan kerjasama dan penyelarasan antara agensi. Bekalan elektrik dan air, kemudahan pengurusan sisa serta infrastruktur dan perkhidmatan telekomunikasi yang tidak mencukupi menyukarkan PMKS untuk mengembangkan perniagaan atau meneroka perniagaan baharu. Dari segi ketersambungan pengangkutan, masih terdapat jurang antara kawasan sempadan dengan bandar serta pusat perindustrian.

Kebanyakan perniagaan yang beroperasi di kawasan sempadan adalah PMKS yang tertumpu kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang rendah dan kurang menggunakan teknologi. Kekurangan projek pemangkin untuk memacu aktiviti ekonomi tempatan telah mengehadkan PMKS daripada beralih kepada rantaian nilai ekonomi yang lebih tinggi. Di samping itu, ketiadaan peraturan rentas sempadan yang mudah dan seragam telah mengakibatkan masa pelepasan yang panjang untuk pergerakan barangan, orang dan kenderaan. Ini secara tidak langsung meningkatkan kos transaksi perniagaan. Selain itu, kerjasama dan penyelarasan yang lemah antara kementerian, agensi dan pihak berkuasa negeri telah mengakibatkan pelaksanaan program dan projek rentas sempadan kurang berkesan.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Dalam tempoh RMKe-12, tumpuan akan terus diberi untuk mempercepat pembangunan wilayah yang seimbang dan inklusif. Ini akan dilaksana dengan memanfaatkan potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan dan mentransformasi kawasan luar bandar bagi merapatkan jurang pembangunan. Pelaksanaan langkah ini akan merangsang pertumbuhan ekonomi di semua wilayah serta menambah baik daya huni di kawasan luar bandar dan bandar. Inisiatif ini juga akan menyokong pencapaian Matlamat 6, 7, 8, 9, 10 dan 11 di bawah Agenda 2030.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Mempertingkat Keseimbangan dan Keterangkuman Wilayah

Bidang Keutamaan A

Memanfaatkan Potensi Ekonomi Wilayah

Strategi A1
Mempercepat Pembangunan Berasaskan Nod Pertumbuhan Utama dan Kawasan Titik Tumpuan

Strategi A2
Menarik Pelaburan Berkualiti

Strategi A3
Menambah Baik Ekosistem Perniagaan

Strategi A4
Mempertingkat Kerjasama Strategik dan Penyelarasan

Strategi A5
Meningkatkan Kerjasama di bawah IMT-GT dan BIMP-EAGA

Bidang Keutamaan C

Mentransformasi Kawasan Luar Bandar bagi Merapatkan Jurang Pembangunan

Strategi C1
Mempercepat Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

Strategi C2
Mempelbagai dan Merancakkan Aktiviti Ekonomi

Strategi C3
Menambah Baik Tadbir Urus

Bidang Keutamaan B

Membangunkan Bandar yang Mampan

Strategi B1
Menggalakkan Perancangan dan Tadbir Urus Bandar yang Berkesan

Strategi B2
Mempergiat Ekonomi Bandar yang Mampan








Strategi B3
Mengutamakan Pembangunan Bandar Hijau dan Berdaya Tahan

Strategi B4
Membangunkan Masyarakat Bandar yang Mampan



Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Memanfaatkan Potensi Ekonomi Wilayah

	Utara	Tengah	Selatan	Timur	Sabah	Sarawak
Nisbah KDNK Per Kapita wilayah kepada wilayah Tengah	 2025	 2025	 2025	 2025	 2025	 2025
Pertumbuhan Purata KDNK	 2021-2025	 2021-2025	 2021-2025	 2021-2025	 2021-2025	 2021-2025
Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah	 2025	 2025	 2025	 2025	 2025	 2025

Membangunkan Bandar yang Mampan



2025

Mencapai Status Bandar Mampan Berdasarkan MURNInets



2025

Melaksana Pelan Tindakan Bandar Hijau di bawah IMT-GT dan BIMP-EAGA

Mentransformasi Kawasan Luar Bandar bagi Merapatkan Jurang Pembangunan



2025

Membina dan Menaik Taraf Jalan Luar Bandar Berturap




2025

Liputan Air Bersih dan Selamat



2025

Liputan Elektrik



2025

Nisbah Pendapatan Luar Bandar kepada Bandar

Sasaran

SDG

WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Memanfaatkan Potensi Ekonomi Wilayah

Potensi ekonomi wilayah akan dimanfaatkan bagi merangsang pertumbuhan ekonomi serta menangani ketidakseimbangan antara dan dalam wilayah. Tumpuan akan diberi untuk mempercepat pembangunan berasaskan nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan, menarik pelaburan berkualiti, menambah baik ekosistem perniagaan, mempertingkat kerjasama strategik dan penyelarasan serta meningkatkan kerjasama di bawah IMT-GT dan BIMP-EAGA. Inisiatif ini adalah penting untuk mengurangkan jurang sosioekonomi rentas wilayah dan negeri bagi mencapai pembangunan wilayah yang lebih seimbang dan inklusif.

- Strategi A1 — Mempercepat Pembangunan Berasaskan Nod Pertumbuhan Utama dan Kawasan Titik Tumpuan
- Strategi A2 — Menarik Pelaburan Berkualiti
- Strategi A3 — Menambah Baik Ekosistem Perniagaan
- Strategi A4 — Mempertingkat Kerjasama Strategik dan Penyelarasan
- Strategi A5 — Meningkatkan Kerjasama di bawah IMT-GT dan BIMP-EAGA

Strategi A1

Mempercepat Pembangunan Berasaskan Nod Pertumbuhan Utama dan Kawasan Titik Tumpuan

Pembangunan wilayah akan berpandukan kepada pembangunan nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan. Sehubungan itu, beberapa kegiatan ekonomi terpilih akan dipergiat di kawasan tersebut. Usaha akan ditumpu untuk mempercepat pelaksanaan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan inisiatif pertumbuhan hijau yang seterusnya akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan memastikan pembangunan wilayah yang inklusif.

Mempergiat Aktiviti Ekonomi di Nod Pertumbuhan Utama dan Kawasan Titik Tumpuan

Nod pertumbuhan utama akan dibangunkan di setiap wilayah sebagai hab aktiviti ekonomi bagi menggalakkan ekonomi bidangan, aglomerasi aktiviti ekonomi, penggunaan sumber secara optimum dan mewujudkan ekosistem yang kondusif. Kawasan titik tumpuan, iaitu kawasan di sekeliling nod pertumbuhan utama yang memiliki potensi untuk dibangunkan dalam skala yang lebih kecil, akan dibangunkan sebagai pelengkap kepada nod pertumbuhan utama. Pembangunan yang sinergistik melalui nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan akan dapat menarik pelaburan strategik dan berkualiti serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan. Ini juga akan memberi limpahan ekonomi kepada kawasan sekitar.

Negeri akan terus memainkan peranan penting dalam pembangunan sosioekonomi bagi mencapai pertumbuhan yang lebih seimbang dan inklusif. Dalam hubungan ini, program pembangunan strategik pada peringkat wilayah dan negeri akan dilaksana melalui inisiatif yang dipacu oleh kerajaan negeri dan projek yang diterajui oleh sektor swasta. Pembangunan perbandaran baharu yang diterajui oleh pihak swasta, termasuk *Setia Fontaines* di Pulau Pinang serta Seriemas di Ampangan dan Rantau, Negeri Sembilan dijangka akan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan dan perniagaan. Perbandaran *Setia Fontaines* dijangka akan memanfaatkan konsep *eco-city*, manakala perbandaran Seriemas akan menumpukan kepada konsep Pembangunan Berorientasikan Transit (TOD) dan Pembangunan Bersebelahan Transit (TAD). Ini akan menggalakkan pembangunan pesat bagi kawasan berkepadatan tinggi. Projek pembangunan yang diterajui oleh sektor swasta akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan negeri yang lebih pesat.

Projek pembangunan bercampur yang bersepadu dan komprehensif, termasuk pembangunan pemangkin seperti *Malaysia Vision Valley 2.0* (MVV 2.0) di Negeri Sembilan dan cadangan *Pagoh Special Economic Zone* di Johor akan menyediakan peluang pertumbuhan baharu. MVV 2.0 yang diterajui oleh kerajaan negeri melalui kerjasama awam dan swasta akan menumpukan kepada aktiviti industri berteknologi tinggi, termasuk industri aeroangkasa. Aktiviti ekonomi ini akan menjadi pemangkin kepada pertumbuhan baharu di kawasan segitiga Seremban, Nilai dan Port Dickson. Pembangunan fasa ketiga Techpark@Enstek di Negeri Sembilan akan memperluas pembangunan berkaitan aktiviti halal terutama dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal dan kosmetik. Di samping itu, cadangan *Pagoh Special Economic Zone* akan menarik pelaburan tempatan dan luar negara, seterusnya menawarkan potensi besar untuk pembangunan pada masa hadapan bagi kawasan tersebut. Projek yang diterajui oleh sektor swasta ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan keusahawanan serta memberi kesan limpahan ekonomi kepada kawasan sekitar. Usaha ini akan meningkatkan pertumbuhan ekonomi di negeri dan wilayah tersebut, seterusnya memacu pembangunan yang lebih seimbang dan inklusif di seluruh negara.

Peluasan dan persempadanan baharu kawasan pembangunan Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak yang meliputi kawasan Ulu Rajang, Utara dan Tanah Tinggi akan memastikan pembangunan yang lebih menyeluruh serta mempercepat pertumbuhan ekonomi di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak. Selain itu, cadangan peluasan sempadan koridor wilayah lain yang melibatkan pertambahan beberapa daerah dan mukim akan menggalakkan pembangunan dan lebih banyak aktiviti ekonomi di kawasan ini.

Mempercepat Aktiviti yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi

Pemain industri, khususnya PMKS di nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan akan digalakkan untuk meningkatkan rantaian nilai dan menceburi aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Usaha akan dilaksana untuk memudah cara industri menguasai 4IR dengan menerima guna teknologi, automasi dan inovasi, terutama dalam proses perindustrian yang kompleks. Ini akan membantu industri untuk menjadi lebih mampan dan berdaya saing serta mewujudkan peluang dalam pasaran baharu.

Melaksana Inisiatif Pertumbuhan Hijau

Industri akan digalakkan untuk melaksana inisiatif pertumbuhan hijau dengan menerima guna teknologi hijau dan amalan terbaik. Inisiatif ini akan mengurangkan pelepasan gas rumah kaca (GHG) dan pencemaran serta memastikan penggunaan sumber asli yang mampan. Ini juga akan membuka peluang untuk meningkatkan inovasi dan penciptaan nilai serta mengarus perdana aspek alam sekitar dalam aktiviti ekonomi.

Strategi A2

Menarik Pelaburan Berkualiti

Langkah untuk menarik pelaburan berkualiti, terutama di wilayah yang kurang membangun akan dipergiat untuk mempercepat pembangunan. Tumpuan akan diberi untuk menggalakkan aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, teknologi termaju dan berintensifkan pengetahuan dengan menambah baik pakej insentif yang lebih berdaya saing dan mempergiat R&D&C&I. Inisiatif ini akan meningkatkan produktiviti dan daya saing industri.

Memberi Tumpuan kepada Aktiviti yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi, Teknologi Termaju dan Berintensifkan Pengetahuan

Bagi meningkatkan produktiviti dan menjana pendapatan per kapita yang tinggi, usaha akan diambil untuk beralih daripada aktiviti ekonomi yang bernilai rendah kepada yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, teknologi termaju dan berintensifkan pengetahuan. Ini akan dicapai dengan mempertingkat kemudahan kepada industri, memperkukuh penyertaan dalam rantaian nilai global, mempergiat pembangunan bakat dan meningkatkan kerjasama antarabangsa. Usaha ini akan melengkapkan keseluruhan rantaian nilai dalam ekosistem bagi menarik pelaburan berkualiti dan mempercepat pertumbuhan ekonomi wilayah.

Menambah Baik Pakej Insentif

Pakej insentif akan ditambah baik untuk menarik lebih banyak pelaburan berkualiti bagi memangkin aktiviti ekonomi terpilih merentas nod pertumbuhan utama dan kawasan titik tumpuan. Ia juga akan diperluas bagi menarik pelaburan ke kawasan yang kurang membangun. Insentif ini akan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan berkemahiran dan keusahawanan. Ini seterusnya akan meningkatkan pembangunan sosioekonomi wilayah.

Mempergiat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

Usaha untuk mempertingkat R&D&C&I akan dipergiat bagi meningkatkan produktiviti, terutama dalam kalangan PMKS. Industri akan digalakkan untuk bekerjasama dengan IPT dan

pusat penyelidikan bagi menjalankan penyelidikan yang memberi tumpuan kepada keperluan spesifik industri dan komuniti di setiap wilayah. Syarikat peneraju akan dikenal pasti bagi membantu PMKS di wilayah yang kurang membangun. Dalam industri perniagaan tani, syarikat peneraju akan memainkan peranan aktif dalam menyediakan bantuan teknikal dan akses pasaran yang lebih luas kepada agropreneur berskala kecil. Inisiatif ini akan memberi peluang yang lebih luas kepada PMKS untuk berkembang.

Strategi A3

Menambah Baik Ekosistem Perniagaan

Ekosistem yang kondusif akan merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan daya saing. Ketersambungan dan mobiliti akan ditambah baik untuk melonjakkan aktiviti ekonomi antara dan dalam wilayah. Langkah akan dilaksana untuk mempertingkat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas, mempergiat pembangunan bakat dan keusahawanan serta menggalakkan kerjasama bagi mewujudkan rangkaian pengeluaran yang lebih luas.

Menambah Baik Ketersambungan dan Mobiliti untuk Melonjakkan Aktiviti Ekonomi Antara dan Dalam Wilayah

Ekosistem ekonomi wilayah akan ditambah baik untuk memastikan industri sedia ada dalam wilayah terus berkembang dan kekal berdaya saing. Rangkaian pengangkutan akan diperkukuh bagi mempertingkat ketersambungan dan mobiliti serta melonjakkan aktiviti ekonomi antara dan dalam wilayah. Penambahbaikan rangkaian pengangkutan bersepadu bagi perhubungan melalui darat, udara dan laut akan merangsang pertumbuhan ekonomi, memudah cara pergerakan orang dan barangan serta mengurangkan masa perjalanan dan kos pengangkutan. Selain itu, pelaksanaan beberapa projek pemangkin oleh sektor swasta bagi menambah baik jaringan pengangkutan akan digalakkan. Ini akan merancakkan aktiviti ekonomi, menarik lebih banyak pelaburan berkualiti dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Projek ini termasuk Lebuhraya Persisiran Pantai Barat dan cadangan pembinaan jambatan Labuan-Menumbok.

Mempertingkat Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Asas

Penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas, termasuk bekalan air dan elektrik serta liputan jalur lebar akan terus dipertingkat merentas wilayah. Kerjasama antara pelbagai agensi, termasuk kerajaan negeri akan diperkukuh untuk menambah baik daya harap bekalan air dan elektrik bagi memenuhi permintaan industri. Peluasan rangkaian gentian optik akan menyediakan perkhidmatan jalur lebar berkelajuan tinggi dan berdaya harap bagi menyokong permintaan industri yang semakin meningkat.

Mempergiat Pembangunan Bakat dan Keusahawanan

Usaha akan dilaksana untuk mempergiat pembangunan bakat, mengurangkan ketidakpadanan kemahiran bagi memenuhi permintaan industri serta meningkatkan pembangunan keusahawanan di setiap wilayah. Program pembangunan bakat akan terus ditambah baik dengan memberi penekanan kepada pengetahuan dan kemahiran berhubung teknologi 4IR seiring dengan keperluan industri yang dinamik. Latihan kemahiran spesifik berdasarkan aktiviti ekonomi terpilih di setiap wilayah akan dilaksana melalui kerjasama dengan IPT dan institusi TVET. Syarikat juga digalakkan untuk menyediakan program latihan industri. Program keusahawanan akan diperkukuh untuk mewujudkan lebih banyak perniagaan baharu dan penciptaan pekerjaan baharu pada peringkat wilayah.

Menggalakkan Kerjasama dalam Rangkaian Pengeluaran yang Lebih Luas

Dalam menguasai 4IR, PMKS akan digalakkan untuk meningkatkan penyertaan dalam rangkaian pengeluaran yang lebih luas merangkumi firma besar dan syarikat multinasional. Usaha ini akan meningkatkan rantaian nilai, membuka peluang perniagaan baharu, meningkatkan akses pasaran dan memudah cara penerimagunaan teknologi 4IR. Model *triple helix*[2] akan dimanfaatkan bagi menyediakan khidmat nasihat dan perundingan mengenai penggunaan teknologi terkini. Kaedah analitik akan diguna untuk menyediakan unjuran bagi membolehkan keputusan dibuat berasaskan data.

[2] Kerjasama antara kerajaan, industri dan IPT dengan memanfaatkan teknologi dan inovasi bagi merangsang pembangunan ekonomi.

Strategi A4

Mempertingkat Kerjasama Strategik dan Penyelarasan

Kerjasama strategik dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan diperkukuh untuk menyokong perancangan dan pelaksanaan pembangunan wilayah yang berkesan. Penekanan akan diberi untuk menambah baik mekanisme pelaksanaan dan meningkatkan perkongsian data. Enam negeri kurang membangun akan terus diberi keutamaan dalam agihan peruntukan pembangunan.

Memperkukuh Perancangan Wilayah

Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan diperkukuh untuk menggalakkan pembangunan yang mampan dan seimbang merentas wilayah. Peranan agensi utama pada peringkat negeri juga akan diselaraskan untuk menyokong perancangan dan penyelarasan wilayah yang lebih berkesan, terutama di enam negeri kurang membangun. Ini termasuk merasionalisasi peranan perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN), unit perancang ekonomi negeri, lembaga kemajuan wilayah dan pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah.

Perancangan pembangunan kerajaan negeri akan dijajarkan bagi menyokong dan melengkap dasar serta strategi pembangunan pada peringkat Kerajaan Persekutuan. Dasar peringkat negeri seperti *Smart Selangor Action Plan* 2025, Pelan Induk Terengganu Sejahtera 2030 dan Pelan Digital Perlis 2021-2025 akan dijajarkan kepada objektif transformasi digital pada peringkat nasional. Inisiatif peringkat negeri seperti penambahbaikan perkhidmatan logistik, pengurusan sungai dan pembangunan industri aeroangkasa juga akan diselaraskan dengan dasar pembangunan yang berkaitan pada peringkat Persekutuan. Penjajaran ini akan memudahkan perancangan pembangunan yang lebih baik bagi mencapai keseimbangan pertumbuhan wilayah.

Menambah Baik Mekanisme Pemantauan dan Meningkatkan Perkongsian Data

Indeks Komposit Pembangunan 2.0 (IKP 2.0) akan diperkenal sebagai instrumen untuk mengukur tahap pembangunan pada peringkat negeri dan wilayah. IKP 2.0 akan merangkumi dimensi ekonomi, sosial dan alam sekitar. Indeks ini akan mengambil kira indikator Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia yang berkaitan di samping menggabungkan elemen hijau bagi mengukur tahap pencapaian pembangunan mampan. Selain itu, perkongsian data antara agensi Persekutuan dan negeri akan dipertingkat melalui penyelarasan dan kerjasama yang lebih baik.

Memberi Keutamaan Agihan Peruntukan Pembangunan kepada Negeri Kurang Membangun

Enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu akan terus diberi keutamaan dengan agihan sekurang-kurangnya 50% daripada keseluruhan peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan[3]. Kerjasama yang lebih baik antara agensi Persekutuan dan negeri akan diwujudkan untuk memastikan program dan projek pembangunan bersasar dilaksana dengan berkesan dan cekap. Ini akan mempercepat penyediaan infrastruktur dan kemudahan asas serta menjana lebih banyak peluang ekonomi di negeri kurang membangun dan mengurangkan jurang pembangunan.

Strategi A5

Meningkatkan Kerjasama di bawah IMT-GT dan BIMP-EAGA

Pembangunan wilayah akan terus memanfaatkan platform kerjasama subserantau untuk menggalakkan dan mempercepat pertumbuhan sosioekonomi. Kerjasama di bawah IMT-GT dan BIMP-EAGA akan memberi tumpuan untuk menggalakkan perdagangan rentas sempadan, pelaburan dan pembangunan mampan berasaskan kelebihan berbanding dan daya saing. Penekanan akan diberi untuk meningkatkan aktiviti ekonomi rentas sempadan dan memperkukuh rantaian nilai, mewujudkan bandar berdaya huni di kawasan subserantau, menambah baik akses dan ketersambungan infrastruktur serta meningkatkan kerjasama dan penyelarasan antara pihak berkepentingan.

Meningkatkan Aktiviti Ekonomi dan Memperkukuh Rantaian Nilai Rentas Sempadan

Aktiviti ekonomi rentas sempadan akan digalakkan dengan mempelbagaikan aktiviti pengeluaran dan rantaian bekalan melibatkan negara jiran. PMKS akan digalakkan untuk mempelbagai

[3] Peruntukan Perbelanjaan Pembangunan Asas Persekutuan (DE Asas) ialah peruntukan untuk program dan projek bagi mencapai objektif dan strategi yang disasarkan dalam Rancangan Malaysia Lima Tahun. Contoh program dan projek DE Asas adalah pembinaan sekolah, hospital, jalan raya, kawasan perindustrian dan program pembasmian kemiskinan.

dan memodenkan ekonomi rentas sempadan serta meneroka industri hiliran. Aktiviti ekonomi rentas sempadan akan dipercepat dengan menerima guna platform digital, mempertingkat penglibatan sektor swasta dan membangunkan bakat melalui latihan peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula.

Pelan tindakan strategik akan dirangka untuk mempercepat pembangunan rantaian nilai rentas sempadan. Selaras dengan pendekatan berorientasikan projek di bawah *IMT-GT Vision 2036* dan *BIMP-EAGA Vision 2025*, sekurang-kurangnya 30 projek pemangkin yang memberi lebih tumpuan untuk meningkatkan aktiviti ekonomi setempat akan dikenal pasti. Projek tersebut akan diteraju terutama oleh sektor swasta dengan skala yang boleh disesuaikan, direplikasi dan mampan. Pelaksanaan pelan tindakan strategik akan melibatkan kerjasama dan penyelarasan antara pihak berkepentingan awam dan swasta. Ini akan merangsang perdagangan dan pelaburan rentas sempadan serta mewujudkan sumber pertumbuhan baharu.

Mewujudkan Bandar Berdaya Huni di Kawasan Subserantau

Langkah spesifik akan diambil untuk mewujudkan bandar berdaya huni di kawasan subserantau. Langkah ini termasuk memperluas dan melaksana Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAP) untuk 14 bandar lagi, iaitu Kangar, Langkawi, Kulim, Taiping, Kuala Kangsar, Ipoh, Manjung, Teluk Intan, Kota Bharu, Seremban, Labuan, Kuching, Pulau Pinang dan Seberang Perai di bawah *Sustainable Urban Development Framework* (SUDF). Pelaksanaan SUDF akan meningkatkan penerimagunaan inisiatif pembangunan mampan serta mewujudkan peluang pelaburan hijau.

Menambah Baik Akses dan Ketersambungan Infrastruktur

Usaha untuk menambah baik akses dan ketersambungan infrastruktur akan diteruskan dengan mempercepat pelaksanaan inisiatif subserantau sedia ada. Rangka kerja baharu bagi merangsang pertumbuhan ekonomi di kawasan sempadan akan disediakan. Pelaksanaan PCP sedia ada dalam IMT-GT dan PIP dalam BIMP-EAGA akan dipercepat untuk merancakkan aktiviti perdagangan dan sosioekonomi. Dalam hubungan ini, jambatan yang menghubungkan Rantau Panjang, Kelantan dengan Sungai Golok, Narathiwat akan dinaik taraf. Di samping itu, pertumbuhan ekonomi di Sabah dan Sarawak akan meningkat dengan siapnya lebih banyak segmen Lebuhraya Pan Borneo.

Meningkatkan Kerjasama dan Penyelarasan antara Pihak Berkepentingan

Pelaksanaan inisiatif subserantau akan terus dipertingkat melalui kerjasama dan penyelarasan yang lebih baik antara pihak berkepentingan. Ini akan membolehkan Malaysia memanfaatkan sepenuhnya peluang ekonomi. Inisiatif subserantau akan diselaras untuk mewujudkan sokongan institusi yang lebih cekap dan berkesan. Jawatankuasa penilaian projek dan pasukan pelaksanaan projek yang dianggotai oleh semua pihak berkepentingan akan ditubuhkan bagi memastikan proses mengenal pasti projek rentas sempadan lebih menyeluruh dan terangkum. Ini akan meningkatkan sokongan institusi, menambah baik kerjasama dan penyelarasan rentas sektor serta memupuk rasa pemilikan yang lebih baik dalam kalangan pihak berkepentingan.

Bidang Keutamaan B
Membangunkan Bandar yang Mampan

Menjelang tahun 2040, sebanyak 85% daripada jumlah populasi dijangka tinggal di kawasan bandar. Keutamaan akan diberi untuk menggalakkan perancangan dan tadbir urus bandar yang berkesan, mempergiat ekonomi bandar yang mampan, mengutamakan pembangunan bandar hijau dan berdaya tahan serta membangunkan masyarakat bandar yang mampan. Ini akan menggalakkan keterangkuman yang lebih baik dan meningkatkan kesejahteraan penduduk bandar. Langkah ini juga selaras dengan Agenda Perbandaran Baharu (NUA)[4] yang menyokong Agenda 2030.

[4] Pelan rangka tindakan perbandaran yang akan dilaksana oleh semua bandar dan pihak berkepentingan bagi menyokong Agenda 2030, khususnya untuk menjadikan bandar inklusif, selamat, berdaya tahan dan mampan. NUA telah diterima pakai oleh 170 negara semasa Persidangan UN Habitat III di Quito, Ecuador pada tahun 2016.



Strategi B1

Menggalakkan Perancangan dan Tadbir Urus Bandar yang Berkesan

Perancangan dan tadbir urus bandar yang berkesan adalah penting untuk menangani cabaran daripada urbanisasi yang pesat dan membangunkan bandar yang mampan. Pangkalan data pada peringkat bandar akan ditambah baik untuk memperkukuh perancangan pembangunan bandar. Langkah juga akan diambil bagi menggalakkan pendekatan bandar mampan dan pintar untuk meningkatkan kesejahteraan penduduk bandar. Penguatkuasaan undang-undang berkaitan kerajaan tempatan akan turut diperkukuh melalui penyelarasan yang lebih baik.

Memperkukuh Perancangan Pembangunan Bandar

Pelaksanaan Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) akan terus memacu perancangan dan pembangunan kawasan bandar agar lebih bersepadu dan berkesan. Profil bandar akan ditambah baik berdasarkan penemuan Kajian Penentuan Sempadan Bandar bagi memudah cara perancangan yang lebih baik pada peringkat kerajaan tempatan. *Malaysia Urban Observatory* (MUO), iaitu sistem analitik data raya pelbagai dimensi akan diperkenal sebagai alat dasar yang bersepadu dalam merancang dan membuat keputusan dengan lebih baik. MUO akan menambah baik pengumpulan dan keterbukaan data peringkat bandar serta menggalakkan perkongsian data antara pelbagai pihak berkepentingan yang terlibat dalam perancangan spatial pada semua peringkat kerajaan. Selain itu, Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) yang bakal dilancarkan pada tahun 2021 akan menyediakan kerangka perancangan spatial yang komprehensif, termasuk perancangan pembangunan bandar.

Menggalakkan Pendekatan Bandar Mampan dan Pintar

Semua PBT di seluruh negara akan digalakkan untuk menerima guna sistem MURNInets. Sistem ini merupakan alat untuk mengukur kemampanan bandar berdasarkan enam dimensi seperti ekonomi berdaya saing, kualiti persekitaran mampan dan komuniti sejahtera. Sebanyak 120 bandar[5] dijangka mencapai status bandar mampan pada tahun 2025 berbanding 75 bandar pada tahun 2019. MSCF pula akan diterima pakai sebagai rangka kerja dalam melaksana agenda bandar pintar. Tadbir urus bagi melaksana inisiatif bandar pintar pada peringkat nasional akan diperkukuh dengan memanfaatkan kepakaran teknikal. Indikator penilaian akan diperkenal bagi menetapkan standard untuk akreditasi, kelayakan dan pengiktirafan bandar pintar.

Menambah Baik Mekanisme Penyelarasan dan Tadbir Urus

Peranan Majlis Perancang Fizikal Negara dan Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan akan dipertingkat bagi menambah baik keberkesanan perancangan dan pelaksanaan pembangunan mampan. Ini akan dilaksana melalui penyelarasan dan kerjasama yang lebih baik antara agensi pada peringkat Persekutuan, negeri dan tempatan. Di samping itu, Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan akan dijajarkan dengan Agenda 2030. Usaha akan turut diambil untuk

[5] Kawasan pentadbiran di bawah seliaan PBT yang dikategorikan sama ada sebagai dewan bandaraya/majlis bandaraya, majlis perbandaran atau majlis daerah.

menggalakkan pelaksanaan SDG pada peringkat tempatan. Mekanisme tadbir urus akan ditambah baik melalui peningkatan penguatkuasaan dan penambahbaikan akta yang berkaitan, termasuk Akta Kerajaan Tempatan 1976, Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 serta Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974.

Strategi B2

Mempergiat Ekonomi Bandar yang Mampan

Tumpuan akan diberi bagi mempergiat pembangunan ekonomi bandar dengan memanfaatkan potensi bandar bagi menarik pelaburan dan bakat. Usaha ini termasuk mempertingkat aglomerasi dan menambah baik ekosistem bandar, menggalakkan pertumbuhan aktiviti ekonomi di kawasan bandar dan memanfaatkan daya saing bandar. Usaha ini akan meningkatkan daya saing bandar dan merangsang pembangunan di kawasan bandar.

Mempertingkat Aglomerasi dan Menambah Baik Ekosistem Bandar

Kepadatan ekonomi bandar dan ekosistem yang kondusif merupakan prasyarat bagi memastikan kemampanan ekonomi bandar. Kawasan pertumbuhan yang dikenal pasti seperti konurbasi[6], zon promosi pembangunan dan pusat katalis di bandar, terutama di wilayah kurang membangun akan dimanfaatkan untuk mewujudkan aglomerasi ekonomi bagi meningkatkan produktiviti dan kepadatan ekonomi. Di samping itu, inisiatif untuk menambah baik ekosistem di kawasan bandar akan ditumpu kepada penyediaan infrastruktur, kebolehcapaian dan ketersambungan yang lebih baik serta mempertingkat pembangunan bakat. Inisiatif ini akan dilaksana berdasarkan pelan tindakan CCMP.

Menggalakkan Pertumbuhan Aktiviti Ekonomi di Bandar

Usaha bersepadu akan dilaksana bagi menjana aktiviti ekonomi bandar yang lebih rancak dan berdaya maju, terutama untuk menangani impak pandemik COVID-19. Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan aktiviti perniagaan di kawasan bandar dengan mewujudkan ekosistem digital yang lebih baik. Ini termasuk penyediaan infrastruktur digital dan perkhidmatan dalam talian yang lebih baik untuk menyokong aktiviti e-dagang. Selain itu, Garis Panduan Perancangan bagi Kawasan Perdagangan akan disemak semula untuk mengoptimumkan penggunaan ruang niaga di kawasan bandar serta menggalakkan pembangunan bercampur dan ekosistem digital.

Memanfaatkan Daya Saing Bandar bagi Menarik Pelaburan

Keutamaan akan diberi untuk meningkatkan penggunaan tanah melalui pengezonan yang lebih baik dan pembangunan semula lot tanah yang tidak digunakan sepenuhnya dengan tema dan kluster aktiviti ekonomi yang khusus. Pembangunan bandar berdasarkan ciri-ciri khusus akan terus dilaksana untuk menarik pelaburan berkualiti. Cyberjaya akan dirancakkan semula sebagai hab teknologi global dan Bandar Malaysia akan dibangunkan sebagai hab perniagaan antarabangsa. Ini dijangka dapat mempromosi jenama Malaysia dan menyediakan peluang pekerjaan mahir untuk bakat tempatan. Pembangunan kawasan pinggir bandar termasuk bandar sempadan akan diberi penekanan bagi menarik lebih banyak pelaburan dan perniagaan serta mewujudkan kesan limpahan yang lebih besar ke kawasan sekitar.

Strategi B3

Mengutamakan Pembangunan Bandar Hijau dan Berdaya Tahan

Pengurusan alam sekitar dan risiko bencana yang berkesan diperlukan bagi memastikan kemampanan dan daya tahan bandar. Pembangunan bandar hijau dan berdaya tahan akan diberi keutamaan bagi menangani isu alam sekitar dan perubahan iklim serta menggalakkan kecekapan penggunaan sumber. Usaha juga akan dipergiat bagi memperkukuh pengurusan sisa, meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga, menggalakkan mobiliti hijau dan mempertingkat biodiversiti.

Memperkukuh Pengurusan Sisa

Sisa akan diurus secara menyeluruh dan mampan dengan menguatkuasakan pengasingan sisa di punca dan mempergiat inisiatif ‘kurangkan, guna semula dan kitar semula’ (3R). Bagi menyokong usaha ini, kemudahan bagi pengasingan sisa dan kitar semula akan ditambah baik, khususnya di kawasan perumahan, institusi dan komersial.

[6] Kawasan pertumbuhan ekonomi bandar yang merangkumi bandar, kawasan utama bandar dan kawasan bandar yang dihubungkan secara fizikal, mempunyai hubungan ekonomi dan pertumbuhan penduduk bagi membentuk kawasan pembangunan yang bergabung.

Usaha juga akan diperkukuh untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna, terutama di medan selera dan acara awam. Usaha tersebut adalah selaras dengan Dasar Kebersihan Negara 2019 bagi mengurangkan pencemaran sisa serta menggalakkan ekonomi kitaran dan inisiatif menjana sisa untuk mencipta kekayaan.

Meningkatkan Kecekapan Tenaga dan Daya Tahan Bandar

Tumpuan akan diberi untuk menerima guna rangka kerja bandar hijau dan berdaya tahan serta pensijilan bagi meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dan daya tahan bandar. Ini akan dilaksana dengan menyarankan PBT untuk menerima guna LCCF, MSCF dan Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana. Di samping itu, pemaju akan digalakkan untuk menerima pakai alat pensijilan hijau yang bertauliah seperti Indeks Bangunan Hijau dan Alat Pengurangan Karbon dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia (MyCREST) semasa fasa pembinaan dan operasi. Dalam usaha meningkatkan daya tahan bandar terhadap impak perubahan iklim dan bencana, pemaju projek pembangunan awam dan swasta akan digesa untuk mematuhi dasar guna tanah di kawasan pertumbuhan yang ditetapkan dalam dokumen perancangan. Dokumen tersebut adalah RFN4, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan Daerah atau Rancangan Kawasan Khas. Pelaksanaan inisiatif hijau di bandar juga akan dipergiat melalui GCAP di bawah platform IMT-GT dan BIMP-EAGA. Usaha ini akan mengurangkan pelepasan GHG dan meningkatkan daya tahan bandar terhadap impak perubahan iklim dan bencana.

Menggalakkan Mobiliti Hijau

Penerimagunaan pendekatan mobiliti hijau untuk memudahkan pergerakan orang melalui pengangkutan awam dan mobiliti aktif akan digalakkan. Kebolehcapaian, ketersambungan dan kecekapan pengangkutan awam akan ditambah baik, termasuk melalui TOD dan ketersambungan batuan pertama dan akhir. Usaha ini bertujuan untuk menarik orang ramai beralih daripada menggunakan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Infrastruktur pejalan kaki di kawasan bandar akan dinaik taraf bagi memastikan infrastruktur tersebut selamat, mesra pengguna dan disambung dengan nod pengangkutan awam bagi menggalakkan mobiliti dalam kalangan penduduk bandar. Pendekatan mobiliti hijau ini akan mengurangkan kesesakan di kawasan bandar dan pelepasan GHG daripada sektor pengangkutan.

Mempertingkat Biodiversiti Bandar

Kawasan hijau dan biru seperti taman rekreasi, hutan bandar dan tasik akan diperluas untuk menambah baik iklim mikro dan mempertingkat biodiversiti di bandar. Pelan tindakan bagi biodiversiti bandar akan dirangka untuk memberi panduan kepada PBT menambah baik daya huni. Pemaju projek perumahan dan komersial akan digalakkan untuk mengembalikan semula kawasan hijau dan biru dengan spesies tumbuhan endemik serta memudah cara pertanian bandar berasaskan komuniti. Usaha ini akan menyumbang kepada kesejahteraan penduduk secara keseluruhan dan meningkatkan kualiti alam sekitar.

Strategi B4

Membangunkan Masyarakat Bandar yang Mampan

Tumpuan akan diberi untuk membangunkan masyarakat bandar yang mampan dengan menambah baik punca pendapatan dan keadaan hidup. Usaha untuk meningkatkan daya huni di kawasan bandar akan meliputi pembinaan rumah mampu milik dan infrastruktur yang lebih baik. Selain itu, pelaksanaan *Local Agenda* 21 (LA21) akan dipercepat untuk mencapai Agenda 2030.

Meningkatkan Daya Huni dan Keterangkuman

Langkah bagi meningkatkan daya huni di bandar akan dipergiat melalui penyediaan akses kepada perumahan mampu milik dan berkualiti serta program bagi meningkatkan pendapatan isi rumah, terutama miskin bandar. Penyediaan rumah mampu milik untuk penduduk bandar akan diteruskan sebagai sebahagian daripada inisiatif di bawah DRMM. Lebih banyak pembangunan bercampur yang menggabungkan perumahan mampu milik dengan pembangunan komersial, termasuk elemen TOD akan digalakkan bagi merealisasi pembangunan yang lebih inklusif. Kualiti kehidupan penduduk di bandar akan dipertingkat melalui penyediaan infrastruktur awam yang lebih baik, khususnya untuk memenuhi keperluan warga emas dan orang kurang upaya. Inisiatif ini akan menggalakkan pembangunan bandar yang inklusif bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk bandar.

Mempercepat Pelaksanaan *Local Agenda* 21

Pelaksanaan LA21 akan dipercepat melalui kerjasama yang lebih erat antara PBT, komuniti dan sektor swasta dalam menjayakan pembangunan bandar mampan. Pejabat penyelarasan aktiviti komuniti di kawasan Program Perumahan Rakyat serta perumahan kos rendah dan sederhana rendah akan terus dimanfaatkan untuk mempercepat pelaksanaan program LA21. Pelaksanaan LA21 akan menyumbang kepada pencapaian aspek keterangkuman sosial yang lebih baik di bawah SDG.

Bidang Keutamaan C

Mentransformasi Kawasan Luar Bandar bagi Merapatkan Jurang Pembangunan

Kawasan luar bandar akan terus dibangunkan untuk merapatkan jurang pembangunan antara kawasan luar bandar dan bandar dengan menaik taraf infrastruktur dan kemudahan asas, menyediakan ketersambungan yang lebih baik dan memperluas aktiviti sosioekonomi. Pembangunan akan dilaksana tanpa mengabaikan warisan luar bandar dan alam sekitar. Transformasi kawasan luar bandar akan ditumpu untuk mempercepat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan, mempelbagai dan merancakkan aktiviti ekonomi serta menambah baik tadbir urus.



Strategi C1

Mempercepat Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan

Langkah akan diambil untuk terus mempercepat penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan. Langkah ini termasuk meningkatkan penyediaan infrastruktur luar bandar, menambah baik perkhidmatan asas serta mempertingkat ketersambungan dan mobiliti. Penyediaan infrastruktur luar bandar akan terus diperluas, khususnya di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak serta kelompok kawasan terpencil di Semenanjung Malaysia. Inisiatif ini akan mewujudkan peluang sosioekonomi untuk penduduk luar bandar dan menambah baik ketersambungan antara luar bandar dan bandar, seterusnya merapatkan jurang pembangunan.

Meningkatkan Penyediaan Infrastruktur Luar Bandar

Penyediaan infrastruktur luar bandar akan terus dipertingkat dengan membina dan menaik taraf jalan, jambatan dan infrastruktur digital. Ini termasuk membina dan menaik taraf 2,800 kilometer jalan berturap, 100 jambatan serta memasang lampu jalan kampung untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya. Infrastruktur digital akan dipertingkat bagi memperluas liputan jalur lebar talian tetap di kawasan luar bandar dengan menyasarkan sekurang-kurangnya 20% premis dilengkapi jalur lebar berkelajuan sehingga 500Mbps.

Liputan bekalan air akan diperluas untuk mencapai 98% daripada isi rumah luar bandar, termasuk penyediaan bekalan air alternatif dan sistem retikulasi. Bekalan elektrik akan diperluas untuk mencapai liputan 99% melalui talian grid dan sistem alternatif seperti hidro berskala kecil, solar hibrid dan solar fotovoltan. Inisiatif ini akan menambah baik kualiti hidup penduduk luar bandar.

Menambah Baik Perkhidmatan Asas

Liputan dan akses kepada perkhidmatan asas akan terus ditambah baik. Perkhidmatan pengurusan sisa dan sanitasi di kawasan luar bandar akan dipertingkat bagi memastikan kelestarian alam sekitar. Program Komuniti Sihat Pembina Negara pula akan diperluas bagi meningkatkan kesedaran kesihatan dalam kalangan komuniti luar bandar. Perancangan pembangunan luar bandar juga akan mengambil kira keperluan warga emas, termasuk penyediaan perkhidmatan penjagaan kesihatan dan penjagaan di rumah. Program Bantuan Rumah akan diteruskan untuk menyediakan rumah yang berkualiti dan mampu milik di kawasan luar bandar.

Mempertingkat Ketersambungan dan Mobiliti

Ketersambungan dan mobiliti antara kawasan luar bandar dan bandar akan ditambah baik untuk merapatkan jurang pembangunan dan mengukuhkan integrasi ekonomi. Perkhidmatan pengangkutan seperti bas, e-panggilan dan pengangkutan air di kawasan luar bandar akan dipertingkat. Langkah bagi memperluas liputan internet dan telekomunikasi juga akan dilaksana untuk meningkatkan ketersambungan di kawasan luar bandar. Ketersambungan yang lebih baik ini akan memudah cara aktiviti ekonomi dan mobiliti penduduk luar bandar. Program e-dagang akan dipergiat untuk membantu usahawan luar bandar beralih daripada kaedah perniagaan tradisional kepada platform digital bagi meningkatkan akses kepada pasaran. PKD akan dimanfaatkan sebagai hab perkhidmatan di kawasan luar bandar bagi memudah cara penyampaian perkhidmatan kerajaan dan perniagaan. PID pula akan ditambah baik untuk menggalakkan pendigitalan dalam kalangan penduduk luar bandar.

Strategi C2

Mempelbagai dan Merancakkan Aktiviti Ekonomi

Aktiviti ekonomi luar bandar yang rancak adalah penting untuk meningkatkan pendapatan komuniti luar bandar dan mengurangkan insiden kemiskinan. Inisiatif untuk mempelbagai dan merancakkan ekonomi luar bandar akan ditumpukan kepada memanfaatkan sepenuhnya guna tanah dan mencergaskan semula industri kotej luar bandar. Aktiviti bagi menjana pendapatan juga akan dipergiat untuk mengurangkan ketidaksamaan pendapatan antara luar bandar dan bandar.

Memanfaatkan Sepenuhnya Guna Tanah untuk Ekonomi Luar Bandar

Aktiviti ekonomi luar bandar akan dipelbagai dan dicergaskan semula, terutama melalui pembangunan tanah yang tidak digunakan sepenuhnya. Pertanian pintar dan berkelompok akan dilaksana dengan memanfaatkan sepenuhnya tanah terbiar untuk meningkatkan ekonomi bidangan. Inisiatif ini akan dilaksana dengan menerima guna teknologi termaju untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti hasil ladang.

Pelaksanaan Program Pembangunan Peneroka di tanah rancangan FELDA akan terus dipergiat bagi meningkatkan pendapatan peneroka. Program latihan, peningkatan kemahiran dan pembiayaan serta penggunaan teknologi moden akan disediakan kepada peneroka untuk menceburi aktiviti pertanian seperti tanaman kontan dan herba, penanaman secara fertigasi, hortikultur, ternakan dan akuakultur. Projek rintis di FELDA Bukit Rokan, Negeri Sembilan akan diperluas ke tanah rancangan FELDA yang lain. Selain itu, Kerajaan akan terus menyokong usaha transformasi FELDA bagi mencapai kemampanan operasi dan kewangan.

Mencergaskan Semula Industri Kotej Luar Bandar

Usaha akan dipergiat untuk mencergaskan semula industri kotej luar bandar melalui pelbagai inisiatif bagi menyokong PMKS. Khazanah dan sumber semula jadi akan dimanfaat bagi mewujudkan peluang perniagaan dan pekerjaan serta menjana pendapatan tambahan kepada penduduk luar bandar. Kerjasama yang lebih erat antara kementerian, lembaga kemajuan wilayah dan kerajaan negeri akan dipertingkat untuk mempromosi industri kotej luar bandar. Sektor swasta dan perusahaan sosial akan digalakkan untuk menyertai aktiviti ekonomi luar bandar.

Strategi C3

Menambah Baik Tadbir Urus

Kepimpinan yang mantap dan mekanisme penyampaian yang berkesan adalah penting dalam merealisasi objektif pembangunan luar bandar. Usaha ini memerlukan komitmen daripada semua peringkat kerajaan, CSO, sektor swasta dan komuniti. Strategi akan ditumpu kepada memperkukuh tadbir urus luar bandar dan memperkemas sistem penyampaian untuk menambah baik pembangunan luar bandar.

Memperkukuh Tadbir Urus Luar Bandar

Kepimpinan komuniti luar bandar memainkan peranan yang penting untuk memastikan keberkesanan program komuniti luar bandar. Program pembangunan latihan untuk Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) dan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan (JPKKP) akan diperkukuh bagi meningkatkan kualiti pemimpin pada peringkat akar umbi. Program ini termasuk latihan kepimpinan, pengurusan kampung, pengurusan kewangan dan kesepaduan komuniti. Lebih ramai belia dan wanita akan dilantik dalam JPKK dan JPKKP bagi meningkatkan penyertaan mereka dalam pentadbiran kampung.

Memperkemas Sistem Penyampaian

Kerjasama strategik antara agensi kerajaan, sektor swasta dan CSO akan diperkukuh untuk melaksana pelbagai inisiatif pembangunan luar bandar bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030. Maklumat dalam SPKPN akan sentiasa dikemas kini untuk menyediakan pangkalan data berpusat yang komprehensif. Ini akan membolehkan perancangan pembangunan luar bandar yang lebih baik. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan dimantapkan bagi memastikan pangkalan data yang lengkap dan tepat untuk semua pihak berkepentingan.

Kesimpulan

RMKe-11 telah memberi tumpuan untuk mencapai pembangunan wilayah yang seimbang dengan merapatkan jurang antara wilayah dan negeri serta mempelbagaikan asas ekonomi. Ini telah menyumbang kepada pengagihan faedah sosioekonomi yang lebih baik antara wilayah dan negeri serta meningkatkan kesejahteraan rakyat. RMKe-12 akan memanfaatkan sepenuhnya potensi ekonomi wilayah, membangunkan bandar yang mampan dan mentransformasi kawasan luar bandar untuk merapatkan jurang pembangunan. Enam negeri kurang membangun, iaitu Kedah, Kelantan, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu akan terus diberi keutamaan dalam agihan peruntukan pembangunan. Pelaksanaan inisiatif ini akan mempercepat pembangunan rentas wilayah dan negeri serta kawasan luar bandar, bandar dan sempadan sekaligus memastikan pembangunan yang lebih seimbang dan keterangkuman yang lebih baik.

Bab 7

Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak



7

Pendahuluan 7-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 7-3
- Pencapaian Sasaran Terpilih 7-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 7-5
- Penambahbaikan Sosioekonomi 7-5
- Penyediaan Infrastruktur untuk Ketersambungan 7-6
- Akses kepada Infrastruktur, Kemudahan dan Perkhidmatan Asas 7-6
- Akses kepada Pendidikan dan Peluang Pekerjaan 7-6
- Pembangunan Tanah Adat 7-7

Isu dan Cabaran 7-8
- Kekurangan Infrastruktur dan Perkhidmatan 7-8
- Pertumbuhan Ekonomi yang Perlahan 7-9
- Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Terhad 7-10
- Akses kepada Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan yang Terhad 7-10
- Cabaran dalam Keselamatan dan Ketenteraman Awam 7-10
- Cabaran dalam Pembangunan Inklusif 7-10
- Kekurangan Kerjasama dan Ketidakcekapan Penyampaian Perkhidmatan 7-11

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 7-11
- Bidang Keutamaan A 7-15
  Memantapkan Penyediaan Infrastruktur
- Bidang Keutamaan B 7-16
  Mengoptimumkan Potensi Ekonomi
- Bidang Keutamaan C 7-25
  Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial
- Bidang Keutamaan D 7-27
  Memperkukuh Pembangunan Inklusif
- Bidang Keutamaan E 7-29
  Memperkukuh Kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Kesimpulan 7-31

Pendahuluan

Pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak bermatlamat untuk menangani ketidakseimbangan sosioekonomi dan menggalakkan pertumbuhan yang saksama antara wilayah di Malaysia. Dalam tempoh RMKe-11, langkah telah diambil untuk mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak. Tumpuan diberi untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi, memperkukuh perancangan pembangunan dan menambah baik infrastruktur untuk ketersambungan. Dalam konteks infrastruktur, tumpuan turut diberi untuk memperluas akses kepada infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan asas di kawasan luar bandar. Langkah juga telah diambil untuk menambah peluang pekerjaan dan mempertingkat pembangunan tanah adat. Namun begitu, Sabah dan Sarawak masih menghadapi cabaran dalam pembangunan sosioekonomi termasuk kadar kemiskinan yang tinggi, akses kepada infrastruktur dan perkhidmatan asas yang terhad, pelaburan yang rendah serta peluang ekonomi yang kurang.

Dalam tempoh RMKe-12, pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak akan diperkukuh untuk menggalakkan keterangkuman wilayah. Bagi menjayakan usaha ini penyediaan infrastruktur akan dimantapkan, potensi sosioekonomi akan dimanfaatkan sepenuhnya, akses perkhidmatan sosial akan ditambah baik, pembangunan inklusif akan dipertingkat dan kerjasama antara agensi Persekutuan dan kerajaan negeri akan diperkukuh. Pelaksanaan langkah ini akan mengurangkan ketidaksamaan dan meningkatkan taraf hidup rakyat di Sabah dan Sarawak. Ini adalah sejajar dengan matlamat WKB 2030 dan Agenda 2030.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, ekonomi Sabah mencatat pertumbuhan secara purata sebanyak 1% setahun, manakala Sarawak pula mengalami kadar yang lebih rendah iaitu 0.9%. Tiga sektor utama yang menyumbang kepada ekonomi Sabah adalah sektor perkhidmatan dengan sumbangan sebanyak 47.1%, diikuti sektor perlombongan dan pengkuarian 25.4% serta sektor pertanian 16.5%. Bagi Sarawak pula, sektor perkhidmatan menyumbang sebanyak 36.2%, diikuti oleh sektor pembuatan 26.3% serta sektor perlombongan dan pengkuarian 22.2%. Harga minyak mentah, minyak sawit dan getah yang rendah serta pandemik COVID-19 pada tahun 2020 telah menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang perlahan di Sabah dan Sarawak.


Pencapaian Sasaran Terpilih

Lima sasaran terpilih telah dikenal pasti bagi mempercepat pembangunan wilayah seimbang adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 7-1*. Dua sasaran telah dicapai, iaitu 156 menara telekomunikasi baharu telah dibina berbanding dengan sasaran 106 menara dan 404 menara telekomunikasi telah dinaik taraf berbanding dengan sasaran 400 menara. Selain itu, liputan bekalan elektrik hanya mencapai 95% berbanding dengan sasaran sebanyak 99%. Keadaan geografi yang mencabar merupakan faktor utama yang mengehadkan liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar. Sasaran yang telah ditetapkan bagi pengukuran tanah adat (NCR) tidak tercapai terutamanya berikutan pertikaian sempadan dan tuntutan tanah oleh penduduk. Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan bagi mengekang penularan pandemik COVID-19 telah melewatkan proses pengukuran tanah NCR.


Paparan 7-1


Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih

Mempercepat Pembangunan di Sabah and Sarawak





Liputan Bekalan Elektrik





Menara Telekomunikasi





Pemetaan Tanah Adat (NCR)



Pencapaian Inisiatif Terpilih

Penambahbaikan Sosioekonomi

Pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak terus meningkat dalam tempoh RMKe-11. Ini digambarkan melalui peningkatan pendapatan isi rumah dan pengurangan insiden kemiskinan. Pendapatan penengah bulanan isi rumah di Sabah meningkat sedikit daripada RM4,110 pada tahun 2016 kepada RM4,235 pada tahun 2019, manakala di Sarawak meningkat daripada RM4,163 kepada RM4,544. Insiden kemiskinan mutlak di Sabah pula berkurang daripada 23.9% pada tahun 2016 kepada 19.5% pada tahun 2019. Dalam tempoh yang sama, Sarawak pula mencatatkan penurunan insiden kemiskinan mutlak daripada 11.9% kepada 9%.

Koridor ekonomi wilayah (REC) memainkan peranan penting dalam menggalakkan pembangunan sosioekonomi wilayah melalui usaha menarik pelaburan serta mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan. Dalam tempoh RMKe-11, Pihak Berkuasa Pembangunan Ekonomi dan Pelaburan Sabah (SEDIA) telah menarik pelaburan yang direalisasi sebanyak RM30.36 bilion dalam pelbagai aktiviti ekonomi, termasuk pertanian, pelancongan, tenaga, pembuatan dan logistik. Pelaburan ini telah mewujudkan 196,491 pekerjaan dan 955 peluang keusahawanan.

Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah (RECODA) berjaya menarik pelaburan yang direalisasi sebanyak RM167.50 bilion, terutama dalam sektor pembuatan dan industri berat, minyak sawit dan tenaga. Pelaburan ini telah mewujudkan 343,368 pekerjaan dan 401 peluang keusahawanan. Pada tahun 2017, Kerajaan Negeri Sarawak telah menubuhkan tiga agensi pembangunan di bawah RECODA, iaitu Agensi Pembangunan Ulu Rajang (URDA), Agensi Pembangunan Tanah Tinggi (HDA) dan Agensi Pembangunan Wilayah Utara (NRDA). Penubuhan ketiga-tiga agensi baharu ini membolehkan lebih keutamaan pembangunan diberikan kepada kawasan terpencil dan pedalaman di Sarawak. Pelaksanaan pelbagai inisiatif di bawah koridor ini telah merangsang ekonomi dan mengurangkan jurang pendapatan, seterusnya meningkatkan kesejahteraan komuniti setempat.

Tumpuan juga telah diberi untuk melonjakkan industri pelancongan di Sabah dan Sarawak. Ketibaan pelancong asing ke Sabah telah meningkat sebanyak 10.7% setahun bagi tempoh empat tahun pertama RMKe-11, iaitu daripada 0.98 juta pelancong pada tahun 2015 kepada 1.47 juta pada tahun 2019. Ketibaan pelancong asing ke Sarawak pula mencatatkan pertumbuhan negatif sebanyak 4.4% setahun, iaitu berkurangan daripada 2.50 juta pelancong pada tahun 2015 kepada 2.08 juta pada tahun 2019. Pencapaian Sabah yang lebih baik adalah hasil usaha pemasaran yang agresif dan kejayaan dalam mewujudkan lebih ketersambungan dengan pasaran sasaran seperti Republik Rakyat China (PRC), Republik Korea Selatan dan Singapura. Terdapat 225 penerbangan antarabangsa setiap minggu ke Sabah dengan jumlah kapasiti tempat duduk penumpang sebanyak 39,182 pada tahun 2019. Sebaliknya, Sarawak pula hanya menerima 63 penerbangan antarabangsa setiap minggu dengan jumlah kapasiti tempat duduk penumpang sebanyak 9,161. Sabah mencatatkan kadar purata penginapan (AOR) di hotel yang kedua tertinggi, iaitu sebanyak 65.8% pada tahun 2019 berbanding AOR pada peringkat nasional 58.8%, manakala Sarawak pula berada di tangga ke-11 dengan catatan AOR sebanyak 46.1%.

Pada tahun 2020, industri pelancongan di Sabah dan Sarawak mengalami kerugian yang besar kesan daripada pandemik COVID-19 berikutan penutupan hampir sepenuhnya sempadan yang menjejaskan ketibaan pelancong asing dan domestik. Ketibaan pelancong asing ke Sabah mengalami penurunan sebanyak 87.7%, iaitu daripada 1,469,475 pelancong pada tahun 2019 kepada 180,284 pelancong pada tahun 2020. Sarawak turut mencatat penurunan ketibaan pelancong asing sebanyak 82.6% bagi tempoh yang sama, iaitu daripada 2,082,444 kepada 363,304 pelancong.

Peranan perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) semakin penting dalam menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi di Sabah dan Sarawak. Terdapat sebanyak 80,000 PMKS atau 6.7% daripada keseluruhan 1.2 juta PMKS dalam negara sedang beroperasi di Sabah. Di Sarawak pula, terdapat 83,000 PMKS atau 6.9% daripada jumlah keseluruhan.

Pelbagai usaha telah dilaksana untuk mengekalkan aset semula jadi di Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh 2016 hingga 2019, sejumlah 242,201 hektar kawasan hutan telah diwartakan sebagai Kawasan Perlindungan Sepenuhnya di bawah inisiatif *Heart of Borneo*. Ini telah meningkatkan keseluruhan kawasan yang diwartakan kepada 1,961,653 hektar. Sejumlah 1,011,772 hektar Taman Negara *Luconia Shoals* di Sarawak pula telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin pada tahun 2018. Bagi memulihkan kawasan hutan yang terosot, sejumlah 1,337 hektar kawasan di Sabah dan 2,224 hektar di Sarawak telah ditanam dengan pelbagai spesies pokok pada tahun 2019.

Inisiatif turut dilaksana untuk meningkatkan daya saing bandar utama di Sabah dan Sarawak. Pelan Induk Daya Saing Bandar (CCMP) bagi Kuching telah dirangka pada tahun 2018 dan bagi Kota Kinabalu pada tahun 2019. Dokumen CCMP ini telah menggariskan pelan tindakan untuk meningkatkan daya saing bandar melalui penyediaan akses dan mobiliti yang lebih baik, termasuk ketersambungan digital serta kawasan hijau yang lebih luas.

Penyediaan Infrastruktur untuk Ketersambungan

Ketersambungan dan mobiliti di seluruh Sabah dan Sarawak bertambah baik dengan pembinaan Lebuhraya Pan Borneo pada tahun 2016. Sehingga akhir tahun 2020, kemajuan gerak kerja projek Pan Borneo Sabah telah mencapai 44%. Dalam hubungan ini, 15 pakej kerja yang telah diluluskan pada RMKe-11 dijangka siap sepenuhnya pada tahun 2024. Kemajuan kerja Pan Borneo Sarawak adalah pada 59.4% dan projek ini dijangka siap pada tahun 2022. Selain itu, sebanyak 892.2 kilometer jalan luar bandar di Sabah dan 795 kilometer di Sarawak telah dibina dan dinaik taraf untuk meningkatkan ketersambungan dan mobiliti di kawasan luar bandar. Usaha untuk meningkatkan Perkhidmatan Udara Luar Bandar (RAS) telah dijalankan dengan menaik taraf padang terbang (STOLport) bagi meningkatkan keterhubungan dan kepatuhan terhadap keperluan keselamatan. Kerja naik taraf lapangan terbang Mukah fasa 1 telah siap pada tahun 2016, sementara fasa 2 dijangka siap pada tahun 2021. Dengan sempurnanya kerja naik taraf ini kelak, ia dapat meningkatkan keterhubungan dan menjadi pemangkin pembangunan di Mukah. Lapangan Terbang Sandakan sedang menjalani kerja pemanjangan landasan bagi membolehkan pesawat yang lebih besar mendarat tanpa sekatan berat dan dijangka siap pada penghujung tahun 2021.

Akses kepada Infrastruktur, Kemudahan dan Perkhidmatan Asas

Akses kepada infrastruktur asas di Sabah dan Sarawak terus ditambah baik melalui pelaksanaan pelbagai inisiatif, termasuk program Bekalan Elektrik Luar Bandar, Bekalan Air Luar Bandar serta Bekalan Air dan Kesihatan Alam Sekeliling. Hasilnya, liputan bekalan air di Sabah meningkat kepada 93.9% pada tahun 2020, manakala liputan di Sarawak mencapai sebanyak 95.4%. Pada masa yang sama, liputan akses elektrik luar bandar di Sabah telah meningkat kepada 96.3%, sementara liputan di Sarawak mencapai sebanyak 93.4% pada tahun 2020.

Bagi menambah baik perkhidmatan bekalan elektrik kepada pengguna di Sabah, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.45 bilion yang merangkumi subsidi bahan api, solar dan sokongan tarif dalam tempoh RMKe-11. Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga telah menyalurkan geran sebanyak RM2.3 bilion dan pinjaman berjumlah RM1.14 bilion bagi menambah baik perkhidmatan bekalan elektrik di Sabah. Usaha ini telah mengurangkan kadar Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (SAIDI) secara signifikan daripada 379 minit/pelanggan/tahun pada tahun 2015 kepada 189 minit/pelanggan/tahun pada tahun 2020.

Liputan dan kapasiti jalur lebar di Sabah dan Sarawak telah ditambahbaik selaras dengan usaha untuk meningkatkan liputan seluruh negara dalam menyokong pertumbuhan ekonomi. Pada tahun 2020, liputan jalur lebar di Sabah meningkat kepada 84.1% daripada 75.5% pada tahun 2015, sementara di Sarawak meningkat kepada 84.6% daripada 67.4%. Kadar penembusan jalur lebar di Sabah adalah 81.2% bagi setiap 100 penduduk, daripada 62.5% dan Sarawak pada 108% daripada 77.6% dalam tempoh yang sama. Sementara itu, langganan internet di rumah bagi Sabah adalah 73.7%, meningkat daripada 55.5% pada tahun 2016, manakala, Sarawak mencapai 90% berbanding dengan 65.6% pada tahun 2016. Peratusan isi rumah yang melanggan internet di Semenanjung Malaysia adalah 91.7% berbanding 78.8% pada tempoh yang sama.

Program Perhimpunan Sivik telah dilaksana untuk memastikan penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak disediakan dengan perkhidmatan asas bagi meningkatkan kesejahteraan hidup. Perkhidmatan ini termasuk penjagaan kesihatan serta pendaftaran sijil kelahiran dan kad pengenalan. Ini membolehkan penduduk mendapat akses kepada perkhidmatan penting seperti pendidikan dan perbankan serta peluang pekerjaan. Sehingga September 2020, seramai 4,000 penduduk luar bandar mendapat manfaat daripada program ini.

Akses kepada Pendidikan dan Peluang Pekerjaan

Beberapa inisiatif telah dilaksana untuk menambah baik akses dan kualiti pendidikan di Sabah dan Sarawak, terutama bagi meningkatkan tahap pendidikan di kawasan luar bandar. Mengenai akses kepada pendidikan, kadar enrolmen prasekolah di Sabah telah meningkat daripada 83.6% pada tahun 2015 kepada 84.2% pada tahun 2020 dan di Sarawak daripada 96.4% kepada 97.2%. Kadar enrolmen pendidikan

peringkat rendah meningkat daripada 98.5% pada tahun 2015 kepada 106.3%[1] pada tahun 2020 di Sabah. Di Sarawak, kadar enrolmen peringkat rendah meningkat daripada 97.9% kepada 98.3%. Pada peringkat menengah, kadar enrolmen di Sabah meningkat daripada 79% pada tahun 2015 kepada 90.9% pada tahun 2020, manakala di Sarawak, ianya meningkat daripada 84.7% kepada 92.6%.

Laluan khas ke institusi pendidikan tinggi awam (IPTA) telah disediakan kepada empat kategori pelajar, iaitu kelainan upaya, kumpulan B40, komuniti Orang Asli dan atlet sukan. Bagi sesi akademik tahun 2020, seramai 6,735 murid lepasan Sijil Pelajaran Malaysia dan 5,205 murid lepasan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia dari Sabah dan Sarawak telah ditawarkan untuk mengikuti pengajian di IPTA melalui laluan khas ini. Pada tahun 2020, sebanyak 13% atau 71,673 pelajar daripada jumlah enrolmen pelajar tempatan di universiti awam merupakan pelajar dari Sabah dan Sarawak. Di samping itu, Kerajaan juga menyediakan biasiswa kepada pelajar dari Sabah dan Sarawak. Dalam tempoh RMKe-11, seramai 15,152 pelajar menerima biasiswa dengan jumlah tajaan sebanyak RM196.2 juta[2] bagi melanjutkan pengajian ke institusi pendidikan tinggi (IPT).

Pengambilan pelajar ke program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) di Sabah dan Sarawak mencatatkan sedikit penurunan. Bilangan enrolmen pelatih institut latihan kemahiran awam (ILKA) telah berkurang daripada 28,624 pelatih pada tahun 2015 kepada 27,347 pada tahun 2020. Manakala, bilangan pelatih lulusan peringkat diploma dan sijil daripada ILKA telah meningkat dengan ketara daripada 3,574 pelatih pada tahun 2015 kepada 11,874 pada tahun 2020[3]. Selain itu, seramai 2,633 peserta telah dilatih di bawah Program Khas Anak Negeri Sabah bagi menyediakan pelbagai kemahiran, termasuk kraftangan, jahitan, sulaman dan lukisan batik. Bagi Program Khas Bumiputera Sarawak, seramai 6,790 peserta telah menamatkan kursus keusahawanan dan 564 peserta menamatkan program perantisan dalam bidang elektrik, automotif dan kimpalan.

Program pembangunan bakat telah dilaksanakan bagi meningkatkan peluang pekerjaan. Namun, kesan pandemik COVID-19 menyebabkan kadar pengangguran Sabah dan Sarawak telah meningkat. Kadar pengangguran di Sarawak meningkat daripada 3.5% pada tahun 2015 kepada 4.3% pada tahun 2020, manakala Sabah pula mencatatkan peningkatan kadar pengangguran daripada 5% pada tahun 2015 kepada 8% pada tahun 2020. Di Sarawak, secara purata sebanyak 9,500 peluang pekerjaan telah diwujudkan setiap tahun dalam tempoh 2016 hingga 2020. Sebilangan besar peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah dalam sektor perkhidmatan, iaitu sebanyak 17,100 pekerjaan setiap tahun, diikuti oleh sektor pembuatan dengan 2,700 pekerjaan. Di Sabah, secara purata sebanyak 24,700 peluang pekerjaan telah diwujudkan setiap tahun dalam tempoh 2016 hingga 2020. Sebilangan besar peluang pekerjaan yang diwujudkan adalah dalam sektor perkhidmatan, iaitu sebanyak 45,300 pekerjaan setiap tahun, diikuti oleh sektor pembuatan dengan 11,400 pekerjaan.

Pembangunan Tanah Adat

Pembangunan tanah adat di Sabah dan Sarawak telah diperkukuh untuk mencipta aktiviti penjanaan pendapatan untuk komuniti luar bandar. Pemetaan dan pewartaan tanah NCR akan menggalakkan pembangunan tanah dan mengurangkan pertikaian tanah. Sehingga September 2020, sebanyak 55,552 hektar tanah NCR telah diberi hak milik tanah yang memanfaatkan 34,353 penerima Anak Negeri Sabah, peningkatan daripada 11,684 hektar untuk 9,901 penerima pada 2016. Manakala untuk Bumiputera Sarawak, sebanyak 16,644 hektar tanah NCR diberi hak milik tanah memanfaatkan 19,420 penerima, dibandingkan dengan 2,334 hektar dan 3,795 penerima pada 2016. Secara perbandingan antara tahun 2016 dan 2020, terdapat kenaikan sebanyak 375% keluasan tanah diberi milik dan 247% penerima di Sabah, manakala Sarawak merekodkan kenaikan sejumlah 613% keluasan tanah diberi milik dan 412% penerima.

Tanah adat telah dibangunkan oleh agensi negeri serta pelabur untuk ladang berskala besar. Di Sabah, 11,928 hektar kelapa sawit dan getah telah ditanam melibatkan 3,375 penerima manfaat. Sementara itu, di Sarawak, 1,338 hektar kelapa sawit dan getah ditanam melibatkan 720 penerima manfaat. Pembangunan tanah tersebut memberi peluang kepada penerima manfaat untuk menjana pendapatan dari aktiviti perladangan.

[1] Enrolmen murid termasuk sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia, Maktab Rendah Sains MARA, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia dan sekolah swasta. Peratusan yang melebihi 100 peratus disebabkan enrolmen murid melebihi kadar kelahiran murid di negeri tersebut. Enrolmen mengambil kira murid yang dilahirkan di negeri lain yang telah berhijrah ke Sabah.
[2] Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi, Jabatan Perkhidmatan Awam dan Majlis Amanah Rakyat.
[3] Kajian Pengesanan Graduan, Kementerian Pengajian Tinggi.

Isu dan Cabaran

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mempercepat pembangunan di Sabah dan Sarawak. Walau bagaimanapun, ketidakseimbangan pembangunan masih ketara. Di antara isu utama ialah kekurangan infrastruktur, akses yang terhad kepada perkhidmatan sosial, cabaran dalam ketenteraman awam dan keselamatan serta pembangunan inklusif yang masih tidak seimbang. Selain itu, potensi ekonomi bagi Sabah dan Sarawak masih belum dibangunkan sepenuhnya. Kurangnya kolaborasi yang berkesan di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, serta penyampaian perkhidmatan awam yang kurang cekap telah menjejaskan usaha merapatkan jurang pembangunan di antara Sabah dan Sarawak dengan negeri-negeri lain.

Isu dan Cabaran

- Kekurangan Infrastruktur dan Perkhidmatan
- Pertumbuhan Ekonomi yang Perlahan
- Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Terhad
- Akses kepada Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan yang Terhad
- Cabaran dalam Keselamatan dan Ketenteraman Awam
- Cabaran dalam Pembangunan Inklusif
- Kekurangan Kerjasama dan Ketidakcekapan Penyampaian Perkhidmatan

Kekurangan Infrastruktur dan Perkhidmatan

Penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan, terutama jalan, bekalan air dan elektrik masih tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan rakyat. Ini disebabkan oleh kepadatan penduduk yang rendah, keadaan muka bumi yang mencabar dan kesukaran akses ke tapak projek. Kemudahan sistem sanitasi dan saliran serta perkhidmatan pembetungan dan pembuangan sampah di luar bandar juga tidak memuaskan. Selain itu, perkhidmatan asas seperti perumahan awam, kemudahan penjagaan kesihatan dan akses kepada internet masih terhad. Isu ini telah mengehadkan kemampuan komuniti tempatan untuk bergiat aktif dalam aktiviti sosioekonomi.

Liputan infrastruktur digital luar bandar adalah terhad disebabkan oleh pulangan pelaburan yang rendah, caj permit yang tinggi dan proses kelulusan yang sukar. Bentuk muka bumi yang mencabar di Sabah dan Sarawak menyumbang kepada kos pembangunan infrastruktur yang tinggi bagi syarikat telekomunikasi untuk menyediakan ketersambungan ke peringkat terakhir, terutamanya di kawasan luar bandar.

Pengangkutan udara adalah penting untuk penduduk di Sabah dan Sarawak kerana keterbatasan mod pengangkutan yang lain, terutama melalui jalan darat. RAS diperkenalkan untuk memenuhi keperluan sosial masyarakat yang tinggal di pedalaman Sabah dan Sarawak. Namun, operasi RAS adalah tidak mampan kewangan dan menerima subsidi yang besar daripada Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, beberapa STOLport juga menghadapi kekangan operasi berikutan penyelenggaraan yang tidak memuaskan serta masalah banjir.

Rangkaian grid pengagihan bekalan elektrik di Sabah telah lama dibina dan telah melebihi had beban reka bentuk. Ini telah menyebabkan gangguan bekalan elektrik yang kerap berlaku yang menyumbang kepada peningkatan SAIDI. Penjanaan elektrik, terutama di pantai timur bergantung kepada loji janakuasa lama dan kurang cekap. Kapasiti penjanaan yang tidak seimbang antara pantai barat dan timur Sabah terus menjadi cabaran utama. Pada masa ini, pantai timur dan barat Sabah dihubungkan dengan talian tunggal penghantaran litar berkembar berkapasiti 275 kilovolt (kV). Kekurangan kapasiti penjanaan di pantai timur telah menyumbang kepada beban berlebihan dalam talian penghantaran, terutama semasa permintaan bekalan elektrik yang tinggi. Di samping itu, kebergantungan kepada loji janakuasa diesel juga telah meningkatkan kos penjanaan elektrik sebanyak 47.85 sen/kilowatt jam (kWj), jauh lebih tinggi daripada kadar tarif elektrik yang dibayar oleh pengguna iaitu 34.52 sen/kWj. Tarif yang rendah ini telah menyebabkan Kerajaan Persekutuan menanggung subsidi secara berterusan.

Pertumbuhan Ekonomi yang Perlahan

Sabah dan Sarawak sangat bergantung kepada minyak mentah dan minyak sawit. Pada tahun 2020, jumlah kawasan penanaman kelapa sawit di Sabah dan Sarawak merangkumi sebanyak 53.3% daripada jumlah keseluruhan kawasan penanaman di Malaysia. Pengeluaran minyak sawit mentah adalah sebanyak 8.70 juta tan yang menyumbang 45.5% kepada jumlah pengeluaran negara pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, aktiviti hiliran bagi komoditi ini serta aktiviti subsektor agromakanan belum dimanfaatkan sepenuhnya di kedua-dua negeri. Subsektor agromakanan juga terlalu tertumpu kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah yang rendah.

Sabah dan Sarawak menghadapi cabaran dalam menarik pelaburan baharu, terutama bagi pengeluaran produk hiliran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi dan produk khusus petrokimia. Ini disebabkan oleh komposisi kimia gas asli di Sabah dan Sarawak yang hanya terhad kepada pengeluaran produk mempunyai nilai ditambah yang rendah, iaitu metanol, urea, baja dan produk berkaitan. Walaupun terdapat taman perindustrian khusus seperti Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang di Sabah dan Tanjung Kidurong di Sarawak, pelaburan dalam aktiviti hiliran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi di kawasan industri ini masih kurang.

Perkembangan ekonomi digital yang perlahan di Sabah dan Sarawak sebahagian besarnya disebabkan oleh PMKS yang kurang menerima guna teknologi digital, tidak mempunyai pengalaman dan belum bersedia untuk ke peringkat antarabangsa. Walaupun infrastruktur digital secara relatifnya lebih baik di Sarawak, PMKS masih kurang menggunakan teknologi digital. Di Sabah pula, liputan internet yang lebih rendah mengehadkan akses kepada peluang perniagaan dalam talian.

Sabah dan Sarawak dianugerahkan dengan aset semula jadi termasuk kawasan berhutan dan marin yang luas serta kepelbagaian spesies hidupan liar. Namun begitu, aset ini menghadapi ancaman akibat penggunaan yang tidak mampan dan perubahan guna tanah. Beberapa spesies hampir pupus akibat pembunuhan, pemburuan, pengambilan dan perdagangan haram serta amalan penangkapan ikan yang merosakkan. Kehilangan sumber ini telah memberi kesan kepada punca pendapatan komuniti setempat. Di samping itu, eksploitasi pengetahuan tradisional tidak memberi manfaat yang wajar kepada pemiliknya.

Pembangunan perindustrian antara wilayah serta kawasan bandar dan luar bandar adalah tidak seimbang. Sabah dan Sarawak terus menghadapi cabaran untuk menarik pelaburan bagi membangunkan industri disebabkan kekurangan infrastruktur seperti utiliti, telekomunikasi dan pengangkutan. Selain itu, terdapat kekurangan ekosistem sokongan, terutama dari segi ketersediaan teknologi tempatan, tenaga kerja mahir, rantaian bekalan yang cekap dan insentif yang kompetitif. Beberapa taman perindustrian tidak digunakan sepenuhnya oleh kerana pembangunan kawasan industri yang kurang tersusun atau pengurusan dan penyelenggaraan tidak memenuhi keperluan pelabur. Akses dan ketersambungan yang terhad antara kawasan pedalaman dan pinggir bandar dengan kawasan perindustrian terus menjadi isu utama. Ini mengakibatkan masa perjalanan yang panjang dan peningkatan kos.

Pihak berkuasa koridor, SEDIA dan RECODA ditubuhkan bagi menerajui pembangunan wilayah di Sabah dan Sarawak. Agensi ini masih belum mencapai outcome yang diharapkan disebabkan oleh beberapa cabaran. Kawasan yang ditetapkan di bawah agensi tersebut secara relatifnya adalah terlalu luas. Skop aktiviti ekonomi yang juga terlalu luas menyebabkan kekurangan tumpuan spesifik kepada aktiviti ekonomi utama di mana negeri mempunyai potensi dan kelebihan perbandingan.

Sabah dan Sarawak menghadapi cabaran untuk menarik pelaburan daripada wilayah dan anggota Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina (BIMP-EAGA) lain, walaupun kedua-dua negeri ini mempunyai kelebihan dari sudut geografi, ikatan sejarah, budaya dan bahasa dengan negara anggota BIMP-EAGA. Pandemik COVID-19 merencatkan lagi sentimen pelaburan dalam kalangan negara anggota BIMP-EAGA. Insentif pelaburan yang ditawarkan oleh Sabah dan Sarawak adalah sama seperti peringkat nasional. Kesannya, kedua-dua negeri tersebut tidak memiliki kelebihan tersendiri untuk dipromosi di bawah jenama BIMP-EAGA. Selain itu, kos bagi menjalankan perniagaan secara relatif adalah lebih tinggi di kedua-dua negeri tersebut.

Pembangunan bandar yang tidak seimbang di beberapa bahagian di Sabah dan Sarawak kekal sebagai cabaran. Aktiviti pembangunan lebih tertumpu di beberapa bandar utama seperti Kota Kinabalu dan Kuching, manakala potensi bandar lain masih belum dimanfaatkan sepenuhnya. Di samping itu, daya saing beberapa pusat bandar yang kurang kompetitif bagi menarik pelaburan dan bakat serta ekosistem yang kurang berkesan telah menghalang pewujudan aglomerasi ekonomi yang kukuh. Selain itu, integrasi data yang kurang serta penyelarasan yang tidak efektif antara agensi di Sabah dan Sarawak dengan agensi berkaitan di Semenanjung Malaysia telah menyebabkan perancangan dan pemantauan pembangunan yang tidak bersepadu.

Sabah dan Sarawak mudah terjejas dengan perubahan iklim memandangkan industri berasaskan eksport negeri ini bergantung kepada sumber asli. Pembangunan bandar utama adalah tertumpu di

sepanjang persisiran pantai. Pembangunan yang pesat di beberapa buah bandar telah meningkatkan lagi pencemaran karbon dan menimbulkan masalah pengurusan sampah. Adalah perlu bagi kedua-dua negeri untuk menerima guna dan melaksanakan strategi yang boleh menangani ancaman terhadap sumber asli secara efektif. Biodiversiti dan perkhidmatan ekosistem juga perlu dipertingkatkan.

Penyertaan sektor swasta, termasuk perusahaan sosial dalam kegiatan ekonomi di luar bandar secara relatif masih rendah. Ini disebabkan oleh infrastruktur asas dan perkhidmatan logistik yang tidak mencukupi yang seterusnya menyumbang kepada peluang pekerjaan dan perniagaan yang terhad di kawasan luar bandar.

Pencapaian pendidikan penduduk luar bandar di Sabah dan Sarawak secara relatif adalah rendah. Pada tahun 2020, hanya sebilangan kecil tenaga kerja luar bandar di Sabah dan Sarawak yang berpendidikan di peringkat tertiari. Di Sabah, hanya 12.7% tenaga kerja luar bandar berpendidikan di peringkat tertiari, manakala Sarawak mencapai 13.4%. Penduduk luar bandar tidak dapat melibatkan diri dalam sektor berproduktiviti tinggi dan berintensifkan pengetahuan disebabkan oleh pencapaian pendidikan yang rendah. Ini menyumbang kepada pendapatan isi rumah penengah yang rendah di kawasan luar bandar. Pada tahun 2019, pendapatan isi rumah penengah di Sabah ialah sebanyak RM3,172 dan di Sarawak sebanyak RM3,195 berbanding dengan purata nasional iaitu RM3,828.

Akses kepada Pendidikan dan Latihan yang Terhad

Keadaan bangunan sekolah yang daif menghalang murid untuk menikmati persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif. Di samping itu, jurang digital terutama di kawasan pedalaman telah memberi kesan kepada keberhasilan pembelajaran murid. Bilangan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) yang menawarkan persekolahan daripada Tahun Satu hingga Tingkatan Tiga di sekolah yang sama adalah terhad. Kekangan-kekangan ini telah menjejaskan keupayaan murid dari kawasan pedalaman untuk menamatkan persekolahan dan meneruskan pendidikan ke peringkat tertiari.

Akibat pandemik COVID-19, pelajar sekolah, IPT dan institusi TVET terpaksa menjalani proses pembelajaran secara dalam talian. Ini menimbulkan masalah kepada pelajar yang mempunyai akses kepada internet yang terhad, terutama bagi yang tinggal di kawasan luar bandar dan pedalaman serta pelajar daripada keluarga berpendapatan rendah. Guru dan tenaga pengajar di kawasan luar bandar juga menghadapi cabaran dalam memastikan pengajaran dan pembelajaran dalam talian berjalan dengan lancar. Kekangan ini menjejaskan usaha untuk menyediakan pendidikan berkualiti di Sabah dan Sarawak.

Institusi TVET juga menghadapi cabaran besar bagi menempatkan pelajar untuk latihan industri atau *work-based learning*. Bilangan industri dalam beberapa sektor yang berupaya mengambil pelajar sebagai pelatih juga telah berkurangan. Masalah ini turut menjejaskan kebolehan graduan TVET untuk mendapat pekerjaan.

Pada tahun 2020, Sabah mencatatkan kadar pengangguran belia tertinggi sebanyak 17.3% berbanding dengan purata nasional 12%. Di Sarawak, kadar pengangguran belia adalah lebih rendah, iaitu 12.3%. Kebanyakan belia yang menganggur didapati kurang mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh industri. Sejumlah 75.9% belia yang menganggur di Sabah dan 67.7% di Sarawak mempunyai tahap pendidikan tertinggi hanya pada peringkat menengah dan ke bawah.

Akses kepada Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan yang Terhad

Fasiliti dan perkhidmatan penjagaan kesihatan awam masih belum mencukupi bagi memenuhi keperluan penduduk yang tinggal secara berselerak di Sabah dan Sarawak. Kekurangan personel kesihatan yang berkemahiran dan kompeten masih menjadi cabaran dalam menyediakan penjagaan kesihatan yang berkualiti. Pandemik COVID-19 menunjukkan betapa penting keperluan teknikal dan personel kesihatan yang mencukupi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Di samping itu, kekurangan akses dan kekerapan perkhidmatan kesihatan bergerak yang rendah telah menjejaskan penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan yang berkualiti kepada penduduk luar bandar dan pedalaman.

Cabaran dalam Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Kebolosan sempadan dan kebanjiran pendatang asing tanpa izin (PATI) masih merupakan isu utama di Sabah dan Sarawak. Keadaan ini telah menimbulkan persekitaran yang kurang kondusif serta menjejaskan peluang pekerjaan kepada komuniti tempatan. Masalah ini turut menyumbang kepada peningkatan bilangan kes jenayah. Pertindihan tuntutan, pertikaian ke atas sempadan darat dan maritim serta konflik dalam kalangan negara kuasa besar turut mengancam kedaulatan dan keselamatan negara.

Cabaran dalam Pembangunan Inklusif

Insiden kemiskinan masih tinggi, manakala agihan pendapatan masih tidak sama rata. Pada tahun 2019, insiden kemiskinan mutlak di Sabah adalah 19.5% dan di Sarawak 9%, melebihi kadar kemiskinan nasional iaitu 5.6%. Kebanyakan isi rumah miskin ini adalah dalam kalangan Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Tahap sosioekonomi

kumpulan ini adalah ketinggalan dari segi pendidikan serta kemahiran teknikal dan keusahawanan yang mengehadkan akses kepada peluang pekerjaan. Di samping itu, kemiskinan di beberapa daerah di Sabah mencatatkan kadar yang tinggi iaitu di Tongod 56.6%, Pitas 53.6%, Kota Marudu 46.1%, Beluran 45% dan Kudat 41.5%. Di Sarawak pula, kemiskinan tertinggi adalah di daerah Pusa pada kadar 38.6%, Tebedu 28.7% dan Matu 24.1%. Sembilan daripada 10 daerah termiskin di Malaysia adalah di Sabah dan Sarawak.

Aktiviti pengukuran dan pewartaan tanah NCR di Sabah dan Sarawak berdepan dengan pelbagai cabaran sehingga menjejaskan usaha-usaha pembangunan ekonomi. Pertindihan tuntutan tanah yang menyebabkan pertikaian tanah komunal dan kegagalan dalam menentukan persempadanan tanah, sekaligus telah melambatkan proses pengukuran tanah. Kebanyakan pihak yang menuntut tanah, telah menuntut kawasan yang lebih besar daripada kawasan tanah NCR yang telah dikenal pasti. Selain daripada itu, faktor topografi, musim hujan dan bilangan juruukur yang terhad sama ada juruukur awam atau swasta juga menjejaskan kerja-kerja pengukuran.

Kekurangan Kerjasama dan Ketidakcekapan Penyampaian Perkhidmatan

Kekurangan penyelarasan dalam perancangan sosioekonomi pada pelbagai peringkat memberi cabaran dalam merancang pembangunan wilayah yang bersepadu dan memastikan pelaksanaan yang lancar. Walaupun pihak berkuasa koridor telah merangka pelan pembangunan jangka panjang, strategi yang dikenal pasti dalam setiap pelan pembangunan perlu disemak secara berkala supaya sejajar dengan dasar dan hala tuju yang ditetapkan pada peringkat nasional dan negeri. Rangka Tindakan Koridor Pembangunan Sabah (SDC), 2008-2025 perlu sejajar dengan Pelan Tindakan Ekonomi Jangka Panjang Sabah, 2035 dan dasar lain di peringkat Kerajaan Persekutuan. Di samping itu, pelaksanaan strategi dan inisiatif antara pihak SEDIA dan kerajaan negeri kadang-kala bertindih dengan agensi Kerajaan Persekutuan. Ini telah menyebabkan agihan sumber yang kurang cekap dan persaingan yang tidak sihat.

Ketidakcekapan tadbir urus bandar oleh beberapa pihak berkuasa tempatan (PBT) memberi kesan kepada kualiti penyampaian perkhidmatan. Berdasarkan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan pada tahun 2019, hanya 12 daripada 25 PBT di Sabah dan 19 daripada 26 PBT di Sarawak yang mencapai tahap minimum 4 bintang daripada penilaian 5 bintang, berbanding 96 daripada 101 PBT di kawasan lain di seluruh negara. Bagi PBT Sabah, antara sebab yang dikenal pasti termasuk skor yang rendah dalam penilaian pentauliahan ISO dan kutipan hasil serta rancangan tempatan yang tidak dikemas kini. Bagi Sarawak, penemuan utama termasuk kutipan hasil yang kurang dan pengurusan sisa pepejal yang lemah. Selain itu, dasar perancangan strategik spatial kebangsaan seperti Rancangan Fizikal Negara, Dasar Perbandaran Negara dan Dasar Perancangan Fizikal Desa Negara tidak diterima guna sepenuhnya oleh Sabah dan Sarawak. Ini telah menghalang usaha untuk mewujudkan rangka kerja perancangan spatial negara yang bersepadu, di samping kesukaran menyelaras agenda pembangunan negara.

Pada September 2018, Kerajaan Persekutuan telah menubuhkan Jawatankuasa Khas Kabinet untuk menyemak semula pelaksanaan Perjanjian Malaysia 1963 (MA63). Kemajuan yang signifikan telah dicapai dalam menyelesaikan pelbagai isu yang diketengahkan oleh Sabah dan Sarawak sejak penubuhan jawatankuasa tersebut. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu yang belum diselesaikan, terutamanya yang melibatkan perbezaan perundangan di antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan secara prinsipnya telah bersetuju untuk menyerahkan kuasa kawal selia bekalan gas dan elektrik kepada Kerajaan Negeri Sabah. Walau bagaimanapun, penyerahan kuasa ini akan mengambil masa yang panjang dan mencabar. Antara cabaran yang dihadapi ialah ketiadaan instrumen perundangan dan badan kawal selia pada peringkat negeri untuk mengawal selia industri bekalan gas dan elektrik. Selain itu, terdapat cabaran dari segi keupayaan untuk menyemak semula struktur tarif dan mengurangkan kebergantungan subsidi daripada Kerajaan Persekutuan.

Penyampaian perkhidmatan awam adalah penting untuk menyokong pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak. Oleh itu, beberapa isu perlu ditangani untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan. Ini termasuk ketidakcekapan sistem penempatan, kekurangan bakat dan penerimagunaan teknologi digital. Isu berkaitan integriti dan akauntabiliti juga memberi kesan kepada kualiti penyampaian perkhidmatan.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) akan memberi tumpuan kepada memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak agar jurang pembangunan dengan negeri-negeri lain dapat dikurangkan. Keutamaan akan diberi untuk memantapkan penyediaan infrastruktur, mengoptimumkan potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, mempertingkat pembangunan inklusif dan memperkukuh kerjasama antara agensi Persekutuan dan kerajaan negeri. Pelaksanaan langkah ini dijangka dapat mengurangkan jurang pembangunan sosioekonomi antara negeri Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia serta meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi di Sabah dan Sarawak

Bidang Keutamaan A

Memantapkan Penyediaan Infrastruktur

Strategi A1
Memperluas Penyediaan Infrastruktur
Strategi A2
Meningkatkan Ketersambungan

Bidang Keutamaan B

Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

Strategi B1
Mencergaskan Semula Aktiviti Ekonomi
Strategi B2
Memperkukuh Pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
Strategi B3
Menyediakan Ekosistem yang Kondusif
Strategi B4
Memajukan Pembangunan Luar Bandar
Strategi B5
Mempercepat Pembangunan Bandar
Strategi B6
Menggalakkan Pertumbuhan Hijau

Bidang Keutamaan C

Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial

Strategi C1
Menambah Baik Akses kepada Pendidikan
Strategi C2
Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan
Strategi C3
Menambah Baik Akses kepada Rumah Mampu Milik
Strategi C4
Mempertingkat Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Bidang Keutamaan D

Memperkukuh Pembangunan Inklusif

Strategi D1
Menangani Kemiskinan dan Mempelbagaikan Sumber Pendapatan
Strategi D2
Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

Bidang Keutamaan E


Memperkukuh Kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Strategi E1
Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Jalinan Kerjasama
Strategi E2
Meningkatkan Kerjasama antara Pihak-Pihak Berkuasa




Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih


Memantapkan Penyediaan Infrastruktur




Liputan Akses kepada Air Bersih dan Selamat




Liputan Akses kepada Elektrik




Membina dan Menaik Taraf Jalan Luar Bandar Berturap



Pembangunan Tapak Infrastruktur Digital Baharu



Bilangan *Points of Presence* untuk Ketersambungan Jalur Lebar bagi Sekolah Luar Bandar



Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (SAIDI)

Sasaran
SDG
WKB 2030

Mengoptimumkan Potensi Sosioekonomi



2021-2025 2021-2025

Pertumbuhan Purata KDNK



2025 2025

Pendapatan Penengah Bulanan Isi Rumah

Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial



2025

Membina dan Membaiki Rumah untuk Isi Rumah Miskin di Sabah dan Sarawak

Memperkukuh Pembangunan Inklusif



2025 2025

Pemetaan Tanah Adat (NCR)

Sasaran
SDG
WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Memantapkan Penyediaan Infrastruktur

Infrastruktur memainkan peranan penting sebagai pemangkin pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak. Penyediaan infrastruktur dan ketersambungan akan dimantapkan untuk menyokong aktiviti ekonomi dan menambah baik penyampaian perkhidmatan sosial, terutama di kawasan luar bandar. Ini akan mempertingkat status sosioekonomi dan menambah baik kesejahteraan rakyat di Sabah dan Sarawak.



Strategi A1

Memperluas Penyediaan Infrastruktur

Penyediaan infrastruktur asas, termasuk jalan, bekalan air dan elektrik akan terus diberi penekanan. Langkah ini akan dijajarkan mengikut keutamaan negeri. Selain memperluas liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk, ketersambungan jalur lebar ke sekolah di luar bandar juga akan disediakan. Liputan bekalan air dan elektrik di Sabah dan Sarawak juga akan diperluas bagi memenuhi permintaan yang meningkat.

Menambah Baik Penyediaan Infrastruktur Asas

Penyediaan infrastruktur asas akan dipergiat di Sabah dan Sarawak, termasuk menaik taraf dan membina jalan dan jambatan. Beberapa pakej Lebuhraya Pan Borneo yang bakal siap akan dapat meningkatkan ketersambungan dan mobiliti orang dan barangan. Akses kepada bekalan air bersih dan selamat serta sistem sanitasi akan terus diperluas bagi meningkatkan kualiti hidup rakyat Sabah dan Sarawak. Di samping itu, infrastuktur baharu bagi perkhidmatan air seperti empangan, takungan air pinggiran sungai, loji rawatan air dan loji rawatan kumbahan akan dibina dan infrastruktur sedia ada akan dinaik taraf. Bagi mengurangkan kadar air tidak berhasil (NRW), peruntukan akan disediakan di bawah Program Pengurangan NRW di kedua-dua negeri.

Memperluas Liputan Jalur Lebar

Liputan jalur lebar di Sabah dan Sarawak akan terus dipertingkat melalui Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA). Ini bertujuan memperluas liputan perkhidmatan jalur lebar dalam usaha menyediakan peluang digital yang saksama kepada penduduk. Peluasan infrastruktur digital di bawah JENDELA akan membolehkan 100% liputan jalur lebar di kawasan berpenduduk. Sehubungan itu, infrastruktur digital baharu di 382 tapak akan disediakan di Sabah dan 636 di Sarawak.

Ketersambungan jalur lebar di sekolah dan kawasan sekitar akan ditambah baik. Penyediaan jalur lebar di kawasan bandar akan diterajui oleh pihak industri, manakala Kerajaan akan memberi tumpuan di kawasan luar bandar. Di bawah RMKe-12, sebanyak 781 *points of presence* (PoP) akan disediakan di Sabah dan 643 di Sarawak. Penyediaan PoP ini akan membolehkan premis kerajaan, kawasan perumahan dan bangunan komersial yang berdekatan mendapat akses kepada perkhidmatan jalur lebar. Ini akan dapat menggalakkan lebih banyak aktiviti dalam talian di kawasan luar bandar.

Menambah Baik Sistem Bekalan Elektrik

Sistem bekalan elektrik di Sabah akan terus ditambah baik melalui pembinaan dan naik taraf fasiliti penjanaan serta rangkaian penghantaran dan pembahagian. Isu kekurangan penjanaan elektrik di pantai timur Sabah akan diselesaikan melalui pembinaan loji janakuasa baharu dan kerja menaik taraf talian penghantaran Grid Timur-Barat Sabah. Selain itu, projek talian penghantaran *Southern Link* akan dimulakan dengan kerja awalan dalam tempoh RMKe-12. Rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif akan diperkenal untuk meningkatkan kualiti dan kecekapan bekalan elektrik. Ia dijangka meningkatkan daya tahan dan daya harap sistem grid, seterusnya menambah baik perkhidmatan bekalan elektrik di Sabah.

Sistem bekalan elektrik di Sarawak akan terus diperkukuh dengan pelaksanaan projek hidroelektrik Baleh berkapasiti 1,285 megawatt yang dijangka siap pada tahun 2025. Bagi memastikan bekalan elektrik

yang berdaya harap dan dapat memenuhi peningkatan permintaan, Sarawak akan membina satu lagi talian penghantaran 500 kV sebagai talian penghantaran utama yang kedua. Di samping itu, Grid Utara akan dibina bagi meningkatkan Sistem Grid Negeri untuk meliputi seluruh negeri Sarawak. Ini akan menyediakan kapasiti tambahan bagi memenuhi peningkatan beban di Limbang dan Lawas. Ia juga akan membolehkan sambungan ke lebih banyak kampung di bawah *Rural Electrification Scheme*. Pelaksanaan projek ini akan membolehkan tenaga elektrik dibekalkan ke Sabah dan dieksport ke Kalimantan pada masa hadapan.

Strategi A2

Meningkatkan Ketersambungan

Ketersambungan pengangkutan yang cekap adalah penting bagi melancarkan pergerakan pengguna dan barangan yang akan membantu menarik lebih banyak pelaburan. Ini akan dilaksana melalui penambahbaikan perkhidmatan pengangkutan awam dan logistik. Ia akan merancakkan aktiviti ekonomi, mengurangkan kos menjalankan perniagaan dan membolehkan penyampaian perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat.

Menambah Baik Perkhidmatan Udara Luar Bandar

Kerajaan Persekutuan akan terus menyediakan subsidi RAS untuk Sabah dan Sarawak. Pengangkutan udara adalah antara perkhidmatan penting bagi memudahkan pergerakan penduduk di kawasan pedalaman. Perkhidmatan ini akan disemak semula secara berkala supaya terus berdaya maju dalam tempoh jangka panjang. Semakan ini akan melibatkan rasionalisasi laluan sedia ada dan laluan baharu untuk meningkatkan ketersambungan yang menyeluruh di luar bandar Sabah dan Sarawak. Bagi memastikan kecekapan, operator lapangan terbang akan terus menyelenggara STOLport.

Menambah Baik Perkhidmatan Logistik

Kecekapan perkhidmatan logistik di Sabah dan Sarawak akan dipertingkat melalui penambahbaikan infrastruktur sedia ada serta ketersambungan batuan akhir. Kapasiti pelabuhan dan lapangan terbang serta penyedia perkhidmatan akan terus dipertingkat. Ini bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan pengendalian kargo yang cekap dari segi masa dan kos serta memenuhi jangkaan peningkatan perdagangan di Kepulauan Borneo pada masa hadapan. Kerja menaik taraf Pelabuhan Sepanggar yang bermula pada tahun 2020 dijangka siap pada tahun 2024. Pelabuhan ini akan berfungsi sebagai pelabuhan pemunggahan dan pintu masuk untuk perdagangan di subserantau BIMP-EAGA. Sehubungan ini, ketersambungan jalan ke kawasan perindustrian dan hab kargo serta pedalaman Sabah akan dipertingkatkan.

Peningkatan kapasiti dan perkhidmatan Pelabuhan Bintulu adalah penting untuk menjadi antara pelabuhan singgahan utama di Kepulauan Borneo. Selaras dengan pembangunan pesat sektor pembuatan di Kuching dan Bintulu, Pelabuhan Bintulu menjadi nod penting di Koridor Ekonomi Borneo Barat. Selain itu, ketersambungan batuan akhir akan ditambah baik bagi membolehkan penghantaran barangan yang cekap dan berkesan kepada pengguna, terutama di kawasan pedalaman. Sehubungan itu, ketersambungan jalan raya akan ditambah baik. Ini bukan sahaja akan mengurangkan kos pengangkutan, malah turut menggalakkan pembangunan hab kargo di sepanjang jajaran jalan raya.

Bidang Keutamaan B

Mengoptimumkan Potensi Ekonomi

Sabah dan Sarawak terletak di lokasi yang strategik di Kepulauan Borneo, berhampiran dengan kebanyakan negara ASEAN serta PRC dan Jepun. Kedudukan strategik ini mewujudkan peluang ekonomi dan perdagangan yang besar kepada kedua-dua negeri. Bagi memanfaatkan potensi ini, usaha akan dilaksana untuk menyediakan ekosistem yang kondusif bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Ini dijangka akan menyumbang kepada peningkatan pertumbuhan purata KDNK Sabah sebanyak 6.5% setahun dan Sarawak 5.3% setahun dalam tempoh RMKe-12.



Strategi B1

Mencergaskan Semula Aktiviti Ekonomi

Dalam menggalakkan pembangunan industri yang lebih setara, tumpuan akan diberikan untuk memodenkan sektor pertanian, memperkukuh subsektor minyak dan gas, menambah baik sektor perkhidmatan serta menggalakkan ekonomi digital. Kejayaan langkah ini akan mengurangkan jurang sosioekonomi antara wilayah di Malaysia.

Menggalakkan Pembangunan Industri yang Lebih Saksama

Pembangunan kawasan perindustrian di Sabah dan Sarawak akan dipercepat dengan menyediakan infrastruktur yang merangkumi jalan raya, bekalan air dan elektrik serta ketersambungan internet yang lebih baik. Pelan hala tuju perindustrian negara yang bakal diperkenalkan akan mengambil kira kelebihan yang ada di Sabah dan Sarawak. Pelan hala tuju ini dijangka menambah baik ekosistem pelaburan dan menarik pelabur baharu di kedua-dua negeri. Insentif pelaburan sedia ada akan disemak semula dengan memberi tumpuan kepada industri terpilih yang berkualiti bagi menangani ketidakseimbangan pembangunan industri antara wilayah.

Industri halal di Sabah dan Sarawak akan diperkukuh bagi memanfaatkan ketersediaan sumber dan peningkatan permintaan global kepada produk halal. Penyertaan syarikat Bumiputera akan dipertingkat melalui program pembangunan keusahawanan. Selain itu, keupayaan dan kualiti pengeluaran akan ditingkatkan, manakala akses ke pasaran antarabangsa akan ditambah baik. Taman industri halal sedia ada termasuk Taman Perindustrian Kota Kinabalu dan Kluster Industri Minyak Sawit Lahad Datu di Sabah serta Hab Halal Tanjung Manis di Sarawak akan dinaik taraf melalui pendekatan yang holistik. Ini akan memastikan perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan yang lebih bersepadu bagi meningkatkan lagi tahap penggunaan taman industri berkenaan. Langkah ini akan memudahkan syarikat tempatan mengembangkan perniagaan sedia ada dan menarik pelaburan baharu.

Menggalakkan Pembangunan Ekonomi Digital

Kejayaan ekonomi digital sebahagiannya bergantung kepada tahap penerimagunaan teknologi digital dalam kalangan PMKS. PMKS akan digalakkan untuk menerima guna teknologi digital dalam pengeluaran dan perkhidmatan perniagaan. Program latihan, bimbingan dan kesedaran akan dilaksana bagi meningkatkan kesediaan PMKS untuk

menguasai pendigitalan bagi membolehkan syarikat-syarikat ini bersaing di pasaran domestik dan global. Pusat setempat dengan ketersambungan ke seluruh negara akan diwujudkan untuk membantu PMKS tempatan mendapat akses lebih baik kepada pembiayaan dan khidmat nasihat. Program eRezeki dan eUsahawan akan ditambah baik dan diperluas untuk meningkatkan kemahiran dan peluang kepada rakyat di Sabah dan Sarawak. Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara yang ditubuhkan pada tahun 2020 akan turut dimanfaat bagi menangani isu pendigitalan di Sabah dan Sarawak.

Memodenkan Sektor Pertanian

Aktiviti pertanian di Sabah akan ditumpukan kepada penghasilan produk agromakanan bernilai tinggi, akuakultur, perikanan laut dalam dan hasil tenusu. Ranau dan Keningau akan terus dibangunkan sebagai kawasan pengeluar utama sayuran dan produk tenusu, manakala Kota Belud telah dikenal pasti untuk penanaman padi dan pengeluaran buah-buahan berskala besar. Kawasan yang dikhaskan untuk pengeluaran makanan seperti Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) dan Zon Industri Akuakultur (ZIA) akan dinaik taraf bagi menggalakkan pertanian moden. Industri perikanan laut dalam yang menggunakan bot ikan berteknologi tinggi akan terus diberi galakan bagi memanfaatkan sumber dan kelebihan daya saing.

Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu di Kalaka Saribas dan Samarahan di Sarawak akan ditransformasi kepada kawasan pertanian moden. Bagi tujuan ini, beberapa projek rintis akan dilaksana. TKPM dan ZIA sedia ada juga akan dinaik taraf bagi menggalakkan pertanian moden. Penanaman secara berskala besar bagi tanaman yang bernilai tinggi seperti durian, nanas dan kelapa akan digalakkan. Kompleks Perikanan Tanjung Manis dan Tanjong Bako akan dimanfaatkan sepenuhnya bagi menyokong aktiviti hiliran dalam industri perikanan.

Penggunaan teknologi digital akan dipertingkat melalui aplikasi pertanian pintar dan tepat di sepanjang rantaian nilai pengeluaran. Pembangunan kapasiti dan khidmat nasihat akan disediakan untuk mempercepat penerimagunaan pertanian moden. Selain itu, petani akan digalakkan untuk menerima pakai amalan pertanian yang baik seperti Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia, Minyak Sawit Mampan Malaysia dan Skim Pensijilan Organik Malaysia. Ini bagi memastikan kemampanan sektor pertanian dan keselamatan makanan. Keupayaan jabatan dan agensi pertanian negeri untuk melaksanakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan akan ditingkatkan. Kerjasama dengan IPT dalam penyelidikan akan dipergiatkan dan ditumpukan kepada pengujian tanah, pengeluaran benih dan baka serta kawalan biosekuriti. Bagi menggalakkan penerimagunaan teknologi moden, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak akan diperkukuh dalam melaksana pembangunan pertanian.

Memperkukuh Subsektor Minyak dan Gas

Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak telah memuktamadkan pelan induk bagi industri gas pada tahun 2020. Pelan ini dirangka untuk memastikan bekalan tenaga jangka panjang bagi pembangunan industri gas serta menyediakan strategi bagi menarik pelaburan baharu dalam industri berkaitan gas. Ini akan menggalakkan peralihan penggunaan bahan api daripada diesel kepada gas asli yang akan mengurangkan kos dan subsidi. Inisiatif dalam kedua-dua pelan ini akan diambil kira dalam merangka pelan hala tuju gas asli pada peringkat nasional. Pelan hala tuju ini akan menggariskan strategi untuk menjana hasil daripada sumber gas serta mengenal pasti potensi pelaburan dalam industri petrokimia yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Di samping itu, pelan ini juga akan menyediakan hala tuju untuk mengoptimum penggunaan gas asli dan membantu ke arah peralihan harga berasaskan pasaran.

Meningkatkan Aktiviti Pembuatan Berasaskan Sumber

Kekayaan sumber asli di Sabah dan Sarawak menyediakan peluang untuk memacu pertumbuhan sektor pembuatan. Sumber seperti minyak dan gas, minyak sawit, kayu balak dan mineral boleh digunakan sebagai bahan asas dalam aktiviti hiliran sektor pembuatan. Sehubungan itu, kemampuan dan daya saing PMKS dalam aktiviti pembuatan berasaskan sumber akan dipertingkat melalui penerimagunaan automasi dan teknologi yang lebih tinggi. Aktiviti promosi dan penyelenggaraan akan dipergiat untuk memanfaatkan sepenuhnya taman perindustrian sedia ada. Langkah ini akan menjadikan taman perindustrian sedia ada lebih kompetitif dan seterusnya menarik pelaburan baharu yang berkualiti.

Potensi industri aeroangkasa di Sabah dan Sarawak akan dibangun berdasarkan kekuatan yang terdapat di kedua-dua negeri tersebut. Ini akan mewujudkan sinergi dengan aktiviti sedia ada di kawasan tersebut dan mempercepat pembangunan kepakaran tempatan. Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu merupakan lapangan terbang kedua paling sibuk di Malaysia dan berpotensi menjadi hab aeroangkasa komersial di Kepulauan Borneo. Oleh itu, pembangunan industri aeroangkasa di Sabah akan ditumpu kepada penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) serta pusat kecemerlangan untuk latihan kemahiran. Industri aeroangkasa di Sarawak akan ditumpukan

kepada operasi helikopter dan MRO. Ini berdasarkan kekerapan penggunaan pengangkutan udara luar bandar bagi menyediakan perkhidmatan sosial asas seperti perkhidmatan penjagaan kesihatan bergerak dan RAS.

Menambah Baik Sektor Perkhidmatan

Sabah dan Sarawak dianugerahkan kekayaan alam semula jadi dan keunikan budaya yang memberikan kelebihan daya saing dalam ekopelancongan. Sikap menghormati dan meraikan alam semula jadi telah menjadi sebahagian daripada budaya setempat. Oleh itu, amalan lestari telah pun wujud secara meluas di Sabah dan Sarawak. Kejayaan usaha sama sektor awam dan swasta dalam model perniagaan dan penetapan had daya tampung yang dilaksanakan di Gua Mulu, Sarawak dan Pulau Sipadan, Sabah akan dijadikan contoh untuk lokasi pelancongan tempatan yang lain. Langkah ini bertujuan memelihara khazanah semula jadi dan seterusnya meningkatkan punca pendapatan komuniti setempat serta memastikan daya maju ekonomi khazanah tersebut untuk jangka panjang. Di samping itu, inisiatif khusus akan dilaksana bagi menambah baik infrastruktur dan kemudahan pelancongan dalam meningkatkan akses ke lokasi tarikan utama di kedua-dua negeri ini.

Usaha promosi yang dirangka berdasarkan keunikan Sabah dan Sarawak akan dipergiat. Usaha untuk mengembalikan keyakinan pelancong berikutan kesan pandemik COVID-19 akan dilaksanakan dengan komitmen yang padu oleh pihak industri dalam mengamalkan standard keselamatan dan kebersihan terbaik. Tadbir urus dan mekanisme pelaksanaan pembangunan pelancongan yang menyeluruh juga akan ditambah baik. Di samping itu, langkah mengenal pasti pasaran dan laluan baharu, serta promosi bersasar bagi pasaran khusus akan dilaksana untuk meningkatkan ketibaan pelancong ke Sarawak. Kerjasama strategik dengan syarikat penerbangan dan ejen pelancongan asing akan diperkukuh bagi mewujudkan lebih banyak laluan antarabangsa ke Sarawak. Ini akan meningkatkan pertumbuhan industri pelancongan di Sarawak yang memberi manfaat bukan sahaja kepada komuniti setempat dan negeri tetapi juga negara secara keseluruhannya.

Berdasarkan potensi Lebuhraya Pan Borneo sebagai pemacu perubahan di Sabah dan Sarawak, hab pengumpulan yang bersepadu akan diwujudkan di sepanjang laluan ini bagi menambah baik kecekapan pengendalian kargo. Pembangunan dan penambahbaikan kemudahan di pelabuhan kontena darat, terutama Pelabuhan Darat Keningau di Sabah dan Pelabuhan Darat Tebedu di Sarawak, adalah juga penting untuk menggalakkan pertumbuhan industri logistik. Ketersambungan syarikat penerbangan serantau dan tempatan akan dipertingkat dengan menyediakan insentif kepada syarikat penerbangan yang disasarkan. Di samping itu, penyedia perkhidmatan logistik akan digalakkan untuk menjalinkan kerjasama dengan pembekal.

Peraturan pendaftaran perniagaan akan dikaji semula dan diperbaharui untuk memudahkan urusan menjalankan perniagaan. Ini akan menarik lebih banyak pelaburan dan meningkatkan lagi pertumbuhan perniagaan di Sabah dan Sarawak. Syarikat akan digalakkan untuk memanfaatkan platform e-dagang dan memodenkan proses perniagaan melalui pendigitalan. Hubungan jalan raya dan ketersambungan batuan akhir serta infrastruktur digital akan membolehkan perniagaan berkembang dan diperluas sehingga ke kawasan luar bandar serta akses kepada barangan dan perkhidmatan pada harga yang berpatutan.

Institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) di Sabah dan Sarawak akan digalakkan untuk memperkenalkan program khusus seperti robotik dan kecerdasan buatan (AI) untuk menarik pelajar tempatan dan antarabangsa. Di samping itu, kerjasama akan digalakkan antara IPTS dan syarikat sebagai rakan strategik untuk meningkatkan kemahiran pelajar melalui khidmat nasihat dan bimbingan serta latihan di tempat kerja. Kerjasama ini akan menambah bekalan bakat untuk memenuhi keperluan industri.

Mempercepat Pertumbuhan Sektor Pembinaan

Pembinaan projek mega seperti Lebuhraya Pan Borneo, Program Grid Bekalan Air Sarawak dan *Sabah Seafront* akan menjana pertumbuhan sektor pembinaan. Ini akan mewujudkan lebih banyak permintaan terhadap bahan binaan dan menyediakan peluang pekerjaan dalam bidang kejuruteraan awam kepada tenaga kerja tempatan. Projek ini akan menjadi pemangkin kepada penggunaan kaedah pembinaan berteknologi tinggi. Pengujian ke atas bahan binaan dan bangunan adalah penting untuk memastikan projek yang dilaksana menggunakan bahan yang berkualiti dan selamat. Kemudahan makmal pengujian bahan binaan akan dinaik taraf untuk meningkatkan keupayaan dan mempercepat proses kelulusan.

Penggunaan teknologi seperti Sistem Binaan Berindustri, Pemodelan Maklumat Bangunan dan pembinaan modular yang berasaskan automasi dan mekanisasi akan mempercepat pelaksanaan projek. Insentif akan diperkenal untuk menggalakkan lebih banyak pemain industri menerima guna teknologi pembinaan yang terkini. Akademi Binaan Malaysia di Sabah dan Sarawak akan melaksanakan program peningkatan kemahiran, latihan kemahiran semula serta program

akreditasi untuk melahirkan bekalan tenaga kerja tempatan yang berkelayakan. Penerimagunaan mekanisasi dan automasi yang lebih luas akan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing yang berkemahiran rendah.

Strategi B2

Memperkukuh Pembangunan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Ekosistem yang kondusif sangat penting untuk memastikan pertumbuhan PMKS yang progresif dan mampan di Sabah dan Sarawak. Untuk tujuan ini, usaha akan dilakukan untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan, memperkukuhkan aktiviti berasaskan sumber, memudah cara perniagaan dan meningkatkan akses pasaran PMKS. Inisiatif ini akan meningkatkan sumbangan PMKS kepada ekonomi.

Meningkatkan Akses Pembiayaan

Akses kepada pembiayaan bagi PMKS di Sabah dan Sarawak akan ditambah baik melalui penubuhan dana khusus. Ini akan memberikan peluang yang lebih luas kepada PMKS untuk mendapatkan pembiayaan bagi pengembangan perniagaan. Program khas akan diperkenalkan untuk meningkatkan kesedaran mengenai program pembiayaan yang tersedia kepada PMKS. Selain itu, perkhidmatan bank bergerak akan diperluas untuk meningkat akses kepada pembiayaan.

Meningkatkan Aktiviti Berasaskan Sumber Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

PMKS di Sabah dan Sarawak akan digalakkan untuk menggunakan sumber semula jadi domestik dalam mengeluarkan produk dan perkhidmatan bernilai ditambah yang tinggi. Dalam hubungan ini, penglibatan PMKS dalam industri seperti minyak dan gas, eko-pelancongan, agro-perniagaan dan minyak sawit akan terus diperkukuhkan. Pertumbuhan industri ini akan menyediakan peluang kepada PMKS yang berpotensi untuk terlibat dalam rantaian nilai bagi aktiviti hiliran. Program latihan dan pembangunan keusahawanan yang komprehensif akan dibangunkan dalam usaha untuk mendorong PMKS menceburi sektor perkhidmatan dengan nilai ditambah yang tinggi dalam industri berasaskan sumber.

Memudah Cara Pengendalian Perniagaan

Jaringan kaunter pendaftaran perniagaan sedia ada di Sabah dan Sarawak akan diperluas dan mekanisme pendaftaran yang inovatif akan diperkenalkan bagi memudah cara pendaftaran perniagaan. Pejabat daerah juga akan digalakkan untuk bertindak sebagai pusat tumpuan yang akan mempromosikan program yang ditawarkan oleh Kerajaan Persekutan, kerajaan negeri dan institusi kewangan.

Melonjakkan Akses Pasaran Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana

Inisiatif akan diambil untuk melonjakkan akses pasaran PMKS. Mekanisme pengagregatan bagi produk PMKS akan diperkenalkan untuk menyediakan akses pasaran yang lebih luas melalui penggunaan platform sedia ada seperti pejabat daerah, pejabat perbandaran dan pejabat pemimpin tempatan di bandar bersaiz kecil dan sederhana. Selain itu, PMKS juga akan digalakkan untuk meningkatkan penjualan produk dan perkhidmatan mereka melalui penggunaan teknologi dan pendigitalan.

Strategi B3

Menyediakan Ekosistem yang Kondusif

Ekosistem yang kondusif merupakan prasyarat bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi untuk memanfaatkan koridor ekonomi wilayah sebagai pemangkin pertumbuhan. Usaha bersepadu juga akan dilaksana untuk menjadikan Sabah dan Sarawak sebagai destinasi pelaburan pilihan di kawasan BIMP-EAGA dengan memanfaatkan kelebihan berbanding yang terdapat di kedua-dua negeri.

Memanfaatkan Koridor Ekonomi Wilayah untuk Pembangunan Sosioekonomi Bersepadu


Langkah akan diambil untuk memperkukuh strategi pembangunan wilayah bagi memastikan impak pembangunan yang lebih besar. Pembangunan akan dilaksana berasaskan kawasan khusus yang memberi tumpuan kepada aktiviti ekonomi yang dikenal pasti. Di samping itu, sumber tempatan akan digunakan secara optimum. Bagi memastikan usaha ini, SEDIA dan RECODA akan mempergiat usaha untuk mempercepat pelaksanaan projek pembangunan strategik. SEDIA dan RECODA akan menjalin kerjasama yang erat dengan pelbagai agensi bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk menarik pelaburan berkualiti.

SEDIA akan memberi tumpuan kepada enam bidang utama iaitu, minyak, gas dan tenaga, pelancongan, minyak sawit, pembuatan dan logistik, pertanian serta pendidikan. Penglibatan komuniti setempat akan digalakkan bagi mempromosi aktiviti pelancongan di Sabah. Pembangunan sektor pembuatan dan perkhidmatan logistik akan memberi tumpuan kepada aktiviti hiliran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Rangka Tindakan SDC, 2008-2025 yang sedang disemak semula oleh SEDIA akan dijajarkan dengan dasar dan strategi pada peringkat nasional dan negeri. Semakan semula yang akan dimuktamadkan pada tahun 2021 ini akan menyediakan pendekatan pembangunan yang lebih strategik, terutama dalam menarik pelaburan berkualiti bagi mewujudkan peluang pekerjaan dan keusahawanan di wilayah ini.

Bagi memacu pembangunan di Sarawak, kawasan pembangunan SCORE telah diperluas melangkaui wilayah tengah melalui penubuhan URDA, HDA dan NRDA. Ini bagi memastikan pembangunan yang menyeluruh di kawasan luar bandar dan pedalaman Sarawak. Kawasan pembangunan mengikut subwilayah adalah seperti ditunjukkan dalam *Paparan 7-2*. Aktiviti yang diberi tumpuan di kawasan ini termasuk pertanian komersial yang moden, akuakultur, penjanaan tenaga hidroelektrik dan pelancongan. Ini bertujuan untuk mempercepat pertumbuhan ekonomi di kawasan terpencil dan mengurangkan ketidaksamaan pendapatan dalam wilayah. Pelaksanaan projek strategik di lima nod pertumbuhan utama di kawasan SCORE, iaitu Tanjung Manis, Mukah, Samalaju, Baram dan Tunoh akan dipercepat. Penyediaan infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan akan menyokong aktiviti ekonomi yang seterusnya akan memberi kesan limpahan kepada kawasan sekitar.

Paparan 7-2

Kawasan Pembangunan di bawah Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah



Sumber : Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah

Mempromosi Sabah dan Sarawak sebagai Destinasi Pelaburan Pilihan di Kawasan BIMP-EAGA

Aktiviti promosi dan usaha memudah cara pelaburan yang dilaksana oleh REC dan agensi promosi pelaburan lain di Sabah dan Sarawak akan diperkukuh bagi menjadikan kedua-dua negeri sebagai destinasi pelaburan pilihan di kawasan BIMP-EAGA. Kerajaan negeri akan memainkan peranan yang proaktif bagi mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk perniagaan. Ini termasuk menyediakan insentif pelaburan peringkat negeri sebagai tambahan kepada insentif peringkat nasional. Langkah akan diambil untuk memastikan bekalan elektrik dan air yang mencukupi, kemudahan pengurusan sisa yang lengkap serta infrastruktur dan perkhidmatan digital yang lebih baik di zon perindustrian strategik dan nod pertumbuhan. Insentif fiskal dan bukan fiskal yang khusus akan dikaji, untuk menggalakkan pertumbuhan hijau dan infrastruktur mesra alam.

Ketersambungan Infrastruktur untuk Menggalakkan Hubungan Ekonomi yang Lebih Kukuh dengan Kalimantan

Ketersambungan pengangkutan antara Sabah dan Sarawak dengan Kalimantan akan ditambah baik. Ini termasuk pembinaan jalan perhubungan antara Serudong di Tawau dengan Simanggaris di Kalimantan Utara. Bagi menyokong aktiviti ekonomi dua hala antara Serudong dan Simanggaris, kemudahan Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) dan bandar sempadan akan dibangunkan di kawasan sekitar. Cadangan pembinaan jaringan jalan raya merentas sempadan dan kemudahan ICQS di kawasan lain akan dipertimbang, termasuk di Pegalungan, Nabawan dan Long Pasia, Sipitang. Kemudahan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ) di Tebedu, Serikin dan Telok Melano di Sarawak akan dinaik taraf untuk menampung peningkatan aktiviti komersial rentas sempadan. Infrastruktur digital serta bekalan elektrik dan air di laluan masuk dan bandar sempadan utama di Sabah dan Sarawak akan dinaik taraf untuk merangsang pertumbuhan.

Strategi B4

Memajukan Pembangunan Luar Bandar

Pembangunan luar bandar di Sabah dan Sarawak akan dipercepat untuk merapatkan jurang di antara kawasan luar bandar dan bandar. Langkah akan dilaksana termasuk memperkukuh pemboleh daya pertumbuhan, mencergaskan semula aktiviti ekonomi luar bandar dan menyediakan akses kepada perniagaan dalam talian. Ini akan meningkatkan produktiviti dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Memperkukuh Pemboleh Daya Pertumbuhan

Penyediaan infrastruktur asas akan dipergiat di kawasan luar bandar dan pedalaman Sabah dan Sarawak. Ini termasuk menaik taraf dan membina jalan luar bandar dan jambatan untuk menambah baik ketersambungan dan mobiliti. Di samping itu, bekalan air dan elektrik luar bandar akan dipertingkat. Liputan bekalan air luar bandar disasarkan mencapai 98% di kedua-dua negeri. Manakala liputan bekalan elektrik luar bandar disasarkan sebanyak 99% pada tahun 2025. Bekalan air dan elektrik alternatif akan disediakan di kawasan pedalaman. Bekalan air alternatif luar bandar seperti telaga tiub, sistem air graviti serta pengumpulan dan penggunaan semula air hujan akan digunakan. Di samping itu, solar hibrid dan mini hidro akan dipasang untuk menyokong grid mikro dan piko.

Kesalinghubungan antara kawasan luar bandar dan bandar akan ditambah baik untuk meningkatkan ketersambungan dan mobiliti bagi menggalakkan lagi integrasi ekonomi. Perkhidmatan pengangkutan di kawasan luar bandar seperti bas, perkhidmatan pengangkutan air dan e-panggilan akan dipertingkat. Liputan jalur lebar di kawasan luar bandar akan diperluas untuk meningkatkan ketersambungan internet, seterusnya memudah cara aktiviti sosioekonomi dan pengembangan perniagaan melalui platform digital. Pusat Komuniti Desa (PKD) akan dibangunkan sebagai hab perkhidmatan di kawasan luar bandar. Perkhidmatan baharu akan diperkenal di PKD seperti perkhidmatan kurier, amaran bencana dan ruang kerja bersama.

Mencergaskan Semula Aktiviti Ekonomi Luar Bandar

Aktiviti ekonomi luar bandar akan dicergaskan semula untuk meningkatkan produktiviti dan pendapatan. Pertanian pintar dan berkelompok menggunakan tanah terbiar akan dilaksana untuk meningkatkan ekonomi bidangan, manakala koperasi kampung akan diperkukuh. Dalam hubungan ini, aktiviti ekonomi berasaskan komuniti seperti Projek Bersepadu Pembangunan Ekonomi Kampung dan Program Desa Lestari akan terus dilaksana. Industri kotej luar bandar akan dipergiat melalui pelbagai inisiatif untuk menyokong PMKS. Kerjasama dalam kalangan kementerian dan agensi yang berkaitan serta kerajaan negeri akan diperkukuh untuk menggalakkan industri kotej luar bandar. Perusahaan sosial dan sektor swasta akan digalakkan untuk terlibat dalam mempelbagaikan ekonomi luar bandar.

Secara relatifnya, Sabah dan Sarawak masih mempunyai tanah yang luas dan potensinya belum diterokai, terutama bagi pengeluaran agromakanan. Langkah akan diambil untuk meningkatkan penyertaan dalam aktiviti pertanian moden bagi menjana pendapatan yang lebih tinggi. Ini termasuk memperluas pengurusan penyatuan tanah, menyediakan insentif dan bantuan kewangan, memperkukuh pembangunan keupayaan dan khidmat nasihat serta meningkatkan penerimagunaan teknologi moden.

Usaha untuk memperluas pengurusan penyatuan tanah akan dilaksana melalui kerjasama antara pekebun kecil, koperasi dan persatuan untuk menjana ekonomi bidangan dalam mengoptimumkan sumber. Pendekatan ini juga akan memudah cara usaha menanam varieti tanaman yang mempunyai hasil dan permintaan yang tinggi. Pekebun kecil dalam subsektor agrikomoditi, terutama kelapa sawit dan getah juga akan digalakkan untuk melaksana penanaman selingan seperti nanas, jagung dan tanaman kontan lain dalam tempoh awal penanaman semula bagi menjana pendapatan tambahan.

Pemberian input pertanian seperti benih, baka dan baja serta sokongan kewangan akan disediakan bagi membantu agropreneur menceburi aktiviti pertanian. Ini akan menggalakkan penglibatan komuniti luar bandar, terutama dalam kalangan generasi muda. Program pembangunan keupayaan akan disediakan untuk meningkatkan kemampuan teknikal, manakala pasukan pakar teknikal akan ditubuhkan melalui kerjasama awam dan swasta bagi memberi khidmat nasihat untuk meningkatkan hasil pertanian. Petani di luar bandar juga akan digalakkan untuk menerima guna teknologi moden dalam proses pengeluaran. Kerjasama di antara petani, koperasi dan persatuan akan diperkukuh untuk memanfaatkan platform e-dagang bagi menambah baik pengedaran dan pemasaran hasil pertanian.

Menyediakan Akses kepada Perniagaan dalam Talian

Akses kepada platform perniagaan dalam talian akan dimanfaatkan untuk meningkatkan daya saing dan keupayaan usahawan luar bandar. Sebanyak 133 Pusat Internet di Sabah dan 138 di Sarawak, yang terdiri daripada PKD, Pusat Internet Desa dan Pusat Internet, akan dioptimumkan sebagai platform untuk menggalakkan pendigitalan dalam kalangan usahawan luar bandar. Program DesaMall@KPLB akan diperluas untuk membantu usahawan luar bandar beralih daripada kaedah perniagaan tradisional kepada perniagaan dalam talian untuk mendapat akses pasaran yang lebih baik.

Strategi B5

Mempercepat Pembangunan Bandar

Pengurusan pembangunan kawasan bandar yang cekap akan mempercepat pertumbuhan ekonomi dan menambah baik kehidupan. Dalam memastikan sumbangan bandar yang lebih besar kepada pembangunan negeri, langkah untuk mempercepat pembangunan bandar akan ditumpukan kepada meningkatkan potensi pembangunan bandar, menambah baik perkhidmatan perbandaran dan meningkatkan daya huni. Ini akan merangsang pembangunan yang pesat dan menyumbang kepada kesejahteraan penduduk bandar.

Meningkatkan Potensi Pembangunan Bandar

Daya saing bandaraya Kota Kinabalu dan Kuching akan dipertingkat melalui pelaksanaan pelan tindakan di bawah CCMP. Keunikan dua bandaraya tersebut yang mempunyai kawasan persisiran yang menarik akan dimanfaatkan bagi menggalakkan aktiviti pelancongan dan ekonomi. Di samping itu, taman perindustrian sedia ada, iaitu Taman Perindustrian Kota Kinabalu, Zon Industri Bebas Sama Jaya dan Taman Perindustrian Samalaju akan dimanfaatkan untuk meningkatkan peluang pekerjaan. Selain itu, kecekapan ekosistem bandar akan dipertingkat bagi menambah baik daya huni melalui akses yang lebih baik kepada infrastruktur digital, perumahan mampu milik dan peluang keusahawanan.

Potensi bandar di beberapa bahagian lain di kedua-dua negeri akan ditingkatkan melalui usaha menambah baik aktiviti ekonomi bagi merangsang pembangunan. Potensi pembangunan bagi bandar seperti Keningau, Kota Marudu, Lahad Datu, Sandakan dan Tawau di Sabah serta Bintulu, Kapit, Miri dan Sibu di Sarawak akan dioptimumkan dengan memanfaatkan kelebihan yang ada bagi menarik pelaburan. Pembangunan Sandakan dan Tawau akan memanfaatkan kekayaan biodiversiti bagi meningkatkan aktiviti pelancongan. Bintulu dan Sibu pula akan memanfaat kawasan perindustrian bagi merangsang pertumbuhan ekonomi. Selain itu, usaha untuk menambah baik ekosistem sokongan di kawasan bandar akan turut diberi penekanan melalui kerjasama dan penyelarasan antara agensi Persekutuan dan negeri.

Meningkatkan Perkhidmatan Perbandaran

Tadbir urus bandar akan ditambah baik bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan dalam kalangan PBT. Dalam hubungan ini, pelan hala tuju akan dibangunkan untuk meningkatkan keupayaan PBT melalui penerimagunaan teknologi baharu dan pendigitalan. Selain itu, PBT di Sabah dan Sarawak juga digalakkan untuk mengenal pasti sumber pendapatan baharu bagi meningkatkan hasil, di samping memenuhi keperluan penduduk bandar yang semakin meningkat. Usaha untuk memperkukuh penyelarasan dan perkongsian data dalam kalangan PBT akan memastikan perancangan dan penyelarasan yang lebih baik. Dalam hubungan ini, penerimagunaan sistem Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia sebagai alat untuk mengukur kemampanan bandar oleh PBT akan membantu dalam meningkatkan ketersediaan data dan menyokong pencapaian SDG.

Meningkatkan Daya Huni melalui Pelaksanaan Pelan Tindakan Bandar Hijau

Langkah akan diambil untuk meningkatkan daya huni bandar dan daya tahan ekologi di Sabah dan Sarawak. Ini akan dilaksana melalui Pelan Tindakan Bandar Hijau (GCAP) di kedua-dua negeri. Di bawah inisiatif GCAP, bandar dan desa utama akan dikenal pasti untuk inventori pelepasan gas rumah kaca dan penilaian ketahanan iklim. Mekanisme pembiayaan hijau dan insentif yang inovatif akan diperkenalkan untuk menggalakkan pelaburan dalam infrastruktur mesra alam termasuk tenaga, pengangkutan dan perumahan. Usaha akan dipergiat untuk membina atau memasang lebih banyak peralatan tenaga boleh baharu seperti solar fotovoltan, lampu jalan yang cekap tenaga, bangunan rendah karbon dan kemudahan pengurusan sisa pepejal bersepadu. Langkah pemindahan ekologi fiskal dan pembayaran untuk perkhidmatan ekosistem akan dilaksana untuk memastikan kemampanan. Bagi memupuk kesedaran kelestarian dalam kalangan generasi muda, program ekosekolah akan diperluas di seluruh sekolah di Sabah dan Sarawak.

Strategi B6

Menggalakkan Pertumbuhan Hijau

Pertumbuhan hijau adalah penting dalam merangsang pembangunan sosioekonomi yang mampan melalui perluasan pasaran hijau. Pertumbuhan hijau akan digalakkan dengan mempercepat pelaksanaan inisiatif hijau dan memulihara aset semula jadi. Inisiatif ini merupakan perubahan sistemik yang dilaksana bagi menjana peluang ekonomi baharu, di samping meminimumkan impak kerosakan kepada alam sekitar, menangani perubahan iklim dan memastikan kemampanan sumber semula jadi. Ia juga akan menyumbang kepada pencapaian Matlamat 2, 6, 7, 11, 12, 13, 14 dan 15 Agenda 2030.

Mempercepat Inisiatif Hijau

Pelaksanaan inisiatif hijau akan dipercepat untuk memastikan pertumbuhan sosioekonomi yang mampan, bertanggungjawab dan berdaya tahan. Perniagaan akan digalakkan untuk melaksana ekonomi kitaran di sepanjang rantaian nilai, terutama menggunakan bahan kitar semula untuk menghasilkan produk mesra alam. Sektor swasta juga akan digalakkan untuk melaksana inisiatif kecekapan tenaga dalam operasi dan premis serta mempergiat pembangunan dan penggunaan sumber tenaga boleh baharu, termasuk hidrogen. Inisiatif perolehan hijau kerajaan akan turut dilaksana di Sabah dan Sarawak sebagai pemangkin dalam memperluas pasaran hijau, termasuk sektor pembinaan yang mesra alam.

Dalam menyokong ekonomi kitaran, penerimagunaan pendekatan tanggungjawab pengeluar yang diperluas, prinsip pengguna yang membayar dan pencemar yang membayar serta kawal selia kendiri dalam kalangan industri akan terus digalakkan. Pengasingan sisa di punca dan inisiatif kurangkan, guna semula dan kitar semula (3R) juga akan dipergiat. Instrumen ekonomi, subsidi yang menyokong pemuliharaan alam sekitar dan insentif pembiayaan hijau sedia ada akan dimanfaatkan untuk menyokong perniagaan untuk menjadi lebih mesra alam.

Memulihara Aset Semula Jadi

Sabah dan Sarawak kaya dengan kepelbagaian biologi dan sumber mineral. Dalam memelihara aset semula jadi, program pemuliharaan ekosistem terestrial, air daratan, pesisir pantai dan marin akan dipergiat. Dalam melindungi spesies hidupan liar, program pemuliharaan spesies termasuk pengurusan perikanan mampan serta aktiviti penguatkuasaan akan diperkukuh. Di samping itu, operator perlombongan juga akan digalakkan untuk memperoleh penarafan kemampanan dalam memastikan amalan perlombongan yang mampan.

Kawasan hutan dan marin serta pesisir pantai menyediakan punca pendapatan kepada komuniti setempat. Dalam hal ini, penyertaan komuniti setempat dalam melindungi dan mengurus kawasan perlindungan secara mampan akan dipertingkat untuk menambah

baik punca pendapatan mereka. Program pendidikan dan kesedaran mengenai akses dan perkongsian faedah akan dipertingkat. Dalam hal ini, peruntukan dalam Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 akan dikuatkuasakan melalui enakmen dan ordinan pada peringkat negeri. Bayaran untuk perkhidmatan ekosistem termasuk *carbon offset* akan diteroka.

Bidang Keutamaan C

Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Sosial

Akses kepada perkhidmatan sosial yang lebih baik dan persekitaran yang selamat akan meningkatkan kesejahteraan rakyat. Dalam hal ini, usaha akan ditumpu untuk meningkatkan akses kepada pendidikan, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan perumahan serta menambah baik keselamatan dan ketenteraman awam. Usaha ini akan meningkatkan taraf hidup rakyat.



Strategi C1

Menambah Baik Akses kepada Pendidikan

Akses kepada pendidikan adalah sangat penting sebagai pemacu utama dalam meningkatkan pertumbuhan sosioekonomi. Oleh itu, usaha akan ditumpukan kepada peningkatan akses kepada pendidikan dan latihan serta meningkatkan jaringan kolaborasi industri. Langkah ini akan meningkatkan peluang pekerjaan, meningkatkan pendapatan dan akhirnya mengurangkan kemiskinan mutlak di Sabah dan Sarawak.

Menambah Baik Akses kepada Pendidikan dan Latihan

Bagi memastikan murid menikmati persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, usaha akan diambil bagi menambah baik infrastruktur sekolah. Semua sekolah yang diklasifikasikan pada skala enam dan tujuh dalam Indeks Keadaan Bangunan Sekolah[4] akan dibina semula. Bilangan sekolah K9 akan ditambah dan beberapa sekolah K9 sedia ada akan dinaik taraf kepada Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11) bagi membolehkan murid dari lokasi pedalaman melengkapkan 11 tahun persekolahan dan seterusnya berpeluang melanjutkan pelajaran ke pendidikan tertiari. Program TVET akan diperkukuh bagi meningkatkan kemahiran murid di sekolah K11. Asrama murid dan rumah guru akan dinaik taraf bagi memudahkan murid ke sekolah dan menyediakan kediaman yang selesa kepada guru.

Infrastruktur digital termasuk ketersambungan internet akan ditambah baik bagi memudahkan pengajaran dan pembelajaran sejajar dengan norma baharu. Bagi merapatkan jurang digital, peranti digital yang bersesuaian juga akan disediakan untuk murid daripada kumpulan tertentu. Rangkaian kawasan setempat di sekolah dan pejabat pendidikan akan dinaik taraf. MyGov*Net pula akan diperluas untuk menyediakan rangkaian kawasan luas di pejabat pendidikan.

Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas yang menyediakan perkhidmatan pemeriksaan, intervensi, pemulihan dan perundingan kepada murid berkeperluan khas (MBK) dan ibu bapa akan disediakan di lebih banyak lokasi. Ini bagi memastikan intervensi awal kepada MBK dapat dilaksana. Pusat GENIUS Kurnia pula akan dibina di Sabah dan Sarawak untuk memastikan kanak-kanak autisme mendapat intervensi

[4] Indeks yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperihal keadaan bangunan di sekolah dengan menggunakan skala satu hingga tujuh. Skala satu untuk bangunan yang selamat, manakala skala tujuh untuk bangunan yang tidak selamat digunakan.

dan pendidikan awal. Bagi meningkatkan akses MBK di sekolah, sekurang-kurangnya satu sekolah di setiap daerah akan dilengkapi dengan set kemudahan asas untuk orang kurang upaya.

Akses kepada pendidikan tinggi akan dipertingkat bagi menyediakan peluang dalam pembangunan modal insan. Sehubungan itu, infrastruktur, peralatan dan program akademik di IPT sedia ada akan ditambah baik dan disesuaikan dengan keperluan setempat. Usaha ini akan memberi lebih banyak peluang kepada komuniti setempat untuk melanjutkan pelajaran ke IPT.

Pendekatan pembelajaran jarak jauh akan diperkukuh bagi menambah baik proses dan meningkatkan akses kepada pembelajaran dan pengajaran bagi pelajar IPT dan institusi TVET. Kemudahan infrastruktur dan infostruktur di Sabah dan Sarawak akan ditambah baik bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif di kampus. Usaha ini akan membolehkan pelajar dan staf akademik memanfaatkan teknologi terkini bagi meningkatkan outcome pembelajaran dan pengajaran.

Meningkatkan Jaringan Kerjasama dengan Industri

Institusi TVET digalakkan untuk meningkatkan kerjasama dengan industri bagi memanjangkan tempoh latihan atau penempatan industri. Ini akan menggalakkan industri untuk memperoleh tenaga kerja mahir dengan kos yang berpatutan sementara pelajar akan memperoleh pengalaman kerja sebenar. Makmal dan bengkel sedia ada di institusi TVET akan dinaik taraf kepada *Institution-Industry Lab* (IIL) melalui kaedah pemilikan bersama antara beberapa institusi TVET dan industri terpilih. Penubuhan IIL akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak dari segi pemindahan dan perkongsian pengetahuan, kemahiran dan teknologi.

Strategi C2

Menambah Baik Akses kepada Perkhidmatan Penjagaan Kesihatan

Perkhidmatan penjagaan kesihatan akan ditambah baik bagi memastikan akses yang lebih baik dan penyampaian yang lebih cekap terutama di kawasan luar bandar dan pedalaman. Antara usaha yang akan dilaksana adalah memperkukuh personel penjagaan kesihatan dan menambah baik fasiliti penjagaan kesihatan. Ini akan menambah baik kualiti perkhidmatan penjagaan kesihatan untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Memperkukuh Personel Penjagaan Kesihatan

Pelan induk fasiliti dan sumber manusia untuk penjagaan kesihatan kebangsaan akan diperkenal bagi menangani kekurangan fasiliti dan personel penjagaan kesihatan, termasuk di Sabah dan Sarawak. Bagi menambah baik akses kepada fasiliti penjagaan kesihatan dalam kalangan penduduk yang kurang mendapat liputan, bilangan kenderaan khas bagi tujuan pemindahan pesakit yang digunakan oleh pejabat kesihatan daerah akan ditambah. Lebih banyak kelengkapan perubatan akan disediakan di kedua-dua negeri tersebut. Ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk meningkatkan tahap kesiapsiagaan. Di samping itu, pembinaan hospital pengajar untuk Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Sarawak akan melengkapkan usaha untuk menghasilkan lebih ramai pakar perubatan di Sabah dan Sarawak.

Menambah Baik Fasiliti Penjagaan Kesihatan

Konsep hospital kluster akan diperluas bagi meningkatkan akses kepada perkhidmatan pakar. Bilangan perkhidmatan kesihatan bergerak akan ditambah dan fasiliti penjagaan kesihatan sedia ada akan dinaik taraf. Antara klinik kesihatan baharu yang akan dibina adalah di Penampang dan Beaufort di Sabah serta di Samarahan, Sarikei dan Miri di Sarawak. Klinik kesihatan kerajaan yang terletak jauh daripada hospital akan dilengkapkan dengan pusat bersalin, bilik pemerhatian dan perkhidmatan X-ray. Sebuah pusat darah wilayah akan dibina di Sabah. Manakala, makmal kesihatan awam dan makmal keselamatan makanan negeri akan dibina di Sarawak. Pembinaan makmal ini akan meningkatkan kapasiti penyelidikan, pembangunan dan inovasi dalam kesihatan awam.

Strategi C3

Menambah Baik Akses kepada Rumah Mampu Milik

Penyediaan rumah mampu milik yang berkualiti adalah penting bagi meningkatkan kualiti hidup isi rumah miskin dan berpendapatan rendah. Model baharu perumahan awam akan diguna pakai untuk menggalakkan lebih banyak pemaju swasta untuk membina rumah mampu milik. Lebih banyak rumah mampu milik juga akan disediakan untuk kumpulan sasar. Ini akan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Mengguna Pakai Model Baharu Perumahan Awam

Sebanyak tujuh projek Program Perumahan Rakyat (PPR) di Sabah dan Sarawak melibatkan 3,202 rumah kos rendah akan disiapkan dalam tempoh RMKe-12. Projek PPR telah dijenamakan semula sebagai Rumah Malaysia untuk memastikan penyediaan rumah mampu milik adalah mampan dalam jangka panjang. Rumah Malaysia menggunakan kaedah *request for proposal* sebagai platform kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pemaju swasta. Model ini akan dilaksana di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak berdasarkan spesifikasi yang ditetapkan di bawah Dasar Perumahan Mampu Milik Negara.

Menyediakan Lebih Banyak Rumah Mampu Milik untuk Kumpulan Sasar

Lebih banyak rumah mampu milik akan dibina untuk kumpulan sasar di Sabah dan Sarawak. Ini termasuk program Rumah Mesra Rakyat (RMR) di bawah Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB). RMR akan membantu isi rumah miskin dan berpendapatan rendah yang memiliki tanah untuk membina rumah sendiri. Sebanyak 2,400 unit rumah telah disasarkan untuk dibina di kedua-dua negeri ini.

Strategi C4

Mempertingkat Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Keselamatan dan ketenteraman awam akan dipertingkat di Sabah dan Sarawak. Langkah akan diperketat dalam mengekang kemasukan PATI dan membendung aktiviti menyalahi undang-undang. Ini termasuk mempertingkat keselamatan sempadan dan maritim serta melaksana pelan pengurusan PATI yang menyeluruh.

Mempertingkat Keselamatan Sempadan dan Maritim

Keselamatan sempadan akan dipertingkat dengan menambah bilangan pos keselamatan di sepanjang sempadan antarabangsa Sabah dan Sarawak untuk mengekang kemasukan PATI dan membanteras aktiviti yang menyalahi undang-undang. Di samping itu, rondaan maritim dan operasi bersepadu akan dipergiat untuk menjadikan zon maritim lebih selamat dan terjamin. Keupayaan dan kemampuan pertahanan akan diperkukuh, terutama dalam aktiviti pengawasan, penguatkuasaan dan keberadaan bagi melindungi kepentingan sosioekonomi dan keselamatan. Program hebahan akan diperluas untuk meningkatkan kesedaran berkaitan aktiviti yang menyalahi undang-undang seperti menangkap ikan secara haram, melintas sempadan maritim secara tidak sah dan pengedaran dadah.

Melaksana Pelan yang Menyeluruh untuk Menguruskan Pendatang Asing Tanpa Izin

Pelan yang menyeluruh akan dilaksana untuk menguruskan PATI. Pelan ini merangkumi strategi penguatkuasaan yang komprehensif melibatkan agensi berkaitan, kerajaan negeri dan orang awam. Strategi ini termasuk menyemak semula dasar berkaitan PATI, menambah baik kawalan di sempadan dan meningkatkan keupayaan pusat tahanan. Komuniti akan digalakkan untuk menyalurkan maklumat berkenaan keberadaan PATI kepada agensi penguatkuasaan. Pelaksanaan pelan ini bertujuan untuk menghalang dan menghentikan kemasukan PATI serta mempertingkat keselamatan dan ketenteraman awam.

Bidang Keutamaan D

Memperkukuh Pembangunan Inklusif

Potensi sosioekonomi akan dioptimumkan untuk mencapai pembangunan inklusif dan seimbang di Sabah dan Sarawak. Insiden kemiskinan di kedua-dua negeri akan dikurangkan melalui program dan projek yang memberi tumpuan kepada aktiviti penjanaan pendapatan. Status sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak akan ditambah baik dengan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan dan aktiviti ekonomi bernilai tinggi. Ini akan meningkatkan taraf hidup rakyat di Sabah dan Sarawak.



Strategi D1

Menangani Kemiskinan dan Mempelbagaikan Sumber Pendapatan

Usaha untuk menangani kemiskinan serta meningkatkan dan mempelbagaikan pendapatan akan dipergiat dan dipertingkatkan di Sabah dan Sarawak. Sehubungan itu, langkah mengurangkan kemiskinan dan memperkukuhkan pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan ditingkatkan. Usaha juga akan dilaksanakan dalam meningkatkan kebolehpasaran dan menggalakkan keusahawanan serta memudah cara pembangunan tanah NCR.

Mengurangkan Kemiskinan melalui Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Asas

Program pengurangan kemiskinan akan ditambah baik untuk meningkatkan kesejahteraan isi rumah miskin. Usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kualiti pendidikan dan latihan kemahiran serta akses kepada perkhidmatan penjagaan kesihatan. Bagi meningkatkan taraf hidup, penyediaan infrastruktur dan perkhidmatan asas termasuk jalan raya, bekalan air terawat dan elektrik serta ketersambungan jalur lebar akan ditingkatkan. Program bantuan rumah akan terus dilaksana untuk membina rumah baharu dan membaiki rumah usang bagi menambah baik keadaan tempat tinggal isi rumah miskin di kawasan luar bandar dan bandar. Pelaksanaan program ini dijangka memberi manfaat kepada 26,000 isi rumah miskin di Sabah dan Sarawak.

Meningkat dan Mempelbagaikan Sumber Pendapatan

Sumber pendapatan isi rumah miskin akan ditingkat dan dipelbagaikan melalui penglibatan dalam aktiviti ekonomi yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, pembangunan modal insan dan keusahawanan. Sumber semula jadi dan budaya tempatan akan dimanfaatkan dalam mengkomersialkan produk tempatan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi termasuk industri pertanian, akuakultur, ekopelancongan serta menceburi seni dan kraf. Program peningkatan kemahiran terutama TVET akan dipergiat. Selain itu, kemahiran dan bakat turun temurun masyarakat tempatan yang belum dimanfaatkan akan diketengahkan melalui program latihan kemahiran yang bersesuaian.

Ekosistem keusahawanan seperti bantuan pembiayaan dan pemasaran melalui platform digital akan diperkukuh untuk memudah cara usahawan bagi mempercepat pembangunan sosioekonomi komuniti. Bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada kumpulan sasar, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, sektor swasta, pertubuhan berasaskan komuniti dan masyarakat akan dimantapkan. Mekanisme penyampaian akan diperkukuh melalui pendekatan dari bawah ke atas dan penglibatan perusahaan sosial untuk mengurangkan poket kemiskinan pada peringkat komuniti.

Strategi D2

Memperkukuh Pembangunan Sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak

Pembangunan sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak akan terus diberi keutamaan untuk meningkatkan kesejahteraan komuniti. Dalam hal ini, kemampuan dan keupayaan komuniti ini akan dipertingkat untuk meningkatkan kebolehpasaran dan keusahawanan. Pembangunan tanah NCR akan dipermudahkan untuk menyediakan peluang penjanaan pendapatan, terutama dalam melaksanakan kegiatan pertanian berskala besar. Usaha ini akan menyumbang kepada peningkatan status sosioekonomi komuniti ini.

Menambah Baik Kebolehpasaran dan Menggalakkan Keusahawanan

Pembangunan modal insan adalah perlu untuk meningkatkan status sosioekonomi Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Pendidikan dan latihan akan diteruskan untuk mempertingkat kemampuan dan keupayaan komuniti ini, bermula daripada asuhan dan didikan awal kanak-kanak hingga ke peringkat tertiari. Komuniti ini juga akan digalakkan untuk menceburi ekopelancongan, pertanian dan akuakultur serta aktiviti seni dan kraf asli. Keusahawanan akan dipupuk dalam kalangan komuniti ini dengan menyediakan sokongan yang diperlukan, seperti kemudahan pembiayaan, perkhidmatan logistik dan akses kepada pasaran, termasuk melalui platform digital. Langkah ini akan menambah baik kemahiran dan kebolehpasaran sekaligus meningkatkan peluang ekonomi dan pendapatan.

Akses kepada tabung program pembangunan sumber manusia akan ditambah baik. Ini bertujuan meningkatkan kebolehpasaran belia melalui penyediaan program latihan kemahiran semula dan peningkatan kemahiran yang berasaskan aktiviti ekonomi setempat. Kursus berkaitan aspek disiplin diri, kemahiran interpersonal dan komunikasi, kebolehsesuaian serta keyakinan diri akan disediakan bagi membolehkan belia bersaing dengan pekerja yang berpengalaman. Di samping itu, belia yang cenderung dalam bidang keusahawanan akan digalakkan untuk menyertai program khusus bagi membangunkan potensi mereka dalam bidang perniagaan.

Mempercepat Pembangunan Tanah Adat

Program pembangunan tanah NCR yang sedang dilaksana akan dipercepat bagi memastikan Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak mempunyai akses kepada peluang untuk menjana pendapatan yang lebih tinggi. Oleh itu, pengukuran dan pemetaan tanah NCR akan dipercepat untuk memudah cara kerajaan negeri mewarta dan memberikan hak milik tanah. Kerjasama antara kerajaan negeri, pemilik tanah dan pelabur akan diperkukuh bagi memastikan kejayaan pembangunan tanah NCR melalui pendekatan pembangunan tanah bersepadu.

Bidang Keutamaan E

Memperkukuh Kerjasama antara Agensi Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Kerjasama erat antara Kerajaan Persekutuan dan negeri akan memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak. Fokus akan diberi dalam mewujudkan ekosistem yang menyokong kerjasama dan mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam. Langkah ini adalah penting bagi memperkukuh tadbir urus dan memenuhi keperluan rakyat.



Strategi E1

Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Jalinan Kerjasama

Perkhidmatan awam perlu diperkukuhkan dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap kepada rakyat. Dalam hubungan ini, hak-hak Sabah dan Sarawak akan disemak semula, pembangunan bakat akan diperkukuhkan dan peruntukan pembangunan untuk Sabah dan Sarawak akan diberi keutamaan.

Mengkaji Semula Hak bagi Sabah dan Sarawak

Pewujudan Majlis Khas Mengenai Perjanjian Malaysia 1963 pada September 2020 menggantikan Jawatankuasa Khas Kabinet menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan dalam memastikan hak-hak Sabah dan Sarawak di bawah MA63 terus dipelihara. Usaha akan diteruskan dalam menyelaras dan memperkemaskan isu-isu lain yang dibangkitkan oleh Sabah dan Sarawak. Bahagian Hal Ehwal Sabah dan Sarawak yang telah diwujudkan di bawah Jabatan Perdana Menteri telah diberikan tanggungjawab untuk menyelaraskan isu-isu yang berkaitan dengan pelaksanaan MA63.

Proses penyerahan kuasa kawal selia gas dan elektrik di bawah MA63 akan diteruskan dalam tempoh RMKe-12. Dalam hal ini, terdapat beberapa klausa perundangan akan dipinda, manakala badan kawal selia akan ditubuhkan. Bagi memastikan kemampanan sistem grid, Kerajaan Persekutuan akan terus memberikan sokongan kewangan kepada pelaksanaan projek infrastruktur sedia ada. Usaha akan dilaksana bagi mengurangkan kebergantungan Kerajaan Negeri Sabah kepada subsidi sokongan tarif secara berperingkat.

Memperkukuh Bakat

Jabatan-jabatan Kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak akan diperkukuh dengan mempertingkatkan latihan dan menambah baik perancangan penggantian personel. Keupayaan dan kebolehan bakat di kedua-dua negeri ini akan ditambah baik melalui peningkatan pengetahuan dan kemahiran di pelbagai bidang, termasuk kepimpinan, teknologi digital, kreativiti dan inovasi. Pakar khusus dalam bidang berkaitan akan dikenal pasti dan dilatih dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti. Ini akan meningkatkan produktiviti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam di Sabah dan Sarawak.

Memberi Keutamaan Peruntukan bagi Sabah dan Sarawak

Kerajaan Persekutuan komited dalam memastikan negeri-negeri yang kurang membangun diberi keutamaan dalam peruntukan pembangunan. Dalam tempoh RMKe-12, Sabah dan Sarawak masing-masing akan menerima antara 15% hingga 18% setahun daripada jumlah peruntukan pembangunan asas. Peratusan yang lebih tinggi daripada peruntukan ini akan diagihkan kepada sektor ekonomi di kedua-dua negeri tersebut. Ini akan menyumbang kepada peningkatan infrastruktur dan kemudahan asas di kedua-dua negeri.

Strategi E2

Meningkatkan Kerjasama antara Pihak-Pihak Berkuasa

Kerjasama antara semua agensi di dua negeri ini akan dipertingkatkan dengan menggalakkan kerjasama antara REC dengan Kerajaan Persekutuan dan agensi-agensi kerajaan negeri. Kerajaan Persekutuan akan berkerjasama erat dengan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah (SEDCO) dan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak (SEDC) bagi memperkukuh sumbangan kedua-dua negeri ini dalam menyampaikan outcome yang lebih baik kepada rakyat. Sokongan juga akan diberi untuk mempertingkatkan peranan negeri dalam beberapa bidang, termasuk mempromosi Islam dan memperkukuhkan mahkamah-mahkamah adat.

Menggalakkan Sinergi dalam Kalangan Pihak Berkuasa Koridor dengan Agensi Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri

Langkah bagi menggalakkan perancangan pembangunan wilayah yang terselaras dan bersepadu akan dilaksana melalui kerjasama yang lebih baik dengan agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Inisiatif ini akan mewujudkan sinergi dan menangani keperluan pembangunan wilayah secara menyeluruh. Pihak berkuasa koridor ekonomi wilayah di kedua-dua negeri akan menjajarkan perancangan pembangunannya dan inisiatif yang diperkenal oleh pihak berkuasa lain. SEDIA perlu menjajarkan semakan semula Rangka Tindakan SDC dengan semua dasar di peringkat nasional dan negeri. Manakala RECODA bersama-sama URDA, HDA dan NRDA akan mengadakan kerjasama lebih erat dengan agensi di peringkat Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri bagi mempercepat pembangunan di kawasan SCORE. Usaha ini akan merancakkan pertumbuhan ekonomi dan pembangunan wilayah serta menambah baik kualiti hidup di Sabah dan Sarawak.

Menambahbaik dan Memperkukuh Peranan SEDCO dan SEDC

Peranan SEDCO dan SEDC akan terus dipertingkat untuk memudah cara aktiviti ekonomi di Sabah dan Sarawak, sejajar dengan mandat kedua-dua agensi ini bagi memperbaiki ketidakseimbangan ekonomi di peringkat negeri. SEDCO dan SEDC masing-masing ditubuhkan di bawah Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 dan dilengkapi dengan Enakmen Negeri masing-masing. Terdapat keperluan untuk menyelaras semula peranan kedua-dua agensi ini dengan agensi Persekutuan dan negeri dalam mempergiat pembangunan. Sehubungan itu, sebuah jawatankuasa akan ditubuhkan merangkumi pelbagai agensi utama Persekutuan dan negeri yang bertanggungjawab dalam perancangan wilayah, penyelarasan dan penilaian. Jawatankuasa ini akan menyelaras strategi-strategi dan pelbagai program di peringkat wilayah untuk merapatkan jurang pembangunan di seluruh wilayah dan negeri.

Mempertingkat Peranan Negeri dalam Mempromosi Islam dan Memperkukuh Mahkamah Adat

Walaupun urusan agama adalah di bawah pentadbiran negeri, usaha akan diteruskan oleh Kerajaan Persekutuan dalam memudah cara negeri-negeri ini dalam menyampaikan perkhidmatan yang cekap kepada rakyat. Peranan Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah dalam menyediakan program latihan Islam yang komprehensif akan dimantapkan dengan menaik taraf infrastruktur fizikal. Kerja naik taraf Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak dijangka siap dalam tahun 2023. Ini akan menyediakan kemudahan yang lebih kondusif kepada pelatih, bagi mencapai outcome pengajaran dan pembelajaran yang lebih baik.

Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Bumiputera akan diperkukuh lagi dalam memastikan Sabah dan Sarawak terus melindungi hak-hak adat berdasarkan budaya serta amalan Anak Negeri Sabah dan Bumiputera Sarawak. Dalam RMKe-12, pembinaan Mahkamah Anak Negeri di Tambunan akan diteruskan dan disiapkan pada tahun 2021, sementara lima bangunan baharu mahkamah adat akan dibina di Sabah. Sementara itu, 10 Mahkamah Bumiputera Sarawak akan dinaik taraf untuk memberi perkhidmatan lebih baik kepada komuniti. Secara keseluruhan, 15 Mahkamah Anak Negeri dan Mahkamah Bumiputera di kedua-dua negeri akan beroperasi dalam tempoh RMKe-12.

Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, pelaksanaan pelbagai strategi pembangunan telah menyumbang kepada pengurangan ketidaksamaan antara Sabah dan Sarawak serta negeri-negeri lain. Walau bagaimanapun, pandemik COVID-19 dan pertumbuhan ekonomi global yang perlahan telah memberi kesan negatif kepada kadar pertumbuhan ekonomi di kedua-dua negeri ini. Dalam tempoh RMKe-12, penekanan yang lebih besar akan diberi dalam memperkukuh pembangunan sosioekonomi di Sabah dan Sarawak melalui penyediaan infrastruktur yang lebih baik, memanfaatkan sepenuhnya potensi ekonomi, menambah baik akses kepada perkhidmatan sosial, memperkukuh pembangunan inklusif dan meningkatkan kerjasama antara agensi Persekutuan dan kerajaan negeri. Pelaksanaan strategi ini akan membawa kepada pembangunan yang lebih inklusif bagi Sabah dan Sarawak.

Tema 3

Tema 3
Melonjakkan Kemampanan

	Perspektif Menyeluruh	T3-2
Pemacu Perubahan VIII	Menerima Guna Ekonomi Kitaran	T3-5
Pemacu Perubahan IX	Mempergiat Penerimagunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu	T3-6
	Bab 8: Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan	8-1
	Bab 9: Mempertingkat Kemampanan Tenaga dan Mentransformasi Sektor Air	9-1

Perspektif Menyeluruh

Usaha melonjakkan kemampanan adalah penting untuk menjamin pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan meningkatkan kualiti hidup, di samping melindungi alam sekitar, memulihara sumber semula jadi dan menjamin kesihatan bumi. Ini amat penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi tidak menjejaskan alam sekitar dan menyebabkan penggunaan sumber secara tidak mampan. Dalam hubungan ini, Tema 3 RMKe-12 memberi fokus kepada usaha mempercepat pertumbuhan hijau, mempertingkat kemampanan tenaga dan mentransformasi sektor air. Hal ini mencerminkan komitmen berterusan dalam menjamin kelestarian alam sekitar dan daya tahan negara serta akses dan jaminan bekalan tenaga dan air. Strategi yang digariskan di bawah Tema 3 akan menjadi pelengkap kepada strategi di bawah Tema 1: Menjana Semula Ekonomi dan Tema 2: Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Inklusiviti.

Dalam mempercepat pertumbuhan hijau, pendekatan keseluruhan negara akan diterima pakai. Ini adalah pendekatan yang inklusif bagi semua pihak berkepentingan untuk berkongsi tanggungjawab dan akauntabiliti dalam melaksanakan agenda bersih, hijau dan berdaya tahan. Pendekatan ini akan memacu pencapaian negara rendah karbon, melindungi khazanah semula jadi dan meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana. Dalam hubungan ini, penerimagunaan ekonomi kitaran yang mewakili anjakan sistemik akan dipercepat untuk mewujudkan lebih banyak perniagaan dan pelaburan yang bertanggungjawab serta meluaskan pasaran hijau dan menghasilkan peluang ekonomi baharu. Selain itu, aset semula jadi akan terus diurus dengan cekap melalui pemuliharaan dan penggunaan secara mampan, di samping memastikan perkongsian faedah secara saksama. Pertumbuhan hijau akan diperkukuh dengan persekitaran yang menyokong dan didorong oleh perubahan minda serta tingkah laku rakyat.

Petunjuk Prestasi Utama Terpilih

Bab 8: Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan

Sehingga 45%	Pengurangan Intensiti Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) kepada KDNK pada Tahun 2030 Berdasarkan Intensiti Pelepasan pada Tahun 2005
25%	Perolehan Hijau Kerajaan
Sekurang-kurangnya 20%	Kawasan Terestrial dan Air Daratan Dipulihara melalui Pewartaan dan Kaedah-kaedah Lain yang Berkesan bagi Pemuliharaan Berlandaskan Kawasan
Sekurang-kurangnya 10%	Kawasan Pesisir Pantai dan Marin Dipulihara melalui Pewartaan dan Kaedah-kaedah Lain yang Berkesan bagi Pemuliharaan Berlandaskan Kawasan
	Pengenalan Dasar Pengurusan Risiko Bencana

Bab 9: Mempertingkat Kemampanan Tenaga dan Mentransformasi Sektor Air

	Pengenalan Dasar Tenaga Negara yang Komprehensif
31%	Tenaga Boleh Baharu daripada Jumlah Kapasiti Terpasang
98%	Liputan Akses kepada Air Bersih dan Selamat di Luar Bandar

Kemampanan tenaga akan terus dipertingkat dengan memastikan sumber bekalan tenaga dan infrastruktur berkaitan yang mencukupi. Pengurusan peralihan tenaga yang berkesan memerlukan pendekatan yang dapat mengimbangi trilema tenaga iaitu jaminan bekalan, kemampuan untuk membayar dan kelestarian alam sekitar. Dasar tenaga negara yang komprehensif akan digubal untuk menyelaras dan mengharmoni semua dasar berkaitan tenaga. Dasar ini juga akan menyediakan rangka yang menyeluruh untuk menangani isu dalam sektor yang menggunakan tenaga. Selain itu, penjanaan tenaga boleh baharu sebagai sumber tenaga alternatif akan dipertingkat untuk melengkapi inisiatif kecekapan tenaga. Langkah ini akan memberi tumpuan kepada pengurusan permintaan tenaga, yang seterusnya dapat memastikan pengurusan tenaga yang berhemah dan cekap.

Usaha untuk mempergiat penerimagunaan pengurusan sumber air bersepadu (IWRM) akan menjadi keutamaan bagi sektor air. Ini akan memastikan pencapaian matlamat jangka panjang Kerajaan untuk meningkatkan keberkesanan pengurusan air, menjana kekayaan dan mewujudkan pekerjaan berkemahiran. Bagi mencapai matlamat ini, tumpuan akan diberi untuk mengukuhkan tadbir urus sumber air, kemampanan kewangan dan libat urus berterusan dengan rakyat serta melaksana konsep ekonomi kitaran dalam keseluruhan rantaian nilai sektor air. Pelaksanaan strategi yang dikenal pasti di bawah Tema 3 secara berkesan akan menyumbang kepada pencapaian sasaran RMKe-12 dan SDG.

Bab 8: Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan

Bidang Keutamaan A

Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan

Bidang Keutamaan B

Mengurus Sumber Asli dengan Cekap bagi Melindungi Aset Semula Jadi

Bidang Keutamaan C

Memperkukuh Persekitaran yang Menyokong Tadbir Urus Berkesan

Bab 9: Mempertingkat Kemampanan Tenaga dan Mentransformasi Sektor Air

Bidang Keutamaan A

Memastikan Tenaga yang Mampan untuk Semua

Bidang Keutamaan B

Mentransformasi Sektor Air



Pemacu Perubahan VIII
Menerima Guna Ekonomi Kitaran

Mengapa kita perlu menerima guna ekonomi kitaran?

Malaysia menetapkan matlamat untuk beralih daripada model ekonomi linear yang konvensional kepada model ekonomi kitaran yang mampan. Ini akan membolehkan negara:

- Mencapai anjakan sistemik bagi meningkatkan daya tahan jangka panjang.
- Menghentikan amalan penggunaan dan pengeluaran tidak mampan.
- Menangani isu perubahan iklim, kemerosotan alam sekitar dan kehilangan biodiversiti.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Pelaksanaan model ekonomi kitaran memerlukan inisiatif yang menyeluruh termasuk:

- Menerima pakai pendekatan keseluruhan negara melibatkan semua pihak berkepentingan.
- Mengintegrasi SDG dan prinsip alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam membuat keputusan.
- Menambah baik dasar, peraturan, pembiayaan hijau dan instrumen ekonomi.
- Menggalakkan perniagaan untuk membangunkan reka bentuk berasaskan ekonomi kitaran dan model ekonomi perkongsian.
- Meningkatkan perkongsian pintar dan kerjasama *triple-helix*.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Negara yang mampan, rendah karbon dan berdaya tahan.
- Pengurangan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK sehingga 45% pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.
- Peningkatan kadar kitar semula sisa isi rumah kepada 40% dan sisa terjadual kepada 35%.
- Pengurangan insiden pencemaran.
- Pengurangan kebergantungan kepada sumber asli dan pengekalan sekurang-kurangnya 50% kawasan litupan hutan.
- Peningkatan sumbangan perolehan hijau kerajaan kepada 25%.
- Peningkatan pembiayaan, pelaburan, perniagaan dan pekerjaan hijau.
- Perubahan minda dan tingkah laku dalam menerima guna amalan hijau.

Pemacu Perubahan IX
Mempergiat Penerimagunaan Pengurusan Sumber Air Bersepadu

Mengapa kita perlu mempergiat penerimagunaan IWRM?

Pengurusan sumber air memerlukan pendekatan yang lebih bersepadu bagi menangani isu yang berlarutan seperti berikut:

- Pengurusan sumber air yang tidak terselaras.
- Ketiadaan pangkalan data bersepadu.
- Kurangnya kesedaran dan penglibatan dalam kalangan pihak berkepentingan.
- Kolaborasi yang lemah antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan.
- Impak negatif perubahan guna tanah ke atas sumber air.

Bagaimana ini dapat dicapai?

RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada inisiatif berikut:

- Memperkenalkan agenda Transformasi Sektor Air 2040 (WST 2040).
- Menubuhkan agensi tunggal pengurusan air.
- Menyemak undang-undang sedia ada dan menggubal undang-undang baharu bagi mengukuhkan tadbir urus dan penguatkuasaan.
- Menggalakkan mekanisme pembiayaan yang inovatif dengan lebih banyak penglibatan sektor swasta.
- Menubuhkan pusat bersepadu untuk data dan R&D&C&I berkaitan air untuk meningkatkan proses membuat keputusan berasaskan data.
- Memperkenalkan Mekanisme Penetapan Tarif bagi memastikan kemampanan kewangan.
- Menerima pakai pendekatan keseluruhan negara.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Sektor air sebagai penyumbang penting kepada pertumbuhan ekonomi negara.
- Liputan akses kepada air bersih dan selamat di kawasan luar bandar meningkat kepada 98%.
- Tahap air tidak berhasil berkurang kepada 25%.
- Pertambahan bilangan sungai yang bersih.
- Pengurangan gangguan bekalan air dan bencana berkaitan air.

Muka surat ini dibiarkan kosong

Bab 8

Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan

Pendahuluan 8-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 8-3

- Pencapaian Sasaran Terpilih 8-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 8-5
- Penambahbaikan Tadbir Urus dan Pembiayaan 8-5
- Pemuliharaan Sumber Asli 8-5
- Perubahan Iklim dan Risiko Bencana 8-6

Isu dan Cabaran 8-7

- Amalan Penggunaan dan Pengeluaran yang Tidak Mampan 8-7
- Kehilangan Biodiversiti 8-8
- Kekurangan Persekitaran yang Menyokong Pertumbuhan Hijau 8-8

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 8-8

- Bidang Keutamaan A 8-12
  Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan
- Bidang Keutamaan B 8-23
  Mengurus Sumber Asli dengan Cekap bagi Melindungi Aset Semula Jadi
- Bidang Keutamaan C 8-27
  Memperkukuh Persekitaran yang Menyokong Tadbir Urus Berkesan

Kesimpulan 8-31

8

Pendahuluan

Pertumbuhan hijau yang lebih pesat adalah penting bagi mencapai kemakmuran bersama dari sudut pembangunan ekonomi, kelestarian alam sekitar dan keterangkuman sosial. Dalam tempoh RMKe-11, pertumbuhan hijau telah diperkenalkan sebagai pemacu perubahan yang mengambil kira tonggak pembangunan mampan iaitu ekonomi, sosial dan alam sekitar yang membolehkan negara lebih bersedia menghadapi cabaran masa hadapan. Usaha ini dilaksana dengan memperkukuh tadbir urus, memulihara khazanah semula jadi, menangani perubahan iklim dan mengurangkan risiko bencana. Namun begitu, masih terdapat cabaran yang perlu ditangani termasuk amalan penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan, kehilangan biodiversiti dan persekitaran yang kurang menyokong pertumbuhan hijau.

Pertumbuhan hijau akan dipergiat dalam tempoh RMKe-12 untuk memastikan kemampanan dan daya tahan dengan melaksana agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan melalui pendekatan keseluruhan negara. Dalam hubungan ini, penerimagunaan ekonomi kitaran, perkongsian tanggungjawab ke arah negara rendah karbon, pelaksanaan tindakan berasaskan bukti dan risiko yang termaklum, perkongsian faedah secara saksama dan penerapan perubahan tingkah laku, secara kumulatifnya akan memajukan pertumbuhan hijau. Usaha ini akan disokong oleh pelaburan dan kemudahan pembiayaan hijau sektor awam dan swasta yang bersesuaian. Strategi pertumbuhan hijau akan memastikan kesihatan bumi dan kualiti hidup yang lebih baik, meningkatkan daya tahan negara serta memulihara dan melindungi alam sekitar untuk generasi masa kini dan yang akan datang. Strategi ini juga akan menjadikan ekonomi lebih mampan, inovatif dan berdaya saing serta mewujudkan peluang pertumbuhan ekonomi yang baharu.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, usaha bersepadu telah diambil untuk beralih kepada pertumbuhan hijau bagi melaksana Agenda 2030. Beberapa dasar dan perundangan telah disemak semula supaya sejajar dengan perkembangan semasa dan keperluan masa hadapan. Keupayaan institusi juga telah diperkukuh bagi membolehkan tadbir urus alam sekitar yang lebih berkesan. Usaha telah dipertingkat dalam memulihara kawasan perlindungan dan memulihkan kualiti ekosistem yang terosot di kawasan terestrial dan marin serta meningkatkan punca pendapatan masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan (ILC). Keutamaan juga telah diberikan kepada tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim serta pengurangan risiko bencana.

Pencapaian Sasaran Terpilih

Sebanyak 10 sasaran telah ditetapkan dalam tempoh RMKe-11 bagi mencapai pertumbuhan hijau. Tiga sasaran telah dicapai, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 8-1*. Dalam tempoh 2016 hingga 2019, purata bahagian perolehan hijau kerajaan (GGP) daripada perolehan kerajaan bagi kategori produk dan perkhidmatan hijau terpilih adalah 20.7%, melepasi sasaran 20% yang ditetapkan. Sistem bersepadu bagi ramalan cuaca dan banjir serta amaran awal banjir telah dibangunkan bagi lembangan Sungai Kelantan, Sungai Pahang dan Sungai Terengganu. Kadar kitar semula kebangsaan bagi sisa isi rumah telah mencapai 30.7% pada 2020, melebihi sasaran 30% yang ditetapkan. Kemajuan dalam pengurangan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) dan bilangan rakyat yang dilindungi daripada banjir adalah mengikut jadual.

Lima sasaran yang tidak menunjukkan kemajuan yang ketara adalah penggubalan akta perlindungan alam sekitar, peningkatan kapasiti sedia ada tenaga boleh baharu (TBB), pembangunan pelan induk pengurusan permintaan tenaga (DSM) serta pewartaan kawasan perlindungan terestrial dan air daratan, dan kawasan pesisir pantai dan marin. Sebahagian komponen bagi cadangan penggubalan akta perlindungan alam sekitar telah dimasukkan dalam pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 [Akta 127]. Pelaksanaan projek yang perlahan telah mengakibatkan peningkatan kapasiti TBB kurang memberangsangkan. Cadangan pembangunan pelan induk DSM telah digantikan dengan penggubalan rang undang-undang kecekapan dan konservasi tenaga. Pewartaan kawasan terestrial dan air daratan sebagai kawasan perlindungan adalah sebanyak 10% sehingga tahun 2018 berbanding sasaran 17% pada tahun 2020. Manakala, hanya 5.3% kawasan pesisir pantai dan marin diwartakan sehingga tahun 2020 berbanding sasaran 10%. Ini disebabkan terutamanya oleh proses pewartaan yang panjang dan keutamaan pemuliharaan yang berbeza oleh kerajaan negeri.

Paparan 8-1


Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih

Memperkukuh Tadbir Urus




Penggubalan Akta untuk Mempertingkat Perlindungan Alam Sekitar

Memulihara Sumber Asli




Kawasan Pesisir Pantai dan Marin Diwartakan sebagai Kawasan Perlindungan



Kawasan Terestrial dan Air Daratan Diwartakan sebagai Kawasan Perlindungan


Menangani Perubahan Iklim dan Mengurangkan Risiko Bencana




Pengurangan Intensiti Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) kepada KDNK Berdasarkan Intensiti Pelepasan pada Tahun 2005




Pembangunan Sistem Bersepadu



Kadar Kitar Semula Kebangsaan bagi Sisa Isi Rumah




Perolehan Hijau Kerajaan



Kapasiti Terpasang Tenaga Boleh Baharu



Penggubalan Pelan Induk Pengurusan Permintaan Tenaga (DSM)



Rakyat yang Dilindungi melalui Projek Tebatan Banjir



[1] Indeks pelepasan gas rumah kaca (GHG) bagi Malaysia (berdasarkan Pendekatan 2: dengan *Land Use, Land-Use Change and Forestry* (LULUCF) (pelepasan sahaja)) seperti dilaporkan dalam *Third Biennial Update Report Malaysia to the United Nations Framework Convention on Climate Change, 2020* (BUR 3). Rujuk BUR 3 untuk penerangan terperinci mengenai indeks pelepasan GHG bagi Malaysia berdasarkan Pendekatan 1, Pendekatan 2 dan Pendekatan 3.

Pencapaian Inisiatif Terpilih

Penambahbaikan Tadbir Urus dan Pembiayaan

Dasar dan peraturan baharu telah diperkenalkan untuk memperkukuh tadbir urus alam sekitar dalam tempoh RMKe-11. Dasar Pengangkutan Negara, 2019-2030 telah diperkenalkan untuk menambah baik ketersambungan dan membolehkan pergerakan penumpang dan barangan yang lancar, seterusnya menyokong agenda mobiliti rendah karbon. Di samping itu, Dasar Automotif Nasional 2020 telah dilancarkan untuk menggalakkan penggunaan teknologi baharu dan lebih mesra alam dalam industri automotif. Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018 serta Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Pembinaan) 2018 telah dikuat kuasa untuk memastikan sisa komersial, industri, institusi dan pembinaan diasingkan di punca bagi membolehkan rawatan dan pelupusan yang teratur.

Rangka institusi dan kapasiti pembiayaan telah diperkukuh untuk menyokong pertumbuhan hijau. Dalam hubungan ini, inisiatif *Climate Governance Malaysia* telah diwujudkan pada tahun 2019 dan Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara pada Disember 2020 untuk menambah baik penyelarasan tindakan berkaitan perubahan iklim oleh kerajaan dan sektor swasta. Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim juga telah ditubuhkan pada tahun 2019 oleh Bank Negara Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Jawatankuasa ini bertujuan mewujudkan kerjasama yang lebih baik dalam merangka, memacu dan menyelaras strategi dan tindakan berkaitan risiko perubahan iklim dalam pasaran modal dan kewangan. Bagi menyokong usaha ini, taksonomi berdasarkan prinsip dan perubahan iklim sedang dibangunkan untuk meningkatkan kefahaman dan penilaian risiko berkaitan perubahan iklim. Garis panduan juga telah disediakan bagi membolehkan institusi kewangan, terutama institusi kewangan Islam, mengambil kira risiko alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) dalam proses membuat keputusan berkaitan pembiayaan dan pelaburan. Dana Pembiayaan Pembangunan Mampan dan Dana Pengangkutan Awam telah diwujudkan pada tahun 2019 untuk menggalakkan sektor swasta melaksanakan pembangunan mampan. Bagi menyokong program pendidikan dan kesedaran berkaitan alam sekitar, Amanah Lestari Alam telah ditubuhkan pada Julai 2020. Institusi ini akan menggembleng dana daripada sektor awam dan swasta serta organisasi antarabangsa. Selain itu, mekanisma pindahan fiskal ekologi (EFT) telah dilaksanakan pada tahun 2019 untuk menggalakkan pewartaan kawasan perlindungan oleh kerajaan negeri. Dalam sektor perdagangan luar, program *Sustainability-Action Values for Exporters* (SAVE) telah dilancarkan pada tahun 2019 bagi menggalakkan pengeksport menerima guna amalan mampan dalam perniagaan mereka. Inisiatif di bawah program SAVE termasuk meningkatkan penerapan amalan terbaik dalam aspek kemampanan, mengenal pasti pasaran terpilih yang baharu bagi perniagaan dan produk mampan serta mengintegrasi syarikat Malaysia ke dalam rantaian bekalan global yang mampan.

Pelbagai usaha juga telah dilaksana untuk meningkatkan kerjasama dengan pihak berkepentingan dan memantau pelaksanaan inisiatif berkaitan alam sekitar. Sidang Kemuncak Matlamat Pembangunan Mampan Malaysia telah dianjurkan pada November 2019 untuk meningkatkan kesedaran dan berkongsi amalan terbaik bagi mencapai Agenda 2030. Laporan Kebangsaan Keenam telah dikemukakan kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) pada tahun 2019 untuk mengemas kini pencapaian berkaitan biodiversiti. *Third Biennial Update Report Malaysia to the United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) (BUR 3) telah dikemukakan pada Disember 2020 bagi melaporkan usaha kerajaan menangani impak perubahan iklim.

Pemuliharaan Sumber Asli

Pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk mempertingkat kualiti ekosistem kawasan terestrial dan marin. Inisiatif ini termasuk pewartaan kawasan perlindungan, pewujudan koridor ekologi serta pemulihan dan penghutanan semula. Sejumlah 1,791 hektar kawasan hutan di bawah inisiatif *Central Forest Spine* (CFS) telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan dalam tempoh 2016 hingga 2019. Usaha ini telah meningkatkan keluasan kawasan yang diwartakan kepada 31,938 hektar. Dalam tempoh yang sama, 242,201 hektar kawasan hutan di bawah inisiatif *Heart of Borneo* (HoB) telah diwartakan sebagai Kawasan Perlindungan Sepenuhnya yang meningkatkan jumlah kawasan diwartakan kepada 1,961,653 hektar. Sejumlah 28.5 juta pokok telah ditanam oleh agensi kerajaan dan pelbagai pihak berkepentingan, melebihi sasaran 25 juta pokok di bawah RMKe-11. Di bawah program pemulihan hutan pula, 136 hektar kawasan di Semenanjung Malaysia, 1,337 hektar di Sabah dan 2,224 hektar di Sarawak telah ditanam dengan pelbagai spesies pokok pada tahun 2019.

Beberapa inisiatif telah dilaksana untuk meningkatkan kualiti ekosistem pesisir pantai dan marin. Kawasan pesisir pantai yang telah ditanam dengan pokok bakau dan spesies lain yang bersesuaian meningkat daripada 2,605 hektar pada tahun 2015 kepada 2,982 hektar pada tahun 2020. Pelan spatial kawasan marin telah dibangunkan bagi Taman Laut Pulau Payar di Kedah, Taman Laut Pulau Perhentian di Terengganu serta Taman Laut Pulau Besar dan Pulau Lima di Johor. Pelan ini adalah untuk menentukan kawasan khusus bagi kegunaan umum, rekreasi dan pemuliharaan. Di samping itu, Taman Negara *Luconia Shoals* di Sarawak seluas 1,011,772 hektar telah diwartakan sebagai kawasan perlindungan marin yang baharu pada tahun 2018.

Pelbagai program telah dilaksana sebagai sebahagian daripada inisiatif pemuliharaan hidupan liar termasuk penubuhan pusat pemuliharaan dan santuari hidupan liar. Survei Harimau Kebangsaan Pertama untuk menentukan saiz populasi dan taburan harimau telah dimulakan pada tahun 2016 dan selesai pada akhir tahun 2020. Pusat Konservasi Harimau Kebangsaan di Lanchang, Pahang seluas 40 hektar telah diwujudkan pada tahun 2019 sebagai pelengkap kepada Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan sedia ada di Sungkai, Perak. Santuari Gajah Johor di Kota Tinggi seluas 15,000 hektar juga telah dibangunkan pada tahun 2019 untuk menempatkan semula gajah liar bagi menangani konflik dengan manusia.

Operasi Bersepadu Khazanah adalah kerjasama strategik antara PDRM dengan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) telah dilancarkan pada tahun 2019. Operasi ini disokong oleh pelbagai agensi kerajaan dan pertubuhan masyarakat sivil (CSO) untuk mengekang pencerobohan kawasan, pemburuan fauna liar dan pengambilan flora liar secara haram. PDRM juga menjalankan operasi yang serupa di Sabah dan Sarawak bersama agensi berkaitan. Sehingga November 2020, 82 pemburu dan 130 pesalah telah ditangkap, manakala 1,058 perangkap dan jerat haiwan telah dimusnahkan. Spesies hidupan liar dilindungi yang dianggarkan bernilai RM4.3 juta juga telah dirampas.

Sebanyak 18,324 spesimen biodiversiti telah didokumentasi melalui pelaksanaan penilaian inventori dalam tempoh 2016 hingga 2019. Inventori ini merangkumi 11,927 flora termasuk 185 spesies flora yang baru ditemui serta 3,506 fauna, 1,993 serangga dan 898 kulat. Di samping itu, inisiatif telah dilaksana bagi mempelbagai sumber pendapatan ILC termasuk dengan mengadakan kursus pemandu pelancong alam semula jadi dan penglibatan dalam perusahaan berasaskan komuniti. Pelantikan ILC sebagai staf PERHILITAN juga telah membolehkan mereka untuk terlibat dalam program pemuliharaan. Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 [Akta 795] telah diwartakan untuk mengawal selia akses kepada sumber biologi dan genetik. Usaha ini bagi memastikan faedah daripada penggunaan sumber asli dikongsi secara adil dan saksama.

Perubahan Iklim dan Risiko Bencana

Pelbagai tindakan mitigasi telah dilaksana untuk mengurangkan pelepasan GHG daripada sektor pelepasan utama termasuk pengangkutan, industri pemprosesan dan penggunaan produk, tenaga dan sisa. Dalam sektor pengangkutan, adunan biodiesel B10 yang mengandungi 10% metil ester sawit telah diperkenalkan pada tahun 2019. Manakala standard bahan api yang lebih tinggi untuk RON95, iaitu EURO 4M telah dilaksanakan pada tahun 2020. Bagi sektor perindustrian, adunan biodiesel B7 telah diperkenalkan pada tahun 2019.

Dalam sektor tenaga, jumlah kapasiti terpasang TBB, terutama daripada sumber solar dan hidro berskala besar, meningkat daripada 6,059 megawatt (MW) pada tahun 2015 kepada 7,995 MW pada tahun 2020. Program Standard Prestasi Tenaga Minimum dan *National Building Energy Intensity* (BEI) telah dipergiat untuk meningkatkan kecekapan tenaga. Program pelabelan peralatan elektrik telah diperluas kepada ketuhar gelombang mikro dan periuk nasi elektrik, menjadikan sebanyak lapan peralatan dilabel cekap tenaga. Sejumlah 200 bangunan kerajaan pula telah dilabel sebagai cekap tenaga di bawah program BEI. Manakala, sejumlah 28 premis kerajaan termasuk 18 hospital telah diretrofit kepada bangunan cekap tenaga sebagai sebahagian daripada inisiatif bangunan hijau. Di samping itu, sejumlah 108 bangunan perindustrian dan 109 bangunan komersial telah diaudit dan diretrofit. Bagi menggalakkan pembinaan infrastruktur mesra alam pula, *Sustainable Infrastructure Rating Tool* (Sustainable INFRASTAR) telah diperkenalkan pada tahun 2019.

Kadar kitar semula kebangsaan bagi sisa isi rumah yang meningkat kepada 30.7% pada tahun 2020 telah dicapai terutama melalui pelaksanaan pengasingan sisa di punca serta inisiatif kurangkan, guna semula dan kitar semula (3R). Dalam menangani bahaya akibat penggunaan plastik sekali guna yang semakin meningkat, Pelan Hala Tuju ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 telah dilancarkan pada tahun 2018. Di samping itu, Dasar Kebersihan Negara, 2020-2030 telah diperkenalkan pada tahun 2019 bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang bersih, mampan dan makmur. Dasar ini juga bertujuan meningkatkan inisiatif kitar semula dalam kalangan masyarakat bagi menyokong agenda sisa sebagai sumber kekayaan dan menyumbang kepada usaha pemuliharaan alam sekitar.

Beberapa langkah adaptasi dan pengurangan risiko telah dilaksana, terutama dalam sektor yang mudah terjejas bagi memperkukuh daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana. Sehingga akhir tahun 2020, 1.6 juta orang telah dilindungi daripada impak banjir melalui pelaksanaan projek tebatan banjir. Di samping itu, sebanyak 10 pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) telah disiapkan sehingga tahun 2019 untuk membolehkan pengurusan sumber asli di lembangan sungai yang lebih bersepadu dan terselaras. Beberapa kajian terhadap jumlah beban harian maksimum (TMDL) sungai telah disiapkan dalam tempoh RMKe-11 termasuk bagi Sungai Semenyih dan Sungai Beranang untuk memudah cara perancangan pembangunan. Pemetaan kawasan bahaya seismik sedang dilaksana untuk mengenal pasti sesar aktif di kawasan berisiko gempa bumi, seterusnya menentukan langkah yang bersesuaian untuk meningkatkan kesiapsiagaan dan daya tahan terhadap gempa bumi. Sebanyak 39 penanda aras pemantauan sesar aktif telah dipasang di kawasan bahaya seismik bagi mengesan perubahan sistem sesar daripada penanda aras yang telah ditetapkan.

Isu dan Cabaran

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk melonjakkan pertumbuhan hijau dalam mencapai kelestarian alam sekitar dan daya tahan. Walau bagaimanapun, beberapa cabaran perlu diberi perhatian untuk mempercepat pertumbuhan hijau. Cabaran ini termasuk amalan penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan, kehilangan biodiversiti dan kekurangan persekitaran yang menyokong pertumbuhan hijau. Trend mega, seperti globalisasi, perbandaran dan kemajuan teknologi juga mesti diurus secara mampan bagi memastikan impak yang minimum kepada alam sekitar dan biodiversiti.

Isu dan Cabaran

- Amalan Penggunaan dan Pengeluaran yang Tidak Mampan
- Kehilangan Biodiversiti
- Kekurangan Persekitaran yang Menyokong Pertumbuhan Hijau

Amalan Penggunaan dan Pengeluaran yang Tidak Mampan

Kebanyakan sektor ekonomi di Malaysia mengamalkan ekonomi linear[2] yang kurang cekap dalam penggunaan sumber, seterusnya menghasilkan jumlah sisa yang tinggi. Amalan penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan ini menjejaskan alam sekitar dan daya tahan ekonomi dalam jangka panjang. Amalan ini juga mengakibatkan kos pembersihan dan mitigasi yang tinggi.

Taraf kehidupan yang semakin baik, kemajuan teknologi dan pertambahan bilangan produk dalam pasaran telah mempengaruhi corak penggunaan dan gaya hidup. Walaupun perubahan ini telah meningkatkan kualiti hidup, namun ia mengakibatkan lebih banyak sisa dihasilkan. Tambahan pula, terdapat lambakan produk berjangka hayat pendek, sekali guna dan pakai buang dalam pasaran. Produk tersebut juga mengandungi campuran bahan kompleks yang semakin meningkat, termasuk plastik dan bahan berbahaya yang mengakibatkan sisa tersebut sukar diurus dengan selamat. Selain itu, ketidakpatuhan dalam pengurusan pelepasan efluen ke dalam sumber air telah meningkatkan risiko bahan pencemar baru muncul yang mengancam kesihatan manusia dan ekosistem. Sebagai contoh, pembuangan sisa toksik secara haram di Sungai Kim Kim, Johor pada bulan Mac 2019 telah memberi kesan kepada kira-kira 6,000 penduduk. Sebanyak RM8.5 juta telah dibelanjakan untuk membersih dan memulihkan sungai tersebut.

Rakyat Malaysia menghasilkan kira-kira 38,150 tan sisa sehari pada tahun 2018, meningkat daripada 36,500 tan sisa sehari pada tahun 2015. Jumlah ini bersamaan dengan lebih kurang 1.17 kilogram per kapita sehari, iaitu lebih tinggi daripada purata global sebanyak 0.74 kilogram[3]. Tambahan pula, sisa klinikal khususnya pelitup muka dan sisa isi rumah yang kebanyakannya terdiri daripada pembungkus makanan telah meningkat disebabkan oleh pandemik COVID-19. Kadar kitar semula di Malaysia juga kekal rendah disebabkan sikap tidak peduli dalam kalangan rakyat dan perniagaan. Kira-kira RM200,000 sebulan dibelanjakan untuk membersih dan melupuskan sisa haram di Kuala Lumpur sahaja, terutama sisa pembinaan dan sisa pembuatan[4].

Pertumbuhan ekonomi dan urbanisasi yang pesat telah menyebabkan peningkatan permintaan terhadap bangunan, infrastruktur, tenaga, air dan sumber lain di bandar. Berdasarkan BUR 3, pelepasan GHG dianggarkan sebanyak 334.6 juta tan karbon dioksida setara (CO2eq) pada tahun 2016. Lebih kurang 75% daripada pelepasan GHG tersebut adalah daripada sektor tenaga, termasuk pengangkutan. Di samping itu, aktiviti pembangunan yang tidak mampan serta ketidakpatuhan terhadap garis panduan pembangunan telah mengakibatkan kemerosotan alam sekitar. Aktiviti ini juga meningkatkan risiko bencana dan mengancam nyawa serta menjejaskan aktiviti ekonomi. Purata kos mitigasi banjir yang ditanggung oleh Kerajaan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975 adalah kira-kira RM3 juta setahun dan telah meningkat kepada kira-kira RM1 bilion setahun dalam tempoh RMKe-11.

[2] Pendekatan konvensional ambil-guna-buat-lupus dengan mengekstrak bahan mentah untuk diubah menjadi produk yang digunakan dan akhirnya dibuang sebagai sisa.

[3] *Urban Development Series: What a Waste 2.0 – A Global Snapshot of Solid Waste Management to 2050, World Bank Group, 2018.*

[4] Sumber: *Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam*

Kehilangan Biodiversiti

Pemulihan sumber asli yang perlahan dan eksploitasi yang berlebihan telah meningkatkan tekanan terhadap biodiversiti. Meskipun Malaysia dilitupi dengan 55.3% kawasan berhutan, fragmentasi hutan mengurangkan ketersambungan ekologi dan ketersediaan sumber makanan kepada hidupan liar. Keadaan ini memberi kesan kepada habitat dan populasi fauna dan flora liar, seterusnya menyebabkan konflik antara manusia dengan hidupan liar. Kemusnahan habitat dan aktiviti pemburuan, pengambilan, perdagangan dan penggunaan fauna dan flora liar secara haram turut memberi ancaman kepada spesies terancam. Tambahan pula, kehilangan biodiversiti, perubahan hubungan antara haiwan dan manusia serta gangguan terhadap proses ekosistem meningkatkan risiko kemunculan penyakit zoonotik.

Biodiversiti dan ekosistem terus merosot disebabkan oleh usaha pemuliharaan yang tidak mencukupi dan sikap kurang menghargai nilai sumber asli. Terdapat juga isu organisma yang diubah suai secara genetik (GMO) dan biopirasi[5] yang mengancam kemampanan sumber asli. Di samping itu, terdapat kekurangan keupayaan untuk menguatkuasakan Akta 795 dan mengurus isu GMO.

Lautan berhadapan dengan tekanan berikutan pencemaran, amalan penangkapan ikan yang tidak mampan dan aktiviti ekonomi lain yang berkaitan. Walaupun mempunyai potensi ekonomi yang besar dan signifikan, kualiti ekosistem lautan semakin merosot disebabkan oleh serpihan dan sampah marin, stok ikan yang menyusut dan litupan batu karang hidup yang berkurangan. Sebanyak 15% garis pesisir Malaysia mengalami hakisan pantai.

Pencemaran sungai yang semakin meningkat memerlukan perhatian segera. Bilangan sungai tercemar telah meningkat daripada 33 pada tahun 2015 kepada 51 pada tahun 2017 daripada 477 sungai yang dipantau. Pada tahun 2019 pula, sebanyak 59 daripada 672 sungai adalah tercemar. Punca utama pencemaran adalah sisa kumbahan dan pelepasan efluen daripada industri berasaskan pertanian dan pembuatan, aktiviti kerja tanah dan pembukaan tanah yang tidak bertanggungjawab serta pembuangan sisa ke dalam sungai. Sungai yang tercemar telah mengakibatkan gangguan bekalan air dan meningkatkan risiko kepada kesihatan. Pencemaran ini juga mengancam hidupan akuatik dan meningkatkan risiko bencana. Beberapa insiden pencemaran di Sungai Selangor dan Sungai Gong di Selangor serta Sungai Batang Benar di Negeri Sembilan antara bulan September hingga November 2020 telah menyebabkan gangguan bekalan air kepada berjuta pengguna.

[5] Penyalahgunaan sumber biologi dan pengetahuan tradisional tanpa pampasan atau pembayaran yang wajar.

Kekurangan Persekitaran yang Menyokong Pertumbuhan Hijau

Penglibatan pelbagai pihak berkuasa dengan perundangan yang berbeza memberi cabaran serius kepada pengurusan sumber asli dan alam sekitar. Di samping itu, terdapat isu tadbir urus lain seperti keupayaan penguatkuasaan yang terhad, pemantauan, pelaporan dan penilaian yang tidak mencukupi serta kekurangan R&D&C&I. Ketidaksepaduan, ketidakbolehcapaian dan kekurangan data berkualiti menghalang analisis data yang komprehensif untuk menyokong proses membuat keputusan berasaskan bukti dan risiko yang termaklum. Dana yang terhad juga mengekang kemampanan usaha perlindungan alam sekitar dan pemuliharaan biodiversiti. Meskipun pelbagai usaha telah dilaksana untuk meningkatkan kesedaran mengenai alam sekitar, masih wujud kekurangan rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama dalam kalangan pihak berkepentingan untuk mengurus alam sekitar dan biodiversiti secara berkesan.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

RMKe-12 akan melonjakkan pertumbuhan hijau dengan melaksana agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan melalui pendekatan keseluruhan negara. Selari dengan komitmen Malaysia untuk memulihara kesihatan bumi dan aspirasi untuk menjadi negara neutral karbon[6] dalam jangka masa panjang, keutamaan akan diberi kepada pembangunan sosioekonomi rendah karbon dan kental iklim serta pemuliharaan ekosistem dan sumber asli. Berdasarkan asas yang dibina dalam tempoh RMKe-11, kemampanan dan daya tahan akan dipertingkat dengan menangani perubahan iklim dan pencemaran, mengurangkan risiko bencana, mengurus sumber asli dengan cekap dan memperkukuh persekitaran menyokong tadbir urus yang berkesan. Strategi yang akan dilaksana termasuk mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran, menggalakkan pembangunan bandar dan perbandaran hijau yang berdaya tahan, meningkatkan mobiliti mesra alam, mempertingkat tenaga rendah karbon dan memperluas tanggungjawab pengeluar serta melaksanakan tindakan berasaskan bukti dan risiko termaklum bagi meningkatkan daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana. Penekanan juga akan ditumpu kepada usaha melindungi aset semula jadi, memastikan penggunaan sumber secara mampan dan perkongsian faedah, memperkukuh tadbir urus alam sekitar, meningkatkan pembiayaan hijau dan memupuk tanggungjawab bersama. Agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan melalui pendekatan keseluruhan negara adalah seperti ditunjukkan dalam *Kotak 8-1*.

[6] Keseimbangan antara pelepasan karbon dan penyerapan karbon daripada atmosfera ke dalam kawasan tadahan karbon.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Mempercepat Pertumbuhan Hijau untuk Kemampanan dan Daya Tahan

Bidang Keutamaan A

Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan

Strategi A1
Menuju ke arah Negara Rendah Karbon

Strategi A2
Mempercepat Peralihan kepada Ekonomi Kitaran

Strategi A3
Menggalakkan Perkongsian Tanggungjawab dalam Mencegah Pencemaran

Strategi A4
Mempertingkat Daya Tahan terhadap Perubahan Iklim dan Bencana

Bidang Keutamaan B

Mengurus Sumber Asli dengan Cekap bagi Melindungi Aset Semula Jadi

Strategi B1
Memulihara Ekosistem Semula Jadi

Strategi B2
Melindungi dan Memulihara Spesies dan Sumber Genetik

Strategi B3
Memastikan Penggunaan Mampan dan Perkongsian Faedah

Strategi B4
Meningkatkan Pemuliharaan Sumber Air

Bidang Keutamaan C

Memperkukuh Persekitaran yang Menyokong Tadbir Urus Berkesan

Strategi C1
Memperkukuh Tadbir Urus Alam Sekitar


Strategi C2
Meningkatkan Pembiayaan dan Pelaburan Hijau

Strategi C3
Memupuk Rasa Pemilikan dan Tanggungjawab Bersama




Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan




2030

Pengurangan Intensiti Pelepasan Gas Rumah Kaca (GHG) kepada KDNK pada Tahun 2030[7] Berdasarkan Intensiti Pelepasan pada Tahun 2005




2025

Perolehan Hijau Kerajaan



2025

Kadar Kitar Semula Sisa Isi Rumah



2025

Pengurangan Penggunaan Hidroklorofluorokarbon (HCFC)

Mengurus Sumber Asli dengan Cekap



2025

Kawasan Terestrial dan Air Daratan Dipulihara melalui Pewartaan dan Kaedah-kaedah Lain yang Berkesan bagi Pemuliharaan Berlandaskan Kawasan



2025

Kawasan Pesisir Pantai dan Marin Dipulihara melalui Pewartaan dan Kaedah-kaedah Lain yang Berkesan bagi Pemuliharaan Berlandaskan Kawasan



2025

Penstabilan Populasi Harimau



2025

Pelaksanaan Pelan Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM)

Memperkukuh Persekitaran yang Menyokong Tadbir Urus



2025

Pengenalan Dasar Pengurusan Risiko Bencana (DRM)



[7] *Malaysia's Nationally Determined Contribution to the Paris Agreement of the United Nations Framework Convention on Climate Change* untuk mengurangkan intensiti pelepasan gas rumah kaca (GHG) kepada KDNK sehingga 45% pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005.

Kotak 8-1

Agenda Pembangunan Bersih, Hijau dan Berdaya Tahan melalui Pendekatan Keseluruhan Negara

Agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan melalui pendekatan keseluruhan negara yang meliputi aspek keterangkuman sosial dan kemampanan akan menjadi hala tuju pertumbuhan hijau. Bersih merujuk kepada usaha meminimumkan impak alam sekitar. Hijau pula merujuk kepada kecekapan dalam penggunaan sumber asli. Manakala, berdaya tahan merujuk kepada usaha mengambil kira bahaya semula jadi.

Bersih

Pembangunan sosioekonomi yang rendah karbon, kurang mencemarkan dan cekap sumber akan memacu ekonomi hijau, mewujudkan peluang baharu untuk pertumbuhan dan mengubah tingkah laku rakyat kepada amalan penggunaan dan pengeluaran mampan

Hijau

Pemuliharaan dan perlindungan aset semula jadi akan menambah baik kesihatan ekosistem, meningkatkan punca pendapatan dan memastikan jaminan bekalan makanan

Berdaya Tahan


Kemampuan untuk menyesuai dan bersedia menghadapi impak perubahan iklim dan bencana akan mengurangkan risiko dan kerentanan serta melindungi hasil pembangunan



Pendekatan keseluruhan negara adalah pendekatan komprehensif bagi menyatukan semua pihak berkepentingan agar bertanggungjawab dalam melaksana agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan. Pendekatan ini akan mempergiat usaha kerjasama dan memastikan tindakan yang diambil oleh pihak berkepentingan dalam menangani isu berkaitan alam sekitar adalah saling melengkapi. Dalam hubungan ini, sektor awam, sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil[1] (CSO) dan individu akan berkongsi tanggungjawab bagi memastikan kelestarian alam sekitar untuk mencapai matlamat Agenda 2030. Di samping itu, sektor perkhidmatan kewangan akan memainkan peranan utama dalam menyalurkan pembiayaan untuk mempercepat penerimagunaan amalan perniagaan mampan.

Daripada

Pendekatan Kerjasama Sedia Ada



Kepada

Pendekatan Keseluruhan Negara



Agenda 2030 mencerminkan pemahaman yang sama bahawa persekitaran yang sihat adalah penting untuk menikmati sepenuhnya hak asasi manusia, termasuk hak untuk hidup. Hubungan secara langsung antara alam sekitar dengan pembangunan sosioekonomi akan membuka peluang baharu dan yang saling berkait untuk mencapai SDG. Pelaksanaan agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan akan menyumbang kepada kesihatan bumi, ekonomi hijau yang berdaya saing dan inovatif serta pencapaian Matlamat 2, 6, 7, 11, 12, 13, 14 dan 15.

[1] Pertubuhan bukan berorientasikan pasaran dan bukan berkaitan kerajaan, termasuk pertubuhan berasaskan komuniti, pertubuhan bukan kerajaan, kesatuan pekerja, persatuan profesional, dewan perniagaan dan institut penyelidikan bebas.

Bidang Keutamaan A

Melaksana Pembangunan Rendah Karbon, Bersih dan Berdaya Tahan

Pelan pembangunan rendah karbon, bersih dan berdaya tahan yang memberi penekanan kepada kesihatan bumi dan kelestarian alam sekitar serta daya tahan akan dilaksana untuk mencapai pertumbuhan sosioekonomi yang berterusan. Tumpuan akan diberi kepada usaha untuk mencapai status negara rendah karbon, mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran dan berkongsi tanggungjawab dalam mengurangkan pencemaran. Di samping itu, langkah adaptasi perubahan iklim dan pengurangan risiko akan dipergiat untuk melindungi faedah pembangunan dan mempertingkat daya tahan negara dalam menghadapi impak perubahan iklim dan bencana.

- Strategi A1 — Menuju ke arah Negara Rendah Karbon
- Strategi A2 — Mempercepat Peralihan kepada Ekonomi Kitaran
- Strategi A3 — Menggalakkan Perkongsian Tanggungjawab dalam Mencegah Pencemaran
- Strategi A4 — Mempertingkat Daya Tahan Terhadap Perubahan Iklim dan Bencana

Strategi A1

Menuju ke arah Negara Rendah Karbon

Kerajaan akan meneruskan usaha untuk menangani perubahan iklim merentasi semua sektor. Sehubungan itu, kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT) serta sektor swasta dan CSO akan dipergiat untuk menyokong peralihan kepada negara rendah karbon. Kerjasama ini adalah penting, terutama dalam sektor utama pelepasan GHG, iaitu tenaga, pengangkutan, industri pemprosesan dan penggunaan produk, pengurusan sisa, pertanian, perhutanan dan guna tanah. Dalam memenuhi komitmen Malaysia kepada Perjanjian Paris di bawah UNFCCC bagi mengurangkan intensiti pelepasan GHG kepada KDNK sehingga 45% pada tahun 2030 berdasarkan intensiti pelepasan pada tahun 2005, tumpuan akan diberi kepada usaha membangunkan instrumen yang menyokong tindakan perubahan iklim, termasuk *carbon pricing*. Selain itu, usaha juga akan ditumpukan untuk menggalakkan pembangunan bandar dan perbandaran hijau yang berdaya tahan, meningkatkan mobiliti mesra alam dan tenaga rendah karbon serta memperluas pasaran hijau dan GGP. Lebih banyak syarikat swasta akan digalakkan untuk mengumumkan aspirasi bagi mencapai *net zero carbon emissions* pada tahun 2050. Antara institusi dan syarikat yang telah mengumumkan inisiatif *Race to Zero*[8] termasuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), PETRONAS, Osel Group, Sunway Group, Tai Wah Garments Industry Sdn. Bhd. dan Sarawak Energy Berhad. Dewan Bandaraya Kuala Lumpur juga telah mengumumkan aspirasi untuk menjadi bandar *net zero carbon* menjelang tahun 2050. Komitmen untuk mencapai outcome tindakan iklim yang lebih ketara dan kerjasama yang lebih erat antara semua pihak berkepentingan akan menjanjikan masa hadapan negara yang lebih mampan dan menyumbang kepada pencapaian Matlamat 7, 11, 12 dan 13 Agenda 2030.

Membangunkan Instrumen yang Menyokong Tindakan berkaitan Perubahan Iklim

Selari dengan aspirasi untuk menjadi negara neutral karbon dalam jangka masa panjang, instrumen menyokong yang bertepatan bagi tindakan berkaitan perubahan iklim akan diperkenal. Sehubungan itu, pelan hala tuju *Nationally Determined Contribution* akan dibangunkan bagi merangka pelan tindakan mitigasi khusus untuk memenuhi komitmen negara kepada Perjanjian Paris. Pelan hala tuju ini akan menetapkan jumlah pelepasan yang perlu dikurangkan

[8] Inisiatif *Race to Zero* menggerakkan pihak bukan kerajaan untuk menyertai *Climate Ambition Alliance*, yang dilancarkan semasa Sidang Kemuncak Tindakan Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu 2019.

daripada setiap sektor utama pelepasan GHG. Analisis pelbagai senario dan kajian terperinci juga akan dilaksana untuk menggubal strategi jangka panjang pembangunan rendah karbon serta menilai kos dan implikasi kepada negara dalam mencapai neutral karbon. Selain itu, kajian kebolehlaksanaan akan dijalankan bagi *carbon pricing*, termasuk cukai karbon dan Skim Perdagangan Pelepasan GHG. Kajian tersebut akan mencadangkan sistem cukai karbon yang bersesuaian untuk menggalakkan perubahan tingkah laku yang sewajarnya dan pengenalan kepada platform bagi perdagangan karbon. Instrumen ini akan membantu menggembleng pelaburan yang diperlukan dalam merangsang pembangunan dan penggunaan teknologi hijau serta inovasi pasaran hijau, seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi rendah karbon.

Menggalakkan Bandar dan Perbandaran Hijau yang Berdaya Tahan

Konsep bandar hijau dan berdaya tahan akan diterima pakai dalam pembangunan bandar dan perbandaran termasuk kawasan perindustrian. Konsep ini termasuk bandar rendah karbon, *sponge city*[9], bandar pintar dan pembangunan berorientasikan transit yang saksama[10] (eTOD). Pelaksanaan konsep ini akan menangani isu perubahan iklim dan risiko bencana serta menggalakkan penggunaan sumber secara cekap. Dalam hubungan ini, instrumen bandar hijau dan berdaya tahan, termasuk pemodelan maklumat bangunan, Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia dan Garis Panduan Perancangan Bandar Berdaya Tahan Bencana di Malaysia akan diguna pakai dalam pembangunan bandar dan perbandaran. Pelan induk bandar rendah karbon akan diperkenal untuk memberi panduan dan menyelaras inisiatif berkaitan di peringkat PBT. Selain itu, projek pembangunan awam dan swasta perlu mematuhi dasar guna tanah seperti yang dinyatakan dalam Rancangan Fizikal Negara, Rancangan Struktur Negeri, Rancangan Tempatan atau Rancangan Kawasan Khas. Sementara itu, tumpuan akan diberikan kepada pembangunan infrastruktur dan bangunan yang mampan dan berdaya tahan serta menggalakkan penggunaan bahan binaan mesra alam dalam sektor pembinaan.

Penerimagunaan instrumen pensijilan hijau semasa fasa pembinaan dan pengoperasian akan diperluas kepada lebih banyak projek bangunan dan infrastruktur kerajaan. Instrumen tersebut adalah seperti Sustainable INFRASTAR, Alat Pengurangan Karbon dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia (MyCREST) dan Indeks Lebuhraya Hijau Malaysia. Sektor swasta juga akan digesa untuk menerima guna instrumen pensijilan hijau dan prestasi yang diiktiraf untuk projek pembangunan baharu serta kerja pengubahsuaian dan retrofit. Pemaju projek kediaman dan komersial akan digalakkan untuk mempermudah aktiviti pertanian bandar dan komunal serta menambah, mengembalikan dan mengekalkan kawasan hijau dan biru. Usaha ini adalah untuk mengawal iklim mikro dan meningkatkan daya tahan di kawasan bandar serta menggalakkan aktiviti rekreasi. Rasa pemilikan dan tanggungjawab dalam kalangan masyarakat akan dipertingkat untuk bersama-sama membangun, mengurus dan mengekalkan kawasan hijau dan biru serta harta benda awam. Sistem Pemantauan Bandar Malaysia juga akan diperkenal bagi membolehkan pembangunan bandar yang bersepadu dan meningkatkan kecekapan dalam operasi dan pengurusan bandar. Prestasi bandar dan perbandaran hijau dan berdaya tahan akan dipantau bagi membolehkan penambahbaikan yang berterusan dalam mencapai pembangunan mampan.

Meningkatkan Mobiliti Mesra Alam

Usaha untuk meningkatkan mobiliti penumpang dan barangan yang mesra alam akan diberi keutamaan dalam perancangan bandar dan luar bandar. Dalam hubungan ini, pelan tindakan mobiliti rendah karbon akan diperkenal sebagai panduan untuk perancangan, pelaksanaan, pemantauan dan penilaian inisiatif mobiliti mesra alam. Pelan tindakan tersebut akan menggariskan strategi bagi mengurangkan pelepasan GHG daripada sektor pengangkutan serta mempercepat peralihan kepada mobiliti mesra alam, khususnya pengangkutan awam rendah karbon dan mobiliti aktif. Kebolehcapaian, ketersambungan, keselamatan dan kebolehpercayaan pengangkutan awam akan terus ditambah baik. Pada masa yang sama, perkhidmatan mobiliti mikro[11] untuk menghubungkan batuan pertama dan akhir akan diperluas untuk melancarkan pergerakan. Perkhidmatan ini akan meningkatkan penggunaan pengangkutan awam. Dalam menggalakkan mobiliti aktif, infrastruktur pejalan kaki dan basikal akan dipertingkat supaya lebih mesra pengguna, bersambung, selamat dan selesa. Usaha ini termasuk langkah untuk memperlahan pergerakan lalu lintas dan teduhan semula jadi untuk laluan pejalan kaki. Bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan inisiatif mobiliti mesra alam, pelan induk dan garis panduan reka bentuk bagi mobiliti mesra alam di peringkat PBT akan dibangunkan. Di samping itu, perundangan berkaitan di peringkat Persekutuan dan negeri akan dikaji semula.

[9] Jenis bandar yang bertindak seperti span bagi menyerap air hujan, yang kemudiannya akan ditapis secara semulajadi oleh tanah dan dialirkan ke akuifer (air bawah tanah) di bandar.

[10] Usaha *Transit-oriented Development* (TOD) yang dilaksana dengan komitmen yang jelas untuk mencapai matlamat kesaksamaan melalui strategi khusus dalam memastikan penduduk berpendapatan rendah mendapat manfaat daripada pembangunan baharu.

[11] Penyambungan beberapa jenis pengangkutan yang berbeza, terutamanya kenderaan kecil bagi memastikan perjalanan seboleh mungkin lebih cepat dan mudah, khususnya perjalanan pertama dan akhir.

Penggunaan kenderaan mesra alam yang mengurangkan pencemaran udara dan pelepasan GHG serta meningkatkan kecekapan tenaga sebagai mod pengangkutan pilihan akan digalakkan bagi memacu peralihan kepada mobiliti mesra alam. Pemberian insentif kepada pengeluar tempatan bagi mengeluarkan kenderaan mesra alam serta pembelian kenderaan tersebut oleh pengguna akan dikaji semula. Di samping itu, program pemanduan cekap tenaga[12] untuk semua kelas kenderaan akan dijadikan mandatori. Penggunaan standard bahan api yang lebih ekonomik akan digalakkan bagi meningkatkan kecekapan penggunaan bahan api untuk kenderaan baharu.

Program biodiesel B20 yang mengandungi 20% metil ester sawit akan diperluas secara berperingkat ke seluruh negara, manakala program B30 akan diperkenal pada penghujung Rancangan Kedua Belas bagi meningkatkan lagi penggunaan bio bahan api. Sumber bahan api alternatif, termasuk gas asli mampat, tenaga hidrogen dan sel bahan api juga akan diperluas. Penggunaan kenderaan mesra alam terutama bagi pengangkutan awam serta perkhidmatan logistik dan penghantaran akan diperluas, manakala peralihan mod pengangkutan barangan daripada jalan raya kepada rel akan terus digalakkan. Penilaian impak karbon daripada sektor pengangkutan akan dibangunkan. Kajian akan dilaksana bagi mengenal pasti mekanisme untuk melupuskan kenderaan lama secara mampan.

Sektor swasta akan digalakkan untuk melabur dalam memajukan pembangunan kenderaan generasi masa hadapan serta meningkatkan teknologi dan infrastruktur sokongan seperti kenderaan cekap tenaga, kenderaan elektrik dan berkuasa hidrogen serta stesen pengecas. Dalam hubungan ini, kerjasama *triple-helix*[13] akan dipergiat, manakala skim insentif berkaitan industri hijau akan dipertingkat. Skim ini termasuk Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE). Di samping itu, sektor swasta akan digalakkan untuk memperoleh pelabelan hijau yang diiktiraf bagi teknologi dan kenderaan generasi masa hadapan. Ekosistem yang menyokong mobiliti hijau dari segi dasar dan perundangan, standard, insentif serta amalan terbaik akan diperkukuh untuk memudah cara inisiatif yang dipacu oleh pihak swasta. Usaha ini akan memastikan keberkesanan pelaksanaan agenda mobiliti mesra alam.

Mempertingkat Tenaga Rendah Karbon

Usaha bagi menggalakkan penggunaan tenaga rendah karbon melalui TBB dan kecekapan tenaga akan ditingkatkan bagi mengurangkan pelepasan GHG. Pembangunan dan penggunaan sumber TBB akan dipergiat untuk memenuhi sasaran 31% TBB daripada jumlah kapasiti terpasang. Industri TBB akan digalakkan untuk menceburi projek solar terapung dan penghasilan tenaga daripada sisa. Selain sumber hidro besar dan solar, tumpuan juga akan diberi kepada meningkatkan sumbangan daripada sumber boleh baharu yang lain seperti biojisim dan biogas. Penggunaan teknologi sedia ada dan baharu seperti *cogeneration*, solar termal dan sel bahan api akan terus digalakkan untuk menyediakan lebih banyak pilihan tersedia kepada industri. Di samping itu, *Renewable Energy Certificate*[14] akan digalakkan untuk membolehkan pembelian dan perdagangan TBB.

Kecekapan tenaga memainkan peranan penting dalam mengurangkan penggunaan tenaga. Oleh itu, penggunaan tenaga oleh pengguna berintensiti tinggi dalam sektor perindustrian dan komersial akan dikawal selia melalui pengenalan akta kecekapan dan konservasi tenaga. Selain itu, bagi menggalakkan kecekapan tenaga, Geran Audit Tenaga Bersyarat kepada sektor perindustrian dan komersial terpilih akan diteruskan.

PETRONAS telah mengumumkan sasaran untuk mencapai *net zero carbon emissions* pada tahun 2050. PETRONAS telah menyediakan pelan untuk membekalkan tenaga bersih dan penyelesaian rendah karbon di peringkat global. PETRONAS akan juga melaksanakan beberapa inisiatif, termasuk mengurangkan pembakaran hidrokarbon dan pelepasan gas ke atmosfera, memerangkap pelepasan gas metana dan mengoptimumkan pengeluaran dan operasi. Inisiatif lain termasuk meningkatkan keberkesanan dalam membekalkan tenaga dan penyelesaian rendah karbon seperti gas asli dan TBB; membangunkan bahan api, produk serta penyelesaian yang rendah dan sifar karbon; dan melabur dalam penyelesaian berasaskan alam semula jadi dengan memelihara dan memulihkan keupayaan ekosistem hutan untuk bertindak sebagai penyerap karbon.

Memperluas Pasaran Hijau dan Perolehan Hijau Kerajaan

Pasaran hijau yang mampan merupakan asas dalam menyokong pertumbuhan hijau. Dalam hubungan ini, pasaran hijau akan diperluas dengan meningkatkan permintaan produk, perkhidmatan dan teknologi hijau tempatan serta menggalakkan sektor swasta untuk melaksanakan perolehan hijau. Inisiatif ini akan mengembangkan perniagaan hijau. Bagi mempertingkat

[12] Latihan yang mengintegrasikan teknik pemanduan cekap tenaga sebagai syarat memohon lesen dan permit memandu.

[13] Kolaborasi dalam kalangan tiga pemain utama, iaitu akademia, industri dan kerajaan, bekerjasama untuk merangsang dan mempercepat inovasi bagi menangani cabaran yang dihadapi oleh masyarakat.

[14] Mekanisme yang membolehkan pengguna membuat pilihan untuk memperoleh TBB dengan menawarkan tarif hijau yang dikenali sebagai *MyGreen+* serta peluang untuk mengesan dan berjual beli TBB melalui platform *Malaysia Green Attribute Tracking System.*

keupayaan dan mencegah *greenwashing*[15], industri tempatan terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) akan terus digalakkan untuk menyertai program pembangunan industri hijau. Program ini termasuk pembangunan keupayaan, pensijilan, penyebaran maklumat dan pemadanan perniagaan. Industri tempatan juga digalakkan untuk mengguna pakai label hijau yang diiktiraf dan mengamalkan kerjasama *triple-helix* dalam menghasilkan produk hijau baharu. Dalam hubungan ini, inisiatif bagi memudahkan industri mendapat label hijau akan dipertingkat dengan menyediakan mekanisme kewangan dan kepakaran teknikal yang bersesuaian.

Inisiatif GGP akan diperluas kepada kerajaan negeri dan PBT. Lebih banyak produk dan perkhidmatan hijau tempatan akan disediakan bagi menyokong peluasan GGP. Pelaksanaan GGP juga akan diperluas kepada perolehan kerja bagi projek pembinaan dan pengubahsuaian. Pelaksanaan ini akan menjadi pemangkin dalam menjadikan sektor pembinaan lebih mesra alam. Label hijau, reka bentuk dan kaedah serta penggunaan bahan mesra alam dan yang dikitar semula akan digalakkan. Bagi terus menggalakkan pembinaan mesra alam, pelan tindakan jangka pendek dan garis panduan bagi GGP kerja akan disediakan. Selain itu, promosi produk dan perkhidmatan hijau, termasuk bangunan dan infrastruktur mesra alam akan dipergiat untuk melonjakkan permintaan daripada sektor swasta dan orang awam. Pelan tindakan penggunaan dan pengeluaran mampan (SCP) pula akan dilaksana untuk menggalakkan amalan perniagaan dan gaya hidup yang mampan. Pelaksanaan amalan SCP akan menambah baik kecekapan sumber dan keberkesanan kos di samping mengurangkan impak alam sekitar.

Strategi A2

Mempercepat Peralihan kepada Ekonomi Kitaran

Peralihan daripada ekonomi linear konvensional kepada ekonomi kitaran diperlukan untuk mewujudkan perniagaan dan pelaburan yang lebih mampan dan bertanggungjawab. Peralihan ini merupakan anjakan sistematik bagi membina daya tahan jangka panjang yang akan menjana perniagaan hijau dan peluang baharu ekonomi. Perubahan ini juga memberi manfaat kepada alam sekitar dan masyarakat. Selaras dengan penerimagunaan ekonomi kitaran, penerimaan pendekatan keseluruhan negara serta integrasi SDG dan prinsip ESG dalam membuat keputusan akan digalakkan. Antara inisiatif yang akan dilaksana bagi mempercepat peralihan ini termasuk mewujudkan ekosistem yang menyokong, menambah baik reka bentuk dan proses bagi produk dan perkhidmatan, memperluas tanggungjawab pengeluar dan memperkukuh pengurusan sisa. Inisiatif ini adalah selari dengan Matlamat 6, 7, 11, 12, 13, 14 dan 15 Agenda 2030. Ringkasan konsep ekonomi kitaran adalah seperti ditunjukkan dalam *Kotak 8-2*.

Mewujudkan Ekosistem yang Menyokong Ekonomi Kitaran

Perniagaan, khususnya PMKS akan digalakkan untuk menerima pakai konsep ekonomi kitaran dalam reka bentuk, pengeluaran, logistik, penggunaan dan pengurusan sisa bagi produk dan perkhidmatan. Dalam hubungan ini, rangka kerja akan dibangunkan sebagai panduan kepada sektor ekonomi untuk beralih kepada ekonomi kitaran. Rangka kerja ini akan memetakan keseluruhan rantaian nilai produk dan perkhidmatan serta pihak berkepentingan yang terlibat. Pelan tindakan ekonomi kitaran berkaitan sisa pepejal, plastik, sisa terjadual dan agrikomoditi juga akan diperkenal untuk mencapai outcome keseluruhan sistem ekonomi dan alam sekitar yang lebih baik. Dasar, perundangan dan instrumen ekonomi yang berkaitan akan dibangunkan untuk memudah cara peralihan kepada ekonomi kitaran. Manakala, R&D&C&I serta kerjasama pintar dalam kalangan pihak berkepentingan akan dipergiat untuk melonjakkan pelaksanaan ekonomi kitaran.

Menambah Baik Reka Bentuk dan Proses bagi Produk dan Perkhidmatan

Reka bentuk produk dan perkhidmatan memainkan peranan utama dalam menentukan kecekapan penggunaan sumber dan menggalakkan ekonomi kitaran. Oleh itu, perniagaan akan digalakkan untuk mereka bentuk produk yang lebih tahan lama, boleh dibaiki, diguna semula dan dikitar semula serta menggunakan bahan dikitar semula sebagai input. Perniagaan juga digalakkan untuk mendapat label hijau yang diiktiraf. Dasar dan perundangan berkaitan akan dikaji semula untuk memasukkan keperluan reka bentuk eko termasuk penggunaan bahan yang boleh dikitar semula. Penanda aras alam sekitar dari aspek kriteria kandungan kitar semula, tahap keselamatan bagi bahan dikitar semula dan kandungan bahan kimia juga akan dimasukkan dalam kajian semula tersebut. Selain itu, instrumen ekonomi seperti GTFS, GITA dan GITE akan dimanfaatkan untuk menyokong perniagaan dalam pengeluaran produk dan perkhidmatan hijau. Lebih banyak model ekonomi perkongsian termasuk menjadikan produk sebagai perkhidmatan akan diperkenal untuk menggalakkan perkongsian penggunaan produk dan perkhidmatan serta kemudahan.

[15] Tindakan yang memberi tanggapan palsu atau maklumat tidak tepat tentang produk sesebuah syarikat adalah mesra alam.

Kotak 8-2

Konsep Ekonomi Kitaran

Apakah Ekonomi Kitaran?

Kebanyakan sektor di Malaysia mengamalkan konsep ekonomi linear yang menggunakan sumber secara intensif dan kurang cekap, menjana sisa dalam jumlah yang tinggi, menghasilkan gas rumah kaca dan menyebabkan pencemaran. Memandangkan sumber asli mengalami penyusutan yang cepat, dan pertumbuhan semula yang perlahan dan kemerosotan kualiti, maka terdapat keperluan segera untuk beralih kepada ekonomi kitaran. Ekonomi kitaran memberi penekanan kepada mengembalikan sumber ke dalam sistem ekonomi dan alam sekitar melalui inisiatif guna semula dan pencegahan sisa[1], seterusnya mengurangkan kehilangan sumber. Reka bentuk yang menggalakkan kitaran adalah titik permulaan dalam pembangunan sebarang produk atau perkhidmatan baharu dalam ekonomi kitaran, dengan mengutamakan ketahanan, guna semula, pembaikan, kitar semula dan pembuatan semula. Ekonomi kitaran akan dicapai melalui penambahbaikan reka bentuk dan pembuatan produk, model ekonomi perkongsian[2] yang inovatif dan peningkatan mekanisme kitar semula. Peralihan kepada ekonomi kitaran akan mempertingkat kecekapan dan keberkesanan kos dengan ketara, mengurangkan kebergantungan ke atas sumber asli dan tekanan kepada alam sekitar serta menangani perubahan iklim. Peralihan ini juga akan menjadikan ekonomi lebih inovatif dan berdaya saing serta mewujudkan peluang baharu untuk pertumbuhan hijau.

Ekonomi Linear berbanding Ekonomi Kitaran

Secara tradisi, ekonomi linear mengamalkan pendekatan ambil-buat-guna-lupus dengan memproses bahan mentah untuk dijadikan produk yang boleh diguna dan dibuang sebagai sisa setelah tamat tempoh penggunaan. Dengan ini, nilai ekonomi diperoleh dengan mengeluar dan menjual produk sebanyak mungkin tanpa mengambil kira kesan kepada alam sekitar. Sebaliknya, ekonomi kitaran mengamalkan pendekatan kurangkan, guna semula dan kitar semula (3R) yang meminimumkan penggunaan sumber, memaksimumkan penggunaan semula produk dan mengitar semula bahan ke dalam kitaran pembuatan. Dalam sistem kitaran ini, nilai ekonomi diwujudkan dengan memberi tumpuan kepada pemuliharaan. Perbezaan antara ekonomi linear dan ekonomi kitaran adalah seperti ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Komponen	Ekonomi Linear	Ekonomi Kitaran
Pendekatan	Ambil-buat-guna-lupus	Kurangkan-guna semula-kitar semula
Penggunaan Sumber	Penggunaan sumber yang intensif	Penggunaan sumber yang cekap
Sempadan Sistem	Penggunaan jangka pendek	Penggunaan jangka panjang dan kitar hayat yang banyak
Guna Semula	Tidak diguna semula	Baiki dan guna semula
Tamat Tempoh Hayat	Pelupusan	Pemerolehan semula dan dikitar semula (hanya sisa yang tidak dapat dielak akan dilupuskan)


Bagaimana Ekonomi Kitaran Berfungsi?

Ekonomi kitaran boleh diilustrasikan dalam pembuatan perabot kayu seperti ditunjukkan dalam *Rajah 1*. Bahan mentah diperoleh secara mampan melalui penebangan terpilih dari ladang hutan mampan. Pembuatan yang cekap sumber akan membolehkan sisa pengeluaran dimasukkan semula ke dalam proses pembuatan bagi menghasilkan produk lain atau menjana tenaga boleh baharu. Dalam ekonomi kitaran, produk akan diberi eko-label dan direka bentuk supaya berkualiti tinggi, tahan lama, boleh dibaiki, diguna semula dan dikitar semula. Dengan ini, jangka hayat produk dapat dipanjangkan selama mungkin dan apabila produk tersebut rosak, produk boleh dibaiki dan diguna semula. Produk yang tidak dapat dibaiki akan diperoleh dan dikitar semula, seterusnya dikembalikan ke dalam kitaran pembuatan sebagai input bagi produk baharu atau penjanaan tenaga boleh baharu. Proses ini akan mengurangkan penggunaan bahan mentah yang diperlukan untuk pengeluaran. Hanya sisa yang tidak dapat dielak, iaitu yang tidak dapat diguna semula atau dikitar semula akan dilupus di tapak pelupusan sanitari. Keseluruhan rantaian bekalan ekonomi kitaran adalah disokong oleh logistik hijau.

[1] *The Circular Economy in Cities and Regions*, Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD), 2019.
[2] Platform dalam talian yang membolehkan pelanggan mendapat akses kepada aset tanpa perlu memiliki aset tersebut. Contoh model ekonomi perkongsian termasuk Airbnb, Grab dan SOCAR Malaysia.

Rajah 1

Ekonomi Linear berbanding Ekonomi Kitaran



Amalan Terbaik Ekonomi Kitaran

Ekonomi kitaran sedang dilaksana di kebanyakan negara. Konsep ini memberi tumpuan kepada kecekapan sumber dan pendekatan 3R. Ekonomi kitaran menggalakkan, antara lain, reka bentuk eko, larangan ke atas plastik sekali guna serta penggunaan beg plastik biodegradasi untuk sisa organik. Pelaksanaan konsep ekonomi kitaran merangkumi seluruh rantaian nilai produk yang melibatkan penetapan peraturan dan garis panduan serta penggunaan instrumen ekonomi.

Pengeluaran

Garis panduan reka bentuk botol polyethylene terephthalate (PET)

European PET Bottle Platform telah menerbitkan garis panduan reka bentuk bagi botol PET, termasuk bahan tambahan, sistem penutupan, pelapik, label dan komponen lain untuk memudahkan produk dikitar semula. Antara lain, garis panduan ini dengan jelas tidak menggalakkan penggunaan *polyvinyl chloride colloquial* (PVC) dalam sebarang bahagian botol dan mengesyorkan penggunaan bahan yang boleh dikitar semula seperti *polyethylene* (PE) atau *polypropylene* (PP). Pada tahun 2019, beberapa pengeluar dan jenama antarabangsa telah membuat komitmen untuk menghentikan penggunaan PVC secara berperingkat dalam pelabelan dan pembungkusan, dan menggunakan sekurang-kurangnya 25% plastik yang dikitar semula dalam penghasilan botol. Kandungan minimum bahan kitar semula akan dijadikan mandatori di semua negara Eropah pada tahun 2025, dan seterusnya akan ditingkatkan secara berperingkat.

Penggunaan

Larangan penggunaan plastik sekali guna

Majlis Perbandaran Basel dan Bern di Switzerland (2019), Munich di Jerman (1992) dan Vienna di Austria (2011) telah memperkenalkan dasar yang mewajibkan penggunaan cawan, pinggan dan botol yang boleh diguna semula dalam semua acara awam. Dalam kebanyakan kes, sistem bayaran balik deposit adalah diwajibkan untuk memastikan barangan yang boleh diguna semula dipulangkan kepada gerai makanan atau penganjur acara. Kebanyakan acara awam menggunakan cawan plastik yang boleh diguna semula dan tahan memandangkan cawan tersebut dianggap selamat. Dasar tersebut telah mengurangkan penjanaan sisa plastik secara drastik dalam acara awam. Kebanyakan sisa yang dihasilkan di gerai makanan terdiri daripada sisa makanan dan tisu akan dikitar semula sebagai kompos atau biogas.

Bali, Indonesia telah melarang penggunaan plastik sekali guna seperti beg beli-belah, *styrofoam* dan penyedut minuman pada Disember 2018 menyasarkan pengeluar, pengedar, pembekal dan perniagaan. Selepas tempoh enam bulan larangan ini diperkenal, permit institusi perniagaan akan ditarik balik sekiranya tidak mematuhi larangan tersebut. Selain itu, dalam menangani isu pencemaran plastik, cadangan cukai pelancongan tambahan sedang dipertimbang untuk membiayai pembersihan pantai.



Guna semula

Botol minuman yang boleh diguna semula

Penggunaan botol minuman yang boleh diguna semula mempunyai kelebihan dari segi alam sekitar berbanding botol dan tin sekali guna. Di Jerman, sistem deposit-pengembalian wang yang mandatori untuk semua bekas minuman telah mewujudkan persaingan yang setara. Semua pengeluar botol minuman dikehendaki menyumbang dalam mekanisme pengambilan balik secara bersama. Dengan sistem ini, pengguna terdorong untuk mengembalikan semua bekas minuman dan akan dibayar untuk setiap botol yang dikembalikan. Inisiatif ini telah meningkatkan jumlah botol yang boleh diguna semula.

Pengutipan sisa

Beg plastik biodegradasi bagi kutipan sisa organik

Bandaraya Milan di Itali menggalakkan penggunaan beg plastik biodegradasi bagi kutipan sisa makanan isi rumah. Beg tersebut boleh dikompos dan boleh diproses bersama dengan sisa makanan yang dikumpul di loji pemprosesan biogas dan kompos. Selepas pengenalan sistem ini pada tahun 2012, kadar kutipan sisa bio meningkat daripada sekitar 35% kepada hampir 60% dan meletakkan Milan berada pada kedudukan antara yang tertinggi di Eropah.

Penerimagunaan teknologi hijau dalam industri akan meningkatkan keberkesanan penggunaan sumber dan menjimatkan kos pengeluaran. Dalam ekonomi kitaran, strategi yang mengoptimumkan sumber akan melibatkan peningkatan kitar semula sisa pengeluaran dan penggunaan bahan dikitar semula dalam mewujudkan produk baharu serta *reverse logistics*[16]. Dalam hubungan ini, kandungan minimum bahan dikitar semula dan standard perolehan sumber yang mampan akan ditetapkan. Bagi menyokong usaha ini, kerjasama *triple-helix* untuk inovasi akan dipergiat, terutama dalam melaksana R&D&C&I untuk menghasilkan produk bernilai tinggi daripada sisa dan menerima pakai amalan terbaik dalam aktiviti kitar semula. Perniagaan akan digalakkan untuk melabur dalam pembangunan teknologi dan produk hijau serta industri kitar semula sisa. Syarikat yang menjalankan aktiviti kitar semula sisa tempatan yang bernilai tinggi ditambah dan menggunakan teknologi hijau akan terus layak mendapat Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Aktiviti ini termasuk kitar semula sisa pertanian atau produk sampingan pertanian, kitar semula sisa toksik atau bukan toksik, kitar semula bahan kimia dan getah yang diambil semula serta pengeluaran papan panel atau produk berasaskan kayu yang dibentuk semula. Untuk layak, perniagaan hanya dibenarkan untuk kitar semula sisa yang diperoleh dari dalam negara dan pengimportan sisa daripada luar negara tidak dibenarkan.

Melaksana Peluasan Tanggungjawab Pengeluar

Peluasan tanggungjawab pengeluar (EPR) merupakan pendekatan dasar yang meletakkan tanggungjawab kepada pengeluar untuk merawat dan melupuskan produk yang telah digunakan sama ada melalui tindakan kendiri atau sumbangan kewangan. Tanggungjawab berkenaan akan mendorong pengeluar untuk mengurangkan sisa di punca dan menggalakkan pengeluaran produk mesra alam. Dalam hubungan ini, peraturan baharu bagi buangan peralatan elektrik dan elektronik (e-sisa) isi rumah akan diperkenal bagi pelaksanaan EPR untuk e-sisa. Pendekatan EPR juga akan diperluas untuk meliputi lain-lain jenis dan aliran sisa, terutama bahan pembungkusan dan plastik sekali guna. Peraturan berkaitan, instrumen ekonomi dan mekanisme pemantauan akan disediakan untuk membolehkan pengeluar dan peruncit melaksana EPR bagi jenis sisa yang lain. Pelaksanaan EPR akan disokong melalui sistem pengambilan balik oleh pengeluar atau pemilik jenama serta menerima pakai prinsip pengguna yang membayar dan pencemar yang membayar.

Memperkukuh Pengurusan Sisa

Pengurusan sisa pepejal akan diperkukuh untuk memastikan pematuhan kepada standard sedia ada bagi mencapai matlamat sisa sifar. Penguatkuasaan pengasingan sisa di punca dan pelaksanaan inisiatif 3R akan dipergiat, terutama di kawasan bandar. Fasiliti untuk pengumpulan, pengasingan dan kitar semula sisa akan ditambah, terutama di kawasan perumahan, institusi dan komersial. Kerajaan negeri yang masih belum menerima pakai Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 akan disaran untuk menggubal atau meminda undang-undang kecil dan ordinan yang berkaitan bagi memastikan semua jenis sisa diurus secara menyeluruh. Penguatkuasaan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Komersial, Perindustrian dan Keinstitusian) 2018 dan Peraturan-Peraturan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (Skim bagi Sisa Pepejal Pembinaan) 2018 akan memastikan semua sisa diasingkan di punca bagi membolehkan rawatan, kitar semula dan pelupusan yang teratur. Pangkalan data yang komprehensif untuk semua jenis sisa juga akan dibangunkan bagi pemantauan yang lebih baik dan menyokong inisiatif ekonomi kitaran.

Beberapa kemudahan pengurusan sisa bersepadu akan dibina bagi mempertingkat keberkesanan pengurusan sisa. Kemudahan bersepadu ini menggabungkan kemudahan pemerolehan semula bahan untuk mengelas dan mengasingkan sisa; kemudahan rawatan termasuk pengurai anaerob, pengompos dan insinerator; serta tapak pelupusan sanitari. Penggunaan kemudahan bersepadu ini akan dimanfaatkan sepenuhnya untuk mengurus jenis sisa yang berlainan seperti sisa pepejal dan sisa industri serta kumbahan. Langkah ini akan membolehkan pengurusan sisa yang sistematik, menyeluruh dan mampan. Pembinaan kemudahan bersepadu ini mampu merawat kira-kira 95% sisa dan hanya 5% akan dilupuskan di tapak pelupusan sanitari. Dalam meningkatkan aktiviti kitar semula, pemerolehan semula dan rawatan sisa tempatan serta mempercepat peralihan kepada ekonomi kitaran, pembinaan taman eko sisa dan pembangunan teknologi pengurusan sisa akan digalakkan. Tapak pelupusan terbuka sedia ada pula akan ditutup dengan selamat dan pengimportan sisa akan dihentikan secara berperingkat.

Produk sekali guna, termasuk plastik dan bahan pembungkusan adalah tidak digalakkan, terutama di tempat makan dan acara awam. Usaha ini akan dilaksana melalui kerjasama dengan pihak berkepentingan yang berkaitan seperti pemilik restoran dan kompleks beli-belah serta penganjur acara awam. Pihak berkepentingan akan digalakkan untuk menggunakan produk alternatif yang bersih, mesra alam dan senang diperoleh, seperti perkakasan yang boleh diguna semula, biodegradasi atau tahan lasak.

[16] Proses melaksana, mengawal dan merancang aliran barangan siap, bahan mentah dan barangan dalam proses secara kos efektif. Aliran *reverse logistics* bermula daripada titik penggunaan (iaitu pengguna) kepada titik permulaan (iaitu pengilang) untuk melupus barangan secara teratur atau mendapatkan semula nilai.

Undang-undang sedia ada termasuk Akta 127 dan Akta Kastam 1967 akan disemak semula untuk membolehkan penguatkuasaan, pemantauan dan kawalan yang lebih ketat bagi import dan eksport sisa. Pindaan terkini ke atas klasifikasi plastik di bawah Konvensyen Basel Mengenai Kawalan Pergerakan Rentas Sempadan Buangan Berbahaya dan Pelupusannya akan dikuatkuasakan pada tahun 2021. Susulan daripada penguatkuasaan ini, negara pengeksport perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada negara pengimport sebelum pergerakan sisa rentas sempadan berlaku. Selain itu, pemeriksaan di lokasi dan pengesahan bagi semua jenis sisa import akan dipertingkat. Langkah ini untuk memastikan sisa yang diimport adalah selamat untuk dirawat dan dikitar semula sebagai bahan untuk pengeluaran bagi menyokong ekonomi kitaran. Pada masa yang sama, usaha untuk mengesan dan menghapuskan operator sisa haram akan dipergiat dan penalti yang lebih berat akan dikenakan bagi membendung aktiviti haram.

Strategi A3

Menggalakkan Perkongsian Tanggungjawab dalam Mencegah Pencemaran

Tanggungjawab untuk melindungi alam sekitar akan dikongsi bersama oleh kerajaan dan semua pihak berkepentingan. Bagi mencegah pencemaran, kesihatan bumi akan diarus perdana dalam dasar, perancangan dan pelaksanaan pembangunan. Dalam hubungan ini, usaha akan dipergiat untuk mengutamakan kesihatan alam sekitar serta melaksana pengurusan bahan kimia dan bahan berbahaya secara mesra alam. Usaha ini selari dengan Matlamat 6, 11 dan 12 Agenda 2030 dan akan menjadikan alam sekitar lebih sihat sebagai asas untuk kualiti hidup yang lebih baik.

Mengutamakan Kesihatan Alam Sekitar

Alam sekitar dan kesihatan manusia adalah saling berhubung kait. Oleh itu, kesihatan alam sekitar perlu diberi keutamaan bagi mengurangkan risiko kepada semua hidupan, khususnya manusia. Akta 127 akan dikaji semula bagi menangani isu alam sekitar secara efektif termasuk isu baru muncul. Di samping itu, peraturan, pelan induk dan garis panduan baharu akan disediakan manakala yang sedia ada akan ditambah baik. Inisiatif ini termasuk pengenalan peraturan mengenai e-sisa isi rumah, pelan induk udara bersih dan garis panduan untuk menguruskan kenderaan tamat tempoh jangka hayat serta modul amalan hijau untuk bahan kimia dan sisa berjadual dari industri. Usaha penguatkuasaan alam sekitar akan dipergiat dan ditambah baik. Usaha ini akan dilaksana melalui sistem pengawasan dan penguatkuasaan pintar, sistem pematuhan kendiri dalam talian oleh industri, sistem *hydrocarbon fingerprinting* untuk menangani tumpahan minyak di laut dan sistem maklumat geospatial alam sekitar. Tambahan pula, pasukan petugas khas cegah jenayah alam sekitar yang melibatkan agensi penguatkuasaan berkaitan alam sekitar dan PDRM telah ditubuhkan pada September 2020 untuk membanteras jenayah alam sekitar melalui kerjasama strategik. Bagi membolehkan tindakan segera diambil ke atas penjenayah alam sekitar, pasukan petugas khas cegah jenayah alam sekitar akan diperkasa untuk menguatkuasakan Akta 127 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Selain itu, kajian untuk menentukan daya tampung oleh ruang udara, sungai dan tanah dalam menyerap bahan pencemar akan dijalankan, terutama di kawasan berisiko tinggi untuk memudah cara penguatkuasaan.

Aktiviti yang ditetapkan di bawah Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) akan diperluas bagi memperkukuh pengurusan alam sekitar. Dalam menyokong usaha ini, kajian menilai keberkesanan EIA dan pengenalan penilaian Strategik Alam Sekitar[17] (SEA) akan dijalankan. Akta Perikanan 1985 akan disemak semula untuk memasukkan impak daripada pembangunan kawasan pesisir terhadap ekosistem perikanan. Tambahan pula, penilaian impak kesihatan dan sosial akan dipertingkat bagi menyokong proses membuat keputusan berasaskan bukti dan risiko yang termaklum.

Selaras dengan konsep pengeluaran yang lebih bersih, pemilik premis dan pemaju dikehendaki mencegah pencemaran atau mengurangkan pelepasan bahan pencemar di punca. Langkah ini akan dilaksana melalui pencegahan dan pengawalan pelepasan yang lebih baik. Pemilik premis dan pemaju projek juga dikehendaki mengemukakan laporan secara berkala kepada pihak berkuasa. Oleh itu, syarat baharu bagi mencegah pencemaran alam sekitar akan dikuat kuasa. Syarat baharu ini telah termaktub dalam Akta 127 dan standard lain, termasuk JKR *Standard on Environmental Protection and Enhancement Works*. Dalam meningkatkan pematuhan industri kepada undang-undang dan standard alam sekitar, latihan teknikal dalam bidang yang berkaitan serta program pensijilan profesional untuk pemain industri akan dipertingkat.

Pelaksanaan Pelan Pengurusan Penghapusan Hidroklorofluorokarbon (HCFC) Malaysia (HPMP Peringkat 2) (2017-2022) akan dipercepat bagi menghapuskan penggunaan bahan yang menipiskan lapisan ozon dalam pengeluaran busa, refrigeran dan pendingin hawa. Ini juga akan memacu penggunaan dan penerimagunaan teknologi dan bahan alternatif yang lebih baik, seterusnya menghasilkan proses perindustrian yang lebih bersih dan selamat. Dengan ratifikasi Pindaan Kigali kepada Protokol Montreal mengenai Bahan-bahan yang Menipiskan Lapisan Ozon, proses dan prosedur akan diwujudkan untuk mengurangkan penggunaan hidrofluorokarbon (HFC) secara berperingkat. Pengurangan penggunaan HFC akan menyumbang kepada usaha untuk menangani isu perubahan iklim.

[17] SEA merupakan proses yang proaktif dan komprehensif yang mengenal pasti dan menilai kepentingan implikasi alam sekitar dan kelestarian bagi pelan, program dan dasar tertentu untuk memastikan implikasi tersebut diambil kira dan ditangani sepenuhnya di peringkat paling awal proses pembuatan keputusan.

Melaksana Pengurusan Bahan Kimia dan Bahan Berbahaya secara Mesra Alam

Pengurusan bahan kimia dan bahan berbahaya serta buangannya secara mesra alam, adalah penting dalam mengawal dan meminimumkan risiko daripada bahan tersebut. Dalam hubungan ini, pasukan petugas khusus akan ditubuhkan untuk menyelaras dan mengawal selia keseluruhan pengurusan bahan kimia dan bahan berbahaya, iaitu daripada peringkat pengeluaran hingga pelupusan. Kajian terperinci akan dijalankan untuk membangunkan rangka kerja kawal selia yang komprehensif dan memperkukuh tadbir urus supaya setara dengan amalan terbaik antarabangsa. Selaras dengan usaha ini, peraturan baharu akan diperkenal, manakala perundangan yang berkaitan termasuk Akta 127, Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan Akta Racun 1952 akan disemak semula. Di bawah peraturan baharu ini, pemakluman dan pelaporan mengenai pengeluaran, import, eksport, penggunaan dan pengurusan bahan kimia dan bahan berbahaya akan dijadikan mandatori. Mekanisme untuk memantau pergerakan bahan tersebut dan sisanya juga akan diperkenal. Fasiliti bersepadu bagi rawatan dan pelupusan bahan buangan terjadual akan dibina untuk membolehkan pemerolehan semula, rawatan, kitar semula dan pengurusan sisa secara mesra alam. Ini akan mengurangkan aktiviti pembuangan secara haram. Pada penghujung tahun 2025, kadar kitar semula buangan terjadual disasarkan meningkat kepada 35%.

Pelaksanaan Pelan Strategi dan Tindakan bagi Pengurusan Bahan Kimia akan dipercepat. Import dan eksport produk terpilih yang mengandungi merkuri akan dilarang. Proses pembuatan produk yang menggunakan merkuri dan sebatiannya serta penggunaan racun perosak dan bahan kimia toksik yang memudaratkan alam sekitar akan dihapuskan secara berperingkat. Bahan tersebut akan diganti dengan produk alternatif yang mesra alam. Kerjasama *triple-helix* akan terus digalakkan untuk melaksana R&D&C&I dalam membangunkan lebih banyak produk mesra alam.

Strategi A4

Mempertingkat Daya Tahan terhadap Perubahan Iklim dan Bencana

Perubahan iklim memburukkan lagi skala dan intensiti bencana alam dan kejadian cuaca melampau, seterusnya meningkatkan risiko bencana berkaitan iklim. Banjir, kemarau, tanah runtuh, gempa bumi dan tsunami serta bencana berkaitan kesihatan mengancam kesejahteraan manusia, menjejaskan aktiviti ekonomi dan memusnahkan alam sekitar. Oleh itu, daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana merupakan elemen penting dalam pembangunan sosioekonomi. Dalam hubungan ini, tindakan berasaskan bukti dan risiko yang termaklum serta pendekatan bersepadu untuk merangka langkah penyesuaian kepada perubahan iklim dan pengurangan risiko bencana akan diambil dalam perancangan pembangunan. Sistem amaran awal serta langkah tindak balas, kesiapsiagaan dan pemulihan bencana akan diperkukuh. Inisiatif ini akan meningkatkan daya tahan negara untuk menghadapi impak perubahan iklim dan bencana selari dengan Matlamat 11 dan 13 Agenda 2030.

Melaksana Tindakan Berasaskan Bukti dan Risiko yang Termaklum

Impak perubahan iklim dan risiko bencana akan diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan dasar bagi membolehkan tindakan berasaskan bukti dan risiko yang termaklum. Penilaian kerentanan akan diperluas bagi meliputi lebih banyak kawasan, komuniti dan sektor yang berisiko tinggi dan sensitif termasuk kawasan cenderung dilanda banjir, kesihatan manusia dan sektor pertanian. Kerjasama rentas sektor antara agensi kerajaan dengan pihak berkepentingan yang lain juga akan diperkukuh untuk pelaksanaan yang lebih cekap dan terselaras serta proses membuat keputusan yang lebih baik. Di samping itu, data berkaitan akan disediakan kepada pihak berkepentingan, manakala proses dan prosedur bagi perkongsian data akan dibangunkan untuk memastikan integrasi data yang lebih baik.

Pemantauan dan penilaian ke atas bencana alam akan dipertingkat untuk terus menambah baik tahap kesiapsiagaan dan tindak balas terhadap bencana. Pusat data dan platform daftar risiko pelbagai bahaya akan diwujudkan bagi membolehkan perkongsian data dan maklumat yang cekap. Keupayaan model hidroiklim akan dipertingkat untuk menjelaskan perubahan iklim yang dinamik dan meramalkan variasi kerpasan. Model hidroiklim yang bersepadu dengan penilaian risiko pelbagai bahaya akan dibangunkan bagi merangkumi elemen keragaman iklim, peningkatan aras laut, luruan ribut dan air pasang luar biasa. Selain itu, peta bahaya dan risiko pelbagai skala akan diperluas untuk meliputi lebih banyak kawasan bagi mengurangkan impak ke atas sektor dan komuniti yang mudah terjejas.

Kajian menunjukkan bahawa kehilangan biodiversiti, kemerosotan ekosistem dan perubahan iklim mempunyai impak langsung ke atas penularan jangkitan penyakit zoonotik dan penyakit bawaan vektor seperti penyakit anjing gila, *Japanese encephalitis* dan denggi. Dalam hubungan ini, penyelidikan ke atas penyakit yang sensitif kepada perubahan iklim, khususnya bawaan vektor, air dan udara serta kemerosotan kualiti alam sekitar akan dipergiat. Penyelidikan yang menyeluruh akan menyumbang kepada penemuan penawar penyakit dan mewujudkan prosedur operasi standard bagi mengawal penularan penyakit.

Menggunakan Pendekatan Bersepadu bagi Adaptasi Perubahan Iklim dan Pengurangan Risiko Bencana

Perancangan yang inklusif dan pendekatan bersepadu akan digunakan dalam menangani perubahan iklim dan risiko bencana. Dasar kebangsaan mengenai pengurusan risiko bencana dan pelan daya tahan bencana di pelbagai peringkat serta pelan tindakan adaptasi kebangsaan akan dibangunkan. Pelan ini akan diintegrasikan ke dalam pelan pembangunan tempatan, struktur dan sektor untuk menambah baik perancangan dan pelaksanaan langkah yang bersesuaian. Rangka kerja yang menggariskan langkah penyesuaian dan pengurangan risiko akan dibangunkan bagi menangani bahaya geologi termasuk gempa bumi dan runtuhan tanah di dasar laut. Pelan spatial yang berkaitan akan disemak semula dengan mengambil kira langkah penyesuaian dan pengurangan risiko ini. Selain itu, pengetahuan saintifik dan tempatan akan diasimilasikan bagi menambah baik perancangan dan pelaksanaan langkah yang akan menangani impak perubahan iklim dan bencana yang kompleks dan sentiasa berubah.

Pendekatan bersepadu yang menggabungkan inisiatif struktur dan bukan struktur akan diperluas untuk mempertingkat daya tahan serta memastikan kemampanan dan keberkesanan kos. Dalam hubungan ini, pemaju projek akan terus digalakkan untuk mengambil kira peta bahaya di tapak, pelan kesiapsiagaan bencana serta insurans bencana dalam pelaksanaan projek. Bagi menyokong usaha ini, impak sosioekonomi berikutan perubahan iklim dan bencana akan dinilai supaya implikasi akibat kejadian berkenaan difahami dan diurus dengan lebih baik. Langkah penyesuaian dan pengurangan risiko berasaskan alam semula jadi juga akan dipertingkat. Langkah ini akan dilaksana melalui peluasan kawasan litupan hijau, penambahbaikan pesisir pantai serta pemuliharaan kawasan tadahan, tanah lembap dan sungai. Teknologi termasuk penderia kecerdasan buatan dan sistem amaran akan dimanfaatkan bagi memastikan tindak balas yang lebih berkesan terhadap bencana.

Mempertingkat Sistem Amaran Awal dan Tindak Balas terhadap Bencana

Sistem amaran awal dan tindak balas terhadap bencana akan ditambah baik bagi memastikan komuniti yang berisiko lebih bersedia untuk mengambil tindakan sebelum impak bencana berlaku, seterusnya menyelamatkan nyawa dan mengurangkan kerugian harta benda. Penggunaan analitis data raya dan kecerdasan buatan dalam sistem ramalan dan amaran awal akan membolehkan jangkaan dan mitigasi risiko bencana yang lebih baik. Sistem bersepadu bagi ramalan cuaca dan banjir serta amaran awal banjir akan diperluas untuk meliputi lebih banyak lembangan sungai yang berisiko tinggi. Sistem pemantauan gempa bumi dan amaran awal tsunami juga akan diperkukuh untuk tindak balas yang lebih baik. Kerjasama dengan semua pihak berkepentingan, terutama sektor swasta akan dipergiat untuk menyebarkan maklumat amaran awal kepada orang awam dengan berkesan.

Penyelarasan dalam kalangan agensi berkaitan pengurusan bencana akan diperkukuh bagi terus menambah baik kecekapan langkah tindak balas terhadap bencana, termasuk bencana berkaitan kesihatan. Pengukuhan ini akan disokong dengan meningkatkan bilangan latihan teknikal dan simulasi, termasuk dengan pasukan respons bencana serantau dan antarabangsa. Pihak berkepentingan, terutama sektor swasta dan CSO akan juga digesa untuk terlibat secara aktif dalam tindak balas terhadap bencana dan usaha pemulihan. Program Pengurusan Risiko Bencana berasaskan Komuniti dan Pasukan Respons Kecemasan Pertahanan Awam untuk Komuniti yang diterajui oleh agensi berkaitan pengurusan bencana serta pihak berkepentingan setempat akan terus dilaksana. Program ini akan memperkasa komuniti setempat untuk mengambil tindak balas awal terhadap bencana. Keupayaan komuniti yang tinggal di kawasan cenderung bencana akan diperkukuh melalui perkongsian pengetahuan dan latihan praktikal serta penganjuran latihan berkala dengan lebih kerap.

Mempertingkat Kesiapsiagaan terhadap Bencana dan Pemulihan

Pendekatan bina semula yang lebih baik akan terus digunakan sebagai satu daripada langkah kesiapsiagaan dan pemulihan bencana bagi mempertingkat daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana, seterusnya melindungi hasil pembangunan. Dalam hubungan ini, pembinaan semula bangunan dan infrastruktur yang rosak serta pembangunan baharu akan dikehendaki untuk mematuhi garis panduan perancangan dan pembangunan serta garis panduan pembinaan dan standard bangunan yang berdaya tahan. Manakala, pembangunan baharu di kawasan berisiko tinggi, cenderung dilanda banjir dan sensitif alam sekitar, termasuk tanah tinggi akan dikawal selia dengan ketat. Di samping itu, kod bangunan sedia ada akan dikaji semula, manakala bangunan dan infrastruktur penting akan diretrofit.

Pendekatan bina semula yang lebih baik juga akan diterima pakai bagi membantu komuniti yang terjejas untuk kembali pulih selepas bencana. Sumber pendapatan alternatif akan dikenal pasti untuk membolehkan komuniti yang terjejas mengekalkan kelangsungan hidup. Di samping itu, perkhidmatan kaunseling kepada komuniti yang terjejas akan dipertingkat untuk membantu mereka menangani trauma yang dihadapi. Usaha ini akan menambah baik keupayaan komuniti yang terjejas untuk membina semula kehidupan dengan lebih cepat.

Bidang Keutamaan B

Mengurus Sumber Asli dengan Cekap bagi Melindungi Aset Semula Jadi

Pengurusan sumber asli yang cekap akan memastikan kemampanan aset semula jadi dan pertumbuhan ekonomi serta kesihatan bumi. Oleh itu, adalah penting untuk menyeimbangkan antara penggunaan sumber bagi pembangunan sosioekonomi dan perlindungan aset semula jadi. Bagi tujuan ini, tumpuan akan diberi untuk memulihara ekosistem, melindungi spesies dan sumber genetik, memastikan sumber digunakan secara mampan dan faedahnya dikongsi serta menambah baik pemuliharaan sumber air.



Strategi B1

Memulihara Ekosistem Semula Jadi

Pemuliharaan ekosistem yang berterusan adalah penting bagi memastikan habitat semula jadi dilindungi dan bersambung secara ekologi. Dalam hubungan ini, pemuliharaan kawasan terestrial, air daratan, pesisir pantai dan marin akan dipertingkat melalui perlindungan, pemulihan dan ketersambungan habitat. Kepentingan ekosistem akan diarus perdana dalam perancangan dan pembangunan sosioekonomi. Inisiatif ini akan mempertingkat daya tahan dan keupayaan ekosistem untuk menyediakan perkhidmatan ekologi secara berterusan bagi kemampanan biodiversiti dan menyokong pertumbuhan sosioekonomi, selari dengan Matlamat 14 dan 15 Agenda 2030.

Mempertingkat Langkah Pemuliharaan bagi Kawasan Terestrial dan Air Daratan

Pewartaan kawasan perlindungan bagi terestrial dan air daratan akan dipergiat melalui pewujudan pasukan petugas khas. Di samping itu, rangka kerja bagi kaedah-kaedah lain yang berkesan bagi pemuliharaan berlandaskan kawasan[18] (*other effective area-based conservation measures*-OECM) akan dibangunkan. Usaha ini adalah untuk meningkatkan pemuliharaan kawasan semula jadi, termasuk geopark dan air daratan bagi mengekalkan sekurang-kurangnya 50% kawasan litupan hutan berbanding keseluruhan kawasan tanah. Penanaman semula, pemuliharaan dan pengayaan hutan akan dipergiat melalui kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan. Sektor swasta akan digalakkan untuk menyertai dengan aktif dalam program pemuliharaan hutan. Syarikat lain digalakkan untuk mencontohi komitmen yang dibuat oleh Nestle untuk menanam tiga juta pokok menjelang 2023 melalui Projek RELeaf. Di samping itu, ketersambungan empat kompleks hutan utama[19] di Semenanjung Malaysia akan ditambah baik dengan mempercepat pewujudan koridor ekologi di bawah inisiatif CFS. Pada masa yang sama, pengurusan dan pemuliharaan kawasan berhutan di Sabah dan Sarawak akan terus dipertingkat melalui inisiatif HoB yang sedang dilaksana. Kerajaan negeri akan diminta supaya mengadakan sesi pendengaran awam sebelum sebarang pembatalan pewartaan bagi kawasan hutan simpan kekal (HSK) dan Estet Hutan Kekal (PFE).

[18] Kawasan yang dikenal pasti secara geografi selain daripada kawasan perlindungan, yang ditadbir dan diurus sebagai usaha untuk mencapai outcome jangka panjang yang positif dan mampan bagi pemuliharaan biodiversiti dalam habitat, dengan fungsi dan perkhidmatan ekosistem yang berkaitan.

[19] Kompleks hutan di (i) Banjaran Titiwangsa-Banjaran Bintang-Banjaran Nakawan; (ii) Taman Negara-Banjaran Timur; (iii) Wetlands Pahang Tenggara, Tasik Chini, Tasik Bera; dan (iv) Taman Negara Endau Rompin-Rizab Hidupan Liar Kluang, yang meliputi kebanyakan negeri di Semenanjung Malaysia.

Mempertingkat Langkah Pemuliharaan bagi Kawasan Pesisir Pantai dan Marin

Pemuliharaan dan pengurusan kawasan pesisir pantai dan marin akan dipertingkat, terutama dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Usaha ini akan dilaksana melalui program pemulihan seperti menyuburkan pantai, menanam pokok bakau dan menempatkan tukun tiruan. Pemuliharaan kawasan ini juga akan dipergiat dengan membangunkan, melaksana dan menyemak semula pelan pengurusan bagi kawasan perlindungan marin (MPA). Selain itu, kajian akan dilaksana untuk mengenal pasti kawasan yang berpotensi diwartakan sebagai MPA. Rangka kerja OECM juga akan dibangunkan bagi kawasan pesisir pantai dan marin. Pelan Tindakan Serantau mengenai Inisiatif Segitiga Terumbu Karang akan dikaji semula untuk memberi tumpuan bagi menambah baik kesihatan ekosistem pesisir pantai dan marin, memastikan jaminan bekalan makanan dan meningkatkan daya tahan kawasan berkenaan terhadap perubahan iklim. Pelan rangka tindakan ekonomi biru[20] juga akan diperkenal untuk mentadbir kawasan pesisir pantai dan marin serta sektor sosioekonomi yang berkaitan. Pelan rangka tindakan ini akan mengambil kira langkah bagi memanfaatkan sepenuhnya penggunaan sumber laut, mewujudkan sumber pendapatan alternatif serta melaksana penilaian risiko, termasuk impak perubahan iklim dan bencana kepada rakyat dan perniagaan. Tambahan pula, langkah untuk menangani isu serpihan dan pencemaran di laut akan diperkenal untuk melindungi ekosistem marin.

Mengarus Perdana Sains dan Pendekatan Ekosistem Semula Jadi dalam Perancangan Pembangunan

Sains dan pendekatan ekosistem semula jadi akan diarus perdana dalam perancangan pembangunan dan proses membuat keputusan bagi memastikan perkhidmatan ekosistem tidak terganggu. Dalam hubungan ini, kawasan semula jadi yang penting seperti kawasan Pemuliharaan Bernilai Tinggi[21], Kawasan Penting Burung dan Biodiversiti serta kawasan laut terutama yang sensitif[22] (*Particularly Sensitive Sea Area*) akan diiktiraf dan dilindungi. Pemetaan spatial kawasan penting dan ekosistem yang mudah terjejas seperti kawasan tanah gambut, air daratan dan pinggir sungai akan dilaksana untuk memudahkan usaha pemuliharaan.

Nilai perkhidmatan ekosistem akan dimasukkan dalam proses membuat keputusan dengan mengguna pakai pendekatan yang bersesuaian, termasuk *The Economics of Ecosystems and Biodiversity* (TEEB). Di samping itu, usaha untuk memantau kesihatan ekosistem termasuk kesuburan tanah akan terus dipergiat bagi memulihara ekosistem yang terjejas. SEA juga akan diperkenal untuk mengarus perdana pertimbangan alam sekitar di peringkat paling awal proses pembuatan keputusan. Selain itu, aktiviti pembangunan dan tebus guna tanah di pesisir pantai akan dikaji semula untuk menilai impak alam sekitar dan ekologi ke atas ekosistem.

Kawasan hijau seperti hutan bandar dan taman rekreasi serta kawasan biru termasuk tanah lembap dan tasik di bandar akan terus diperluas untuk mengawal iklim mikro setempat dan menyokong biodiversiti. Dalam hubungan ini, pelan tindakan pemuliharaan biodiversiti bandar akan dirangka sebagai panduan kepada PBT dalam meningkatkan daya huni di kawasan bandar. Kawasan perbandaran baharu akan digalakkan untuk mewujudkan lebih banyak kawasan hijau dengan spesies tumbuhan tempatan bagi memulihkan biodiversiti di kawasan tersebut.

Strategi B2

Melindungi dan Memulihara Spesies dan Sumber Genetik

Malaysia diiktiraf sebagai satu daripada negara mega diversiti dan merupakan habitat kepada pelbagai spesies fauna dan flora. Spesies ini, antaranya ialah 15,000 spesies tumbuhan vaskular, 306 spesies mamalia, 742 spesies burung, 242 spesies amfibia, 567 spesies reptilia, 449 spesies ikan air tawar, 1,619 spesies ikan marin dan lebih daripada 150,000 spesies invertebrata[23]. Terdapat keperluan mendesak untuk melindungi dan memulihara pelbagai sumber biologi bagi mencegah lebih banyak kehilangan spesies dan kemerosotan genetik. Oleh itu, spesies dan sumber genetik akan dilindungi dengan memperkukuh pengurusan dan mempertingkat pemuliharaan. Usaha ini akan memastikan spesies fauna dan flora liar negara adalah dilindungi, selari dengan Matlamat 14 dan 15 Agenda 2030.

[20] Penggalakkan pengurusan sumber laut yang lebih baik bagi pembangunan mampan. Konsep ini bermatlamat untuk menambah baik kesejahteraan manusia dan kesaksamaan sosial, di samping mengurangkan dengan ketara risiko alam sekitar dan kemerosotan ekologi.

[21] Kawasan hutan yang memiliki ciri tertentu yang menjadikan kawasan tersebut mempunyai nilai untuk biodiversiti dan manusia.

[22] Kawasan laut yang memerlukan perlindungan khas melalui intervensi oleh Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) disebabkan oleh kepentingan kawasan tersebut untuk diiktiraf dengan alasan ekologi atau sosioekonomi atau saintifik dan yang mungkin terdedah kepada kerosakan akibat kegiatan maritim antarabangsa.

[23] Sumber: Laporan Kebangsaan Keenam kepada Konvensyen Kepelbagaian Biologi, 2019

Memperkukuh Pengurusan dan Pemuliharaan Spesies

Pengurusan dan pemuliharaan spesies utama di darat dan laut akan ditambah baik melalui kajian semula pelan tindakan sedia ada serta pengenalan pelan baharu. Bagi menyokong usaha ini, penyediaan inventori yang komprehensif dan penilaian kerentanan spesies dan habitatnya, terutama bagi spesies senarai merah kebangsaan akan dibuat melalui kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Kerjasama ini bertujuan untuk menyediakan maklumat asas pemetaan taburan spesies. Di samping itu, langkah pemuliharaan dalam dan di luar habitat semula jadi akan dipertingkat. Langkah ini termasuk menubuhkan santuari baharu, menaik taraf pusat pemuliharaan hidupan liar sedia ada dan menambah baik program penyediaan sumber makanan bagi haiwan pemangsa. Komponen penilaian terhadap hidupan liar dan sumber marin dalam EIA sedia ada akan diperkukuh untuk mengurangkan impak projek pembangunan baharu ke atas habitat semula jadi.

Program penguatkuasaan bersama yang strategik di peringkat kebangsaan dan negeri akan dipergiat untuk membanteras pemburuan dan perdagangan haram hidupan liar. Kerjasama serantau berkaitan penguatkuasaan untuk mengawal pencerobohan dan pemburuan haram rentas sempadan serta program pemuliharaan akan diperkukuh. Dalam menyokong usaha ini, keupayaan dan kemampuan agensi penguat kuasa akan dipertingkat untuk membanteras aktiviti haram berkaitan fauna dan flora liar. Penguatkuasaan ini termasuk ke atas aktiviti perdagangan haram dalam talian serta aktiviti penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal selia.

Mempertingkat Pemuliharaan Sumber Genetik

Usaha pengkrioawetan dan bank gen sedia ada akan diperkukuh untuk memulihara kepelbagaian sumber biologi dan genetik dengan menubuhkan pusat gen dan spesimen yang bersepadu. Di samping itu, jaringan taman botani untuk pemuliharaan flora dan pemeliharaan genetik akan diwujudkan. Pengurusan dan penguatkuasaan biokeselamatan akan diperkukuh melalui kajian semula Akta Biokeselamatan 2007 dengan memasukkan elemen tanggungan dan ganti rugi. Keupayaan dan kemampuan agensi berkaitan juga akan dipertingkat. Program kesedaran akan dipergiat untuk meningkatkan kefahaman mengenai GMO. Penekanan juga akan diberi untuk menambah baik pengurusan spesies asing bagi menghalang spesies asing daripada menjadi invasif. Langkah ini akan dilaksana melalui peningkatan libat urus dengan pihak berkepentingan dan pembangunan keupayaan. Di samping itu, kajian akan dilaksana bagi menilai kesan spesies asing terhadap ekosistem dari segi ekologi dan ekonomi.

Strategi B3

Memastikan Penggunaan Mampan dan Perkongsian Faedah

Sumber asli mesti digunakan secara mampan di sepanjang rantaian nilai untuk memanfaatkan nilai sepenuhnya. Faedah daripada penggunaan sumber asli tersebut juga perlu diagih secara saksama antara semua lapisan masyarakat. Dalam hubungan ini, usaha akan ditumpu kepada memperkukuh penggunaan sumber asli secara mampan, mempertingkat pengurusan sumber mineral, mempelbagai dana pemuliharaan serta menjamin perkongsian faedah yang adil dan saksama. Inisiatif ini akan memastikan perkongsian faedah dan penggunaan sumber asli secara mampan, selari dengan Matlamat 2, 14 dan 15 Agenda 2030.

Memperkukuh Penggunaan Sumber Asli Secara Mampan

Pengurusan hutan secara mampan akan diperkukuh dengan menambah baik pelan dan sistem pengurusan sedia ada, manakala inventori sumber hutan akan dikemas kini. Pelan pengurusan perikanan mampan akan dibangunkan bagi memastikan kemampanan penggunaan sumber laut dan menambah baik sumber pendapatan komuniti perikanan. Penilaian sumber marin secara berkala akan dilaksana untuk menyokong pelan tersebut. Dalam usaha untuk menggalakkan pelancongan yang mampan, penilaian ke atas daya tampung kawasan tapak pelancongan di darat dan laut akan dilaksana. Pemain industri akan digalakkan untuk menerima pakai amalan hijau bagi memastikan aktiviti pelancongan adalah mampan. Pelan pengurusan geopark yang mampan juga akan diwujudkan untuk memanfaatkan sepenuhnya sumber geologi.

Mempertingkat Pengurusan Sumber Mineral

Peta geospatial yang lebih tepat mengenai bahan mineral strategik akan disediakan bagi membolehkan kerajaan negeri memanfaatkan penggunaan sumber tersebut dan perancangan guna tanah. Undang-undang berkaitan mineral dan aktiviti perlombongan akan dikuat kuasa dengan ketat untuk meminimumkan kemerosotan alam sekitar daripada aktiviti ini. Prosedur operasi standard mengenai amalan perlombongan mampan akan dibangunkan, manakala operator perlombongan akan terus digalakkan untuk memperoleh penarafan kemampanan. Selain itu, penggunaan teknologi baharu akan digalakkan untuk mempertingkat kecekapan dalam perancangan, pemantauan serta menerima pakai amalan terbaik dalam penerokaan dan pemprosesan mineral. Tadbir urus subsektor mineral akan disemak semula untuk memastikan pembangunan industri yang mampan di sepanjang rantaian nilai. Lembaga pembangunan industri mineral juga akan ditubuhkan bagi mengawal selia dan memacu pembangunan subsektor mineral secara mampan.

Mempelbagai Dana Pemuliharaan

Pelan mobilisasi sumber akan dibangunkan untuk mengenal pasti mekanisme pembiayaan yang inovatif dan mampan selain dana awam. Dalam hubungan ini, instrumen ekonomi, termasuk skim bayaran untuk perkhidmatan ekosistem[24] (PES) akan diperluas. Di samping itu, perkongsian antara agensi dengan pihak berkepentingan yang berkaitan akan diperluas untuk mengurus kawasan perlindungan secara bersama. Fi dan caj bagi kemasukan ke taman negara dan negeri serta kawasan perlindungan lain akan dikaji semula bagi memasukkan nilai wajar sumber asli dan seterusnya meningkatkan hasil. Dalam usaha untuk menggalakkan kerajaan negeri memulihara kawasan perlindungan, mekanisme pelaksanaan EFT akan ditetapkan. Pengurusan tabung amanah sedia ada termasuk Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional juga akan diperkukuh. Selain itu, mekanisme REDD Plus, (*Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation and the Role of Conservation, Sustainable Management of Forest and Enhancement of Carbon Stocks in Developing Countries*[25]) akan dilaksana.

Menjamin Perkongsian Faedah yang Saksama daripada Penggunaan Sumber Asli

Akta 795 akan dikuat kuasa untuk memastikan pendapatan yang dijana daripada pengkomersialan sumber biologi dan pengetahuan tradisional dikongsi secara adil dan saksama dalam kalangan penyedia sumber. Dalam hubungan ini, keupayaan dan kemampuan Pihak Berkuasa Kompeten pada semua peringkat akan dipertingkat. Pada masa yang sama, program pendidikan dan kesedaran mengenai akses dan perkongsian faedah akan dipertingkat untuk ILC. Pengetahuan tradisional sedia ada akan didokumenkan untuk melindungi hak ILC. Sementara itu, R&D&C&I dan pelaburan dalam aktiviti penggunaan sumber biologi bagi tujuan komersial (*bioprospecting*) akan digalakkan untuk memberi nilai ke atas pengetahuan tradisional.

Strategi B4

Meningkatkan Pemuliharaan Sumber Air

Air adalah penting untuk memastikan ekosistem yang sihat dan kelangsungan semua kehidupan serta merupakan asas bagi pembangunan mampan. Sehubungan itu, adalah mustahak untuk memastikan ketersediaan dan kemampanan sumber air untuk generasi masa kini dan masa hadapan. Pemuliharaan sumber air dan menangani pencemaran air adalah kritikal dalam memastikan kemampanan sumber air bersih, selari dengan Matlamat 6 Agenda 2030.

Memperkukuh Tadbir Urus Sumber Air

Pewartaan dan perlindungan kawasan tadahan air akan dipergiat, manakala hutan riparian dan habitat tanah lembap akan dipulihara dan dilindungi untuk memastikan kemampanan sumber air serta mengurangkan risiko bencana. Tambahan pula, penerimagunaan pendekatan IRBM akan dipercepat selaras dengan Pengurusan Sumber Air Bersepadu (IWRM) untuk memaksimumkan faedah sosioekonomi, di samping memulihara ekosistem air tawar. Dalam hubungan ini, kerajaan negeri digalakkan untuk menyemak semula dan mengharmonikan perundangan berkaitan air berdasarkan Rang Undang-undang Sumber Air 2016. Inisiatif ini adalah untuk memastikan pengurusan sumber air yang komprehensif dan selaras dengan rang undang-undang berkenaan. Tadbir urus agensi berkaitan air pada peringkat Persekutuan akan ditambah baik bagi memperkukuh pelaksanaan IWRM.

Menangani Pencemaran Air

Loji rawatan air sisa yang bersepadu akan dibina untuk menambah baik pengurusan dan kawalan pembuangan efluen, terutama di kawasan perindustrian baharu. Perundangan sedia ada, temasuk Akta 127 akan dikaji semula untuk memasukkan peruntukan mengenai bahan pencemar baru muncul, terutama bahan kimia yang terdapat dalam produk farmaseutikal, racun perosak, perindustrian dan isi rumah. Kajian TMDL yang menentukan keupayaan bebanan segmen sungai akan diperluas untuk meliputi lebih banyak lembangan sungai. Kajian ini akan memberi panduan kepada kerajaan negeri dan PBT dalam menilai cadangan pembangunan sedia ada dan baharu di sepanjang koridor sungai. Sistem pemantauan pintar juga akan diwujudkan bagi membolehkan pemantauan masa nyata dan amaran awal serta memperkukuh penguatkuasaan. Denai sungai akan dibangunkan sebagai penyelesaian semula jadi untuk mencegah pencerobohan dan pencemaran sungai.

[24] Situasi yang berlaku apabila penerima faedah atau pengguna perkhidmatan ekosistem membuat bayaran secara langsung atau tidak langsung kepada penyedia perkhidmatan.
[25] Mekanisme yang dibangunkan oleh UNFCCC untuk mewujudkan nilai kewangan terhadap penyerapan karbon oleh hutan. Mekanisme ini merupakan insentif untuk mengurangkan pelepasan karbon dari kawasan berhutan serta menggalakkan pelaburan dalam inisiatif rendah karbon dan pembangunan mampan.

Bidang Keutamaan C

Memperkukuh Persekitaran yang Menyokong Tadbir Urus Berkesan

Persekitaran yang menyokong adalah penting untuk melaksana agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan dengan berkesan dan mempercepat pertumbuhan hijau. Persekitaran ini merangkumi dasar, perundangan dan rangka kerja institusi yang mantap serta pembiayaan mampan dan perkongsian tanggungjawab dalam kalangan pihak berkepentingan. RMKe-12 akan memberi fokus kepada usaha untuk memperkukuh tadbir urus alam sekitar, meningkatkan pembiayaan dan pelaburan hijau serta memupuk rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama.



Strategi C1

Memperkukuh Tadbir Urus Alam Sekitar

Tadbir urus alam sekitar akan diperkukuh untuk mempertingkat pengurusan alam sekitar dan sumber asli. Usaha akan dilaksana untuk menambah baik dasar, perundangan dan rangka institusi serta memperkukuh keupayaan PBT. Pelaksanaan inisiatif ini akan memastikan isu berkaitan alam sekitar diurus secara berkesan, selari dengan Matlamat 11, 12, 13, 14 dan 15 Agenda 2030.

Menambah Baik Dasar dan Perundangan

Dasar, perundangan dan pelan tindakan baharu akan digubal, manakala yang sedia ada akan disemak semula dan ditanda aras dengan standard dan amalan terbaik antarabangsa. Dasar Alam Sekitar Negara 2002, Dasar Perubahan Iklim Negara 2009 dan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 akan dikaji semula untuk memastikan dasar yang selaras dan komprehensif. Langkah ini bertujuan untuk menangani isu alam sekitar baru muncul dan memperkukuh pelaksanaan agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan. Perundangan berkaitan perubahan iklim juga akan digubal bagi membolehkan pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim yang lebih terselaras dan berkesan di semua peringkat. Di samping itu, aktiviti penguatkuasaan berkaitan alam sekitar akan diperkukuh bagi memastikan pelaksanaan perundangan yang berkesan dalam mencegah aktiviti yang merosakkan alam sekitar dan biodiversiti.

Memperkukuh Rangka Institusi dan Modal Insan

Rangka institusi yang kukuh adalah mustahak untuk memastikan pengurusan dan pelaksanaan dasar dan perundangan berkaitan alam sekitar yang berkesan dan terselaras. Kerajaan negeri akan disaran untuk menubuhkan pasukan petugas pembangunan mampan untuk memantau, menilai dan melapor pelaksanaan dan pencapaian inisiatif pembangunan mampan, termasuk usaha memulihara biodiversiti, menangani perubahan iklim dan pencemaran serta mengurangkan risiko bencana. Pusat kecemerlangan alam sekitar dan perubahan iklim serta biodiversiti akan diwujudkan dengan memanfaatkan institusi sedia ada. Pusat ini akan melaksana penyelidikan antara disiplin, menggalakkan hubung kait antara sains dan dasar, serta menyediakan sokongan bagi khidmat nasihat, pendidikan dan kesedaran berkaitan alam sekitar dan sumber asli. Di samping itu, tadbir urus perubahan iklim akan diperkukuh dan dijajarkan dengan obligasi negara kepada UNFCCC dan Agenda 2030.

Proses membuat keputusan berasaskan bukti dan risiko yang termaklum secara komprehensif adalah penting dalam menangani isu alam sekitar merentas sektor. Dalam hubungan ini, pusat data sehenti mengenai data alam sekitar akan diperkukuh. Bagi tujuan ini, perkongsian data antara pihak berkepentingan, termasuk sektor swasta dan CSO akan diperkemas bagi menyokong proses membuat keputusan yang lebih baik. Dalam hubungan ini, model perakaunan dan pangkalan data GHG akan dibangunkan, manakala repositori berkaitan bencana akan ditambah baik. Model ekonomi hijau juga akan dibangunkan dengan memanfaatkan Indikator Ekonomi Hijau dan Sistem Perakaunan Ekonomi-Alam Sekitar untuk Malaysia bagi menyokong perancangan ekonomi makro dan analisis impak.

Usaha akan dilaksana untuk membangunkan bakat yang berpengetahuan dan berkemahiran dalam bidang pembangunan mampan untuk memajukan pertumbuhan hijau. Sektor awam dan swasta digalakkan untuk melabur dalam pembangunan bakat yang mempunyai kemahiran yang pelbagai, terutama dalam pembiayaan hijau dan ekonomi alam sekitar. Di samping itu, kerjasama *triple-helix* akan digalakkan untuk menambah baik program akademik dalam bidang tersebut.

Libat urus dan kerjasama dengan sektor swasta, akademia, dan CSO akan terus dipergiat untuk memastikan tindakan segera dan bersepadu oleh semua pihak berkepentingan bagi mencapai Agenda 2030. Kerjasama dan dialog berkaitan dasar mengenai pembangunan mampan di peringkat serantau dan antarabangsa juga akan digalakkan untuk melengkapkan usaha negara dalam mempercepat Agenda 2030. Di samping itu, kerjasama dalam kalangan negara ASEAN untuk mencapai *net zero carbon emission* akan diusahakan. Data bagi indikator SDG akan terus diperluas dan diperkukuh untuk memantau kemajuan SDG di peringkat kebangsaan, negeri dan tempatan.

Memperkukuh Pihak Berkuasa Tempatan

PBT memainkan peranan penting dalam memastikan alam sekitar yang selamat dan sihat melalui pelaksanaan agenda pembangunan mampan negara dan *Local Agenda 21* yang berkesan dan terselaras. Dalam hubungan ini, PBT akan digalakkan untuk menubuhkan pasukan petugas pembangunan mampan seperti struktur pada peringkat Persekutuan dan negeri. Keupayaan dan kemampuan PBT akan turut ditingkatkan untuk merancang, melaksana, memantau dan menilai inisiatif pembangunan mampan secara berkesan. Di samping itu, elemen pembangunan mampan dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan akan dimantapkan untuk menilai komitmen dan menambah baik prestasi PBT. Usaha ini akan melengkapkan inisiatif pembangunan mampan sedia ada termasuk Bandar Lestari-Anugerah Alam Sekitar dan Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan bagi Bandar dan Luar Bandar Malaysia. PBT akan digalakkan untuk memanfaatkan pembiayaan daripada entiti swasta dan antarabangsa, termasuk geran sepadan bagi menyokong pelaksanaan inisiatif pembangunan mampan.

Strategi C2

Meningkatkan Pembiayaan dan Pelaburan Hijau

Pembiayaan dan pelaburan hijau akan ditingkatkan untuk menyokong pelaksanaan agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan. Oleh itu, dasar yang berkaitan akan disediakan untuk memenuhi keperluan bagi membiayai agenda ini. Penekanan akan diberi untuk mempertingkat pembiayaan dan pelaburan hijau domestik, memanfaatkan pembiayaan dua hala dan pelbagai hala, memperkukuh instrumen ekonomi alam sekitar dan menggalakkan pembiayaan risiko bencana. Inisiatif ini akan merangsang pembiayaan dan pelaburan hijau dalam menyokong pencapaian Matlamat 6, 7, 11, 12, 13, 14 dan 15 Agenda 2030.

Mempertingkat Pembiayaan dan Pelaburan Hijau Domestik

Sektor awam dan swasta, termasuk institusi kewangan akan digalakkan untuk menerima guna prinsip SDG dan ESG. Penerimagunaan ini termasuk mengintegrasikan perubahan iklim dan pertumbuhan hijau ke dalam dasar ekonomi makro, perancangan fiskal, belanjawan, pengurusan pelaburan dan amalan perolehan. Penggunaan pembiayaan dan pelaburan hijau akan digalakkan untuk semua projek pembangunan mampan dan mesra iklim, termasuk projek yang dilaksanakan melalui pendekatan kerjasama awam swasta dan oleh GLC. Strategi bersasar dengan akauntabiliti yang jelas untuk meningkatkan syer pelaburan yang selaras dengan Agenda 2030 akan dirangka. Kerangka pengukuran prestasi yang sesuai akan disediakan untuk memantau dan menilai pelaksanaan strategi ini. Bagi sektor awam, ini juga memerlukan pembangunan sistem penandaan belanjawan yang berkaitan dengan objektif pembangunan mampan.

Roadmap Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab untuk Pasaran Modal Malaysia akan meningkatkan pembentukan modal oleh perniagaan yang menerima pakai amalan mampan dan menyediakan peluang pelaburan hijau kepada pelabur. Inisiatif ini termasuk memperluas penggunaan sukuk dan bon hijau dan kelestarian merentas pelbagai sektor ekonomi, serta menggalakkan penggunaan pembiayaan alternatif kepada segmen dalam sektor hijau yang kurang diberi tumpuan. Pada April 2021, Malaysia telah menerbitkan sukuk kelestarian berdaulat yang pertama di dunia dalam dolar Amerika Syarikat (AS). Saiz terbitan asal telah ditingkatkan daripada AS$1 bilion kepada AS$1.3 bilion. Penerbitan sukuk ini telah menarik lebihan langganan sebanyak 6.4 kali. Ini menandakan keyakinan pelabur terhadap strategi pemulihan pertumbuhan dalam pembangunan semula yang lebih kukuh. Hasil sukuk ini akan digunakan untuk membiayai projek sosial dan hijau yang layak selaras dengan SDG.

Institusi kewangan akan digalakkan untuk mengambil kira elemen kemampanan dalam portfolio dan proses perniagaan serta membangunkan kad laporan pencapaian bagi menyokong projek pembangunan mampan. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim serta taksonomi berdasarkan prinsip dan perubahan iklim, yang mengkategorikan aktiviti ekonomi berdasarkan impak ke atas perubahan iklim, akan dimanfaatkan. Taksonomi ini akan memudah cara aliran kewangan kepada aktiviti yang menyokong kemajuan dalam pertumbuhan hijau. Institusi kewangan akan digesa untuk menyertai rangkaian

kerjasama antarabangsa melalui platform dan institusi bersesuaian seperti *United Nations Principles for Responsible Investment*. Institusi kewangan ini digalakkan menerima guna saranan *Task Force on Climate-related Financial Disclosures* untuk meningkatkan ketelusan dalam mengintegrasikan risiko perubahan iklim bagi pembuatan keputusan. Saranan ini adalah untuk meningkatkan ketelusan integrasi pertimbangan berkaitan risiko perubahan iklim dalam proses membuat keputusan perniagaan. Institusi kewangan akan memperkukuh kemampuan mereka untuk membolehkan penilaian yang berkesan ke atas cadangan projek hijau dan menyokong amalan mampan dalam kalangan pelanggan.

Pandemik COVID-19 telah mendorong penerapan konsep ESG ketika syarikat di seluruh dunia menyedari keperluan untuk menerima guna amalan yang lebih mampan bagi mengelak risiko kewangan dan alam sekitar dalam jangka panjang. Dalam hal ini, pertimbangan ESG semakin diintegrasikan ke dalam pembuatan keputusan oleh institusi kewangan, pelabur institusi dan pelabur lain. Syarikat-syarikat Malaysia semakin mengakui dan menerima keperluan untuk meningkatkan penerapan konsep ESG. KWSP telah melancarkan dasar pelaburan mampan dan mengumumkan hasratnya untuk memiliki portfolio yang patuh ESG sepenuhnya pada tahun 2030. Bursa Malaysia juga telah memperkukuh usaha untuk menggalakkan syarikat yang tersenarai menerima pakai ESG.

Memanfaat Pembiayaan Dua Hala dan Pelbagai Hala

Peralihan ke arah pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan memerlukan sumber kewangan yang besar. Oleh itu, mekanisme yang sesuai bagi meningkatkan ketelusan, akauntabiliti dan daya tarikan pelaburan akan diperkukuh untuk memanfaat pembiayaan luar dua hala dan pelbagai hala dalam menangani jurang pembiayaan domestik. Mekanisme berpusat akan diwujudkan bagi menyelaras dan menggerakkan pembiayaan dua hala dan pelbagai hala, memanfaatkan pelaburan sektor swasta, memperkukuh penyelarasan merentas sektor dan menambah baik keberkesanan penggunaan dana. Kemudahan kewangan tersebut akan dijajar dengan keutamaan negara bagi mencapai outcome yang berkesan dan mampan.

Mempertingkat Instrumen Ekonomi Alam Sekitar

Penggunaan instrumen ekonomi alam sekitar berasaskan prinsip pengguna yang membayar dan pencemar yang membayar akan diperluas untuk menggalakkan ekonomi kitaran, mengurangkan pencemaran alam sekitar dan mencegah kerosakan ekosistem. Oleh itu, adalah penting bagi memastikan dasar dalam kalangan pelbagai peringkat kerajaan diselaraskan. Dalam hubungan ini, kajian yang komprehensif akan dilaksana ke atas opsyen instrumen ekonomi, termasuk PES dan *carbon pricing*, serta kos dan faedah yang berkaitan. Fi dan caj sedia ada berkaitan alam sekitar akan disemak semula bagi mencerminkan nilai wajar dan kutipan tersebut akan digunakan untuk menyokong usaha perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Tambahan pula, subsidi yang menjejaskan alam sekitar akan diganti dengan subsidi yang menggalakkan kelestarian alam sekitar.

Menggalakkan Pembiayaan Risiko Bencana

Liabiliti pasca bencana akan diurus dengan berkesan untuk mengurangkan beban kewangan Kerajaan. Sementara itu, sumber kewangan tambahan akan diperoleh melalui dana bantuan bencana alternatif yang disumbang oleh sektor swasta, CSO dan individu. Kajian akan dijalankan bagi menilai kebolehlaksanaan sistem perlindungan sosial yang fleksibel melalui mekanisme pindahan risiko bencana[26], termasuk insurans risiko bencana. Tambahan pula, pembiayaan dan pelaburan untuk pembangunan yang berdaya tahan terhadap perubahan iklim dan mesra alam akan ditingkatkan bagi menyokong usaha mengurangkan risiko bencana.

Strategi C3

Memupuk Rasa Pemilikan dan Tanggungjawab Bersama

Rasa pemilikan dan tanggungjawab bersama dalam kalangan pihak berkepentingan bagi perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar adalah pemboleh daya utama untuk memastikan pelaksanaan agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan yang lancar dan berkesan. Selari dengan pendekatan keseluruhan negara, usaha akan ditumpu untuk memacu perubahan tingkah laku, termasuk menerima pakai pendekatan *behavioural insights*[27]. Di samping itu, kerjasama pihak berkepentingan akan ditingkatkan dalam melindungi dan memulihara alam sekitar. Pelaksanaan usaha ini akan mempertingkat kesedaran serta mengubah minda dan tingkah laku masyarakat untuk mengamalkan gaya hidup lebih mampan, seterusnya menyokong pencapaian Matlamat 6, 7, 11, 12, 13, 14 dan 15 Agenda 2030.

[26] Pemindahan tanggungjawab atau bebanan kerugian akibat bencana kepada pihak lain melalui perundangan, insurans atau dalam bentuk lain.
[27] Pendekatan inklusif dalam menggubal dasar yang menggabungkan pandangan dari sudut psikologi, sains kognitif dan sains sosial dengan hasil yang diuji secara empirikal bagi mengetahui cara sebenar manusia membuat pilihan.

Mempertingkat Kesedaran untuk Memacu Perubahan Tingkah Laku

Inisiatif komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) akan dipergiat untuk menggalakkan perubahan minda dan tingkah laku. Selain itu, inisiatif ini juga akan mempertingkat perkongsian tanggungjawab dalam melindungi alam sekitar, memulihara biodiversiti dan mengurangkan risiko bencana. Pelan tindakan CEPA yang menyeluruh dan bersasar akan dibangunkan, manakala jaguh alam sekitar akan dikenal pasti dan diperkasa sebagai ejen perubahan. Teknologi termaju akan juga diguna untuk melaksana inisiatif CEPA dengan berkesan. Pembelajaran berasaskan pengalaman dalam kalangan pelajar akan dipertingkat melalui peluasan aktiviti kurikulum berkaitan alam sekitar bagi memastikan pendedahan awal kepada kemampanan dan kesedaran alam sekitar. Belia akan digalakkan untuk terlibat secara aktif dalam memperjuang program kesedaran alam sekitar dan kemampanan. Dalam hubungan ini, guru dan pemimpin komuniti setempat akan dilengkapkan dengan kemahiran yang bersesuaian melalui program latihan untuk jurulatih.

Amanah Lestari Alam, sebuah syarikat berhad menurut jaminan akan dimanfaatkan untuk menyokong pelaksanaan inisiatif pendidikan berkaitan alam sekitar dan kelestarian di sekolah dan institusi pendidikan tinggi serta program kesedaran. Syarikat ini akan menggerakkan dana daripada sektor awam dan swasta serta organisasi antarabangsa. Amanah Lestari Alam akan membantu memupuk dan mencetus perubahan minda dan tingkah laku merentas generasi serta pada masa yang sama menerap budaya *whistle-blowing* untuk mencegah tindakan yang merosakkan alam sekitar.

Pendekatan *behavioural insights* akan diterima pakai untuk memacu perubahan minda dan tingkah laku, terutama melalui penyediaan kemudahan yang bersesuaian, pelabelan produk dan sistem ganjaran serta penerapan dalam amalan kepercayaan. Usaha ini akan meningkatkan kesedaran alam sekitar dan menyumbang kepada gaya hidup mampan. Di samping itu, kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan akan diperkukuh untuk menggalakkan penerimagunaan *behavioural insights*.

Menggalakkan Kerjasama yang Inklusif antara Pihak Berkepentingan

Platform sedia ada bagi dialog dan perkongsian pengetahuan akan dipertingkat di samping mewujudkan platform baharu untuk mempromosi visi bersama mengenai perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar. Platform ini juga akan menggalakkan semangat kesukarelawanan dan kerjasama yang kukuh dalam kalangan pihak berkepentingan. Tambahan pula, penglibatan komuniti dan sektor swasta dalam program perlindungan dan pemuliharaan alam sekitar akan terus digalakkan termasuk melalui inovasi teknologi dan media sosial. ILC juga akan diperkasa dalam pemuliharaan kawasan semula jadi melalui pemantauan sumber berasaskan komuniti dan *citizen science*[28]. Kejayaan inisiatif Sahabat Sungai oleh komuniti dalam menyokong perlindungan, pemulihan dan penggunaan sungai secara mampan akan direplikasi. Sumbangan daripada sektor swasta termasuk institusi kewangan akan diselaras dengan lebih baik untuk menyokong usaha melaksana pelbagai aktiviti pemuliharaan.

[28] Amalan penglibatan dan kerjasama orang awam dalam penyelidikan saintifik untuk meningkatkan pengetahuan saintifik.

Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, langkah telah diambil untuk melaksana agenda pertumbuhan hijau dengan memperkukuh tadbir urus, memulihara sumber asli, menangani perubahan iklim dan mengurangkan risiko bencana. Namun begitu, masih terdapat cabaran melibatkan penggunaan dan pengeluaran yang tidak mampan, kehilangan biodiversiti dan persekitaran yang kurang menyokong pertumbuhan hijau. Pertumbuhan hijau akan dipercepat dalam RMKe-12 dengan melaksana agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan melalui pendekatan keseluruhan negara. Strategi utama termasuk mempertingkat daya tahan terhadap perubahan iklim dan bencana, menerima guna ekonomi kitaran, mengarus perdana prinsip SDG dan ESG dalam membuat keputusan pelaburan, perkongsian tanggungjawab dalam menuju negara rendah karbon, melaksana strategi berasaskan bukti dan risiko yang termaklum, memastikan perkongsian faedah secara saksama dan memacu perubahan tingkah laku. Pelaksanaan dasar dan strategi yang berkesan di bawah agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan, disokong oleh perubahan minda dan tingkah laku akan menyumbang kepada pertumbuhan yang mampan dan kesihatan bumi yang lebih baik serta pencapaian Agenda 2030.

Bab 9

Mempertingkat Kemampanan Tenaga dan Mentransformasi Sektor Air

Pendahuluan 9-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 9-3
- Pencapaian Sasaran Terpilih 9-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 9-5
- Pengurangan Jurang Pembangunan antara Bandar dan Luar Bandar 9-5
- Pemuliharaan Sumber Air 9-5
- Mitigasi Perubahan Iklim 9-5
- Penyediaan Infrastruktur Berkualiti 9-5
- Penambahbaikan Perkhidmatan 9-6

Isu dan Cabaran 9-7
- Kekangan dalam Sektor Tenaga untuk Menyokong Pertumbuhan 9-7
- Pengurusan Sektor Air yang Kurang Berkesan 9-9

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 9-10
- Bidang Keutamaan A: Memastikan Tenaga yang Mampan untuk Semua 9-13
- Bidang Keutamaan B: Mentransformasi Sektor Air 9-16

Kesimpulan 9-23

9

Pendahuluan

Sumber tenaga dan air adalah asas untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Pembangunan sektor tenaga adalah berdasarkan prinsip trilema tenaga, iaitu jaminan bekalan, kemampuan untuk membayar dan kelestarian alam sekitar. Tumpuan sektor air pula adalah bagi memastikan jaminan bekalan air untuk kelangsungan hidup dan menyokong pembangunan sektor perindustrian. Dalam tempoh RMKe-11, penekanan telah diberi untuk menambah baik liputan perkhidmatan bekalan tenaga dan air, menyediakan infrastruktur yang berkualiti, memulihara sumber air dan menangani kesan perubahan iklim. Namun begitu, sektor tenaga masih berhadapan dengan pelbagai isu dan cabaran, antaranya dasar yang tidak bersepadu, pasaran minyak dan gas domestik yang menghadapi beberapa halangan serta perolehan bahan api dalam subsektor elektrik yang tidak kompetitif. Isu yang dihadapi dalam sektor air termasuk kurangnya penglibatan pihak berkepentingan dalam pengurusan sumber air, data yang tidak bersepadu, infrastruktur yang tidak mencukupi dan inovasi dalam teknologi berkaitan air yang masih terhad.

Dalam tempoh RMKe-12, kemampanan sektor tenaga akan terus diperkukuh melalui liberalisasi pasaran gas. Langkah mempergiat penerimagunaan pengurusan sumber air bersepadu (IWRM) akan menjadi asas kepada transformasi sektor air. Agenda ini bertujuan untuk mentransformasi sektor air daripada pemboleh daya ekonomi kepada penjana pertumbuhan yang dinamik pada tahun 2040. Kemampanan tenaga dan transformasi sektor air akan terus menyumbang kepada pembangunan ekonomi mampan dan kesejahteraan rakyat.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, bekalan tenaga kekal terjamin walaupun permintaan meningkat. Usaha telah dilaksana untuk memastikan kemampanan sektor tenaga melalui langkah mempelbagaikan sumber, pelaburan berterusan dalam infrastruktur baharu dan peningkatan teknologi. Bagi sektor air, kedudukan kewangan penyedia perkhidmatan telah diperkukuh. Infrastruktur baharu dibina dan infrastruktur sedia ada telah dinaik taraf untuk menyokong peningkatan permintaan dan menambah baik akses kepada perkhidmatan di kawasan luar bandar. Di samping itu, beberapa inisiatif fizikal dan bukan fizikal telah dilaksana bagi memantapkan pengurusan sungai dan perlindungan pantai.


Pencapaian Sasaran Terpilih

Sembilan sasaran telah ditetapkan bertujuan merapatkan jurang pembangunan antara bandar dan luar bandar, menangani perubahan iklim dan menyediakan infrastruktur yang berkualiti, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 9-1*. Tiga sasaran telah dicapai, iaitu bilangan rumah menerima bekalan elektrik, tambahan kapasiti penapisan minyak dan kapasiti terpasang penjanaan elektrik, manakala enam sasaran tidak tercapai disebabkan oleh pelbagai cabaran. Perancangan untuk memperkenal pelan induk pengurusan permintaan tenaga (DSM) telah diganti dengan penggubalan rang undang-undang kecekapan dan konservasi tenaga. Cabaran geografi telah mengehadkan peluasan liputan bekalan air di kawasan luar bandar, terutama di Sabah dan Sarawak. Tempoh pelaksanaan projek yang panjang telah menjejaskan pencapaian sasaran kapasiti terpasang tenaga boleh baharu (TBB), liputan perkhidmatan pembetungan bersambung di bandar utama dan pengurangan air tidak berhasil (NRW).


Paparan 9-1

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih

Merapatkan Jurang Pembangunan antara Bandar dan Luar Bandar



Bilangan Rumah Menerima Bekalan Elektrik




Bilangan Rumah Menerima Bekalan Air Bersih dan Terawat

Menangani Perubahan Iklim




Penggubalan Pelan Induk Pengurusan Permintaan Tenaga (DSM)




Kapasiti Terpasang Tenaga Boleh Baharu


Menyediakan Infrastruktur Berkualiti




Kawasan Berpenduduk Mendapat Bekalan Air Bersih dan Terawat




Liputan Perkhidmatan Pembetungan Bersambung Terutama di Bandar Utama



Tahap Air Tidak Berhasil



Tambahan Kapasiti Terpasang Penjanaan Elektrik di Semenanjung Malaysia



Tambahan Kapasiti Penapisan Minyak



[1] megawatt
[2] tong sehari

Pencapaian Inisiatif Terpilih

Pengurangan Jurang Pembangunan antara Bandar dan Luar Bandar

Peluasan liputan bekalan elektrik dan air serta perkhidmatan pembetungan telah mengurangkan ketidaksamaan pembangunan antara kawasan bandar dan luar bandar. Sehingga 2020, bilangan rumah di luar bandar yang mendapat bekalan elektrik di bawah Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) telah bertambah sebanyak 49,415. Sejak pelaksanaan program ini, sebanyak 98% daripada 2,085,140 rumah di luar bandar memperoleh akses kepada bekalan elektrik. Selain itu, liputan bekalan air luar bandar telah mencapai 96.8% melalui pelaksanaan beberapa program, termasuk Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) serta program Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS). Program BAKAS turut menyumbang kepada pencapaian 95.9% liputan sistem sanitasi di kawasan luar bandar.

Pemuliharaan Sumber Air

Pelbagai usaha pemuliharaan telah dilaksana bagi memastikan sumber air adalah berkualiti, terjamin dan mampan. Sehingga tahun 2019, sebanyak 86.6% kawasan hutan tadahan air di Semenanjung Malaysia telah diwartakan di bawah Akta Perhutanan Negara 1984 sebagai kawasan perlindungan. Piawaian kualiti air bawah tanah juga telah dibangunkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 untuk menambah baik pemantauan dan memastikan penggunaan yang selamat. Program pemuliharaan sungai yang digerakkan oleh komuniti telah dilaksana termasuk program *Friends of Rivers* (FoR) untuk meningkatkan pengawasan sungai oleh masyarakat. Program ini telah dilaksana di lebih 30 sungai melalui pelbagai aktiviti, termasuk membina laluan pejalan kaki, taman rekreasi dan kebun tanaman.

Mitigasi Perubahan Iklim

Penggunaan bahan api yang lebih bersih terus digalakkan bagi mengurangkan pelepasan gas rumah kaca untuk menangani perubahan iklim. Adunan biodiesel B10[1] yang mengandungi 10% metil ester berasaskan sawit (PME) telah diperkenalkan pada tahun 2019 untuk sektor pengangkutan. Bagi sektor perindustrian, adunan biodiesel B7[2] yang mengandungi 7% PME telah juga diperkenalkan. Standard bahan api yang lebih tinggi untuk RON95, iaitu EURO 4M telah diwartakan pada tahun 2020 bagi mengurangkan pencemaran.

Kapasiti terpasang TBB telah mencapai 7,995 megawatt (MW) pada tahun 2020 yang bersamaan dengan 22.4% daripada jumlah kapasiti terpasang bagi penjanaan elektrik. Sejumlah 856 MW TBB telah disalurkan ke grid di bawah program Solar Berskala Besar (LSS) dan Pemeteran Tenaga Bersih (NEM) yang diperkenalkan pada tahun 2016. Program LSS tertumpu kepada penjanaan tenaga oleh penjana TBB komersial, manakala NEM membolehkan pengguna menjual lebihan tenaga elektrik yang dijana daripada sistem solar fotovoltan (PV) kepada syarikat utiliti.

Beberapa inisiatif telah dilaksana untuk menambah baik kecekapan tenaga (EE), termasuk penggubalan rang undang-undang kecekapan dan konservasi tenaga pada tahun 2020 untuk mengawal selia permintaan tenaga elektrik dan penggunaan termal. Inisiatif pelabelan EE terus dipergiat melalui peluasan dua program iaitu Standard Prestasi Tenaga Minimum (MEPS) dan *National Building Energy Intensity* (BEI). Program pelabelan peralatan elektrik yang digunakan oleh isi rumah di bawah MEPS telah diperluas kepada ketuhar gelombang mikro dan periuk nasi elektrik. Dengan itu, lapan jenis peralatan elektrik telah disenaraikan sebagai cekap tenaga. Sejumlah 200 bangunan kerajaan pula telah dilabel di bawah program BEI.

Sejumlah 28 premis kerajaan termasuk 18 hospital telah diretrofit sebagai sebahagian daripada inisiatif EE untuk bangunan dalam tempoh RMKe-11. Inisiatif ini telah menyumbang kepada penjimatan penggunaan elektrik sebanyak 31.5 juta kilowatt jam (kWj), bersamaan dengan RM12.4 juta atau 24 kilotan karbon dioksida setara ($ktCO_2eq$). Sejumlah 108 bangunan perindustrian dan 109 bangunan komersial telah diaudit dan diretrofit. Langkah ini telah menyumbang kepada penjimatan penggunaan elektrik sebanyak 545 juta kWj, bersamaan dengan RM215 juta atau 318 $ktCO_2eq$.

Penyediaan Infrastruktur Berkualiti

Pada tahun 2019, fasiliti *Refinery and Petrochemical Integrated Development* (RAPID) di Pengerang, Johor telah mula beroperasi. Fasiliti ini telah meningkatkan kapasiti penapisan minyak sebanyak 300,000 tong sehari (tsh), menjadikan jumlah keseluruhan kapasiti dalam negara sebanyak 900,000 tsh. Kapasiti tambahan ini membolehkan negara memenuhi permintaan diesel domestik sepenuhnya dan mengurangkan import petrol dengan ketara. RAPID juga telah meningkatkan keupayaan untuk menghasilkan produk hiliran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi, terutama produk kimia khusus.

[1] Biodiesel dengan adunan 10% metil ester berasaskan sawit (PME) dan 90% diesel.
[2] Biodiesel dengan adunan 7% PME dan 93% diesel.

Fasiliti terapung gas asli cecair (FLNG) yang kedua milik Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS), iaitu PFLNG DUA telah siap dibina pada Ogos 2020 dan memulakan operasi komersial pada Februari 2021. Ini menjadikan PETRONAS satu-satunya syarikat di dunia yang memiliki dan menguruskan operasi dua fasiliti FLNG. Fasiliti PFLNG DUA direka bentuk untuk mengekstrak gas daripada takungan gas asli laut dalam, sehingga kedalaman 1,500 meter, yang dapat menghasilkan pengeluaran gas asli cecair (LNG) sebanyak 1.5 juta tan setahun. Teknologi terkini membolehkan hasil dijana daripada kawasan yang mempunyai sumber gas asli yang sedikit dan terpencil. Sebelum ini, kawasan ini sukar dibangunkan disebabkan cabaran teknikal dan komersial. Kejayaan ini mengukuhkan kedudukan negara dalam industri LNG pada peringkat global yang menerajui kaedah inovatif dalam memastikan daya harap dan jaminan bekalan LNG.

Sejumlah sembilan loji janakuasa baharu di Semenanjung Malaysia telah memulakan operasi dalam tempoh RMKe-11 dan ini meningkatkan kapasiti terpasang kepada 7,873 MW melebihi sasaran awal 7,626 MW. Fasiliti ini terdiri daripada loji janakuasa kitar padu gas, loji janakuasa arang batu ultra superkritikal, loji janakuasa hidroelektrik dan loji janakuasa *cogeneration*. Fasiliti ini juga telah meningkatkan kepelbagaian penjanaan elektrik dan kemampuan tindak balas teknikal sistem grid. Tambahan kapasiti penjanaan telah menambah baik jaminan dan daya harap grid nasional.

Bagi memperluas liputan bekalan air, usaha telah dilaksana untuk menaik taraf infrastruktur perkhidmatan air sedia ada dan membina infrastruktur yang baharu. Inisiatif ini telah menyumbang kepada peningkatan kapasiti loji rawatan air sebanyak 657 juta liter sehari (jlh) dan kapasiti kolam takungan bekalan air sebanyak 210 juta liter, serta pemasangan dan penggantian paip agihan air sepanjang 367 kilometer (km).

Pembetungan bersambung di bandar utama telah ditambah baik melalui pembinaan dan naik taraf tujuh buah loji rawatan kumbahan serantau dan berpusat yang juga melibatkan pemasangan rangkaian paip pembetungan berjumlah 195 km dalam tempoh RMKe-11. Keperluan untuk menyediakan fasiliti pemulihan sumber telah diambil kira dalam pembangunan beberapa loji rawatan kumbahan serantau dan berpusat. Ini adalah untuk menggalakkan pelaksanaan inisiatif merubah sisa kepada kekayaan yang dapat menyokong pengurusan kitaran air tertutup.

Infrastruktur pengairan dan saliran, khususnya untuk penanaman padi, telah dinaik taraf dan diselenggara dengan baik untuk memastikan kemampanan sektor pertanian. Inisiatif ini telah meningkatkan keluasan kawasan penanaman padi yang mempunyai infrastruktur pengairan sebanyak 10,422 hektar di dalam kawasan pembangunan pertanian bersepadu Rompin dan Pekan di Pahang, Kota Belud di Sabah serta Batang Lupar di Sarawak. Di samping itu, 1,152 petani telah dilatih dalam pengurusan air bagi menggalakkan penggunaan air yang bertanggungjawab.

Penambahbaikan Perkhidmatan

Aturan di bawah sistem akses pihak ketiga (TPA) telah dimuktamadkan untuk memastikan pihak ketiga mempunyai akses kepada fasiliti gas. Dalam hubungan ini, percubaan pertama penghantaran kargo LNG telah dilaksana pada Oktober 2019 oleh Tenaga Nasional Berhad (TNB). Penghantaran gas sebanyak 3,600 juta unit termal British (mmBtu) ke stesen janakuasa TNB di Port Dickson, Negeri Sembilan dan Klang, Selangor telah menjimatkan perbelanjaan sebanyak RM6 juta. Percubaan ini merupakan pencapaian utama dalam pelaksanaan TPA di Malaysia dan membuka peluang kepada syarikat lain untuk membawa LNG ke dalam negara.

Produktiviti dan kecekapan perkhidmatan bekalan elektrik telah meningkat dengan ketara. Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem (SAIDI) bagi Semenanjung Malaysia bertambah baik kepada 45 minit/pelanggan pada tahun 2020, berbanding sasaran 50 minit/pelanggan. Prestasi ini adalah antara yang terbaik di rantau ini. SAIDI bagi Sarawak adalah 79 minit/pelanggan pada tahun 2020, berbanding sasaran 157 minit/pelanggan. SAIDI bagi Sabah juga bertambah baik daripada 379 minit/pelanggan pada tahun 2015 kepada 189 minit/pelanggan pada tahun 2020.

Program rebat bil elektrik telah dilaksana untuk mengurangkan beban kos sara hidup rakyat. Program Rebat Bil Elektrik RM20 telah ditambah baik pada tahun 2019 melalui Program Rebat Bil Elektrik RM40 yang lebih bersasar. Program ini memberikan pengecualian bayaran bil elektrik bulanan sehingga RM40 kepada isi rumah miskin dan miskin tegar yang berdaftar dalam Sistem eKasih. Program rebat ini telah diperluas kepada kumpulan sasar yang sama di bawah Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA).

Bagi mengurangkan beban rakyat berikutan pandemik COVID-19, diskaun bil elektrik bulanan selama enam bulan telah diberikan mulai 1 April hingga 30 September 2020 di bawah Pelan Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN). Diskaun ini telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020 bagi pelanggan domestik. Secara keseluruhan, sejumlah RM2.72 bilion telah diperuntukkan bagi meringankan beban semua kategori pelanggan. Di samping itu, beberapa negeri telah memberi diskaun dan pengecualian caj air selama satu hingga tiga bulan.

Isu dan Cabaran

Dalam tempoh RMKe-11, usaha telah diambil untuk meningkatkan kemampanan bekalan tenaga dan memastikan jaminan bekalan air, terutama melalui penyediaan infrastruktur berkualiti. Walau bagaimanapun, kedua-dua sektor masih berhadapan dengan isu merentas sektor dan isu khusus yang melibatkan beberapa subsektor. Isu ini termasuk tadbir urus yang kurang berkesan dan pemahaman yang terhad berkaitan pelaksanaan dasar. Selain itu, pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada sektor tenaga dan sektor air berikutan pengurangan permintaan yang ketara, terutama daripada pengguna dalam kategori intensiti tinggi akibat daripada aktiviti ekonomi yang perlahan. Di samping itu, beberapa pelaburan dan projek di peringkat huluan dalam subsektor minyak dan gas mengalami kelewatan.

Isu dan Cabaran

Kekangan dalam Sektor Tenaga untuk Menyokong Pertumbuhan
Pengurusan Sektor Air yang Kurang Berkesan

Kekangan dalam Sektor Tenaga untuk Menyokong Pertumbuhan

Dasar berkaitan tenaga yang tidak bersepadu dan kurangnya pemahaman mengenai pelaksanaan dasar dalam kalangan pemain industri adalah isu yang dihadapi dalam subsektor minyak dan gas serta subsektor elektrik. Di samping itu, subsektor minyak dan gas masih berhadapan dengan isu lain seperti kebergantungan yang tinggi terhadap import bagi produk petroleum, kekangan dalam penggunaan bahan api lebih bersih dan ketiadaan perancangan jangka panjang bagi industri gas asli. Subsektor elektrik berhadapan pasaran bahan api yang tidak kompetitif, sumbangan TBB yang rendah dan ketiadaan perundangan mengenai EE.

Dasar Berkaitan Tenaga yang Tidak Bersepadu dan Pemahaman yang Terhad mengenai Ekosistem Tenaga

Sektor tenaga tidak mempunyai dasar yang menyediakan hala tuju strategik jangka panjang yang menyeluruh. Pada masa kini, sektor tenaga ditadbir urus oleh beberapa kementerian yang mempunyai dasar dan keutamaan yang berbeza. Perkara ini mengakibatkan penggunaan tenaga yang tidak cekap dalam pelbagai sektor, terutama pengangkutan, perindustrian dan komersial. Di samping itu, pengguna mempunyai pemahaman yang terhad mengenai ekosistem tenaga, termasuk manfaat jangka panjang rasionalisasi subsidi. Kurangnya penyelarasan dalam penyampaian maklumat mengenai pembaharuan pasaran dalam sektor tenaga telah menyebabkan pengguna tidak berpuas hati.

Halangan dalam Pasaran Minyak dan Gas Domestik

Industri petrokimia domestik perlu beralih daripada komoditi berasaskan kimia kepada produk kimia khusus yang mempunyai margin yang lebih menarik dan kurang rentan kepada kemerosotan pasaran. Walau bagaimanapun, kekurangan infrastruktur dan pasaran yang menarik telah menjejaskan pelaburan dalam produk petrokimia hiliran. Selain itu, ketiadaan perancangan jangka panjang telah menjejaskan pembangunan industri petrokimia. Tiada dasar yang memberi keutamaan kepada pembelian produk petroleum tempatan. Hal ini telah menyebabkan syarikat minyak terus mengimport produk petroleum meskipun terdapat bekalan domestik yang mencukupi.

Penggunaan adunan biobahan api yang lebih tinggi masih kurang menggalakkan walaupun Malaysia merupakan pengeluar minyak sawit kedua terbesar di dunia. Hal ini disebabkan oleh kekurangan infrastruktur serta keengganan pengeluar kenderaan dan peralatan tulen untuk menerima pakai adunan biobahan api yang lebih tinggi. Selain itu, kekurangan insentif untuk menukar biobahan api dan kos biobahan api yang lebih tinggi berbanding bahan api konvensional telah menjejaskan penggunaan adunan minyak sawit lebih tinggi dalam biobahan api.

Pada masa ini, sebanyak 83% syarikat perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) tempatan merupakan perusahaan kecil dan sederhana. Kebanyakan syarikat ini bergantung kepada pasaran domestik serta menghadapi kesukaran untuk melaksana kerja yang kompleks dan meneroka pasaran antarabangsa. Hal ini disebabkan oleh kekangan kewangan dan keupayaan teknologi serta kurangnya pengetahuan mengenai ekosistem pasaran global.

Bilangan pembekal dalam pasaran gas adalah terhad disebabkan oleh ketidaktentuan permintaan walaupun terdapat ekosistem yang menyokong. Keadaan ini diburukkan lagi dengan ketiadaan pelan induk jangka panjang industri gas yang menghalang usaha liberalisasi pasaran bagi memastikan kemampanan industri ini. Malaysia juga masih belum memanfaatkan kedudukannya sebagai antara pengeksport LNG utama di dunia untuk menjadi hab pasaran gas serantau.

Perolehan Bahan Api yang Tidak Berdaya Saing dan Rizab Margin yang Kurang Optimum

Arang batu dan gas untuk keperluan subsektor elektrik di Semenanjung Malaysia pada masa ini hanya dibekalkan oleh beberapa firma yang mampu membuat pembelian secara pukal. Keadaan ini telah mengekang usaha untuk mewujudkan tarif yang lebih kompetitif. Selain itu, rizab margin elektrik bagi tahun 2020 di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 32% manakala di Sabah 27.6% dan Sarawak 31.4%. Kadar ini melebihi julat optimum, iaitu 25% hingga 27%. Di bawah perjanjian pembelian tenaga (PPA) sedia ada, penjana elektrik tetap dibayar tanpa mengambil kira jumlah elektrik yang dijana, seterusnya menyumbang kepada kos penjanaan yang tinggi.

Kekurangan Daya Tahan Rangkaian di Sabah

Ketidakpadanan penjanaan dan permintaan elektrik di samping talian penghantaran litar berkembar tunggal telah menyebabkan ketidakseimbangan bekalan dan gangguan yang kerap pada grid elektrik di Sabah. Grid elektrik di Sabah mempunyai konfigurasi rangkaian yang kurang optimum kerana kebanyakan rangkaian adalah tertumpu di pantai barat. Pusat beban dan pembangunan ekonomi juga tertumpu di pantai barat. Bekalan elektrik daripada pantai barat ke pantai timur adalah terhad disebabkan terdapat hanya satu talian penghantaran litar berkembar 275 kilovolt (kV). Isu ini telah mengakibatkan gangguan elektrik yang kerap dan seterusnya menyumbang kepada SAIDI yang tinggi.

Sumbangan Tenaga Boleh Baharu yang Rendah kepada Jumlah Kapasiti Terpasang

Jumlah kapasiti terpasang bagi TBB pada masa ini masih didominasi oleh sumber berasaskan hidro berskala besar dan solar. Oleh itu, sumber TBB perlu dipelbagaikan lagi. Walau bagaimanapun, lokasi yang terpencil dan ketidaktentuan bekalan bahan asas bagi sumber TBB, terutama biojisim dan biogas menjadi cabaran utama untuk meningkatkan sumbangan TBB bukan solar. Dana di bawah mekanisme *Feed-in Tariff* (FiT) yang terhad, penjanaan TBB yang tidak konsisten, kekurangan kemudahan penstoran tenaga dan syarat yang ketat oleh institusi kewangan turut menghalang pembangunan TBB yang lebih pesat.

Ketiadaan Perundangan berkaitan Kecekapan Tenaga

Tiada perundangan yang khusus untuk menggalakkan industri beralih ke arah EE. Pada masa ini, inisiatif EE dilaksanakan melalui dasar yang berbeza menyebabkan penguatkuasaan yang tidak terselaras. Di samping itu, ketiadaan perundangan yang berkesan menyebabkan sebahagian daripada pemain industri enggan menerima pakai tarif Pengoptimuman Masa Penggunaan Tenaga (EtoU) sebagai alternatif kepada Tarif Perindustrian Khas (SIT), yang telah menghalang pelaksanaan inisiatif penjimatan tenaga.

Pengurusan Sektor Air yang Kurang Berkesan

Sektor air terus menghadapi pelbagai isu dan cabaran yang berkait dengan rakyat, tadbir urus, maklumat, kewangan, infrastruktur dan teknologi. Isu ini mengakibatkan pengurusan sumber air tidak cekap yang menjejaskan bekalan dan kualiti air. Di samping itu, caj perkhidmatan air yang rendah di kebanyakan negeri telah menjejaskan kemampanan kewangan penyedia perkhidmatan air.

Penglibatan Pihak Berkepentingan yang Kurang Berkesan

Antara isu yang dihadapi oleh sektor air adalah penglibatan pihak berkepentingan yang kurang berkesan serta kurangnya rasa pemilikan dan keupayaan untuk memelihara dan memulihara sumber air. Pada masa ini, belum ada platform yang jelas bagi membolehkan penyertaan komuniti setempat secara inklusif dalam tadbir urus air. Ini menyebabkan dasar dan keputusan yang dibuat kurang berasaskan keperluan komuniti setempat. Sikap tidak menghargai air sebagai sumber yang terhad oleh rakyat telah membawa kepada pembaziran. Perkara ini terbukti oleh penggunaan air dalam sektor domestik yang tinggi, iaitu sebanyak 245 liter per kapita sehari (lcd) berbanding dengan penggunaan sebanyak 160 lcd yang disyorkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia.

Tadbir Urus Sektor Air yang Kurang Cekap

Sektor air berhadapan dengan pengurusan yang kurang berkesan, penguatkuasaan yang lemah dan skop hukuman punitif yang terhad. Perundangan yang diguna untuk mentadbir urus sumber air pada peringkat Persekutuan dan negeri adalah tidak seiring dengan keperluan semasa. Di samping itu, pencemaran daripada punca tetap dan tidak tetap adalah di bawah undang-undang yang berbeza termasuk Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, Enakmen Sumber Air Negeri, Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan Akta Industri Perkhidmatan Air 2006. Akibatnya, pencemar dikenakan hukuman yang ringan, bahan cemar yang baharu gagal dikawal dan penguatkuasaan adalah lemah.

Pelaksanaan IWRM tidak berkesan disebabkan dasar yang berbeza antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta pihak berkuasa tempatan. Keadaan ini dirumitkan lagi oleh ketiadaan pihak berkuasa pengurusan sumber air di kebanyakan negeri. Pendekatan yang tidak seragam dalam mengurus sumber air telah menyukarkan usaha menjamin bekalan air kepada semua peringkat dan sektor. Selain itu, tiada strategi pengurusan air secara kuantitatif bagi memastikan penggunaan air yang mampan oleh dua pengguna terbesar, iaitu sektor pertanian dan tenaga.

Keputusan yang Kurang Berasaskan Data dan Sains

Kurangnya penggunaan data dan sains dalam membuat keputusan telah menyebabkan pengurusan sektor air yang kurang cekap. Hal ini disebabkan ketiadaan pangkalan data berpusat untuk menyatukan data berkaitan air dan maklumat aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi. Tambahan pula, ketersediaan dan daya harap sumber air tidak diambil kira dalam perancangan pembangunan berikutan kekurangan data. Kepakaran yang terhad dalam kalangan teknologis air dan komuniti saintifik juga telah menghalang pembangunan sektor air yang mampan.

Keupayaan Kewangan yang Terhad

Pembangunan infrastruktur air memerlukan modal yang besar dan amat bergantung kepada pembiayaan kerajaan. Kekurangan mekanisme pembiayaan yang inovatif telah menghalang usaha untuk mendapat sumber kewangan alternatif. Kekurangan ini disebabkan penetapan harga sumber air yang tidak setimpal dengan nilai sebenar kerana dianggap sebagai komoditi yang tidak strategik. Kesannya, kebanyakan penyedia perkhidmatan berkaitan air berada dalam kedudukan kewangan yang tidak mampan sehingga menjejaskan kecekapan penyampaian perkhidmatan. Tambahan pula, pihak berkuasa kurang memberi keutamaan kepada usaha pemuliharaan sumber air disebabkan persaingan dalam guna tanah untuk menjana pendapatan daripada aktiviti ekonomi yang lain.

Kekangan Infrastruktur dan Teknologi

Infrastruktur perkhidmatan air tidak mencukupi terutama di kawasan luar bandar dan pulau. Infrastruktur yang usang, termasuk paip dan tangki yang bocor menyebabkan tahap NRW masih tinggi. Beberapa infrastruktur sedia ada termasuk loji rawatan kumbahan serantau dan sistem pengairan juga tidak dimanfaatkan sepenuhnya. Infrastruktur sedia ada untuk pemerolehan semula sumber daripada rawatan air dan air sisa tidak mampu menyokong inisiatif merubah sisa kepada kekayaan. Sektor air masih belum memanfaatkan sepenuhnya teknologi termaju. Teknologi adalah penting dalam mengurus sumber dan penggunaan air dengan cekap. Penggunaan teknologi untuk meneroka sumber air alternatif seperti air bawah tanah, tasik dan kolam takungan banjir adalah kurang optimum terutama di kawasan kekurangan air. Teknologi berasaskan penggunaan sumber alam yang berkesan kos juga kurang digunakan untuk menangani bencana berkaitan air terutama banjir dan hakisan pantai. Ini telah mengakibatkan kebergantungan yang tinggi kepada pendekatan kejuruteraan konvensional yang mahal.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Dalam tempoh RMKe-12, penekanan akan diberi kepada penggunaan tenaga dan air yang mampan untuk memastikan jaminan bekalan serta mewujudkan lebih banyak peluang ekonomi. Usaha akan dilaksana untuk memantapkan institusi dan menambah baik kawal selia. Dasar tenaga negara yang komprehensif akan diperkenal untuk mengukuhkan ekosistem minyak dan gas serta elektrik. Pengurusan sektor air akan ditambah baik melalui pendekatan pelbagai dimensi. Langkah akan diambil bagi menambah baik penyertaan pihak berkepentingan, tadbir urus, proses membuat keputusan serta kemampanan kewangan dan infrastruktur. Kemampanan tenaga dan transformasi sektor air akan menyokong pertumbuhan ekonomi bagi mencapai objektif pembangunan untuk semua sejajar dengan WKB 2030 serta Matlamat 6 dan 7 Agenda 2030.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Mempertingkat Kemampanan Tenaga dan Mentransformasi Sektor Air

Bidang Keutamaan A

Memastikan Tenaga yang Mampan untuk Semua

Strategi A1
Memperkukuh Sektor Tenaga

Strategi A2
Memastikan Subsektor Minyak dan Gas yang Mampan dan Progresif

Strategi A3
Memperkukuh Subsektor Elektrik

Bidang Keutamaan B

Mentransformasi Sektor Air

Strategi B1
Memperkasa Rakyat

Strategi B2
Memperkukuh Tadbir Urus pada Semua Peringkat

Strategi B3
Menambah Baik Keupayaan Membuat Keputusan Berasaskan Data

Strategi B4
Memastikan Pembiayaan yang Mampan

Strategi B5
Membangunkan Infrastruktur Mampan dengan Teknologi yang Berkesan Kos



Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Memastikan Tenaga yang Mampan



2021-2040

Pengenalan Dasar Tenaga Negara yang Komprehensif




2021-2030

Pembentukan *OGSE Industry Blueprint*




2021-2030

Rangka Kerja bagi Pewujudan Hab Pasaran Gas Serantau



2025

Pengurangan Penggunaan Elektrik



2025

Tenaga Boleh Baharu daripada Jumlah Kapasiti Terpasang

Mentransformasi Sektor Air



2025

Liputan Akses kepada Air Bersih dan Selamat di Luar Bandar




2025

Kajian Jumlah Beban Harian Maksimum dijalankan untuk Sungai Kritikal



2025

Penubuhan Pusat Bersepadu untuk Data dan R&D&C&I Berkaitan Air



2025

Tahap Air Tidak Berhasil



2025

Liputan Sistem Sanitasi Terurus di Luar Bandar



[1] Perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas
[2] Jumlah beban harian maksimum

Bidang Keutamaan A

Memastikan Tenaga yang Mampan untuk Semua

Tumpuan akan diberi untuk meningkatkan kemampanan sektor tenaga, termasuk memastikan pertumbuhan yang sihat bagi industri minyak dan gas. Penambahbaikan sistem penjanaan, penghantaran dan pembahagian akan memperkukuh industri bekalan elektrik. Pelan komunikasi yang komprehensif mengenai liberalisasi pasaran juga akan dibangunkan untuk memberi pemahaman yang jelas kepada pemain industri dan orang awam.



Strategi A1

Memperkukuh Sektor Tenaga

Dua inisiatif utama akan dilaksana untuk menangani isu merentas sektor tenaga, iaitu merangka dasar tenaga yang komprehensif dan mewujudkan pelan komunikasi yang sistematik. Dasar sedia ada berkaitan tenaga akan diselaras di bawah dasar baharu. Pelan komunikasi yang lebih terselaras akan membolehkan libat urus yang lebih baik dan pembaharuan sektor tenaga yang berkesan.

Menggubal Dasar Tenaga Negara yang Komprehensif

Dasar berkaitan tenaga sedia ada akan diselaras dan diharmonikan untuk merangka satu dasar tenaga jangka panjang yang komprehensif. Dasar ini akan menjadi panduan dalam menangani pelbagai isu merentas beberapa sektor yang menggunakan tenaga serta memastikan pembangunan sektor ini adalah sejajar dengan trend peralihan tenaga global. Di bawah dasar ini, prospek pertumbuhan masa hadapan yang berkaitan tenaga akan diteroka terutama potensi tenaga baharu daripada sumber tenaga bersih dan mampan termasuk hidrogen. Tenaga baharu ini akan membolehkan Malaysia merangka pelan jangka panjang sasaran rendah karbon dalam sektor tenaga. Semua aspek berkaitan sektor tenaga dan kelestarian alam sekitar dapat ditangani dengan lebih baik melalui pelaksanaan dasar baharu ini.

Mewujudkan Pelan Komunikasi yang Komprehensif

Sektor tenaga sentiasa berhadapan dengan perubahan yang melibatkan risiko dan memerlukan pendekatan sistematik dalam menyampaikan maklumat mengenai pembaharuan sektor tenaga kepada pihak berkepentingan. Oleh itu, pelan komunikasi yang komprehensif akan dibangunkan untuk memperkukuh kerjasama dengan pihak berkepentingan serta memudahkan usaha mendidik pengguna dan meningkatkan kesedaran mengenai kewajaran liberalisasi pasaran. Pelan ini akan memastikan penerimaan yang lebih baik oleh pihak berkepentingan serta membolehkan pembaharuan industri tenaga dapat dilaksana dengan lancar.

Strategi A2

Memastikan Subsektor Minyak dan Gas yang Mampan dan Progresif

Beberapa inisiatif akan dilaksana untuk memastikan subsektor minyak dan gas domestik berkembang secara progresif dan mampan. Penggunaan petrol dan diesel keluaran domestik akan diutamakan, pelaburan industri petrokimia bernilai tinggi akan digalakkan dan penggunaan biobahan api akan diperluas. Selain itu, keupayaan syarikat OGSE tempatan akan dimantapkan manakala satu pelan hala tuju gas asli akan dibangunkan.

Mengutamakan Penggunaan Petrol dan Diesel Tempatan

Syarikat dan pengusaha stesen minyak akan digesa untuk menggunakan petrol dan diesel yang dihasilkan daripada empat loji penapisan tempatan, iaitu Pengerang di Johor, Sungai Udang di Melaka, Kerteh di Terengganu dan Port Dickson di Negeri Sembilan. Mekanisme bagi mengutamakan penggunaan petrol dan diesel tempatan akan dibangunkan melalui libat urus dengan pihak berkepentingan. Usaha ini akan menambah baik imbangan dagangan, merangsang pertumbuhan ekonomi, serta memastikan kemampanan rantaian nilai industri minyak dan gas, seterusnya meningkatkan jaminan bekalan.

Menarik Pelaburan Bernilai Tinggi dalam Industri Petrokimia

Industri petrokimia akan distruktur semula supaya lebih berdaya saing dan mampan untuk menarik dan merangsang pelaburan berkualiti serta mengurangkan kebergantungan kepada import produk kimia. Hala tuju industri kimia akan dirangka bagi memastikan industri ini memanfaatkan teknologi dan inovasi serta mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk menghasilkan produk kimia khusus. Bagi tujuan ini, industri akan dinilai dari segi ketersediaan infrastruktur, bahan asas dan tenaga kerja mahir serta keupayaan R&D.

Memperluas Penggunaan Biobahan Api

Adunan biodiesel bagi sektor pengangkutan akan terus dipertingkat daripada B15[3] kepada B20[4] dan seterusnya kepada B30[5]. Penilaian akan dilaksana bagi mengenal pasti jurang keupayaan dan kos yang diperlukan untuk menaik taraf depoh adunan bagi mematuhi piawaian B30. Di samping itu, lebih banyak libat urus akan diadakan dengan pihak berkepentingan untuk menangani isu keyakinan pengilang terhadap B30. Program biodiesel untuk sektor industri akan diperluas daripada B7 kepada B10. Langkah ini akan menggalakkan penggunaan bahan api yang lebih bersih.

Meningkatkan Keupayaan Pemain Tempatan dalam Subsektor Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas

Usaha bersepadu akan dilaksana untuk meningkatkan keupayaan perusahaan kecil dan sederhana OGSE tempatan dengan menubuhkan konsortium, meningkatkan kerjasama dan menggalakkan perkongsian strategik. Usaha ini akan menjadikan perusahaan kecil dan sederhana OGSE tempatan lebih berdaya saing dan bersedia untuk melaksana kerja-kerja yang kompleks pada peringkat domestik serta antarabangsa. Usaha ini akan dijajarkan dengan *National OGSE Industry Blueprint* 2021-2030, yang menyediakan hala tuju strategik untuk menambah baik daya saing, kecekapan dan keupayaan teknologi pemain OGSE tempatan.

Membangunkan Pelan Hala Tuju Gas Asli yang Komprehensif

Liberalisasi pasaran gas yang sedang dilaksana akan mewujudkan industri yang mampan dan memastikan jaminan bekalan untuk menjadikan Malaysia sebagai hab pasaran gas serantau. Pelan hala tuju gas asli yang komprehensif akan dibangunkan untuk menyediakan hala tuju jangka sederhana dan jangka panjang. Pelan ini akan memberi tumpuan kepada liberalisasi pasaran gas dan meningkatkan permintaan domestik terhadap gas. Kajian akan dilaksana untuk merangka strategi dalam membangunkan Malaysia sebagai hab pasaran gas serantau bagi menarik pembekal baharu dan meningkatkan daya saing.

Strategi A3

Memperkukuh Subsektor Elektrik

Subsektor bekalan elektrik akan dimantapkan dengan melaksana pelbagai inisiatif. Inisiatif ini termasuk mewujudkan industri bekalan elektrik yang berdaya tahan, menambah baik sistem bekalan elektrik di Sabah, mempertingkat sistem grid, memperluas liputan bekalan elektrik luar bandar, meningkatkan kapasiti terpasang TBB dan mempergiat inisiatif EE. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini dijangka dapat meningkatkan kemampanan subsektor elektrik.

[3] Biodiesel dengan adunan 15% PME dan 85% diesel.
[4] Biodiesel dengan adunan 20% PME dan 80% diesel.
[5] Biodiesel dengan adunan 30% PME dan 70% diesel.

Mewujudkan Industri Bekalan Elektrik yang Berdaya Tahan

Industri bekalan elektrik akan terus diperkukuh dengan meningkatkan pendigitalan serta berdaya tahan terhadap cabaran masa hadapan. Struktur industri semasa akan dikaji semula termasuk untuk menambah baik pasaran tenaga di bawah *New Enhanced Dispatch Arrangement* (NEDA) serta meningkatkan ketelusan *Single Buyer* dan *Grid System Operator*. Kajian ini juga bertujuan untuk membenarkan akses pihak ketiga kepada grid.

Menambah Baik Sistem Bekalan Elektrik di Sabah

Sistem bekalan elektrik di Sabah akan terus ditambah baik dengan membina dan menaik taraf fasiliti penjanaan serta rangkaian penghantaran dan pembahagian. Penambahbaikan ini termasuk melalui pembinaan loji janakuasa baharu di pantai timur Sabah. Kerja awalan bagi Projek *Southern Link* akan dimulakan di bawah RMKe-12. Di samping itu, rangka kerja Kawal Selia Berasaskan Insentif (IBR) akan diperkenal untuk menambah baik kualiti dan kecekapan bekalan elekrik. Inisiatif ini akan meningkatkan daya tahan dan daya harap sistem grid, seterusnya menambah baik prestasi SAIDI.

Mempertingkat Sistem Grid

Pelaburan dalam kapasiti penjanaan dan pengukuhan rangkaian penghantaran dan pembahagian akan diteruskan untuk memastikan jaminan bekalan elektrik. Beberapa loji janakuasa gas baharu dengan jumlah kapasiti 3,441 MW akan mula beroperasi di Semenanjung Malaysia untuk menggantikan loji janakuasa yang akan dihenti tugas. Loji hidroelektrik berkapasiti 1,285 MW yang sedang dibina untuk meningkatkan kapasiti terpasang di Sarawak akan siap pada penghujung tempoh RMKe-12. Talian penghantaran 500 kV dan 275 kV akan dibina di Semenanjung Malaysia dan Sarawak yang akan menyediakan kapasiti untuk menampung pertambahan beban pada masa hadapan. Di samping itu, penghantaran bekalan elektrik melalui talian sedia ada Lao PDR-Thailand-Malaysia di bawah ASEAN *Power Grid* (APG) akan diperluas. Sambungan talian rentas sempadan baharu juga akan dikaji bagi memastikan ketersambungan yang lebih baik.

Memperluas Liputan Bekalan Elektrik Luar Bandar

Program bekalan elektrik luar bandar akan diteruskan untuk menyediakan bekalan kepada 28,000 rumah lagi bagi mencapai sasaran 99% liputan elektrik di kawasan luar bandar. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri serta syarikat utiliti akan ditingkatkan bagi memastikan perancangan yang menyeluruh dan pelaksanaan yang berkesan. Kebanyakan projek bekalan elektrik luar bandar akan melibatkan sambungan talian grid, manakala, sistem alternatif seperti hidro berskala kecil, solar hibrid serta solar PV pula akan digunakan di kawasan pedalaman.

Meningkatkan Kapasiti Terpasang Tenaga Boleh Baharu

Pembangunan dan penggunaan sumber TBB akan dipergiat untuk memenuhi sasaran 31% TBB daripada jumlah kapasiti terpasang. Selain hidro dan solar, tumpuan juga akan diberi untuk meningkatkan sumbangan sumber boleh baharu yang lain seperti biojisim dan biogas. Teknologi sedia ada dan baharu seperti *cogeneration*, termal solar dan sel bahan api akan dimanfaatkan untuk memberi lebih banyak pilihan kepada industri. Beberapa kluster biotenaga akan dibangunkan sebagai lokasi pengumpulan berpusat bagi memastikan bekalan bahan asas yang mampan dan meminimumkan kos penjanaan elektrik.

Mekanisme baharu bagi tenaga hijau akan dikaji bagi menggalakkan pengguna korporat membeli tenaga secara terus daripada penjana TBB untuk memenuhi komitmen alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG). Pelaksanaan mekanisme sedia ada seperti *Green Tariff Rider*[6] dan *Renewable Energy Certificate*[7] akan terus digalakkan untuk memberi lebih banyak pilihan kepada pengguna dan industri serta merangsang pelaburan. Usaha akan dipergiat untuk menggalakkan penghasilan tenaga daripada sisa dan pembangunan projek solar terapung. Lebih banyak PV solar bumbung akan dipasang dengan menggunakan kemudahan pembiayaan sedia ada, termasuk program pajakan solar dan PPA. Penerimagunaan teknologi baharu seperti sistem penyimpanan tenaga akan terus digalakkan untuk menangani isu penjanaan TBB yang tidak konsisten.

[6] Mekanisme yang membolehkan pengguna membuat pilihan campuran tenaga berasaskan sumber TBB.

[7] Mekanisme yang membolehkan pengguna membuat pilihan untuk memperoleh TBB dengan menawarkan tarif hijau yang dikenali sebagai *MyGreen+* serta peluang untuk mengesan dan berjual beli TBB melalui platform *Malaysia Green Attribute Tracking System*.

Mempertingkat Kecekapan Tenaga

Kecekapan tenaga adalah penting bagi memastikan penggunaan tenaga secara berhemat dan bijak. Dalam hubungan ini, penggunaan tenaga oleh pengguna berintensiti tinggi dalam sektor perindustrian dan komersial akan dikawal selia melalui penggubalan akta berkaitan kecekapan dan konservasi tenaga. Akta ini akan memastikan pematuhan kepada standard yang ditetapkan dan pelabelan BEI di bangunan swasta terpilih seperti hospital, pejabat, hotel dan kompleks beli-belah. Selain itu, Geran Audit Tenaga Bersyarat (EACG) akan terus diberikan kepada sektor perindustrian dan komersial terpilih untuk meningkatkan kecekapan tenaga. Bagi mempercepat pelaksanaan program EE, aktiviti audit tenaga dan retrofit akan diperluas kepada lebih banyak bangunan kerajaan melalui inisiatif *Energy Performance Contracting* (EPC). Usaha ini adalah sejajar dengan sasaran Pelan Tindakan Kecekapan Tenaga Negara, 2016-2025 untuk mencapai 8% penjimatan penggunaan tenaga elektrik.

Bidang Keutamaan B

Mentransformasi Sektor Air

Agenda transformasi sektor air akan diperkenalkan dalam RMKe-12 melalui penerimagunaan pendekatan keseluruhan negara untuk meningkatkan kecekapan dalam pengurusan air, mengoptimumkan potensi sektor air untuk menjana kekayaan dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu seperti yang diterangkan dalam *Kotak 9-1*. Fasa pertama transformasi sektor air akan memberi tumpuan untuk mempergiat penerimagunaan IWRM, di samping menyediakan asas untuk melaksana fasa seterusnya. Dalam hubungan ini, lima strategi akan dilaksana termasuk memperkasa peranan rakyat sebagai pemacu transformasi sektor air. Strategi untuk memperkukuh tadbir urus, meningkatkan penggunaan data dalam membuat keputusan dan memastikan pembiayaan yang mampan juga akan dilaksana. Selain itu, infrastruktur yang mampan dengan berkesan kos akan dibangunkan. Pelaksanaan strategi ini akan menyumbang kepada usaha memastikan bekalan air yang terjamin dan mampan serta meningkatkan potensi ekonomi.




Kotak 9-1

Transformasi Sektor Air 2040

Pengurusan sumber air sebagai khazanah semula jadi untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi, kualiti alam sekitar dan pembangunan sosial merupakan aspek penting dalam pertumbuhan hijau. Sektor air akan disusun semula supaya menjadi penyumbang yang signifikan kepada pembangunan negara dan penciptaan kekayaan melalui agenda transformasi dalam tempoh 20 tahun. Agenda Transformasi Sektor Air 2040 (WST 2040) akan diperkenal untuk menetapkan hala tuju strategik bagi menjadikan sektor air sebagai pemacu pertumbuhan yang dinamik, di samping memastikan jaminan bekalan air untuk semua. Pada tahun 2040, Malaysia disasarkan menjadi hab industri air serantau. Transformasi ini akan dilaksana melalui empat fasa mengikut tempoh Rancangan Malaysia dengan tumpuan khusus dalam setiap fasa, seperti ditunjukkan dalam *Rajah 1*.

Rajah 1

Empat Fasa Transformasi Sektor Air 2040



Pelan hala tuju akan dibangunkan bagi menggariskan strategi, inisiatif dan program dalam setiap fasa untuk memastikan kejayaan transformasi ini. Dalam Fasa 1 (2021-2025), penerimagunaan IWRM akan dipergiat. Fasa ini adalah paling kritikal dan merupakan asas kepada transformasi ini.

Pasukan petugas khas yang dianggotai oleh wakil sektor awam dan swasta akan ditubuhkan di bawah Majlis Air Negara. Pasukan petugas ini berperanan untuk memberi panduan, menyelaras, memantau dan melapor kemajuan pelaksanaan agenda WST 2040. Pasukan ini juga bertanggungjawab mengkaji dan menjajar semula serta menyediakan syor penambahbaikan untuk menjayakan agenda ini.

Strategi B1

Memperkasa Rakyat

Kerjasama dalam kalangan semua pihak berkepentingan adalah penting untuk mentransformasi sektor air. Platform perundingan awam akan diwujudkan untuk memperkasa rakyat bagi memacu transformasi ini. Program meningkatkan kesedaran, sokongan dan pembangunan keupayaan (AACB) akan dilaksana manakala aktiviti pemuliharaan yang digerakkan oleh komuniti akan diperbanyakkan. Strategi ini bertujuan untuk memupuk rasa pemilikan dalam kalangan rakyat bagi memelihara dan memulihara sumber air.

Mewujudkan Platform Perundingan Awam

Platform perundingan awam akan diwujudkan pada peringkat negeri dan daerah untuk melibatkan orang awam secara aktif dalam pengurusan sektor air. Platform ini akan dimanfaat untuk menyokong keputusan yang dibuat oleh Majlis Air Negara. Bagi memastikan keberkesanan platform ini, keupayaan dan kemahiran ahli akan dipertingkat, terutama dalam penyelesaian konflik dan perundingan. Pelan komunikasi strategik juga akan dirangka untuk memastikan transformasi sektor air dilaksana dengan berkesan.

Melaksana Program Kesedaran, Sokongan dan Pembangunan Keupayaan yang Komprehensif

Usaha untuk meningkatkan pemahaman mengenai IWRM akan dipergiat melalui pelaksanaan program AACB yang komprehensif. Bagi memastikan keberkesanan program ini, modul berstruktur akan dibangunkan untuk kumpulan sasar khusus. Dalam sektor pertanian, penglibatan petani dalam pengurusan sumber air akan dipertingkat melalui penyertaan mereka dalam mengoperasi dan menyenggara infrastruktur pengairan. Pelaksanaan program AACB akan membantu proses membuat keputusan dalam pembangunan terutama berkaitan pertukaran syarat guna tanah.

Memperluas Program Pemuliharaan yang Digerakkan oleh Komuniti

Program pemuliharaan alam sekitar yang dipacu oleh komuniti akan diperluas untuk memperkasa rakyat dalam memelihara dan memulihara sumber air serta mewujudkan aktiviti sosioekonomi. Beberapa inisiatif komuniti yang berjaya seperti sistem Tagal dan program FoR akan diperluas. Kempen untuk memupuk tabiat menjimatkan air dan menggunakan air dengan jitu dalam kalangan pengguna domestik dan petani akan dipergiat. Pendidikan berkaitan alam sekitar, terutama pembelajaran berdasarkan pengalaman akan terus dipertingkat melalui kerjasama antara institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat sivil (CSO), pihak swasta dan agensi kerajaan. Laporan secara berkala mengenai status sumber air akan diterbitkan. Inisiatif ini akan menyemai rasa pemilikan dalam kalangan rakyat untuk menghargai air sebagai sumber asas kehidupan.

Strategi B2

Memperkukuh Tadbir Urus pada Semua Peringkat

Tadbir urus sektor air pada peringkat Persekutuan, negeri dan daerah akan diperkukuh bagi memastikan pengurusan air yang lebih bersepadu dan berkesan. Dalam hubungan ini, perundangan berkaitan air akan diharmoni, kawalan pencemaran akan dipertingkat, manakala pendekatan nexus air-tenaga-makanan akan diinstitusikan. Melalui inisiatif ini, pembangunan fizikal akan diselaras dengan IWRM.

Memperkukuh Pengurusan Sumber Air

Kerajaan negeri akan digalakkan untuk membuat semakan semula perundangan berkaitan air supaya selari dengan Rang Undang-undang Sumber Air 2016. Ini adalah untuk memastikan perundangan bagi semua negeri adalah komprehensif dan seragam bagi memperkukuh pengurusan sumber air. Semakan ini akan menyediakan asas perundangan bagi penubuhan pihak berkuasa pengurusan sumber air di semua negeri. Pihak berkuasa ini akan memastikan pelaksanaan IWRM yang berkesan dan perancangan guna tanah yang lebih baik pada peringkat negeri dan daerah. Bagi memperkukuh pelaksanaan IWRM dan menyatukan agensi sedia ada, agensi tunggal pengurusan air pada peringkat Persekutuan akan ditubuhkan. Kaedah perakaunan dan pengauditan untuk pengurusan sumber air juga akan ditambah baik. Selain itu, skop Jawatankuasa Perancang Wilayah yang telah ditubuhkan untuk penyelarasan dasar merentas negeri dan sektor, perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti pembangunan akan diperluas bagi mengambil kira pengurusan sumber air.

Mengurangkan Pencemaran Air

Perundangan sedia ada akan diperkukuh bagi mempergiat langkah mengurangkan pencemaran. Dalam hubungan ini, beberapa undang-undang akan disemak semula untuk mengawal selia bahan cemar baharu muncul dan meningkatkan penalti berdasarkan prinsip pencemar yang membayar. Di samping itu, 10 kajian jumlah beban harian maksimum (TMDL) akan dilaksana untuk mengenal pasti

kapasiti daya tampung sungai. TMDL akan memberi panduan kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk menilai pembangunan sedia ada dan cadangan pembangunan baharu di sepanjang sungai. TMDL juga akan membantu pihak berkuasa mengambil tindakan untuk melindungi sungai daripada tercemar. Keupayaan penguatkuasaan agensi Persekutuan dan negeri yang berkaitan akan diperkukuh melalui pelbagai langkah termasuk penggunaan teknologi pintar. Penyelarasan antara agensi penguatkuasaan akan dipertingkat. Usaha akan dipergiat untuk menyambung lebih banyak premis kepada loji rawatan kumbahan serantau dan melaksana pengosongan berkala tangki septik individu bagi mencegah pencemaran sisa kumbahan. Penyedia perkhidmatan pembetungan juga akan diwajibkan mematuhi standard pelepasan efluen.

Menginstitusikan Pendekatan Nexus Air-Tenaga-Makanan

Sektor air, tenaga dan makanan akan diurus secara bersepadu bagi menangani cabaran berkaitan urbanisasi, guna tanah dan perubahan iklim. Pendekatan nexus air-tenaga-makanan merupakan elemen penting dalam memastikan pengurusan sumber air yang komprehensif dan menjamin bekalan air merentas sektor. Pendekatan nexus akan menyediakan kerangka untuk menentukan agihan sumber air yang bersesuaian kepada semua sektor. Pendekatan nexus air-tenaga-makanan akan diinstitusikan, manakala kepakaran teknikal di kementerian dan agensi berkaitan akan dipertingkat bagi memastikan pelaksanaan yang berkesan.

Strategi B3

Menambah Baik Keupayaan Membuat Keputusan Berasaskan Data

Keupayaan membuat keputusan berasaskan data akan dipertingkat untuk menyokong perancangan strategik dan pengurusan sektor air. Institut penyelidikan air sedia ada akan diperkukuh untuk menjadi pusat sehenti bagi data dan R&D&C&I berkaitan air. Sementara itu, keupayaan pemain industri air dan komuniti saintifik akan dipertingkat untuk menyokong pembangunan teknologi air tempatan.

Memperkukuh Data dan Pusat Penyelidikan Air

Institut penyelidikan air akan diperkukuh sebagai pusat yang menjalankan analisis komprehensif berkaitan air dan menyediakan capaian kepada data yang bersesuaian dengan keperluan pihak berkepentingan. Pusat ini akan menjalankan aktiviti R&D&C&I berkaitan air secara aktif serta menyelaras dan menyediakan hala tuju strategik kepada organisasi lain yang berkaitan. Penggunaan Sistem Pengurusan Imbangan Air Negara (NAWABS) akan diperluas untuk menyediakan data yang komprehensif pada masa nyata bagi menilai dan mengimbangi permintaan dan bekalan semasa dan pada masa hadapan. Matlamat jangka panjang inisiatif ini adalah untuk membangunkan sistem sokongan pembuatan keputusan (DMSS) berasaskan data yang komprehensif serta teknologi air yang inovatif untuk membolehkan industri tempatan meneroka pasaran antarabangsa.

Mempertingkat Keupayaan Pemain Industri Air dan Komuniti Saintifik

Keupayaan tenaga kerja profesional dan mahir serta komuniti saintifik dalam sektor air akan ditambah baik bagi membolehkan keputusan dibuat berasaskan data dalam mendepani 4IR. Program pensijilan kompetensi dan pendidikan tertiari yang berkaitan akan terus dibangunkan untuk meningkatkan kompetensi tenaga kerja profesional berkaitan air dalam sektor awam dan swasta. Program TVET berkaitan sektor air juga akan diperkenal bagi memenuhi permintaan tenaga mahir untuk industri pada masa hadapan. Saintis tempatan akan digalakkan untuk mengikuti perkembangan penyelidikan terkini bagi membangunkan teknologi air tempatan yang inovatif dan setanding dengan standard antarabangsa. Kerjasama strategik dalam kalangan saintis pada peringkat serantau dan antarabangsa akan dipergiat.

Strategi B4

Memastikan Pembiayaan yang Mampan

Kemampanan kewangan adalah penting dalam memastikan kejayaan transformasi sektor air. Dalam hubungan ini, kemampanan kewangan penyedia perkhidmatan air akan diperkukuh dan mekanisme pembiayaan inovatif akan diperkenal. Strategi ini bagi memastikan sumber air dinilai setimpal dengan kos dan manfaat yang diterima. Ia juga akan menggalakkan pelaburan yang strategik bagi memperkukuh industri air.

Memperkukuh Kemampanan Kewangan Penyedia Perkhidmatan Air

Kemampanan kewangan penyedia perkhidmatan air adalah penting untuk memastikan perkhidmatan yang mampan dan berdaya harap bagi memenuhi permintaan semasa dan masa hadapan. Mekanisme Penetapan Tarif (TSM) bagi perkhidmatan bekalan air dan pembetungan akan dilaksana bagi menampung kos operasi

dan meningkatkan keupayaan kewangan penyedia perkhidmatan. Penyedia perkhidmatan air akan digesa untuk mengkaji alternatif bagi menjana hasil bukan berasaskan tarif, terutama daripada aktiviti kitar semula air serta produk sampingan daripada rawatan air dan air sisa.

Potensi ekonomi sektor air akan dimanfaatkan bagi memperoleh pulangan yang dapat menampung kos pelaburan dan mencapai ekonomi bidangan. Industri perkhidmatan air akan mengguna pakai strategi yang bersesuaian dan menjadikan sektor tenaga sebagai tanda aras. Ini berikutan sektor tenaga mempunyai kemampuan kewangan kendiri, dipacu oleh pasaran dan cekap teknologi. Amalan baik daripada negara lain juga akan diterima pakai dalam industri perkhidmatan air.

Meningkatkan Pembiayaan Inovatif

Mekanisme pembiayaan inovatif akan diteroka bagi mengurangkan kebergantungan kepada dana kerajaan untuk pembangunan sektor air. Penubuhan sebuah entiti berlesen untuk membina infrastruktur pembetungan baharu melalui model pembiayaan alternatif akan dikaji. Sektor swasta juga akan digalakkan untuk melabur dalam projek transformasi sektor air seperti projek pemerolehan semula sumber daripada air sisa, R&D&C&I dan penggunaan teknologi pintar.

Mekanisme pindahan fiskal ekologi akan diinstitusikan dengan menyediakan dana yang mencukupi serta memperkenalkan mekanisme pengagihan yang bersesuaian. Mekanisme ini akan berdasarkan komitmen negeri untuk memelihara dan memulihara hutan, khususnya kawasan tadahan air. Bagi memastikan aktiviti pembangunan di sepanjang sungai tidak menjejaskan kualiti air sungai, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan akan digalakkan menilai perkhidmatan ekosistem[8] sungai sebelum keputusan pertukaran syarat guna tanah dibuat. Di samping itu, mekanisme akan diwujudkan untuk memastikan pembayaran bagi perkhidmatan ekosistem adalah setara dengan manfaat yang diterima dan kos yang ditanggung daripada perkhidmatan ini. Skim Pembiayaan Teknologi Hijau sedia ada akan turut dimanfaatkan bagi membudayakan amalan menjimatkan air. Selain itu, amalan ekonomi kitaran dalam kalangan industri yang berintensifkan air akan digalakkan.

Strategi B5

Membangunkan Infrastruktur Mampan dengan Teknologi yang Berkesan Kos

Infrastruktur mampan dengan teknologi yang berkesan kos akan terus dibangunkan bagi mengoptimumkan penggunaan sumber dalam sektor air. Antara inisiatif yang akan dilaksana adalah menerima guna sistem alternatif perkhidmatan air, mengoptima infrastruktur air yang berkesan kos, memberi penekanan kepada pendekatan berasaskan alam semula jadi serta melaksana konsep ekonomi kitaran. Inisiatif ini akan memastikan pelaburan dalam sektor air dapat dimanfaatkan sepenuhnya untuk menjamin bekalan dan kemampanan sumber air.

Menerima Guna Sistem Alternatif untuk Perkhidmatan Air di Kawasan Luar Bandar dan Pulau

Akses kepada bekalan air bersih dan selamat serta sistem sanitasi akan ditambah baik untuk mencapai liputan 98%, khususnya bagi komuniti di kawasan luar bandar dan pulau. Sistem retikulasi dan sistem alternatif yang menggunakan teknologi yang disesuaikan dengan keadaan setempat akan diguna pakai. Jawatankuasa peringkat nasional akan ditubuhkan untuk menyelaras dan menyelia keseluruhan pelaksanaan projek bekalan air dan sanitasi bagi memastikan matlamat penyediaan perkhidmatan air kepada semua dapat dicapai.

Mengurangkan Air Tidak Berhasil

Program pengurangan NRW akan diberi keutamaan dengan menyediakan bantuan kewangan kepada kerajaan negeri berdasarkan tahap NRW semasa. Infrastruktur untuk langkah pencegahan termasuk sensor untuk mengesan kebocoran paip dan peralatan bagi pengurusan tekanan air untuk mengurangkan kehilangan air akan dipasang, terutama bagi sistem pengagihan baharu. Di samping itu, agensi dan institusi awam akan digalakkan untuk melaksana pengauditan air bagi mengenal pasti jumlah kehilangan air dalam premis seperti kem tentera, universiti dan sekolah. Pengauditan ini akan membolehkan langkah bersasar diambil bagi menangani kehilangan air disebabkan oleh kebocoran dan penggunaan yang kurang cekap. Pelaksanaan program ini akan membantu mengurangkan tahap NRW kepada 25%.

[8] Manfaat yang diterima oleh rakyat daripada ekosistem sungai seperti sumber air mentah dan sumber perikanan serta pengawalan banjir.

Mengoptimum Sumber Air dengan Menyediakan Infrastruktur yang Berkesan Kos

Penggunaan air bawah tanah sebagai sumber air alternatif akan ditingkatkan, terutama di kawasan kekurangan air bagi memastikan jaminan bekalan air. Dalam hubungan ini, pemetaan akuifer air bawah tanah berdasarkan lembangan sungai akan dilaksana. Teknik dan teknologi terkini akan dimanfaatkan untuk meneroka, membangun dan mengurus sumber air bawah tanah, termasuk empangan bawah tanah. Kajian kemungkinan yang terperinci akan dilaksana untuk menilai potensi, risiko dan keberkesanan kos bagi pembinaan empangan bawah tanah.

Pembangunan infrastruktur air pelbagai guna akan digalakkan bagi memastikan penggunaan sumber yang optimum. Pembinaan empangan baharu adalah untuk pelbagai guna termasuk bekalan air, penjanaan tenaga, pengairan dan tebatan banjir. Selain itu, kolam takungan banjir akan turut digunakan sebagai tempat penyimpanan air mentah dan untuk mengembalikan semula kapasiti akuifer. Pembinaan takungan air pinggiran sungai (TAPS) dan penyaluran air antara negeri yang merupakan sumber bekalan air alternatif akan diteruskan mengikut kesesuaian. Kajian kedua-dua kaedah ini akan dilaksana bagi menentukan kebolehlaksanaan projek sumber air di negeri yang kekurangan sumber air.

Memberi Penekanan kepada Pendekatan Berasaskan Alam Semula Jadi

Penggunaan teknologi berasaskan alam semula jadi akan digalakkan untuk menangani pelbagai isu berkaitan air seperti pencemaran, banjir dan kemarau. Tanah lembap buatan (CW) yang menggunakan teknik biokejuruteraan yang bersesuaian akan dibina bagi merawat air sisa dan air yang terkumpul dalam kolam takungan. Teknik ini juga akan menambah baik kualiti efluen sebelum dilepaskan ke dalam sistem sungai, seperti diterangkan dalam *Kotak 9-2*. Teknik pengurusan banjir secara semula jadi yang berfungsi seperti tanah lembap juga akan diguna pakai dalam merancang pembangunan dan mereka bentuk projek di sepanjang kawasan sungai dan pantai. Langkah ini bertujuan untuk memelihara, memulih dan mengurangkan risiko banjir di kawasan tersebut. Teknik ini juga menerapkan konsep menyediakan ruang untuk air dan mengembalikan semula pantai. Di samping itu, dasar dan perundangan akan digubal bagi membolehkan pendekatan berasaskan alam semula jadi dan pembinaan yang mesra alam dalam perancangan pembangunan.

Kotak 9-2

Tanah Lembap Buatan

Tanah lembap buatan (CW) dibina untuk berfungsi sebagai tanah lembap semula jadi. Dalam CW, tumbuhan khusus akan ditanam bagi tujuan rawatan yang berbeza seperti mengenyah bahan cemar, membersih, mengawal hakisan, menapis mendapan dan memperlahan aliran air. Selain berfungsi sebagai tanah lembap, CW juga adalah berkesan kos dari segi operasi dan penyelenggaraan untuk merawat air sisa, terutama di kawasan berkepadatan rendah. Di samping itu, air daripada CW juga boleh dijadikan sumber bekalan air alternatif.

Wetland Putrajaya yang telah disiapkan pada tahun 2002 merupakan projek Kerajaan yang telah berjaya menangani risiko banjir. Ia juga menyediakan sumber air alternatif serta habitat yang kondusif untuk flora dan fauna. Beberapa pengusaha hotel juga telah melaksana inisiatif ini dan berjaya merawat air sisa untuk digunakan semula.



Wetland Putrajaya



Wetland yang dibina oleh pengusaha hotel di Pulau Langkawi

Melaksana Konsep Ekonomi Kitaran dalam Sektor Air

Konsep ekonomi kitaran akan diguna pakai dalam keseluruhan rantaian nilai sektor air. Dasar dan perundangan yang menyokong akan diperkenal serta kerjasama strategik dan aktiviti R&D&C&I akan digalakkan bagi menyediakan ekosistem ekonomi kitaran. Pemerolehan semula sumber daripada rawatan air dan air sisa, termasuk enap cemar, bioenap cemar, bioefluen dan biogas akan ditingkatkan untuk mewujudkan peluang dan mempercepat pertumbuhan hijau. Pusat pemerolehan semula akan dibina untuk mengurus, merawat dan menukar enap cemar bagi kegunaan yang selamat dan bermanfaat. Loji rawatan air sisa bersepadu akan dibangunkan di taman perindustrian eko yang baharu. Loji ini akan dilengkapi dengan teknologi bagi memperoleh semula sumber berserta infrastruktur sokongan untuk merawat dan mengguna semula air sisa domestik dan industri. Usaha juga akan dipergiat untuk menggalakkan penerimaan dan penggunaan produk sampingan yang dihasilkan daripada pemerolehan semula sumber.

Mempertingkat Penggunaan Air yang Cekap

Penggunaan peralatan cekap air yang dilabel dengan Skim Pelabelan Produk Cekap Air (SPPCA) akan ditingkatkan di premis kerajaan. Penggunaan ini juga akan digalakkan kepada pengguna domestik dan industri. Insentif fiskal dan rebat akan dipertimbang untuk menggalakkan lagi penggunaan produk cekap air. Penarafan hijau bagi bangunan akan dimanfaat untuk menggalakkan amalan penjimatan dan guna semula air dalam premis komersial, termasuk hotel dan kompleks beli-belah.

Teknologi pintar seperti meter dan sensor digital, sistem maklumat geografi serta sistem kawalan penyeliaan dan pemerolehan data akan diguna untuk menambah baik pengurusan dan kecekapan perkhidmatan air. Inisiatif ini akan memperkukuh kesalinghubungan antara penyedia perkhidmatan dan meningkatkan kemampanan infrastruktur. Teknologi pintar juga akan dimanfaatkan bagi menyokong konsep kitaran air tertutup tanpa pembaziran. Di samping itu, aplikasi pintar akan dibangunkan untuk membolehkan komunikasi secara langsung dan pantas antara penyedia perkhidmatan air dengan pengguna. Projek rintis bandar pintar air akan dilaksana bagi mengenal pasti dan menilai manfaat penggunaan teknologi pintar dalam sektor ini. Sistem pengairan moden dan automatik menggunakan teknologi pintar akan digunakan dalam sektor pertanian bagi mengurangkan pembaziran, menambah baik kecekapan dan membolehkan agihan air yang lebih tepat serta meningkatkan produktiviti.

Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, usaha bersepadu untuk memperkukuh sektor tenaga dan air telah dilaksana bagi merapatkan jurang pembangunan bandar dan luar bandar, memulihara sumber air dan menangani perubahan iklim. Walau bagaimanapun, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani termasuk ketidakcekapan urus tadbir, ketidakmampanan kewangan dan kekurangan infrastruktur yang berkualiti. Dalam tempoh RMKe-12, keutamaan akan diberi untuk mentransformasi pasaran tenaga melalui liberalisasi pasaran gas dan meningkatkan daya tahan industri bekalan elektrik supaya kalis cabaran masa hadapan. Sektor air pula akan diperkukuh melalui pendekatan keseluruhan negara dengan mempergiat pelaksanaan IWRM yang menjadi asas bagi mencapai transformasi sektor air pada tahun 2040.

Pemangkin Dasar

Pemangkin Dasar



	Perspektif Menyeluruh	P-2
Pemacu Perubahan X	Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan	P-7
Pemacu Perubahan XI	Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif	P-8
Pemacu Perubahan XII	Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjanaan Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi	P-9
Pemacu Perubahan XIII	Mentransformasi Ekosistem Logistik bagi Meningkatkan Kecekapan	P-10
Pemacu Perubahan XIV	Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan	P-11
Pemangkin Dasar 1	Membangunkan Bakat Masa Hadapan	
	Bab 10: Membangunkan Bakat Masa Hadapan	10-1
Pemangkin Dasar 2	Mempercepat Penerimagunaan Teknologi dan Inovasi	
	Bab 11: Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju	11-1
Pemangkin Dasar 3	Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan	
	Bab 12: Memperkukuh Kecekapan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik	12-1
Pemangkin Dasar 4	Memperkukuh Perkhidmatan Awam	
	Bab 13: Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam	13-1

Perspektif Menyeluruh

Pencapaian sasaran yang ditetapkan di bawah tiga tema RMKe-12 disokong oleh empat pemangkin dasar. Pemangkin ini memberi tumpuan kepada membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkukuh perkhidmatan awam.

Pemangkin Dasar 1: Membangunkan Bakat Masa Hadapan

Sasaran pertumbuhan yang ditetapkan di bawah RMKe-12 memerlukan pembangunan bakat berkemahiran tinggi untuk memenuhi keperluan ekonomi yang berkembang. Inisiatif yang dilaksana bagi mempercepat pembangunan modal insan dalam tempoh RMKe-11 telah menyumbang kepada peningkatan gaji minimum, pampasan pekerja (CE) yang lebih baik, peningkatan enrolmen murid sekolah dan pengambilan pelatih di institusi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) serta peningkatan kualiti universiti. Walau bagaimanapun, pasaran buruh dan sektor pendidikan terus menghadapi pelbagai cabaran. Ini termasuk peratusan CE yang rendah, ketidakcekapan pasaran buruh, akses yang terhad kepada pendidikan berkualiti dan kelemahan tadbir urus institusi pendidikan. Pandemik COVID-19 telah meningkatkan kadar pengangguran dan mewujudkan norma baharu dalam cara rakyat bekerja dan perniagaan beroperasi.

Oleh itu, RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat masa hadapan dengan menjajarkan semula pasaran buruh bagi memenuhi keperluan industri dan menambah baik lagi kualiti pendidikan. Antara inisiatif utama yang akan dilaksana bagi menjajarkan semula pasaran buruh adalah menggalakkan agihan CE yang lebih saksama dan penyertaan tenaga kerja wanita yang lebih tinggi serta memperkukuh sistem yang menyokong pasaran buruh. Selain itu, inisiatif utama untuk menambah baik sistem pendidikan dan latihan adalah meningkatkan kualiti pendidikan dan memanfaatkan teknologi baru muncul. Pelaksanaan kesemua inisiatif ini akan mewujudkan pasaran buruh yang lebih fleksibel dan meningkatkan taraf hidup rakyat.

Petunjuk Prestasi Utama Terpilih

Pemangkin Dasar 1
Bab 10: Membangunkan Bakat Masa Hadapan

40%	Pampasan Pekerja kepada KDNK
55%	Pengambilan Lepasan SPM atau Setaraf ke dalam Program TVET
86.7%	Kebolehpasaran Graduan di Institusi Pendidikan Tinggi dan TVET Awam

Ekosistem TVET yang kukuh merupakan pemangkin utama dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia. Ia akan menangani beberapa isu termasuk kebergantungan kepada pekerja asing, CE yang rendah dan pengangguran yang tinggi dalam kalangan belia. Dalam hubungan ini, teknologi baru muncul seperti realiti maya (VR), realiti terimbuh (AR) dan kecerdasan buatan (AI) akan dimanfaatkan untuk menjadi pelengkap kepada aktiviti praktikal sedia ada dalam pengajaran dan pembelajaran, serta penyelidikan dan pembangunan di dalam makmal dan bengkel. Ekosistem TVET yang kukuh merupakan pemacu perubahan yang akan membangunkan bakat tersedia masa hadapan bagi memenuhi keperluan industri. Sistem penarafan bagi institusi TVET akan diperkenalkan. Agihan peruntukan akan berdasarkan kepada beberapa komponen dalam sistem penarafan ini termasuk kebolehpasaran, kadar upah graduan, kerjasama industri dan pelaksanaan inisiatif sosial di kawasan luar bandar. Antara outcome utama yang dijangka adalah peningkatan pengambilan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) atau setaraf ke program TVET, peningkatan penawaran bilangan kursus berkaitan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) dan penciptaan pekerjaan baharu melalui keusahawanan.

Pemangkin Dasar 2: Mempercepat Penerimagunaan Teknologi dan Inovasi

Malaysia perlu terus berubah dan berinovasi untuk menjadi negara digital yang makmur dan berdaya tahan. Pendigitalan, penerimagunaan teknologi dan inovasi adalah penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Walau bagaimanapun, terdapat isu dan cabaran dalam menerima guna teknologi termaju dan pendigitalan. Ini termasuk infrastruktur dan perkhidmatan digital yang tidak mencukupi, tadbir urus yang tidak bersepadu, jurang digital yang semakin melebar serta kurangnya keupayaan untuk melaksana penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I).

Dalam tempoh RMKe-12, penerimagunaan dan penggunaan teknologi digital dan termaju akan dipercepat dalam mewujudkan dan membuka peluang baharu untuk meraih manfaat ekonomi digital serta mencapai pertumbuhan yang

Petunjuk Prestasi Utama Terpilih

Pemangkin Dasar 2
Bab 11: Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju

- **25.5%** Sumbangan Ekonomi Digital kepada KDNK
- **10.5%** Sumbangan e-dagang kepada KDNK
- **2.5%** Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) kepada KDNK
- **20 Teratas** Kedudukan dalam *Global Innovation Index*

inklusif, bertanggungjawab dan mampan. Pemangkin dasar ini akan mempercepat pendigitalan dan menggalakkan penerimagunaan teknologi baharu dan termaju dalam semua sektor. Bilangan bakat dan tahap kemahiran yang diperlukan untuk memacu ekonomi digital dan menerima guna teknologi 4IR akan ditingkatkan, manakala R&D&C&I akan dipergiat. Malaysia juga akan mengarus perdana pendigitalan untuk pembangunan yang lebih inklusif dan menarik lebih banyak pelaburan bagi membolehkan negara menerajui ekonomi digital di rantau ini. Pemangkin dasar ini akan merealisasikan sasaran 25.5% sumbangan ekonomi digital dan 10.5% sumbangan e-dagang kepada KDNK, 100% liputan 4G di kawasan berpenduduk, liputan 5G yang lebih luas, 2.5% perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada KDNK, 50 platform ekonomi perkongsian tempatan yang diakreditasi dan 2,000 permohonan paten oleh warganegara pada tahun 2025.

Pemangkin dasar ini mengenal pasti dua pemacu perubahan bagi mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi yang akan meningkatkan ketersambungan digital untuk pembangunan inklusif serta menjajarkan penyelidikan dan pembangunan untuk pengkomersialan, penjanaan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi.

Pemangkin Dasar 3: Menambah Baik Ketersambungan dan Infrastruktur Pengangkutan

Sektor pengangkutan dan logistik adalah pemacu utama ke arah menjadi negara berpendapatan tinggi. Usaha akan diteruskan lagi untuk menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir bagi mempermudah aktiviti perdagangan serta menyelesaikan isu berkaitan tadbir urus pengangkutan dan logistik. Sehubungan itu, pemangkin dasar ini akan memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan infrastruktur pengangkutan dan logistik untuk menyediakan perkhidmatan yang selamat, berdaya harap, mampu bayar dan mampan.

Di bawah RMKe-12, integrasi mod pengangkutan yang berbeza akan ditambah baik untuk mewujudkan ketersambungan yang lancar dalam memenuhi keperluan rakyat dan industri. Usaha berterusan akan dilaksana untuk mempertingkat ketersambungan batuan akhir melalui integrasi rangkaian rel dan jalan raya yang menghubungkan lapangan terbang, pelabuhan, kawasan perindustrian dan bandar. Kapasiti infrastruktur dan perkhidmatan pelabuhan akan ditingkatkan dengan

Petunjuk Prestasi Utama Terpilih

Pemangkin Dasar 3
Bab 12: Memperkukuh Kecekapan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik

5% Pertumbuhan Tahunan Penggunaan Pengangkutan Awam di GKL/KV

Memperkenalkan Peraturan Penggudangan Nasional

30 Teratas Kedudukan dalam Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia

menambah baik kemudahan dan peralatan serta proses kerja. Ini akan membolehkan pelabuhan mengendali kapal yang lebih besar serta menyediakan perkhidmatan pengendalian kargo yang lebih cekap kepada pengguna pelabuhan.

Strategi mentransformasi perkhidmatan logistik akan menjadi pemacu perubahan bagi meningkatkan lagi kecekapan memandangkan sektor ini merupakan tulang belakang kepada sektor lain. Antara inisiatif yang akan diberi tumpuan ialah mempercepat pendigitalan, memusatkan perancangan dan pembangunan hab logistik dan membangunkan rangka kerja kawal selia nasional bagi pergudangan dan ekonomi maritim. Dalam hubungan ini, pemain logistik akan digalakkan untuk menerima guna pendekatan pergerakan kargo pelbagai mod bagi meningkatkan keupayaan perkhidmatan logistik dan mengurangkan kos pengedaran. Ini juga akan memperluas akses ke kawasan terpencil dan membolehkan pengesanan penghantaran berdasarkan masa sebenar yang dapat menambah baik ketersediaan, daya harap dan kecekapan perkhidmatan. Kejayaan melaksanakan inisiatif ini akan memastikan daya harap dan kecekapan perkhidmatan pengangkutan dan logistik yang lebih baik.

Pemangkin Dasar 4: Memperkukuh Perkhidmatan Awam

Pemangkin dasar keempat ini menyokong semua tema dan tiga pemangkin dasar serta berfungsi sebagai pemudah cara keseluruhan dalam pembangunan Malaysia. Penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan sangat penting dalam memenuhi harapan rakyat, menyokong pelaksanaan projek dan memastikan penggunaan sumber secara optimum. Walau bagaimanapun, terdapat pelbagai cabaran yang harus ditangani dalam pembangunan bakat, ekosistem tadbir urus dan mekanisme pengurusan projek. Cabaran ini termasuk ketidaksepadanan antara kelayakan dan penempatan penjawat awam, perkhidmatan dalam talian yang kurang komprehensif, penerimagunaan teknologi digital yang rendah serta kerjasama dan penyelarasan yang kurang berkesan dalam pemantauan projek. Dalam menangani isu ini, penerimagunaan pendekatan keseluruhan kerajaan akan dipertingkat melalui kerjasama yang lebih baik dalam kalangan Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan dalam memastikan penjajaran keutamaan pembangunan.

Petunjuk Prestasi Utama Terpilih

Pemangkin Dasar 4
Bab 13: Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam

30 Teratas	Kedudukan dalam Indeks Persepsi Rasuah
80%	Perkhidmatan Dalam Talian dari Peringkat Awal ke Akhir Kerajaan Persekutuan
90%	Pihak Berkuasa Tempatan Mencapai Taraf 4 Bintang
-3.5% hingga -3.0%	Peratusan Baki Fiskal kepada KDNK

Dalam tempoh RMKe-12, perkhidmatan awam akan dimantapkan dan pemimpin masa hadapan dalam kalangan penjawat awam akan dibentuk. Pendekatan keseluruhan kerajaan akan dipertingkat untuk menambah baik pentadbiran kerajaan dan kecekapan operasi, meningkatkan keupayaan membuat keputusan dan inovasi, serta memperkukuh ekosistem tadbir urus. Di samping itu, pengurusan projek dan belanjawan akan ditambah baik dengan mengkaji semula rangka dan proses belanjawan serta meningkatkan keberkesanan pelaksanaan projek.

Di bawah pemangkin dasar ini, struktur dan fungsi kementerian dan agensi akan dikaji dan disusun semula bagi mewujudkan organisasi yang lebih mendatar dan mengurangkan kerenah birokrasi dalam pentadbiran kerajaan. Peningkatan permintaan dan harapan yang tinggi terhadap kerajaan yang cekap dan telus memerlukan penjawat awam yang polos politik dan berkecuali dalam melaksanakan semua tugas dan tanggungjawab. Akta bagi perkhidmatan awam akan diperkenalkan untuk memastikan pengasingan kuasa yang jelas antara Anggota Pentadbiran dan penjawat awam. Selain itu, adalah penting untuk memastikan bahawa penjawat awam berpengetahuan dan memiliki sikap dan keperibadian yang baik serta kemahiran kepimpinan yang tinggi. Dalam hubungan ini, pengukuhan mekanisme pemilihan pegawai pengurusan tertinggi akan meningkatkan prestasi keseluruhan perkhidmatan awam. Mekanisme pengambilan pegawai pengurusan dan profesional untuk pelbagai skim juga akan ditambah baik. Penambahbaikan ini penting bagi mendapatkan bakat yang terbaik ke arah perkhidmatan awam yang lebih cekap, berkesan dan cemerlang. Di samping itu, usaha mempercepat pendigitalan dan pelaksanaan inisiatif di bawah Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia dalam sektor awam akan meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan awam. Outcome pemangkin dasar ini akan membantu Malaysia untuk berada dalam kedudukan 30 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah dan sembilan teratas bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *IMD World Competitiveness Yearbook* serta meningkatkan perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir Kerajaan Persekutuan kepada 80%.

Kejayaan pelaksanaan empat pemangkin dasar ini akan menyediakan asas dan rangka pembangunan negara bagi tempoh lima tahun akan datang dan tahun-tahun seterusnya. Keberkesanan dan kecekapan perkhidmatan awam adalah penting dalam merealisasikan aspirasi Malaysia untuk menjadi negara berpendapatan tinggi dan mencapai objektif WKB 2030.

Pemacu Perubahan X
Menambah Baik Ekosistem TVET bagi Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan

Mengapa TVET penting?

Ekosistem TVET yang kukuh merupakan teras utama kepada pembangunan sosioekonomi Malaysia. Dengan adanya ekosistem TVET ini akan:

- Menangani isu kebergantungan kepada pekerja asing, pampasan pekerja (CE) yang rendah dan keciciran pelajar.
- Mengurangkan jurang antara kualiti graduan dan keperluan industri.
- Meningkatkan kualiti institusi TVET dan menggalakkan lebih banyak kerjasama industri.
- Meningkatkan kemahiran komuniti di kawasan luar bandar.
- Menjadikan TVET pilihan utama pelajar.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Usaha mewujudkan ekosistem TVET tersedia masa hadapan melibatkan beberapa inisiatif yang menyeluruh seperti berikut:

- Menubuhkan Majlis TVET Kebangsaan.
- Mempromosikan jenama tunggal untuk mewakili semua institusi TVET awam dan swasta.
- Memanfaatkan teknologi baru muncul seperti realiti maya, realiti terimbuh dan kecerdasan buatan.
- Memperkenalkan sistem penarafan berdasarkan kebolehpasaran, kadar upah graduan, kerjasama industri dan pelaksanaan inisiatif sosial di kawasan luar bandar.
- Peruntukan akan berasaskan kepada sistem penarafan.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Graduan TVET memenuhi permintaan industri.
- Lebih banyak kerjasama dengan industri utama.
- Peningkatan kemasukan pelajar lepasan SPM kepada 55% dan penawaran lebih banyak kursus berkaitan 4IR.
- Graduan TVET yang berkelayakan diiktiraf sebagai profesional oleh Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT).
- Lebih banyak pekerjaan baharu diwujudkan melalui keusahawanan.
- Pengurangan kebergantungan kepada buruh asing.
- Peratusan CE yang lebih tinggi.

Pemacu Perubahan XI
Meningkatkan Ketersambungan Digital untuk Pembangunan Inklusif

Mengapa ketersambungan digital penting?

Ketersambungan digital adalah pemacu utama untuk mencapai pertumbuhan yang inklusif dan mampan. Ini akan membolehkan negara:

- Menangani isu ketersambungan digital yang berkualiti rendah, perkhidmatan jalur lebar dan peranti digital tidak mampu milik serta akses yang kurang saksama.
- Mengurangkan perbezaan dasar dan prosedur berkaitan penyediaan infrastruktur digital antara negeri.
- Menyelesaikan masalah industri yang berada di luar zon perindustrian terpilih serta tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan gigabit bagi menerima guna teknologi baru muncul dan 4IR.
- Menangani isu kumpulan mudah terjejas yang tidak dapat mengikuti pembelajaran jarak jauh.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Malaysia menyasarkan untuk mempercepat ketersambungan digital dengan melaksana inisiatif berikut:

- Memperkenalkan perkhidmatan telekomunikasi sebagai utiliti awam di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dan undang-undang lain yang berkaitan.
- Mempercepat pelaksanaan infrastruktur digital dengan menggalakkan lebih banyak pelaburan sektor swasta.
- Mengkaji kebolehlaksanaan konsep bayaran setiap penggunaan.
- Memperluas capaian kepada peranti digital dan pelan data percuma untuk pelajar daripada kumpulan tertentu melalui pendekatan kerjasama antara rakyat, swasta dan kerajaan.

Apakah hasil pelaksanaan?

- 100% liputan 4G di kawasan berpenduduk.
- Liputan 5G yang lebih luas.
- Kelajuan jalur lebar mudah alih melebihi 100Mbps.
- 100% isi rumah melanggan internet.
- Sembilan juta premis disediakan perkhidmatan jalur lebar talian tetap.
- Semua pelajar mempunyai akses kepada internet dan peranti digital.

Pemacu Perubahan XII
Menjajarkan Penyelidikan dan Pembangunan untuk Pengkomersialan, Penjanaan Kekayaan dan Pertumbuhan Ekonomi

Mengapa penjajaran R&D penting?

Pelaburan R&D masih rendah. Pengkomersialan R&D adalah penting bagi mencapai status negara berpendapatan tinggi. Penjajaran semula R&D untuk pengkomersialan akan mencapai objektif berikut:

- Meningkatkan pengkomersialan serta memacu inovasi dan pertumbuhan negara.
- Menghasilkan lebih banyak produk dan penyelesaian berasaskan industri dan mempunyai nilai ditambah yang tinggi.
- Menangani isu pelaburan dalam R&D&C&I yang rendah.
- Meningkatkan produktiviti dan beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi.
- Menangani peratusan penyelidikan pembangunan berbentuk eksperimental yang rendah.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Usaha menjajarkan R&D untuk pengkomersialan, penjanaan kekayaan dan pertumbuhan ekonomi akan memerlukan inisiatif bersasar yang merangkumi:

- Memastikan 50% daripada dana penyelidikan ditumpukan kepada penyelidikan pembangunan berbentuk eksperimental dengan potensi pengkomersialan yang tinggi.
- Memastikan aktiviti R&D&C&I adalah sejajar dengan keutamaan negara melalui Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) yang baru ditubuhkan.
- Menubuhkan sebuah pusat sehenti bagi pengkomersialan dan pemindahan teknologi untuk meningkatkan penghasilan teknologi tempatan.
- Mempertingkat pelaburan sektor swasta dalam R&D&C&I dan akses kepada pembiayaan alternatif.
- Mewujudkan dana endowmen bagi memperoleh sumber kewangan daripada industri, geran sepadan, dana masyarakat dan wakaf.
- Mewujudkan lebih ramai bakat tempatan sebagai pembangun dan pencipta teknologi.

Apakah hasil pelaksanaan?

- 2.5% GERD kepada KDNK.
- Kedudukan 20 teratas dalam *Global Innovation Index*.

Pemacu Perubahan XIII
Mentransformasi Ekosistem Logistik bagi Meningkatkan Kecekapan

Mengapa kita perlu mentransformasi sektor ini?

Malaysia mempunyai asas yang kukuh dalam infrastruktur logistik. Peningkatan kecekapan akan membolehkan Malaysia memanfaatkan sepenuhnya aset sedia ada dan mencapai dua matlamat, iaitu:

- Menjadi pemangkin yang berkesan dalam menyokong industri lain meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan menyediakan pekerjaan.
- Mengatasi masalah daya saing dalam sektor ini.

Bagaimana ini dapat dicapai?

RMKe-12 meletakkan matlamat untuk mencapai transformasi melalui inisiatif berikut:

- Memusatkan perancangan dan pembangunan hab logistik.
- Mempercepat penerimagunaan digital bagi meningkatkan kecekapan perkhidmatan logistik.
- Mendorong penggabungan dan pengambilalihan untuk mewujudkan penyedia perkhidmatan yang berdaya tahan dan berdaya saing.
- Menambah baik fasilitasi perdagangan dengan mewujudkan agensi tunggal sempadan.
- Membangunkan rangka kerja kawal selia nasional bagi pergudangan dan ekonomi maritim.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Kecekapan pelepasan import dan eksport, ketepatan masa serta pengesanan dan penjejakan yang ditambah baik.
- Kedudukan 30 teratas dalam Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia daripada kedudukan ke-41 pada tahun 2018.
- Sumbangan subsektor pengangkutan dan penyimpanan kepada KDNK mencecah RM54.8 bilion.
- Penyedia perkhidmatan logistik yang berdaya tahan dan berdaya saing.
- Peningkatan daya saing perdagangan antarabangsa.
- Struktur tadbir urus yang kukuh dan terselaras.

Pemacu Perubahan XIV
Mentransformasi Perkhidmatan Awam melalui Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

Mengapa transformasi perkhidmatan awam penting?

RMKe-12 bertujuan untuk menjadikan perkhidmatan awam sebagai model peranan bagi kecekapan, kredibiliti dan kompetensi. Transformasi ini bertujuan untuk:

- Memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang cekap dan berkesan.
- Meningkatkan kredibiliti perkhidmatan awam dan kesejahteraan rakyat serta memulihkan kepercayaan dan keyakinan daripada pihak berkepentingan dan rakyat.
- Memastikan pengasingan peranan dan tanggungjawab yang jelas antara Anggota Pentadbiran dan penjawat awam.
- Memperkukuh mekanisme pemilihan pegawai pengurusan tertinggi dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.
- Mempercepat penerimagunaan teknologi digital.
- Memperkukuh perkhidmatan awam melalui pendekatan keseluruhan kerajaan.

Bagaimana ini dapat dicapai?

Pendekatan keseluruhan kerajaan memerlukan pelaksanaan inisiatif yang komprehensif. Inisiatif ini termasuk:

- Mengkaji dan menyusun semula struktur dan fungsi kementerian dan agensi bagi mewujudkan organisasi yang lebih mendatar, mengurangkan kerenah birokrasi, meningkatkan ketelusan dan mengoptimumkan penggunaan sumber.
- Memperkenalkan akta bagi perkhidmatan awam untuk memastikan semak dan imbang yang lebih berkesan antara kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman.
- Memperkukuh mekanisme pemilihan pegawai pengurusan tertinggi.
- Menambah baik mekanisme pengambilan pegawai pengurusan dan profesional untuk pelbagai skim bagi memperoleh bakat yang terbaik.
- Mempercepat pendigitalan dalam sektor awam.

Apakah hasil pelaksanaan?

- Kedudukan 30 teratas dalam Indeks Persepsi Rasuah.
- Kedudukan sembilan teratas bagi subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *IMD World Competitiveness Yearbook*.
- 80% perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir Kerajaan Persekutuan.
- Pengasingan kuasa yang jelas antara cabang eksekutif, perundangan dan kehakiman.
- Perkhidmatan awam yang cekap, bertanggungjawab dan polos politik.
- Penggunaan sumber sedia ada yang optimum serta hak dan tanggungjawab penjawat awam yang terpelihara.
- Asas yang kukuh bagi menjadi sebuah negara yang makmur, inklusif dan mampan.

Bab
10

Membangunkan Bakat Masa Hadapan



Pendahuluan 10-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 10-3

- Pencapaian Sasaran Terpilih 10-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 10-6
- Reformasi Pasaran Buruh untuk Meningkatkan Kecekapan dan Produktiviti 10-6
- Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan bagi Menambah Baik Outcome Murid 10-8
- Peningkatan Akses kepada Pendidikan Tinggi yang Berkualiti 10-8
- Transformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional 10-10

Isu dan Cabaran 10-11

- Ketidaksamaan dalam Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh 10-11
- Ketidakcekapan Pasaran Buruh 10-12
- Perubahan Pasaran Buruh Disebabkan Pandemik COVID-19 10-12
- Outcome Pelajar yang Rendah 10-13
- Penyelarasan dan Tadbir Urus yang Kurang Mantap 10-13
- Ekosistem yang Tidak Kondusif untuk Inovasi 10-14
- Akses Pendidikan yang Terhad bagi Murid Berkeperluan Khas dan Orang Asli 10-15

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 10-15

- Bidang Keutamaan A 10-18
  Menjajarkan Semula Pasaran Buruh untuk Pertumbuhan yang Inklusif dan Mampan
- Bidang Keutamaan B 10-22
  Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan

Kesimpulan 10-29

10

Pendahuluan

Modal insan merupakan pemacu utama kepada pertumbuhan ekonomi dan pembangunan sosioekonomi. Dalam tempoh RMKe-11, pembangunan modal insan tertumpu kepada empat bidang, iaitu meningkatkan kualiti pendidikan, mentransformasi pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), memperkukuh pembelajaran sepanjang hayat (PSH) dan meningkatkan kecekapan pasaran buruh untuk memenuhi permintaan industri. Usaha bagi memacu pembangunan modal insan telah mencapai kejayaan yang menggalakkan. Enrolmen pada peringkat sekolah dan TVET telah meningkat, manakala kualiti universiti dan produktiviti buruh telah bertambah baik. Pendidikan berkualiti oleh pelbagai institusi pendidikan terus menjadi keutamaan kerana ia membentuk asas dalam membina ekonomi yang berdaya tahan. Sistem pendidikan berkualiti tinggi akan melahirkan kumpulan bakat yang berkaliber. Bakat ini mempunyai kemahiran yang relevan dengan industri dan kebolehsuaian yang tinggi. Walau bagaimanapun, isu-isu pasaran buruh dan sistem pendidikan yang telah sekian lama dihadapi masih lagi wujud dan perlu ditangani. Isu ini termasuklah pampasan pekerja (CE) yang rendah, pasaran buruh yang tidak cekap, akses kepada pendidikan berkualiti yang terhad dan tadbir urus institusi pendidikan yang kurang berkesan. Di samping itu, pandemik COVID-19 telah menyebabkan peningkatan kadar pengangguran dan mewujudkan norma baharu dalam cara bekerja dan kaedah perniagaan. Keadaan ini memerlukan penjajaran semula pasaran buruh serta landskap pendidikan dan latihan.

RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada penjajaran semula pasaran buruh untuk mencapai pertumbuhan yang inklusif dan mampan serta pembangunan bakat tersedia yang akan memenuhi keperluan masa hadapan. Tumpuan akan diberi untuk meningkatkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia, mencapai CE yang lebih saksama, menambah baik kadar penyertaan tenaga buruh dan memperkukuh sistem yang menyokong pasaran buruh. Strategi untuk menyediakan bakat yang akan memenuhi keperluan masa hadapan termasuklah meningkatkan kualiti program akademik dan latihan, memastikan outcome pembelajaran yang lebih saksama, memanfaatkan teknologi baru muncul dan memperkukuh tadbir urus.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, Malaysia kekal mencatatkan guna tenaga penuh serta peningkatan produktiviti buruh dan kebolehpasaran graduan. Enrolmen di sekolah, institusi pendidikan tinggi (IPT) dan institusi TVET juga bertambah baik. Walau bagaimanapun pada tahun 2020, kadar pengangguran telah meningkat. Produktiviti buruh pula mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan susulan daripada penguncupan ekonomi dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Usaha telah dilaksana untuk mereformasi pasaran buruh, meningkatkan kecekapan pekerja, menyediakan akses yang lebih luas kepada pendidikan dan latihan yang berkualiti serta memupuk jalinan industri-akademia yang lebih kukuh. Pelaksanaan semua usaha ini telah menyumbang kepada modal insan yang lebih berkualiti dan berdaya tahan. Ini akan membolehkan negara bersaing dalam persekitaran ekonomi global yang lebih kompetitif.

Pencapaian Sasaran Terpilih


Sembilan sasaran telah ditetapkan di bawah tonggak dasar memperkasa modal insan, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 10-1*. Tiga daripada sasaran tersebut telah dicapai, iaitu gaji dan upah penengah bulanan, semakan semula undang-undang perburuhan dan kebolehpasaran graduan TVET. Dua sasaran yang telah ditetapkan di bawah reformasi pasaran buruh tidak dicapai, iaitu pertumbuhan produktiviti buruh dan sumbangan CE kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK). Sasaran yang tidak dicapai ini terutama disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan berikutan pandemik COVID-19 dan kebergantungan yang tinggi kepada pekerja asing berkemahiran rendah. Skor dalam *Programme for International Student Assessment* (PISA)[1] dan *Trends in International Mathematics and Science Study* (TIMSS)[2] pula telah menunjukkan peningkatan. Walau bagaimanapun, kedua-duanya masih berada di bawah paras purata antarabangsa. Hanya satu universiti yang disenaraikan pada kedudukan 100 teratas dalam *Quacquarelli Symonds World University Rankings* (QSWUR). Kadar enrolmen murid pada peringkat prasekolah[3] dan menengah pula masih rendah berbanding enrolmen sejagat yang melebihi 95%. Kemasukan pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk mengikuti program TVET juga adalah kurang daripada sasaran 225,000 pelajar. Hal ini disebabkan oleh persepsi awam terhadap TVET sebagai pilihan kedua dan landskap TVET yang tidak bersepadu.

[1] PISA dikendalikan oleh Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) setiap tiga tahun sekali sejak tahun 2000.
[2] TIMSS dijalankan oleh *International Association for the Evaluation of Educational Achievement* (IEA) setiap empat tahun sekali sejak tahun 1995.
[3] Persekolahan bagi kanak-kanak berumur 5+ tahun.


Paparan 10-1

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih


Mereformasi Pasaran Buruh



Pertumbuhan Produktiviti Buruh per Pekerja



Pampasan Pekerja kepada KDNK



Gaji dan Upah Penengah Bulanan

Menambah Baik Kecekapan dan Produktiviti Buruh




Kajian Semula Undang-undang Perburuhan: Akta Kerja 1955, Akta Kesatuan Sekerja 1959 dan Akta Perhubungan Perusahaan 1967


Meningkatkan Akses kepada Pendidikan dan Latihan Berkualiti



Sekurang-kurangnya Setara dengan Purata Antarabangsa dalam Penilaian PISA dan TIMSS[1]



Enrolmen Pendidikan Peringkat Prasekolah dan Menengah




Pengambilan Lepasan SPM ke Aliran TVET



2 Universiti dalam Kalangan 100 Teratas QSWUR

Memupuk Jalinan Industri-Akademia yang Lebih Kukuh



Graduan TVET Mendapat Pekerjaan dalam Tempoh Enam Bulan Selepas Tamat Pengajian



Nota: [1] Penilaian PISA pada tahun 2018 dan TIMSS pada tahun 2019.

Pencapaian Inisiatif Terpilih

Reformasi Pasaran Buruh untuk Meningkatkan Kecekapan dan Produktiviti

Jumlah tenaga buruh di Malaysia meningkat sebanyak 1.8% setahun daripada 14.5 juta orang pada tahun 2015 kepada hampir 15.7 juta orang pada tahun 2020. Kadar penyertaan tenaga buruh (LFPR) meningkat setiap tahun sebanyak 0.12 mata peratusan kepada 68.5% pada tahun 2020 berbanding 67.9% pada tahun 2015. Kadar pengangguran meningkat daripada 3.1% pada tahun 2015 kepada 3.3% pada tahun 2019, kekal pada guna tenaga penuh. Walau bagaimanapun, kadar pengangguran meningkat kepada 4.5% pada tahun 2020. Peningkatan ini adalah kesan daripada pandemik COVID-19 yang telah melonjakkan kadar pengangguran ke paras tertinggi, iaitu 5.3% pada 2020.

Sejumlah 220,800 pekerjaan baharu telah diwujudkan setiap tahun dalam tempoh 2016 hingga 2020. Jumlah ini tidak mencapai sasaran yang ditetapkan, iaitu sebanyak 1.3 juta peluang pekerjaan baharu dalam tempoh RMKe-11, bersamaan dengan 256,000 pekerjaan baharu setahun. Sebahagian besar pekerjaan baharu yang diwujudkan adalah dalam sektor perkhidmatan, iaitu purata sebanyak 213,000 pekerjaan setahun, diikuti oleh sektor pembuatan sebanyak 34,600 pekerjaan. Walau bagaimanapun, sektor pembinaan mencatatkan penurunan pekerjaan tahunan tertinggi, iaitu sebanyak 24,000 pekerjaan, diikuti sektor pertanian sebanyak 2,000 pekerjaan serta sektor perlombongan dan pengkuarian sebanyak 1,000 pekerjaan.

Komposisi pekerja mahir telah meningkat daripada 25.5% pada tahun 2015 kepada 28.2% pada tahun 2020. Namun, peningkatan ini masih di bawah sasaran RMKe-11 sebanyak 30.1%. Dalam tempoh yang sama, komposisi pekerja berkemahiran rendah pula telah berkurangan daripada 13.8% kepada 11.9%. Pencapaian ini, antara lain disebabkan oleh usaha untuk mempercepat automasi dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing yang berkemahiran rendah.

Reformasi pasaran buruh dalam RMKe-11 dipantau melalui tiga pemboleh ubah utama, iaitu CE, gaji dan upah penengah bulanan serta produktiviti buruh. Prestasi CE dan produktiviti buruh bagi tempoh 2016 hingga 2020 masih berada di bawah sasaran yang ditetapkan. Pada tahun 2019, sumbangan CE kepada KDNK hanya sebanyak 35.9% berbanding sasaran 38%, manakala produktiviti buruh per pekerja mencatatkan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 1.1%, berbanding sasaran 3.2%. Gaji dan upah penengah bulanan pada peringkat nasional mencapai RM2,442. Walau bagaimanapun, jurang gaji dan upah antara negeri kekal lebar, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 10-2*.

Kotak 10-1

Kependudukan dan Demografi

Penduduk Malaysia meningkat daripada 31.2 juta pada tahun 2015 kepada 32.7 juta pada tahun 2020[1]. Manakala, kadar kesuburan (TFR)[2] menurun daripada 2.0 pada tahun 2015 kepada 1.8 pada tahun 2019. Sejak tahun 2013, TFR negara berada di bawah paras penggantian 2.1. Kadar ini menunjukkan bahawa purata bilangan bayi yang dilahirkan oleh seorang wanita sepanjang tempoh kesuburannya tidak mencukupi untuk menggantikan ibu bapa bayi tersebut.


Penduduk muda yang berumur 14 tahun dan ke bawah, berkurang daripada 7.8 juta orang pada tahun 2015 kepada 7.6 juta pada tahun 2020. Manakala, penduduk umur bekerja, iaitu yang berumur 15 hingga 64 tahun meningkat daripada 21.6 juta orang kepada 22.8 juta orang dalam tempoh yang sama, menyumbang kepada dividen demografi[3].

Penduduk tua, iaitu yang berumur 65 tahun dan ke atas meningkat daripada 1.8 juta orang pada tahun 2015 kepada 2.3 juta orang pada tahun 2020. Berdasarkan unjuran penduduk tahun 2010 hingga 2040, Malaysia dijangka menjadi negara menua[4] pada tahun 2030 apabila penduduk yang berumur 60 tahun dan ke atas mewakili 15% daripada jumlah penduduk.

1 Berdasarkan anggaran penduduk oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.
2 Purata bilangan anak yang akan dilahirkan bagi wanita sepanjang tempoh kesuburan, iaitu berumur 15 hingga 49 tahun.
3 Potensi pertumbuhan ekonomi yang berpunca daripada perubahan struktur usia penduduk, terutama apabila bahagian penduduk usia bekerja yang berumur 15 hingga 64 tahun adalah lebih besar daripada bahagian penduduk usia tidak bekerja yang berumur 14 tahun ke bawah dan 65 tahun dan ke atas.
4 Berdasarkan Dasar Warga Emas Negara.

Paparan 10-2

Gaji dan Upah Penengah Bulanan Mengikut Negeri, 2019



Sumber: Survei Gaji dan Upah 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

Pindaan beberapa undang-undang perburuhan telah dilaksana bagi mengukuhkan pasaran buruh serta menambah baik hak pekerja. Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] telah dipinda pada tahun 2019 bagi mempercepat proses membuat keputusan melalui penurunan kuasa Menteri dan pengurangan budi bicara Ketua Pengarah. Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262] sedang dipinda selaras dengan perkembangan terkini dalam pasaran buruh bagi memenuhi piawaian buruh antarabangsa. Cadangan pindaan Akta 265 termasuk memanjangkan tempoh cuti bersalin, memperkenalkan masa bekerja yang lebih singkat dan membolehkan aturan kerja yang fleksibel. Manakala, pindaan Akta 262 akan meningkatkan kebebasan berpersatuan.

Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] dan Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] juga telah diperkenalkan untuk meningkatkan kecekapan pasaran buruh. Akta 789 bertujuan menyediakan perlindungan terhadap kecederaan akibat kemalangan atau penyakit yang disebabkan oleh pekerjaan bagi yang bekerja sendiri termasuk semasa dalam perjalanan untuk tujuan kerja. Akta 800 yang berkuat kuasa mulai Januari 2018 menyediakan beberapa faedah tertentu dan peluang penempatan pekerjaan semula di bawah dasar pasaran buruh yang aktif kepada pekerja yang mempunyai insurans sekiranya berlaku kehilangan pekerjaan.

Perintah Gaji Minimum telah disemak sebanyak tiga kali dalam tempoh RMKe-11. Semakan pertama yang berkuat kuasa pada 1 Julai 2016 adalah untuk meningkatkan gaji minimum di Semenanjung Malaysia daripada RM900 kepada RM1,000, manakala di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan daripada RM800 kepada RM920. Semakan kedua pada tahun 2018 adalah untuk menyeragamkan gaji minimum di seluruh Malaysia kepada RM1,100 yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019. Semakan ketiga yang berkuat kuasa mulai 1 Februari 2020 telah meningkatkan gaji minimum kepada RM1,200 di 16 majlis bandaraya yang terdiri daripada 14 ibu negeri, Kuala Lumpur dan Bandar Iskandar Puteri serta 40 majlis perbandaran. Kesemua semakan ini adalah untuk membantu pekerja menampung kos sara hidup yang meningkat.

Peningkatan Akses dan Kualiti Pendidikan bagi Menambah Baik Outcome Murid

Dalam tempoh RMKe-11, kemajuan yang ketara telah dicapai dalam usaha meningkatkan akses kepada pendidikan berkualiti menerusi pelbagai inisiatif bagi menambah baik outcome murid. Pada tahun 2020, kadar enrolmen peringkat prasekolah adalah sebanyak 90.2%[4] disumbangkan oleh peningkatan bilangan kelas prasekolah daripada 47,994 pada tahun 2015 kepada 52,907 pada tahun 2020. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) telah disemak semula pada tahun 2017 untuk memastikan ia adalah komprehensif dan bersepadu bagi memenuhi keperluan perkembangan fizikal, emosi, kerohanian, intelektual dan sosial murid.

Kadar enrolmen pendidikan peringkat rendah meningkat daripada 97.2% pada tahun 2015 kepada 98.2% pada tahun 2020, manakala kadar enrolmen bagi peringkat menengah meningkat daripada 88.3% kepada 92.4%. Tiada jurang perbezaan antara gender dalam enrolmen pendidikan. Peningkatan kadar enrolmen sebahagiannya disumbangkan oleh peningkatan jumlah murid cicir[5] yang kembali bersekolah. Peratus murid cicir berkurang daripada 1.50% pada tahun 2016 kepada 1.13% pada tahun 2020. Program Sifar Murid Cicir yang dimulakan pada tahun 2018 telah menunjukkan hasil yang positif. Melalui program ini, seramai 287 murid cicir telah kembali ke sekolah pada tahun 2018 dan bilangan ini telah meningkat kepada 3,440 murid pada tahun 2020.

Pelbagai usaha telah dilaksana untuk terus menambah baik kualiti pendidikan agar setaraf dengan piawaian antarabangsa. Antara usaha tersebut adalah menambah baik kaedah pengajaran dan pembelajaran, sistem penilaian murid dan persekitaran sekolah serta meningkatkan kompetensi guru dan kualiti pemimpin sekolah. Usaha ini telah menyumbang kepada peningkatan pencapaian pelajar dalam pentaksiran antarabangsa. Pencapaian Malaysia dalam PISA pada tahun 2018 adalah lebih baik berbanding pencapaian pada tahun 2012 dengan skor 415 mata untuk Membaca, 440 mata untuk Matematik dan 438 mata untuk Sains. Manakala, bagi pencapaian *paper*TIMSS 2019[6], skor Malaysia adalah 473 mata untuk Matematik dan 469 mata untuk Sains berbanding dengan TIMSS 2015 dengan skor 465 untuk Matematik dan 471 untuk Sains. Bagi eTIMSS, Malaysia mencapai skor 461 untuk Matematik dan 460 untuk Sains. Secara umumnya, Malaysia mencatatkan peningkatan dalam kesemua domain kandungan dengan skor yang signifikan bagi kedua-dua subjek Sains dan Matematik.

Program Dwibahasa (DLP) dalam Matematik dan Sains serta Program Imersif Tinggi (HIP) telah diperkenalkan pada tahun 2016 untuk menyemai budaya pembelajaran yang positif dan menggalakkan penggunaan bahasa Inggeris. Bilangan sekolah yang melaksanakan DLP telah meningkat daripada 379 sekolah pada tahun 2016 kepada 2,304 pada tahun 2020. Sehingga tahun 2018, kesemua 10,207 sekolah kerajaan telah melaksana HIP. Program HIP telah diperluas kepada 116 institusi pendidikan lain yang terdiri daripada kolej vokasional dan institut pendidikan guru (IPG) pada tahun 2019.

Beberapa inisiatif telah dilaksana untuk menambah baik pengajaran dan pembelajaran dengan menggalakkan penggunaan platform digital bagi pembelajaran dalam talian dan memperluas akses kepada persekitaran pembelajaran maya (VLE) di sekolah. Sehingga Jun 2019, sebanyak 9,823 sekolah dan 328 pejabat pendidikan telah mempunyai akses kepada internet melalui program 1Bestarinet. Tiga penyedia perkhidmatan internet (ISP) telah dilantik untuk menyediakan perkhidmatan di 10,207 sekolah dan pejabat pendidikan untuk tempoh interim setelah program 1Bestarinet berakhir pada 30 Jun 2019. Platform pembelajaran digital baharu, iaitu *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* (DELIMa) telah dilancarkan pada Julai 2019 bagi meningkatkan pembelajaran digital di sekolah. Platform ini digunakan secara meluas untuk memastikan akses yang berterusan kepada pembelajaran semasa pandemik. Penggunaan DELIMa oleh guru mencecah 98% pada penghujung 2020.

Langkah desentralisasi pentadbiran sekolah telah dilaksana untuk meningkatkan kualiti penyampaian dan menambah baik tadbir urus. Dalam hubungan ini, Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) dan Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) diberi kuasa untuk membuat keputusan pada peringkat daerah. Pemimpin sekolah dan pegawai PPD yang terpilih telah dilatih untuk menjadi Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+)[7] dan Rakan Peningkatan Prestasi Sekolah (SIPartner+)[8] sepenuh masa. Seramai 6,064 pengetua dan 20,415 guru telah dilatih oleh SISC+ dan SIPartner+.

Peningkatan Akses kepada Pendidikan Tinggi yang Berkualiti

Usaha yang diambil untuk melaksana 10 Lonjakan Transformasi bagi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) atau PPPM (PT) telah menghasilkan kemajuan yang ketara. Usaha ini ditumpukan untuk menambah baik kualiti program dan staf

[4] Enrolmen peringkat prasekolah di Semenanjung Malaysia adalah 90.2%, Sabah 89.6% dan Sarawak 90.6%.
[5] Murid yang berada dalam sistem persekolahan tetapi meninggalkan persekolahan atas apa jua sebab sebelum menamatkan tempoh persekolahan.
[6] TIMSS 2019 telah memperkenalkan pentaksiran berasaskan komputer, iaitu eTIMSS yang turut disertai Malaysia. Negara peserta eTIMSS juga perlu melaksanakan kajian paperTIMSS sebagai sebahagian proses peralihan daripada *paper*TIMSS ke eTIMSS. Di Malaysia, kajian ini dilaksanakan bermula 16 Oktober 2018 hingga 1 November 2018 dengan melibatkan sejumlah 9,637 murid. Daripada jumlah ini, seramai 1,560 murid terlibat bagi *paper*TIMSS dan 8,077 bagi eTIMSS.
[7] SISC+ bertanggungjawab untuk melatih guru bagi memastikan penjajaran dimensi kurikulum, pentaksiran dan pedagogi.
[8] SIPartner+ bertanggungjawab untuk melatih pemimpin sekolah dalam aspek pentadbiran dan pengurusan sekolah yang berkesan.

akademik, memperkukuh kerjasama industri serta menggalakkan tadbir urus yang baik. Akses yang lebih meluas kepada pendidikan tinggi disediakan melalui 595 IPT, yang terdiri daripada 20 universiti awam, 36 politeknik dan 104 kolej komuniti serta 435 institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS). Kadar penyertaan peringkat tertiari[9] bagi populasi berumur 18 hingga 22 tahun berkurang daripada 45.6% pada tahun 2015 kepada 43.1% pada tahun 2019 berikutan penurunan bilangan calon SPM. Enrolmen pelajar di IPT pada tahun 2015 dan 2020 adalah seperti ditunjukkan di *Paparan 10-3*. Jumlah enrolmen menyusut sebanyak 0.2% berikutan enrolmen yang berkurangan pada peringkat sarjana, diploma dan sijil. Enrolmen pelajar pada peringkat sijil di IPTS menunjukkan penurunan yang ketara sebanyak 29.1% setahun.

Langkah bagi meningkatkan akses kepada pendidikan tinggi yang berkualiti juga diambil dengan memperkenalkan pelbagai pendekatan dalam pembelajaran dan pengajaran termasuk pendidikan berasaskan kerja dan program pembelajaran secara maya. Antara program yang diperkenalkan ialah dua tahun di universiti dan dua tahun dalam industri (2u2i) dan tiga tahun di universiti dan satu tahun dalam industri (3u1i). Sebanyak 17 universiti awam telah menawarkan program 2u2i atau 3u1i untuk memberikan pendedahan pengalaman kerja yang lebih luas kepada pelajar. Sehingga tahun 2020, sejumlah 83 program akademik ditawarkan dalam mod ini. Di samping itu, sehingga Disember 2020, sebanyak 1,376 program *Massive Open Online Courses* (MOOCs) telah ditawarkan oleh universiti awam yang memberi manfaat kepada 554,101 pelajar. MOOCs dengan pemindahan kredit telah diperkenalkan untuk meningkatkan kualiti penyampaian program akademik. Sebanyak tujuh universiti awam telah bersetuju untuk menawarkan MOOCs dengan pemindahan kredit.

Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2016-2020 telah dilancarkan pada tahun 2016 bagi melahirkan graduan yang dilengkapi dengan nilai dan kemahiran yang bersesuaian serta kepintaran dalam keusahawanan. Pendidikan keusahawanan telah diterapkan di dalam kurikulum untuk memupuk minda keusahawanan dan memanfaatkan kemahiran perniagaan. Sehingga Disember 2020, 100% pelajar IPT telah menyertai program keusahawanan yang berstruktur dan menyeluruh, iaitu peningkatan sebanyak 40% berbanding tahun 2016.

Staf akademik perlu memenuhi kelayakan memiliki Doktor Falsafah (PhD) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran dan pengajaran dalam pendidikan tinggi. Peratusan staf akademik dengan kelayakan PhD di IPT meningkat daripada 25% pada tahun 2015 kepada 35.1% pada tahun 2020. Universiti awam menunjukkan pencapaian yang lebih baik dengan bilangan staf akademik yang mempunyai kelayakan PhD meningkat daripada 13,925 pada tahun 2015 kepada 17,560 pada tahun 2020. Kesemua lima universiti penyelidikan (RU) telah melebihi sasaran 50% yang ditetapkan pada tahun 2020, manakala 14 daripada 15 universiti bukan penyelidikan (bukan RU) melepasi sasaran 30%.

Paparan 10-3

Enrolmen Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2020

Perkara	Bilangan Pelajar		% kepada Jumlah		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	2015	2020	2015	2020	2016-2020
Enrolmen	**1,236,164**	**1,224,098**	***100.0***	***100.0***	***-0.2***
Kewarganegaraan:					
Warganegara	1,122,757	1,134,603	*90.8*	*92.7*	*0.2*
Bukan Warganegara	113,407	89,495	*9.2*	*7.3*	*-4.6*
Peringkat Pengajian:					
PhD	36,967	47,424	*3.0*	*3.9*	*5.1*
Sarjana	84,329	82,924	*6.8*	*6.8*	*-0.3*
Sarjana Muda	592,149	641,189	*47.9*	*52.4*	*1.6*
Diploma	401,009	370,217	*32.4*	*30.2*	*-1.6*
Sijil	78,241	26,766	*6.3*	*2.2*	*-19.3*
Lain-lain[1]	43,469	55,578	*3.5*	*4.5*	*5.0*

Nota: [1] Profesional, diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan, matrikulasi dan lain-lain.
Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

[9] Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

Dalam tempoh RMKe-11, tadbir urus IPT terus diperkukuh untuk menyediakan pendidikan tinggi yang lebih berkualiti, meningkatkan kebebasan dalam menentukan perkara berkaitan akademik serta memberi kebebasan untuk bersuara dan berpersatuan. Kesemua 20 universiti awam telah memperoleh status autonomi[10] yang memberi kuasa kepada universiti untuk lebih fleksibel dalam membuat keputusan. Tempoh moratorium untuk penubuhan IPTS telah dilanjutkan sehingga 31 Disember 2020. Pelanjutan ini bertujuan untuk merasionalisasi institusi yang beroperasi di bawah kapasiti, menangani isu kualiti dan menambah baik tadbir urus sektor pendidikan tinggi swasta. Selain itu, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] telah dipinda pada tahun 2018 dan seterusnya dikuatkuasakan pada tahun 2019 bagi membenarkan aktiviti politik dalam kalangan pelajar di kampus.

Usaha juga telah dilaksana untuk menggalakkan kerjasama antara industri dan akademia dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D). Sehingga September 2020, empat kluster Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE)[11] baharu telah diwujudkan dengan tumpuan dalam bidang logistik dan pengangkutan, pertanian, rel dan maritim. Dengan ini, jumlah kluster ICoE telah bertambah kepada 14. Penubuhan kluster ICoE telah memberi manfaat kepada 63,741 pelajar dan 3,274 staf akademik. Di samping itu, sebanyak enam pusat kecemerlangan di IPT telah diberi penarafan sebagai Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE)[12] menjadikan jumlah keseluruhan HICoE kepada 21 dalam tempoh RMKe-11. Penarafan ini adalah bagi meningkatkan aktiviti penyelidikan di HICoE dalam bidang tujahan yang telah dikenal pasti. Sebanyak 591 projek telah dilaksana di bawah program Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN). Daripada jumlah ini, sebanyak 426 projek telah siap dilaksanakan sepenuhnya.

Inisiatif yang diambil untuk menambah baik kualiti pendidikan tinggi telah meningkatkan kadar kebolehpasaran graduan (GE) dan kedudukan universiti pada peringkat global. Kadar GE telah melepasi sasaran 80% yang ditetapkan pada tahun 2020, mencapai 84.4% berbanding 76.1% pada tahun 2015. Di samping itu, kedudukan universiti awam dalam QSWUR terus meningkat. Pada tahun 2021, Universiti Malaya (UM) kekal berada dalam kalangan 100 universiti teratas di dunia, iaitu pada kedudukan ke-65. Kedudukan empat RU yang lain juga bertambah baik dan berada dalam kalangan 200 universiti teratas di dunia pada tahun 2021, iaitu Universiti Putra Malaysia (UPM) pada kedudukan ke-143, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) ke-144, Universiti Sains Malaysia (USM) ke-147 dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) ke-191.

[10] Status autonomi merupakan penurunan kuasa yang diberi kepada Lembaga Pengarah Universiti dalam membuat keputusan tadbir urus institusi dan akademik serta pengurusan kewangan dan sumber manusia.
[11] Program ICoE menyediakan ruang kepada pemain industri untuk mewujudkan makmal dan kemudahan pengajaran dalam universiti bagi memberikan pendedahan kepada pelajar mengenai penggunaan teknologi terkini.
[12] Status HICoE diberikan kepada pusat kecemerlangan penyelidikan yang mempunyai potensi dan keupayaan dari segi kepakaran, infrastruktur dan penghasilan output untuk memperluas penyelidikan khusus dalam bidang tujahan HICoE.

Transformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional

Dalam tempoh RMKe-11, TVET telah ditransformasi bagi membangunkan modal insan yang berkualiti dengan memperkukuh tadbir urus serta meningkatkan kualiti dan penyampaian program. Program TVET juga telah dijenamakan semula bagi meningkatkan daya tarikan, terutama dalam kalangan pelajar lepasan SPM. Berdasarkan Kajian Pengesanan Graduan TVET yang diperkenalkan pada tahun 2018, kadar GE adalah sebanyak 87% pada tahun 2020, berbanding dengan sasaran sebanyak 85% pada tahun 2020.

Usaha telah dilaksana oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) melalui Jawatankuasa Teknikal Bersama Jaminan Kualiti Tunggal TVET untuk menyelaras sistem akreditasi dan menambah baik laluan pembelajaran bagi lulusan TVET. Kod Amalan Akreditasi Program TVET (COPTPA) telah diterbitkan pada tahun 2019 sebagai rujukan nasional untuk akreditasi program TVET. Di samping itu, sistem penarafan TVET secara dalam talian telah dibangunkan pada tahun 2017 berdasarkan Akta Pembangunan Kemahiran Kebangsaan 2006 [Akta 652] untuk menilai kualiti institusi dan program TVET. Kualiti dan penyampaian program TVET dipertingkat dengan mengarus perdana Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dan SLDN Khas. Sistem ini menawarkan program latihan berorientasikan industri yang melibatkan 478 syarikat dan 215 institusi latihan pada tahun 2020. Sejumlah 5,695 pelatih telah selesai menjalani latihan pada tahun 2020 berbanding 12,298 pada tahun 2015. Bilangan pelatih yang lebih rendah pada tahun 2020 sebahagiannya disebabkan oleh pandemik COVID-19 yang menjejaskan enrolmen pelatih. Struktur program telah dipinda dengan memanjangkan tempoh program latihan bagi membolehkan pelatih menamatkan pengajian Sijil Kemahiran Malaysia tahap 1 hingga 3 dan Diploma Kemahiran Malaysia.

Program TVET telah dijenamakan semula dengan memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan kualiti tenaga pengajar dan mengiktiraf profesionalisme TVET. Sistem eProfiling telah dibangunkan untuk mengumpul maklumat berkaitan kemahiran dan kompetensi tenaga pengajar TVET. Sehingga akhir tahun 2020, seramai 33,458 tenaga pengajar daripada 675 institusi latihan kemahiran awam telah berdaftar dalam sistem ini. Di samping itu, Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT) telah ditubuhkan pada tahun 2016 untuk mengiktiraf juruteknik dan teknologis sebagai profesional. Sehingga akhir tahun 2020, seramai 29,443 telah berdaftar sebagai ahli MBOT.

Isu dan Cabaran

Terdapat beberapa isu dan cabaran yang perlu ditangani untuk terus membangunkan modal insan bagi memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan negara. Antara isu dan cabaran utama dari sudut permintaan adalah agihan yang tidak saksama dalam CE dan penyertaan tenaga buruh, ketidakcekapan pasaran buruh serta pergerakan buruh dalam pasaran disebabkan oleh pandemik COVID-19. Isu berkaitan penawaran termasuk outcome pelajar yang rendah, penyelarasan dan tadbir urus yang kurang mantap, ekosistem yang tidak kondusif untuk inovasi dan akses yang terhad bagi murid berkeperluan khas (MBK)[13] dan Orang Asli.

Isu dan Cabaran

- Ketidaksamaan dalam Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh
- Ketidakcekapan Pasaran Buruh
- Perubahan Pasaran Buruh Disebabkan Pandemik COVID-19
- Outcome Pelajar yang Rendah
- Penyelarasan dan Tadbir Urus yang Kurang Mantap
- Ekosistem yang Tidak Kondusif untuk Inovasi
- Akses Pendidikan yang Terhad bagi Murid Berkeperluan Khas dan Orang Asli

Ketidaksamaan dalam Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh

Pada tahun 1996, Kerajaan telah memperkenalkan Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) sebagai satu daripada langkah untuk meningkatkan upah. Sejumlah 88,986 majikan telah menggunakan PLWS yang memberi manfaat kepada 4.8 juta pekerja, mewakili 43% daripada jumlah pekerja sektor swasta. Namun, gaji dan upah yang diterima oleh pekerja masih berada pada tahap yang rendah. Sumbangan CE kepada KDNK di Malaysia masih kecil, iaitu 35.9% berbanding Korea Selatan sebanyak 46.8% dan Singapura 40.2% pada tahun 2019. Di samping itu, Indeks Gaji Kebangsaan (NWI) yang diterbitkan pada tahun 2019 tidak dapat dijadikan panduan yang boleh diterima pakai bagi menggambarkan kedinamikan gaji dan upah dalam negara.

Terdapat potensi untuk meningkatkan penawaran buruh berdasarkan bakat yang belum dimanfaatkan dalam kalangan wanita yang berada di luar tenaga buruh dan diaspora Malaysia. Kadar penyertaan tenaga buruh wanita (FLFPR) di Malaysia pada tahun 2020 adalah 55.3%. Pada tahun 2019, FLFPR di Malaysia adalah antara yang terendah di rantau ASEAN, iaitu sebanyak 55.6% berbanding Vietnam 71.8%, Singapura 70% dan Thailand 66.6%. FLFPR yang rendah sebahagiannya disebabkan sebanyak 67% wanita berpendidikan menengah berada di luar tenaga buruh. Daripada jumlah ini, sebanyak 63% menyatakan tugasan rumah tangga dan tanggungjawab keluarga sebagai alasan untuk tidak menyertai pasaran buruh. Selain itu, diaspora Malaysia di luar negara juga berpotensi untuk dimanfaatkan bagi menambah bekalan tenaga buruh negara. Walau bagaimanapun, data yang tidak tepat dan komprehensif mengekang usaha untuk memanfaatkan bakat tersebut.

Sehingga akhir tahun 2020, jumlah pekerja asing berdaftar adalah seramai 1.48 juta atau 9.9% daripada jumlah guna tenaga. Jumlah pekerja asing yang tinggi telah mengakibatkan pihak industri tidak cenderung untuk melaksanakan automasi dan mekanisasi serta meningkatkan rantaian nilai. Di samping itu, penguatkuasaan yang lemah dan ketiadaan mekanisme yang berkesan untuk mengurus pekerja asing berkemahiran rendah menyumbang kepada peningkatan jumlah pendatang asing tanpa izin (PATI). Sebahagian besar daripada PATI ini merupakan pekerja asing yang tidak memperbaharui permit tetapi masih berada dalam negara. Kajian Bank Dunia pada tahun 2019 menganggarkan bilangan pekerja asing adalah seramai 2.96 juta hingga 3.26 juta orang pada tahun 2017. Daripada jumlah ini, dianggarkan seramai 1.23 juta hingga 1.46 juta adalah PATI.

[13] Murid yang tidak mampu melakukan tugas harian yang mudah secara kendiri dan umumnya memerlukan pengawasan dan sokongan berterusan daripada pelbagai pihak seumur hidup mereka.

Pada masa ini, terdapat tiga kategori ekspatriat yang dibenarkan bekerja di Malaysia. Sehingga penghujung tahun 2020, sebanyak 56% daripada lebih 92,000 jumlah ekspatriat adalah di bawah Kategori I yang berpendapatan melebihi RM10,000 sebulan. Baki 44% daripada jumlah ekspatriat adalah dalam Kategori II[14] dan III[15] yang berpendapatan bulanan antara RM3,000 hingga RM9,999. Bilangan ekspatriat yang besar dalam dua kategori ini yang tidak memerlukan kemahiran khusus telah mengurangkan peluang pekerjaan kepada graduan tempatan yang memiliki kelayakan yang setara.

Sebahagian besar graduan berada dalam kategori guna tenaga tidak penuh[16] disebabkan oleh ketidakpadanan antara kemahiran graduan dan keperluan majikan. Pada tahun 2020, hanya 69.7% graduan bekerja dalam kategori pekerjaan mahir, manakala 28.2% dalam pekerjaan separuh mahir dan 2.1% dalam pekerjaan berkemahiran rendah. Ini telah mengakibatkan penggunaan bakat tempatan yang tidak optimum.

Ketidakcekapan Pasaran Buruh

Ketidakcekapan pasaran buruh semasa dimanifestasikan oleh jurang yang besar di antara permintaan dan penawaran buruh. Maklumat Pasaran Buruh (LMI) memainkan peranan penting untuk mengenal pasti dan menangani ketidakseimbangan kemahiran dalam pasaran buruh. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa agensi yang mengumpul dan menyebarkan data pada masa ini. Ini menyebabkan data tersebut adalah tidak terselaras dan menimbulkan kesukaran dalam penggubalan dasar.

Terdapat 29 perundangan berkaitan dengan pasaran buruh. Antara lain undang-undang ini merangkumi gaji minimum, diskriminasi di tempat kerja, hak pekerja dan pemberhentian pekerja secara tidak adil. Kurangnya kesedaran dan ketidakpekaan dalam kalangan majikan dan pekerja adalah punca utama ketidakpatuhan kepada undang-undang. Keadaan ini dirumitkan lagi dengan kurangnya kemampuan dan keupayaan agensi penguatkuasa dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan.

Piawaian pengelasan pekerjaan sedia ada tidak memperincikan set kemahiran yang diperlukan bagi setiap pekerjaan. Hal ini menyebabkan kesukaran untuk merangka program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula yang bersesuaian. Kecenderungan majikan untuk melatih kumpulan pekerja mahir berikutan perubahan teknologi yang memerlukan lebih ramai pekerja mahir menyebabkan jurang kemahiran antara kumpulan pekerja semakin melebar.

Perubahan Pasaran Buruh Disebabkan Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 telah memberi kesan kepada ekonomi yang seterusnya mengubah landskap pasaran buruh dengan ketara. Jumlah penganggur dicatatkan seramai 711,000 orang pada tahun 2020. Jumlah ini menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2019, iaitu sebanyak 39% atau 202,800 orang. Di samping itu, bilangan penganggur tidak aktif[17] meningkat seramai 54,800 orang dalam tempoh yang sama, mencatatkan jumlah keseluruhan seramai 196,800 orang. Guna tenaga tidak penuh masa[18] meningkat sebanyak 74% kepada 334,000 orang pada tahun 2020 berbanding 191,600 pada tahun 2019. Kadar pengangguran yang tertinggi sebanyak 5.3% telah dicatatkan pada Mei 2020 dan menyederhana kepada 4.6% pada september 2020.

Perubahan struktur ekonomi telah menyebabkan tenaga buruh beralih antara sektor ekonomi dan mengubah landskap pasaran buruh. Walau bagaimanapun, proses peralihan ini adalah tidak cekap akibat ketiadaan perkhidmatan pekerjaan awam yang komprehensif dan bersepadu. Kewujudan norma baharu yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 termasuk keperluan penjarakan fizikal dan prosedur operasi standard yang lain akan mempercepat penggunaan automasi oleh industri yang seterusnya akan menyebabkan lebih banyak berlaku peralihan tenaga buruh.

Kehilangan pekerjaan dan pengurangan pendapatan merupakan antara impak pandemik. Ramai pekerja beralih ke sektor pekerjaan tidak formal. Pada tahun 2019, sebanyak 2.54 juta[19] dilaporkan bekerja

[14] Ekspatriat yang mendapat gaji pokok sebanyak RM5,000 hingga RM9,999 sebulan tidak termasuk elaun lain, dibenarkan memegang pas untuk tempoh maksimum 24 bulan dan dibenarkan membawa tanggungan mereka.
[15] Ekspatriat yang mendapat gaji pokok sebanyak RM3,000 hingga RM4,999 sebulan tidak termasuk elaun lain, dibenarkan memegang pas untuk tempoh maksimum 12 bulan dengan dua kali pembaharuan dan tidak dibenarkan membawa tanggungan mereka.
[16] Pekerja dalam pekerjaan separuh mahir dan berkemahiran rendah yang mempunyai pendidikan tertiari.

[17] Kategori ini termasuk:
- orang yang tidak mencari pekerjaan dalam minggu rujukan kerana mereka percaya tidak ada pekerjaan yang tersedia atau mereka tidak berkelayakan;
- orang yang mungkin mencari pekerjaan jika tidak kerana sakit atau keadaan cuaca; dan
- orang yang telah mencari pekerjaan sebelum minggu rujukan dan sedang menunggu keputusan permohonan pekerjaan.

[18] Ditakrifkan sebagai mereka yang bekerja kurang dari 30 jam seminggu kerana sifat pekerjaan mereka atau kerana kerja yang tidak mencukupi tetapi mampu dan bersedia untuk bekerja dengan tambahan jam.
[19] Sumber: Laporan Survei Guna Tenaga Sektor Informal di Malaysia, 2019, Jabatan Perangkaan Malaysia

dalam kategori tersebut. Mereka yang terlibat dalam pekerjaan tidak formal tidak mendapat manfaat seperti di bawah terma pekerjaan standard yang mempunyai ciri pekerjaan jangka panjang dengan majikan tunggal dan dibayar gaji sepenuh masa. Mereka yang bekerja dalam sektor tidak formal juga tidak mempunyai perlindungan sosial khususnya insuran berkaitan pencen, keilatan dan pengangguran.

Outcome Pelajar yang Rendah

Kadar enrolmen peringkat prasekolah dan sekolah menengah masih belum mencapai sasaran sejagat sebanyak 95%. Keadaan ini disebabkan oleh ketiadaan undang-undang yang mewajibkan persekolahan peringkat prasekolah dan sekolah menengah serta kekurangan akses, terutama bagi MBK, murid Orang Asli dan murid yang tinggal di kawasan pedalaman. Kadar peralihan daripada sekolah rendah ke menengah rendah adalah 97.9% pada tahun 2020. Peratusan ini tidak termasuk murid yang memilih untuk keluar atau bertukar ke sekolah pendidikan Islam yang dijalankan oleh pihak swasta seperti sekolah pondok dan tahfiz. Murid yang berada di luar sistem pendidikan arus perdana tidak dapat dikesan sepenuhnya kerana ketiadaan sistem pemantauan yang bersepadu.

Prestasi Malaysia dalam penilaian antarabangsa seperti PISA dan TIMSS telah menunjukkan peningkatan sejak tahun 2012 dan pencapaian ini telah merapatkan jurang prestasi negara berbanding purata antarabangsa. Namun begitu, tahap outcome pembelajaran murid masih berada di bawah potensi penuh. Pencapaian PISA 2018 menunjukkan bahawa aplikasi pengetahuan dan penaakulan dalam situasi yang rumit dan di luar kebiasaan dalam kalangan murid sekolah menengah masih di bawah purata antarabangsa.

Kadar penyertaan dalam program pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) pada peringkat menengah atas adalah lebih rendah berbanding sasaran nisbah 60:40. Enrolmen murid menengah atas dalam program pendidikan STEM telah berkurang, dengan nisbah yang merosot daripada 49:51 pada tahun 2015 kepada 47:53 pada tahun 2020. Murid kurang berminat untuk mempelajari subjek berkaitan STEM berikutan kurangnya aktiviti praktikal seperti menjalankan eksperimen sains. Terdapat sekolah yang tidak mempunyai makmal sains yang lengkap. Pada masa ini, daripada 12,060 makmal sains sedia ada, sebanyak 255 makmal adalah tidak selamat, 329 makmal mempunyai isu keselamatan dan 1,672 makmal tidak dapat berfungsi sepenuhnya.

Sistem pendidikan tinggi perlu lebih fleksibel dan responsif dalam menghadapi perubahan dan inovasi disruptif berikutan Revolusi Perindustrian Keempat (4IR). Sebilangan program akademik adalah kurang fleksibel dalam memenuhi keperluan industri yang sentiasa berubah, terutama dalam aspek struktur dan penyampaian pembelajaran dan pengajaran. Sebilangan staf akademik menghadapi cabaran untuk memanfaatkan teknologi baharu dalam aktiviti pengajaran. Keadaan ini diburukkan lagi dengan ketiadaan pangkalan data bersepadu bagi membolehkan pembangunan kapasiti bersasar untuk staf akademik.

Mekanisme penilaian pelajar berdasarkan Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) didapati kurang komprehensif kerana asas penilaian tidak mengambil kira aspek kebolehpasaran. Oleh itu, Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) telah dilaksanakan secara rintis pada tahun 2015 sebagai mekanisme baharu untuk menilai pencapaian akademik pelajar dan pembangunan kemahiran insaniah. Walau bagaimanapun, pelaksanaan iCGPA yang hanya dijadikan sebagai pilihan mulai Jun 2018 telah mendorong IPT kembali menguna pakai mekanisme PNGK.

Institusi TVET menghadapi cabaran terutama dalam aspek penyampaian pembelajaran dan pengajaran, ketidakpadanan teknologi serta jurang pengetahuan dalam kalangan tenaga pengajar. Peralatan yang digunakan di institusi adalah usang, dan ini telah menjejaskan pengajaran teknologi terkini yang penting kepada industri. Di samping itu, pemahaman terhadap potensi TVET masih kurang. Pendidikan TVET masih dianggap sebagai pilihan kedua atau terakhir dan hanya dipilih oleh pelajar yang mempunyai kelayakan akademik yang kurang cemerlang. Akibatnya, pelajar yang cemerlang lebih cenderung untuk memilih laluan akademik berbanding TVET.

Penyelarasan dan Tadbir Urus yang Kurang Mantap

Terdapat pertindihan fungsi antara kementerian dan agensi berkaitan dengan asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE)[20] awam dan swasta. Ini menyebabkan kurikulum yang tidak terselaras dan perbezaan kualiti guru, kaedah pengajaran dan pembelajaran, serta kelemahan tadbir urus. Ini mengakibatkan outcome dalam program ECCE tidak konsisten.

[20] Program pendidikan melibatkan prasekolah bagi kanak-kanak berumur antara 4+ hingga 5+ tahun dan pusat jagaan harian bagi kanak-kanak yang lebih muda.

Kebanyakan sekolah tahfiz swasta tidak berdaftar dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menyebabkan kurikulum pembelajaran tidak diselaraskan. Masalah ini menyebabkan murid daripada sekolah tersebut tidak dapat menduduki peperiksaan standard kebangsaan. Oleh itu, murid tersebut tidak berpeluang untuk mendapat pekerjaan yang bersesuaian selepas mereka tamat persekolahan kerana tidak mempunyai kelayakan minimum yang ditetapkan dalam pasaran kerja. Di samping itu, tahap keselamatan bangunan dan keselesaan tempat tinggal murid di sekolah tahfiz swasta juga menjadi isu yang diberikan perhatian.

Pada tahun 2020, terdapat 39.5% sekolah rendah yang dikategorikan sebagai Sekolah Kurang Murid (SKM), iaitu sekolah yang mencatat enrolmen kurang daripada 150 murid. Nisbah guru kepada murid di SKM adalah rendah, iaitu 1:6 berbanding purata nasional 1:13. Keadaan ini menyebabkan kos pengurusan per kapita bagi SKM adalah tujuh kali ganda lebih tinggi daripada sekolah biasa. Oleh itu, terdapat keperluan untuk merasionalisasi SKM tanpa menjejaskan akses pendidikan kepada semua.

Pada masa ini, tidak terdapat pangkalan data yang berpusat dan bersepadu mengenai semua penyedia perkhidmatan pendidikan. Ketiadaan pangkalan data berpusat mengakibatkan kesukaran merancang pembangunan sumber manusia dan infrastruktur yang berkesan. Perkongsian maklumat dalam kalangan pelbagai kementerian, agensi dan penyedia perkhidmatan pendidikan swasta adalah terbatas oleh undang-undang sedia ada.

Semua universiti awam telah diberi status autonomi yang membolehkan universiti lebih fleksibel dalam tadbir urus institusi dan akademik serta pengurusan kewangan dan sumber manusia. Walau bagaimanapun, universiti awam masih sangat bergantung kepada peruntukan Kerajaan. Walaupun diberikan status autonomi, universiti awam masih terikat kepada peraturan Kerajaan. Keadaan ini telah mengehadkan tadbir urus yang berkesan.

Sehingga Disember 2020, sebanyak 640 institusi TVET awam, 633 institusi TVET swasta dan 22 institusi TVET negeri menawarkan pelbagai program pada tahap satu hingga enam di bawah Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF). Institusi TVET ditadbir urus oleh beberapa kementerian mengakibatkan pertindihan program yang ditawarkan dan penggunaan sumber yang tidak optimum. TVET di Malaysia tidak dikawal selia oleh sebarang akta. Oleh itu, isu berkaitan pengurusan institusi TVET oleh beberapa kementerian tidak dapat ditangani dengan berkesan.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) menghadapi isu kemampanan disebabkan kutipan pembayaran balik yang rendah dan tanggungan hutang yang besar. Jumlah bayaran balik yang diterima adalah hanya 65.7% daripada jumlah pembayaran yang dijadualkan. Sehingga Disember 2020, terdapat seramai 1.26 juta peminjam dengan jumlah tunggakan hutang sebanyak RM8.6 bilion. Daripada jumlah ini, 30.5% peminjam tidak pernah membuat pembayaran balik pinjaman. Keadaan ini bertambah rumit dengan pemberian moratorium pembayaran balik pinjaman berikutan pandemik COVID-19. Semua peminjam adalah layak mendapat penangguhan bayaran balik pinjaman selama sembilan bulan sehingga akhir tahun 2020 yang berjumlah RM1.13 bilion. Penangguhan bayaran balik pinjaman secara bersasar selama enam bulan telah diberikan kepada peminjam yang layak bagi tempoh Januari 2021 hingga Oktober 2021.

Ekosistem yang Tidak Kondusif untuk Inovasi

Aspirasi sistem pendidikan Malaysia adalah untuk merapatkan jurang digital. Namun begitu, masih terdapat kekangan dalam melaksana pendigitalan dalam pendidikan pada peringkat sekolah disebabkan oleh kekurangan infrastruktur dan infostruktur serta penyelarasan antara agensi kerajaan yang terhad. Pelaksanaan program semasa tidak mengambil kira tahap ketersediaan sekolah yang berbeza.

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan pendigitalan sistem pendidikan menjadi semakin penting. Pengenalan kepada pembelajaran dalam talian sebagai penyelesaian interim menghadapi beberapa kekangan. Keupayaan dan kebolehan pelajar, staf akademik dan institusi untuk menggunakan kelengkapan digital adalah berbeza dan ini telah melebarkan jurang akses dan menjejaskan pembelajaran dan pengajaran. Di samping itu, pelajar perlu menanggung kos tambahan berikutan keperluan dalam penggunaan data dan kelengkapan berkaitan pembelajaran dalam talian. Akses kepada internet dan infrastruktur bagi menyokong pembelajaran dan pengajaran dalam talian adalah terhad, khususnya di beberapa kawasan pedalaman.

Aktiviti penyelidikan di IPT melibatkan semua tahap penyelidikan, iaitu daripada penyelidikan asas hingga penyelidikan gunaan. Aktiviti penyelidikan membolehkan penciptaan pengetahuan, pembangunan bakat dan kecemerlangan akademik. Dalam hubungan ini, lima universiti awam telah diberi penarafan sebagai RU, antara lain bertujuan untuk membudayakan aktiviti R&D dan mempertingkat pengkomersialan. Walau bagaimanapun, pada tahun 2019, kadar pengkomersialan hasil R&D di universiti awam adalah 4.3%[21], masih

[21] Sumber: *Malaysian Research Assessment System* (MyRA), Kementerian Pengajian Tinggi

berada di bawah paras antarabangsa iaitu 5%. Antara faktor yang mempengaruhi kadar pengkomersialan termasuk ketidakpadanan antara R&D dan keperluan industri, kelemahan komunikasi dan jaringan dengan industri, kekangan sumber kewangan dan kekurangan infrastruktur.

Akses Pendidikan yang Terhad bagi Murid Berkeperluan Khas dan Orang Asli

Kadar enrolmen MBK meningkat setiap tahun, namun pada 2020 hanya 9.27% sekolah yang menawarkan pendidikan khas dilengkapi dengan empat kemudahan asas mesra orang kurang upaya (OKU) iaitu rel, parkir, tandas dan tanjakan. Kekurangan kemudahan asas ini menyebabkan akses yang terhad. Di samping itu, pemimpin sekolah, guru dan pembantu pengurusan murid tidak dilatih secukupnya dalam kemahiran khusus untuk mengurus MBK. Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (KSPK PK) sedia ada kurang mengambil kira keperluan MBK yang pelbagai dan tidak berasaskan intervensi pada peringkat awal.

Bilangan murid Orang Asli dan murid yang tinggal di kawasan pedalaman yang telah menamatkan persekolahan dan melanjutkan pengajian ke peringkat tertiari adalah sangat rendah. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh bilangan Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9) yang menawarkan sembilan tahun persekolahan sehingga Tingkatan Tiga adalah terhad. Kedudukan geografi terus menjadi cabaran kepada murid Orang Asli untuk mendapat akses kepada pendidikan peringkat menengah. Kebiasaannya, sekolah tidak terletak di sekitar kawasan penempatan komuniti ini.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat masa hadapan untuk pasaran buruh yang dinamik di samping menangani isu berkaitan pekerjaan disebabkan oleh pandemik COVID-19. Dalam hubungan ini, pasaran buruh akan dijajar semula supaya lebih inklusif dan mampan, manakala bakat tersedia masa hadapan akan dibangunkan. Penekanan akan diberi kepada usaha bagi menggalakkan kesaksamaan CE dan penyertaan tenaga buruh, memperkukuh sistem yang menyokong pasaran buruh, meningkatkan kualiti pendidikan serta memanfaatkan teknologi baru muncul. Pelaksanaan inisiatif ini akan mewujudkan pasaran buruh yang fleksibel bagi memenuhi permintaan industri dan menambah baik taraf hidup rakyat.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Membangunkan Bakat Masa Hadapan

Bidang Keutamaan A

Menjajarkan Semula Pasaran Buruh untuk Pertumbuhan yang Inklusif dan Mampan

Strategi A1
Meningkatkan Kesaksamaan Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh

Strategi A2
Memperkukuh Sistem yang Menyokong Pasaran Buruh

Bidang Keutamaan B

Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan

Strategi B1
Meningkatkan Kualiti Pendidikan

Strategi B2
Memperkukuh Tadbir Urus

Strategi B3
Memanfaatkan Teknologi Baru Muncul


Strategi B4
Memastikan Kesaksamaan Outcome Pembelajaran

Strategi B5
Menangani Pertindihan Tadbir Urus TVET



Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Menjajarkan Semula Pasaran Buruh




2025

Pampasan Pekerja kepada KDNK



2025

Gaji dan Upah Penengah Bulanan



2021-2025


Pertumbuhan Produktiviti Buruh Per Pekerja

Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan




2025

Skor PISA dan TIMSS




2025

Enrolmen Murid Prasekolah




2025

Enrolmen Murid Sekolah Menengah



2025

Pengambilan Lepasan SPM atau Setaraf ke Program TVET



2025

Kebolehpasaran Graduan di IPT dan Institusi TVET Awam



2025

Universiti Awam dalam Kalangan 100 Teratas QSWUR

Sasaran

SDG

WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Menjajarkan Semula Pasaran Buruh untuk Pertumbuhan yang Inklusif dan Mampan

Dalam tempoh masa terdekat, langkah akan diperkenal bagi menangani isu kehilangan pekerjaan berikutan pandemik COVID-19. Bagi jangka masa sederhana, penjajaran semula dasar dan sistem sokongan akan dilaksana bagi memastikan pasaran buruh yang inklusif, berdaya tahan dan mampan. Antara langkah yang akan diambil dalam tempoh RMKe-12 termasuk meningkatkan kesaksamaan CE dan penyertaan tenaga buruh serta memperkukuh sistem yang menyokong pasaran buruh, seperti ditunjukkan di *Paparan 10-4*. Langkah ini akan menyumbang kepada peningkatan kebolehpasaran bakat tempatan dan mengurangkan ketidaksepadanan kemahiran dalam pasaran buruh, selaras dengan Matlamat 8 Agenda 2030.

Paparan 10-4

Inisiatif bagi Meningkatkan Pampasan Pekerja



Strategi A1 — Meningkatkan Kesaksamaan Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh

Strategi A2 — Memperkukuh Sistem Sokongan kepada Pasaran Buruh

Strategi A1

Meningkatkan Kesaksamaan Pampasan Pekerja dan Penyertaan Tenaga Buruh

Usaha menyeluruh akan dilaksana dalam meningkatkan kesaksamaan CE dan menambah baik penyertaan tenaga buruh. Tumpuan akan diberikan kepada usaha-usaha untuk mengukuhkan pasaran buruh bagi menambah baik taraf hidup pekerja serta menyediakan akses yang sama rata kepada peluang pekerjaan. Beberapa inisiatif baharu akan diperkenal bagi menangani kebergantungan kepada pekerja asing. Penyertaan lebih ramai wanita dalam tenaga buruh akan digalakkan untuk meningkatkan kemampanan guna tenaga.

Mengukuhkan Pasaran Buruh

Langkah akan diambil untuk menyesuaikan semula kaedah pengiraan PLWS bagi membolehkan penilaian kendiri dilaksanakan oleh majikan. Penilaian kendiri ini akan membolehkan pendekatan yang lebih bersasar bagi menyeragamkan kaedah yang digunakan oleh majikan dalam menerima pakai PLWS. Di samping itu, indikator baharu yang mengukur hubung kait antara keuntungan, upah dan produktiviti akan diperkenal bagi memantau keberkesanan sistem ini.

Amalan terbaik firma *high road*, yang bercirikan penekanan kepada kesejahteraan pekerja dan perbezaan gaji yang kecil antara pelbagai peringkat pekerja, akan diguna pakai untuk meningkatkan CE. Garis panduan berdasarkan pendekatan ini akan dibangunkan dan disebar luas kepada semua firma, terutama perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) sebagai rujukan dalam menyusun semula sistem kerja untuk meningkatkan CE.

Firma juga akan digalakkan untuk mengguna pakai model baharu bagi pengagihan keuntungan perniagaan yang lebih baik. Model ini termasuk *employee ownership trust* (EOT), iaitu pemilikan saham firma

diletakkan di bawah badan amanah yang dikawal oleh pekerja. Di samping itu, model untuk mewajibkan pembahagian keuntungan firma berdasarkan bilangan minimum pekerja akan diperkenalkan. Model pemilikan baharu ini akan memastikan keuntungan dapat diagihkan secara lebih meluas dan pekerja akan diberikan peluang untuk memiliki saham dalam syarikat.

Usaha untuk meningkatkan keahlian dalam kesatuan sekerja akan dipergiat bagi memberikan lebih suara dalam rundingan penetapan gaji. Kaedah baharu iaitu penetapan bersama (*co-determination*) akan diperkenalkan untuk membolehkan wakil pekerja turut terlibat pada peringkat membuat keputusan. Langkah ini akan membolehkan penyertaan dan libat urus yang lebih baik antara pekerja dan majikan dalam penentuan struktur gaji firma.

Usaha berterusan bagi menyediakan penanda aras upah akan dilaksanakan dengan menambah baik NWI. Skop NWI akan diperluas untuk meliputi kelayakan akademik, pengalaman kerja, kemahiran serta faktor lain yang menyumbang kepada perbezaan gaji. NWI akan ditambah baik dengan mengambil kira data pentadbiran bagi mengenal pasti kedinamikan upah berasaskan masa nyata.

Memudah Cara Penyertaan Tenaga Buruh

Usaha akan diambil untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing serta menggalakkan penyertaan lebih ramai penduduk tempatan dalam pasaran buruh. Usaha ini termasuk mengkaji semula pelaksanaan mekanisme levi pelbagai peringkat setiap dua tahun supaya lebih mesra perniagaan. Mekanisme ini dijadual untuk dilaksanakan bermula 1 Januari 2022.

Bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing, satu dasar khusus akan digubal bagi memastikan mereka meninggalkan negara ini selepas tempoh tertentu. Majikan perlu mematuhi dasar ini melalui akujanji yang menjadi prasyarat untuk kelulusan permit kerja. Akujanji ini mempunyai rancangan untuk mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing dalam tempoh lima tahun sama ada melalui penggajian penduduk tempatan atau automasi. Majikan yang menggaji ekspatriat turut tertakluk kepada dasar ini. Dalam hubungan ini, skala gaji ekspatriat dalam semua kategori akan disemak semula untuk ditingkatkan bagi memastikan hanya pekerjaan dengan kemahiran yang tidak tersedia dalam negara sahaja ditawarkan kepada ekspatriat.

Tambahan levi yang dikutip melalui pelaksanaan mekanisme levi pelbagai peringkat akan disalur kembali kepada industri. Usaha ini adalah bagi meningkatkan peluang pekerjaan serta melaksana program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula kepada penduduk tempatan. Antara inisiatif yang boleh dibiayai menggunakan levi ini termasuk automasi dan mekanisasi oleh industri. Kutipan ini juga akan digunakan bagi memberi insentif kepada majikan untuk mewujudkan persekitaran kerja yang lebih kondusif bagi menarik minat lebih ramai penduduk tempatan.

Lebih banyak langkah pencegahan akan diperkenal untuk mengurangkan bilangan pekerja asing tanpa izin yang sebahagian besar tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan. Mekanisme jaminan insurans sedia ada akan diganti dengan mekanisme baharu yang menetapkan penyediaan sejumlah deposit bersamaan dengan kos penghantaran pulang. Langkah ini bertujuan untuk mengelakkan pekerja asing tinggal melebihi tempoh yang dibenarkan. Usaha ini akan dilaksana bersekali dengan Pelan Holistik Penguatkuasaan PATI, Pelan Tindakan Pekerja Asing dan Pelan Rekalibrasi PATI.

Usaha akan terus dilaksana untuk memastikan majikan dalam semua sektor ekonomi menjaga kebajikan pekerja dan mematuhi keperluan berkaitan buruh pada peringkat antarabangsa. Usaha ini termasuk melaksanakan penguatkuasaan yang lebih ketat di bawah Akta Kerja 1955 [Akta 265] dan Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670], mengukuhkan kerjasama dengan kesatuan sekerja dan organisasi lain yang berkaitan dalam mempromosikan hak pekerja dan meningkatkan kesedaran dalam kalangan majikan termasuk mengenai amalan terbaik berkaitan hak asasi manusia. Penguatkuasaan di bawah Akta Standard Minimum Perumahan, Penginapan dan Kemudahan Pekerja 1990 [Akta 446] akan dipertingkat bagi memastikan majikan menyediakan tempat tinggal yang selamat dan sesuai kepada pekerja. Inisiatif ini dijangka akan menambah baik kedudukan negara dalam Laporan Pemerdagangan Orang oleh Jabatan Negara Amerika Syarikat dan laporan antarabangsa lain yang berkaitan.

Langkah untuk meningkatkan FLFPR akan diambil dengan memperkenalkan dasar sosial yang sesuai. Wanita yang berpendidikan menengah digalakkan untuk menyertai pasaran buruh melalui aktiviti ekonomi dari rumah sambil menguruskan rumah tangga. Di samping itu, undang-undang baharu akan diperkenal untuk mewajibkan majikan menyediakan kemudahan penjagaan kanak-kanak dan denda akan dikenakan kepada mereka yang tidak patuh.

Mekanisme untuk memanfaatkan kepakaran diaspora Malaysia yang berada di luar negara akan diwujudkan. *Returning Expert Programme* (REP) akan ditambah baik supaya rakyat Malaysia yang sedang dan bercadang untuk bekerja di luar negara serta ingin kembali bekerja di Malaysia diwajibkan melapor kepada kerajaan. Pangkalan data menyeluruh yang mengandungi maklumat diaspora Malaysia akan dibangunkan bagi membolehkan bakat yang tersedia lebih dimanfaatkan untuk kepentingan negara.

Strategi A2

Memperkukuh Sistem yang Menyokong Pasaran Buruh

Sistem yang menyokong pasaran buruh akan diperkukuh dengan menambah baik infrastruktur maklumat pasaran buruh dan menggalakkan latihan guna tenaga yang memenuhi keperluan semasa industri. Langkah juga akan diambil untuk mewujudkan perlindungan sosial kepada pekerja *gig* serta meningkatkan pematuhan kepada undang-undang dan peraturan buruh. Usaha ini akan menambah baik kecekapan pasaran buruh.

Menambah Baik Infrastruktur Maklumat Pasaran Buruh

Infrastruktur maklumat pasaran buruh yang mantap adalah penting untuk memperkukuh pasaran buruh. Dalam hubungan ini, rangka kerja data pasaran buruh akan dibangunkan sebagai panduan bagi perancangan, pembangunan dan pelaksanaan dasar serta inisiatif pasaran buruh. Rangka kerja ini akan memudahkan pengumpulan dan pengharmonian data yang diperoleh daripada sumber tradisional dan yang baru muncul untuk analitik berpusat, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 10-5*. Infrastruktur maklumat pasaran buruh ini juga akan merangkumi platform analitik bagi membolehkan penelitian yang mendalam untuk menggubal dasar berasaskan bukti. Platform ini akan mengguna pakai model unjuran yang berasaskan teknologi *machine learning* untuk lebih memahami kedinamikan pasaran buruh. Platform ini juga akan membantu penggubal dasar untuk menangani cabaran dalam pasaran buruh. Ini termasuk ketidakpadanan kemahiran serta keperluan untuk menyediakan unjuran pekerjaan mengikut sektor atau wilayah dan mengesan pekerja asing dengan lebih baik.

Paparan 10-5

Platform Analitik Berpusat untuk Sokongan Pasaran Buruh



Menggalakkan Latihan Tenaga Kerja yang Memenuhi Keperluan Semasa

Mekanisme bayaran balik levi Pembangunan Sumber Manusia akan disemak semula untuk menyokong lebih banyak latihan kepada pekerja berkemahiran rendah dan separuh mahir yang mudah terjejas dengan kemunculan teknologi 4IR. Program mikro dan modular yang menyasarkan pelbagai peringkat kemahiran, terutama pekerja berkemahiran rendah akan diperluas. Langkah ini akan membolehkan pekerja untuk melengkapkan program latihan secara berperingkat dan mendapat pengiktirafan.

Kajian semula yang menyeluruh akan dibuat ke atas standard klasifikasi pekerjaan sedia ada untuk mengambil kira maklumat berkaitan dengan keperluan kemahiran. Kajian ini bertujuan untuk mewujudkan rangka kerja kemahiran kebangsaan[22] yang dinamik dan komprehensif. Rangka kerja tersebut yang memerlukan pengemaskinian berterusan akan digunakan sebagai garis panduan untuk melengkapkan guna tenaga sedia ada dengan kemahiran baharu yang diperlukan. Memandangkan usaha ini memerlukan kerjasama industri dalam mengenal pasti keperluan kemahiran, kerjasama yang menyeluruh antara kerajaan, industri dan penyedia latihan akan diwujudkan. Rangka kerja ini juga akan membantu akademia untuk membangunkan program yang sesuai dan membolehkan penduduk tempatan mendapat peluang daripada pekerjaan mahir yang diwujudkan. Di samping itu, bilangan tempat untuk melatih pekerja yang mengkhusus dalam bidang dan kemahiran tertentu akan ditambah bagi memenuhi keperluan baharu daripada industri. Pekerjaan ini termasuk jurutera reka bentuk dan penyelidik, arkitek perisian dan saintis data raya dalam bidang elektrik dan elektronik, komputer dan teknologi maklumat serta industri kreatif.

Isu guna tenaga tidak penuh dalam kalangan graduan akan ditangani melalui sokongan berterusan kepada program *bridging* bagi meningkatkan kebolehpasaran graduan. Ini akan melengkapkan graduan dengan sikap, kemahiran dan pengetahuan untuk menjadi bakat yang berpotensi. Kursus yang memberi tumpuan kepada pemikiran kreatif dan analitikal, kemampuan menyesuaikan diri dalam organisasi serta kemahiran berkomunikasi dan bekerjasama akan dipergiat. Selain program *bridging* bagi mendapatkan pekerjaan, keusahawanan juga akan dipupuk dalam kalangan graduan yang berminat.

Menangani Perubahan Pasaran Buruh Berikutan Pandemik COVID-19

Pemulihan daripada pandemik COVID-19 memerlukan intervensi yang intensif bagi mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan. Dalam hubungan ini, inisiatif oleh pelbagai pihak berkepentingan akan diselaraskan di bawah Majlis Pekerjaan Negara (MPN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri. Majlis ini akan memantau pelaksanaan strategi untuk mewujudkan 500,000 pekerjaan pada akhir tahun 2021 serta menangani isu ketidakpadanan kemahiran dalam pasaran buruh.

Portal perkhidmatan pekerjaan akan ditambah baik untuk membolehkan pengagihan semula guna tenaga yang terjejas akibat pandemik COVID-19. Penambahbaikan ini juga akan membolehkan pengambilan semula pekerja yang diberhentikan berikutan automasi. Semua komponen dalam kitaran pekerjaan akan diintegrasikan dalam portal ini dengan menggunakan kaedah kecerdasan buatan (AI). Portal ini akan mengandungi ciri-ciri seperti padanan pekerjaan melalui ujian psikometrik, peluang peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula dan peningkatan kemahiran serta kemudahan pembiayaan.

Usaha untuk memacu industri untuk beralih kepada aktiviti yang mempunyai nilai ditambah lebih tinggi melalui automasi akan diteruskan. Insentif yang berkaitan akan dikaji semula untuk memasukkan komponen bagi menyediakan latihan yang diperlukan oleh pekerja. Ini bagi membolehkan pekerja menggunakan teknologi automasi baharu dengan berkesan. Peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan disediakan kepada pekerja yang diberhentikan melalui sistem yang menyokong pasaran buruh. Ini akan membolehkan mereka terus berada dalam pasaran buruh.

Menyediakan Pekerjaan Wajar untuk Pekerja *Gig*

Usaha akan diambil bagi memastikan kesejahteraan mereka yang terlibat dalam pekerjaan tidak formal adalah selaras dengan tonggak agenda pekerjaan wajar[23]. Dalam hubungan ini, skim perlindungan sosial, termasuk manfaat kesihatan dan apabila kehilangan pekerjaan serta simpanan persaraan, akan terus ditambah baik. Di samping itu, pendekatan inovatif akan diteroka dengan memanfaatkan pengantara atau penyedia platform sedia ada untuk mendapat maklumat berkaitan

[22] Rangka kerja kemahiran kebangsaan akan berpandukan usaha *European Commission's European Skills, Competences, Qualifications and Occupation* (ESCO) dan *US Department of Labor, Employment & Training Administration* dalam membangunkan O*Net.

[23] Pewujudan pekerjaan, hak di tempat kerja, perlindungan sosial dan dialog sosial.

pekerja *gig*. Ini termasuk menyediakan peruntukan khusus dalam undang-undang sedia ada untuk memperoleh maklumat daripada pengantara mengenai pekerja *gig* bagi memudahkan akses kepada perlindungan sosial. Dana latihan bagi pekerja *gig* akan diwujudkan bagi membolehkan pekerja tersebut meningkatkan kemahiran dan beralih kepada pekerjaan yang lebih baik.

Risiko psikososial terutama tekanan berkaitan pekerjaan yang dihadapi oleh pekerja *gig*, termasuk mereka yang bekerja dalam platform antarabangsa dalam zon waktu yang berbeza akan ditangani. Langkah sewajarnya akan dirangka bagi membolehkan pekerja *gig* untuk bekerja dalam persekitaran yang selamat dan kondusif. Bagi tujuan ini, amalan terbaik antarabangsa akan diguna pakai.

Menggalakkan Perkongsian Tanggungjawab

Keupayaan dan kerjasama antara majikan, pekerja dan pegawai penguat kuasa akan diperkukuh bagi menggalakkan perkongsian tanggungjawab dalam mematuhi undang-undang dan peraturan buruh. Entiti sedia ada akan dinaik taraf sebagai pusat latihan khusus untuk pembelajaran, perkongsian pengetahuan dan pembangunan keupayaan majikan, pekerja dan pegawai penguat kuasa. Pusat ini juga akan melaksana program pentauliahan pekerja daripada sektor swasta sebagai pengamal sumber manusia. Pentauliahan ini akan membolehkan pelaksanaan penilaian kendiri peringkat firma dalam pematuhan kepada undang-undang dan peraturan buruh.

Bidang Keutamaan B

Membangunkan Bakat Tersedia Masa Hadapan

Pembangunan bakat tersedia masa hadapan adalah penting bagi memenuhi keperluan kemahiran oleh industri yang sentiasa berubah dan menghadapi perubahan teknologi yang pesat. Penekanan akan diberi bagi meningkatkan kualiti pendidikan dan program latihan, memperkukuh tadbir urus, memanfaatkan teknologi baru muncul, memastikan outcome pembelajaran yang saksama dan menangani pertindihan tadbir urus TVET. Langkah ini akan menambah baik akses serta meningkatkan kualiti dan tadbir urus dalam penyampaian pendidikan dan latihan selaras dengan Matlamat 4 Agenda 2030.



Strategi B1

Meningkatkan Kualiti Pendidikan

Pendidikan berkualiti adalah penting bagi memastikan bakat yang dihasilkan memenuhi standard yang diperlukan oleh industri dan boleh menyesuaikan diri dengan perubahan. Dalam hubungan ini, kualiti pendidikan akan ditingkatkan dengan menambah baik outcome pembelajaran dan menggalakkan sistem pendidikan tinggi yang fleksibel. Kaedah penilaian pelajar akan dikaji semula dan program TVET dimantapkan manakala kerjasama dengan industri dan pembudayaan PSH akan diperkukuh.

Menambah Baik Outcome Pembelajaran

Usaha untuk menambah baik outcome pembelajaran akan merangkumi peluasan akses kepada pendidikan, peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta penambahbaikan persekitaran sekolah. Insentif sedia ada akan dikaji semula dan program kesedaran akan ditambah baik untuk meningkatkan enrolmen prasekolah. Kualiti guru ECCE akan ditingkatkan untuk menambah baik pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan awal kanak-kanak. Bagi mencapai matlamat ini, semua guru ECCE awam dan swasta akan diwajibkan memiliki sekurang-kurangnya diploma dalam ECCE pada tahun 2025. Program Diploma dalam ECCE oleh IPG akan turut ditawarkan kepada guru berkenaan.

Kerajaan akan melanjutkan tahun persekolahan wajib daripada enam tahun kepada 11 tahun dengan mewajibkan pendidikan menengah kepada semua murid warganegara Malaysia. Ini adalah sejajar dengan strategi yang digariskan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Inisiatif ini akan meningkatkan enrolmen pada peringkat menengah rendah dan menengah atas serta menangani isu keciciran murid daripada sistem pendidikan.

Pendidikan STEM akan diperkukuh untuk menyediakan murid bagi menghadapi 4IR. Dua program latihan bagi guru dalam pendidikan berasaskan pertanyaan, iaitu *Inquiry-Based Science Education* (IBSE) dan *Inquiry-Based Mathematics Education* (IBME) akan diperluas untuk menambah baik pendekatan pengajaran dan pembelajaran. Di samping itu, kurikulum STEM baharu dan terkini yang diterapkan dengan teknologi digital akan diperkenalkan. Program *STEM For All* akan terus dipergiat dengan memudahkan jaringan kerjasama antara sekolah dengan industri. Geran per kapita untuk subjek di bawah program STEM akan disemak semula bagi menyediakan bahan pembelajaran yang mencukupi untuk murid menjalankan eksperimen sains. Makmal sains akan dinaik taraf untuk memastikan proses pengajaran dan pembelajaran turut merangkumi aktiviti sains secara amali dan ini akan diwajibkan kepada murid.

Sistem pendidikan sedia ada akan dikaji semula secara berterusan bagi membolehkan lebih banyak peluang pembelajaran secara penerokaan dan berasaskan projek. Kajian ini akan menghasilkan pentaksiran prestasi murid yang lebih menyeluruh. Dalam hubungan ini, kurikulum dan standard pentaksiran akan dikaji semula untuk menyemai pemikiran kritikal, pembelajaran kreatif dan kemahiran menyelesaikan masalah. Pemansuhan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) pada tahun 2021 akan menjadi titik perubahan yang penting ke arah pentaksiran murid yang lebih menyeluruh berdasarkan Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) yang ditambah baik. Selain itu, peperiksaan Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) juga telah dibatalkan sejak tahun 2020 berikutan impak pandemik COVID-19. Oleh itu, murid menengah rendah akan dinilai berdasarkan prestasi murid dalam PBS yang merangkumi Pentaksiran Bilik Darjah (PBD), Pentaksiran Psikometrik (PPsi) dan Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Ko-kurikulum (PAJSK). Malaysia akan terus menyertai program pentaksiran antarabangsa seperti PISA dan TIMSS untuk menambah baik kualiti pendidikan pada semua peringkat.

Sistem pengesanan murid daripada peringkat prasekolah hingga menengah atas akan dibangunkan untuk memantau kesinambungan pembelajaran murid di sepanjang sistem persekolahan. Maklumat daripada sistem ini akan digunakan untuk melaksanakan intervensi pada masa yang tepat termasuk dalam mengurangkan kadar keciciran murid. Di samping itu, program sokongan murid, seperti penglibatan ibu bapa dan komuniti akan terus dipertingkat untuk mengekalkan murid miskin dan murid berisiko dalam sistem persekolahan. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi kepada penyediaan sokongan sosial dan emosi serta bantuan kepada murid yang menghadapi masalah pembelajaran bagi membangun persekitaran sekolah yang inklusif.

Selaras dengan usaha untuk meningkatkan kualiti guru, tumpuan akan diberikan untuk pembangunan profesional berterusan dalam kalangan guru dan pensyarah di IPG. Semua guru bahasa Inggeris akan dikehendaki mencapai sekurang-kurangnya aras C1 dalam *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR)[24] manakala pensyarah di IPG dikehendaki memperoleh aras C2 dalam CEFR.

Kecekapan berbahasa Inggeris dalam kalangan murid akan terus dipertingkat untuk menambah baik outcome pembelajaran murid. Sistem pemantauan berstruktur akan dibangunkan untuk menilai keberkesanan program di bawah Reformasi Pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia: Pelan Hala Tuju 2015-2025. Di samping itu, CEFR akan diperluas ke semua peringkat pendidikan. Penilaian kecekapan bahasa Inggeris pada tahun akhir persekolahan akan dijajar berdasarkan CEFR bermula pada tahun 2021 bagi sekolah menengah dan 2022 bagi sekolah rendah.

Latihan pembangunan profesional dan pedagogi akan diperluas kepada guru tahfiz melalui kurikulum pengajaran seragam yang ditawarkan oleh IPG. Dalam hubungan ini, IPG Kampus Pendidikan Islam akan dijadikan sebagai hab latihan untuk mengeluarkan guru tahfiz yang berkualiti dan berkelayakan. Usaha juga akan diambil bagi meningkatkan penggunaan Kurikulum Bersepadu Tahfiz di sekolah tahfiz seluruh negara untuk meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran serta menambah baik outcome murid.

Jaminan kualiti akan dipertingkat bagi memastikan keberkesanan penyampaian pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Inspektorat sekolah akan diberikan lebih autonomi untuk meningkatkan fleksibiliti operasi. Peranan inspektorat bukan sahaja untuk membuat pemeriksaan tetapi juga untuk membimbing dan menyokong pentadbir sekolah dan guru dalam melaksanakan tanggungjawab mereka. Proses

[24] CEFR adalah standard antarabangsa bagi menilai kebolehan berbahasa. CEFR menilai kebolehan berbahasa melalui enam skala bermula daripada skala A1 untuk mereka yang berada di peringkat permulaan sehingga ke skala C2 untuk yang telah menguasai bahasa.

inspektorat sedia ada akan ditambah baik bagi memastikan setiap sekolah dibuat naziran sekurang-kurangnya sekali setiap dua tahun. Latihan kepada pengajar untuk tugasan inspektorat akan diperluas kepada Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) dan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi memastikan outcome murid yang konsisten.

Selain daripada pencapaian akademik, penekanan juga akan diberi untuk memupuk nilai murni, sikap dan tingkah laku yang baik dalam kalangan murid. Di samping Pendidikan Islam, Pendidikan Moral dan Pendidikan Sivik, nilai murni akan diterapkan dalam semua subjek yang lain. Pengajaran berasaskan nilai akan aplikasikan untuk membangunkan karakter dan menggalakkan interaksi sosial dalam kalangan murid. Di samping itu, pelan strategik jangka pendek dan panjang akan dikaji semula untuk memupuk nilai dan membangunkan karakter murid secara menyeluruh. Penyertaan murid dalam sukan, persatuan dan badan beruniform akan dimantapkan untuk memupuk perpaduan yang lebih erat dan persefahaman yang lebih baik dalam kalangan murid.

Langkah akan terus diambil untuk menaik taraf infrastruktur sekolah dan kolej vokasional bagi menambah baik persekitaran pengajaran dan pembelajaran. Tumpuan akan diberi bagi menangani isu bangunan daif di sekolah. Semua bangunan sekolah yang diklasifikasikan skala enam dan tujuh dalam Indeks Keadaan Bangunan Sekolah[25] dan disahkan tidak selamat oleh Jabatan Kerja Raya akan digantikan dengan bangunan baharu.

Pelan Hala Tuju SKM akan diperkukuh untuk meningkatkan pengurusan sekolah dan mengurangkan perbelanjaan mengurus. Pelaksanaan kelas bercantum akan diperluas dengan menggabungkan Tahun Dua dengan Tahun Tiga dan Tahun Empat dengan Tahun Lima. Di samping itu, usaha berterusan akan dilaksana untuk merasionalisasi SKM. Rasionalisasi ini adalah berdasarkan beberapa kriteria termasuk sekolah yang digabungkan adalah daripada jenis sekolah yang sama dan terletak dalam lingkungan lima kilometer.

Menggalakkan Sistem Pendidikan Tinggi yang Fleksibel

Usaha bersepadu akan dilaksana untuk menggalakkan peralihan kepada sistem pendidikan tinggi yang lebih fleksibel. Langkah ini termasuk mempelbagaikan laluan pendidikan dan latihan, menawarkan program *transdisciplinary* dan menyusun semula program sedia ada untuk menerapkan pendekatan yang lebih inovatif. Langkah ini akan membolehkan IPT menawarkan lebih banyak kurikulum yang fleksibel dan dinamik serta boleh dikemas kini dan disesuaikan mengikut permintaan industri. Di samping itu, enrolmen pelajar akan dijadikan lebih fleksibel merentas universiti dengan membolehkan pelajar mengambil subjek di IPT yang berbeza dalam tempoh pengajian.

IPT akan terus digalakkan untuk mempertingkat pendidikan keusahawanan untuk membudayakan nilai keusahawanan dalam kalangan pelajar. Dalam hubungan ini, Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025 dan Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu KPT yang telah dilancarkan pada tahun 2021 akan menjadi rujukan utama kepada IPT untuk menyediakan program pendidikan keusahawanan yang berstruktur dan menyeluruh kepada pelajar. Inisiatif ini akan mentransformasi landskap keusahawanan di IPT daripada yang berasaskan keperluan kepada yang berasaskan peluang dan melahirkan usahawan dalam kalangan pelajar yang mampu bersaing dalam pasaran global.

Dasar latihan industri akan dikaji semula untuk dimantapkan bagi memastikan pelajar mendapat pendedahan industri yang sewajarnya. Pelajar juga akan digalakkan untuk mengikuti program kelayakan dan pensijilan profesional. Langkah ini adalah bagi mempersiap pelajar untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang lebih baik termasuk bekerja sendiri.

Keberkesanan pembelajaran dan pengajaran adalah bergantung kepada kualiti dan keupayaan staf akademik dalam menyampaikan ilmu pengetahuan dan kemahiran kepada pelajar. Dalam hubungan ini, pembelajaran dan pengajaran sedia ada akan diperkukuh dengan menerapkan pendekatan pembelajaran kendiri, berorientasikan rakan sebaya, secara maya dan berasaskan pengalaman. Staf akademik akan digalakkan untuk melanjutkan pengajian ke program pensijilan atau kelayakan profesional supaya kemahiran mereka terus relevan dengan standard dan teknologi terkini. Di samping itu, program mobiliti akademik merentas sektor akan diperluas bagi meningkatkan pengetahuan staf akademik. Pembangunan kapasiti dan pengesanan kemajuan staf akademik akan dipertingkat bagi menambah baik kompetensi mereka dalam teknologi baru muncul.

Pelbagai langkah akan diambil untuk menaik taraf infrastruktur dan peralatan usang dan tidak selamat bagi memastikan persekitaran yang kondusif di IPT. Langkah ini akan menyokong pembangunan bakat tersedia masa hadapan dan penyelidikan yang berkualiti serta memastikan potensi IPT dicapai sepenuhnya. Di samping itu, langkah ini akan menambah baik reputasi dan penjenamaan IPT, menarik lebih ramai pelajar dan seterusnya membolehkan IPT menjana pendapatan.

[25] Indeks yang dibangunkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi memperihal keadaan bangunan di sekolah dengan menggunakan skala satu hingga tujuh. Skala satu untuk bangunan yang selamat, manakala skala tujuh untuk bangunan yang tidak selamat digunakan.

Memperkukuh Kaedah Penilaian

Langkah akan diambil untuk memperkukuh kaedah penilaian pelajar di IPT dengan memperkenalkan penilaian alternatif bagi melahirkan graduan yang serba boleh, berciri keusahawanan dan seimbang. Penilaian baharu ini akan memberi penekanan kepada elemen kemahiran insaniah seperti kecerdasan emosi, keperibadian dan kemahiran menyelesaikan masalah di samping pencapaian akademik. Penilaian ini akan lebih bersepadu dan bersifat peribadi.

Memperkukuh Kerjasama dengan Industri

IPT akan digalakkan untuk memperkukuh kerjasama dengan pemain industri dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I). Usaha ini akan mendorong kepada pembiayaan dan pelaburan yang lebih baik daripada industri dan seterusnya menyumbang kepada kadar pengkomersialan dan inovasi yang lebih tinggi. Di samping itu, bidang tumpuan dalam aktiviti R&D yang merangkumi teknologi baru muncul seperti psikoteknologi, robotik dan AI akan diperluas bagi memenuhi permintaan industri. Peruntukan kepada RU dan HICoE serta Geran Penyelidikan Fundamental akan terus disediakan untuk mempertingkat aktiviti R&D serta membangunkan aktiviti pengajaran dan pembelajaran berdasarkan penyelidikan. Selain itu, sistem pengurusan penyelidikan akan dibangunkan bagi menyokong aktiviti penyelidikan di IPT.

Mempertingkat Program TVET

Pusat Kecemerlangan dan Pusat Teknologi akan diperluas untuk melonjakkan inovasi dan mencipta pengetahuan serta meningkatkan kemahiran teknikal dalam kalangan pelajar. Di samping itu, model *Teaching Factory* yang menyediakan persekitaran pengeluaran atau pembuatan sebenar akan diperluas kepada lebih banyak institusi TVET bagi membolehkan pelajar menggunakan kelengkapan industri di kampus. Kewujudan industri yang terletak di sekitar institusi TVET akan dimanfaatkan bagi mendedahkan pelajar kepada teknologi terkini serta mendapat pengalaman industri yang lebih baik. Inisiatif ini akan menjajarkan kemahiran yang dihasilkan dengan permintaan industri.

Memperkukuh Pembudayaan Pembelajaran Sepanjang Hayat

Pembudayaan dan pelaksanaan program PSH akan terus diberi penekanan bagi membangunkan masyarakat peribelajar. Tumpuan akan diberi kepada pembangunan dan peningkatan program PSH yang inovatif bagi memastikan lebih peluang tersedia kepada rakyat. Usaha juga akan dipergiat untuk menambah baik persepsi melalui penjenamaan PSH yang berkesan.

Strategi B2

Memperkukuh Tadbir Urus

Tadbir urus pendidikan akan diperkukuh untuk menyokong pembangunan bakat tersedia masa hadapan. Pengukuhan ini termasuk meningkatkan tadbir urus dan penyelarasan sistem persekolahan serta keberkesanan tadbir urus dan keupayaan kewangan IPT. Inisiatif ini akan menambah baik penyampaian pendidikan dan latihan di sekolah, IPT dan institusi TVET.

Meningkatkan Tadbir Urus dan Penyelarasan Sistem Persekolahan

Usaha akan dilaksana untuk menambah baik kualiti dan pengurusan pendidikan prasekolah dengan mengukuhkan kerjasama antara pelbagai penyedia perkhidmatan. Dalam hubungan ini, pelaksanaan inisiatif untuk memperkemas pendidikan prasekolah akan dipergiat. Jawatankuasa kebangsaan sedia ada mengenai pendidikan prasekolah akan ditugaskan untuk mengkaji semula standard kurikulum, outcome murid, bahan pengajaran dan pembelajaran, infrastruktur dan kualiti guru untuk semua Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA) dan TABIKA di bawah KEMAS, JPNIN dan JAKOA.

Platform penyelarasan di antara penyedia awam dan swasta bagi sekolah tahfiz akan dibangunkan bagi menggalakkan penerimagunaan kurikulum yang standard serta menambah baik kualiti guru. Usaha juga akan dilaksana untuk menggalakkan lebih banyak sekolah tahfiz berdaftar sebagai Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK). SABK ini akan menerima bantuan kerajaan bagi meningkatkan kualiti pendidikan serta memastikan pematuhan terhadap garis panduan keselamatan bangunan dan penyediaan kediaman yang selesa untuk murid.

Gudang data perusahaan serta platform analitik data akan dibangunkan untuk membolehkan perkongsian data, menyokong pelaporan dan proses membuat keputusan merentas kementerian dan agensi. Pada masa yang sama, penyedia perkhidmatan pendidikan swasta akan digalakkan untuk berkongsi data mengenai status enrolmen murid. Perkongsian data ini akan memastikan pengesanan enrolmen murid yang komprehensif termasuk murid dalam sistem persekolahan swasta.

Program pembangunan profesional akan dimantapkan untuk meningkatkan kualiti kepimpinan. Pemimpin pendidikan daripada sekolah, JPN, PPD dan pada peringkat kementerian akan dilatih di bawah program berstruktur untuk menambah baik kapasiti dan kebolehan untuk mengurus institusi pendidikan. Dalam hubungan ini, program Kelayakan Profesional Pemimpin Sistem Pendidikan

Kebangsaan (NPQSL)[26] akan diperkenalkan. Di samping itu, Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL)[27] akan diperkukuh dan disesuaikan untuk jenis sekolah yang berbeza seperti sekolah Orang Asli, pendidikan khas, sekolah agama dan pendidikan teknikal dan vokasional.

Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) akan diperkukuh untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam menyokong tadbir urus sekolah. Penglibatan yang lebih luas dengan komuniti, sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil dan penyedia latihan pendidikan akan diterajui oleh PIBG berdasarkan program yang dikenal pasti oleh sekolah. Pemerkasaan ini akan memudah cara bagi mendapatkan sumber pembiayaan serta tenaga kerja dan kepakaran untuk meningkatkan kualiti sekolah. Selain itu, Yayasan Didik Negara telah ditubuhkan pada 2021 sebagai badan rasmi bagi mentadbir pengutipan, penyaluran dan pengurusan sumbangan daripada pelbagai pihak dengan lebih sistematik dan menyeluruh.

Meningkatkan Keberkesanan Tadbir Urus dan Keupayaan Kewangan Institusi Pendidikan Tinggi

Usaha bersepadu akan dilaksana untuk mengkaji semula, memperkemas dan menggubal dasar dan undang-undang bagi menyelia ekosistem pendidikan tinggi untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan IPT. Garis Panduan Amalan Baik (GGP) mengenai pelajar antarabangsa di IPT akan dirangka untuk menambah baik pengurusan pelajar antarabangsa. Di samping itu, GGP mengenai akreditasi antarabangsa juga akan dibangunkan sebagai inisiatif untuk meningkatkan kualiti IPT dan mengukuhkan program bitara. Inisiatif ini akan memastikan program akademik yang ditawarkan adalah terkini, mengikut keperluan industri, selari dengan amalan terbaik antarabangsa dan diakreditasikan oleh organisasi antarabangsa.

Kemampanan kewangan IPT akan diperkukuh. Usaha ini termasuk mengkaji semula yuran dan mengutamakan aktiviti R&D. Kemudahan sedia ada di IPT termasuk hospital pengajar akan diguna pakai bagi penjanaan pendapatan. IPT juga akan digalakkan untuk memperluas sumber kewangan alternatif supaya berdaya saing dan mampan. Usaha ini termasuklah dengan memperinci dan memudah cara pengurusan sumber dana daripada wakaf, endowmen, derma dan dana masyarakat. Bagi tujuan ini, dasar yang komprehensif dan GGP mengenai model pembiayaan akan dirangka dan mekanisme untuk memantau aktiviti dan program penjanaan pendapatan akan dibangunkan. Di samping itu, IPT akan disarankan untuk membangunkan model pembiayaan yang lebih mantap untuk mendapatkan sumbangan daripada industri, syarikat multinasional, PMKS, institusi kewangan dan komuniti. Inisiatif MyWakalah akan terus dipertingkat sebagai sumber dana alternatif kepada IPT. Institusi TVET juga akan digalakkan untuk mempelbagai dan memperluas sumber dana, termasuk wakaf dan endowmen.

PTPTN akan mengkaji semula dasar pembiayaan pelajar agar lebih mampan untuk jangka panjang termasuk pembiayaan bagi kursus yang mempunyai kebolehpasaran yang tinggi. Ini adalah bagi memastikan kadar pembayaran balik pinjaman yang lebih tinggi oleh peminjam. Strategi kutipan bayaran balik akan diperkukuh bagi menangani peminjam yang culas dan peminjam yang tidak pernah membayar pinjaman. Strategi ini termasuk penguatkuasaan undang-undang, pengenalan semula sekatan perjalanan ke luar negara dan perkongsian maklumat dengan agensi kerajaan. Usaha akan diambil untuk menggalakkan bakal peminjam meningkatkan jumlah simpanan bagi mengurangkan jumlah pinjaman. Usaha ini akan mengurangkan beban bayaran balik pinjaman pendidikan setelah tamat pengajian. Selain itu, PTPTN juga akan meneroka inisiatif lain seperti wakaf dan endowmen pendidikan untuk pembiayaan pendidikan tinggi.

Strategi B3

Memanfaatkan Teknologi Baru Muncul

Perkembangan 4IR memperkenalkan kaedah baharu dalam teknologi seperti AI, pendigitalan, internet mudah alih berkelajuan tinggi, analitis data raya (BDA) dan internet benda (IoT) yang akan memberi kesan kepada pendidikan dan latihan. Dalam tempoh RMKe-12, inisiatif untuk memanfaatkan teknologi baru muncul dalam pendidikan akan memperkukuh ekosistem pembelajaran digital dan memperkasa TVET melalui pembelajaran digital. Inisiatif ini akan menyumbang kepada pewujudan ekosistem pembelajaran yang berkesan dan institusi yang mampu mengeluarkan graduan tersedia masa hadapan.

Mengoptimumkan Ekosistem Pembelajaran Digital

Strategi Pendidikan Digital diperkenalkan bagi mempercepat pendigitalan dalam agenda pendidikan. Strategi ini bertujuan untuk melahirkan generasi yang fasih digital dan berpotensi untuk berinovasi menggunakan teknologi digital. Pengajaran dan pembelajaran serta pentaksiran menggunakan teknologi digital akan diperluas dengan memperkukuh kebolehan dan pengetahuan guru. Pada masa yang sama, pelaksanaan DELIMa yang merupakan platform digital untuk guru berkongsi bahan dan sumber pengajaran akan dipertingkat. Melalui platform ini, kemahiran pemikiran komputasi dan sains komputer akan diintegrasikan dalam kurikulum bagi membolehkan murid menangani masalah yang kompleks.

[26] NPQSL adalah program latihan untuk pemimpin bagi memastikan pegawai yang dilantik di pejabat pendidikan daerah, jabatan pendidikan negeri dan bahagian adalah kompeten.
[27] NPQEL adalah program latihan dalam perkhidmatan untuk kepimpinan dan pengurusan untuk melatih pengetua dan guru besar.

Kehilangan pembelajaran adalah isu yang perlu ditangani terutama semasa dan pasca pandemik COVID-19. Kaedah dan bahan pembelajaran jarak jauh yang standard akan diperluas. Guru akan dilatih dan dilengkapi dengan peranti untuk melaksana dan merakam sesi kelas secara langsung. Inspektorat sekolah akan menjalankan audit bilik darjah dalam talian secara aktif untuk memastikan pengajaran yang berkualiti dan menambah baik tahap penyertaan murid dalam bilik darjah maya. Murid daripada kumpulan B40 akan diberi bantuan bagi mendapatkan peranti. Pada masa yang sama, usaha untuk menggalakkan murid kembali ke sekolah juga adalah penting bagi memastikan kecicir an sifar. PIBG akan diperkasa bagi membantu inisiatif pemantauan masyarakat.

Pembelajaran subjek Reka Bentuk dan Teknologi (RBT) melalui akses kepada kemudahan dan infrastruktur digital yang mencukupi akan menjadikan pembelajaran lebih berkesan dan menarik. Oleh itu, bengkel RBT akan dilengkapi dengan kelengkapan yang diperlukan termasuk komputer mudah alih dan komponen robotik. Aktiviti amali akan diberi penekanan untuk memupuk kreativiti dan pembelajaran inovatif dalam kalangan murid untuk melaksanakan projek. Seterusnya, penilaian prestasi murid akan dibuat berdasarkan pentaksiran berasaskan sekolah.

Infrastruktur digital akan disediakan kepada sekolah bagi menyokong pengajaran dan pembelajaran digital. Inisiatif ini akan dicapai dengan menambah baik ketersambungan internet, menaik taraf rangkaian kawasan setempat (LAN) dan menyediakan peralatan digital yang sesuai untuk sekolah dan murid. Perkhidmatan MyGov*Net yang disediakan oleh pihak Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) akan diperluas untuk menyediakan rangkaian kawasan luas (WAN) ke pejabat pendidikan. Dalam masa yang sama, semua sekolah akan menerima akses kepada jalur lebar melalui inisiatif Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA).

Penutupan IPT yang disebabkan oleh pandemik COVID-19 telah mengubah aktiviti pembelajaran dan pengajaran, iaitu daripada interaksi secara fizikal kepada pembelajaran secara dalam talian. Situasi ini memerlukan IPT untuk segera mengubah kaedah penyampaian pembelajaran dan pengajaran bagi memastikan pendidikan berkualiti. IPT akan memperkukuh pendekatan pembelajaran jarak jauh bagi meneruskan pembelajaran dan pengajaran. Staf akademik dan pelajar di IPT akan dilengkapi dengan kemahiran digital bagi meningkatkan lagi outcome pembelajaran dalam pengajian tinggi. Langkah juga akan diambil bagi menambah baik Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Negara (SETARA) dan Sistem Penilaian Kualiti Malaysia untuk Kolej Swasta (MyQUEST) dengan mengambil kira elemen teknologi dalam kriteria penilaian.

Semua aktiviti di kampus akan menjurus kepada usaha mewujudkan persekitaran kampus pintar seperti bilik kuliah dan makmal pintar, pembelajaran dan pengajaran interaktif menggunakan realiti terimbuh (AR) dan teknologi realiti maya (VR) serta pengurusan pelajar secara digital. Di samping itu, penggunaan ruang pembelajaran, termasuk makmal di IPT akan dikaji semula bagi menggalakkan perkongsian sumber dan pembangunan bersama merentas disiplin dan institusi dengan menggunakan platform digital. Langkah ini akan menambah baik pengalaman pendidikan, kecekapan operasi serta meningkatkan keupayaan IPT bagi memenuhi keperluan masa hadapan.

Memperkasa TVET melalui Pembelajaran Digital

Penggunaan teknologi baru muncul seperti VR, AR dan AI akan dimanfaatkan untuk melengkapkan aktiviti pengajaran secara praktikal dan penyelidikan di makmal dan bengkel. Oleh itu, pedagogi yang menerapkan teknologi ini akan dimasukkan dalam kurikulum TVET. Selain itu, kerjasama antara institusi TVET dan industri akan dipergiat untuk memberi lebih banyak peluang kepada tenaga pengajar dan pelatih menerapkan teknologi terkini serta merasai pengalaman operasi dan cabaran industri yang sebenar.

Strategi B4

Memastikan Kesaksamaan Outcome Pembelajaran

Peningkatan akses kepada pembelajaran yang lebih kondusif dan selamat akan menambah baik outcome pembelajaran. Oleh itu, usaha akan diambil bagi memastikan peluang yang sama bagi pendidikan berkualiti kepada MBK, murid Orang Asli dan murid yang tinggal di kawasan pedalaman. Inisiatif ini akan memberi tumpuan kepada peningkatan pengajaran dan pembelajaran serta penyediaan infrastruktur yang bersesuaian.

Meningkatkan Akses kepada Pendidikan Inklusif dan Berkualiti

Akses kepada pendidikan inklusif dan berkualiti akan ditambah baik melalui pelaksanaan Dasar Pendidikan Untuk Semua termasuk MBK. Dasar Sifar Penolakan ini diperkenalkan pada tahun 2019 bagi memastikan MBK diterima masuk di semua sekolah awam atau sekolah yang mempunyai kemudahan OKU, bergantung kepada tahap kelainan upaya dan dibantu dengan intervensi, pemulihan dan sokongan yang diperlukan.

Kualiti pendidikan untuk MBK akan ditambah baik dengan meningkatkan kompetensi guru dan pembantu pengurusan murid. Sistem sokongan untuk MBK akan diperkukuh bagi menambah baik pengesanan awal dan intervensi. Di samping itu, garis panduan khusus yang meliputi kategori dan tahap keupayaan yang berbeza akan diperkenalkan bagi memperkukuh pelaksanaan Kurikulum Pendidikan Khas dan program TVET. Usaha akan diambil untuk menyediakan alat pembelajaran yang bersesuaian dengan usia seperti alat pemprosesan deria, bola gim dan *Braille* untuk menggalakkan program intervensi yang berkesan. Dalam masa yang sama, kolej vokasional pendidikan

khas akan diperluaskan untuk MBK. Kokurikulum untuk MBK juga akan ditambah baik berdasarkan potensi murid dalam bidang bukan akademik.

Akses MBK di sekolah akan dipertingkat melalui penambahbaikan kemudahan mesra OKU. Sasaran sekurang-kurangnya satu sekolah di setiap daerah akan dilengkapi dengan set kemudahan asas untuk OKU. Di samping itu, Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas yang menyediakan perkhidmatan saringan, intervensi, rehabilitasi dan rundingan kepada MBK dan ibu bapa akan dinaik taraf dan diperluas untuk meliputi lebih banyak kawasan dan menyediakan perkhidmatan yang lebih baik.

Bagi memastikan lebih ramai kanak-kanak autisme menerima intervensi dan pendidikan awal, Pusat GENIUS Kurnia akan diwujudkan di semua negeri. Pewujudan ini adalah untuk memenuhi peningkatan permintaan ibu bapa yang mempunyai anak autistik serta membimbing ibu bapa dan komuniti dalam mengurus kanak-kanak autisme. Pusat GENIUS Kurnia ini akan menyediakan tiga program bagi membantu perkembangan kanak-kanak autisme iaitu Program Harian, Program Sokongan Keluarga dan Program Pendidikan Komuniti.

Satu program khas Membawa Sekolah ke Komuniti akan diperkenalkan kepada murid Orang Asli untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam pembelajaran formal. Program ini adalah kerjasama antara kerajaan, universiti dan pertubuhan masyarakat sivil. Graduan dan lepasan SPM daripada komuniti tempatan akan direkrut dan dilatih untuk membantu dalam pengajaran. Tumpuan pengajaran dan pembelajaran akan diberi kepada kemahiran asas 3M iaitu membaca, menulis dan mengira. Program ini akan mempersiapkan murid untuk menghadapi suasana pembelajaran sekolah arus perdana.

Sekolah K9 akan diperluas dan sekolah K9 yang sedia ada akan diubah secara beransur-ansur menjadi Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11) untuk memastikan murid melengkapkan tempoh 11 tahun pendidikan. Sekolah K11 ini bukan hanya bertumpu kepada murid Orang Asli tetapi juga akan diperluas untuk merangkumi murid yang tinggal di kawasan pedalaman. Sekolah K11 akan menyediakan peluang kepada murid Orang Asli dan murid yang tinggal di kawasan pedalaman untuk melanjutkan pengajian ke peringkat tertiari. Tumpuan akan diberi untuk meningkatkan kemahiran murid melalui pengukuhan penyampaian program TVET.

Strategi B5

Menangani Pertindihan Tadbir Urus TVET

Pada masa ini, institusi TVET ditadbir urus oleh pelbagai kementerian, agensi di negeri dan juga pihak swasta. Justeru, usaha akan diambil untuk menjajarkan pelbagai sistem institusi TVET bagi memastikan laluan pelajar ke pendidikan tinggi dan kerjaya masa hadapan diperkemas. Tadbir urus TVET akan dirombak dengan menyelaras dan menyepadu pelbagai sistem tadbir urus TVET, mempromosi jenama TVET, meningkatkan kualiti program dan mewujudkan pangkalan data bagi memenuhi permintaan industri.

Merombak Sistem Tadbir Urus TVET

Rangka kerja ekosistem TVET akan dibangunkan untuk merombak tadbir urus TVET sedia ada yang tidak bersepadu di samping melindungi kepentingan semua pihak yang berkaitan. Di bawah rangka kerja ini, melalui penubuhan Majlis TVET Negara akan mengoptimumkan penggunaan sumber dan mengurangkan pertindihan penawaran program serta menyelaraskan dan menyepadu pelbagai sistem tadbir urus TVET.

Penyelarasan program TVET akan memperkukuh imej TVET. Usaha bersepadu akan diambil untuk mempromosi TVET sebagai laluan kerjaya pilihan pelajar. Program *Buddy* akan diperkenalkan dengan memanfaatkan kejayaan alumni TVET untuk memberi motivasi dan membimbing pelatih dan graduan TVET dalam kerjaya, pendidikan dan perniagaan.

Mempromosi Jenama TVET

Satu jenama TVET yang mewakili penyedia TVET awam dan swasta akan diperkenalkan. Dalam hubungan ini, jenama TVET tunggal akan diwujudkan bagi mewakili semua penyedia TVET, merangkumi institusi kerajaan dan swasta. Peningkatan imej TVET memerlukan kesepakatan dan penyatuan yang utuh antara semua penyedia TVET. Usaha ini akan mempercepat anjakan paradigma dalam kalangan masyarakat dan industri untuk memilih TVET sebagai pilihan utama.

Meningkatkan Kualiti Program

Kualiti program di semua institusi akan ditingkatkan melalui akreditasi, pengiktirafan dan pensijilan daripada badan profesional dan industri berkaitan pada peringkat tempatan dan antarabangsa. Semua institusi digalakkan untuk memperluas program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula yang merangkumi kelayakan mikro, penempatan industri, latihan kemahiran dan penempatan silang antara industri dan institusi latihan TVET. Graduan TVET akan berpeluang untuk diberikan status profesional oleh MBOT dan ini akan menjadikan TVET sebagai laluan kerjaya profesional. Selain itu, sistem penarafan akan diperkenal bagi mengklasifikasikan institusi TVET berdasarkan kepada beberapa komponen termasuklah kebolehpasaran, kadar upah graduan, kerjasama industri dan pelaksanaan inisiatif sosial di kawasan luar bandar. Peruntukan kepada institusi TVET adalah berasaskan kepada pencapaian dalam sistem penarafan ini. Institusi TVET yang tidak menunjukkan pencapaian yang memberangsangkan perlu melaksanakan amalan terbaik bagi meningkatkan penarafan.

Mewujudkan Pangkalan Data TVET

Pangkalan data TVET akan dibangunkan untuk membolehkan BDA bagi menyokong perancangan dasar, pembangunan dan penyampaian program yang lebih berkesan. Pangkalan data ini akan menjadi platform berpusat bagi menyelaras dan mengintegrasi semua data berkaitan seperti laluan TVET, ketersediaan pekerjaan dan kerjaya serta pemadanan pekerjaan. Di samping itu, pangkalan data ini boleh diakses oleh semua pihak berdasarkan pematuhan kepada keselamatan data terperingkat.

Kesimpulan

Usaha yang diambil untuk mempercepat pembangunan modal insan dalam tempoh RMKe-11 telah mencatat beberapa pencapaian yang ketara. Pencapaian ini termasuk peningkatan gaji minimum, CE yang lebih baik dan semakan semula undang-undang perburuhan untuk menambah baik pasaran buruh. Di samping itu, kadar enrolmen bagi murid peringkat prasekolah dan menengah serta pengambilan pelatih TVET telah meningkat. Beberapa buah universiti sekarang ini berada pada kedudukan yang lebih baik pada peringkat global. RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada pembangunan bakat masa hadapan dengan menjajarkan semula pasaran buruh serta menambah baik kualiti pendidikan dan program latihan. Usaha ini akan menyumbang kepada CE yang lebih saksama, peningkatan produktiviti buruh dan pengukuhan sistem yang menyokong pasaran buruh. Pada masa yang sama, usaha ini juga akan membolehkan akses kepada pendidikan yang lebih luas, tadbir urus yang lebih cekap dan penyampaian pendidikan yang lebih berkualiti dalam menyediakan bakat untuk memenuhi permintaan industri pada masa hadapan.

Bab 11

Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju



Pendahuluan 11-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016–2020 11-3
- Pencapaian Sasaran Terpilih 11-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 11-5
- Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Digital 11-5
- Kemajuan dalam Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi 11-5
- Peningkatan dalam Penerimagunaan Teknologi 11-5

Isu dan Cabaran 11-6
- Pertumbuhan Ekonomi Digital yang Perlahan 11-6
- Jurang Digital Semakin Melebar 11-7
- Kekurangan Pelaburan dalam Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi 11-8
- Cabaran dalam Penerimagunaan Teknologi Revolusi Perindustrian Keempat 11-8

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 11-9

Bidang Keutamaan A 11-13
Memperhebat Ekonomi Digital

Bidang Keutamaan B 11-19
Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif

Bidang Keutamaan C 11-22
Mempercepat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

Bidang Keutamaan D 11-25
Memanfaatkan Potensi Teknologi Termaju

Kesimpulan 11-29

11

Pendahuluan

Kemajuan teknologi dan ekonomi global yang sentiasa berubah menuntut negara agar segera menerima guna pendekatan yang lebih dinamik dan proaktif. Hal ini adalah penting untuk menjadi sebuah ekonomi yang berasaskan teknologi tinggi. Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) yang berteraskan pendigitalan dan teknologi baharu mempengaruhi kehidupan manusia dalam situasi yang belum pernah dialami sebelum ini. Dalam tempoh RMKe-11, langkah telah diambil bagi mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi serta menyediakan infrastruktur yang berkualiti untuk menyokong pertumbuhan ekonomi. Walau bagaimanapun, masih terdapat beberapa cabaran dalam penguasaan pendigitalan. Cabaran ini termasuk kekurangan infrastruktur digital, tadbir urus yang tidak bersepadu, kekurangan keupayaan dan kemampuan serta akses perkhidmatan digital yang tidak mampu dicapai. Cabaran ini telah mengakibatkan pertumbuhan ekonomi digital yang perlahan serta melebarkan jurang digital. Selain itu, penerimagunaan teknologi yang rendah, kekurangan pelaburan dalam penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) serta kekurangan bakat yang berkemahiran telah menjejaskan usaha memodenkan ekonomi. Kemunculan teknologi disruptif juga perlu diuruskan dengan baik bagi memastikan potensi ekonomi diteroka dan pada masa yang sama melindungi kepentingan rakyat.

Pandemik COVID-19 telah mengubah cara perniagaan dan kerajaan berfungsi serta bagaimana masyarakat bekerja, berhubung dan menguruskan kehidupan. Pandemik ini juga telah mempercepat keperluan untuk menerima guna teknologi digital dan 4IR. Dalam tempoh RMKe-12, usaha untuk melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju akan diberi keutamaan. Usaha ini termasuklah memperhebat ekonomi digital, mengarus perdana pendigitalan bagi mencapai pembangunan yang inklusif, mempercepat R&D&C&I serta memanfaatkan potensi teknologi termaju. Inisiatif ini dijangka akan dapat meningkatkan daya saing dan daya tahan negara, sekali gus menjadikan Malaysia lebih bersedia sebagai ekonomi yang berasaskan teknologi tinggi.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016–2020

Pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk meningkatkan infrastruktur digital serta mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi. Keutamaan telah diberi untuk menambah baik infrastruktur digital bagi memastikan kebolehcapaian, dan kemampuan serta kualiti perkhidmatan adalah setanding dengan negara maju. Beberapa inisiatif telah dilaksana untuk menggalakkan inovasi dan penerimagunaan teknologi. Inisiatif ini termasuk menyediakan insentif, memperluas program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula serta menambah baik peranan pemudah cara. Langkah ini telah menyediakan persekitaran yang menyokong pertumbuhan ekonomi digital serta menggalakkan pengkomersialan produk dan perkhidmatan.

Pencapaian Sasaran Terpilih

Enam sasaran telah ditetapkan untuk mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi dalam industri serta menyediakan infrastruktur digital yang berkualiti. Tiga sasaran telah dicapai seperti ditunjukkan dalam *Paparan 11-1*. Dasar Negara Mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD) telah diperkenalkan pada tahun 2018 untuk menggalakkan penerimagunaan industri 4.0 dalam sektor pembuatan. Liputan infrastruktur jalur lebar di kawasan berpenduduk telah mencapai 95.5%, melebihi sasaran sebanyak 95% pada tahun 2020. Liputan televisyen terestrial digital telah berjaya diperluas ke seluruh negara. Walau bagaimanapun, nisbah kos langganan jalur lebar talian tetap kepada pendapatan negara kasar (PNK) per kapita masih tidak mencapai sasaran 1% kerana pengurangan kos langganan yang perlahan. Perbelanjaan kasar R&D (GERD) kepada keluaran dalam negeri kasar (KDNK) adalah sebanyak 1.04% pada tahun 2018 kurang daripada sasaran 2% pada tahun 2020. Sasaran yang tidak dicapai ini adalah berikutan perbelanjaan R&D oleh sektor swasta (BERD) yang rendah, iaitu 43.9% daripada jumlah GERD.


Paparan 11-1

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih


Mempercepat Inovasi dan Penerimagunaan Teknologi



Penggubalan Dasar Industri 4.0




Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) kepada KDNK




Perbelanjaan R&D oleh Sektor Swasta (BERD) kepada GERD


Penyediaan Infrastruktur Berkualiti



Liputan Jalur Lebar di Kawasan Berpenduduk



PNK per kapita bagi Kos Jalur Lebar Talian Tetap



Liputan Televisyen Terestrial Digital Seluruh Negara

*termasuk teknologi *Direct to Home* (satelit)



Pencapaian Inisiatif Terpilih

Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Digital

Dua inisiatif utama yang dilaksana dalam tempoh RMKe-11 untuk menambah baik infrastruktur digital adalah projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan projek Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB). Projek HSBB dan projek SUBB serta sambungan jalur lebar tanpa wayar telah meningkatkan jumlah kadar penembusan jalur lebar[1] daripada 99.7% pada tahun 2015 kepada 127.4% pada suku tahun pertama tahun 2020. Kadar penembusan jalur lebar mudah alih telah meningkat daripada 90.5% kepada 118.1%, manakala kadar penembusan bagi jalur lebar talian tetap telah meningkat daripada 9.2% kepada 9.3% dalam tempoh yang sama. Pelaksanaan Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian (MSAP) telah menurunkan purata harga pakej jalur lebar sehingga 49%. Berikutan ini, pakej jalur lebar baharu dengan kelajuan yang lebih tinggi telah diperkenal. Kelajuan perkhidmatan jalur lebar talian tetap untuk pakej permulaan telah meningkat daripada 10 megabit sesaat (Mbps) kepada 30Mbps, manakala kos langganan bulanan telah berkurangan daripada RM139 kepada RM79.

Kemajuan dalam Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

Beberapa program telah dilaksana bagi mempercepat pertumbuhan yang didorong inovasi, terutama melalui kerjasama sektor awam dan swasta dalam R&D&C&I. Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) yang diperkenal pada tahun 2016 telah dimanfaatkan sebagai platform kerjasama untuk mengkomersialkan produk dan perkhidmatan serta menyokong aktiviti R&D tempatan. Sehingga tahun 2019, sebanyak 343 produk, teknologi dan perkhidmatan yang dihasilkan melalui R&D telah dikomersialkan dan menjana pendapatan sebanyak RM386.5 juta. Di samping itu, pelaksanaan Program Pengkomersialan Nanoteknologi berdasarkan model kerjasama *triple helix* telah menghasilkan sebanyak 55 harta intelek. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 12 paten, tujuh hak cipta dan satu pembaharuan utiliti telah difailkan. Antara produk inovatif yang dihasilkan ialah teknologi penjanaan hidrogen setempat menggunakan hidrida dan teknologi pengecasan tanpa wayar menggunakan frekuensi radio. Teknologi hidrogen adalah lebih murah berbanding bahan api fosil dan berpotensi tinggi untuk membawa perubahan radikal dalam reka bentuk peranti elektronik dan kenderaan elektrik masa hadapan. Sejak program *Collaborative Research in Engineering, Science and Technology* (CREST) ditubuhkan pada tahun 2012, sejumlah 156 projek R&D telah diluluskan. Daripada jumlah tersebut, 73 projek telah disiapkan. Program ini telah menghasilkan 593 bakat terlatih dan teknopreneur, 24 syarikat berasaskan teknologi dalam peringkat permulaan serta melatih 8,230 graduan.

Dalam tempoh RMKe-11, institusi pendidikan tinggi (IPT) memainkan peranan penting dalam melaksana aktiviti R&D dengan peruntukan berjumlah RM1 bilion. Sehingga tahun 2019, sebanyak 6,919 projek penyelidikan telah dilaksana. Projek penyelidikan ini telah berjaya menghasilkan 5,607 pelajar pasca siswazah, 15,607 penerbitan dan 563 harta intelek. Kebanyakan hasil penyelidikan oleh IPT adalah jurnal terindeks, prosiding persidangan dan penerbitan lain. Sebanyak 136 paten dan pengetahuan mengenai teknologi telah dilesenkan oleh IPT pada tahun 2018 yang menjana hasil sebanyak RM40.7 juta. Hasil ini lebih tinggi berbanding RM4.5 juta pada tahun 2016 yang disumbangkan oleh 92 paten dan pengetahuan mengenai teknologi yang dilesenkan. Penubuhan Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE) telah menggalakkan R&D melalui kerjasama antara industri dan IPT. Sebanyak 21 HiCoE telah ditubuhkan bertujuan untuk memperluas bidang kajian khusus serta meningkatkan kerjasama dengan IPT terkemuka antarabangsa, institusi penyelidikan dan peneraju industri.

Peningkatan dalam Penerimagunaan Teknologi

Pelbagai usaha telah dilaksana untuk meningkatkan penerimagunaan teknologi, khususnya oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS). Sebanyak 1,159 PMKS telah mendapat manfaat dan berjaya meningkatkan produktiviti melalui projek intervensi teknologi di bawah program SIRIM-Fraunhofer. Selain itu, sebanyak 528 PMKS telah menjalani audit teknologi untuk membolehkan intervensi dilaksana di bawah program yang sama. Projek intervensi melibatkan penggunaan mekanisasi dan automasi, peningkatan teknologi, penyesuaian teknologi dengan keperluan setempat, pembungkusan dan pelabelan, latihan dan perundingan untuk pematuhan standard serta nasihat teknikal berkaitan eksport. Dana Ekuiti Elektrik dan Elektronik telah diperkenal untuk menggalakkan pemindahan dan kemajuan teknologi melalui pelaburan dalam syarikat yang berpotensi. Sebanyak 124 harta intelek telah difailkan, 259 pekerjaan diwujudkan dan RM1.2 bilion pendapatan telah dijana daripada aktiviti yang dibiayai melalui dana ini. *Malaysia Debt Venture Technology Acceleration and Commercialisation Scheme* (MDV-TACT) telah diperkenal untuk menggalakkan pembangunan, penerimagunaan dan pengkomersialan teknologi baharu. Sebanyak 11 syarikat telah mendapat pembiayaan berjumlah RM51 juta di bawah MDV-TACT. Pendapatan syarikat ini telah meningkat lebih 300% selepas menyertai skim ini.

[1] Penembusan bagi setiap 100 penduduk untuk jalur lebar talian tetap dan mudah alih.

Isu dan Cabaran

Walaupun pelbagai usaha telah dilakukan untuk mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi serta menambah baik infrastruktur dan perkhidmatan digital dalam tempoh RMKe-11, namun masih terdapat beberapa cabaran. Antara cabaran yang dihadapi dalam usaha pendigitalan adalah pertumbuhan ekonomi digital yang perlahan sebahagian besarnya disebabkan oleh kekurangan infrastruktur, tadbir urus yang tidak bersepadu, kekurangan keupayaan dan kemampuan di samping masalah ketidakmampuan kumpulan berpendapatan rendah untuk mengakses perkhidmatan digital. Penerimagunaan teknologi yang rendah, kekurangan pelaburan dalam R&D&C&I dan kekurangan bakat berkemahiran juga menghalang usaha untuk menggalakkan penggunaan teknologi termaju dalam menguasai 4IR.

Isu dan Cabaran

- Pertumbuhan Ekonomi Digital yang Perlahan
- Jurang Digital Semakin Melebar
- Kekurangan Pelaburan dalam Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi
- Cabaran dalam Penerimagunaan Teknologi Revolusi Perindustrian Keempat

Pertumbuhan Ekonomi Digital yang Perlahan

Teknologi digital telah membawa perubahan kepada setiap sektor dan mewujudkan peluang baharu. Ia juga telah menimbulkan cabaran kepada perniagaan. Walaupun Malaysia berada pada tangga ke-26 daripada 63 negara dalam *Institute for Management Development (IMD) World Digital Competitiveness Ranking* 2020, tahap pendigitalan dalam industri terutamanya PMKS masih rendah. Penerimagunaan digital dalam kalangan PMKS masih rendah akibat kurang kesedaran dan kos yang tinggi. Isu ini dirumitkan lagi oleh ketiadaan platform bagi menyelesaikan pertikaian aktiviti e-dagang rentas sempadan.

Industri digital masih belum berkembang sepenuhnya kerana syarikat tempatan kekurangan pengalaman dan kesediaan untuk ke peringkat global. Tahap kefahaman yang rendah berkaitan akses ke pasaran antarabangsa dan ketidakupayaan untuk membuat penyesuaian dengan keperluan pasaran asing yang disasarkan mengakibatkan kehadiran syarikat tempatan dalam dunia digital di peringkat global masih lemah. Di samping itu, kurangnya minat untuk ke peringkat antarabangsa, penjenamaan produk dan perkhidmatan yang lemah serta produk yang kurang menarik juga menghalang syarikat Malaysia untuk menyertai pasaran antarabangsa. Tambahan pula, penyedia penyelesaian digital tempatan tidak mempunyai kemampuan untuk berkembang, khususnya dalam perkhidmatan pengkomputeran awan. Kelemahan ini mengakibatkan syarikat tidak berupaya untuk memenuhi permintaan tempatan dan bersaing dengan pemain industri antarabangsa, khususnya dalam menyediakan perkhidmatan teknologi digital yang lebih baik. Pelaburan yang rendah untuk menambah stesen pendaratan kabel dasar laut telah menyukarkan usaha untuk meluaskan perkhidmatan jalur lebar talian tetap bagi memenuhi permintaan yang meningkat untuk jalur lebar berkelajuan tinggi termasuk oleh pusat data.

Struktur tadbir urus digital yang tidak bersepadu, kekurangan bakat digital yang tersedia serta penyelarasan yang lemah dalam aspek pelaksanaan dan pembiayaan menghalang pertumbuhan ekonomi digital. Rangka kerja kawal selia dan inisiatif pembangunan teknologi adalah tidak bersepadu. Selain itu, dasar dan rangka kerja perundangan sedia ada juga tidak membolehkan perkongsian data sepenuhnya yang menjadi asas kepada kemajuan ekonomi digital. Sementara itu, kurangnya latihan dan pelaburan dalam pembangunan bakat turut menyumbang kepada ketidakcukupan bekalan tenaga mahir dan pakar, terutama dalam bidang sains data, keselamatan siber, kewangan digital dan pembangunan kandungan.

Kurangnya kesedaran berkaitan kepentingan keselamatan siber telah meningkatkan kerentanan perniagaan dan masyarakat terhadap ancaman siber. Kos yang tinggi juga menghalang penerimagunaan langkah-langkah untuk meningkatkan keselamatan siber. Pada tahun 2020, statistik jenayah siber telah mencatatkan sebanyak 14,214 yang mengakibatkan kerugian berjumlah hampir RM414 juta.

Infrastruktur digital sedia ada menyediakan kebolehcapaian yang terhad manakala perkhidmatan digital masih tidak mampu dilanggan oleh sebahagian rakyat. Industri yang berada di luar zon perindustrian terpilih tidak mempunyai akses kepada perkhidmatan jalur lebar berkelajuan gigabit disebabkan oleh kekurangan infrastruktur digital. Penyediaan perkhidmatan digital ke kawasan luar bandar masih menjadi cabaran akibat syarikat telekomunikasi yang tidak berminat atas faktor kos pembangunan yang tinggi, pulangan pelaburan yang rendah dan ketiadaan ekonomi bidangan.

Perkhidmatan digital dari peringkat awal ke akhir dalam sektor Kerajaan diperlukan untuk perkhidmatan awam yang lebih cekap. Penyediaan perkhidmatan digital dari peringkat awal ke akhir hanya mencapai 46.8% pada tahun 2020. Ini menunjukkan betapa pentingnya proses pendigitalan dipercepatkan. Selain itu, penyediaan kemudahan dan perkhidmatan digital yang tidak seimbang turut menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan. Kurangnya kecekapan penjawat awam dalam kemahiran berkaitan digital telah menyebabkan pendigitalan perkhidmatan sektor awam tidak menyeluruh. Program latihan sektor awam hanya tertumpu kepada program literasi asas digital, manakala peningkatan kemahiran, terutama dalam analitis data adalah terhad. Modul latihan juga tidak disesuaikan dengan keperluan agensi. Bagi sektor swasta pula, usaha untuk meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula pekerja dalam bidang teknikal berkaitan digital masih tidak mencukupi.

Langkah untuk menggalakkan pendigitalan dalam pendidikan juga masih tidak mencukupi. Modul pembelajaran digital sedia ada di sekolah tidak memberi penekanan kepada aspek pemikiran pengkomputeran dan analitis yang diperlukan untuk ketersediaan digital. Tambahan pula, kekurangan infrastruktur dan peranti digital menghalang pembelajaran jarak jauh kepada murid. Guru juga tidak cukup terlatih dan tidak dibekalkan dengan sumber yang diperlukan, seterusnya menjejaskan kualiti pengajaran dan pembelajaran. Selain itu, program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) pula lebih memberi tumpuan kepada kemahiran khusus yang berkaitan pekerjaan dan kurang memberi penekanan kepada kompetensi dan keupayaan untuk menyesuaikan diri dalam menggunakan teknologi digital.

Jurang Digital Semakin Melebar

Jurang digital dalam kalangan rakyat telah mewujudkan ketidaksamarataan dalam peluang ekonomi dan melebarkan jurang antara golongan kaya dan miskin. Kekurangan akses dikenal pasti antara faktor utama yang menyumbang kepada jurang digital yang semakin melebar. Bentuk muka bumi yang mencabar di kawasan luar bandar mengekang usaha untuk menyediakan liputan infrastruktur dan perkhidmatan digital, seterusnya mengakibatkan penyertaan dalam ekonomi digital dalam kalangan komuniti luar bandar yang rendah. Pandemik COVID-19 telah meningkatkan keperluan untuk mempercepat usaha bagi merapatkan jurang digital. Pendigitalan telah menjadi sebahagian daripada normal baharu dalam aktiviti sosioekonomi.

Perbezaan dasar berkaitan penyediaan infrastruktur digital antara negeri dan data yang kurang selaras juga menyumbang kepada jurang digital. Terdapat negeri yang memberi hak eksklusif kepada syarikat terpilih untuk mengurus dan menyediakan infrastruktur dan perkhidmatan digital, mengakibatkan caj permit yang tinggi, proses kelulusan yang rumit serta mengambil masa yang panjang. Keadaan ini telah mengehadkan persaingan dan menghalang industri daripada melabur di negeri berkenaan sekaligus menyebabkan penyediaan infrastruktur digital yang tidak seimbang di seluruh negara.

Jurang digital ditunjukkan oleh peratusan langganan jalur lebar dalam kalangan pelbagai kumpulan pendapatan isi rumah. B40 berada pada peratusan terendah, iaitu 49.3%, M40 pada 90.7% dan T20 pada 99.7%. Pakej jalur lebar terendah masih tidak mampu dilanggan oleh kumpulan mudah terjejas, walaupun ditawarkan pada harga RM38 sebulan. Hal ini kerana perkhidmatan tersebut tidak dianggap sebagai keperluan. Walaupun kadar penembusan jalur lebar mudah alih adalah tinggi, masih terdapat pengguna terutama dalam kalangan B40 yang menggunakan telefon 2G. Penggunaan telefon 2G mengehadkan capaian kepada internet yang menjejaskan peluang kumpulan ini untuk mengambil bahagian dalam ekonomi digital.

Kekurangan Pelaburan dalam Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

Pelaburan dalam R&D&C&I oleh sektor awam dan swasta adalah masih rendah berbanding negara maju berdasarkan peratusan GERD dan BERD yang rendah. Perbelanjaan R&D oleh sektor swasta berkurangan daripada RM10 bilion pada tahun 2016 kepada RM6.6 bilion pada tahun 2018. Peratusan kepada GERD berkurangan daripada 56.6% kepada 43.9%. Pelaburan yang rendah ini telah menjejaskan usaha meningkatkan produktiviti dan beralih kepada rantaian nilai yang lebih tinggi.

Penyelidikan pembangunan berbentuk eksperimental yang merangkumi peringkat prapengkomersialan, pembangunan prototaip, pembuktian konsep dan projek rintis adalah pada tahap yang rendah iaitu 24.5% daripada keseluruhan jumlah perbelanjaan penyelidikan pada tahun 2018. Hal ini turut menjejaskan kadar pengkomersialan. Ia juga disumbang oleh kekurangan kerjasama antara universiti dan industri. Inovasi dan penerimagunaan teknologi masih berada pada tahap yang rendah akibat kurang pelaburan dalam R&D bernilai tinggi, kekurangan bakat dalam teknologi terkedepan dan kelemahan penyelarasan antara agensi.

Malaysia berada pada kedudukan ke-65 daripada 137 negara di bawah tonggak inovasi produk dalam *Global Entrepreneurship Index* (GEI) 2019. Kedudukan ini adalah yang terendah dalam kalangan negara ASEAN. Kedudukan Malaysia dalam *Global Innovation Index* juga telah merosot daripada kedudukan ke-32 pada tahun 2015 kepada kedudukan ke-33 pada tahun 2020. Kemerosotan ini disebabkan skor yang lebih rendah dalam tonggak keluaran kreatif serta keluaran pengetahuan dan teknologi. Oleh itu, Malaysia perlu melakukan anjakan yang besar dalam aspek inovasi untuk menjadi sebuah ekonomi berasaskan teknologi tinggi.

Jumlah tenaga kerja R&D berkurangan sebanyak 9.7% daripada 136,683 pada tahun 2015 kepada 123,362 pada tahun 2018. Hasilnya, nisbah penyelidik bagi setiap 10,000 tenaga buruh berkurangan daripada 61.9 kepada 58.9 dalam tempoh yang sama. Di samping itu, kebanyakan aktiviti R&D bersifat akademik memandangkan 80.8% penyelidik adalah daripada IPT bagi tahun 2018. Walaupun R&D telah meningkatkan pewujudan pengetahuan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi (STI), namun kadar pengkomersialan masih rendah.

Sebanyak 58 pekerjaan paling diperlukan dalam 18 sektor ekonomi di Malaysia telah dikenal pasti melalui Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) 2019/2020 dengan mengambil kira keperluan 4IR. Kira-kira 60% daripada 58 pekerjaan kritikal ini adalah berkaitan bidang sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM) seperti ahli kimia, jurutera elektrik dan elektronik, penganalisis sistem, pembangun perisian dan perangkawan. Enrolmen dalam bidang STEM di universiti awam berada pada tahap 49% pada tahun 2020, iaitu lebih rendah berbanding sasaran 60%. Ketidakupayaan untuk menyediakan bakat STI yang mencukupi dan berkualiti akan menjejaskan usaha untuk merangsang pertumbuhan ekonomi. Di samping itu, tahap kesedaran dan literasi STI dalam kalangan orang awam masih rendah. Hal ini telah menjejaskan usaha menjadikan STI sebagai pemacu utama dalam menjana kekayaan dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Cabaran dalam Penerimagunaan Teknologi Revolusi Perindustrian Keempat

Teknologi 4IR telah mengubah cara pengguna, perniagaan dan industri beroperasi secara signifikan. Namun, masih terdapat kelemahan dalam keupayaan tempatan untuk menerima guna, berinovasi dan mencipta penyelesaian berasaskan teknologi 4IR. Kurangnya pemikiran yang dipacu oleh inovasi dan keengganan untuk berubah masih menjadi isu yang mengehadkan penerimagunaan teknologi 4IR, khususnya dalam kalangan perniagaan. Firma tempatan juga kurang berminat untuk melabur dalam teknologi 4IR walaupun pelbagai inisiatif berkaitan pembiayaan, pembangunan bakat dan khidmat nasihat telah dilaksana untuk mendorong penerimagunaan teknologi. Sebilangan besar aktiviti dalam sektor pembuatan, terutama dalam kalangan PMKS adalah berintensifkan buruh dengan kebergantungan yang tinggi kepada pekerja berkemahiran rendah. Akses yang mudah kepada pekerja asing berkemahiran rendah tidak mendorong industri untuk berinovasi dan melabur dalam automasi dan peningkatan teknologi. Di samping itu, kos modal yang tinggi bagi menerima guna teknologi dan kekurangan akses kepada pembiayaan juga telah menghalang penerimagunaan teknologi dan keupayaan berinovasi.

Penerimagunaan penyelesaian 4IR sangat bergantung kepada infrastruktur digital. Walaupun kadar penembusan jalur lebar terus meningkat, penyediaan perkhidmatan yang berkualiti masih menjadi cabaran. Purata kelajuan muat turun mudah alih di Malaysia adalah

pada kadar 24.7 Mbps, lebih rendah berbanding purata kelajuan muat turun global pada 34.8 Mbps[2]. Di samping itu, cabaran dalam mengakses perkakasan asas dan infrastruktur digital menghalang penerimagunaan 4IR dalam sektor awam.

Tadbir urus yang tidak bersepadu antara pelbagai kementerian dan agensi menjejaskan keberkesanan pelaksanaan inisiatif 4IR. Sebagai contoh, permohonan penggunaan dan pembangunan dron dikawal selia oleh sekurang-kurangnya empat pihak berkuasa yang berlainan. Di samping itu, struktur tadbir urus yang kejat dalam sektor awam mewujudkan kerenah birokrasi sekaligus mengehadkan potensi untuk berinovasi dan mewujudkan lebih banyak syarikat baharu berasaskan teknologi. Isu ini dibangkitkan dalam laporan Bank Dunia *Doing Business 2020* yang meletakkan Malaysia pada kedudukan ke-126 daripada 190 ekonomi dalam kategori "Memulakan Perniagaan".

Seiring kemajuan teknologi, kemahiran yang diperlukan juga akan berubah. Walau bagaimanapun, bakat tersedia berkaitan 4IR tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan semasa dan masa hadapan. Kaedah pembelajaran sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan untuk membangunkan bakat yang inovatif. Malaysia berada pada kedudukan ke-68 daripada 129 negara di bawah subtonggak Pendidikan dalam *Global Innovation Index 2020*. Kedudukan ini menunjukkan betapa perlunya sistem pendidikan ini ditambah baik bagi membangunkan ekosistem yang menggalakkan inovasi.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

RMKe-12 memberi tumpuan untuk melonjakkan pendigitalan dan teknologi termaju bagi membangunkan ekonomi berasaskan teknologi tinggi. Usaha ini akan dilaksana dengan memperhebat ekonomi digital, mengarus perdana pendigitalan bagi mencapai pembangunan yang inklusif, mempercepat R&D&C&I serta memanfaatkan potensi teknologi termaju. Kejayaan usaha ini akan meletakkan Malaysia antara negara peneraju dalam rantaian bekalan antarabangsa untuk produk dan perkhidmatan yang kompleks dan mempunyai nilai tambah yang tinggi. Hal ini akan membolehkan Malaysia meningkatkan taraf hidup rakyat dan mencapai pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan.



[2] *Speedtest Global Index* (Ogos 2020), Ookla (syarikat peneraju global dalam ketersambungan jalur lebar talian tetap dan mudah alih, aplikasi pengujian, data dan analisis).

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Melonjakkan Pendigitalan dan Teknologi Termaju

Bidang Keutamaan A

Memperhebat Ekonomi Digital

Strategi A1
Menyediakan Persekitaran yang Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Digital

Strategi A2
Memperkukuh Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Digital

Strategi A3
Membangunkan Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan

Strategi A4
Menjadikan Malaysia sebagai Pusat Digital ASEAN

Bidang Keutamaan B

Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif

Strategi B1
Memperluas Pendigitalan

Strategi B2
Menambah Baik Tadbir Urus Digital untuk Keterangkuman Pendigitalan

Bidang Keutamaan C

Mempercepat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

Strategi C1
Memperkukuh Keupayaan dan Kemampuan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

Strategi C2
Membangunkan Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi yang Berkualiti

Bidang Keutamaan D


Memanfaatkan Potensi Teknologi Termaju

Strategi D1
Mempercepat Kesediaan Mendepani Revolusi Perindustrian Keempat




Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Memperhebat Ekonomi Digital




2025

Sumbangan Ekonomi Digital kepada KDNK




2025

Sumbangan e-Dagang kepada KDNK




2021-2025

Kadar Pertumbuhan Purata Tahunan Eksport Kandungan Digital




2025

Bilangan Penciptaan IP Kandungan Digital



2025

Liputan 4G di Kawasan Berpenduduk[1]



2025


Kelajuan Jalur Lebar Mudah Alih



2025


Akses Perkhidmatan Jalur Lebar Talian Tetap

Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif




2025

Peratusan Pengguna Internet



2025

Bilangan *Points of Presence* bagi Ketersambungan Jalur Lebar di Kawasan Luar Bandar



2025

Platform Ekonomi Perkongsian Tempatan yang Diakreditasi




2025

Peratusan Isi Rumah di Bandar yang Melanggan Internet




2025

Peratusan Isi Rumah di Luar Bandar yang Melanggan Internet




[1] Merangkumi penggunaan teknologi lain yang bersesuaian termasuk akses perkhidmatan jalur lebar, talian tetap tanpa wayar dan satelit.

Mempercepat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi



2025

Perbelanjaan Kasar R&D (GERD) kepada KDNK




2025

Perbelanjaan R&D oleh Sektor Swasta (BERD) kepada GERD



2025

Bilangan Penyelidik bagi setiap 10,000 Tenaga Buruh



2025


Perbelanjaan Penyelidikan Pembangunan Eksperimental kepada GERD



2025

Bilangan Permohonan Paten oleh Warganegara

Memanfaatkan Potensi Teknologi Termaju



2021-2025

Sumbangan Produktiviti Pelbagai Faktor kepada Pertumbuhan KDNK



2025

Kedudukan dalam *Global Innovation Index*



2025

Bilangan Produk/Penyelesaian yang dikomersialkan melalui *Sandbox* Inovasi dan Teknologi Nasional (NTIS) dan Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY)

Sasaran

SDG

WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Memperhebat Ekonomi Digital

Usaha untuk merealisasikan agenda ekonomi digital memerlukan anjakan utama, khususnya dalam memanfaatkan trend mega seperti globalisasi, urbanisasi dan kemajuan teknologi. Ekonomi digital memainkan peranan yang penting dalam mengurangkan kesan pandemik COVID-19 dan menstabilkan kedudukan ekonomi. Masyarakat perlu beralih daripada amalan konvensional kepada amalan dalam talian bagi urusan jual beli, pengurusan pejabat dan pendidikan. Oleh itu, teknologi digital menjadi semakin penting dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang cekap dan tidak terganggu, tadbir urus yang berkesan dan pembangunan ekonomi yang mampan. Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan ditumpukan untuk menyediakan persekitaran yang menyokong pertumbuhan ekonomi digital, memperkukuh infrastruktur dan perkhidmatan digital, membangunkan bakat digital tersedia masa hadapan serta menjadikan Malaysia sebagai pusat digital ASEAN.



Strategi A1

Menyediakan Persekitaran yang Menyokong Pertumbuhan Ekonomi Digital

Kejayaan dalam ekonomi digital memerlukan perubahan dalam cara berfikir, dasar dan perundangan serta teknologi dan infrastruktur yang lebih baik. Langkah akan diambil untuk menyelaras tadbir urus digital, melonjakkan perdagangan melalui e-dagang, mengembangkan ekonomi perkongsian serta memperkukuh keselamatan siber. Langkah ini akan memastikan rakyat mendapat akses kepada peluang yang saksama dalam ekonomi digital, tanpa menjejaskan budaya, nilai dan etika rakyat Malaysia. Perjalanan ekonomi digital di Malaysia adalah seperti ditunjukkan dalam *Kotak 11-1*.

Kotak 11-1

Ekonomi Digital di Malaysia

Perjalanan ke arah ekonomi digital bermula dengan pelancaran Koridor Raya Multimedia (MSC) pada tahun 1996 untuk menjadikan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) sebagai tulang belakang dalam memacu pertumbuhan inovasi dan pembangunan sosioekonomi. MSC telah menarik pelaburan serta mendorong penubuhan lebih daripada 500 syarikat teknologi di Cyberjaya. Sumbangan ICT kepada keluaran dalam negeri kasar pada tahun 2019 adalah sebanyak 19.1%. Usaha berterusan akan dilaksana untuk memaksimumkan potensi ekonomi digital termasuk penerimagunaan teknologi digital merentas semua sektor ekonomi.

Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia telah diperkenalkan pada tahun 2021 bagi meletakkan Malaysia sebagai peneraju serantau untuk mencapai pembangunan sosioekonomi yang inklusif, bertanggungjawab dan mampan pada 2030. Rangka Tindakan tersebut telah menetapkan enam teras untuk meneraju inisiatif digital nasional, iaitu:

- Memacu transformasi digital sektor awam
- Meningkatkan daya saing ekonomi melalui pendigitalan
- Membina infrastruktur digital yang menyokong
- Membangunkan bakat digital yang tangkas dan kompeten
- Mewujudkan masyarakat digital yang inklusif
- Membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika

Malaysia mendefinisikan ekonomi digital sebagai “aktiviti ekonomi dan sosial yang melibatkan pengeluaran dan penggunaan teknologi digital oleh individu, perniagaan dan kerajaan”. Ekonomi digital akan mengubah perniagaan konvensional serta amalan pengguna untuk mendapatkan maklumat, perkhidmatan dan barangan.

Budaya, etika dan nilai murni rakyat Malaysia akan diterapkan dalam strategi dan inisiatif untuk memperhebat ekonomi digital. Kejayaan melaksanakan Rangka Tindakan ini akan mendorong pencapaian beberapa outcome utama. Outcome ini termasuk kerajaan yang tangkas dan dipacu oleh data, melonjakkan pertumbuhan ekonomi yang inovatif serta menyediakan ketersambungan digital yang lancar dan menyeluruh. Di samping itu, Rangka Tindakan ini juga mengandungi strategi untuk membangunkan bakat digital yang memenuhi keperluan pada masa hadapan, membina persekitaran digital yang dipercayai, selamat dan beretika serta mewujudkan masyarakat digital yang bertanggungjawab dan inklusif.



Menyelaras Tadbir Urus Digital

Pelaksanaan inisiatif digital akan diterajui oleh Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara. Majlis yang ditubuhkan pada tahun 2020 ini berperanan untuk menyediakan panduan menyeluruh dalam merancang, melaksana dan memantau inisiatif pendigitalan. Majlis ini akan mengenal pasti dengan jelas peranan dan tanggungjawab semua pihak berkepentingan dalam pelaksanaan Dasar 4IR Negara dan Rangka Tindakan *(Blueprint)* Ekonomi Digital Malaysia. Majlis ini menerima guna model *quadruple helix* untuk membolehkan interaksi yang lebih baik antara Kerajaan, industri, akademia dan masyarakat.

Pengurusan perubahan merupakan faktor utama untuk mencapai agenda pendigitalan. Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara akan dibantu oleh Pejabat Pengurusan Perubahan Strategik (SCMO) sebagai entiti khas untuk menerajui pengurusan perubahan peringkat nasional. SCMO akan menyediakan rancangan dan inisiatif strategik, memantau kemajuan dan menilai prestasi serta memudah cara penyelarasan semua jawatankuasa yang berkaitan di bawah Majlis. SCMO ini juga akan memacu strategi komunikasi termasuk meningkatkan kesedaran dan penjenamaan nasional.

Kerajaan memainkan peranan penting untuk menyediakan persekitaran yang menyokong dalam mempercepat pendigitalan. Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) sebagai agensi utama akan ditransformasi untuk bertindak secara proaktif dan menerajui agenda digital kebangsaan dalam sektor awam. MAMPU akan merangka dasar dan strategi serta mencadangkan sistem dan peralatan berkaitan transformasi digital secara menyeluruh untuk Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

Platform yang diyakini selamat bagi perkongsian data antara agensi Kerajaan dan sektor swasta akan dibangunkan untuk membuat keputusan berasaskan data. Perkongsian data antara sektor awam dan swasta dijangka dapat meningkatkan akauntabiliti, kesaksamaan, ketelusan dan keterbukaan. Perkongsian data juga akan memudah cara pembangunan program dan penyampaian perkhidmatan secara bersasar. Sebuah badan peneraju akan dikenal pasti untuk meningkatkan tadbir urus data termasuk pembangunan infrastruktur analitis data raya, keselamatan data dan modal insan.

Peraturan berkenaan perkongsian data akan dibangunkan untuk mengatasi masalah berkaitan sistem saling boleh kendali, keselamatan siber dan piawaian teknikal. Ekosistem keselamatan siber akan diperkukuh dengan mengkaji semula dan menyelaras dasar dan inisiatif semua pihak berkuasa. Pendekatan berasaskan risiko dalam pembangunan dan perolehan teknologi digital, termasuk produk dan penyelesaian rangkaian yang tersedia akan diguna untuk mengenal pasti risiko dan mengambil langkah mitigasi. Satu kajian akan dijalankan untuk mencadangkan rangka kawal selia dalam menyediakan ekosistem yang kondusif bagi pembangunan ekonomi perkongsian termasuk ekonomi *gig*.

Melonjakkan Perdagangan melalui e-Dagang

Landskap e-dagang banyak dipengaruhi oleh trend mega global dan teknologi digital yang sentiasa berkembang maju. Pelan Hala Tuju e-Dagang Kebangsaan 2.0, 2021-2025 akan dilaksanakan untuk melonjakkan aktiviti e-dagang. Rangka kerja *e-Invoicing* kebangsaan akan dibangunkan untuk membolehkan rakan dagang berurus niaga dengan lancar menggunakan mekanisme digital, terutama dalam mengeksport produk dan perkhidmatan digital.

PMKS tempatan akan digalakkan untuk meningkatkan perdagangan melalui e-dagang. Dalam hubungan ini, data dan maklumat di pusat setempat sedia ada akan diintegrasi bagi membolehkan PMKS mengakses pembiayaan, kemudahan dan khidmat nasihat dengan lebih baik. Langkah ini akan menangani isu pertindanan dan memastikan ketelusan dalam pengagihan sumber untuk meminimumkan ralat pemasukan dan penyisihan maklumat. Pusat ini juga akan menyelaras intervensi berkaitan perniagaan digital dan perdagangan rentas sempadan untuk menggalakkan perniagaan tempatan menembusi pasaran antarabangsa. Di samping itu, kolaborasi dan kerjasama serantau akan dimanfaatkan untuk melancarkan aliran data rentas sempadan tanpa menjejaskan kedaulatan dan keselamatan data.

Mengembangkan Ekonomi Perkongsian

Model ekonomi perkongsian membolehkan aset dan kemahiran dimanfaatkan dengan lebih baik oleh dua atau lebih pihak dan mewujudkan faedah ekonomi kepada masyarakat dengan menambah baik agihan kekayaan. Ekonomi perkongsian juga mewujudkan cabaran terutamanya berkaitan gangguan sosial, keyakinan, kualiti, kebolehpercayaan dan keselamatan. Bagi mengatasi isu dan mempercepat pertumbuhan ekonomi perkongsian, piawaian berdasarkan *ISO International Workshop Agreement: Guiding principles and framework for the sharing economy* (ISO-IWA 27:2017) akan diguna pakai. Piawaian ini mengandungi elemen seperti integriti; ketelusan; akauntabiliti; kebolehcapaian dan keterangkuman; serta penambahbaikan yang berterusan. Selain itu, platform tempatan akan dibantu untuk diakreditasi berdasarkan piawaian industri ekonomi perkongsian antarabangsa dan memperoleh pensijilan platform seperti ISO TC 324 bagi *Sharing Economy* dan *Fairwork Certification*.

Pertumbuhan ekonomi perkongsian akan dipercepat lagi dengan memperkukuh kerjasama antara wilayah melalui perkongsian rentas sempadan. Perkongsian dengan agensi antarabangsa akan diwujudkan untuk pertukaran pengetahuan dan amalan terbaik, khususnya dalam peraturan dan piawaian. Platform perkongsian tempatan akan turut digalakkan untuk ke pasaran antarabangsa dan menarik pelaburan asing.

Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan dipergiat untuk meningkatkan kesedaran dan penglibatan rakyat dalam ekonomi perkongsian. Industri termasuk pelancongan, pengangkutan dan pembuatan akan turut digalakkan untuk menerima guna dan memanfaatkan model ekonomi perkongsian bagi meningkatkan produktiviti dan daya saing. Inisiatif juga akan dilaksana untuk menggalakkan aktiviti ekonomi perkongsian, termasuk ekonomi *gig* dalam kalangan komuniti tempatan bagi menjana pendapatan tambahan. Kerjasama antara pemain ekonomi perkongsian dan institusi TVET akan diwujudkan untuk menyediakan program latihan kepada penduduk luar bandar.

Memperkukuh Keselamatan Siber

Pembangunan ekonomi digital yang pesat memerlukan ekosistem digital yang selamat, terjamin dan boleh dipercayai. Dalam hubungan ini, Strategi Keselamatan Siber Malaysia (MCSS) akan dilaksana untuk menerajui usaha dalam mengurus ancaman siber. MCSS memberi tumpuan untuk meningkatkan keberkesanan tadbir urus keselamatan siber negara dengan kerjasama antara agensi, industri dan akademia serta menerima pakai amalan terbaik dan teknologi yang berkesan. Rangka perundangan keselamatan siber akan terus diperkukuh, manakala Akta Keselamatan Siber akan digubal. Dalam tempoh RMKe-12, PMKS akan digalak untuk menerima guna elemen keselamatan siber dan persekitaran digital yang selamat selaras dengan peningkatan penerimagunaan digital bagi mengembangkan perniagaan.

Usaha untuk memupuk penggunaan platform digital secara beretika akan dipergiat. Usaha ini termasuk meningkatkan kesedaran keselamatan siber melalui aktiviti promosi yang meluas semasa bulan keselamatan siber, membangunkan garis panduan untuk pengguna aplikasi digital dan dalam talian serta meningkatkan latihan mengenai keselamatan siber kepada tenaga kerja menerusi kerjasama antara rakyat, swasta dan kerajaan. Di samping itu, modul penggunaan internet yang beretika dan selamat dalam kalangan murid akan dimasukkan dalam kurikulum sekolah.

Strategi A2

Memperkukuh Penyediaan Infrastruktur dan Perkhidmatan Digital

Penyediaan infrastruktur digital di seluruh negara akan menambah baik ketersambungan digital serta mewujudkan potensi dan peluang ekonomi baharu. Dalam hubungan ini, usaha akan ditumpu bagi memastikan akses yang saksama dan memudah cara penerimagunaan teknologi baru muncul dan alternatif. Usaha ini akan mempercepat pertumbuhan ekonomi digital dan meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat.

Memastikan Akses yang Saksama

Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) yang dilancarkan pada tahun 2019 telah disemak dan dikenali sebagai Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) pada tahun 2020. Pelaksanaan JENDELA akan membolehkan pembangunan infrastruktur digital yang mampan, inklusif dan berkualiti tinggi serta liputan standard teknologi generasi kelima (5G) yang lebih luas. Keupayaan dan kemampuan rangkaian jalur lebar akan dipertingkat dengan menarik modal swasta untuk melengkapkan pelaburan awam. Dalam hubungan ini, peraturan dan perundangan akan diselaras untuk mempermudah kemasukan pelaburan oleh pihak swasta dan penyediaan infrastruktur rangkaian baharu. Langkah akan diambil untuk menjadikan perkhidmatan telekomunikasi sebagai utiliti awam, sama seperti air dan elektrik di bawah Undang-undang Kecil Bangunan Seragam dan undang-undang lain yang berkaitan. Pengenalan konsep bayaran setiap penggunaan akan dikaji bagi meningkatkan akses dan kemampuan melanggan perkhidmatan telekomunikasi.

Dasar berkaitan perancangan dan pemasangan infrastruktur digital oleh Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan diselaras untuk memudahkan pelaburan dalam infrastruktur digital yang canggih dan untuk memastikan pelaksanaan pembangunan yang optimum. Undang-undang *digital-by-default* akan diperkenal bagi memudahkan penyediaan perkhidmatan digital, melindungi pengguna dan menggalakkan inovasi dan persaingan. Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat *(Universal Service Provision)* akan distruktur semula untuk meningkatkan ketelusan, fleksibiliti dan penyertaan lebih banyak firma dalam pemasangan rangkaian. Selain itu, mekanisme pembiayaan yang inovatif akan diperkenal oleh bank perdagangan dan agensi kerajaan untuk menggalakkan lebih banyak pelaburan dalam pembangunan infrastruktur digital.

Memudah Cara Penerimagunaan Teknologi Baru Muncul dan Teknologi Alternatif

Pembangunan dan penyediaan infrastruktur digital akan mengambil kira elemen inovasi serta teknologi baru muncul dan teknologi alternatif di samping memastikan kelestarian, unsur estetik dan keserasian dengan teknologi masa hadapan. Sebagai contoh, pembangunan bandar pintar akan mengambil kira elemen ini untuk menangani isu berkenaan kecekapan penggunaan tenaga, pengangkutan awam serta pengurusan bahan buangan dan bencana. Selaras dengan Dasar 4IR Negara, insentif akan disediakan kepada industri untuk berkongsi amalan terbaik, menjalankan pengujian dan menggunakan pendekatan *sandbox* untuk menggalakkan penerimagunaan teknologi baru muncul dan alternatif.

Menyediakan Persekitaran yang Menyokong Pembangunan Infrastruktur Digital

Undang-undang *digital-by-default* akan diperkenal untuk menggalakkan pembangunan infrastruktur digital. Dana khas akan terus disediakan untuk mempercepat peluasan infrastruktur digital kepada kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT), manakala kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri akan diperkukuh. Pelbagai langkah akan diambil untuk mempercepat proses kelulusan pada semua peringkat selain mendapatkan kerjasama daripada pemain industri bagi memastikan keberkesanan projek infrastruktur digital. Usaha akan dipergiat bagi menggalakkan pelaburan dalam stesen pendaratan kabel dasar laut untuk menambah baik perkhidmatan jalur lebar talian tetap dan penubuhan pusat data yang berkapasiti tinggi.

Strategi A3

Membangunkan Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan

Teknologi baru muncul telah mewujudkan permintaan kepada kemahiran dan kepakaran baharu. Usaha yang berterusan untuk meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula adalah penting bagi membolehkan tenaga kerja kekal relevan. Dalam tempoh RMKe-12, pelbagai langkah akan diambil dalam membangunkan bakat digital untuk menggalakkan ekonomi digital dan memupuk bakat digital tersedia masa hadapan.

Membangunkan Bakat Digital untuk Menggalakkan Ekonomi Digital

Ekosistem yang kondusif akan disediakan untuk meningkatkan kemahiran digital dalam kalangan tenaga kerja. Kerjasama antara kementerian akan diperkukuh di bawah Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara untuk memastikan kejayaan pelaksanaan inisiatif bakat digital. Rangka kerja strategi pembangunan bakat digital akan disediakan untuk menangani isu berkaitan di samping menjadi panduan dan menjajarkan semua inisiatif pembangunan bakat digital. Kemudahan pembiayaan yang mampan dan inklusif akan disediakan untuk tujuan ini.

Tanggungjawab sosial digital akan dipromosi bagi menggalakkan organisasi dan individu untuk menyumbang kepada program latihan kemahiran semula dan peningkatan kemahiran digital. Insentif seperti pengecualian cukai dan geran sepadan akan diperkenal kepada pemain industri yang menyediakan program pendidikan dan latihan digital. Di samping itu, syarikat akan digalakkan untuk menggaji bakat laten.

Kepakaran dalam keselamatan siber akan dipertingkat untuk memastikan ekosistem digital yang boleh dipercayai, selamat dan berdaya harap. Lebih ramai bakat tempatan akan dilatih untuk mengurangkan kebergantungan kepada pakar asing mengenai keselamatan siber. Kerjasama antara sektor awam dan swasta akan dipergiat untuk membangunkan pengetahuan dan kemahiran dalam keselamatan siber.

Latihan industri akan ditambah baik dan diperluas untuk membangunkan lebih ramai bakat kandungan digital. Program meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan dilaksana terutama dalam bidang animasi, permainan elektronik dan filem yang boleh dipasarkan ke peringkat antarabangsa. Program pertukaran bakat dengan negara pengeluar yang dikenali dalam bidang kandungan digital akan digalakkan untuk memperkukuh keupayaan dan kemampuan industri tempatan.

Memupuk Bakat Digital Tersedia Masa Hadapan

Pembelajaran mengenai teknologi digital baru muncul akan dimasukkan sebagai sebahagian daripada kurikulum untuk membentuk bakat digital pada peringkat awal persekolahan. Dalam hubungan ini, kemudahan digital di sekolah akan dinaik taraf bagi memastikan pendidikan dan pembelajaran digital yang berkualiti. Kemahiran untuk membuat penyesuaian, pemikiran kreatif dan inovatif akan dipupuk melalui aktiviti dan pertandingan berkaitan digital. Selain itu, pelbagai usaha akan diambil untuk menerapkan elemen akauntabiliti digital, etika dan nilai budaya dalam latihan bagi membina bakat yang serba boleh dan bertanggungjawab.

Program Pembangunan Profesional Berterusan akan diperluas kepada tenaga pengajar TVET untuk memperoleh sijil profesional dalam bidang berkaitan digital. Program ini akan melengkapkan pengajar dengan pengetahuan dan kemahiran berkaitan teknologi digital bagi meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran TVET. Perkongsian awam swasta termasuk melalui pendekatan pembelajaran *teaching factory* akan digalakkan untuk menyediakan latihan industri mengenai teknologi terkini.

Dalam tempoh RMKe-12, peranti digital akan dibekalkan kepada murid daripada kumpulan tertentu melalui pendekatan kerjasama rakyat, swasta dan kerajaan. Pelan data percuma akan diberi kepada murid yang kurang berkemampuan. Peranti akan dilengkapkan dengan tetapan keselamatan yang ketat untuk membolehkan kawalan dan pengawasan oleh guru dan ibu bapa. Program ini akan memastikan semua murid mendapat akses yang lebih baik kepada pembelajaran jarak jauh yang berkualiti.

Strategi A4

Menjadikan Malaysia sebagai Pusat Digital ASEAN

Malaysia disasarkan menjadi pusat digital ASEAN berdasarkan kekuatan dalam elemen penyelesaian keselamatan siber dan penghasilan kandungan digital. Hal ini diperkuat lagi dengan latar belakang masyarakat yang kaya dengan pelbagai budaya dan bahasa serta tenaga kerja yang fleksibel yang membolehkan negara menjadi pusat digital serantau. Usaha juga akan ditumpukan kepada memudah cara pelaburan strategik dan berkualiti serta pendigitalan PMKS untuk memperluas akses pasaran.

Memudah Cara Pelaburan Strategik dan Berkualiti

Langkah akan diambil untuk menambah baik iklim pelaburan dan menggalakkan modal teroka tempatan dan asing dalam menyokong pasaran khusus ekonomi digital. Potensi pelaburan baharu akan dibangunkan untuk memacu pelaburan strategik dalam ekonomi digital. Ini termasuk mengkaji semula Bil Jaminan MSC sedia ada bagi meningkatkan daya saing selain membangunkan ekosistem digital yang menyokong serta menarik peluang pelaburan berteknologi dan bernilai tinggi. Selain itu, kaedah *sandbox* akan dibangunkan untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi menjalankan ujian dalam keadaan sebenar, termasuk *regulatory sandbox* untuk mendorong pelaburan dan penerimagunaan teknologi pemangkin.

Ekosistem digital akan ditambah baik untuk mempercepat pertumbuhan industri kandungan digital. Tumpuan akan diberi kepada pembangunan bakat, pengukuhan rantaian nilai industri dan pengkomersialan harta intelek bagi menjenamakan Malaysia sebagai pusat kandungan digital serantau. Selain itu, kerjasama antara agensi akan diperkukuh untuk mempromosi dan menarik pelaburan berkualiti tinggi. Program mempromosi peluang berkaitan kandungan digital akan dilaksana, terutama kepada belia.

Usaha akan dipergiat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat serantau bagi teknologi kewangan *(fintech)* yang menawarkan perkhidmatan *fintech* konvensional dan Islamik. Usaha ini termasuk pengenalan kepada program pemacu *fintech* untuk menggalakkan pembukaan perniagaan *fintech* di Malaysia. Program ini akan memudahkan jalinan kerjasama, pembiayaan, pementoran dan membantu usahawan *fintech* memperoleh pelanggan pada peringkat awal bagi meluaskan pasaran serta mempercepat inovasi dalam perkhidmatan kewangan digital.

Inisiatif juga akan dipergiat untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat keselamatan siber serantau. Pakej dan fasilitasi perniagaan yang menarik akan disediakan untuk menggalakkan pelaburan dalam keselamatan siber. Syarikat tempatan akan digalakkan untuk memperoleh pensijilan antarabangsa supaya produk dan penyelesaian digital dapat dikomersialkan dengan lebih baik ke pasaran global.

Penjenamaan dan promosi yang menyeluruh akan dilaksana bagi menjadikan Malaysia sebagai pusat digital serantau. Pangkalan data tunggal dan telus bagi peluang pelaburan dalam teknologi digital akan dibangunkan untuk menyediakan maklumat yang lengkap kepada pelabur tempatan dan asing. Pemain teknologi digital tempatan juga akan digalakkan menyertai acara antarabangsa bagi menjalin kerjasama dan mempromosi perniagaan tempatan ke peringkat global.

Mendigitalkan Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana untuk Memperluas Akses Pasaran

Dalam tempoh RMKe-12, PMKS akan digalakkan untuk menerima guna teknologi digital dalam pengeluaran, pemprosesan dan perkhidmatan perniagaan, terutama dalam operasi sokongan perniagaan. Program latihan dan kesedaran akan disediakan kepada PMKS bagi meningkatkan kesediaan untuk menerima guna pendigitalan supaya dapat bersaing pada peringkat antarabangsa. Penyelesaian digital yang bersesuaian akan dipadankan dengan tahap kesediaan perniagaan melalui insentif penerimagunaan digital.

Mekanisme pembiayaan yang menyeluruh akan disediakan untuk mempercepat penerimagunaan penyelesaian digital oleh PMKS. Inisiatif eBerkat[3] akan terus dipromosi untuk membantu PMKS serta usahawan dalam kalangan isi rumah B40 bagi mendapatkan pengetahuan, perlindungan insurans dan akses kepada perkhidmatan pembiayaan mikro. Keperluan pendigitalan dan pembiayaan rakan setara untuk PMKS dan usahawan akan dikenal pasti. Usaha ini membolehkan PMKS menyertai pasaran yang lebih besar dan memperluas perniagaan ke peringkat antarabangsa.

Bidang Keutamaan B

Mengarus Perdana Pendigitalan untuk Pembangunan Inklusif

Keterangkuman digital adalah penting untuk memastikan semua rakyat mendapat peluang yang saksama bagi menyertai dan mendapat faedah daripada ekonomi digital. Kepentingan pendigitalan semakin ketara sejak pandemik COVID-19 kerana platform digital membolehkan untuk aktiviti sosioekonomi diteruskan walaupun terdapat perintah kawalan pergerakan. Bagi mengarus perdana pendigitalan, usaha untuk memperluas pendigitalan dan menambah baik tadbir urus digital akan dilaksana.



[3] Inisiatif bagi memudah cara PMKS mengakses sumber kewangan dalam mengembangkan perniagaan.

Strategi B1

Memperluas Pendigitalan

Peluasan pendigitalan akan meningkatkan pembangunan sosioekonomi dan memastikan keterangkuman digital dalam kalangan rakyat. Peluang untuk menyertai perniagaan dalam talian akan dipermudah manakala lebih banyak platform digital akan disediakan. Ini akan menggalakkan lebih ramai rakyat menyertai ekonomi digital.

Memudah Cara Peluang Digital

Aktiviti e-dagang akan diperluas untuk meningkatkan peluang digital kepada kumpulan mudah terjejas bagi memanfaatkan platform digital. Pusat perkhidmatan setempat akan ditubuhkan untuk memberi panduan dan memudah cara PMKS menceburi perniagaan secara dalam talian dan menembusi pasaran antarabangsa. Selain itu, pangkalan data profil PMKS yang lengkap akan dibangunkan untuk menambah baik perancangan dan pemantauan pembangunan PMKS.

Mewujudkan Lebih Banyak Perniagaan dalam Talian

Inisiatif bagi menggalakkan pewujudan perniagaan baharu termasuk solopreneur[4] serta perusahaan mikro global akan diperkukuh. Jangkauan dan keberkesanan program eRezeki dan eUsahawan akan ditambah baik. Inisiatif ini akan meningkatkan kemahiran digital dan peluang golongan sasar, termasuk yang terlibat dalam ekonomi perkongsian. Pencapaian program sedia ada akan dinilai, manakala model dan pendekatan perniagaan baharu akan diperkenal. Mekanisme pemantauan dan penilaian yang efektif akan digunakan untuk memastikan pelaksanaan yang lebih berkesan.

Ekonomi perkongsian akan digalakkan bagi menambah baik keterangkuman digital. Beberapa inisiatif akan diambil untuk memudah cara pertumbuhan ekonomi perkongsian, termasuk membangunkan standard, menyediakan platform baharu dan merancakkan aktiviti rentas sempadan. Program kesedaran akan dilaksana untuk menggalakkan penyertaan dalam ekonomi perkongsian, khususnya dalam kalangan kumpulan mudah terjejas.

Strategi B2

Menambah Baik Tadbir Urus Digital untuk Keterangkuman Pendigitalan

Tadbir urus yang ditambah baik akan menyediakan ekosistem digital yang komprehensif kepada rakyat bagi mengambil peluang daripada ekonomi digital. Integrasi dan privasi data juga akan ditambah baik bagi memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap. Usaha ini akan menggalakkan pertumbuhan ekonomi digital yang inklusif dan merealisasikan agenda pembangunan untuk semua.

Menambah Baik Integrasi dan Privasi Data bagi Penyampaian Perkhidmatan yang Cekap

Keupayaan untuk berkongsi dan menggunakan data amat penting bagi memastikan kejayaan agenda pendigitalan. Dasar perkongsian data akan digubal untuk menambah baik proses membuat keputusan dan melindungi privasi data. Data akan diselaras dan dikongsi dalam kalangan pihak berkepentingan bagi menggalakkan aktiviti berasaskan data, termasuk proses membuat keputusan berdasarkan bukti. Langkah ini akan memudah cara program sosioekonomi yang bersasar serta mengurangkan kesilapan pemasukan dan penyisihan maklumat.

Dasar identiti digital nasional akan dibangunkan bagi menyediakan rangka kerja yang komprehensif dalam membina kepercayaan dan keselamatan untuk transaksi digital dan pergerakan data. Pemakaian identiti digital akan memudah cara penggunaan teknologi baharu, e-dagang dan proses pentadbiran lain seperti ditunjukkan dalam *Kotak 11-2*. Inisiatif ini akan membendung penipuan dan meningkatkan perlindungan hak individu. Akta Perlindungan Data Peribadi akan disemak semula untuk memberi hak dan kawalan data peribadi yang lebih baik serta ketelusan dalam mengurus data peribadi dengan menggunakan teknologi. Semakan semula juga akan meningkatkan akauntabiliti organisasi dalam melindungi data peribadi dan privasi.


[4] Seseorang yang membuka dan menjalankan perniagaan secara individu.

Kotak 11-2

Identiti Digital Nasional untuk Mencapai Pertumbuhan Ekonomi yang Mampan

Landskap digital yang teguh dan infrastruktur telekomunikasi yang kukuh adalah penting untuk menyokong pertumbuhan ekonomi digital dan menggalakkan gaya hidup digital. Data menunjukkan 87.1% daripada perkhidmatan kerajaan disediakan secara dalam talian, manakala 87.4% daripada penduduk adalah pengguna internet. Kadar penembusan jalur lebar di kawasan berpenduduk ialah 127.4% pada suku pertama tahun 2020. Platform identiti digital nasional yang terjamin, selamat dan dilindungi merupakan keperluan apabila teknologi menjadi sebahagian daripada kehidupan.


Identiti digital nasional (NDI) merupakan platform untuk pengesahan identiti serta perakuan elektronik yang selamat dan dipercayai. Platform ini akan meningkatkan keselesaan dan menggalakkan keterangkuman, mengurangkan kos untuk mengakses perkhidmatan dan menambah baik penyampaian perkhidmatan bagi transaksi dalam talian. Orang awam tidak lagi perlu mengingati pelbagai nama pengguna dan kata laluan untuk pelbagai perkhidmatan atau menggunakan token yang berbeza untuk transaksi digital. Tandatangan digital melalui NDI akan membolehkan perkhidmatan digital yang inovatif dan mempunyai nilai tambah yang memudahkan proses perniagaan dari peringkat awal ke akhir. Langkah ini akan menggalakkan penambahbaikan proses dan meningkatkan kecekapan memandangkan platform boleh saling kendali. NDI akan menyediakan jaminan keselamatan dan kepercayaan dengan memanfaatkan teknologi yang kukuh. Pelaksanaan NDI yang dirancang dalam RMKe-12 akan mencipta nilai kepada ekonomi dan terus memacu agenda keterangkuman digital.



Bidang Keutamaan C

Mempercepat Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

R&D&C&I memainkan peranan penting dalam memupuk inovasi dan mempercepat pembangunan sosioekonomi bagi memastikan kualiti hidup yang lebih baik. RMKe-12 akan terus memberi keutamaan yang tinggi dalam membangun dan memanfaatkan STI. Langkah ini akan dilaksana dengan memperkukuh keupayaan dan kemampuan R&D&C&I. Ia juga akan memupuk bakat STI yang berkualiti bagi menambah baik outcome R&D&C&I.



Strategi C1

Memperkukuh Keupayaan dan Kemampuan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi


Penekanan yang lebih akan diberi untuk mempertingkat keupayaan dan kemampuan R&D&C&I bagi mencipta lebih banyak kekayaan. Dalam hubungan ini, bidang keutamaan STI negara akan diselaras, pembiayaan R&D&C&I akan diperkukuh dan hasil R&D serta harta intelek akan dijadikan sebagai produk yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyumbang kepada pertumbuhan yang dipacu inovasi.

Menyelaras Bidang Keutamaan Sains, Teknologi dan Inovasi Negara

Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara (DSTIN) 2021-2030 akan dilaksana untuk memanfaatkan STI dan memperkukuh ekosistem R&D&C&I dalam membina masyarakat yang maju dan progresif berasaskan sains. Di bawah DSTIN 2021-2030, bidang bitara untuk penyelidikan akan dikenal pasti berdasarkan bidang keutamaan yang ditetapkan di bawah Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE), seperti ditunjukkan dalam *Paparan 11-2*. Bidang keutamaan ini akan memacu perubahan industri daripada pengguna kepada pembangun dan pencipta teknologi. Susulan itu, semua insentif dan pembiayaan untuk R&D&C&I akan diselaras berdasarkan bidang bitara selari dengan keutamaan pembangunan negara.

Paparan 11-2

Rangka Kerja 10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia (MySTIE)



Sumber: Akademi Sains Malaysia dan Universiti Monash Malaysia, 2019

Memperkukuh Pembiayaan Penyelidikan, Pembangunan, Pengkomersialan dan Inovasi

Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) yang baru ditubuhkan di bawah Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri akan menyelaras dan mengharmonikan mekanisme pembiayaan untuk semua aktiviti R&D&C&I supaya selari dengan keutamaan negara. RMU akan memastikan sekurang-kurangnya 50% daripada jumlah perbelanjaan R&D dalam tempoh RMKe-12 adalah kepada penyelidikan pembangunan eksperimental yang berpotensi tinggi untuk dikomersialkan. Langkah akan diambil untuk meningkatkan akses kepada pembiayaan alternatif termasuk melalui modal teroka dan pembiayaan antarabangsa. Di samping itu, dana endowmen akan diwujudkan bagi mendapatkan sumber pembiayaan daripada industri, geran sepadan, dana masyarakat dan wakaf untuk aktiviti R&D berkaitan STI. Pelaksanaan inisiatif ini dijangka meningkatkan peratusan GERD kepada KDNK kepada 2.5% pada tahun 2025.

Pelabur swasta termasuk pelabur budiman, pelabur korporat dan syarikat multinasional akan digalakkan untuk menyertai ekosistem modal teroka. Usaha ini bertujuan menyediakan lebih banyak dana untuk syarikat dalam peringkat permulaan. Struktur cukai yang ditambah baik akan diperkenal untuk memperkukuh ekosistem modal teroka dan meningkatkan usaha sama R&D dalam

kalangan industri, akademia, kerajaan dan institusi penyelidikan antarabangsa. Struktur baharu ini juga akan menggalakkan lebih banyak aktiviti R&D yang didorong oleh permintaan. Di samping itu, bank dan syarikat modal teroka tempatan akan diberi insentif untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan dalam menilai pembiayaan berkaitan teknologi.

Menjadikan Hasil Penyelidikan dan Pembangunan serta Harta Intelek sebagai Produk yang Mempunyai Nilai Ditambah yang Tinggi

Inovasi dan pembangunan teknologi tempatan akan dipercepat melalui pelaksanaan *technology sandbox*. Antara lain, inisiatif di bawah *Sandbox* Inovasi dan Teknologi Negara (NTIS) akan dilaksana untuk membolehkan penyelidik, inovator, syarikat dalam peringkat permulaan dan usahawan dalam industri teknologi tinggi menguji ciptaan mereka dalam persekitaran sebenar. Di samping itu, program Tahun Pengkomersialan Malaysia 2.0 (MCY 2.0) akan diperkukuh untuk meningkatkan pengkomersialan serta menambah baik kadar pemindahan output R&D dari makmal ke pasaran. MCY 2.0 yang diperkukuh akan memanfaatkan kerjasama dan perkongsian sumber daripada pelbagai kementerian dan agensi yang menjalankan aktiviti R&D&C&I. Rangka kerja penilaian dan pelesenan hak harta intelek (IPR) yang standard akan dibangunkan untuk membolehkan penilaian yang adil. Usaha ini bertujuan memastikan IPR yang dihasilkan oleh universiti dan institusi penyelidikan berjaya dikomersialkan.

Keberkesanan perantara bagi penerimagunaan dan intervensi teknologi yang diterajui oleh industri akan terus dipertingkat melalui kerjasama yang lebih kukuh dengan PMKS dalam usaha mengkomersialkan output R&D. Program Kerjasama Industri (ICP) juga akan terus ditambah baik bagi meningkatkan keupayaan dan kemampuan firma tempatan. Ini akan membolehkan firma tempatan bersaing dalam pasaran yang disasarkan dan mengambil bahagian dalam rantaian bekalan. Di samping itu, pusat sehenti bagi pengkomersialan dan pemindahan teknologi akan diwujudkan untuk meningkatkan teknologi tempatan.

Strategi C2

Membangunkan Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi yang Berkualiti

Kumpulan bakat STI yang kompeten dan mencukupi akan dibangunkan bagi memenuhi permintaan industri. Usaha akan dilaksana untuk meningkatkan bilangan bakat STI yang berkualiti dan meneraju pembelajaran STEM yang berkesan dan memperkenal kaedah pembelajaran secara tidak formal yang menyeronokkan. Keberkesanan program komunikasi dan kesedaran akan ditambah baik. Inisiatif ini akan dapat membangunkan bakat STI yang berpengetahuan, berkemahiran dan inovatif untuk memacu ekonomi.

Meningkatkan Penawaran Bakat Sains, Teknologi dan Inovasi yang Berkualiti

Laluan kerjaya untuk bakat STI termasuk pakej saraan akan ditambah baik untuk menjadikan kerjaya dalam bidang STI sebagai pilihan utama. Dalam hubungan ini, bidang pekerjaan dalam skim berkaitan STI seperti penyelidik, pegawai pemindahan teknologi dan pengurus penyelidikan akan ditambah baik dengan menyediakan pakej saraan yang kompetitif. Di samping itu, program peningkatan keupayaan yang berstruktur akan dilaksana untuk melahirkan pakar pemindahan teknologi yang diakreditasi dan berdaftar. Pakar ini akan dimanfaatkan bagi meningkatkan potensi hasil R&D melalui pengkomersialan untuk menjana kekayaan dan mewujudkan pekerjaan.

Kerjasama sektor awam dan swasta akan diperkukuh untuk meningkatkan bekalan bakat STI. Lebih banyak syarikat akan digalakkan untuk memberi biasiswa secara pembiayaan bersama dengan sektor awam di samping menyediakan program latihan industri dan perantisan. Program pemadanan teknologi akan diperkenal untuk mewujudkan kerjasama dengan syarikat bagi mengurangkan masalah ketidakpadanan kemahiran graduan dengan keperluan industri. Dalam hubungan ini, program dua tahun di universiti dan dua tahun dalam industri (2u2i) sedia ada akan dimanfaatkan untuk membolehkan graduan bersedia memasuki industri. Pembelajaran berterusan melalui program penempatan silang akan terus diperkukuh untuk meningkatkan kemahiran dan latihan kemahiran semula tenaga kerja STI yang sedia ada. Di samping itu, keberkesanan program Pertukaran Saintifik antara Penyelidik dan Industri (RISE) akan ditambah baik dengan memanjangkan tempoh dan meningkatkan bilangan penjawat awam di industri.

Meneraju Pembelajaran Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik secara Tidak Formal yang Menyeronokkan dan Berkesan

Minat terhadap STEM akan dipupuk untuk merubah cara berfikir dan menerapkan budaya STI pada peringkat kanak-kanak. Usaha ini termasuk menyediakan persekitaran pembelajaran tidak formal melalui program jangkauan, pameran bertema dan aktiviti pendidikan interaktif. Pusat pembelajaran tidak formal dan ruang pembudayaan STI, terutama di Planetarium Negara dan Pusat Sains Negara akan ditransformasi untuk diguna sepenuhnya

dalam menyampaikan pembelajaran STEM yang berkesan dan menyeronokkan. Transformasi ini juga akan melibatkan penubuhan beberapa pusat sains di peringkat wilayah. Di samping itu, program kanak-kanak inovatif dan kreatif yang menyediakan pembelajaran praktikal secara tidak formal akan diperkenal untuk memupuk pemikiran kreatif serta menerapkan kemahiran mencipta dan keusahawanan dalam kalangan murid sekolah.

Meningkatkan Keberkesanan Program Komunikasi dan Kesedaran

Keberkesanan program komunikasi dan kesedaran mengenai STI akan dipertingkat melalui penubuhan jawatankuasa yang akan menyelaras dan mengintegrasi hebahan semua maklumat yang dihasilkan oleh pelbagai agensi. Libat urus strategik antara agensi kerajaan, perusahaan sosial dan organisasi masyarakat sivil akan dipergiat bagi menyebar luas manfaat pendidikan STEM dalam kalangan rakyat. Di samping itu, promosi pendidikan STEM akan dipertingkat untuk memperluas jangkauan. Promosi ini akan dilaksana melalui pelbagai platform termasuk media sosial, program realiti maya dan gamifikasi. Program Duta Muda Sains pula akan dipergiat untuk menggalakkan murid sekolah memilih bidang STEM. Lebih ramai belia akan dilatih sebagai jurucakap sains dan dilantik sebagai duta untuk memperkukuh pelaksanaan pementoran rakan sebaya dan merangsang aspirasi dalam pembelajaran STEM.

Bidang Keutamaan D

Memanfaatkan Potensi Teknologi Termaju

Pengukuhan keupayaan teknologi adalah penting bagi memastikan pertumbuhan ekonomi yang mampan. Komponen utama pengukuhan ini adalah untuk memperkasa lebih ramai bakat tempatan daripada sekadar pengguna kepada pembangun dan pencipta teknologi dengan memberi tumpuan kepada pembangunan dan penggunaan teknologi termaju termasuk teknologi teras (*deep technology*). Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan dipergiat untuk mempercepat kesediaan mendepani 4IR termasuk menerima guna teknologi baru muncul dalam pembangunan produk baharu.

Strategi D1

Mempercepat Kesediaan Mendepani Revolusi Perindustrian Keempat

Strategi D1

Mempercepat Kesediaan Mendepani Revolusi Perindustrian Keempat

4IR memberi impak kepada kehidupan manusia dengan mewujudkan peluang dan pada masa yang sama boleh menimbulkan risiko. Teknologi 4IR yang dimanfaatkan sebaiknya boleh merangsang pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan sosial. Perkembangan 4IR merangkumi transformasi menyeluruh semua sektor ekonomi dan masyarakat yang akan merubah keseluruhan sistem pengeluaran, pengurusan dan tadbir urus serta cara hidup. Oleh itu, inisiatif akan diambil untuk memanfaatkan peluang daripada pertumbuhan ekonomi dan mewujudkan ekosistem yang kondusif untuk mendapat faedah daripada potensi 4IR serta membina kepercayaan dan membangunkan masyarakat digital yang inklusif. Inisiatif ini akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi yang seimbang, bertanggungjawab dan mampan.

Penerimagunaan teknologi 4IR telah membantu mengekang penularan pandemik COVID-19 dan menangani impak sosioekonomi. Sebagai contoh, penggunaan platform data raya yang menyimpan maklumat penduduk daripada pelbagai sumber akan membolehkan pengesanan kontak rapat pesakit COVID-19. Pengesanan kontak rapat ini membolehkan tindakan segera diambil bagi memutuskan rantaian jangkitan. 4IR dan ekonomi digital juga akan meningkatkan daya tahan ekonomi. Penjelasan ringkas dalam memanfaatkan 4IR bagi mencapai kemakmuran bersama adalah seperti ditunjukkan dalam *Kotak 11-3*.

Kotak 11-3

Memanfaatkan 4IR bagi Mencapai Kemakmuran Bersama

Perkembangan 4IR merubah cara nilai dicipta, ditukar dan dikongsi dengan pertumbuhan secara eksponen dan bukan linear. Perkembangan ini menggabungkan ruang digital, fizikal dan biologi yang memberi kesan bukan sahaja kepada sektor pembuatan, malah kepada kebanyakan industri di seluruh dunia. Ia juga memberi kesan kepada kerajaan dan masyarakat. Bagi memanfaatkan peluang pertumbuhan daripada 4IR, penyediaan persekitaran yang kondusif adalah penting untuk menggalakkan inovasi. 4IR membolehkan Malaysia mencapai pertumbuhan yang lebih seimbang, bertanggungjawab dan mampan, sejajar dengan WKB 2030 dan Agenda 2030. Dengan memanfaatkan 4IR sewajarnya, Malaysia akan meningkatkan kecekapan ekonomi, produktiviti dan kualiti hidup serta menambah baik pengurusan perubahan iklim. Contoh manfaat perkembangan teknologi 4IR kepada negara adalah seperti di bawah.

Contoh cabaran		Bagaimana 4IR menangani cabaran	Manfaat
Perancangan dan pembangunan bandar	Kadar urbanisasi dijangka mencapai 85% pada tahun 2020	• Visualisasi dan simulasi yang dipacu oleh data raya untuk mengoptimumkan penggunaan tanah, ruang dan bangunan di bandar	Daya huni bandar
Pengangkutan dan logistik	Dianggarkan 7 juta kenderaan di Lembah Klang pada tahun 2020	• Sistem berasaskan IoT untuk pengurusan pengangkutan dan lalu lintas secara ramalan dan masa nyata • Kenderaan yang mesra alam dan penyelesaian mobiliti rendah karbon	Pulangan produktiviti
Tenaga dan utiliti	Pengurangan intensiti pelepasan GHG sehingga 45% pada tahun 2030	• Pengurusan grid pintar untuk memantau aset dan memastikan kos operasi yang elektif • Bateri termaju untuk penyimpanan tenaga dan kegunaan kenderaan elektrik	Peningkatan kecekapan tenaga
Pengurusan sumber	38,000 tan sisa/hari; Penggunaan air melebihi 28% daripada syor WHO	• Pengurusan sisa perbandaran dan perindustrian secara bersepadu • Penilaian kitaran hidup berasaskan IoT bagi kualiti, pengurusan dan penggunaan semula air	Kualiti alam sekitar
Daya tahan sistem perbandaran	Bencana alam mengakibatkan Malaysia menanggung kos sebanyak RM8 bilion dalam tempoh 20 tahun lepas	• Sistem pengurusan bandar dalam masa nyata, bersepadu dan boleh disesuaikan • Infrastruktur dan bangunan bandar yang tahan bencana	Kawalan risiko bencana
Penyampaian perkhidmatan kerajaan	Perbelanjaan purata tahunan bagi membiayai manfaat dan bantuan sosial ~RM25 bilion	• Keputusan mengenal dasar dan program dibuat berasaskan data • Proses berautonomi	Penjimatan masa dan peningkatan kecekapan

Sumber: *Fourth Industrial Revolution for the Earth* (PwC 2017) dan Analisis oleh PwC

Memanfaatkan Peluang Pertumbuhan Ekonomi yang Muncul daripada Potensi Revolusi Perindustrian Keempat

Malaysia akan memanfaatkan kelebihan negara-negara ASEAN untuk menarik lebih banyak pelaburan dalam teknologi 4IR, terutama daripada syarikat *unicorn* global. Usaha akan dipergiat untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif, termasuk meningkatkan keupayaan PMKS dan menambah baik penyelarasan dalam melaksana program dan inisiatif sedia ada. Usaha ini akan memudahkan lagi urusan menjalankan perniagaan di negara ini. Peluang pertumbuhan daripada 4IR dan potensi risiko yang muncul daripada trend mega memerlukan penggunaan teknologi 4IR dalam pelbagai sektor ekonomi. Bagi tujuan ini, 10 sektor berpotensi akan diberi tumpuan untuk menyokong anjakan strategik dalam ekonomi, seperti ditunjukkan dalam *Paparan 11-3*.

Paparan 11-3

Sektor yang berpotensi menggunakan teknologi Revolusi Perindustrian Keempat



Strategi negara mengenai kecerdasan buatan (AI) dan *blockchain* akan dibangunkan sebagai panduan dalam memacu pertumbuhan setiap sektor dalam ekonomi. Pelan Hala Tuju Strategik *Internet of Things* (IoT) Kebangsaan akan diperkemas untuk memastikan penggunaan IoT dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada rakyat. Di samping itu, taman inovasi 4IR akan diwujudkan untuk menyediakan *testbed* yang terkawal serta menghimpunkan penyedia teknologi 4IR bagi menggalakkan penciptaan teknologi baharu. Taman ini akan menyediakan akses kepada PMKS dan inovator untuk membangunkan produk dan penyelesaian dengan menggunakan teknologi baru muncul seperti AI, IoT dan analitis data raya. Taman ini juga akan disokong oleh perkhidmatan utama yang berkeupayaan 5G seperti pengkomputeran awan dan superkomputer.

Mewujudkan Ekosistem yang Kondusif untuk Memanfaatkan Potensi Revolusi Perindustrian Keempat

Pusat Forum Ekonomi Dunia (WEF) bagi 4IR akan ditubuhkan menggunakan model *quadruple helix* yang melibatkan kerajaan, industri, akademia dan masyarakat. Di bawah pusat ini, rangka kerja dasar dan mekanisme tadbir urus akan disediakan melalui kerjasama global. *Regulatory sandbox* akan terus diperluas melangkaui teknologi kewangan kepada lain-lain teknologi dalam pelbagai sektor. Peluasan ini akan membolehkan syarikat dalam peringkat permulaan dan inovator untuk menguji produk dan perkhidmatan di bawah persekitaran yang terkawal dan diselia. Di samping itu, insentif yang dikaitkan dengan pencapaian bagi penerimagunaan teknologi 4IR akan diperluas kepada sektor bukan pembuatan untuk memperoleh faedah 4IR dan memanfaatkan peluang pertumbuhan ekonomi. Dana teknologi yang khusus akan diwujudkan bagi menggalakkan syarikat, khususnya PMKS untuk menerima guna teknologi 4IR. Sumber dana tersebut sebahagiannya akan diperoleh daripada tambahan levi yang dikutip melalui mekanisme levi pelbagai peringkat untuk pekerja asing. Latihan kemahiran berkaitan 4IR pula akan disedia oleh pelbagai institusi latihan kemahiran dengan kerjasama pemain industri untuk memenuhi permintaan industri.

Membina Kepercayaan dan Membangunkan Masyarakat Digital yang Inklusif

Langkah akan diambil untuk memudah cara dan membolehkan masyarakat memperoleh manfaat daripada 4IR. Infrastruktur perkongsian data terbuka akan dinaik taraf bagi membolehkan akses kepada maklumat digital oleh sektor awam dan swasta, akademia dan rakyat. Selain itu, garis panduan dan peraturan mengenai perlindungan data peribadi dan perkongsian data akan diperkukuh bagi memastikan data dilindungi daripada serangan siber dan penggunaan yang tidak beretika. Rangka kerja dan piawaian etika berhubung pembangunan, penyebaran dan penggunaan teknologi juga akan diperkenal untuk memastikan penggunaan teknologi yang bertanggungjawab. Pelaksanaan program tindak balas, pengawasan dan penyeliaan bagi keselamatan siber akan diperkukuh untuk melindungi negara daripada sebarang kemungkinan ancaman siber.


Infrastruktur dan peralatan digital bagi memodenkan operasi dan proses kerajaan akan ditambah baik untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Usaha akan dipergiat untuk membangunkan pengetahuan teknikal dalam pelbagai disiplin dan kemahiran analitis data dalam kalangan penjawat awam. Tumpuan juga akan diberi untuk menerapkan teknologi 4IR dalam perkhidmatan penjagaan kesihatan, pengangkutan awam serta pengurusan dan pencegahan bencana bagi menambah baik kualiti hidup rakyat.

Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, langkah untuk mempercepat inovasi dan penerimagunaan teknologi telah menyumbang kepada pembangunan sosioekonomi negara. Walau bagaimanapun, kemajuan utama seterusnya adalah memastikan lebih ramai rakyat Malaysia untuk menguasai pendigitalan dan menerima guna teknologi 4IR. Dalam tempoh RMKe-12, pendekatan bersepadu akan dilaksana untuk melonjakkan pendigitalan dan penerimagunaan teknologi termaju bagi mentransformasi Malaysia menjadi ekonomi berasaskan teknologi tinggi. Usaha ini akan direalisasikan antaranya melalui pengukuhan infrastruktur asas dengan menjadikan perkhidmatan telekomunikasi sebagai utiliti awam, memupuk bakat tersedia masa hadapan untuk mengambil bahagian dalam ekonomi digital serta meningkatkan pengkomersialan hasil R&D dan pelaburan. Pelaksanaan inisiatif ini akan meningkatkan lagi daya saing dan daya tahan negara melalui penyertaan inklusif dalam pertumbuhan bidang baharu seperti ekonomi digital dan ekonomi hijau.

Bab 12

Memperkukuh Kecekapan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik



Pendahuluan 12-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 12-3

- Pencapaian Sasaran Terpilih 12-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 12-5
- Menyelaraskan Inisiatif Pengangkutan 12-5
- Meningkatkan Ketersambungan Merentas Wilayah 12-5
- Peningkatan Perkongsian Mod Pengangkutan Awam 12-6
- Pendigitalan Perkhidmatan Logistik 12-7

Isu dan Cabaran 12-7

- Ketersambungan Batuan Pertama dan Akhir yang Kurang Cekap 12-8
- Industri Pengangkutan dan Logistik yang Kurang Berdaya Saing 12-8
- Tadbir Urus dalam Pengangkutan dan Logistik yang Lemah 12-9

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 12-9

- Bidang Keutamaan A 12-12
  Memastikan Mobiliti Penumpang yang Bersepadu, Mampu Bayar, Berdaya Harap dan Lancar
- Bidang Keutamaan B 12-14
  Memacu Industri Pengangkutan dan Logistik Agar Berdaya Saing
- Bidang Keutamaan C 12-16
  Memperkukuh Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia

Kesimpulan 12-19

12

Pendahuluan

Infrastruktur pengangkutan dan logistik merupakan antara pemboleh daya utama kepada pembangunan sosioekonomi. Dasar pengangkutan negara adalah untuk menyediakan perkhidmatan pengangkutan dan logistik yang selamat, berdaya harap, mampu bayar dan mampan. Dalam tempoh RMKe-11, penekanan telah diberi kepada pembangunan sistem pengangkutan yang bersepadu berdasarkan keperluan melalui penambahbaikan ketersambungan merentasi mod pengangkutan dan wilayah serta peningkatan kecekapan. Sektor logistik pula memberi tumpuan kepada peningkatan kecekapan infrastruktur fret. Kesemua inisiatif ini telah meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan dan logistik serta menambah baik ketersambungan terutama di kawasan yang kurang mendapat liputan. Di samping itu, penggunaan pengangkutan awam juga telah meningkat. Walau bagaimanapun, cabaran berkaitan ketersambungan batuan pertama dan akhir, daya saing serta tadbir urus sektor pengangkutan dan logistik masih wujud.

RMKe-12 bertujuan untuk meningkatkan lagi kecekapan perkhidmatan pengangkutan dan logistik. Tumpuan akan diberi kepada usaha untuk menyediakan sistem pengangkutan yang bersepadu, mampu bayar, berdaya harap dan lancar. Rancangan ini juga akan meningkatkan daya saing industri serta memperkukuh rangka kerja institusi dan kawal selia sektor ini. Peningkatan kecekapan dalam perkhidmatan pengangkutan dan logistik akan menyumbang kepada pembangunan ekonomi yang mampan dan peningkatan kesejahteraan rakyat.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, rangkaian infrastruktur pengangkutan telah diperluas untuk menyediakan ketersambungan dan kualiti perkhidmatan yang lebih baik. Penambahbaikan dalam sistem pengangkutan juga telah meningkatkan kapasiti lapangan terbang dan pelabuhan. Inisiatif berkaitan pengangkutan telah diselaras melalui Dasar Pengangkutan Negara (DPN), 2019-2030. Selain itu, usaha telah dilaksana bagi memperkukuh fasilitasi perdagangan, menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir serta mendigitalkan perkhidmatan logistik.

Pencapaian Sasaran Terpilih


Lima sasaran telah ditetapkan bagi sektor pengangkutan dan logistik seperti ditunjukkan dalam *Paparan 12-1*. Dua daripada lima sasaran telah dicapai, iaitu penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) pada tahun 2016 dan pelancaran DPN pada tahun 2019. Walau bagaimanapun, MAVCOM akan digabungkan dengan Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia (CAAM) bagi merasionalisasi sektor penerbangan. Penggabungan ini akan membolehkan tadbir urus teknikal dan komersil disatukan di bawah satu entiti.

Sasaran 40% perkongsian mod pengangkutan awam pada tahun 2020 tidak dapat dicapai disebabkan oleh ketersambungan, kebolehcapaian dan keboleharapan perkhidmatan yang tidak mencukupi serta keengganan masyarakat untuk beralih daripada menggunakan kenderaan persendirian serta impak COVID-19. Selain itu, pertumbuhan tahunan bagi subsektor pengangkutan dan penyimpanan adalah pada kadar -3.9% berbanding sasaran 7.3%. Prestasi yang rendah ini terutama disebabkan oleh impak COVID-19, persaingan yang sengit daripada negara jiran, ketidakcekapan fasilitasi perdagangan serta pertumbuhan ekonomi dunia yang perlahan. Malaysia hanya berada pada kedudukan ke-41 daripada 160 negara berdasarkan Laporan Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia 2018 (LPI). Kedudukan ini disebabkan oleh penurunan skor bagi semua enam indikator, iaitu proses pelepasan kargo, infrastruktur, perkhidmatan logistik, pengesanan dan penjejakan, harga serta ketepatan masa. Kelewatan dalam pembangunan sistem *Ubiquitous Customs* (uCustoms) yang sepatutnya siap pada 2017 turut menjejaskan kedudukan Malaysia dalam LPI.

Paparan 12-1

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih

Pembangunan Sistem Pengangkutan Bersepadu Berdasarkan Keperluan



2020 2018

Perkongsian Mod Pengangkutan Awam di GKL/KV



2020 2016


Penubuhan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) sebagai Pengawal Selia

Penjanaan Pertumbuhan Logistik dan Peningkatan Fasilitasi Perdagangan



2020 2018

Kedudukan dalam Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia



2018-2020 2018-2020

Pertumbuhan Tahunan untuk Subsektor Pengangkutan dan Penyimpanan

Penyelarasan Inisiatif menerusi Dasar Pengangkutan Negara



2020 2019

Dasar Pengangkutan Negara (DPN), 2019-2030



Pencapaian Inisiatif Terpilih

Menyelaraskan Inisiatif Pengangkutan

DPN diperkenalkan untuk menyelaras inisiatif pengangkutan yang tidak bersepadu antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, antara kementerian, agensi dan pihak berkuasa pengangkutan. Dasar ini bertujuan memastikan penggunaan sumber yang cekap dan berkesan. Di bawah DPN, pelaksanaan pelbagai inisiatif pengangkutan adalah berpandukan lima teras dasar iaitu tadbir urus, penyelenggaraan infrastruktur pengangkutan, keselamatan, ekosistem pengangkutan hijau dan pengantarabangsaan perkhidmatan pengangkutan. Visi DPN adalah untuk membangunkan sektor pengangkutan mampan yang berupaya memacu pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya (HNDP) 2030 telah dirangka pada tahun 2020 sebagai pelan induk yang komprehensif dan sistematik bagi menaik taraf dan membina jalan raya baharu. Pelan ini akan dijadikan rujukan bagi perancangan pembangunan pada peringkat persekutuan, negeri dan pihak berkuasa tempatan (PBT). HNDP juga akan menyokong kelancaran pergerakan orang dan barangan, seterusnya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran.

Meningkatkan Ketersambungan Merentas Wilayah

Usaha untuk meningkatkan ketersambungan merentas wilayah adalah termasuk pembinaan lebuh raya dan projek rel. Dalam hubungan ini, kawasan yang kurang mendapat liputan diberikan keutamaan. Antara lain, *Central Spine Road* (CSR) yang menghubungkan Bentong, Pahang dengan Kuala Krai, Kelantan sedang dibina secara berfasa. Pada masa ini, tujuh daripada 26 sub-pakej jajaran CSR dari Merapoh ke Seberang Jelai, Pahang telah siap dibina. Kemajuan kerja sehingga akhir tahun 2020 adalah sebanyak 58.2% dan pembinaan baki jajaran dijangka siap pada tahun 2025. Selain itu, pembinaan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai (KBKK) di Kelantan sedang dilaksana secara berfasa dan dua daripada lapan sub-pakej KBKK dari Pasir Hor ke Ketereh telah siap pada tahun 2019. Kemajuan kerja sehingga akhir tahun 2020 adalah sebanyak 37.8% dan baki jajaran dari Ketereh ke Kuala Krai dijadualkan siap pada tahun 2025. Di samping itu, kerja awalan bagi Lebuhraya Pantai Timur 3 (LPT3) seperti siasatan dan kerja ukur tanah serta penilaian impak trafik yang bermula pada tahun 2020 dijadualkan siap pada suku kedua tahun 2022. Cadangan pembinaan LPT3 yang akan menghubungkan Gemuruh, Terengganu ke Tok Bali, Kelantan dijangka menyediakan perjalanan yang lebih lancar di pantai timur di samping merancakkan aktiviti ekonomi di sepanjang koridor ini.

Pan Borneo Sabah telah dimulakan pada tahun 2016 untuk menyediakan ketersambungan jalan dari Sindumin ke Tawau. Kemajuan kerja sehingga akhir tahun 2020 adalah sebanyak 44% dan dijangka siap pada tahun 2024 untuk 281 km. Selain itu, Pan Borneo Sarawak dari Telok Melano ke Miri telah mencatatkan kemajuan kerja sebanyak 59.4% sehingga akhir tahun 2020 dan dijangka siap pada tahun 2022. Projek ini apabila siap kelak dijangka menambah baik kebolehcapaian dan ketersambungan serta menggalakkan lagi pembangunan ekonomi di Sabah dan Sarawak.

Lima lebuh raya masih dalam pembinaan bagi menambah baik ketersambungan dan mengurangkan kesesakan di *Greater Kuala Lumpur/Klang Valley* (GKL/KV). Lebuh raya tersebut adalah Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE), Lebuhraya Bertingkat Damansara-Shah Alam (DASH), Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE), Lebuhraya Setiawangsa-Pantai (SPE) dan Lebuhraya Putrajaya-KLIA (MEX II). Semua lebuh raya ini dijadualkan siap pada suku keempat tahun 2021. Manakala, Lebuhraya Pantai Barat (WCE) daripada Banting, Selangor ke Taiping, Perak dijangka siap pada tahun 2024.

Dua projek utama rel, iaitu Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru (GJB) dan Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL) berada pada peringkat pembinaan yang berbeza pada tahun 2020. GJB merupakan jajaran akhir landasan berkembar elektrik dari Padang Besar, Perlis ke Johor Bahru, Johor yang akan menawarkan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS), dijadualkan siap pada tahun 2023. Peluasan jajaran ini akan meningkatkan keupayaan rel sehingga 10 kali ganda dan mengurangkan tempoh perjalanan. *Kotak 12-1* memberi penjelasan tentang ETS. Selain itu, pembinaan ECRL yang telah dimulakan semula pada tahun 2019 dijangka siap pada tahun 2026. Pada masa ini, jajaran dari Dungun ke Mentakab sedang dalam pembinaan. Projek yang menghubungkan wilayah timur dan barat ini akan mengurangkan tempoh perjalanan di samping melonjakkan aktiviti perdagangan dan ekonomi di sepanjang jajaran.

Kotak 12-1


Kejayaan Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS)

Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) yang dikendalikan oleh Keretapi Tanah Melayu Berhad telah dilancarkan pada 10 Ogos 2010. ETS menyediakan perkhidmatan kereta api penumpang yang lebih pantas dengan kelajuan 140 kilometer sejam di antara Kuala Lumpur dan Ipoh. Perkhidmatan ETS bermula dengan lima set kereta api elektrik yang mempunyai enam gerabak setiap set dan berupaya untuk membawa sehingga 350 penumpang. Pada tahun 2011, purata penumpang ETS adalah seramai 2,500 orang sehari.

Bilangan set kereta api telah ditambah pada tahun 2015 bagi membolehkan lebih banyak perjalanan dan meluaskan liputan perkhidmatan untuk memenuhi permintaan penumpang yang semakin meningkat. Dengan pertambahan tersebut, perkhidmatan ETS telah meliputi bandar utama di antara Gemas dan Padang Besar dengan menghubungkan Kuala Lumpur, Ipoh, Butterworth dan Alor Setar.

Penumpang ETS pada tahun 2015 telah mencapai 5,500 penumpang sehari, iaitu meningkat lebih sekali ganda berbanding tahun 2011. Bilangan tersebut telah meningkat kepada 11,000 penumpang sehari selepas tempoh dua tahun. Perkhidmatan ETS telah dipertingkat bagi memenuhi permintaan perkhidmatan pengangkutan antara bandar. Pada tahun 2019, sebanyak sembilan set kereta api baharu telah dilengkapi dengan gerabak kelas perniagaan. Perkhidmatan ini dijangka meningkat sehingga 44 perjalanan sehari dengan sasaran bilangan penumpang mencapai 12,000 orang sehari pada Disember 2020.

ETS dijangka memperluas perkhidmatan ke Johor Bahru apabila projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru siap pada tahun 2023. Peluasan perkhidmatan ini akan menyediakan perjalanan yang lebih selesa dan menambah baik ketersambungan rel bagi penumpang jarak jauh di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia, di antara Johor Bahru dan Padang Besar.



Akses dan kapasiti pelabuhan telah ditambah baik untuk memenuhi permintaan industri dan memudah cara perdagangan. Lembaga Pelabuhan Klang (LPK) telah mendalamkan alur pelayaran selatan daripada 16.5 meter kepada 18 meter pada tahun 2016 bagi membolehkan kapal bersaiz besar dengan muatan sehingga 18,000 *twenty-footer equivalent units* (TEUs) berlabuh. Kerja menaik taraf kapasiti pelabuhan telah dilaksana termasuk pengubahsuaian tiga dermaga di Northport dan pembinaan sebuah dermaga baharu di Westports, Pelabuhan Klang, Selangor. Selain itu, 12 kren tambahan telah dipasang di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP), Gelang Patah, Johor bagi meningkatkan kecekapan pengendalian kargo. Hasilnya, PTP telah mengendalikan sebanyak 9,077,485 TEUs pada tahun 2019, iaitu peningkatan jumlah kontena sebanyak 13.1% berbanding tahun 2016. Usaha meningkatkan akses dan kapasiti pelabuhan telah menyumbang kepada keupayaan pelabuhan untuk kekal berdaya saing. Pelabuhan Klang kekal berada di kedudukan ke-12 sejak tahun 2016, manakala PTP berada di kedudukan ke-19 dalam kedudukan Pelabuhan Kontena Dunia pada tahun 2019.

Pembangunan dan kerja menaik taraf lapangan terbang dan sistem penerbangan yang berterusan telah menyumbang kepada pergerakan pesawat yang meningkat, pendaratan pesawat yang lebih selamat dan perkhidmatan lapangan terbang yang lebih berkualiti. Usaha ini, antara lain telah meningkatkan jumlah penumpang kepada 102 juta orang pada tahun 2018, iaitu kenaikan sebanyak 12% berbanding tahun 2016. Beberapa projek telah siap pada tahun 2018 termasuk menaik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi dan pemasangan sistem *simple approach light* di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching. Di samping itu, Pusat Kawalan Trafik Udara Lapangan Terbang Kuala Lumpur baharu yang dijadualkan siap pada Ogos 2021 dijangka meningkatkan bilangan pergerakan pesawat daripada 68 kepada 108 sejam. Lapangan terbang baharu di Mukah telah siap pada April 2021. Manakala, kerja menaik taraf Pusat Kawalan Trafik Udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu telah dimulakan pada tahun 2019 dan dijadualkan siap pada tahun 2023. Pembinaan dan kerja-kerja menaik taraf ini akan terus meningkatkan kecekapan perkhidmatan lapangan terbang dan pengurusan trafik udara.

Peningkatan Perkongsian Mod Pengangkutan Awam

Pelbagai projek telah dilaksanakan untuk meningkatkan perkongsian mod pengangkutan awam di samping menangani masalah kesesakan dalam bandar, terutama di GKL/KV. Dua projek rel utama telah berjaya disiapkan, iaitu Transit Aliran Massa Laluan

1 (MRT 1) dan Transit Rel Ringan Laluan 2 (LRT 2). MRT 1 dari Sungai Buloh ke Kajang yang siap pada tahun 2017 telah mengurangkan kesesakan trafik di pusat bandar. Di samping itu, perkhidmatan bas perantara MRT diperkenal kepada pengguna untuk ketersambungan batuan pertama dan akhir. LRT 2 dari Putra Heights ke Kelana Jaya dan Sri Petaling yang siap pada tahun 2016 telah melengkapkan laluan antara Laluan Kelana Jaya dan Laluan Ampang. Pembinaan MRT 2 dari Sungai Buloh ke Putrajaya yang bermula pada tahun 2018 dijadualkan siap pada tahun 2022. MRT 2 akan terus meningkatkan perkongsian mod pengangkutan awam dengan unjuran penumpang seramai 345,170 orang sehari selepas tiga tahun memulakan operasi. Selain itu, Projek Sambungan Terminal Subang SkyPark yang telah siap dan mula beroperasi pada tahun 2018 telah menyediakan pengangkutan awam berasaskan rel yang menghubungkan penumpang ke Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz, Subang, Selangor.

Satu lagi usaha utama yang telah dilaksana untuk meningkatkan perkongsian mod pengangkutan awam ialah pengenalan insentif pas tanpa had My100 dan My50 bagi penumpang rel dan bas pada tahun 2019. Sebanyak 1.5 juta pas My100 dan 43,137 pas My50 telah dijual sejak diperkenal. Selain itu, pas tanpa had My30 telah diperkenal bermula 15 Jun 2020 bagi tempoh 6 bulan untuk mengurangkan impak COVID-19 serta mengurangkan kos sara hidup. Sebanyak 863,336 pas My30 telah dijual sejak dilancarkan. Dalam menyediakan alternatif kepada mod pengangkutan awam, rangka kerja kawal selia baharu mengenai perkhidmatan e-panggilan telah dikuatkuasakan sepenuhnya pada Oktober 2019 untuk melindungi penyedia perkhidmatan dan memastikan keselamatan penumpang.

Pelbagai langkah telah diambil untuk meningkatkan ketersambungan rel antara bandar seperti pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Lembah Klang (KVDT) Fasa 1 dari Rawang ke Salak Selatan. Projek ini dijadualkan siap pada tahun 2021 untuk menambah baik selang masa perkhidmatan daripada 15 minit kepada 7.5 minit. Selain itu, pelaksanaan KVDT Fasa 2 dari Salak Selatan ke Seremban dan Simpang Pelabuhan Klang ke Pelabuhan Klang telah bermula pada tahun 2020 dan dijadualkan siap pada tahun 2026. Kerja-kerja menaik taraf ini akan menambah baik perkhidmatan KTM Komuter dan meningkatkan pengangkutan kargo melalui rel.

Pendigitalan Perkhidmatan Logistik

Langkah untuk mendigitalkan perkhidmatan logistik telah dilaksana bagi meningkatkan lagi kecekapan dan daya saing serta memastikan pergerakan barangan yang lancar. Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ) yang dilancarkan pada tahun 2017 menyediakan zon fizikal dan maya bagi memudahkan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) untuk mengambil manfaat daripada pertumbuhan ekonomi digital dan aktiviti e-dagang rentas sempadan. Terdapat sebanyak 26 penyedia platform dalam DFTZ seperti Alibaba, Lazada dan eBay yang melibatkan 9,200 PKS tempatan yang mengeksport keluaran melalui platform ini. Pos Malaysia telah menubuhkan Hab *eFulfillment* yang menyediakan perkhidmatan logistik yang menyeluruh meliputi pergudangan, pemprosesan pesanan dan penghantaran bagi kargo udara melalui e-dagang. Selain itu, LPK telah menguat kuasa sepenuhnya penggunaan *Port Klang Net* yang membolehkan pengesanan barangan di kawasan pelabuhan dibuat pada masa sebenar. PTP dan Pelabuhan Johor juga telah menguatkuasakan penggunaan *Marine Resource Management System* dan Sistem Pemantauan dan Maklumat Trafik Kapal sejak tahun 2018.

Isu dan Cabaran

Dalam tempoh RMKe-11, terdapat kemajuan yang signifikan dalam perkhidmatan pengangkutan dan logistik. Walau bagaimanapun, masih terdapat keperluan untuk mewujudkan ketersambungan yang lancar serta perkhidmatan pengangkutan dan logistik yang berdaya harap. Antara isu yang dikenal pasti adalah ketersambungan batuan pertama dan akhir yang kurang cekap, industri pengangkutan dan logistik yang kurang berdaya saing serta tadbir urus yang lemah.

Isu dan Cabaran

- Ketersambungan Batuan Pertama dan Akhir yang Kurang Cekap
- Industri Pengangkutan dan Logistik yang Kurang Berdaya Saing
- Tadbir Urus dalam Pengangkutan dan Logistik yang Lemah

Ketersambungan Batuan Pertama dan Akhir yang Kurang Cekap

Prestasi Ketepatan Masa (OTP) yang rendah, tempoh perjalanan yang panjang dan ketiadaan pengurusan bagi keperluan perjalanan yang menyeluruh telah mengakibatkan perkhidmatan pengangkutan awam yang tidak cekap dan tidak berdaya harap. Di samping itu, ketersambungan batuan pertama dan akhir yang kurang cekap antara mod pengangkutan telah menghalang usaha menyediakan perjalanan yang lancar. Penggunaan pengangkutan awam masih tidak mencapai sasaran. Kos yang relatifnya rendah untuk memiliki kenderaan turut menyumbang kepada keengganan masyarakat untuk mengubah tingkah laku daripada menggunakan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Ini dapat dilihat melalui peningkatan bilangan kenderaan yang berdaftar sekitar 6% setahun, iaitu daripada 20.2 juta kenderaan pada tahun 2010 kepada 30 juta kenderaan pada tahun 2018[1]. Nisbah bilangan kenderaan kepada penduduk sebanyak 0.9 pada tahun 2018 adalah yang tertinggi di rantau ini.

Kekangan sumber dalam penyelenggaraan jalan raya melalui kaedah pembaikan atau pencegahan masih menjadi isu. Situasi ini semakin serius apabila keutamaan diberi kepada penyenggaraan pembaikan apabila terdapat kerosakan dan bukannya penyenggaraan berjadual. Ini mengakibatkan keadaan jalan raya yang tidak memuaskan, seterusnya mengehadkan mobiliti, meningkatkan kadar kemalangan di samping mengurangkan jangka hayat jalan raya dan meningkatkan kos penyelenggaraan dalam jangka masa panjang. Dalam tempoh RMKe-11, hanya 25% peruntukan disediakan untuk menyelenggara jalan persekutuan berbanding keperluan sebenar. Kekangan sumber kewangan dan keutamaan sumber telah menyebabkan permintaan bagi membina dan menyelenggara infrastruktur jalan raya tidak dapat dipenuhi.

Industri Pengangkutan dan Logistik yang Kurang Berdaya Saing

Antara kekangan dalam infrastruktur logistik adalah kelemahan ketersambungan batuan akhir ke pintu masuk utama, ketidakcukupan kemudahan di pelabuhan dan lapangan terbang serta ketidakcekapan perkhidmatan pengangkutan. Kekangan ini mengakibatkan kelewatan penghantaran dan kerosakan barangan. Ini telah meningkatkan kos pengendalian dan pengangkutan. Di samping itu, penggunaan kapal yang mempunyai kapasiti melebihi 20,000 TEUs oleh syarikat perkapalan yang besar telah memberi cabaran dari segi kedalaman alur pelayaran kepada pelabuhan utama seperti Pelabuhan Klang dan PTP.

Permintaan global untuk perjalanan udara dalam tempoh dua dekad akan datang dijangka meningkat sekali ganda kepada 7.2 bilion penumpang pada tahun 2035[2] berbanding tahun 2016. Walau bagaimanapun, infrastruktur dan kelengkapan bagi Sistem Komunikasi, Navigasi dan Pengawasan (CNS) yang digunakan pada masa ini berusia lebih 15 tahun yang boleh memberi kesan kepada kecekapan dalam pengurusan lalu lintas udara. Oleh yang demikian, sistem dan kelengkapan perkhidmatan penerbangan perlu ditambah baik bagi memastikan keberkesanan dan kebolehupayaan daya saing.

Ketiadaan pangkalan data berpusat menghalang perancangan yang menyeluruh kerana setiap agensi hanya menggunakan data di bawah pentadbiran masing-masing. Keadaan ini menyebabkan ketidakcekapan dan pembaziran sumber dalam mencapai hasil yang diinginkan. Ketiadaan pangkalan data berpusat juga mengekang keupayaan untuk menyediakan data analitik bagi tujuan perancangan masa hadapan.

Pelabuhan utama iaitu Pelabuhan Klang, PTP dan Pelabuhan Johor telah mempunyai sistem komuniti pelabuhan tersendiri. Sistem ini bertujuan untuk mengurus dan memudahkan pergerakan kargo serta aliran trafik kapal. Walau bagaimanapun, sistem yang tidak bersepadu ini telah menghalang penyelarasan berkesan dan penggunaan sepenuhnya perkhidmatan berkaitan pelabuhan dan logistik.

Pada masa ini, kapasiti landasan kereta api bagi pergerakan barangan digunakan hanya pada kadar 30%. Kekurangan penggunaan perkhidmatan ini disebabkan oleh kos untuk membawa barangan melalui rel secara relatifnya lebih tinggi berbanding menggunakan jalan raya. Keadaan ini bertambah teruk dengan jadual perjalanan yang terhad bagi kereta api kargo. Ini mengakibatkan hanya 1.6% daripada jumlah keseluruhan kargo darat diangkut menggunakan rel. Walaupun terdapat rangkaian rel di Pelabuhan Klang namun hanya 5% daripada pergerakan kargo di pelabuhan tersebut menggunakan rel. Ini disebabkan oleh ketidakcekapan perkhidmatan kereta api serta kurang perkhidmatan dari pintu ke pintu. Tambahan pula rangkaian rel dari kawasan utara dan selatan mengalami kesesakan semasa waktu puncak dan keutamaan diberi kepada kereta api penumpang. Oleh itu, trak menjadi pilihan untuk mengangkut kargo yang menyebabkan kenderaan berat kerap berulang-alik dan mengakibatkan kesesakan lalu lintas menuju ke pelabuhan. Selain itu, potensi untuk mengangkut barangan pukal khususnya bahan berbahaya dan berisiko tinggi menggunakan rel belum diterokai sepenuhnya. Pada masa ini, barangan tersebut diangkut menggunakan jalan raya yang memberi risiko kepada pengguna jalan raya yang lain dan kawasan persekitarannya.

[1] Statistik Pengangkutan Malaysia, 2018.

[2] Dasar Pengangkutan Negara, 2019-2030.

Tadbir Urus dalam Pengangkutan dan Logistik yang Lemah

Penyelarasan yang lemah antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri mengenai dasar, perancangan dan pembangunan pengangkutan awam masih menjadi cabaran. Keadaan ini menghalang perancangan infrastruktur secara optimum di beberapa negeri. Tambahan lagi, kekurangan penyelarasan dari segi tarif, peraturan dan projek menaik taraf pelabuhan antara pihak berkuasa pelabuhan telah mengakibatkan persaingan tidak sihat antara pelabuhan. Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan (NLTF) yang ditubuhkan pada tahun 2015 tidak efektif dalam memantau pelaksanaan Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan serta gagal mengenal pasti hala tuju dasar bagi industri logistik. Selain itu, perancangan dan pembangunan lapangan terbang dibuat tanpa penyelarasan sewajarnya kerana ketiadaan pelan induk bagi menetapkan hala tuju strategik untuk pembangunan lapangan terbang. Keadaan ini telah menyebabkan kapasiti terminal di kebanyakan lapangan terbang tidak digunakan sepenuhnya.

Kapasiti dan keupayaan pihak berkuasa yang terhad telah meningkatkan bilangan kenderaan melebihi had muatan. Ini telah mengakibatkan kesesakan dan kerosakan jalan raya serta menjejaskan keselamatan pengguna jalan raya yang lain. Walaupun pelbagai inisiatif telah dilaksana untuk menggalakkan penggunaan rel sebagai mod pergerakan barangan, pengangkutan menggunakan jalan raya masih menjadi mod pilihan bagi penghantar barangan.

Kewujudan pelbagai agensi yang mengeluarkan permit (PIA) dan keperluan mengisi dokumentasi secara manual semasa pelepasan kargo menyebabkan kelewatan dalam proses import dan eksport. Ini telah menyumbang kepada kesesakan di sempadan. Di kebanyakan pintu masuk, pegawai PIA tidak ditempatkan sepanjang masa disebabkan kos operasi yang tinggi dan jumlah kargo yang rendah. Keadaan ini menyebabkan tempoh pemprosesan yang lebih panjang dan meningkatkan kos dalam menjalankan perniagaan. Kelewatan melaksanakan sepenuhnya uCustoms turut menjejaskan kecekapan pelepasan kargo.

Pelbagai piawaian alam sekitar telah diperkenal untuk menggalakkan pengangkutan mampan. Walau bagaimanapun, pemakaian piawaian alam sekitar ini adalah secara sukarela yang mengakibatkan penggunaan yang rendah dalam kalangan pengendali pengangkutan dan logistik. Kesedaran yang rendah dan kekangan kos telah menyebabkan kurangnya kadar pematuhan.

Perkhidmatan gudang menyokong perniagaan tempatan dan asing yang memerlukan perkhidmatan seperti pengurusan kargo, kawalan inventori, penyimpanan dan pembungkusan. Walau bagaimanapun, penetapan syarat, yuran dan kategori yang berbeza oleh PBT menyukarkan dan menaikkan kos menjalankan perniagaan. Walaupun perkhidmatan gudang dilesenkan oleh PBT yang berkenaan, kualiti perkhidmatan yang disediakan tidak dipantau oleh PBT tersebut. Maklumat seperti harga, lokasi, jenis, ruang dan saiz, kadar penggunaan serta pengendali gudang adalah terhad. Ini telah menghalang perancangan logistik dan membuat keputusan yang berkesan.

Peraturan perkapalan antarabangsa hanya merangkumi keselamatan maritim, perlindungan alam sekitar marin, piawaian pembinaan, peraturan pelayaran dan kriteria kompetensi anak kapal. Pada masa ini, aktiviti komersil dan ekonomi tidak dikawal selia menyebabkan herotan pasaran. Penghantar kargo terdedah kepada risiko harga yang tidak adil berkaitan dengan deposit untuk kontena, penahanan kontena dan caj bayar lewat.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

RMKe-12 akan memberi tumpuan kepada penyediaan perkhidmatan infrastruktur pengangkutan dan logistik yang inklusif dan cekap. Langkah ini akan dicapai dengan memastikan mobiliti penumpang yang bersepadu, mampu bayar, berdaya harap dan lancar. Selain itu, usaha untuk memacu industri pengangkutan dan logistik agar berdaya saing dan memperkukuh rangka kerja institusi serta kawal selia sektor ini akan dilaksana. Objektif utama adalah untuk meningkatkan kecekapan kedua-dua sektor ini bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Memperkukuh Kecekapan Infrastruktur Pengangkutan dan Logistik

Bidang Keutamaan A

Memastikan Mobiliti Penumpang yang Bersepadu, Mampu Bayar, Berdaya Harap dan Lancar

Strategi A1
Meningkatkan Kebolehcapaian kepada Pengangkutan Awam Secara Menyeluruh

Strategi A2
Menggalakkan Perubahan Tingkah Laku daripada Penggunaan Kenderaan Persendirian kepada Pengangkutan Awam

Bidang Keutamaan B

Memacu Industri Pengangkutan dan Logistik Agar Berdaya Saing

Strategi B1
Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan

Strategi B2
Memanfaatkan Pendigitalan dalam Perkhidmatan

Bidang Keutamaan C

Memperkukuh Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia


Strategi C1
Menambah Baik Tadbir Urus

Strategi C2
Menggalakkan Inisiatif Hijau



Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Memastikan Mobiliti Penumpang yang Bersepadu, Mampu Bayar, Berdaya Harap dan Lancar



2021-2025

Pertumbuhan Tahunan Jumlah Penumpang Pengangkutan Awam di GKL/KV



2025

Peningkatan Jumlah Penumpang Pengangkutan Udara

Memacu Industri Pengangkutan dan Logistik Agar Berdaya Saing



2025

Kedudukan Pelabuhan dalam kalangan 10 teratas dalam Laporan *World Container Ports*



2025

Kedudukan Malaysia dalam Indeks Pencapaian Logistik Bank Dunia



2025

Peningkatan Jumlah Kargo melalui Penggunaan Rel di Wilayah Utara, Tengah dan Selatan

Memperkukuh Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia



2025

Penyeragaman Peraturan Pergudangan



2025

Pembentukan Indeks Pengangkutan Hijau

Sasaran


SDG

WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Memastikan Mobiliti Penumpang yang Bersepadu, Mampu Bayar, Berdaya Harap dan Lancar

Langkah akan dilaksana untuk memastikan mobiliti penumpang yang bersepadu, mampu bayar, berdaya harap dan lancar. Ini termasuk meningkatkan kebolehcapaian kepada pengangkutan awam secara menyeluruh dan menggalakkan perubahan tingkah laku daripada menggunakan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam. Pelaksanaan langkah ini akan meningkatkan jumlah penumpang pengangkutan awam.



Strategi A1

Meningkatkan Kebolehcapaian kepada Pengangkutan Awam Secara Menyeluruh

Kebolehcapaian kepada pengangkutan awam secara menyeluruh akan ditambah baik dengan menyepadukan pelbagai mod pengangkutan dan menggalakkan pembangunan berorientasikan transit (TOD). Inisiatif ini akan memastikan ketersambungan antara mod pengangkutan yang lebih berkesan di samping meningkatkan kecekapan mobiliti dan ketersambungan. Ini akan mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian, meningkatkan produktiviti dan kesejahteraan rakyat.

Menyepadukan Mod Pengangkutan

Penyepaduan pelbagai mod pengangkutan akan meningkatkan kecekapan dan memudahkan perjalanan dari segi masa dan kos serta keselesaan dan daya harap. Inisiatif ini akan dilaksana dengan mewujudkan platform untuk menyelaras dan memanfaatkan sepenuhnya jadual perjalanan. Ini akan meminimumkan masa menunggu di antara mod pengangkutan yang berlainan. Perancang perjalanan yang bersepadu dan berdaya harap akan dibangunkan melalui platform ini. Kerjasama antara penyedia perkhidmatan pengangkutan awam untuk berkongsi data masa sebenar akan dimantapkan bagi memastikan platform ini digunakan dengan berkesan.

Rangkaian rel dan jalan raya akan disepadukan bagi menyediakan ketersambungan yang lebih baik antara lapangan terbang, pelabuhan, kawasan perindustrian dan bandar. Dalam hubungan ini, ECRL akan disambung dengan rangkaian rel sedia ada. Ia juga akan membolehkan akses lebih baik ke lapangan terbang sedia ada dan melengkapkan dengan rangkaian jalan raya di wilayah pantai timur. Penyepaduan ini akan meningkatkan penumpang pengangkutan awam darat, penumpang udara dan pergerakan kargo.

Meningkatkan Ketersambungan Batuan Pertama dan Akhir

Usaha akan terus dilaksana bagi menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir dalam memastikan kebolehcapaian kepada pengangkutan awam. Bagi mengurangkan masa menunggu dan tempoh perjalanan, kekerapan bas perantara akan ditingkatkan dan laluannya akan dijajarkan semula. Perkhidmatan e-panggilan pula akan diintegrasikan dengan MRT dan perkhidmatan pengangkutan yang lain. Ini dijangka dapat meningkatkan jumlah penumpang pengangkutan awam.

Usaha untuk menggalakkan penggunaan kenderaan alternatif juga akan dilaksanakan dalam menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir. Penggunaan kenderaan mobiliti mikro[3] akan ditingkatkan serta laluan pejalan kaki di kawasan bandar akan ditambah baik. Inisiatif ini akan meningkatkan keselamatan dan keyakinan pengguna, di samping menggalakkan mobiliti rakyat yang aktif. Infrastruktur di nod pengangkutan awam utama juga akan dinaik taraf supaya memudahkan pengguna menaiki kenderaan mobiliti mikro bagi ketersambungan batuan pertama dan akhir.

[3] Mobiliti mikro merujuk kepada penyambungan beberapa jenis pengangkutan yang berbeza dengan menggunakan kenderaan lebih kecil bagi memastikan perjalanan lebih cepat dan mudah khususnya perjalanan batuan pertama dan akhir.

Pilihan perkhidmatan pengangkutan awam yang inovatif dan bukan tradisional akan diperkenal di kawasan luar bandar. Sistem pengangkutan awam alternatif berasaskan komuniti yang menawarkan perkhidmatan yang mampu bayar akan diperkenal. Salah satu pilihan adalah sistem *dial-a-ride*, iaitu perkhidmatan berasaskan panggilan telefon yang menyediakan perkhidmatan dari pintu ke pintu kepada komuniti yang tidak mempunyai akses kepada kemudahan pengangkutan awam konvensional. Strategi ini akan menambah baik ketersambungan dan mobiliti serta mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan.

Menggalakkan Pembangunan Berorientasikan Transit

TOD akan terus diberi penekanan dalam meningkatkan kebolehcapaian kepada pengangkutan awam dan ketersambungan yang baik dengan kemudahan awam yang lain. Ciri-ciri TOD adalah pembangunan bercampur dan berkepadatan tinggi dengan jarak berjalan kaki dalam lingkungan 400 meter ke hab pengangkutan. TOD akan meningkatkan kecekapan mobiliti, mengurangkan kesesakan trafik dan menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir. Konsep TOD telah berjaya dilaksanakan di Kuala Lumpur Sentral. Konsep ini akan diterapkan dalam perancangan projek rel di beberapa kawasan baharu yang sesuai khususnya di sepanjang jajaran pengangkutan awam utama seperti MRT 2, GJB dan ECRL. Pembangunan TOD juga akan mengambil kira elemen inklusiviti.

Strategi A2

Menggalakkan Perubahan Tingkah Laku daripada Penggunaan Kenderaan Persendirian kepada Pengangkutan Awam

Perubahan tingkah laku daripada penggunaan kenderaan persendirian kepada pengangkutan awam akan digalakkan bagi mendorong penggunaan pengangkutan awam sebagai pilihan pertama. Kerjasama antara pihak berkuasa berkaitan akan dipererat bagi memastikan penguatkuasaan yang berkesan terhadap kemasukan kenderaan persendirian ke pusat bandar. Mod pengangkutan yang bersesuaian akan dikenal pasti untuk dipadankan dengan pola pergerakan rakyat bagi menggalakkan perubahan tingkah laku.

Menggalakkan Penggunaan Pengangkutan Awam sebagai Pilihan Pertama Perjalanan

Kecekapan dan ketersambungan sistem pengangkutan awam akan ditambah baik bagi mendorong penggunaan pengangkutan awam sebagai pilihan pertama perjalanan. Tambang dinamik bagi perkhidmatan ETS akan diperluas untuk menggalakkan penggunaan rel antara bandar, di mana tambang ditentukan berdasarkan permintaan pasaran. Kadar tambang yang lebih tinggi akan dikenakan bagi pembelian saat akhir berbanding perjalanan yang telah dirancang awal. Selain itu, pas tanpa had akan diteruskan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan rel dan bas. Untuk mengawal kenderaan persendirian masuk ke pusat bandar, ruang parkir akan dihadkan dan caj parkir yang lebih tinggi akan dikenakan di kawasan yang mempunyai ketersambungan pengangkutan awam yang baik. Kerjasama antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan PBT akan diperkukuh untuk memudahkan perancangan dan pelaksanaan langkah ini.

Mengenal Pasti Mod Pengangkutan Awam

Pola pergerakan masyarakat akan sentiasa dianalisis supaya perkhidmatan pengangkutan awam yang paling sesuai disediakan. Inisiatif untuk menggalakkan perubahan tingkah laku dan minda untuk menggunakan pengangkutan awam akan dilaksanakan. Pada masa ini, satu kajian sedang dijalankan untuk mengkaji dan mengenal pasti penyatuan mod pengangkutan yang paling efisien serta berdaya maju bagi menghubungkan Putrajaya dengan Cyberjaya, Bangi dan Kajang. Kajian ini juga akan menentukan sama ada infrastruktur rel sedia ada di Putrajaya masih boleh digunakan. Hasil kajian ini dapat membantu dalam mengenal pasti penyelesaian pengangkutan awam di Putrajaya dan sekitarnya.

Bidang Keutamaan B

Memacu Industri Pengangkutan dan Logistik Agar Berdaya Saing

Malaysia menyasarkan untuk menjadi hab pengangkutan dan logistik di rantau ini menjelang tahun 2025. Beberapa inisitiatif akan diperkenal untuk meningkatkan daya saing sektor pengangkutan dan logistik. Inisiatif ini meliputi usaha meningkatkan kecekapan dan memanfaatkan pendigitalan dalam perkhidmatan pengangkutan dan logistik. Pelaksanaan inisiatif ini akan menyumbang kepada penambahbaikan proses pengendalian kargo, peningkatan jumlah kargo dan pengukuhan perdagangan.



Strategi B1

Meningkatkan Kecekapan Perkhidmatan

Inisiatif untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan dan logistik akan ditumpukan kepada menambah baik infrastruktur dan kapasiti perkhidmatan pelabuhan serta mempertingkat ketersambungan batuan akhir. Usaha untuk menggalakkan pergerakan barangan pelbagai mod, menaik taraf sistem penerbangan dan melaksana penyenggaraan pencegahan bagi jalan raya dan jambatan akan turut diberi tumpuan. Ini akan memastikan proses pengendalian kargo adalah cekap, sistem yang digunakan dalam sektor penerbangan mematuhi piawaian antarabangsa serta jalan raya dan jambatan berada dalam keadaan baik. Perkhidmatan pengangkutan dan logistik yang berdaya harap dan berkesan akan meningkatkan daya saing perniagaan.

Menambah Baik Kapasiti Infrastruktur dan Perkhidmatan Pelabuhan

Pengendali pelabuhan akan digesa untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih baik bagi penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) kapal di bawah kawal selia pihak berkuasa pelabuhan. Pengendali pelabuhan akan terus meningkatkan kapasiti infrastruktur dan perkhidmatan pelabuhan akan terus dipertingkat bagi mengendali kapal yang lebih besar serta menyediakan kemudahan pengendalian kargo yang cekap. Kemudahan parkir yang lebih sesuai juga akan disediakan untuk *prime movers* bagi mengurangkan kesesakan di pelabuhan semasa waktu puncak. Kemudahan dan peralatan pelabuhan akan dinaik taraf dan proses kerja akan sentiasa ditambah baik untuk meningkatkan kecekapan dan daya saing yang menyeluruh.

Menambah Baik Ketersambungan Batuan Akhir ke Kawasan Pelabuhan Utama

Ketersambungan batuan akhir ke kawasan pelabuhan utama akan ditambah baik untuk mengatasi kesesakan dan menampung peningkatan perdagangan pada masa hadapan. Rangkaian rel dalam kawasan pelabuhan utama serta akses jalan raya ke kawasan pelabuhan utama akan dinaik taraf. Hab kargo di lokasi strategik berdekatan dengan pelabuhan akan dikenal pasti untuk menyediakan kemudahan logistik yang bersepadu. Hab kargo ini akan mengurangkan kekerapan pergerakan keluar masuk trak ke kawasan pelabuhan dengan penyediaan perkhidmatan bersepadu bagi kargo di luar kawasan pelabuhan.

Mengguna Pakai Kaedah Pergerakan Kargo Pelbagai Mod

Ketersambungan logistik antara rel, laut dan udara akan ditambah baik untuk memastikan kedudukan Malaysia sebagai hab kargo yang berdaya maju. Industri logistik digalakkan mengguna pakai kaedah pergerakan kargo pelbagai mod untuk menambah

baik keupayaan perkhidmatan logistik dan mengurangkan kos pengedaran kargo. Pergerakan kargo pelbagai mod merupakan kaedah penggunaan beberapa mod pengangkutan yang menggunakan pembekal perkhidmatan bersepadu dengan satu bil muatan. Pembekal perkhidmatan bersepadu akan bertanggungjawab untuk penghantaran kargo dalam semua laluan dan mod. Perkhidmatan ini akan meningkatkan akses ke kawasan pedalaman dan membolehkan pengesanan penghantaran berdasarkan masa sebenar. Ini akan menambah baik ketersediaan, daya harap dan kecekapan perkhidmatan. Bagi tujuan ini, pelan tindakan akan dirangka untuk menyediakan hala tuju yang jelas bagi pergerakan kargo pelbagai mod.

Menaik Taraf Sistem dan Peralatan Sektor Penerbangan

Dalam sektor penerbangan, tumpuan akan diberi untuk menggantikan sistem yang lapuk dan peralatan yang usang serta menaik taraf infrastruktur. Mekanisme yang bersesuaian untuk penyelenggaraan infrastruktur dan aset akan diperkenal. Langkah ini akan memastikan pematuhan standard yang ditetapkan oleh Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) dalam sistem pengurusan lapangan terbang dan trafik udara. Sistem berpusat akan dibangunkan untuk meningkatkan transmisi data dan komunikasi bagi memastikan kecekapan operasi.

Melaksana Penyenggaraan Pencegahan

Penyenggaraan pencegahan akan dilaksanakan untuk memanjangkan jangka hayat jalan raya dan jambatan. Beberapa projek rintis penyenggaraan pencegahan menggunakan bahan termaju dan teknologi inovatif telah terbukti dapat memanjangkan jangka hayat jalan raya. Kaedah ini akan dilaksana secara berperingkat melibatkan penyelenggaraan jalan raya dan jambatan yang akan ditentukan. Antara teknologi yang akan digunakan termasuk *ultra-high performance concrete* (UHPC) untuk menampung beban gandar yang dibenarkan bagi kenderaan komersil. Penggunaan UHPC akan diberi keutamaan bagi mengganti dan menaik taraf jambatan yang uzur dan sempit.

Strategi B2

Memanfaatkan Pendigitalan dalam Perkhidmatan

Platform gerbang tunggal transaksi akan diguna dan pangkalan data bersepadu akan dibangunkan untuk memanfaatkan pendigitalan dalam perkhidmatan pengangkutan dan logistik. Inisiatif ini akan mempermudah perkongsian maklumat serta mengurangkan kos dan masa pemprosesan. Penambahbaikan ini akan meningkatkan kecekapan dalam proses pelepasan kargo dan memastikan pematuhan kepada piawaian antarabangsa serta menggalakkan proses membuat keputusan yang lebih baik.

Mewujudkan Platform Gerbang Tunggal Transaksi

uCustoms merupakan sebuah platform gerbang tunggal transaksi akan diguna sepenuhnya untuk memudahkan urusan perniagaan. Platform ini menyediakan sistem berasaskan web dan penyelesaian dari awal ke akhir secara elektronik. Platform ini akan menyeragamkan prosedur operasi antara PIA. Ia juga akan menjimatkan kos transaksi dan membolehkan kerja dilakukan di mana sahaja. Dalam hubungan ini, setiap pihak berkuasa pelabuhan akan membangunkan sistem komuniti pelabuhan sendiri yang bersepadu dengan menjadikan *Port Klang Net* sebagai tanda aras. Seterusnya, sistem bersepadu tersebut akan dihubungkan dengan *uCustoms* yang akan meningkatkan kecekapan dan produktiviti serta memastikan pematuhan kepada piawaian antarabangsa.

Membangunkan Pangkalan Data Berpusat

Pangkalan data berpusat untuk sektor pengangkutan dan logistik akan dibangunkan. Pangkalan data ini akan mengandungi peta berlapis yang komprehensif dan statistik berkaitan jalan raya, rel, penerbangan dan perkhidmatan maritim. Ia juga akan mengandungi maklumat dalam melaksanakan agenda hijau sektor pengangkutan. Ini akan menambah baik analisis berasaskan bukti untuk dijadikan panduan dalam perancangan, pemantauan, pelaporan dan pengesahan. Pangkalan data ini juga akan berperanan sebagai sumber rujukan tunggal untuk menyediakan maklumat lengkap mengenai sektor pengangkutan dan logistik bagi menambah baik proses membuat keputusan perniagaan.

Bidang Keutamaan C

Memperkukuh Rangka Kerja Institusi dan Kawal Selia

Beberapa strategi akan dilaksana dalam memperkukuh rangka kerja institusi dan kawal selia. Ini termasuk memperkukuh tadbir urus serta menggalakkan agenda hijau. Pelaksanaan strategi ini akan menambah baik penyampaian perkhidmatan dan membantu dalam pembangunan Indeks Pengangkutan Hijau.



Strategi C1

Menambah Baik Tadbir Urus

Usaha bersepadu akan diambil untuk menambah baik penyelarasan dalam kalangan pihak berkepentingan, memperkukuh mekanisme penguatkuasaan dan membangunkan rangka kerja peraturan pergudangan nasional. Mekanisme tadbir urus akan diperkenal untuk industri perkapalan dan pembangunan lebuh raya akan distruktur semula untuk memberi manfaat kepada pengguna dan pemain industri. Inisiatif ini bertujuan menangani cabaran dalam perancangan, penyelarasan dan pelaksanaan dasar. Sehubungan itu, peranan pelbagai pihak berkuasa akan lebih jelas dan penguatkuasaan akan ditingkatkan.

Memperkukuh Penyelarasan antara Pihak Berkepentingan

Pelaksanaan dasar yang berkesan melalui perancangan dan penyelarasan yang lebih baik oleh pelbagai agensi adalah penting untuk mencapai perkhidmatan pengangkutan dan logistik yang cekap. Perancang dan pembangunan hab logistik akan berpusat di peringkat Kerajaan Persekutuan. Dalam hubungan ini, dasar dan strategi yang digubal pada peringkat ini akan diperturun kepada peringkat yang lebih rendah dengan cara yang lebih bersistematik bagi memastikan pelaksanaan yang komprehensif. Penyelarasan antara pihak berkepentingan, terutama pada peringkat penyediaan dan penilaian projek akan ditingkatkan bagi memastikan sumber dioptimumkan dalam pembangunan infrastruktur.

Jawatankuasa pelabuhan kebangsaan yang terdiri daripada pihak berkuasa dan pengendali pelabuhan akan ditubuhkan. Jawatankuasa ini menyelaras perancangan pembangunan pelabuhan dan menyediakan prosedur operasi standard (SOP) bagi operasi pelabuhan. Ia juga akan menyeragamkan peraturan dan berkongsi amalan terbaik bagi meningkatkan kecekapan operasi dan seterusnya mewujudkan persekitaran pelabuhan yang lebih kondusif.

Peranan NLTF akan diperkasa bagi memastikan keberkesanan pelaksanaan dasar, strategi dan inisiatif. Petunjuk prestasi utama akan ditetapkan bagi memastikan NLTF dapat menambah baik penyampaian perkhidmatan serta memupuk kerjasama dan kolaborasi antara agensi dengan pemain industri. Keupayaan dan kemampuan pasukan petugas akan diperkukuh untuk memastikan keberhasilan tercapai.

Satu kajian sedang dilaksana untuk mewujudkan sebuah agensi tunggal yang akan menyelia, memperkukuh serta meningkatkan piawaian operasi dan keselamatan di sempadan dan pintu masuk negara termasuk pelabuhan dan lapangan terbang. Kajian ini merangkumi tiga domain utama iaitu darat, udara dan laut serta meliputi perundangan dan peraturan sedia ada di pelbagai agensi yang mengawal selia sempadan dan pintu masuk. Penubuhan agensi tunggal ini akan meningkatkan kecekapan dalam fasilitasi perdagangan melalui mekanisme tunggal pelepasan barangan.

Pelan Strategik Lapangan Terbang Kebangsaan akan dibentuk bagi menetapkan hala tuju pembangunan lapangan terbang untuk memenuhi keperluan masa hadapan di samping memperkukuh tadbir urus industri penerbangan. Pelan induk ini bertujuan meningkatkan kerjasama antara Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Pelaksanaan pelan ini juga akan memastikan kemampanan lapangan terbang dan pulangan pelaburan yang lebih baik.

Menambah Baik Mekanisme Penguatkuasaan

Sistem *Weigh-in-Motion* (WIM) akan diguna untuk meningkatkan penguatkuasaan ke atas kenderaan melebihi had muatan. Sistem ini akan merekodkan berat kenderaan kasar secara automatik apabila kenderaan melalui tapak pengukuran, justeru bilangan personel di tapak dapat dikurangkan. Sistem WIM ini akan memperkukuh penguatkuasaan bergerak dari segi kapasiti dan liputan.

Mewujudkan Peraturan Pergudangan Nasional

Peraturan pergudangan nasional akan dirangka bagi memastikan keseragaman dalam pembangunan gudang. Peraturan ini akan meliputi parameter seperti keluasan, kemudahan, pengendalian dan penyimpanan serta langkah perlindungan kebakaran. Di samping itu, lokasi yang sesuai untuk pembangunan gudang akan dikenal pasti. Proses kelulusan juga akan ditambah baik, manakala laman web inventori gudang nasional akan dibangunkan. Usaha bersepadu ini akan dilaksana dengan kerjasama pelbagai pihak berkepentingan. Pembangunan gudang yang teratur akan membuka peluang untuk Malaysia menjadi pusat pengedaran bagi rantau ASEAN, terutama barangan yang dibeli secara dalam talian dan perkhidmatan kurier.

Memperkenalkan Mekanisme Tadbir Urus untuk Ekonomi Maritim

Usaha akan dilaksana untuk memperkenalkan mekanisme tadbir urus bagi menjayakan pembangunan ekonomi maritim. Peranan dan fungsi jabatan berkaitan maritim akan dikaji semula untuk menambah elemen tadbir urus aktiviti perdagangan dan ekonomi dengan meminda Ordinan Perkapalan Saudagar. Pembangunan keupayaan agensi akan ditingkatkan untuk memastikan kecekapan penguatkuasaan undang-undang. Pengenalan mekanisme ini akan memastikan caj yang berpatutan dikenakan bagi perkhidmatan yang diberikan serta mencegah amalan anti persaingan.

Menstruktur Semula Model Pembangunan Lebuh Raya

Model semasa untuk pembangunan lebuh raya sedia ada dan baharu akan dikaji semula untuk memastikan faedah daripada kadar tol yang berpatutan dinikmati oleh pengguna serta memastikan pulangan yang wajar kepada pelabur. Penyusunan semula ini bertujuan untuk mengurangkan risiko kepada Kerajaan dan memastikan penglibatan syarikat konsesi dalam operasi dan penyelenggaraan lebuh raya serta menghasilkan pulangan yang wajar dari kutipan tol. Kerajaan juga akan mengkaji opsyen untuk memastikan daya maju projek lebuh raya yang sedia ada dan yang akan datang. HNDP 2030 akan menyediakan mekanisme keutamaan pembangunan lebuh raya baharu dan opsyen pembiayaan yang bersesuaian.

Strategi C2

Menggalakkan Inisiatif Hijau

Dalam usaha menggalakkan inisiatif hijau bagi sektor pengangkutan dan logistik, pelan tindakan bagi Blueprint Mobiliti Rendah Karbon akan dilaksana dan piawaian alam sekitar akan diterima pakai secara mandatori. Program komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) pula akan dipertingkat. Usaha ini akan menyumbang kepada sistem pengangkutan yang bersih dan mampan. Pelaksanaan inisiatif hijau ini akan menyokong matlamat Agenda 2030.

Melaksana Blueprint Mobiliti Rendah Karbon

Blueprint Mobiliti Rendah Karbon akan dilaksana untuk meminimumkan corak pergerakan yang tidak mampan. Dalam sektor penerbangan, antara pelan tindakan adalah membangunkan standard bahan api yang lebih bersih yang mematuhi *Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation* (CORSIA) oleh ICAO. Bagi sektor pengangkutan darat, penggunaan kenderaan alternatif rendah karbon seperti kenderaan cekap tenaga, hibrid dan elektrik akan digalakkan. Pelaksanaan blueprint ini akan dipantau sewajarnya untuk memastikan kejayaan objektif mobiliti rendah karbon.

Mengguna Pakai Piawaian Alam Sekitar secara Mandatori

Piawaian alam sekitar seperti Standard Hijau Kebangsaan untuk pengendali pengangkutan akan diguna pakai secara mandatori bagi mempercepat amalan hijau dalam sektor pengangkutan dan logistik. Dalam hubungan ini, insentif akan disediakan untuk menggalakkan pemakaian piawaian tersebut. Di samping itu, Indeks Pengangkutan Hijau akan diperkenal untuk menggalakkan sistem pengangkutan yang bersih dan mampan serta infrastruktur yang berdaya tahan untuk pergerakan yang cekap.

Meningkatkan Komunikasi, Pendidikan dan Kesedaran Awam (CEPA)

Program untuk menggalakkan perubahan tingkah laku adalah penting bagi meningkatkan amalan mampan dalam industri pengangkutan dan logistik. Program CEPA akan dipergiat dengan menyasarkan operator pengangkutan, pengilang serta penyedia dan pengguna perkhidmatan pengangkutan dan logistik. Sehubungan itu, kolaborasi pelbagai pihak akan diperkukuh bagi melaksana CEPA untuk memupuk budaya penggunaan pengangkutan mesra alam dalam kalangan pengguna.

Kesimpulan

Dalam tempoh RMKe-11, infrastruktur pengangkutan dan logistik telah ditambah baik bagi memenuhi keperluan rakyat dan industri. Penekanan telah diberi untuk memperkukuh fasilitasi perdagangan, menambah baik ketersambungan batuan pertama dan akhir serta mendigitalkan perkhidmatan logistik. Walau bagaimanapun, isu berkaitan dengan penyediaan ketersambungan yang lancar dan perkhidmatan pengangkutan dan logistik yang berdaya harap masih kekal. Isu dan cabaran ini akan ditangani dalam RMKe-12. Keutamaan dalam RMKe-12 akan diberikan bagi menambah baik infrastruktur pengangkutan untuk menyediakan mobiliti penumpang yang lancar. Fokus juga diberi untuk meningkatkan daya saing industri pengangkutan dan logistik serta tadbir urus. Langkah ini akan meningkatkan produktiviti, menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Bab 13

Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam



Pendahuluan 13-2

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020 13-3

- Pencapaian Sasaran Terpilih 13-3
- Pencapaian Inisiatif Terpilih 13-5
- Penambahbaikan dalam Tadbir Urus 13-5
- Peningkatan dalam Integriti dan Akauntabiliti 13-5
- Pengurusan Kewangan Awam yang Berhemat 13-6
- Penyampaian Sektor Awam yang Ditambah Baik 13-6

Isu dan Cabaran 13-7

- Cabaran dalam Pembangunan Bakat 13-7
- Cabaran dalam Ekosistem Tadbir Urus 13-8
- Cabaran dalam Pengurusan Projek 13-8

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025 13-9

- Bidang Keutamaan A 13-12
  Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi
- Bidang Keutamaan B 13-14
  Meningkatkan Pendekatan Keseluruhan Kerajaan
- Bidang Keutamaan C 13-20
  Memantapkan Pengurusan Belanjawan dan Projek

Kesimpulan 13-23

13

Pendahuluan

Dalam tempoh RMKe-11, usaha telah dilaksana untuk mentransformasi sektor awam supaya lebih berpaksikan rakyat, cekap dan produktif dengan penekanan kepada integriti dan ketelusan. Pendekatan keseluruhan kerajaan telah diterima pakai dan beberapa penambahbaikan telah dilaksana. Penambahbaikan ini termasuk merasionalisasi sektor awam, mendigitalkan penyampaian perkhidmatan awam, memperkukuh keupayaan dan kemampuan, menambah baik tadbir urus dalam pengurusan projek dan meningkatkan libat urus dengan pihak berkepentingan. Inisiatif ini telah membawa kepada peningkatan kecekapan perkhidmatan awam, meningkatkan ketelusan dan menambah baik inklusiviti. Walau bagaimanapun, penyampaian perkhidmatan awam terus berhadapan dengan beberapa isu dan cabaran dalam pembangunan bakat, ekosistem tadbir urus dan mekanisme pengurusan projek.

Dalam tempoh RMKe-12, tumpuan yang lebih akan diberi untuk membangunkan sektor awam yang berkesan dan bertanggungjawab bagi memenuhi harapan rakyat yang semakin meningkat disebabkan oleh kemajuan teknologi serta bertambahnya kumpulan pendapatan penengah dan perubahan demografi dalam masyarakat. Sektor awam perlu menjadi lebih cekap dengan mempercepat pendigitalan dan memupuk inovasi, selaras dengan keperluan untuk menyesuaikan kebiasaan baharu yang berpunca daripada pandemik COVID-19. Dalam hubungan ini, usaha untuk memperkukuh penyampaian perkhidmatan sektor awam akan tertumpu kepada membangunkan perkhidmatan awam yang berprestasi tinggi, memantapkan pendekatan keseluruhan kerajaan serta menambah baik pengurusan belanjawan dan projek.

Pencapaian Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020

Dalam tempoh RMKe-11, pelbagai usaha telah dilaksana untuk menambah baik produktiviti, integriti, akauntabiliti, dan ketelusan dalam sektor awam. Usaha ini termasuk penambahbaikan dalam tadbir urus, peningkatan dalam integriti dan akauntabiliti, pengurusan kewangan awam yang berhemat dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam. Sehubungan itu, kedudukan Malaysia dalam laporan *Doing Business 2020* oleh Bank Dunia telah meningkat kepada ke-12 dalam kalangan 190 ekonomi global berbanding kedudukan ke-15 pada tahun sebelumnya.

Pencapaian Sasaran Terpilih

Enam sasaran telah ditetapkan dalam usaha mengukuhkan tadbir urus ke arah meningkatkan ketelusan serta mentransformasi perkhidmatan awam bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan dan meningkatkan produktiviti. Walau bagaimanapun, kesemua enam sasaran yang ditetapkan belum tercapai sepenuhnya disebabkan oleh persekitaran luaran yang tidak kondusif, pertumbuhan ekonomi yang perlahan, kadar pendigitalan yang rendah, persepsi mengenai rasuah yang masih tinggi serta penambahbaikan penyampaian perkhidmatan awam yang kurang menggalakkan. Kemajuan dalam mengembalikan Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 yang dimansuhkan pada tahun 1992 adalah kurang memberangsangkan. Pencapaian bagi enam sasaran terpilih adalah seperti yang ditunjukkan dalam *Paparan 13-1*.

Paparan 13-1

Rancangan Malaysia Kesebelas: Pencapaian Sasaran Terpilih


Menambah Baik Tadbir Urus Parlimen



2016-2020 2016-2020

Memperkenalkan Semula Akta Perkhidmatan Parlimen 1963


Meningkatkan Integriti dan Akauntabiliti



2020 2020

Indeks Persepsi Rasuah oleh *Transparency International*


Pengurusan Kewangan Awam yang Berhemat



2020 2020


Peratusan Baki Fiskal kepada KDNK

Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Awam




2020 2019

Subindeks Perkhidmatan Dalam Talian dalam *United Nations e-Government Development Index*



2020 2020

Subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *IMD World Competitiveness Yearbook*



2020 2019

Pihak Berkuasa Tempatan Mencapai Taraf Minimum 4 daripada 5 Bintang



Pencapaian Inisiatif Terpilih

Penambahbaikan dalam Tadbir Urus

Pelbagai inisiatif telah dilaksana dalam menambah baik tadbir urus pada semua peringkat untuk meningkatkan kepercayaan rakyat terhadap institusi kerajaan. Antara inisiatif tersebut, termasuk memperkukuh mekanisme semak dan imbang, menggalakkan amalan demokrasi yang sihat serta mempertingkat kecekapan sistem kehakiman. Dalam hubungan ini, Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihanraya (ERC) telah ditubuhkan pada Ogos 2018 untuk menyemak semula proses, prosedur dan peraturan pengundian bagi mentransformasi sistem pilihan raya dan memperkukuh amalan demokrasi. Sebanyak sembilan Jawatankuasa Pilihan Khas telah ditubuhkan oleh Dewan Rakyat untuk mewujudkan mekanisme semak dan imbang dalam proses demokrasi. Di samping itu, Perlembagaan telah dipinda pada Julai 2019 bagi menurunkan kelayakan umur minimum untuk mengundi kepada 18 tahun. Pelaksanaan ini akan membolehkan penglibatan belia dalam proses demokrasi.

Sistem kehakiman terus ditambah baik dalam tempoh RMKe-11 melalui penerimagunaan teknologi dalam operasi mahkamah dan penubuhan mahkamah khas. Dalam hubungan ini, mahkamah di Sabah telah mempelopori penggunaan aplikasi kecerdasan buatan (AI) dalam menganalisis data dan proses membuat keputusan dalam perbicaraan kes jenayah. Mahkamah siber telah ditubuhkan di Kuala Lumpur untuk mengendalikan kesalahan yang termaktub di bawah undang-undang siber seperti perjudian, fitnah dan penipuan yang disebarkan dalam talian. Di samping itu, Mahkamah Jenayah Seksual terhadap Kanak-kanak telah ditubuhkan di Putrajaya dan Sarawak untuk mempercepat kadar penyelesaian kes. Mahkamah khas ini dilengkapkan dengan kemudahan yang sesuai dan persekitaran yang kondusif untuk saksi dalam kalangan kanak-kanak.

Peningkatan dalam Integriti dan Akauntabiliti

Usaha untuk meningkatkan integriti dan akauntabiliti terus diberi keutamaan dalam memerangi rasuah selaras dengan inisiatif meningkatkan kepercayaan orang awam terhadap institusi kerajaan. Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) telah ditubuhkan pada tahun 2018 untuk menyelaras dan memantau inisiatif yang melibatkan tadbir urus dan integriti merentas pelbagai agensi kerajaan. Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 (NACP) telah dilancarkan pada tahun 2019, menggariskan enam strategi dan 115 inisiatif. Pelan ini dipantau oleh Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) yang bersidang setiap suku tahun. Jawatankuasa khas ini yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri bertujuan menjadikan Malaysia sebagai negara bebas rasuah menjelang tahun 2023.

Dalam usaha menerapkan ketelusan, Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen telah dikehendaki untuk mengisytihar harta melalui portal *MyDeclaration* Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM). Sehingga Disember 2020, seramai 95 daripada 102 Anggota Pentadbiran dan 194 daripada 220 Ahli Parlimen telah melaksanakan pengisytiharan harta. Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 telah dipinda pada tahun 2018 untuk memasukkan peruntukan liabiliti korporat berhubung suapan dan rasuah di bawah Seksyen 17A. Pindaan ini telah berkuat kuasa mulai 1 Jun 2020. Di bawah seksyen ini, organisasi akan dikenakan tindakan undang-undang sekiranya terdapat individu yang bersekutu dengan organisasi tersebut terlibat dalam amalan rasuah, termasuk ahli lembaga pengarah, pengawal, pegawai dan rakan kongsi.

Sebanyak 12,632 set data telah diterbitkan di portal Data Terbuka Sektor Awam selaras dengan agenda Kerajaan Terbuka untuk menjadikan data sebagai maklumat umum yang mudah diakses. Selain itu, Biro Pengaduan Awam (BPA) telah memperkenalkan aplikasi mudah alih yang dikenali sebagai Respon Rakyat 2.0 pada tahun 2019. Aplikasi ini membolehkan maklum balas pada masa nyata yang seterusnya telah membawa kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan. Pengadu juga boleh menghantar dan memantau status aduan melalui aplikasi mudah alih ini.

Usaha memupuk integriti dan akauntabiliti dalam kalangan penjawat awam telah dipertingkat melalui penubuhan 268 Unit Integriti di kementerian, agensi dan badan berkanun. Di samping itu, seramai 997 Pegawai Integriti Bertauliah telah dilantik yang terdiri daripada wakil sektor awam dan swasta serta antarabangsa. Unit Integriti dan Governans juga telah diwujudkan di 311 syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Sehingga Disember 2020, sebanyak 73 syarikat telah memohon untuk melaksanakan Ikrar Integriti Korporat. Daripada jumlah ini, sebanyak 23 syarikat termasuk Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., RISDA Ventures Sdn. Bhd. dan Sime Darby Berhad telah menandatangani ikrar tersebut. *MS ISO 37001 Anti-Bribery Management System* (ABMS) yang dilancarkan pada tahun 2017 telah dilaksana di tiga kementerian, tiga kerajaan negeri dan tiga pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk mengurus, menguatkuasakan, menilai dan menambah baik langkah pencegahan rasuah secara berkesan. Sehingga Disember 2020, sebanyak 29 agensi telah mendapat pensijilan ABMS.

Pengurusan Kewangan Awam yang Berhemat

Dalam tempoh RMKe-11, Kerajaan terus komited untuk memastikan perbelanjaan awam yang berhemat dan telus selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Proses perolehan telah disemak semula untuk memperkukuh tadbir urus bagi mencapai nilai terbaik untuk wang serta memastikan ketelusan dan perbelanjaan yang berkesan. Sistem ePerolehan (eP) telah dinaik taraf dan mekanisme perolehan kerajaan melalui eP telah diwajibkan, berkuat kuasa Januari 2018. Di samping itu, Pekeliling Perbendaharaan PK 1.1 2020 Punca Kuasa, Prinsip dan Dasar Perolehan Kerajaan telah dikuatkuasakan mulai Januari 2020 bagi memperkukuh tadbir urus dalam perolehan awam dan memastikan nilai untuk wang. Pekeliling ini merangkumi elemen integriti, pemindahan teknologi, pemantauan dan inisiatif hijau.

Rangka dasar kerjasama awam swasta (PPP) terus diperkukuh dengan memperkenalkan Garis Panduan Proses Penjualan Tanah dan Pembangunan Fasiliti pada tahun 2019. Garis panduan ini menambah baik kaedah pertukaran tanah dalam projek penswastaan, meningkatkan ketelusan dan memastikan nilai untuk wang melalui proses tender terbuka. Selain itu, audit forensik ke atas pengurusan dan pencapaian projek telah dijalankan bagi 23 projek yang telah diluluskan di bawah Dana Mudahcara untuk memastikan kepatuhan kepada rangka dasar PPP. Penemuan audit ini telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara 2018 Siri 2.

Laporan Ketua Audit Negara 2019 Siri 1 telah dibentang di Dewan Rakyat pada 24 Ogos 2020. Laporan ini memberi tumpuan kepada audit pematuhan secara komprehensif berdasarkan profil risiko jabatan dan agensi persekutuan dan negeri. Pengauditan ini menggunakan pendekatan 3P1K, iaitu mengenal pasti elemen pembaziran, pemborosan, penyelewengan dan ketirisan wang awam. Laporan ini telah menyenaraikan sebanyak 23 syor audit bagi memastikan wang awam dan kepentingan kerajaan terpelihara. Dapatan audit serta tindakan susulan yang telah diambil telah dibentang kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) pada 5 November 2020. PAC merupakan antara jawatankuasa terpenting yang ditubuhkan oleh Dewan Rakyat untuk memeriksa peruntukan perbelanjaan awam yang diluluskan oleh Parlimen dan ketidakpatuhan yang telah dibangkitkan dalam laporan Ketua Audit Negara. Jawatankuasa ini telah memainkan peranan dalam memantapkan proses semak dan imbang serta memastikan tadbir urus yang baik dalam sektor awam.

Bagi mempercepat pelaksanaan projek, keperluan menggunakan Pelan Standard Prakelulusan (PAP) dan Sistem Binaan Berindustri (IBS) dalam projek kerajaan telah dikuatkuasakan. Dalam tempoh akhir RMKe-11, bilangan PAP telah meningkat daripada 19 kepada 28 kategori yang mengandungi 180 reka bentuk. Semua projek kerajaan bernilai RM10 juta dan ke atas dikehendaki mematuhi kadar minimum 70% nilai skor IBS. Di samping itu, penggunaan Pembanding Sektor Awam (PSC) telah diwajibkan kepada semua kementerian dan agensi bagi mempertingkat proses penilaian dan pemilihan projek. Mekanisme penyelarasan dan pemantauan projek juga ditambah baik dengan menaik taraf MyProjek yang sebelum ini dikenali sebagai Sistem Pemantauan Projek II bagi memudahkan lagi pelaksanaan Arahan Perbendaharaan 182 Rujukan Kepada Jabatan Teknik. Arahan No. 1 2020, Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara pula telah menggantikan Arahan No. 1 2018 Jentera Penyelarasan Pelaksanaan bagi memperkukuh mekanisme penyelarasan pada peringkat persekutuan, negeri dan daerah. Mekanisme ini telah menambah baik tadbir urus, meminimumkan salah urus dalam pengurusan projek dan mengurangkan ketirisan kewangan.

Dalam aspek ketelusan belanjawan, Malaysia berada pada kedudukan maklumat belanjawan yang terhad dengan skor indeks 47/100 pada tahun 2019 berdasarkan *Open Budget Survey* (OBS) oleh *International Budget Partnership* yang berpusat di Washington DC. Malaysia hanya menerbitkan enam daripada lapan dokumen belanjawan utama yang diperlukan. Laporan Semakan Setengah Tahun dan Penyata Pra-Bajet masih belum diterbitkan.

Penyampaian Sektor Awam yang Ditambah Baik

Usaha meningkatkan penyampaian sektor awam ditumpukan kepada penambahbaikan bakat, proses kerja, sistem penilaian, dan keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan. Akses kepada perkhidmatan kerajaan diperluas melalui peningkatan pendigitalan termasuk perkhidmatan yang disediakan oleh PBT. Bakat adalah aset yang amat penting dalam perkhidmatan awam. Sehubungan itu, usaha terus dilaksana untuk menambah baik proses pengambilan bagi memastikan bakat yang dipilih adalah cekap dan berintegriti tinggi. Garis panduan telah dibangunkan untuk memperkasa kementerian dan agensi bagi merangka program pembangunan bakat berdasarkan keperluan dan keutamaan. Program cuti belajar bergaji penuh dengan biasiswa untuk kumpulan pelaksana telah diperkenalkan pada tahun 2017 bagi menggalakkan pembelajaran dan pembangunan kapasiti yang berterusan. Program ini telah memberi manfaat kepada 550 kakitangan setiap tahun untuk mengikuti program pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET), diploma atau ijazah.

Kompetensi perkhidmatan awam terus dipertingkat dengan pengenalan *MyPortfolio* pada tahun 2018. Dokumen ini antara lain mengandungi deskripsi tugas, proses kerja dan struktur organisasi. *MyPortfolio* bertujuan menyelaras tanggungjawab dan memastikan kejelasan dalam melaksana tugas yang seterusnya menyumbang kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan Kerajaan.

Selain itu, Dasar Pengurusan Sumber Manusia Perkhidmatan Awam yang ditambah baik telah membolehkan kementerian dan agensi membuat penilaian prestasi berdasarkan peranan dan fungsi. Sistem penilaian prestasi yang baharu, dikenali sebagai *MyPerformance* telah dilaksana secara rintis di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) pada tahun 2018. Sistem ini bertujuan untuk menambah baik sistem ganjaran kepada penjawat awam berprestasi tinggi melalui skim berasaskan prestasi yang tidak berpusat.

Langkah menambah baik keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan penjawat awam terus diberi penekanan dengan memperkenalkan waktu kerja yang fleksibel. Dalam hubungan ini, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2019: Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) di Agensi Kerajaan Persekutuan telah diperkenalkan pada Julai 2019. Pekeliling ini membolehkan penjawat awam memilih untuk memenuhi tempoh waktu bekerja selama sembilan jam sehari, iaitu antara pukul 7.30 pagi hingga 6.00 petang. Usaha ini bertujuan untuk mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif dan menambah baik keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan penjawat awam.

Dalam tempoh RMKe-11, perkhidmatan dalam talian terus diperluas untuk meningkatkan kebolehcapaian dan memudahkan rakyat berurusan dengan kerajaan. Dalam hubungan ini, sebanyak 222 aplikasi mudah alih baharu telah dimuat naik ke dalam Galeri Aplikasi Mudah Alih Kerajaan Malaysia untuk meningkatkan kebolehcapaian kepada perkhidmatan awam dan memperluas jangkauan. Di samping itu, sebanyak 1,303 sistem turut menggunakan *MyGovCloud@PDSA*. Ini membolehkan perkongsian kemudahan dengan akses yang selamat kepada semua agensi kerajaan. Rangkaian *MyGov*Net* di 375 institusi pendidikan telah dinaik taraf ke lebar jalur berkelajuan tinggi sehingga 100 Mbps. Rangkaian ini telah membolehkan ketersambungan yang selamat dan boleh dipercayai. Portal *MyUPU* yang dipertingkat telah dilancarkan pada tahun 2020 berdasarkan konsep gerbang tunggal serta tawaran tunggal. Ini merupakan portal bersepadu untuk kemasukan ke semua institusi pendidikan tinggi dan latihan kemahiran. Selain itu, portal *MalaysiaBiz* telah dilancarkan pada tahun 2019 untuk perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) bagi memudahkan pendaftaran perniagaan dan permohonan lesen.

Penyampaian perkhidmatan oleh PBT telah dipertingkat melalui pelaksanaan Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) pada tahun 2016 bagi mewujudkan budaya kecemerlangan dalam kalangan PBT. Di samping itu, Unit Pusat Setempat (OSC) 3.0 *Plus Online* telah dilancarkan pada tahun 2019 untuk meningkatkan keberkesanan sistem penyampaian dalam mempercepat proses permohonan dan kelulusan Kebenaran Merancang. Selain itu, sebanyak 20 garis panduan baharu telah diluluskan oleh Majlis Negara bagi Kerajaan Tempatan. Garis panduan ini telah diterima pakai oleh kebanyakan PBT bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan. Dalam usaha menyediakan sistem pengurusan maklum balas dan aduan yang berkesan, aplikasi i–Tegur telah diperkenalkan pada tahun 2018 untuk membolehkan orang awam mengemukakan aduan kepada PBT melalui aplikasi mudah alih.

Isu dan Cabaran

Tindakan yang telah diambil untuk memastikan penyampaian yang berkesan dalam tempoh RMKe-11 telah menghasilkan penambahbaikan dalam penyampaian perkhidmatan awam, tadbir urus, integriti dan akauntabiliti. Namun begitu, dengan mengambil kira persekitaran sosioekonomi semasa termasuk kesan pandemik COVID-19, masih terdapat isu dan cabaran yang perlu ditangani bagi memperkasa penyampaian perkhidmatan. Isu dan cabaran utama adalah dalam pembangunan bakat, ekosistem tadbir urus serta pengurusan projek. Perkhidmatan awam perlu menangani semua cabaran ini untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi.

Isu dan Cabaran

Cabaran dalam Pembangunan Bakat
Cabaran dalam Ekosistem Tadbir Urus
Cabaran dalam Pengurusan Projek

Cabaran dalam Pembangunan Bakat

Pembangunan bakat yang berkesan adalah penting dalam memastikan sektor awam dilengkapi dengan bakat yang bersesuaian untuk menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap kepada rakyat. Beberapa isu perlu ditangani dalam membangunkan bakat sektor awam. Ini termasuk ketidaksepadanan antara kelayakan dan penempatan penjawat awam, kekurangan keupayaan dan kemampuan serta motivasi yang rendah untuk berinovasi.

Proses pengambilan sedia ada oleh suruhanjaya perkhidmatan yang berkaitan menggunakan beberapa sistem aplikasi dalam talian. Penggunaan pelbagai sistem bukan hanya menimbulkan kesukaran kepada calon ketika mengemukakan permohonan tetapi juga telah mengakibatkan pertindihan dalam proses pengambilan dan tawaran pekerjaan. Ketiadaan sistem berpusat menyebabkan ketidakpadanan antara profil calon dan pekerjaan dalam sektor awam. Ini telah mengakibatkan penempatan bakat yang tidak sesuai dengan kelayakan. Di samping itu, dasar pemisah yang kurang berkesan telah menghalang pengurusan bakat dan pelan penggantian penjawat awam yang optimum.

Program pembangunan kapasiti di bawah Dasar Pembangunan Sumber Manusia (HRDP) kurang berjaya memenuhi keperluan bakat yang bersesuaian dalam perkhidmatan awam. Hal ini menyebabkan penjawat awam kurang berupaya untuk menentukan laluan pembangunan kerjaya masing-masing. Kebiasaannya kenaikan pangkat adalah berdasarkan kepada kekananan. Hal ini mewujudkan rasa kurang puas hati dalam kalangan penjawat awam, yang menjejaskan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan serta melemahkan semangat penjawat awam yang berprestasi tinggi. Memandangkan teknologi memainkan peranan penting dalam perkhidmatan awam, penjawat awam perlu mempunyai kemahiran digital. Kekurangan latihan dan infrastruktur digital serta keengganan untuk berubah telah menjejaskan transformasi digital dalam sektor awam. Pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan penjawat awam perlu mengamalkan kaedah bekerja dari rumah dengan penerimagunaan teknologi dalam memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan.

Usaha untuk menanam keinginan berinovasi dalam sektor awam menghadapi beberapa cabaran. Cabaran ini termasuk kurangnya program latihan berstruktur untuk penjawat awam pada semua peringkat, kesedaran yang rendah mengenai kepentingan inovasi, kurang sokongan daripada pelbagai pihak dan sistem inovasi yang tidak kondusif. Faktor ini telah mempengaruhi produktiviti dan kualiti perkhidmatan dalam sektor awam.

Cabaran dalam Ekosistem Tadbir Urus

Pendekatan keseluruhan kerajaan tidak dapat dilaksanakan sepenuhnya, antara lain kerana ekosistem tadbir urus yang kurang berkesan. Hal ini disebabkan oleh perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir dan penerimagunaan teknologi digital yang tidak mencukupi, jurang dalam pelaksanaan dan pemantauan serta pertindihan struktur dan fungsi agensi. Kerajaan juga berhadapan dengan cabaran untuk melaksanakan prinsip tadbir urus korporat yang mantap dalam syarikat milik Kerajaan (SOE). Hal ini telah mengakibatkan prestasi yang kurang memberangsangkan dalam mewujudkan nilai kepada rakyat, kebergantungan yang tinggi ke atas peruntukan kerajaan dan kesukaran memenuhi standard tadbir urus korporat yang bersesuaian.

Perkhidmatan dalam talian dan penerimagunaan teknologi digital adalah penting dalam menyediakan perkhidmatan yang cekap dan berkesan. Keperluan meningkatkan penyediaan perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir menjadi semakin penting berikutan pandemik COVID-19. Walaupun perkhidmatan Kerajaan dalam talian adalah 78.8% pada akhir tahun 2020, perkhidmatan dari peringkat awal ke akhir hanya mencapai 50.3%. Penyediaan perkhidmatan Kerajaan dalam talian masih lagi mencabar, terutama disebabkan oleh infrastruktur, peralatan dan perkhidmatan berkaitan digital yang tidak mencukupi.

Ketiadaan rangka perundangan berkaitan perkongsian data telah membantutkan pelaksanaan dasar data terbuka secara menyeluruh. Insentif bagi menggalakan agensi kerajaan berkongsi data dengan pengguna pada masa yang tepat dan cekap juga tidak mencukupi. Hal ini telah mengakibatkan perkongsian data yang terhad antara kerajaan dan pihak berkepentingan yang lain. Kesedaran mengenai penciptaan nilai daripada data terbuka masih rendah yang menjejaskan kemunculan jaguh dalam kalangan agensi pemilik data. Di samping itu, tahap penerimaan terhadap keperluan perkongsian data dan penggunaan perkhidmatan awan masih lagi rendah.

Kelemahan dalam mekanisme pelaksanaan dan pemantauan menjejaskan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Faktor dalaman dan luaran, iaitu sikap mudah selesa, kurang komitmen, wujudnya campur tangan politik, rasuah melangkaui sempadan serta pertindihan struktur dan fungsi kementerian dan agensi juga telah menjejaskan kualiti penyampaian perkhidmatan awam. Pertindihan aktiviti, terutama dalam agihan bantuan kepada kumpulan rentan, pelaksanaan program TVET dan pra-sekolah juga telah menyebabkan sumber tidak dimanfaatkan secara optimum.

Cabaran dalam Pengurusan Projek

Pengurusan projek yang kurang berkesan telah menjejaskan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam dan mengakibatkan pembaziran sumber kewangan. Isu dan cabaran yang dihadapi dalam pengurusan projek termasuk pelaksanaan yang lemah serta kurangnya penyelenggaraan infrastruktur dan kemudahan disebabkan oleh kekangan peruntukan. Kerjasama dan penyelarasan yang lemah, mekanisme untuk menilai outcome yang kurang berkesan serta kekurangan bakat dalam bidang khusus juga telah menjejaskan kelancaran pelaksanaan projek.

Kerjasama dan penyelarasan dalam tiga peringkat kerajaan yang kurang berkesan telah menyebabkan keutamaan yang berbeza dalam pemilihan projek pembangunan. Dalam tempoh RMKe-11, terdapat perbezaan antara keutamaan yang ditentukan oleh kementerian dan negeri. Di samping itu, enakmen, peraturan dan undang-udang yang berbeza dalam kalangan negeri dan PBT juga telah menyebabkan kerjasama dan penyelarasan yang kurang berkesan.

Mekanisme penilaian outcome projek pembangunan kurang berkesan walaupun garis panduan penilaian outcome telah diperkenalkan sejak tahun 2012. Bilangan laporan penilaian outcome ke atas projek yang siap adalah kecil berbanding dengan jumlah projek yang diluluskan melebihi 4,700 dalam tempoh RMKe-11. Hal ini disebabkan oleh penilaian outcome tidak diwajibkan kepada agensi pelaksana. Dengan itu, kementerian dan agensi tidak menilai dengan tepat outcome sebenar projek dan gagal mengenal pasti kelemahan-kelemahan dalam pelaksanaan.

Kekurangan pakar dalam beberapa bidang khusus telah mengekang agensi dalam melaksanakan peranan secara berkesan. Pertukaran pegawai yang kerap serta penempatan yang kurang sesuai bagi kategori pengurusan dan profesional, perancangan penggantian pegawai yang kurang optimum serta kekurangan pakar khusus dalam bidang strategik telah menjejaskan penyampaian perkhidmatan. Antara bidang yang memerlukan lebih ramai pakar khusus adalah dalam perancangan ekonomi, kewangan, perolehan serta perancangan dan pengurusan projek.

Pelan Induk Penswastaan sedia ada adalah tidak komprehensif dan mempunyai hala tuju yang kurang jelas mengenai pelaksanaan rangka dasar PPP, terutama dari segi prosedur, pelaksanaan proses kerja dan jenis projek. Hal ini telah menjejaskan kecekapan dan pemilihan projek yang tidak sejajar dengan keutamaan nasional. Dalam beberapa kes, model perniagaan yang digunakan telah meningkatkan beban fiskal kepada Kerajaan.

Keutamaan yang lebih rendah telah diberikan kepada pengagihan peruntukan bagi menampung penyelenggaraan infrastruktur disebabkan oleh kekangan fiskal. Berikutan itu, lebih banyak penekanan diberikan pada kerja berbentuk pembaikan dan bukannya pencegahan. Penyelenggaraan yang tidak mencukupi telah menjejaskan kualiti infrastruktur dan menimbulkan risiko kepada pengguna. Hal ini akan membawa kepada kerosakan yang besar dalam jangka masa panjang dan akhirnya menyumbang kepada kos yang lebih tinggi untuk kerja penyelenggaraan dan pemulihan.

Kejayaan melaksanakan projek amat bergantung kepada keberkesanan pengurusan. Tempoh proses perolehan tanah yang panjang, perubahan skop projek yang tidak terancang, kontraktor yang tidak kompeten dan penguatkuasaan kontrak yang lemah telah menyumbang kepada kelewatan projek. Di samping itu, ketidakpatuhan kepada prosedur dan garis panduan disebabkan oleh kekurangan pengetahuan dan integriti telah menjejaskan kualiti dan kelewatan dalam menyiapkan projek. Hal ini menyebabkan rakyat tidak dapat menikmati sepenuhnya faedah daripada projek pembangunan.

Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Usaha untuk mengukuhkan sektor awam memerlukan komitmen yang padu daripada semua pihak dalam memastikan kecekapan, integriti dan ketelusan yang lebih baik. Empat komponen, iaitu pengurusan sumber manusia yang berkesan, perbelanjaan kewangan yang berhemat, proses kerja yang cekap dan penggunaan teknologi adalah penting dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang bertaraf dunia. Pelaksanaan empat komponen ini secara berkesan sangat penting dalam meningkatkan kualiti ekosistem perkhidmatan awam. Sehubungan itu, keutamaan akan diberi kepada usaha membangunkan penjawat awam berprestasi tinggi, meningkatkan pelaksanaan pendekatan keseluruhan kerajaan serta memantapkan pengurusan belanjawan dan projek.



Hala Tuju: Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025

Memperkukuh Penyampaian Perkhidmatan Sektor Awam

Bidang Keutamaan A

Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi

Strategi A1
Mentransformasi Perkhidmatan Awam

Strategi A2
Membentuk Pemimpin Masa Hadapan

Bidang Keutamaan C

Memantapkan Pengurusan Belanjawan dan Projek

Strategi C1
Mengkaji Semula Rangka dan Proses Belanjawan

Strategi C2
Menambah Baik Keberkesanan Pelaksanaan Projek

Bidang Keutamaan B

Meningkatkan Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

Strategi B1
Menambah baik Pentadbiran Kerajaan dan Kecekapan Operasi


Strategi B2
Meningkatkan Keupayaan Membuat Keputusan dan Inovasi

Strategi B3
Memperkukuh Ekosistem Tadbir Urus



Rancangan Malaysia Kedua Belas: Sasaran Terpilih

Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi



2025

Purata Skor dalam Sistem Pengurusan Audit Nilai



2025

Sasaran Penjawat Awam Celik Digital



2021

Pelaksanaan Satu Pekeliling Aturan Bekerja Fleksibel

Meningkatkan Pendekatan Keseluruhan Kerajaan




2025

Kedudukan Subindeks Kecekapan Kerajaan dalam *IMD World Competitiveness Yearbook*




2025

Kedudukan Subindeks Perkhidmatan Dalam Talian dalam *United Nations e-Government Development Index*




2025

Kedudukan Indeks Persepsi Rasuah oleh *Transparency International*



2025


Sasaran Perkhidmatan Dalam Talian dari Peringkat Awal ke Akhir Kerajaan Persekutuan



2025


Sasaran Pihak Berkuasa Tempatan Mencapai Taraf 4 Bintang

Memantapkan Pengurusan Belanjawan dan Projek



2025

Peratusan Baki Fiskal kepada KDNK



2025

Skor Minimum *Open Budget Index* oleh *International Budget Partnership*

Sasaran
SDG
WKB 2030

Bidang Keutamaan A

Membangunkan Perkhidmatan Awam yang Berprestasi Tinggi

Perkhidmatan awam perlu melahirkan penjawat awam yang cekap, dilengkapi dengan kemahiran memimpin, pemikiran yang inovatif dan mampu untuk menghadapi cabaran masa hadapan. Dalam hubungan ini, tumpuan akan diberi untuk melahirkan penjawat awam yang berprestasi tinggi dengan mentransformasikan perkhidmatan awam dan membentuk pemimpin masa hadapan yang berkaliber. Langkah ini akan menghasilkan penjawat awam yang mempunyai kompetensi yang tinggi. Ini akan meningkatkan kemampuan penjawat awam bagi menyediakan perkhidmatan berkualiti serta mengukuhkan keyakinan rakyat terhadap perkhidmatan awam.



Strategi A1

Mentransformasi Perkhidmatan Awam

Sumber manusia dan agensi pusat memainkan peranan penting dalam mewujudkan ekosistem perkhidmatan awam yang holistik. Dalam hubungan ini, pengurusan sumber manusia akan ditambah baik, sementara kapasiti dan keupayaan agensi pusat akan dimantapkan lagi.

Menambah Baik Pengurusan Sumber Manusia

Dalam usaha mencapai kecemerlangan, penjawat awam perlu serba boleh, cekap dan inovatif. Mereka perlu diberi latihan yang secukupnya, berpengetahuan serta memiliki ciri-ciri kepimpinan dan keperibadian yang baik, di samping mempunyai kemahiran dalam membuat keputusan. Walaupun prestasi penjawat awam Malaysia setara dengan sebilangan negara serantau yang lain, namun berbanding dengan negara maju dan aspirasi untuk menjadi sebuah negara yang berpendapatan tinggi, Malaysia perlu melaksanakan beberapa perubahan yang asas. Ini adalah penting dalam mewujudkan perkhidmatan awam yang lebih cekap dan berkesan dalam memenuhi harapan rakyat yang semakin tinggi. Latihan berstruktur, sistem ganjaran yang kompetitif, perancangan penggantian dan laluan kerjaya individu yang jelas akan dapat menarik dan mengekalkan bakat terbaik yang mampu menghadapi masa hadapan yang lebih mencabar.

Modul latihan akan terus ditambah baik bagi memastikan penjawat awam memiliki ciri-ciri kecemerlangan yang diperlukan dalam menguruskan cabaran domestik dan global dengan berkesan. Program latihan ini akan merangkumi aspek membentuk sahsiah diri, memupuk sikap positif, membangunkan kemahiran kepemimpinan serta peningkatan pengetahuan dan pendedahan bagi memastikan penjawat awam kekal relevan dan berdaya saing. Ketersediaan ramai penjawat awam berprestasi tinggi dengan sikap yang positif dan peribadi yang baik serta dilengkapi dengan kemahiran menguasai teknologi canggih adalah penting untuk meningkatkan keseluruhan prestasi perkhidmatan awam. Penerimagunaan teknologi digital akan diperluas bagi memastikan semua penjawat awam celik digital menjelang tahun 2025.

Memperkasa Peranan Agensi Pusat

Peralihan ke arah ekonomi berpendapatan tinggi memerlukan Malaysia untuk memantapkan perkhidmatan awam serta meningkatkan penyampaian perkhidmatan. Dalam hubungan ini, ekosistem yang menyokong kecemerlangan perkhidmatan awam yang merangkumi sumber manusia, sumber kewangan, proses kerja dan penerimagunaan teknologi perlu terus dimantapkan. Kapasiti dan keupayaan agensi pusat, iaitu JPA, Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Kementerian Kewangan (MOF) dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) akan diperkasa untuk menjayakan transformasi dan memastikan penggunaan sumber yang lebih optimum.

Strategi A2

Membentuk Pemimpin Masa Hadapan

Bakat merupakan aset penting bagi sesebuah organisasi. Oleh itu, usaha akan dipergiat untuk membentuk dan mengekalkan bakat terbaik dalam perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, proses mengambil dan mengekalkan bakat terbaik, membentuk pemimpin yang berkualiti, memupuk nilai murni dan etika serta meningkatkan kemahiran akan diberi penekanan.

Menambah Baik Proses Mengambil dan Mengekalkan Bakat

Bakat dalam sektor awam akan dimantapkan dengan menambah baik kaedah pengambilan dan mengekalkan pegawai yang kompeten. Selaras dengan agenda untuk meningkatkan kecekapan sektor awam, sistem pengambilan akan ditambah baik dengan mewujudkan platform gerbang tunggal untuk kemasukan ke dalam perkhidmatan awam. Platform ini akan memadankan profil calon untuk membolehkan penempatan yang paling sesuai. Kaedah penilaian psikologi juga akan dipertingkat dengan memasukkan komponen penilaian integriti dan kompetensi untuk semua skim perkhidmatan. Penilaian ini akan dijalankan sebelum pengambilan dilakukan dan sepanjang tempoh perkhidmatan. Aturan kerja yang lebih fleksibel akan diperkenalkan bagi memberi pilihan kepada individu yang mempunyai kekangan untuk bekerja sepenuh masa di pejabat. Langkah ini akan membantu menarik dan mengekalkan bakat.

Pengenalan sistem aturan kerja yang fleksibel akan menarik minat pelbagai lapisan masyarakat termasuk wanita, ibu atau bapa tunggal dan orang kurang upaya (OKU) untuk menyertai perkhidmatan awam. Aturan kerja fleksibel merangkumi pilihan untuk bekerja separuh masa, bekerja dari rumah atau gabungan kedua-dua kaedah. Pemilihan tempat kerja yang fleksibel membolehkan penjawat awam menyesuaikan waktu bekerja bagi memenuhi keperluan penjawat awam dan agensi. Bagi membolehkan kaedah aturan kerja fleksibel dilaksanakan, kementerian dan agensi akan menyediakan infrastruktur digital yang diperlukan.

Golongan OKU akan diberi keutamaan dalam pengambilan untuk beberapa kategori pekerjaan. Ini adalah selaras dengan dasar kerajaan bagi menyediakan peluang yang lebih adil kepada semua. Dalam hubungan ini, kementerian dan agensi akan menyediakan kemudahan mesra OKU dan deskripsi tugas yang bersesuaian serta pilihan aturan kerja fleksibel bagi menarik bakat daripada kumpulan ini. Di samping itu, peralatan teknologi yang mesra OKU akan juga disediakan.

Sistem *MyPerformance* yang merangkumi mekanisme penilaian 360 darjah[1] akan diperluas ke seluruh sektor awam untuk menambah baik penilaian prestasi penjawat awam, terutama pada peringkat pengurusan dan profesional. Sistem penilaian ini akan menjadi asas untuk kenaikan pangkat serta pelantikan ke beberapa jawatan khusus yang memerlukan kemahiran dan pengalaman dalam bidang kritikal. Sistem ganjaran sedia ada akan dipertingkat bagi menyediakan pakej ganjaran yang lebih baik berdasarkan prestasi yang disesuaikan dengan skim perkhidmatan tertentu. Pelaksanaan kaedah ini akan mengekalkan bakat dan memberi pengiktirafan kepada penjawat awam berprestasi tinggi. Mekanisme dasar pemisah akan ditambah baik untuk menangani isu prestasi rendah dalam perkhidmatan awam dan menggalakkan budaya berprestasi tinggi. Skim saraan juga akan disemak semula supaya lebih mampan.

Membangunkan Pemimpin Berkualiti dalam Perkhidmatan Awam

Penjawat awam berprestasi tinggi adalah prasyarat untuk mencapai kecemerlangan dalam perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, mekanisme pemilihan penjawat awam dengan kemahiran kepimpinan dan keperibadian yang unggul dan cemerlang untuk memimpin kementerian dan agensi akan dimantapkan lagi. Mekanisme pengambilan pegawai pengurusan dan profesional untuk pelbagai skim perkhidmatan akan ditambah baik untuk mendapatkan bakat yang terbaik daripada pelbagai kepakaran serta bagi meningkatkan kecemerlangan perkhidmatan awam. Di samping itu, program pembangunan sedia ada untuk memupuk pemimpin masa hadapan seperti latihan pembangunan profesional lanjutan akan diperkukuh.

Memupuk Nilai dan Etika Cemerlang

Keseimbangan antara nilai murni dan etika cemerlang dengan kemajuan teknologi dalam perkhidmatan awam adalah sangat penting bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan yang berpaksikan rakyat dan cekap. Penjawat awam terutama yang berurusan dengan rakyat perlu sentiasa bersikap adil dan saksama, dipacu oleh nilai murni, beretika serta mampu bertindak dengan pantas. Nilai murni, semangat patriotik dan ketersediaan untuk berkhidmat melebihi jangkaan akan dipupuk di peringkat awal pengambilan dan sepanjang tempoh perkhidmatan.

Pembelajaran dan Pembangunan Bakat yang Berterusan dan Komprehensif

Pembelajaran dan pembangunan bakat yang berterusan dan komprehensif adalah penting untuk melahirkan penjawat awam yang cemerlang dan mampu menyampaikan perkhidmatan dengan cekap dan berkesan. Dalam hubungan ini, HRDP akan ditambah baik untuk melahirkan penjawat awam yang cekap, berdaya tahan, kreatif, berpengetahuan, mahir digital dan inovatif serta berfikiran jauh. Di samping itu, Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia (HRMIS) akan dipertingkat dengan memperkenalkan submodul maklumat bakat yang memaparkan kemahiran dan kepakaran penjawat awam. Melalui sistem ini, kementerian dan agensi akan dapat memilih bakat

[1] Pengesahan daripada pegawai penilai, rakan sejawat dan pegawai bawahan mengenai kepakaran pegawai.

yang bersesuaian bagi menjalankan tugas yang khusus. Pada masa yang sama, HRMIS akan menyediakan peluang kepada penjawat awam untuk mendapat pendedahan serta meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi pembangunan kerjaya.

Pembudayaan digital adalah elemen penting dalam menyokong aspirasi mencapai matlamat Kerajaan Digital. Dalam hubungan ini, budaya digital akan diterapkan dalam peringkat awal kerjaya seorang penjawat awam dan kemahiran menangani perubahan akan diperkenalkan bagi meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan penggunaan perkhidmatan digital. Kejayaan pelaksanaan inisiatif di bawah Pelan Strategik Pendigitalan Sektor Awam 2021-2025 akan menyumbang kepada peningkatan keupayaan dan kompetensi digital penjawat awam.

Peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula akan terus dilaksana dalam memastikan keupayaan penjawat awam adalah seiring dengan perkembangan teknologi. Program latihan akan disesuaikan dengan keupayaan dan kompetensi yang telah dikenal pasti di bawah rangka dasar *Digital Government Competency and Capability Readiness* (DGCCR). Rangka dasar ini mengenal pasti 17 keupayaan pada peringkat organisasi dan lapan kompetensi pada peringkat individu untuk menjayakan penyampaian perkhidmatan digital yang berpaksikan rakyat.

Lebih banyak program akan dilaksana untuk melahirkan pakar dalam bidang khusus seperti perancangan ekonomi, kewangan, hubungan dan rundingan antarabangsa, perolehan serta perancangan dan pengurusan projek. Dalam membangun dan melahirkan pakar dalam bidang khusus, program latihan dan penempatan yang bersesuaian akan disediakan bagi meningkatkan pendedahan dan membolehkan pegawai memperoleh kemahiran teknikal dalam bidang yang berkaitan. Di samping itu, program penempatan silang antara pegawai sektor awam dan swasta akan diperluas untuk memperkasa perkongsian pengetahuan dan membangunkan pakar bidang khusus.

Sektor awam yang terkehadapan adalah sangat penting. Kemampuan untuk mengenal pasti dan meramal trend mega adalah penting bagi perkhidmatan awam merancang dengan lebih baik dan memanfaatkan penggunaan sumber secara optimum, seterusnya menyediakan perkhidmatan yang berkualiti dan cekap kepada rakyat. Latihan yang bersesuaian akan diberikan bagi membolehkan penjawat awam bersedia menghadapi cabaran masa hadapan, terutama dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab baharu yang muncul daripada kemajuan teknologi. Latihan ini akan disediakan kepada semua lapisan penjawat awam yang terdiri daripada pengurusan dan profesional sehingga kumpulan pelaksana. Dalam hubungan ini, semua inisiatif peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula sedia ada oleh pelbagai agensi akan dikawal selia dan dipantau oleh sebuah agensi pusat menggunakan satu platform bersepadu.

Bidang Keutamaan B

Meningkatkan Pendekatan Keseluruhan Kerajaan

Dalam mencapai matlamat Kerajaan berpaksikan rakyat, usaha akan dilaksana untuk memantapkan perkhidmatan awam melalui pendekatan keseluruhan kerajaan. Perkhidmatan awam akan terus dipertingkat dengan menambah baik proses dan sistem. Tumpuan akan diberi untuk menambah baik pentadbiran kerajaan dan kecekapan operasi, meningkatkan keupayaan membuat keputusan dan inovasi serta memperkukuh ekosistem tadbir urus.



Strategi B1

Menambah Baik Pentadbiran Kerajaan dan Kecekapan Operasi

Pendigitalan akan dimanfaatkan sepenuhnya dalam memastikan kecekapan operasi dan menyesuaikan dengan kebiasaan baharu yang muncul daripada Revolusi Perindustrian Keempat (4IR) serta pandemik COVID-19. Dalam mencapai tujuan ini, pentadbiran kerajaan dan struktur institusi akan ditambah baik, penyampaian perkhidmatan awam dipertingkat, kerjasama dan penyelarasan diperkukuh, dan inisiatif pendigitalan diperluas. Pelaksanaan inisiatif ini dijangka meningkatkan ketelusan dan kecekapan serta menambah baik kualiti penyampaian perkhidmatan awam dan kehidupan rakyat.

Menambah Baik Pentadbiran Kerajaan

Penjawat awam merupakan tulang belakang pentadbiran sesebuah negara. Peningkatan permintaan dan harapan rakyat yang kian meningkat terhadap kerajaan yang cekap dan telus memerlukan perubahan radikal dalam perkhidmatan awam. Perubahan ini adalah penting bagi memastikan penjawat awam kekal polos politik, bertanggungjawab dan berkecuali dalam melaksanakan semua tugas bagi mengekalkan kepercayaan rakyat. Bagi mencapai objektif ini, pengasingan kuasa dan tanggungjawab yang jelas antara Anggota Pentadbiran dan penjawat awam adalah perlu. Sehubungan ini, satu akta bagi perkhidmatan awam akan diperkenalkan bagi memastikan semak dan imbang yang lebih berkesan antara kuasa eksekutif, perundangan dan kehakiman.

Menyusun Semula Institusi

Struktur pentadbiran yang mendatar akan mengurangkan birokrasi, menambah baik komunikasi dan menggalakkan budaya berpaksikan rakyat dan berfokuskan pelanggan. Di samping itu, peningkatan pendigitalan proses kerja akan mengurangkan kerenah birokrasi, menjimatkan sumber, meningkatkan akauntabiliti dan ketelusan serta menambah baik penyampaian perkhidmatan awam. Struktur dan fungsi kementerian dan agensi akan dikaji dan disusun semula untuk memastikan sumber digunakan secara optimum dan meningkatkan kecekapan perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, satu jawatankuasa khas untuk menyelaras dan mengelakkan pertindihan struktur dan fungsi antara kementerian dan agensi akan ditubuhkan.

Manakala, *sandbox* perkhidmatan awam akan diperkenalkan bagi meningkatkan inovasi dan menghasilkan penyelesaian bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan awam.

Memupuk Kecekapan dalam Penyampaian Perkhidmatan Awam

Petunjuk prestasi utama (KPI) dalam kalangan Ketua Setiausaha kementerian akan diperkukuh bagi menambah baik keberkesanan pelaksanaan program dan projek serta memastikan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam. Dalam mencapai tadbir urus yang baik, pengurusan organisasi dan pendigitalan perkhidmatan oleh kementerian akan dinilai melalui sistem *Malaysian Government Performance Index* (MyGPI). Di samping itu, indikator dalam SPB-PBT berkaitan pelesenan, kewangan, penguatkuasaan dan aduan akan diperluas bagi menyediakan maklumat utama kepada PBT dalam menambah baik penyampaian perkhidmatan.

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan perubahan yang ketara dalam cara bekerja, mempercepat penerimagunaan teknologi digital dan menggalakkan pelaksanaan aturan kerja yang fleksibel. Hal ini telah memberi peluang kepada penjawat awam untuk meningkatkan produktiviti dan menambah baik keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan. Dalam hubungan ini, dasar dan garis panduan bagi aturan kerja yang fleksibel akan ditambah baik.

Persekitaran kerja yang lebih kondusif akan menyumbang kepada keupayaan untuk mengekalkan penjawat awam, menaikkan semangat bekerja dan membantu mengurangkan kos. Kejayaan dalam melaksanakan budaya aturan kerja yang fleksibel dan cekap bergantung kepada kepercayaan, keberkesanan komunikasi dan senarai tugas yang jelas. Aturan kerja yang fleksibel akan membolehkan penjawat awam menghasilkan kerja yang berkualiti dan meningkatkan produktiviti. Hal ini seterusnya akan menambah baik keseimbangan antara pekerjaan dan kehidupan.

Komunikasi dan penyampaian maklumat dalam perkhidmatan awam dan kepada rakyat akan dipertingkat untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang berkesan. Garis panduan dan arahan yang jelas akan disampaikan dengan berkesan kepada agensi kerajaan dan rakyat, terutama semasa krisis. Penjawat awam juga akan digalakkan untuk membangunkan kaedah penyelesaian yang kreatif bagi menambah baik komunikasi dan penyampaian maklumat yang lebih berkesan.

Memperkukuh Kerjasama dan Penyelarasan dalam Kalangan Pihak Berkepentingan

Kerjasama yang erat antara semua pihak berkepentingan yang terlibat dalam pembangunan sosioekonomi adalah prasyarat bagi memastikan aspirasi negara tercapai, di samping menghapuskan pertindihan dan memastikan keseragaman. Dalam hubungan ini, kerjasama dan penyelarasan antara Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan PBT akan diperkukuh. Kementerian telah diklusterkan kepada empat bidang, iaitu pendidikan dan sosial, ekonomi, keselamatan dan pembangunan infrastruktur. Peneraju kluster akan menyelaras isu-isu antara kementerian dalam bidang masing-masing bagi mengurangkan pertindihan fungsi. Di samping itu, PBT akan digalakkan untuk merakyatkan Agenda 2030 dengan memperluas aktiviti dan program pembangunan mampan. Peluasan ini akan dilaksana melalui pemantapan kerjasama serta penglibatan sektor swasta, pertubuhan masyarakat sivil (CSO) dan masyarakat setempat.

Usaha bersepadu akan dilaksana bagi melibatkan kerajaan-kerajaan negeri dalam memperkemas dan menyelaras semua inisiatif pembangunan program dan projek. Dalam hubungan ini, Arahan No. 1 2020 Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara akan diguna pakai. Kerjasama antara sektor awam dan swasta serta CSO juga akan diperkukuh untuk menggalakkan pendekatan keseluruhan negara.

Memperluas Inisiatif Pendigitalan

Selaras dengan kepentingan pendigitalan, Kerajaan akan menerajui inisiatif untuk memacu pendigitalan dalam sektor awam dan PMKS. Dalam hubungan ini, penubuhan Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara akan memperkukuh struktur tadbir urus digital dan melonjakkan pertumbuhan ekonomi digital. Majlis ini akan menyediakan hala tuju keseluruhan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan berkaitan inisiatif pendigitalan. Kluster kerajaan di bawah Majlis ini bertanggungjawab dalam memacu pendigitalan sektor awam. Di samping itu, perkongsian pintar antara sektor awam dan swasta akan dipertingkat untuk memacu pelaksanaan Rangka Tindakan (*Blueprint*) Ekonomi Digital Malaysia.

Usaha bersepadu memperluas dan memperkukuh penawaran perkhidmatan dalam talian akan diteruskan bagi menyediakan kebolehcapaian dan kemudahan yang lebih baik kepada rakyat. Inisiatif *single sign-on* akan dipercepat untuk menyediakan perkhidmatan dalam talian yang lancar kepada rakyat termasuk melalui platform mudah alih. Di samping itu, sistem pentadbiran tanah sedia ada akan ditambah baik dan diperluas ke negeri-negeri yang belum menerima guna sistem ini. Sistem yang memudahkan perkongsian data spatial juga akan dibangunkan. Selain itu, bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan, aplikasi *chatbot* akan diguna untuk membolehkan interaksi antara pelanggan dan sistem dalam memberi respons masa nyata. *Chatbot* menawarkan peluang baharu untuk menambah baik proses libat urus pelanggan dan meningkatkan kecekapan operasi. Sistem Pengurusan Aduan Awam (SISPAA) juga akan dipertingkat dengan memperkenalkan sistem menyeluruh dan berpusat yang dilengkapi dengan aplikasi *chatbot* dan mudah alih pintar serta pengkomputeran awan.

Dalam usaha membina kepercayaan dan keyakinan dalam kalangan rakyat, perlindungan keselamatan siber akan diperkukuh untuk semua transaksi dalam talian. Di samping itu, projek identiti digital nasional akan diperkenalkan pada awal tahun 2022. Projek ini akan memacu pelaksanaan tadbir urus digital, mempromosikan keterangkuman, mengurangkan kos akses kepada perkhidmatan serta menambah baik penyampaian perkhidmatan kepada rakyat. *Digital footprint* juga akan dipertingkat untuk memastikan integriti, akauntabiliti dan ketelusan tidak terjejas dalam mengakses dan berkongsi dokumen kerajaan secara dalam talian.

PBT akan digalakkan untuk memanfaatkan portal *MyGovernment* sedia ada bagi menambah baik penyampaian perkhidmatan. Portal ini akan membolehkan rakyat mengakses perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan dan PBT melalui platform tunggal. Dalam hubungan ini, PBT perlu menaik taraf infrastruktur digital dan perkhidmatan dalam talian. Agensi di peringkat persekutuan dan negeri akan digalakkan untuk melaksanakan kaedah e-pembayaran. Di samping itu, kesedaran mengenai kepentingan pelaksanaan transaksi tanpa tunai akan dipertingkat bagi mendapatkan kepercayaan rakyat.

Memperkukuh Tadbir Urus Data Terbuka

Perkongsian data akan membawa kesan limpahan kepada ekonomi negara. Dalam usaha memperkukuh tadbir urus data terbuka, rangka dasar tadbir urus data nasional akan dibangunkan untuk mengalakkan perkongsian data antara sektor awam dan swasta. Rangka dasar ini meliputi dasar, garis panduan, perundangan dan pelaburan bagi mendapatkan data dan membolehkan agensi kerajaan mendapat pulangan daripada perkongsian data dengan sektor swasta. Bagi membangunkan rangka dasar ini, piawaian dan amalan terbaik antarabangsa akan diguna pakai. Penerimagunaan *International Open Data Charter* akan memastikan Malaysia mematuhi prinsip keterbukaan, tepat pada masa, komprehensif, boleh diakses dan dibaca oleh mesin, serta saling kendali.

Akta Statistik 1965 sedang dalam semakan untuk memperkasa Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam mengumpul dan menyelaras data daripada sektor awam dan swasta. Semakan semula ini akan memperkukuh sistem statistik negara dan memperkasa DOSM untuk membolehkannya menerbitkan maklumat rasmi yang berkualiti yang akan membantu proses membuat keputusan yang lebih berkualiti. Dalam memastikan integriti dan keyakinan terhadap statistik rasmi yang diterbitkan, sepuluh Prinsip Asas Statistik Rasmi yang ditetapkan oleh *United Nations Statistical Commission* menjadi panduan DOSM.

Dasar Hab Perkhidmatan Awan akan diperkenalkan untuk memastikan ia diterima guna sepenuhnya. Dasar ini akan memperkenalkan proses yang standard, menggabungkan perkhidmatan awan dan menangani isu fragmentasi dalam pengurusan data. Perkhidmatan awan hibrid kerajaan akan dibangunkan melalui penggabungan *MyGovCloud@PDSA* dengan penyedia perkhidmatan awan lain. Ini akan membolehkan teknologi terkini dimanfaatkan dalam menyediakan perkhidmatan awan yang lebih baik untuk sektor awam. Penggunaan storan awan yang disediakan oleh Kerajaan akan diperluas dalam mengakses dan berkongsi dokumen kerajaan melalui *Digital Document Management System*.

Strategi B2

Meningkatkan Keupayaan Membuat Keputusan dan Inovasi

Dalam tempoh RMKe-12, keutamaan akan diberi dalam meningkatkan keupayaan membuat keputusan yang berkualiti dan menggalakkan inovasi bagi memastikan penyampaian perkhidmatan awam dapat memenuhi harapan rakyat. Penggunaan mekanisme baharu dan pendekatan inovatif akan menambah baik kecekapan penyampaian perkhidmatan awam.

Membolehkan Perancangan Keputusan yang Berkualiti

Bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, pendekatan *Behavioural Insights* (BI) akan diperkenalkan bagi penggubalan dan pelaksanaan dasar dengan berkesan. Pendekatan ini akan meningkatkan keberkesanan dasar dan membolehkan pengagihan sumber yang optimum memandangkan rakyat akan didorong untuk mencapai outcome yang ditetapkan. Beberapa kajian perintis sedang dilaksanakan antara lain dalam bidang kesihatan, pendidikan dan alam sekitar. Contoh faedah yang boleh diperoleh daripada penggunaan BI ditunjukkan dalam *Kotak 13-1*.

Penglibatan rakyat dalam proses membuat keputusan akan diperluas dalam memastikan penggubalan dasar yang berkesan dan berimpak tinggi serta memantapkan tadbir urus dengan keterlibatan yang lebih luas. Proses ini akan dilaksana melalui sesi libat urus secara digital dan pendengaran awam. Pendekatan ini akan menanam rasa pemilikan serta menggalakkan akauntabiliti dan perkongsian tanggungjawab dalam membuat keputusan. Input daripada libat urus ini akan memberi maklumat yang berguna mengenai keperluan sebenar dan membolehkan penggubal dasar merangka dasar dan program berimpak tinggi.

Bagi membolehkan keputusan yang lebih berkualiti, dasar akan digubal berpandukan data berdasarkan bukti dan disokong dengan outcome libat urus bersama rakyat. Penggunaan data analitik dalam penggubalan dasar akan mengoptimumkan sumber Kerajaan yang terhad. Perluasan perkhidmatan *Malaysian Government Central Data Exchange* (MyGDX) akan memboleh Kerajaan mengoptimumkan penggunaan data bagi membuat keputusan yang lebih tepat. Dengan ini, rakyat akan menikmati outcome yang lebih baik.

Bagi meningkatkan inklusiviti, sistem penyimpanan data berpusat akan dibangunkan untuk menyelaras maklumat berkaitan program terpilih. Dalam hubungan ini, maklumat berkaitan perkhidmatan yang disediakan oleh kementerian dan agensi seperti program bantuan sosial, TVET dan pra-sekolah akan diselaras dan boleh diakses oleh semua agensi kerajaan. Sistem penyimpanan data berpusat akan menambah baik pelaksanaan dan pemantauan program dan projek serta mengurangkan kesilapan dalam memilih penerima bantuan dan perkhidmatan Kerajaan.

Menggalakkan Inovasi yang Lebih Hebat

Dalam tempoh RMKe-12, rangka tindakan inovasi nasional akan diperkenalkan untuk menyediakan garis panduan dan strategi bagi menggalakkan inovasi. Pekeliling, KPI, prosedur dan proses semasa akan disemak semula bagi menggalakkan inovasi dalam sektor awam. Usaha akan dipergiat bagi menerapkan inovasi sebagai norma dalam sektor awam termasuk menjadikan inovasi sebagai sebahagian daripada KPI untuk semua ketua kementerian, jabatan dan agensi. Pembangunan rangka tindakan inovasi sektor awam akan memastikan keseimbangan antara pendekatan pengurusan dan kemajuan teknologi dalam menggalakkan inovasi.

Kotak 13-1

Penggunaan *Behavioural Insights* (BI) untuk Menambah Baik Kecekapan Perkhidmatan Awam

Dalam tempoh RMKe-12, pendekatan BI akan diterima pakai sebagai pelengkap bagi menambah baik perkhidmatan Kerajaan yang ditawarkan kepada rakyat. BI akan digunakan untuk merangka dan melaksanakan dasar bagi mendorong rakyat membuat keputusan yang lebih baik. BI adalah pendekatan yang inklusif bagi menggubal dasar yang menggabungkan pandangan dari sudut psikologi, sains kognitif dan sains sosial dengan hasil ujian secara empirikal. Ini dilaksanakan untuk mengetahui cara sebenar manusia membuat pilihan. Pendekatan ini membantu pembuat keputusan memahami bagaimana dan mengapa manusia bertindak dan membuat keputusan tertentu. BI telah diterima pakai secara meluas di beberapa negara termasuk Australia, Kanada, Kolumbia, Jerman, India, Singapura, United Kingdom dan Amerika Syarikat. BI dilaksanakan dalam semua bidang termasuk projek berkaitan pendidikan, tenaga, kesihatan, kemiskinan dan alam sekitar.

Sebagai contoh, di Sydney, Australia, jalan raya dan perkhidmatan kereta api mengalami kesesakan pada waktu puncak. Ini telah mendorong kerajaan negeri New South Wales (NSW) untuk mencari jalan penyelesaian bagi mengatasi kesesakan ini. NSW *Behavioural Insights Unit* telah membangunkan pendekatan percubaan melalui kerjasama dua agensi, iaitu *Transport for NSW* dan *Department of Premier and Cabinet* (DPC) dengan menggalakkan pekerja untuk memulakan perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja di luar waktu puncak, iaitu dari pukul 8.15 pagi hingga 9.15 pagi dan 4.45 petang hingga 5.45 petang. Percubaan ini telah berjaya mendorong pekerja untuk menggunakan waktu kerja anjal sedia ada dan telah menyumbang kepada peningkatan sebanyak 8.6% kehadiran pada waktu pagi di luar waktu puncak. Secara keseluruhan, pendekatan ini telah menambah perjalanan sebulan sebanyak 550. Ini berlaku kerana pekerja DPC tidak melakukan perjalanan pergi dan balik dari tempat kerja pada waktu puncak [1].

Penggunaan BI dalam penggubalan dan pelaksanaan dasar akan meningkatkan keberkesanan dasar dan membolehkan pengagihan sumber secara optimum memandangkan rakyat akan didorong ke arah mencapai outcome yang lebih baik. BI merupakan pendekatan kos efektif dan mudah untuk difahami. Pelaksanaan BI telah membuahkan hasil yang memberangsangkan di negara yang telah mengguna pakai dan melabur dalam BI. Penggunaan BI akan menjadi pelengkap kepada proses penggubalan dasar sedia ada dan juga membantu menyumbang kepada perkhidmatan awam yang lebih kos efektif.

Walaupun BI berpotensi tinggi untuk digunakan dalam sektor awam, pelaksanaan ini perlu bermula pada skala kecil dalam bidang khusus yang disasarkan bagi meningkatkan kemahiran, kesedaran dan pemahaman. Perubahan kecil yang dilaksanakan akan memberi kesan penjimatan kos jangka panjang, peningkatan kecekapan dan penambahbaikan penyampaian perkhidmatan. Penggunaan BI dalam sektor awam akan diperkenalkan dalam tempoh RMKe-12 melalui pelaksanaan beberapa inisiatif oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia.



Sumber: *NSW Behavioural Insights Unit, The Behavioural Insights Unit Report (April 2018)*

Strategi B3

Memperkukuh Ekosistem Tadbir Urus

Malaysia komited untuk menerapkan integriti, ketelusan dan keberkecualian dalam sektor awam bagi meningkatkan kepercayaan rakyat. Dalam tempoh RMKe-12, tumpuan akan diberi untuk mendukung integriti, ketelusan dan keberkecualian pada semua peringkat, menambah baik sistem pilihan raya, mendigitalkan sistem kehakiman serta mempertingkat tadbir urus korporat dalam SOE. Kejayaan inisiatif ini adalah penting dalam membangunkan sebuah negara yang bebas rasuah, adil, demokratik dan progresif.

Mendukung Integriti, Ketelusan dan Keberkecualian pada Semua Peringkat

Usaha berterusan untuk mendukung integriti dan membanteras rasuah akan dipertingkat bagi menambah baik kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan awam. Dalam hubungan ini, semua agensi kerajaan akan melaksanakan Pelan Antirasuah Organisasi seperti yang telah digariskan di bawah NACP untuk menangani isu tadbir urus, integriti dan rasuah. Penguatkuasaan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 [Akta 694] akan terus dipertingkat, manakala libat urus melalui perkongsian strategik dengan CSO dan parti politik akan diperkukuh dalam membanteras rasuah. Rang undang-undang baharu berkaitan Ombudsman Malaysia juga akan diperkenalkan bagi meningkatkan integriti dan tadbir urus institusi awam.

Penggunaan standard ABMS akan dipergiat bagi mengurangkan risiko rasuah dan meningkatkan kepercayaan dalam kalangan pihak berkepentingan. Standard ini akan meningkatkan pematuhan piawaian yang diiktiraf pada peringkat antarabangsa dan amalan terbaik antirasuah. Tambahan pula, dalam menggalakkan integriti dan memelihara kedaulatan negara, penjawat awam dikehendaki menjaga kerahsiaan dalam menangani dokumen rahsia dan penyebaran maklumat serta berpegang pada aku janji di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972. Indeks Tadbir Urus Malaysia akan diperkenalkan bagi mengukur prestasi tadbir urus negara serta memberi penekanan kepada pelaksanaan tadbir urus yang baik dalam institusi awam. Semua usaha ini akan meningkatkan persepsi baik rakyat terhadap Kerajaan dan seterusnya menambah baik kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI).

Menambah Baik Sistem Pilihan Raya

Suruhanjaya Pilihan Raya akan diperkukuh bagi memastikan proses pengundian yang adil, bebas dan telus. Peraturan, prosedur dan proses juga akan disemak semula dan ditambah baik bagi memastikan kebebasan dan ketelusan sistem pilihan raya. Pendigitalan pengurusan pilihan raya juga akan dimantapkan melalui pengintegrasian sistem yang lebih sistematik dan pembangunan aplikasi baharu. Melalui usaha ini, pelaksanaan kelayakan umur pengundi 18 tahun dan pendaftaran pemilih secara automatik akan dapat dilaksana dengan cekap dan berkesan.

Mendigitalkan Sistem dan Proses Informasi Pengurusan Kehakiman

Sistem dan proses pengurusan maklumat di semua mahkamah akan didigitalkan untuk menyediakan perkhidmatan perundangan dan kehakiman yang telus, cekap dan berkesan. Pelaksanaan ini akan menambah baik saling kendali, menyediakan penyelesaian secara peringkat awal ke akhir dan melancarkan lagi prosedur di mahkamah. Di samping itu, penggunaan AI akan membantu hakim dan majistret dalam membuat keputusan bagi perbicaraan kes jenayah.

Badan Kehakiman Malaysia telah memulakan beberapa projek perintis untuk menilai kecekapan pendengaran kes secara dalam talian semasa Perintah Kawalan Pergerakan dilaksanakan. Projek perintis ini telah menerima banyak respons positif. Memandangkan kejayaan projek ini dalam melancarkan lagi pendengaran kes, Akta Mahkamah Kehakiman 1964, Akta Mahkamah Rendah 1948, Akta Peraturan Mahkamah Rendah 1955, Peraturan Mahkamah Persekutuan 1995, Peraturan Mahkamah Rayuan 1994 dan Peraturan Mahkamah 2012 akan dikaji semula dan dipinda. Pindaan akta-akta ini akan mempercepat kadar pengendalian kes dan mengurangkan perbelanjaan Kerajaan.

Mempertingkat Tadbir Urus dalam Syarikat Milik Kerajaan dan Badan Berkanun

Rangka kerja undang-undang, dasar dan proses dalam mengurus SOE termasuk GLC, syarikat pelaburan berkaitan kerajaan dan badan berkanun akan dikaji semula bagi meminimumkan pendedahan Kerajaan kepada risiko dan meningkatkan ketelusan. Dalam hubungan ini, proses pelantikan ahli lembaga pengarah yang lebih ketat akan dilaksana berdasarkan kepada merit, integriti serta kemahiran teknikal, kewangan dan tadbir urus korporat bagi meningkatkan prestasi organisasi dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Bidang Keutamaan C

Memantapkan Pengurusan Belanjawan dan Projek

Rangka dasar belanjawan yang teratur serta pengurusan dan pelaksanaan projek yang cekap merupakan elemen penting dalam mencapai keberhasilan yang dikehendaki. Dalam tempoh RMKe-12, usaha akan dilaksana untuk mengkaji semula proses belanjawan serta menambah baik keberkesanan pelaksanaan projek. Pelaksanaan inisiatif ini akan meningkatkan pengurusan kewangan awam yang berhemat dan penyampaian outcome pembangunan yang cekap.



Strategi C1

Mengkaji Semula Rangka dan Proses Belanjawan

Rangka dasar dan proses belanjawan akan diperkukuh dalam memastikan tadbir urus yang baik, telus, cekap dan berkesan. Tumpuan akan diberikan kepada usaha mempertingkat ketelusan belanjawan dan menjajarkan keutamaan peruntukan antara pelbagai sektor, memperkenalkan mekanisme gerbang nilai, menyemak semula rangka perundangan perolehan kerajaan dan menambah baik dasar dan tadbir urus PPP. Inisiatif ini akan menyumbang kepada usaha dalam memperkukuh pengurusan fiskal dan meningkatkan integriti dalam sektor awam.

Meningkatkan Ketelusan Belanjawan dan Menjajarkan Keutamaan

Ketelusan belanjawan akan ditambah baik selaras dengan amalan terbaik dan standard antarabangsa bagi mengurangkan ketirisan serta memastikan perbelanjaan awam berhemat. Penyata Pra-Bajet dan Laporan Semakan Setengah Tahun akan diterbitkan untuk menambah baik ketelusan belanjawan. Penerbitan dokumen ini akan menyediakan maklumat terperinci kepada rakyat mengenai unjuran makroekonomi dan kedudukan fiskal negara. Langkah ini dijangka meningkatkan skor Malaysia di dalam *Open Budget Index*.

Peruntukan Kerajaan akan memberi keutamaan kepada projek berimpak tinggi yang boleh menjana kesan pengganda kepada ekonomi. Sekurang-kurangnya 50% daripada peruntukan akan diperuntukkan kepada enam negeri yang kurang membangun, iaitu Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis untuk memastikan pertumbuhan wilayah yang lebih seimbang serta mengurangkan jurang pembangunan. Sebahagian besar peruntukan akan disalur untuk meningkatkan ketersambungan dan akses yang lebih baik kepada infrastruktur asas, ameniti dan perkhidmatan.

Satu pelan hala tuju baharu berserta pelan tindakan akan dirangka untuk menambah baik pengurusan dan penyelenggaraan infrastruktur dan fasiliti kerajaan. Amalan penyelenggaraan yang baik akan menurunkan kos, mengurangkan masa henti dan memanjangkan jangka hayat aset dalam jangka masa panjang. Dalam hubungan ini, Unit Pengurusan Fasiliti sedia ada di JKR akan diperkukuh untuk menyelaras penyelenggaraan merentas kementerian dan agensi serta memastikan pematuhan kepada piawaian penyelenggaraan aset. Selain itu, peruntukan penyelenggaraan jalan, bangunan dan aset kerajaan lain akan diberi lebih keutamaan. Kontraktor kecil akan diberi peluang yang lebih besar dalam melaksanakan projek penyelenggaraan.

Memperkenalkan Akta Tanggungjawab Fiskal

Kerajaan komited dalam memastikan pengurusan kewangan awam yang bertanggungjawab dan mampan. Sehubungan itu, Akta Tanggungjawab Fiskal (FRA) akan diperkenalkan dalam RMKe-12 bagi meningkatkan disiplin fiskal serta memperkukuh tadbir urus dan ketelusan fiskal. Undang-undang berkaitan tanggungjawab fiskal seperti ini telah pun dilaksanakan di beberapa negara termasuk Australia, Brazil, Thailand, dan United Kingdom. Melalui FRA, prinsip dan amalan terbaik pengurusan fiskal akan diinstitusikan, terutama dalam menguruskan risiko fiskal, menetapkan peraturan fiskal dan memastikan pengurusan hutang awam yang berhemat.

Memperkenalkan Gerbang Nilai

Pengurusan nilai akan ditambah baik dengan memperkenalkan mekanisme gerbang nilai. Mekanisme ini akan membolehkan penilaian awal yang lebih baik dilaksana ke atas cadangan projek pembangunan baharu sebelum diluluskan serta menentusahkan daya maju, ketersediaan dan nilai terbaik untuk wang. Dalam hubungan ini, garis panduan pelaksanaan akan disedia dan dijadikan sebagai prasyarat kepada kementerian, jabatan dan agensi pelaksana dalam mengemukakan permohonan projek pembangunan. Mekanisme ini akan mempercepat pelaksanaan projek dan menambah baik penyampaian perkhidmatan awam.

Membangunkan Rangka Perundangan dalam Perolehan Kerajaan

Rangka perundangan akan dibangunkan untuk menambah baik tadbir urus, ketelusan, kecekapan dan keberkesanan perolehan kerajaan. Di bawah rangka ini, satu badan kawal selia bebas akan ditubuhkan untuk memastikan pematuhan dan pemantauan yang teratur bagi perolehan kerajaan. Sistem perolehan dalam talian yang menyeluruh bagi projek fizikal akan dibangunkan, manakala sistem eP sedia ada untuk bekalan dan perkhidmatan akan ditambah baik. Di samping itu, mekanisme untuk menguruskan aduan akan diwujudkan bagi menyelesaikan perkara-perkara yang dibangkitkan berkaitan perolehan. Langkah ini akan meningkatkan kecekapan dan mampu memerangi rasuah dengan mengurangkan campur tangan dalam proses perolehan.

Menambah Baik Dasar dan Tadbir Urus Kerjasama Awam Swasta

Kerajaan akan terus menggalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan negara melalui pendekatan PPP. Dalam hal ini, rangka dasar PPP akan ditambah baik bagi memastikan kecekapan dan ketelusan dalam pelaksanaan projek. Rangka tindakan PPP yang baharu akan diperkenalkan untuk menggantikan Pelan Induk Penswastaan 1991 sedia ada. Rangka tindakan ini akan menyediakan satu rangka dasar PPP yang menyeluruh yang merangkumi penambahbaikan model pelaksanaan dan pembiayaan. Terma rujukan juga akan ditambah baik untuk memastikan perkongsian risiko yang lebih adil yang memberi manfaat kepada sektor awam dan swasta. Pendekatan inklusif ini akan memantapkan kemampanan kewangan, menjamin daya maju komersial, mengukuhkan tadbir urus baik, dan menerima pakai amalan terbaik antarabangsa.

Strategi C2

Menambah Baik Keberkesanan Pelaksanaan Projek

Dalam tempoh RMKe-12, penekanan akan diberi bagi menambah baik keberkesanan pelaksanaan projek untuk menghasilkan outcome terbaik kepada rakyat. Mekanisme penyampaian projek dan sistem pemantauan projek akan diperkemas untuk memastikan pelaksanaan mengikut jadual dengan nilai untuk wang serta memenuhi outcome yang diingini.

Mempertingkat Mekanisme Penyampaian Projek


Keberkesanan projek pembangunan sebagai instrumen untuk menggalakkan pembangunan sosioekonomi akan dipertingkat melalui semakan semula rangka dasar kawal selia dan mekanisme penyampaian. Kementerian dan agensi pelaksana akan diwajibkan untuk menyediakan laporan penilaian projek yang telah disempurnakan. Tindakan undang-undang dan secara pentadbiran akan diambil terhadap pegawai pengawal yang tidak melaksanakan projek mengikut skop yang telah ditetapkan. Melalui pelaksanaan mekanisme ini, isu seperti ketidakpatuhan, salah laku dan ketidakcekapan dalam pengurusan projek dapat dikesan awal dan langkah pencegahan dapat dilaksanakan.

Memperkukuh MyProjek

MyProjek akan diperkukuh untuk memudahkan perancangan, pemantauan serta penilaian program dan projek pembangunan. Modul permohonan projek akan diubah suai untuk membolehkan kerajaan negeri mengemukakan cadangan projek secara terus kepada kementerian. Penambahbaikan ini akan membolehkan agensi pusat menjajarkan keutamaan kementerian dengan keutamaan kerajaan negeri. MyProjek juga akan diintegrasikan dengan sistem lain untuk menyediakan data yang komprehensif dan pada masa nyata bagi tujuan perancangan dan pemantauan. Sistem yang dikenal pasti untuk diintegrasikan adalah Sistem Kawal dan Lapor (SKALA), PSC, Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan (iGFMAS) dan sistem *MyResults* serta Sistem Pengurusan Maklumat Berpusat (CIMS).

Kesimpulan

RMKe-11 memberi tumpuan kepada usaha-usaha meningkatkan kecekapan dan produktiviti sektor awam melalui pendekatan keseluruhan kerajaan dengan memberi penekanan kepada integriti dan ketelusan. Kemajuan telah dicapai dalam menambah baik tadbir urus, meningkatkan integriti dan akauntabiliti, menjadikan pengurusan kewangan awam lebih berhemat serta mengukuhkan penyampaian perkhidmatan awam. Di sebalik kemajuan ini, sektor awam terus menghadapi cabaran berkaitan dengan pembangunan bakat, ekosistem tadbir urus dan pengurusan projek. Dalam tempoh RMKe-12, beberapa pembaharuan dalam sektor awam akan dilaksana untuk menambah baik penyampaian perkhidmatan. Pembaharuan ini termasuk melahirkan penjawat awam yang berprestasi tinggi, meningkatkan pelaksanaan pendekatan keseluruhan kerajaan serta memantapkan pengurusan belanjawan dan projek. Sektor awam yang lebih kukuh akan mewujudkan jentera kerajaan yang lebih berkesan, bertanggungjawab dan cekap dalam memenuhi harapan rakyat yang kian meningkat. Pengukuhan sektor awam akan menyokong pencapaian objektif RMKe-12, iaitu kemakmuran, inklusiviti dan kemampanan.



Kesimpulan

RMKe-12 berpaksikan transformasi dan dirangka berasaskan hakikat bahawa negara perlu bangkit daripada pandemik COVID-19 dengan lebih mampan. RMKe-12 menyasarkan untuk Malaysia terus memanfaatkan peluang pertumbuhan ekonomi yang berteraskan kualiti, daya tahan dan kemampanan.

Penyediaan RMKe-12 merupakan satu proses yang mencabar berikutan beberapa kekangan yang dihadapi termasuk kesan pandemik COVID-19, keadaan geopolitik dan ekonomi global yang tidak menentu. Perubahan landskap ekonomi global, persaingan pada peringkat serantau dan global yang semakin sengit, peningkatan golongan menengah dan pandemik COVID-19 menyebabkan rakyat kini menuntut perubahan yang ketara dalam dasar dan rancangan pembangunan negara. Dalam menghadapi cabaran ini, Malaysia perlu melaksanakan beberapa transformasi untuk mencapai kemakmuran, inklusiviti dan kemampanan bagi meletakkan negara di atas landasan yang lebih kukuh untuk menangani cabaran-cabaran masa hadapan.

RMKe-12 telah dirangka berdasarkan asas kukuh yang dibina sejak pelaksanaan pelan pembangunan negara yang pertama serta mengambil kira pengalaman sepanjang lima dekad yang lepas. RMKe-12 adalah bahagian pertama WKB 2030. Ia menyasarkan Malaysia yang bersatu, makmur dan bermaruah. Berdasarkan objektif untuk mencapai Malaysia yang **Makmur, Inklusif dan Mampan** berlandaskan semangat Keluarga Malaysia, RMKe-12 memperkenalkan beberapa langkah yang akan membolehkan negara menjana semula pertumbuhan ekonomi berikutan cabaran pandemik COVID-19 serta keperluan untuk membina ekonomi yang lebih berdaya tahan. RMKe-12 ini bertujuan mencapai pertumbuhan yang inklusif untuk semua rakyat merentas wilayah dan negeri, dan pada masa yang sama memastikan pertumbuhan tidak mengabaikan alam sekitar. Langkah untuk membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkukuh perkhidmatan awam adalah pemangkin yang penting untuk merealisasikan aspirasi jangka panjang negara.

RMKe-12 telah mengambil pendekatan keseluruhan negara. Sesi libat urus yang meluas telah dilaksanakan dengan semua kementerian, agensi, sektor swasta dan persatuan masyarakat sivil. Kerajaan juga telah mengadakan libat urus dengan organisasi antarabangsa seperti Bank Dunia untuk memastikan agenda pembangunan ini diselaraskan dengan amalan terbaik pada peringkat global. Pendekatan ini adalah untuk memastikan input yang diterima komprehensif dan selaras dengan hasrat mengutamakan keperluan rakyat, di samping membolehkan Malaysia terus mencapai kemajuan dalam suasana ekonomi global yang semakin kompetitif.

RMKe-12 mengandungi tiga tema, empat pemangkin dasar dan 14 pemacu perubahan. Tema, pemangkin dasar dan pemacu perubahan ini merupakan idea baharu dan inovatif bertujuan mencetus anjakan pemikiran dan mengubah dengan ketara pendekatan dalam membangunkan negara. Pelaksanaan Rancangan ini akan dikaji semula secara berkala sepanjang tempoh lima tahun, mengambil kira perubahan yang pesat dan dinamik dalam persekitaran domestik dan global.

Tema pertama iaitu **Menjana Semula Ekonomi** bertujuan untuk mengembalikan momentum pertumbuhan dalam semua sektor serta mempercepat pembangunan industri berpotensi tinggi. Sektor perkhidmatan, pembuatan, pertanian, perlombongan dan pembinaan akan dipulih semula dengan menggalakkan sektor ini beralih ke rantaian yang lebih tinggi melalui penerimagunaan teknologi 4IR, pendigitalan dan ekonomi hijau. Langkah ini akan melonjakkan kualiti, produktiviti dan daya saing. Industri elektrik dan elektronik, perkhidmatan global, aeroangkasa, kreatif, pelancongan, halal dan biojisim serta aktiviti pertanian pintar akan diperkukuh sebagai sumber pertumbuhan baharu. Dalam tempoh RMKe-12, langkah-langkah akan diperkenalkan untuk menyokong semua industri beralih ke rantaian yang lebih tinggi.

Dengan mengambil kira kepentingan sumbangan PMKS kepada ekonomi Malaysia, pendigitalan PMKS akan diberi perhatian khusus untuk meningkatkan daya saing dan daya tahan mereka. Ekosistem yang kondusif dan holistik untuk menyokong usahawan dan perusahaan serta peningkatan

akses pasaran dan peluang perdagangan antarabangsa akan membolehkan lebih banyak PMKS menjadi pemain global yang berorientasikan eksport yang dipacu oleh inovasi.

Tema kedua memberi tumpuan kepada peranan Kerajaan dalam **Memperkukuh Keselamatan, Kesejahteraan dan Keterangkuman rakyat**. Antara keutamaan dalam memelihara keselamatan dan kedaulatan negara adalah pengukuhan pertahanan dan keselamatan, pencegahan jenayah dan kesiapsiagaan menghadapi kecemasan. Penekanan akan diberi untuk melaksanakan pelan tindakan yang menyeluruh untuk meningkatkan keselamatan di sempadan, memperkenalkan dasar baharu untuk industri pertahanan dan keselamatan serta memperluas penggunaan teknologi termaju dalam membanteras jenayah. Kejayaan melaksanakan inisiatif ini akan mewujudkan persekitaran yang lebih kondusif bagi aktiviti ekonomi dan kehidupan yang selamat.

Pandemik COVID-19 telah menunjukkan betapa pentingnya penyampaian perkhidmatan kesihatan yang cekap untuk melindungi kesihatan dan kesejahteraan rakyat. Sehubungan ini, keutamaan akan diberi untuk mengukuhkan kesiapsiagaan penjagaan kesihatan bagi penyakit berjangkit. Dalam menyokong inisiatif ini, pelan induk pengurusan kemudahan dan tenaga kerja penjagaan kesihatan akan dibangunkan dan Pusat Kawalan Penyakit dan Hospital Penyakit Berjangkit Kebangsaan akan dibina. Sistem penjagaan kesihatan akan diperkukuh dengan mengamalkan pendekatan keseluruhan negara, mengoptimum sumber, mereka bentuk semula dan mendigital perkhidmatan penjagaan kesihatan serta memperkenal model pembiayaan kesihatan yang lebih mampan bagi menggalakkan rakyat sihat dan produktif. Lebih banyak rumah berkualiti dan mampu milik akan dibina. Sukan akan dimanfaatkan sebagai wadah bagi membangunkan sebuah negara dengan rakyat yang aktif dan bersatu padu. Kepelbagaian Malaysia dan nilai-nilai murni akan juga dimanfaatkan untuk memperkukuh perpaduan bagi membina negara yang makmur dan harmoni.

Bagi memastikan rakyat dapat menikmati hasil pertumbuhan ekonomi, usaha-usaha mengurangkan kemiskinan dan membasmi kemiskinan tegar akan terus diberi keutamaan. Sehubungan itu, inisiatif akan dilaksana bagi meningkatkan taraf hidup rakyat melalui program khusus dan bersasar tanpa mengira jantina, etnik, status sosioekonomi dan lokasi. Langkah ini termasuk menubuhkan unit khusus menangani kemiskinan pada peringkat Persekutuan dan daerah serta memperkenalkan kaedah pembasmian kemiskinan berdasarkan penyelesaian daripada akar umbi. Pembangunan sosioekonomi Bumiputera akan terus diberi keutamaan sebagai agenda nasional. Tumpuan akan diberi kepada usaha memantapkan pembangunan modal insan, memperkukuh daya tahan perniagaan dan penciptaan kekayaan serta meningkatkan pemilikan ekuiti korporat Bumiputera yang mampan.

Usaha yang bersepadu akan dilaksana untuk mengurangkan dengan lebih cepat jurang pembangunan di antara luar bandar dan bandar. Dalam mengagihkan peruntukan Kerajaan Persekutuan, tumpuan khusus akan diberi kepada Sabah, Sarawak dan negeri kurang membangun yang lain untuk menambah baik keterangkuman wilayah. Penyediaan infrastruktur dan ketersambungan yang lebih baik, peningkatan akses kepada perkhidmatan sosial serta pemantapan pertahanan, keselamatan dan ketenteraman awam akan menyumbang kepada kedudukan sosioekonomi rakyat yang lebih baik.

Tema ketiga iaitu **Melonjakkan Kemampanan**, akan menumpu kepada usaha mempercepat pertumbuhan hijau melalui pendekatan keseluruhan negara dengan memanfaatkan teknologi hijau serta amalan penggunaan dan pengeluaran mampan, di samping memastikan perlindungan alam sekitar, menangani perubahan iklim dan memulihara sumber asli untuk generasi akan datang. Peralihan kepada ekonomi kitaran akan membolehkan anjakan sistemik bagi menjana lebih banyak peluang perniagaan dan pelaburan hijau yang bertanggungjawab dan mampan, mewujudkan peluang ekonomi baharu dan memperluas pasaran hijau. Bagi memastikan akses yang berterusan dan kos tenaga yang berpatutan, sektor tenaga akan diurus dengan lebih cekap melalui penggubalan dasar yang komprehensif. Langkah

ini akan memastikan pengurusan tenaga yang berhemat untuk menyokong pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan kesejahteraan rakyat.

Bagi sektor air, agenda Transformasi Sektor Air 2040 akan diperkenalkan dalam RMKe-12 untuk mentransformasi sektor ini daripada pemboleh daya ekonomi kepada penjana pertumbuhan yang dinamik. Langkah mempergiat penerimagunaan pengurusan sumber air bersepadu (IWRM) merupakan fasa permulaan kepada agenda transformasi sektor air. Rakyat akan diperkasa untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam memacu transformasi sektor ini. Dengan terlaksananya agenda ini, rakyat akan menikmati bekalan air yang berdaya harap, selamat dan terjamin di samping memastikan sumber semula jadi dipelihara, dipulihara serta digunakan secara mampan bagi generasi masa kini dan masa hadapan.

Tiga tema RMKe-12 disokong oleh empat pemangkin dasar iaitu **membangunkan bakat masa hadapan, mempercepat penerimagunaan teknologi dan inovasi, menambah baik ketersambungan dan infrastruktur pengangkutan serta memperkukuh perkhidmatan awam**. Berikutan permintaan terhadap bakat berkemahiran tinggi serta celik teknologi dan digital yang semakin meningkat, sistem pendidikan negara akan terus ditambah baik dengan mempertingkat pendidikan digital serta memperkukuh ekosistem pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET). Pelaksanaan inisiatif ini akan menghasilkan lebih ramai bakat tersedia masa hadapan, menambah baik pampasan pekerja dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Penerimagunaan teknologi termaju dan inovasi perlu dipercepat memandangkan ekonomi digital berasaskan teknologi tinggi merupakan pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi. Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU) yang baru ditubuhkan akan memainkan peranan penting untuk mempergiat pelaburan dalam R&D&C&I. Keutamaan akan diberi untuk mengkomersialkan penyelidikan bernilai tinggi serta memanfaatkan teknologi baru muncul, di samping membangunkan bakat dan kemahiran yang diperlukan untuk ekonomi digital dan penerimagunaan teknologi 4IR. Keterangkuman pendigitalan akan diperluas dengan membekalkan peranti digital dan menjadikan perkhidmatan telekomunikasi sebagai utiliti awam.

Seiring dengan perkembangan ekonomi, peningkatan kecekapan dan daya harap perkhidmatan pengangkutan dan logistik adalah penting dalam memenuhi permintaan yang semakin meningkat. RMKe-12 meletakkan matlamat untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan pengangkutan dan logistik. Matlamat ini akan dicapai melalui inisiatif untuk mengintegrasi jaringan kereta api dan jalan raya bagi menyediakan ketersambungan yang lebih baik antara lapangan terbang, pelabuhan, kawasan perindustrian dan bandar. Selain itu, kapasiti infrastruktur dan perkhidmatan pelabuhan akan ditingkatkan dan kaedah pergerakan kargo pelbagai mod menggunakan pembekal perkhidmatan bersepadu akan diguna pakai. Penyediaan pengangkutan awam akan juga dipertingkat bagi memastikan rakyat mendapat akses yang lebih baik kepada perkhidmatan dan ketersambungan yang lancar.

Sektor awam memainkan peranan yang penting dalam menyokong kesemua tiga tema dan pemacu perubahan. Sektor awam yang cekap dan telus akan memastikan penyampaian perkhidmatan awam yang berkesan kepada rakyat. Dalam hubungan ini, perkhidmatan awam akan dimantapkan dengan menambah baik mekanisme pemilihan pegawai baharu dan pegawai pengurusan tertinggi. Pendigitalan dalam perkhidmatan awam akan dipergiat dengan menyediakan infrastruktur yang mencukupi. Kerjasama dan penyelarasan akan dipertingkat untuk memantapkan perkhidmatan awam, mengelakkan pertindihan peranan dan menggunakan sumber secara optimum. Akta Perkhidmatan Awam akan diperkenalkan bagi memastikan pengasingan peranan yang lebih jelas antara Anggota Pentadbiran dan penjawat awam. Ini akan meningkatkan integriti, akauntabiliti dan ketelusan serta menambah baik penyampaian perkhidmatan awam.

RMKe-12 secara jelas menggariskan beberapa strategi dan inisiatif untuk mewujudkan ekosistem yang kondusif bagi perniagaan dan individu untuk terlibat dalam era 4IR dan mendapatkan manfaat daripadanya. Malaysia perlu mengadaptasi perubahan yang dibawa oleh 4IR bagi

memastikan ekonomi negara kekal kompetitif untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Di samping itu, peranan sektor swasta sebagai enjin pertumbuhan ekonomi akan diperkukuh bagi memastikan pembangunan yang lebih menyeluruh dan mampan. Undang-undang dan peraturan akan dikaji semula untuk mengurangkan karenah birokrasi di peringkat kerajaan Persekutuan dan negeri serta peringkat pihak berkuasa tempatan bagi menggalakkan pertumbuhan sektor swasta yang lebih kukuh. Kerajaan komited untuk meningkatkan lagi kerjasama antara sektor awam dan swasta bagi memastikan sasaran RMKe-12 dapat direalisasi.

RMKe-12 akan meletakkan asas dalam memulihkan ekonomi negara dan seterusnya menjadikan Malaysia negara berteknologi dan berpendapatan tinggi pada penghujung dekad ini. Pelaksanaan RMKe-12 mengandungi beberapa matlamat termasuk:

- menjana semula ekonomi;
- membasmi kemiskinan tegar tanpa mengira etnik;
- memperkukuh pertahanan dan keselamatan negara;
- memperkukuh perpaduan untuk pembentukan negara bangsa;
- meningkatkan kebersamaan dan peranan anak muda dalam pembangunan ekonomi;
- mengurangkan ketidakseimbangan wilayah, khususnya di antara Sabah, Sarawak dan Semenanjung Malaysia;
- memperkukuh pembangunan sosioekonomi Bumiputera sebagai agenda nasional;
- mempercepat pertumbuhan ekonomi digital;
- memperkukuh sistem penjagaan kesihatan bagi menangani krisis kesihatan pada masa hadapan;
- mentransformasi sektor air;
- menangani perubahan iklim dan beralih kepada ekonomi kitaran;
- mentransformasi ekosistem TVET dan menerima guna standard antarabangsa;
- membangunkan bakat yang berkaliber dan berkemahiran tinggi untuk melonjakkan pertumbuhan produktiviti; dan
- mentransformasi perkhidmatan awam.

Kerajaan komited untuk mentransformasi ekonomi Malaysia dalam tempoh lima tahun akan datang, seperti yang digariskan dalam 14 pemacu perubahan. Bilangan pemacu perubahan RMKe-12 adalah yang terbanyak berbanding dengan Rancangan Malaysia sebelum ini yang merangkumi setiap tema dan teras dasar secara komprehensif. Matlamatnya adalah untuk mentransformasi kaedah pelaksanaan bagi mencapai impak yang besar dan cepat.

Dalam melaksanakan RMKe-12 ini, Kerajaan bertekad untuk mengatasi masalah pelaksanaan yang akan dihadapi secara tuntas dan telus. Penyediaan RMKe-12 mengambil kira pengalaman lepas termasuk kejayaan yang telah dicapai dan kekurangan serta amalan terbaik antarabangsa. Pengalaman ini akan diambil kira dalam merangka kaedah pelaksanaan supaya transformasi sebenar akan tercapai. Kepimpinan kolektif negara ini adalah komited untuk memastikan RMKe-12 dilaksanakan dengan jayanya. Pelaksanaan RMKe-12 akan mengambil kira semua aspek secara menyeluruh selaras dengan pendekatan keseluruhan negara.

Pelaksanaan inisiatif dan langkah di bawah tiga tema dan empat pemangkin dasar akan memacu Malaysia mencapai hasratnya menjadi sebuah negara yang makmur, inklusif dan mampan. Setiap rakyat Malaysia perlu bersama-sama membina masa hadapan yang lebih baik dengan kemakmuran yang boleh dinikmati oleh semua.

Lampiran

Lampiran

Jadual

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2015-2025 (pada harga semasa)

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

Keluaran Dalam Negeri Kasar Berdasarkan Pendapatan, 2015-2025 (pada harga semasa)

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

Barangan Dagangan, 2015-2025

Imbangan Pembayaran, 2015-2025

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2015-2025

Produktiviti Buruh mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2015-2025

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah mengikut Etnik, Strata dan Negeri, 2009-2019

Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Etnik, Strata dan Negeri, 2009-2019

Penduduk mengikut Umur, Etnik dan Strata, 2015-2025

Tenaga Buruh, Guna Tenaga dan Pewujudan Pekerjaan, 2015-2025

Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama, 2015-2025

Guna Tenaga mengikut Kategori Kemahiran, 2015-2025

Enrolmen Murid di Institusi Pendidikan, 2015-2020

Kemasukan Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2020

Enrolmen Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2020

Keluaran Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2020

Carta

Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Strata dan Etnik, 2016 dan 2019

Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Negeri, 2016 dan 2019

Glosari

Indeks

Jadual 1

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Perbelanjaan Swasta	**833,249**	**879,237**	**944,296**	**1,011,397**	**1,074,788**	**1,010,086**	**1,314,667**	***3.9***	***5.4***
Penggunaan	635,099	672,260	718,702	776,054	835,711	799,447	1,060,487	*4.7*	*5.8*
Pelaburan	198,150	206,977	225,594	235,343	239,077	210,639	254,180	*1.2*	*3.8*
Perbelanjaan Awam	**260,295**	**260,853**	**269,949**	**270,279**	**262,584**	**250,334**	**295,732**	***-0.8***	***3.4***
Penggunaan	154,021	155,640	164,450	170,030	173,080	179,913	215,514	*3.2*	*3.7*
Pelaburan	106,274	105,213	105,499	100,249	89,504	70,421	80,218	*-7.9*	*2.6*
Eksport Bersih	**88,592**	**88,925**	**85,493**	**90,768**	**100,925**	**87,806**	**102,628**	***-0.2***	***3.1***
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	817,370	828,155	900,064	917,462	907,877	827,086	1,098,231	*0.2*	*5.8*
Import Barangan dan Perkhidmatan	728,778	739,230	814,571	826,694	806,952	739,280	995,603	*0.3*	*6.1*
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**1,176,941**	**1,229,312**	**1,300,769**	**1,363,766**	**1,424,310**	**1,343,880**	**1,712,921**	***2.7***	***4.5 ~ 5.5***

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 2

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Kategori Perbelanjaan, 2015-2025 (pada harga semasa)

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Perbelanjaan Swasta	**833,249**	**896,206**	**994,666**	**1,077,207**	**1,156,730**	**1,083,996**	**1,598,578**	***5.4***	***8.1***
Penggunaan	635,099	684,681	760,146	831,388	904,158	861,758	1,308,310	*6.3*	*8.7*
Pelaburan	198,150	211,525	234,520	245,819	252,572	222,238	290,268	*2.3*	*5.5*
Perbelanjaan Awam	**260,295**	**264,393**	**276,742**	**277,835**	**271,160**	**258,363**	**316,324**	***-0.1***	***4.1***
Penggunaan	154,021	157,023	167,320	173,289	176,710	184,043	228,147	*3.6*	*4.4*
Pelaburan	106,274	107,370	109,422	104,546	94,450	74,320	88,177	*-6.9*	*3.5*
Eksport Bersih	**88,592**	**83,128**	**94,254**	**97,106**	**113,863**	**91,261**	**106,495**	***0.6***	***3.1***
Eksport Barangan dan Perkhidmatan	817,370	834,491	960,778	992,511	987,481	870,272	1,192,185	*1.3*	*6.5*
Import Barangan dan Perkhidmatan	728,778	751,363	866,524	895,405	873,618	779,011	1,085,690	*1.3*	*6.9*
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**1,176,941**	**1,249,698**	**1,372,310**	**1,447,760**	**1,513,157**	**1,416,605**	**2,021,129**	***3.8***	***7.4***
Pendapatan Negara Kasar	**1,144,829**	**1,215,105**	**1,333,652**	**1,402,677**	**1,473,662**	**1,388,021**	**1,979,868**	***3.9***	***7.4***
Pendapatan Negara Kasar Per Kapita									
RM	**36,710**	**38,412**	**41,647**	**43,316**	**45,311**	**42,503**	**57,882**	***3.0***	***6.4***
AS$	**9,399**	**9,260**	**9,684**	**10,735**	**10,938**	**10,111**	**14,842**	***1.5***	***8.0***
Inflasi, %	*2.1*	*2.1*	*3.7*	*1.0*	*0.7*	*-1.2*	*2.7*	*1.3*	*2.7*
Pengangguran, %	*3.1*	*3.4*	*3.4*	*3.3*	*3.3*	*4.5*	*4.0*	-	-

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 3

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Pertanian	**97,539**	**93,977**	**99,509**	**99,637**	**101,580**	**99,367**	**119,594**	***0.4***	***3.8***
Perlombongan dan Pengkuarian	**103,059**	**105,368**	**105,838**	**103,557**	**102,897**	**91,993**	**104,525**	***-2.2***	***2.6***
Pembuatan	**262,379**	**273,899**	**290,464**	**304,843**	**316,283**	**307,924**	**406,072**	***3.3***	***5.7***
Pembinaan	**55,382**	**59,508**	**63,522**	**66,194**	**66,453**	**53,556**	**65,709**	***-0.7***	***4.2***
Perkhidmatan	**643,883**	**680,561**	**723,361**	**772,990**	**820,857**	**775,717**	**999,389**	***3.8***	***5.2***
Elektrik, Gas dan Air	31,710	33,412	34,396	36,109	38,297	37,802	47,684	*3.6*	*4.8*
Perdagangan Borong dan Runcit, Makanan & Minuman dan Penginapan	220,242	234,538	251,632	272,668	292,593	264,683	337,842	*3.7*	*5.0*
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	104,360	111,764	120,325	129,318	137,958	131,280	185,860	*4.7*	*7.2*
Kewangan, Insurans, Hartanah dan Perkhidmatan Perniagaan	130,065	135,688	143,663	152,834	162,196	154,253	203,165	*3.5*	*5.7*
Perkhidmatan Kerajaan	99,783	104,620	109,694	114,891	118,901	124,229	148,902	*4.5*	*3.7*
Perkhidmatan Lain	57,724	60,538	63,649	67,170	70,912	63,469	75,936	*1.9*	*3.7*
Campur : Duti Import	**14,699**	**16,000**	**18,076**	**16,546**	**16,240**	**15,324**	**17,631**	***0.8***	***2.8***
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**1,176,941**	**1,229,312**	**1,300,769**	**1,363,766**	**1,424,310**	**1,343,880**	**1,712,921**	***2.7***	***4.5 ~ 5.5***

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 4

Keluaran Dalam Negeri Kasar Berdasarkan Pendapatan, 2015-2025 (pada harga semasa)

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020[1]	2025	2016-2020	2021-2025
Pampasan Pekerja	**412,240**	**444,489**	**487,764**	**517,927**	**542,790**	**526,718**	**808,452**	***5.0***	***8.9***
Lebihan Kendalian Kasar	**709,048**	**740,473**	**819,897**	**881,924**	**914,615**	**851,080**	**1,154,218**	***3.7***	***6.3***
Pendapatan Pemilik Modal	446,224	452,086	512,799	553,134	589,926	553,952	768,001	*4.4*	*6.8*
Pendapatan Campuran	262,824	288,387	307,098	328,791	324,689	297,128	386,217	*2.5*	*5.4*
Cukai Tolak Subsidi	**55,653**	**64,735**	**64,648**	**47,908**	**55,752**	**38,807**	**58,459**	***-7.0***	***8.5***
Keluaran Dalam Negeri Kasar	**1,176,941**	**1,249,698**	**1,372,310**	**1,447,760**	**1,513,157**	**1,416,605**	**2,021,129**	***3.8***	***7.4***
Bahagian kepada KDNK, %									
Pampasan Pekerja	***35.0***	***35.6***	***35.5***	***35.8***	***35.9***	***37.2***	***40.0***	-	-
Lebihan Kendalian Kasar	***60.2***	***59.3***	***59.7***	***60.9***	***60.4***	***60.1***	***57.1***	-	-
Pendapatan Pemilik Modal	*37.9*	*36.2*	*37.4*	*38.2*	*39.0*	*39.1*	*38.0*	-	-
Pendapatan Campuran	*22.3*	*23.1*	*22.4*	*22.7*	*21.5*	*21.0*	*19.1*	-	-
Cukai Tolak Subsidi	***4.7***	***5.2***	***4.7***	***3.3***	***3.7***	***2.7***	***2.9***	-	-

Nota: [1] Data awalan
Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Johor									
Pertanian	15,610	15,030	16,170	16,246	16,403	16,909	19,811	*1.6*	*3.2*
Perlombongan dan Pengkuarian	476	569	656	711	813	695	889	*7.9*	*5.1*
Pembuatan	32,359	34,122	36,465	38,338	40,125	38,645	51,463	*3.6*	*5.9*
Pembinaan	7,269	8,978	8,407	9,217	6,700	4,176	4,640	*-10.5*	*2.1*
Perkhidmatan	53,058	56,266	59,999	64,402	68,584	66,286	85,842	*4.6*	*5.3*
KDNK	**110,002**	**116,682**	**123,561**	**130,586**	**134,240**	**128,034**	**164,243**	***3.1***	***5.1***
KDNK Per Kapita	30,469	32,894	35,315	36,388	37,387	35,923	49,079		
Kedah									
Pertanian	5,423	5,202	5,465	5,468	5,647	5,545	6,398	*0.4*	*2.9*
Perlombongan dan Pengkuarian	83	96	110	115	125	118	148	*7.3*	*4.6*
Pembuatan	11,427	11,934	12,449	12,827	13,430	13,619	17,804	*3.6*	*5.5*
Pembinaan	863	998	928	1,009	1,090	1,113	1,380	*5.2*	*4.4*
Perkhidmatan	21,465	22,604	23,808	25,104	26,337	25,401	36,153	*3.4*	*7.3*
KDNK	**39,550**	**41,156**	**43,067**	**44,804**	**46,852**	**46,041**	**62,176**	***3.1***	***6.2***
KDNK Per Kapita	18,864	19,835	20,961	21,398	22,384	22,140	31,790		
Kelantan									
Pertanian	5,102	5,287	5,477	5,431	5,815	5,829	7,521	*2.7*	*5.2*
Perlombongan dan Pengkuarian	229	257	300	359	417	363	470	*9.7*	*5.3*
Pembuatan	1,147	1,172	1,278	1,281	1,300	1,234	1,590	*1.5*	*5.2*
Pembinaan	445	575	521	324	383	396	464	*-2.3*	*3.2*
Perkhidmatan	14,455	15,159	15,899	16,721	17,545	17,375	24,747	*3.7*	*7.3*
KDNK	**21,408**	**22,476**	**23,501**	**24,143**	**25,490**	**25,221**	**34,816**	***3.3***	***6.7***
KDNK Per Kapita	12,159	12,909	13,695	13,690	14,346	14,083	20,269		

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)–samb.

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Melaka									
Pertanian	4,141	4,312	4,625	4,567	4,433	4,598	5,533	*2.1*	*3.8*
Perlombongan dan Pengkuarian	44	53	57	62	68	61	77	*6.7*	*4.7*
Pembuatan	14,068	14,626	15,621	16,335	16,745	15,322	20,124	*1.7*	*5.6*
Pembinaan	947	998	1,720	1,496	1,358	992	1,312	*0.9*	*5.7*
Perkhidmatan	16,811	17,655	18,613	19,731	20,924	19,952	24,672	*3.5*	*4.3*
KDNK	**36,077**	**37,713**	**40,830**	**42,376**	**43,590**	**41,029**	**51,828**	***2.6***	***4.8***
KDNK Per Kapita	40,582	42,088	46,828	47,900	49,119	45,893	62,385		
Negeri Sembilan									
Pertanian	3,235	3,056	3,321	3,323	3,557	3,323	4,131	*0.5*	*4.4*
Perlombongan dan Pengkuarian	165	198	217	224	236	209	260	*4.8*	*4.4*
Pembuatan	15,678	16,133	16,654	17,208	17,630	16,761	21,531	*1.3*	*5.1*
Pembinaan	1,339	1,466	1,716	1,916	1,843	1,370	1,777	*0.5*	*5.3*
Perkhidmatan	18,951	19,976	20,916	22,126	24,035	23,780	30,399	*4.6*	*5.0*
KDNK	**40,186**	**41,771**	**43,816**	**45,694**	**48,033**	**46,309**	**59,061**	***2.9***	***5.0***
KDNK Per Kapita	36,908	38,744	41,739	43,017	45,391	43,859	61,442		
Pahang									
Pertanian	11,665	11,193	12,254	12,419	12,849	13,057	16,266	*2.3*	*4.5*
Perlombongan dan Pengkuarian	1,311	879	709	705	820	656	797	*-12.9*	*4.0*
Pembuatan	10,417	10,820	11,531	12,194	12,767	12,253	16,255	*3.3*	*5.8*
Pembinaan	2,105	2,726	3,231	2,399	1,727	1,352	1,632	*-8.5*	*3.8*
Perkhidmatan	23,885	25,173	26,720	28,454	30,230	27,590	39,763	*2.9*	*7.6*
KDNK	**49,450**	**50,875**	**54,591**	**56,290**	**58,448**	**54,984**	**74,800**	***2.1***	***6.3***
KDNK Per Kapita	30,754	32,688	35,751	35,577	36,568	36,107	52,105		

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)–samb.

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Pulau Pinang									
Pertanian	2,084	1,988	2,034	1,969	2,068	2,052	2,187	*-0.3*	*1.3*
Perlombongan dan Pengkuarian	124	135	144	156	171	148	182	*3.6*	*4.3*
Pembuatan	33,597	35,411	37,426	39,458	40,510	41,658	54,960	*4.4*	*5.7*
Pembinaan	2,712	2,984	2,689	2,620	2,644	2,234	2,320	*-3.8*	*0.8*
Perkhidmatan	38,917	41,167	43,458	46,120	48,662	45,875	59,996	*3.3*	*5.5*
KDNK	**78,146**	**82,493**	**86,768**	**91,234**	**94,666**	**92,631**	**120,404**	***3.5***	***5.4***
KDNK Per Kapita	46,020	48,633	51,130	52,921	55,215	54,718	78,212		
Perak									
Pertanian	10,352	10,151	10,942	10,994	11,314	11,476	14,170	*2.1*	*4.3*
Perlombongan dan Pengkuarian	354	414	438	461	505	458	567	*5.3*	*4.4*
Pembuatan	11,190	11,752	12,691	13,222	13,683	14,161	18,771	*4.8*	*5.8*
Pembinaan	2,578	2,786	2,113	2,337	2,490	2,057	2,168	*-4.4*	*1.1*
Perkhidmatan	38,628	40,762	43,028	45,911	47,975	46,039	61,686	*3.6*	*6.0*
KDNK	**63,176**	**65,958**	**69,337**	**73,031**	**75,999**	**74,242**	**97,434**	***3.3***	***5.6***
KDNK Per Kapita	25,610	27,343	29,341	30,302	31,716	31,456	45,002		
Perlis									
Pertanian	1,161	1,200	1,249	1,260	1,334	1,088	1,415	*-1.3*	*5.4*
Perlombongan dan Pengkuarian	32	28	31	33	33	30	35	*-0.8*	*2.9*
Pembuatan	458	449	459	466	470	444	541	*-0.6*	*4.0*
Pembinaan	193	212	121	147	167	151	176	*-4.9*	*3.2*
Perkhidmatan	3,414	3,579	3,723	3,881	4,076	4,025	5,441	*3.3*	*6.2*
KDNK	**5,353**	**5,570**	**5,695**	**5,885**	**6,152**	**5,779**	**7,657**	***1.5***	***5.8***
KDNK Per Kapita	21,540	22,588	23,596	24,408	25,521	23,582	33,838		

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)–samb.

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Selangor									
Pertanian	4,076	3,872	4,319	4,535	4,709	4,725	6,175	*3.0*	*5.5*
Perlombongan dan Pengkuarian	499	643	692	737	859	799	1,025	*9.9*	*5.1*
Pembuatan	75,537	78,710	84,964	91,133	95,942	95,346	127,931	*4.8*	*6.1*
Pembinaan	16,674	16,243	17,580	18,646	20,664	18,653	22,871	*2.3*	*4.2*
Perkhidmatan	163,967	173,870	186,018	200,324	214,446	199,899	238,057	*4.0*	*3.6*
KDNK	**268,825**	**281,839**	**302,186**	**323,215**	**345,147**	**326,841**	**404,018**	***4.0***	***4.3***
KDNK Per Kapita	43,513	45,506	49,048	51,547	55,052	51,966	68,799		
Terengganu									
Pertanian	2,765	2,681	2,921	2,847	3,016	2,914	3,590	*1.1*	*4.3*
Perlombongan dan Pengkuarian	146	159	174	183	201	185	228	*4.9*	*4.3*
Pembuatan	11,296	12,116	12,586	13,056	13,093	11,862	15,426	*1.0*	*5.4*
Pembinaan	904	920	1,276	1,161	1,165	1,080	1,355	*3.6*	*4.6*
Perkhidmatan	15,965	16,207	16,916	17,527	18,512	17,884	25,988	*2.3*	*7.8*
KDNK	**31,124**	**32,133**	**33,979**	**34,838**	**36,004**	**33,955**	**46,632**	***1.8***	***6.6***
KDNK Per Kapita	26,808	27,434	29,848	30,202	30,936	26,910	38,710		
Sabah									
Pertanian	14,817	13,255	13,883	13,836	13,720	12,820	15,573	*-2.9*	*4.0*
Perlombongan dan Pengkuarian	18,207	21,992	25,441	23,994	22,726	19,663	23,543	*1.6*	*3.7*
Pembuatan	6,266	6,037	6,362	6,514	6,472	6,050	7,408	*-0.7*	*4.1*
Pembinaan	2,446	2,357	2,322	2,918	3,099	2,197	2,727	*-2.1*	*4.4*
Perkhidmatan	31,755	33,575	35,434	37,423	39,442	36,509	56,451	*2.8*	*9.1*
KDNK	**73,776**	**77,518**	**83,793**	**85,012**	**85,647**	**77,506**	**106,038**	***1.0***	***6.5***
KDNK Per Kapita	19,830	21,169	24,639	25,832	25,375	21,484	30,943		

Jadual 5

Keluaran Dalam Negeri Kasar mengikut Negeri dan Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)–samb.

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Sarawak									
Pertanian	16,988	16,632	16,728	16,614	16,580	14,915	16,675	*-2.6*	*2.3*
Perlombongan dan Pengkuarian	29,852	29,253	30,214	29,627	30,000	28,227	31,907	*-1.1*	*2.5*
Pembuatan	32,128	33,567	34,811	35,579	36,613	33,471	43,237	*0.8*	*5.3*
Pembinaan	3,843	3,633	4,355	4,402	4,476	4,082	4,810	*1.2*	*3.3*
Perkhidmatan	38,370	40,982	43,541	46,312	48,768	46,033	67,254	*3.7*	*7.9*
KDNK	**121,585**	**124,513**	**130,169**	**133,010**	**136,758**	**127,116**	**164,341**	***0.9***	***5.3***
KDNK Per Kapita	45,006	45,346	50,177	52,387	53,552	48,597	67,241		
WP Kuala Lumpur[1]									
Pertanian	2	2	2	2	2	2	2	*2.1*	*3.8*
Perlombongan dan Pengkuarian	117	129	146	146	153	140	170	*3.5*	*4.0*
Pembuatan	5,641	5,795	5,871	5,868	6,119	5,731	7,239	*0.3*	*4.8*
Pembinaan	12,915	14,509	16,406	17,446	18,470	13,541	17,882	*1.0*	*5.7*
Perkhidmatan	159,752	168,742	180,196	193,472	205,421	193,165	235,109	*3.9*	*4.0*
KDNK	**180,865**	**191,641**	**206,175**	**220,359**	**233,889**	**216,362**	**265,224**	***3.6***	***4.2***
KDNK Per Kapita	97,060	103,506	113,358	121,509	129,724	120,600	157,815		
WP Labuan									
Pertanian	118	114	119	126	133	115	147	*-0.5*	*5.0*
Perlombongan dan Pengkuarian	0	0	0	0	0	0	0	*0.0*	*0.0*
Pembuatan	1,168	1,256	1,296	1,365	1,384	1,368	1,793	*3.2*	*5.6*
Pembinaan	148	121	136	156	177	163	195	*1.8*	*3.7*
Perkhidmatan	4,490	4,844	5,093	5,481	5,900	5,903	7,723	*5.6*	*5.5*
KDNK	**5,999**	**6,412**	**6,790**	**7,245**	**7,625**	**7,590**	**9,915**	***4.8***	***5.5***
KDNK Per Kapita	63,069	66,348	70,705	74,271	77,817	76,792	107,376		

Nota: [1] Termasuk WP Putrajaya.
Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.
KDNK per kapita merujuk kepada nilai harga semasa.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 6

Barangan Dagangan, 2015-2025

Perkara	RM juta							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Eksport Kasar	**777,355**	**786,964**	**934,927**	**1,003,587**	**995,072**	**980,979**	**1,252,011**	***4.8***	***5.0***
Pertanian	67,247	70,424	78,072	67,001	65,958	71,677	90,592	*1.3*	*4.8*
Perlombongan	80,194	65,056	81,836	89,907	81,520	57,391	81,522	*-6.5*	*7.3*
Pembuatan	625,429	645,768	765,858	837,071	840,586	847,664	1,075,585	*6.3*	*4.9*
Lain-lain	4,485	5,717	9,161	9,608	7,007	4,247	4,313	*-1.1*	*0.3*
Import Kasar	**685,778**	**698,819**	**836,422**	**879,804**	**849,411**	**796,194**	**1,060,987**	***3.0***	***5.9***
Import Tertangguh	**582,594**	**584,851**	**693,622**	**680,552**	**677,823**	**608,961**	**819,149**	***0.9***	***6.1***
Barangan Modal	95,551	100,245	115,567	112,453	100,179	90,369	118,308	*-1.1*	*5.5*
Barangan Pengantara	399,526	399,033	478,932	462,212	467,211	422,921	578,170	*1.1*	*6.5*
Barangan Penggunaan	62,430	66,977	71,036	73,053	74,155	73,912	96,012	*3.4*	*5.4*
Lain-lain[1]	25,087	18,596	28,087	32,833	36,277	21,759	26,659	*-2.8*	*4.1*
Import untuk Eksport Semula	**103,184**	**113,968**	**142,800**	**199,252**	**171,588**	**187,233**	**241,838**	***12.7***	***5.3***
Jumlah Perdagangan	**1,463,134**	**1,485,783**	**1,771,349**	**1,883,391**	**1,844,483**	**1,777,173**	**2,312,998**	***4.0***	***5.4***
Bahagian kepada KDNK, %	*124.3*	*118.9*	*129.1*	*130.1*	*121.9*	*125.5*	*115.0*	-	-
Imbangan Perdagangan	**91,577**	**88,145**	**98,505**	**123,783**	**145,661**	**184,785**	**191,024**	***15.1***	***0.7***

Nota: [1]Barangan dua guna, barangan tidak dinyatakan di bawah mana-mana kategori dan transaksi di bawah RM5,000.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 7

Imbangan Pembayaran, 2015-2025

Perkara	RM juta						
	Sebenar						Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025
Barangan dan Perkhidmatan, bersih	**88,592**	**83,128**	**94,255**	**97,106**	**113,863**	**91,261**	**106,495**
Barangan, bersih	**109,224**	**102,046**	**117,113**	**114,621**	**124,738**	**138,710**	**165,074**
Eksport	681,275	686,896	801,394	830,137	817,260	777,665	1,020,960
Import	572,051	584,850	684,281	715,516	692,522	638,955	855,886
Perkhidmatan, bersih	**-20,632**	**-18,917**	**-22,859**	**-17,515**	**-10,875**	**-47,448**	**-58,579**
Pengangkutan	-24,565	-23,459	-29,622	-27,688	-25,925	-27,352	-38,126
Perjalanan	26,941	31,515	32,470	30,218	30,833	-7,651	17,609
Perkhidmatan Lain	-22,405	-26,309	-24,308	-19,287	-15,072	-11,842	-36,911
Urus Niaga Kerajaan t.d.t.l.[1]	-603	-665	-1,398	-758	-711	-602	-1,152
Pendapatan Primer, bersih	**-32,112**	**-34,592**	**-38,658**	**-45,082**	**-39,496**	**-28,584**	**-41,261**
Pampasan Pekerja	-5,595	-5,606	-4,848	-7,657	-9,229	-8,125	-11,503
Pendapatan Pelaburan	-26,517	-28,986	-33,811	-37,426	-30,267	-20,459	-29,758
Pendapatan Sekunder, bersih	**-21,325**	**-18,629**	**-17,300**	**-19,729**	**-21,450**	**-2,670**	**-21,264**
Imbangan Akaun Semasa	**35,155**	**29,907**	**38,296**	**32,295**	**52,917**	**60,008**	**43,971**
% kepada PNK	*3.1*	*2.5*	*2.9*	*2.3*	*3.6*	*4.3*	*2.2*
Akaun Modal, bersih	**-1,136**	**102**	**-26**	**-89**	**371**	**-428**	-
Pindahan Modal	-8	-5	-22	-97	6	-251	-
Aset Bukan Kewangan Bukan Pengeluaran	-1,127	107	-3	8	365	-177	-
Akaun Kewangan, bersih	**-55,350**	**-249**	**-4,730**	**11,430**	**-38,024**	**-74,949**	-
Pelaburan Langsung	-1,810	13,792	16,171	10,103	6,555	2,756	-
Di Luar Negeri	-41,187	-33,233	-24,248	-20,638	-25,810	-11,883	-
Di Malaysia	39,377	47,025	40,419	30,741	32,364	14,639	-
Pelaburan Portfolio	-26,122	-14,203	-15,358	-49,396	-32,403	-48,202	-
Pelaburan Lain	-26,755	964	-5,346	49,742	-11,697	-31,116	-
Sektor Awam	-1,878	-3,033	-627	-313	-192	-324	-
Sektor Swasta	-24,877	3,997	-4,719	50,055	-11,506	-30,792	-
Imbangan Akaun Modal dan Kewangan	**-56,486**	**-148**	**-4,756**	**11,341**	**-37,653**	**-75,377**	-
Kesilapan dan Ketinggalan Bersih	-32,222	-23,899	-17,132	-35,878	-6,849	-2,721	-
Imbangan Keseluruhan	**-53,553**	**5,860**	**16,409**	**7,758**	**8,416**	**-19,297**	-
Rizab Antarabangsa BNM, bersih	**409,096**	**423,874**	**414,591**	**419,511**	**424,032**	**432,183**	-
Bilangan Bulan Import Tertangguh	8.4	8.7	7.2	7.4	7.5	8.5	-

Nota: [1] t.d.t.l. - yang tidak dicatat di tempat lain.
Angka adalah berdasarkan pengiraan mengikut Manual Imbangan Pembayaran 6 (BMP6).
Sumber: Bank Negara Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 8

Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia, 2015-2025

Perkara	Indeks							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar					Anggaran	Sasaran	RMKe-11[1]	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Kesejahteraan Ekonomi	**125.3**	**125.6**	**127.6**	**128.8**	**131.8**	**130.6**	**137.9**	***0.8***	***1.1***
Pengangkutan	126.5	127.6	128.9	134.4	139.6	136.7	147.9	*1.6*	*1.6*
Komunikasi	128.7	128.3	130.0	130.0	130.9	132.5	140.6	*0.6*	*1.2*
Persekitaran Kerja	116.9	116.3	120.3	119.4	124.6	122.7	129.3	*1.0*	*1.1*
Pendapatan dan Pengagihan	129.0	129.8	130.2	130.3	130.7	129.3	135.4	*0.1*	*0.9*
Pendidikan	125.7	126.0	128.8	129.6	133.2	131.5	136.5	*0.9*	*0.7*
Kesejahteraan Sosial	**112.6**	**112.1**	**114.9**	**115.6**	**114.9**	**114.4**	**121.6**	***0.3***	***1.2***
Penyertaan Sosial	109.9	114.6	117.4	119.9	121.2	119.8	130.9	*1.7*	*1.8*
Alam Sekitar	102.6	98.4	103.9	109.3	104.5	108.2	117.4	*1.1*	*1.6*
Kesihatan	102.9	100.7	103.6	102.4	106.6	106.4	114.1	*0.7*	*1.4*
Perumahan	114.3	115.9	117.6	119.0	120.3	119.5	127.5	*0.9*	*1.3*
Tadbir Urus	117.8	118.1	122.9	120.2	122.7	123.6	130.9	*1.0*	*1.2*
Keselamatan Awam	127.1	126.8	129.3	130.7	132.3	131.8	139.0	*0.7*	*1.1*
Keluarga	98.6	96.7	96.5	97.3	97.4	95.0	99.7	*-0.7*	*1.0*
Hiburan dan Rekreasi	129.4	129.9	131.5	133.2	132.5	132.0	138.1	*0.4*	*0.9*
Kebudayaan	111.3	107.6	111.2	108.6	96.7	93.5	97.0	*-3.4*	*0.8*
Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia	**117.2**	**116.9**	**119.4**	**120.3**	**120.9**	**120.2**	**127.5**	***0.5***	***1.2***

Nota: [1] Anggaran Unit Perancang Ekonomi.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 9

Produktiviti Buruh mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi, 2015-2025 (pada harga malar 2015)

Perkara	RM Nilai Ditambah Setiap Pekerja							Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar						Sasaran	RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025	2016-2020	2021-2025
Pertanian	51,984	52,940	54,102	54,040	54,229	53,254	60,270	*0.5*	*2.5*
Perlombongan dan Pengkuarian	1,303,562	1,380,564	1,313,956	1,367,042	1,363,694	1,247,616	1,341,880	*-0.9*	*1.5*
Pembuatan	110,305	114,554	119,147	121,869	123,897	120,696	148,710	*1.8*	*4.3*
Pembinaan	36,496	39,714	42,422	43,859	45,421	38,279	46,170	*1.0*	*3.8*
Perkhidmatan	79,095	80,645	84,102	87,050	89,599	84,266	100,590	*1.3*	*3.6*
Keseluruhan	**84,114**	**86,694**	**89,981**	**92,084**	**94,164**	**89,025**	**106,060**	***1.1***	***3.6***

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 10

Kedudukan Kewangan Kerajaan Persekutuan, 2015-2025

Perkara	RM juta						
	Sebenar						Sasaran RMKe-12
	2015	2016	2017	2018	2019	2020	2025
Hasil	**219,089**	**212,421**	**220,406**	**232,882**	**264,415**	**225,075**	**272,020**
Perbelanjaan Mengurus	**216,998**	**210,173**	**217,695**	**230,960**	**263,343**	**224,600**	**264,955**
Baki Semasa	**2,091**	**2,248**	**2,711**	**1,922**	**1,072**	**475**	**7,065**
Perbelanjaan Pembangunan Kasar	**40,768**	**41,995**	**44,884**	**56,095**	**54,173**	**51,360**	**76,080**
Tolak: Terimaan Balik Pinjaman	1,483	1,346	1,852	788	1,603	1,259	500
Perbelanjaan Pembangunan Bersih	39,285	40,649	43,032	55,307	52,570	50,101	75,580
Kumpulan Wang COVID-19	-	-	-	-	-	38,019	-
Baki Keseluruhan	**-37,194**	**-38,401**	**-40,321**	**-53,385**	**-51,499**	**-87,645**	**-68,515**
% kepada KDNK	***-3.2***	***-3.1***	***-2.9***	***-3.7***	***-3.4***	***-6.2***	***-3.5 ~ -3.0***

Sumber: Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 11

Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah mengikut Etnik, Strata dan Negeri, 2009-2019

Perkara	Pendapatan Isi Rumah Kasar Bulanan Penengah, RM				
	2009	2012	2014	2016	2019
Malaysia	**2,841**	**3,626**	**4,585**	**5,228**	**5,873**
Etnik					
Bumiputera	2,534	3,282	4,214	4,846	5,420
Cina	3,643	4,643	5,708	6,582	7,391
India	2,853	3,676	4,627	5,428	5,981
Lain-lain	2,162	2,762	4,372	3,780	4,181
Strata					
Bandar	3,435	4,238	5,156	5,860	6,561
Luar Bandar	1,836	2,372	3,123	3,471	3,828
Negeri					
Johor	2,958	3,650	5,197	5,652	6,427
Kedah	1,966	2,633	3,451	3,811	4,325
Kelantan	1,713	2,276	2,716	3,079	3,563
Melaka	3,005	3,923	5,029	5,588	6,054
Negeri Sembilan	2,711	3,575	4,128	4,579	5,005
Pahang	2,479	3,067	3,389	3,979	4,440
Pulau Pinang	3,200	4,039	4,702	5,409	6,169
Perak	2,094	2,665	3,451	4,006	4,273
Perlis	1,832	2,387	3,500	4,204	4,594
Selangor	4,306	5,353	6,214	7,225	8,210
Terengganu	2,096	3,034	3,777	4,694	5,545
Sabah	2,066	2,860	3,745	4,110	4,235
Sarawak	2,394	3,047	3,778	4,163	4,544
WP Kuala Lumpur	4,409	5,847	7,620	9,073	10,549
WP Labuan	3,498	5,063	5,684	5,928	6,726
WP Putrajaya	5,450	6,486	7,512	8,275	9,983

Nota: Data adalah berdasarkan kepada warganegara Malaysia.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 12

Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Etnik, Strata dan Negeri, 2009-2019

Perkara	Insiden Kemiskinan Mutlak, %				
	2009	2012	2014	2016[1]	2019
Malaysia	***3.8***	***1.7***	***0.6***	***7.6***	***5.6***
Etnik					
Bumiputera	*5.3*	*2.2*	*0.8*	*9.7*	*7.2*
Cina	*0.6*	*0.3*	*0.1*	*2.2*	*1.4*
India	*2.5*	*1.8*	*0.6*	*5.5*	*4.8*
Lain-lain	*6.7*	*1.5*	*0.9*	*20.5*	*13.5*
Strata					
Bandar	*1.7*	*1.0*	*0.3*	*4.8*	*3.8*
Luar Bandar	*8.4*	*3.4*	*1.6*	*17.5*	*12.4*
Negeri					
Johor	*1.3*	*0.9*	*0.0*	*6.2*	*3.9*
Kedah	*5.3*	*1.7*	*0.3*	*14.3*	*8.8*
Kelantan	*4.8*	*2.7*	*0.9*	*19.5*	*12.4*
Melaka	*0.5*	*0.1*	*0.1*	*2.6*	*3.9*
Negeri Sembilan	*0.7*	*0.5*	*0.4*	*6.4*	*4.3*
Pahang	*2.1*	*1.3*	*0.7*	*9.2*	*4.3*
Pulau Pinang	*1.2*	*0.6*	*0.3*	*2.2*	*1.9*
Perak	*3.5*	*1.5*	*0.7*	*8.2*	*7.3*
Perlis	*6.0*	*1.9*	*0.2*	*7.2*	*3.9*
Selangor	*0.7*	*0.4*	*0.2*	*0.8*	*1.2*
Terengganu	*4.0*	*1.7*	*0.6*	*6.8*	*6.1*
Sabah	*19.7*	*8.1*	*4.0*	*23.9*	*19.5*
Sarawak	*5.3*	*2.4*	*0.9*	*11.9*	*9.0*
WP Kuala Lumpur	*0.7*	*0.8*	*0.1*	*0.8*	*0.2*
WP Labuan	*4.3*	*1.1*	*1.1*	*6.8*	*3.1*
WP Putrajaya	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.0*	*0.4*

Nota: [1] Mulai tahun 2016 dan seterusnya, pengiraan insiden kemiskinan mutlak adalah berdasarkan metodologi PGK 2019.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 13

Penduduk mengikut Umur, Etnik dan Strata, 2015-2025

Perkara	Sebenar		Anggaran[1]		Unjuran[2]		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	2015		2020		2025			
	Juta	% Jumlah	Juta	% Jumlah	Juta	% Jumlah	RMKe-11 2016-2020	Unjuran RMKe-12 2021-2025
Jumlah Penduduk	**31.2**	***100.0***	**32.7**	***100.0***	**34.7**	***100.0***	***0.9***	***1.2***
Struktur Umur								
0-14 tahun	7.8	*24.9*	7.6	*23.3*	7.5	*21.6*	*-0.5*	*-0.3*
15-64 tahun	21.6	*69.2*	22.8	*69.7*	24.5	*70.6*	*1.1*	*1.4*
65 tahun dan ke atas	1.8	*5.9*	2.3	*7.0*	2.7	*7.8*	*4.9*	*3.2*
Etnik								
Warganegara	**28.1**	***90.0***	**29.7**	***90.9***	**31.6**	***91.1***	***1.1***	***1.2***
Bumiputera[3]	19.2	*68.3*	20.7	*69.6*	22.2	*70.3*	*1.5*	*1.4*
Cina	6.6	*23.6*	6.7	*22.6*	6.9	*21.8*	*0.3*	*0.6*
India	2.0	*7.1*	2.0	*6.8*	2.2	*7.0*	*0.0*	*1.9*
Lain-lain	0.3	*1.0*	0.3	*1.0*	0.3	*0.9*	*0.0*	*0.0*
Bukan Warganegara	**3.1**	***10.0***	**3.0**	***9.1***	**3.1**	***8.9***	***-0.7***	***0.7***
Strata								
Bandar	23.2	*74.3*	25.0	*76.7*	26.8	*79.1*	*1.5*	*1.4*
Luar bandar	8.0	*25.7*	7.9	*24.8*	7.9	*20.9*	*-0.3*	*0.0*
Kadar Kesuburan, %	***2.0***		***1.7***		***1.5***			
Umur Penengah, tahun	**27.8**		**29.2**		**30.7**			
Nisbah Tanggungan, %	***44.5***		***43.5***		***44.2***			

Nota: [1] Anggaran Jabatan Perangkaan Malaysia.
[2] Unjuran Unit Perancang Ekonomi.
[3] Termasuk Melayu dan Bumiputera lain.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 14

Tenaga Buruh, Guna Tenaga dan Pewujudan Pekerjaan, 2015-2025

Perkara	Sebenar				Sasaran		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %		Pewujudan Pekerjaan			
	2015		2020		2025		RMKe-11 2016-2020	Sasaran RMKe-12 2021-2025	RMKe-11 2016-2020		Sasaran RMKe-12 2021-2025	
	'000 orang	% Jumlah	'000 orang	% Jumlah	'000 orang	% Jumlah			'000 orang	% Jumlah	'000 orang	% Jumlah
Jumlah Guna Tenaga[1]	**13,992.0**	***100.0***	**15,096.0**	***100.0***	**16,150.8**	***100.0***	***1.3***	***1.6***	**1,104.0**	***100.0***	**1,054.7**	***100.0***
Pertanian	1,876.0	*13.4*	1,866.0	*12.4*	1,984.4	*12.3*	*-0.4*	*2.3*	-10.0	*-0.9*	118.4	*11.2*
Perlombongan dan Pengkuarian	79.0	*0.6*	74.0	*0.5*	78.0	*0.5*	*-1.5*	*1.3*	-5.0	*-0.5*	4.0	*0.4*
Pembuatan	2,379.0	*17.0*	2,551.0	*16.9*	2,730.6	*16.9*	*1.1*	*1.4*	172.0	*15.6*	179.6	*17.0*
Pembinaan	1,517.0	*10.8*	1,399.0	*9.3*	1,423.3	*8.8*	*-2.2*	*0.9*	-118.0	*-10.7*	24.3	*2.3*
Perkhidmatan	8,141.0	*58.2*	9,206.0	*61.0*	9,934.5	*61.5*	*2.3*	*1.6*	1,065.0	*96.5*	728.5	*69.1*
Jumlah Tenaga Buruh	**14,518.0**		**15,667.7**		**16,823.4**		***1.5***	***1.4***				
Penganggur	**450.3**		**711.0**		**672.8**							
Kadar Pengangguran, %	*3.1*		*4.5*		*4.0*							
Kadar Penyertaan Tenaga Buruh, %	***67.9***		***68.4***		***69.7***							
Lelaki	*80.6*		*80.6*		*81.7*							
Perempuan	*54.1*		*55.3*		*57.0*							

Nota: [1] Penerbitan Produktiviti Buruh menggunakan pendekatan pertubuhan dan isi rumah.
Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 15

Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama, 2015-2025

Perkara	Guna Tenaga mengikut Kumpulan Pekerjaan Utama						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar				Sasaran			
	2015		2020		2025		RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	'000 orang	% Jumlah	'000 orang	% Jumlah	'000 orang	% Jumlah	2016-2020	2021-2025
Mahir								
Pengurus	718.6	*5.1*	764.1	*5.1*	1,046.0	*6.5*	***1.2***	***6.3***
Profesional	1,462.0	*10.4*	1,933.8	*12.8*	2,417.4	*15.0*	***5.6***	***4.5***
Juruteknik dan Profesional Bersekutu	1,406.9	*10.0*	1,671.5	*11.1*	2,189.1	*13.6*	***3.4***	***5.4***
Separuh Mahir								
Pekerja Sokongan Perkeranian	1,241.1	*8.8*	1,328.8	*8.8*	1,315.6	*8.1*	***1.4***	***-0.2***
Pekerja Perkhidmatan dan Jualan	3,188.9	*22.7*	3,538.3	*23.4*	3,398.4	*21.0*	***2.1***	***-0.8***
Pekerja Mahir Pertanian, Perhutanan, Penternakan dan Perikanan	940.3	*6.7*	909.8	*6.0*	987.5	*6.1*	***-0.7***	***1.6***
Pekerja Kemahiran dan Pekerja Pertukangan yang Berkaitan	1,578.8	*11.2*	1,373.4	*9.1*	1,318.8	*8.2*	***-2.8***	***-0.8***
Operator Mesin dan Loji dan Pemasang	1,585.2	*11.3*	1,731.6	*11.5*	1,701.6	*10.5*	***1.8***	***-0.3***
Berkemahiran Rendah								
Pekerja Asas	1,945.9	*13.8*	1,844.7	*12.2*	1,776.4	*11.0*	***-1.1***	***-0.8***
Jumlah Guna Tenaga	**14,067.7**	***100.0***	**15,096.0**	***100.0***	**16,150.8**	***100.0***	***1.4***	***1.4***

Nota: Hasil tambah mungkin berbeza kerana pembundaran.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 16

Guna Tenaga mengikut Kategori Kemahiran, 2015-2025

Perkara	Guna Tenaga mengikut Kategori Kemahiran						Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %	
	Sebenar				Sasaran			
	2015		2020		2025		RMKe-11	Sasaran RMKe-12
	'000 orang	% Jumlah	'000 orang	% Jumlah	'000 orang	% Jumlah	2016-2020	2021-2025
Mahir	3,587.5	*25.5*	4,369.3	*28.9*	5,652.5	*35.0*	***3.9***	***5.2***
Separuh Mahir	8,534.3	*60.7*	8,882.0	*58.8*	8,721.9	*54.0*	***0.8***	***-0.4***
Berkemahiran Rendah	1,945.9	*13.8*	1,844.7	*12.2*	1,776.4	*11.0*	***-1.1***	***-0.8***
Jumlah Guna Tenaga	**14,067.7**	***100.0***	**15,096.0**	***100.0***	**16,150.8**	***100.0***	***1.4***	***1.4***

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Jadual 17

Enrolmen Murid di Institusi Pendidikan, 2015-2020

Perkara	2015		2020		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	Bilangan Murid	% Jumlah	Bilangan Murid	% Jumlah	RMKe-11 2016-2020
Prasekolah, 4 hingga 6 tahun					
Sekolah Kerajaan	**486,954**	***8.0***	**499,412**	***8.3***	***0.5***
Kementerian Pendidikan Malaysia	198,574	*3.3*	208,459	*3.5*	*1.0*
Jabatan Kemajuan Masyarakat	219,481	*3.6*	218,258	*3.6*	*-0.1*
Jabatan Perpaduan dan Integrasi Nasional	37,699	*0.6*	38,657	*0.6*	*0.5*
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	31,200	*0.5*	34,038	*0.6*	*1.8*
Sekolah Swasta	**346,938**	***5.7***	**340,834**	***5.7***	***-0.4***
Swasta	338,140	*5.6*	332,909	*5.5*	*-0.3*
Angkatan Belia Islam Malaysia	8,798	*0.1*	7,925	*0.1*	*-2.1*
Jumlah	**833,892**	***13.7***	**840,246**	***14.0***	***0.2***
Rendah					
Sekolah Kerajaan	**2,710,899**	***44.6***	**2,798,124**	***46.5***	***0.6***
Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan (KPM)	2,683,992	*44.2*	2,741,995	*45.6*	*0.4*
Jabatan Agama Islam Negeri	26,907	*0.4*	56,129	*0.9*	*15.8*
Sekolah Swasta	**56,891**	***0.9***	**75,257**	***1.3***	***5.8***
Jumlah	**2,767,790**	***45.5***	**2,873,381**	***47.8***	***0.8***

Jadual 17

Enrolmen Murid di Institusi Pendidikan, 2015-2020–samb.

Perkara	2015		2020		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	Bilangan Murid	% Jumlah	Bilangan Murid	% Jumlah	RMKe-11 2016-2020
Menengah Rendah					
Sekolah Kerajaan	**1,349,375**	***22.2***	**1,258,910**	***20.9***	***-1.4***
Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan (KPM)	1,290,690	*21.2*	1,186,023	*19.7*	*-1.7*
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	39,648	*0.7*	51,766	*0.9*	*5.5*
Maktab Rendah Sains MARA	19,037	*0.3*	21,121	*0.4*	*2.1*
Sekolah Swasta	**81,237**	***1.3***	**79,423**	***1.3***	***-0.5***
Jumlah	**1,430,612**	***23.5***	**1,338,333**	***22.2***	***-1.3***
Menengah Atas					
Sekolah Kerajaan	**817,894**	***13.5***	**779,148**	***13.0***	***-1.0***
Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan - Akademik (KPM)	596,228	*9.8*	595,530	*9.9*	*-0.0*
Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan - Teknikal & Vokasional (KPM)	185,244	*3.0*	138,932	*2.3*	*-5.6*
Jabatan Kemajuan Islam Malaysia	20,603	*0.3*	28,570	*0.5*	*6.8*
Maktab Rendah Sains MARA	15,360	*0.3*	15,668	*0.3*	*0.4*
Maktab Tentera DiRaja Malaysia	459	*0.01*	448	*0.01*	*-0.5*
Sekolah Swasta	**43,764**	***0.7***	**51,031**	***0.8***	***3.1***
Jumlah	**861,658**	***14.2***	**830,179**	***13.8***	***-0.7***

Jadual 17

Enrolmen Murid di Institusi Pendidikan, 2015-2020–samb.

Perkara	2015		2020		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	Bilangan Murid	% Jumlah	Bilangan Murid	% Jumlah	RMKe-11 2016-2020
Lepas Menengah					
Kerajaan	**171,551**	***2.8***	**118,635**	***2.0***	***-7.1***
Sekolah Kerajaan dan Bantuan Kerajaan - Tingkatan Enam (KPM)	109,493	*1.8*	68,064	*1.1*	*-9.1*
Pra Universiti (KPM)	185	*0.003*	232	*0.004*	*4.6*
Matrikulasi (KPM)	21,002	*0.3*	26,630	*0.4*	*4.9*
Tingkatan Enam (JAKIM)	4,964	*0.1*	5,110	*0.1*	*0.6*
Institut Pendidikan Guru (KPM)	35,907	*0.6*	18,599	*0.3*	*-12.3*
Swasta[1]	**11,432**	***0.2***	**14,316**	***0.2***	***4.6***
Jumlah	**182,983**	***3.0***	**132,951**	***2.2***	***-6.2***
Jumlah Keseluruhan	**6,076,935**	***100.0***	**6,015,090**	***100.0***	***-0.2***

Nota: [1] Tingkatan Enam/Lepas Menengah.
Perkara di dalam kurungan menunjukkan kementerian atau agensi yang bertanggungjawab dalam menyelia institusi pendidikan berkaitan.
Semua data yang diberikan adalah pada 30 Jun 2020 kecuali untuk peringkat lepas menengah yang mana data adalah pada 30 Oktober 2020. Ini disebabkan oleh kelewatan kemasukan pelajar Tingkatan 6 akibat pandemik COVID-19.
Sumber: Kementerian Pendidikan Malaysia

Jadual 18

Kemasukan Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2020

Perkara	2015		2020		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	Bilangan Pelajar	% Jumlah	Bilangan Pelajar	% Jumlah	RMKe-11 2016-2020
Institusi					
Institusi Pendidikan Tinggi Awam	**218,937**	***42.8***	**206,852**	***55.6***	***-1.1***
Universiti Awam	168,127	*32.9*	177,710	*47.8*	*1.1*
Politeknik	37,971	*7.4*	23,743	*6.4*	*-9.0*
Kolej Komuniti	12,839	*2.5*	5,399	*1.5*	*-15.9*
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	**292,217**	***57.2***	**165,158**	***44.4***	***-10.8***
Jumlah	**511,154**	***100.0***	**372,010**	***100.0***	***-6.2***
Peringkat Pengajian					
PhD	7,665	*1.5*	10,328	*2.8*	*6.1*
Sarjana	36,561	*7.2*	27,217	*7.3*	*-5.7*
Sarjana Muda	189,748	*37.1*	171,331	*46.1*	*-2.0*
Diploma	189,995	*37.2*	107,382	*28.9*	*-10.8*
Sijil	51,906	*10.2*	10,561	*2.8*	*-27.3*
Lain-lain[1]	35,279	*6.9*	45,191	*12.1*	*5.1*
Jumlah	**511,154**	***100.0***	**372,010**	***100.0***	***-6.2***
Bidang Pengajian					
Program Asas	43,236	*8.5*	24,762	*6.7*	*-10.5*
Pendidikan	27,327	*5.3*	22,510	*6.1*	*-3.8*
Sastera dan Kemanusiaan	37,183	*7.3*	33,753	*9.1*	*-1.9*
Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan	186,530	*36.5*	129,341	*34.8*	*-7.1*
Sains, Matematik dan Komputer	56,119	*11.0*	49,672	*13.4*	*-2.4*
Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan	88,200	*17.3*	66,216	*17.8*	*-5.6*
Pertanian dan Veterinar	6,920	*1.4*	4,864	*1.3*	*-6.8*
Kesihatan dan Kebajikan	32,888	*6.4*	19,572	*5.3*	*-9.9*
Perkhidmatan	32,751	*6.4*	21,320	*5.7*	*-8.2*
Jumlah	**511,154**	***100.0***	**372,010**	***100.0***	***-6.2***

Nota: [1] Profesional, diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan, matrikulasi dan lain-lain.
Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

Jadual 19

Enrolmen Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2020

Perkara	2015		2020		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	Bilangan Pelajar	% Jumlah	Bilangan Pelajar	% Jumlah	RMKe-11 2016-2020
Institusi					
Institusi Pendidikan Tinggi Awam	**655,236**	***53.0***	**686,664**	***56.1***	***0.9***
Universiti Awam	540,638	*43.7*	584,576	*47.8*	*1.6*
Politeknik	96,069	*7.8*	85,936	*7.0*	*-2.2*
Kolej Komuniti	18,529	*1.5*	16,152	*1.3*	*-2.7*
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	**580,928**	***47.0***	**537,434**	***43.9***	***-1.5***
Jumlah	**1,236,164**	***100.0***	**1,224,098**	***100.0***	***-0.2***
Peringkat Pengajian					
PhD	36,967	*3.0*	47,424	*3.9*	*5.1*
Sarjana	84,329	*6.8*	82,924	*6.8*	*-0.3*
Sarjana Muda	592,149	*47.9*	641,189	*52.4*	*1.6*
Diploma	401,009	*32.4*	370,217	*30.2*	*-1.6*
Sijil	78,208	*6.3*	26,766	*2.2*	*-19.3*
Lain-lain[1]	43,502	*3.5*	55,578	*4.5*	*5.0*
Jumlah	**1,236,164**	***100.0***	**1,224,098**	***100.0***	***-0.2***
Bidang Pengajian					
Program Asas	50,339	*4.1*	34,023	*2.8*	*-7.5*
Pendidikan	76,117	*6.2*	83,183	*6.8*	*1.8*
Sastera dan Kemanusiaan	102,540	*8.3*	109,315	*8.9*	*1.3*
Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan	430,581	*34.8*	433,903	*35.4*	*0.2*
Sains, Matematik dan Komputer	147,038	*11.9*	148,850	*12.2*	*0.2*
Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan	263,972	*21.4*	245,494	*20.1*	*-1.4*
Pertanian dan Veterinar	21,400	*1.7*	14,579	*1.2*	*-7.4*
Kesihatan dan Kebajikan	78,278	*6.3*	81,148	*6.6*	*0.7*
Perkhidmatan	65,899	*5.3*	73,603	*6.0*	*2.2*
Jumlah	**1,236,164**	***100.0***	**1,224,098**	***100.0***	***-0.2***

Nota: [1] Profesional, diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan, matrikulasi dan lain-lain.
Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

Jadual 20


Keluaran Pelajar di Institusi Pendidikan Tinggi, 2015-2020

Perkara	2015		2020		Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata, %
	Bilangan Pelajar	% Jumlah	Bilangan Pelajar	% Jumlah	RMKe-11 2016-2020
Institusi					
Institusi Pendidikan Tinggi Awam	**155,420**	***53.6***	**150,670**	***59.2***	***-0.6***
Universiti Awam	122,454	*42.3*	114,709	*45.0*	*-1.3*
Politeknik	25,388	*8.8*	28,924	*11.4*	*2.6*
Kolej Komuniti	7,578	*2.6*	7,037	*2.8*	*-1.5*
Institusi Pendidikan Tinggi Swasta	**134,374**	***46.4***	**104,018**	***40.8***	***-5.0***
Jumlah	**289,794**	***100.0***	**254,688**	***100.0***	***-2.5***
Peringkat Pengajian					
PhD	3,709	*1.3*	3,976	*1.6*	*1.4*
Sarjana	19,229	*6.6*	17,582	*6.9*	*-1.8*
Sarjana Muda	117,754	*40.6*	110,498	*43.4*	*-1.3*
Diploma	107,476	*37.1*	89,715	*35.2*	*-3.5*
Sijil	33,182	*11.5*	9,341	*3.7*	*-22.4*
Lain-lain[1]	8,444	*2.9*	23,576	*9.3*	*22.8*
Jumlah	**289,794**	***100.0***	**254,688**	***100.0***	***-2.5***
Bidang Pengajian					
Program Asas	24,101	*8.3*	20,049	*7.9*	*-3.6*
Pendidikan	29,871	*10.3*	12,683	*5.0*	*-15.7*
Sastera dan Kemanusiaan	19,481	*6.7*	23,927	*9.4*	*4.2*
Sains Sosial, Perniagaan dan Perundangan	92,315	*31.9*	83,428	*32.8*	*-2.0*
Sains, Matematik dan Komputer	30,322	*10.5*	29,473	*11.6*	*-0.6*
Kejuruteraan, Pembuatan dan Pembinaan	55,211	*19.1*	54,789	*21.5*	*-0.2*
Pertanian dan Veterinar	4,119	*1.4*	4,151	*1.6*	*0.2*
Kesihatan dan Kebajikan	18,831	*6.5*	10,954	*4.3*	*-10.3*
Perkhidmatan	15,543	*5.4*	15,234	*6.0*	*-0.4*
Jumlah	**289,794**	***100.0***	**254,688**	***100.0***	***-2.5***

Nota: [1] Profesional, diploma lepasan ijazah, diploma lanjutan, matrikulasi dan lain-lain.
Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi

Carta 1


Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Strata dan Etnik, 2016 dan 2019



Nota: Pengiraan insiden kemiskinan mutlak adalah berdasarkan metodologi PGK 2019.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Carta 2

Insiden Kemiskinan Mutlak mengikut Negeri, 2016 dan 2019



Nota: Pengiraan insiden kemiskinan mutlak adalah berdasarkan metodologi PGK 2019.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Unit Perancang Ekonomi

Glosari

2G	generasi kedua teknologi tanpa wayar
2u2i	dua tahun di universiti dan dua tahun dalam industri
3R	kurangkan, guna semula dan kitar semula
3u1i	tiga tahun di universiti dan satu tahun dalam industri
4G	generasi keempat teknologi tanpa wayar
4IR	Revolusi Perindustrian Keempat
4PL	logistik pihak keempat
5G	generasi kelima teknologi tanpa wayar
6R	Ketegasan, Ketahanan, Memulakan Semula, Pemulihan, Memperkasa dan Menyusun Semula
AACB	kesedaran, sokongan dan pembangunan keupayaan
ABMS	*Anti-Bribery Management System*
AEC	Komuniti Ekonomi ASEAN
Agenda 2030	Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan
AgF	*Agriculture Flagship*
AHB	Amanah Hartanah Bumiputera
AI	kecerdasan buatan
AMANITA	Aman Wanita
AOR	kadar purata penginapan
APEC	Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik
APG	*ASEAN Power Grid*
AR	realiti terimbuh
AS	Amerika Syarikat
ASB	Amanah Saham Bumiputera
ASD	penyampaian perkhidmatan alternatif
ASEAN	*Association of Southeast Asian Nations*
ASEAN-5	lima negara utama Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara
ASN	Amanah Saham Nasional
ATM	Angkatan Tentera Malaysia
AUM	*Assets Under Management*

B1	kumpulan 10% terendah desil pendapatan isi rumah
B10	biodiesel dengan campuran 10% metil ester berasaskan sawit dan 90% diesel
B15	biodiesel dengan campuran 15% metil ester berasaskan sawit dan 85% diesel
B20	biodiesel dengan campuran 20% metil ester berasaskan sawit dan 80% diesel
B20	kumpulan isi rumah berpendapatan 20% terendah
B2B	perniagaan kepada perniagaan
B30	biodiesel dengan campuran 30% metil ester berasaskan sawit dan 70% diesel
B40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah
B7	biodiesel dengan campuran 7% metil ester berasaskan sawit dan 93% diesel
BA100	Barangan Asas 100
BAKAS	Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling
BALB	Program Bekalan Air Luar Bandar
BDA	analitis data raya
BEC	Komuniti Ekonomi Bumiputera
BEI	*Building Energy Intensity*
BELB	Bekalan Elektrik Luar Bandar
BERD	perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan oleh sektor swasta
BI	*Behavioural Insights*
BIM	Pemodelan Maklumat Bangunan
BIMP-EAGA	Kawasan Pertumbuhan ASEAN Timur Brunei Darussalam-Indonesia-Malaysia-Filipina
BKB	Bahagian Kemakmuran Bumiputera
BNM	Bank Negara Malaysia
CAAM	Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia
CBD	Konvensyen Kepelbagaian Biologi
CBO	organisasi berasaskan komuniti
CCMP	Pelan Induk Daya Saing Bandar
CCNCPU	Unit Penjagaan dan Perlindungan Kanak-kanak
CD	penyakit berjangkit
CDERT-C	*Civil Defence Emergency Response Team–Community*
CE	pampasan pekerja
CEFR	*Common European Framework of Reference for Languages*

CEPA	komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam
CFS	*Central Forest Spine*
CIDB	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia
CIMS	Sistem Pengurusan Maklumat Berpusat
CIQ	Kastam, Imigresen dan Kuarantin
CITP	Program Transformasi Industri Pembinaan
CNS	Sistem Komunikasi, Navigasi dan Pengawasan
CO_2eq	karbon dioksida setara
COL	Senarai Pekerjaan Kritikal
COMBI	*Communication of Behavioural Impact*
COPTPA	Kod Amalan Akreditasi Program TVET
CORSIA	*Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation*
COVID-19	penyakit Coronavirus 2019
CPI	Indeks Persepsi Rasuah
CREST	*Collaborative Research in Engineering, Science and Technology*
CSO	pertubuhan masyarakat sivil
CSR	*Central Spine Road*
CSR	tanggungjawab sosial korporat
CW	tanah lembap buatan
D&D	reka bentuk dan pembangunan
DAKN2030	Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030
DAN 2.0	Dasar Agromakanan Negara 2021-2030
DASH	Lebuhraya Damansara-Shah Alam
DE	perbelanjaan pembangunan
DEB	Dasar Ekonomi Baru
DELIMa	*Digital Educational Learning Initiative Malaysia*
DFI	Institusi Kewangan Pembangunan
DFTZ	Zon Perdagangan Bebas Digital
DGCCR	*Digital Government Competency and Capability Readiness*
DigitalNiaga	*Digital On-Boarding for Micro Businesses*
DIKN	Dasar Industri Kreatif Negara 2010

DISF	Dana Strategik Pelaburan Tempatan
DKN	Dasar Komuniti Negara
DKN 2030	Dasar Keusahawanan Nasional 2030
DLP	Program Dwibahasa
DMSS	sistem sokongan pembuatan keputusan
DNB	Digital Nasional Berhad
DOSM	Jabatan Perangkaan Malaysia
DPN	Dasar Pembangunan Nasional
DPN	Dasar Pengangkutan Negara
DPN2	Dasar Perbandaran Negara Kedua
DRMM	Dasar Perumahan Mampu Milik Negara
DSM	pengurusan permintaan tenaga
DSTIN	Dasar Sains, Teknologi dan Inovasi Negara
DTAP	Program Percepatan Transformasi Digital
DTN	Dasar Transformasi Negara
DWN	Dasar Wawasan Negara
E&E	elektrik dan elektronik
EACG	Geran Audit Tenaga Bersyarat
EBP	dasar berasaskan bukti
ECCE	asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak
ECF	Pendanaan Ramai berasaskan Ekuiti
ECOSOC	Majlis Ekonomi dan Sosial Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
ECRL	Landasan Keretapi Pantai Timur
eDKK	Sistem Semakan Pesalah Jenayah Seksual terhadap Kanak-kanak dalam Daftar Kanak-kanak
EDO	organisasi pembangunan usahawan
EE	kecekapan tenaga
EEV	kenderaan cekap tenaga
EFT	pindahan fiskal ekologi
EIA	Penilaian Impak Alam Sekitar
EIU	*Economist Intelligence Unit*
EKUINAS	Ekuiti Nasional Berhad

EKVE	Lebuhraya Lembah Klang Timur
EMR	Rekod Perubatan Elektronik
EMS	Perkhidmatan Pembuatan Elektronik
EOT	*employee ownership trust*
eP	ePerolehan
EPC	*Energy Performance Contracting*
ePPAx	Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu
EPR	peluasan tanggungjawab pengeluar
EPU	Unit Perancang Ekonomi
EQA	*External Quality Assurance*
ERC	Jawatankuasa Pembaikan Sistem dan Undang-undang Pilihanraya
ESCO	*European Commission's European Skills, Competences, Qualifications and Occupation*
ESG	alam sekitar, sosial dan tadbir urus
e-sisa	buangan peralatan elektrik dan elektronik
eTOD	pembangunan berorientasikan transit yang saksama
EToU	Pengoptimuman Masa Penggunaan Tenaga
ETS	Perkhidmatan Tren Elektrik
EU	Kesatuan Eropah
EURO 4M	*Malaysian Emission Standards equivalent to European Emission Standards 4*
FACE	Pemerkasaan Keluarga dan Komuniti
FBO	*Fixed Based Operator*
FDI	pelaburan langsung asing
FELCRA	Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan
FELDA	Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan
FiT	*Feed-in Tariff*
FLFPR	kadar penyertaan tenaga buruh wanita
FLNG	fasiliti terapung gas asli cecair
FoR	*Friends of Rivers*
FRA	Akta Tanggungjawab Fiskal
FTA	perjanjian perdagangan bebas
G2B	kerajaan dengan perniagaan

G2G	kerajaan dengan kerajaan
GBS	Perkhidmatan Perniagaan Global
GCAP	Pelan Tindakan Bandar Hijau
GE	kebolehpasaran graduan
GEI	Indikator Ekonomi Hijau
GEI	*Global Entrepeneurship Index*
GERD	perbelanjaan kasar R&D
GGP	perolehan hijau kerajaan
GGP	Garis Panduan Amalan Baik
GHG	gas rumah kaca
GIACC	Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional
GITA	Elaun Cukai Pelaburan Hijau
GITE	Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau
GJB	Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bahru
GKL/KV	*Greater Kuala Lumpur/Klang Valley*
GLC	syarikat berkaitan kerajaan
GLIC	syarikat pelaburan berkaitan kerajaan
GMO	organisma yang diubah suai secara genetik
GMP	Amalan Perkilangan Baik
GoEx	*Going Export*
GOS	lebihan kendalian kasar
GPI	Indeks Keamanan Global
GRP	Amalan Peraturan Baik
GS	perkhidmatan global
GST	Cukai Barang dan Perkhidmatan
GTFS	Skim Pembiayaan Teknologi Hijau
GTSP	*Go to Safety Point*
GVC	rantaian nilai global
HACCP	Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal
HARMONI	Jawatankuasa Keharmonian Antara Penganut Agama
HCFC	hidroklorofluorokarbon

HDA	Agensi Pembangunan Tanah Tinggi
HFC	hidrofluorokarbon
HICoE	Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi
HIES&BA 2019	Survei Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah & Kemudahan Asas 2019
HIMP 2030	Pelan Induk Industri Halal 2030
HIP	Program Imersif Tinggi
HIV	*Human Immunodeficiency Virus*
HNDP 2030	Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2030
HoB	*Heart of Borneo*
HPB	Majlis Profesional Halal
HPMP	Pelan Pengurusan Penghapusan Hidroklorofluorokarbon (HCFC)
HPV	*Human Papillomavirus*
HRDP	Dasar Pembangunan Sumber Manusia
HRMIS	Sistem Pengurusan Maklumat Sumber Manusia
HSBB	Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi
HSK	Hutan Simpan Kekal
IB	Perniagaan Inklusif
IBME	*Inquiry-Based Mathematics Education*
IBS	Sistem Binaan Berindustri
IBSE	*Inquiry-Based Science Education*
IC	litar bersepadu
ICAO	Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa
ICCO	Pejabat Penyeragaman dan Penyelarasan Insentif
iCGPA	Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu
ICoE	Pusat Kecemerlangan Industri
ICP	Program Kolaborasi Industri
ICQS	Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan
ICT	teknologi maklumat dan komunikasi
IEA	*International Association for the Evaluation of Educational Achievement*
iGFMAS	Sistem Pengurusan Kewangan dan Perakaunan Kerajaan
IIL	*Institution-Industry Lab*

IKP 2.0	Indeks Komposit Pembangunan 2.0
ILC	masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan
ILKA	institut latihan kemahiran awam
ILKBS	Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan
IMD	*Institute for Management Development*
IMO	Pertubuhan Maritim Antarabangsa
IMT-GT	Kawasan Pertumbuhan Segitiga Indonesia-Malaysia-Thailand
Industry4WRD	Dasar Negara Mengenai Industri 4.0
IoT	internet benda
IP	harta intelek
IPG	institut pendidikan guru
IPNas	Indeks Perpaduan Nasional
IPO	tawaran awam permulaan
IPR	hak harta intelek
IPT	institusi pendidikan tinggi
IPTA	institusi pendidikan tinggi awam
IPTS	institusi pendidikan tinggi swasta
IRBM	Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu
ISO TC 324	*The International Standards Organization (ISO) Technical Committee 324*
ISO-IWA	*The International Standards Organization-International Workshop Agreement*
ISP	penyedia perkhidmatan internet
IWRM	pengurusan sumber air bersepadu
JAKIM	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JAKOA	Jabatan Kemajuan Orang Asli
JENDELA	Pelan Jalinan Digital Negara
JKKMAR	Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah
JKKN	Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
JKMPKA	Jawatankuasa Mempromosikan Persefahaman dan Keharmonian Antara Penganut Agama
JKR	Jabatan Kerja Raya
jlh	juta liter sehari
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam

JPK	Jabatan Pembangunan Kemahiran
JPKK	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung
JPKKP	Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Persekutuan
JPN	Jabatan Pelajaran Negeri
JPNIN	Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional
K9	Sekolah Model Khas Komprehensif 9
K11	Sekolah Model Khas Komprehensif 11
KBKK	Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai
KDNK	keluaran dalam negeri kasar
KEGA	Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama
KEMAS	Jabatan Kemajuan Masyarakat
KHAZANAH	Khazanah Nasional Berhad
KITA PRIHATIN	Kerangka Inisiatif Tambahan PRIHATIN
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
km	kilometer
KOSPEN	Komuniti Sihat Pembina Negara
KPDNHEP	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna
KPI	petunjuk prestasi utama
KPKT	Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSPK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan
KSPK PK	Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Pendidikan Khas
$ktCO_2eq$	kilotan karbon dioksida setara
kV	kilovolt
KVDT	Projek Landasan Berkembar Lembah Klang
kWj	kilowatt jam
KWSP	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
LA21	*Local Agenda 21*
LAC	Had Perubahan Boleh Diterima
LAN	rangkaian kawasan setempat
LCCF	Rangka Kerja Bandar Rendah Karbon

lcd	liter per kapita sehari
LED	diod pemancar cahaya
LFPR	kadar penyertaan tenaga buruh
LFS	Survei Tenaga Buruh
LMI	Maklumat Pasaran Buruh
LNG	gas asli cecair
LPI	Indeks Pencapaian Logistik
LPK	Lembaga Pelabuhan Klang
LPT3	Lebuhraya Pantai Timur 3
LRT 2	Transit Aliran Ringan 2
LSS	solar berskala besar
LULUCF	*Land Use, Land-Use Change and Forestry*
M&A	penggabungan dan pengambilalihan
M40	kumpulan isi rumah berpendapatan 40% pertengahan
MA63	*Malaysia Agreement 1963*
MaGIC	*Malaysian Global Innovation and Creativity Center*
MAIB 2030	Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030
MAMPU	Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia
MARA	Majlis Amanah Rakyat
MaTEx	*Malaysia Tourism Excellence*
MAVCOM	Suruhanjaya Penerbangan Malaysia
MBK	murid berkeperluan khas
MBOT	Lembaga Teknologis Malaysia
Mbps	megabit sesaat
MCSS	Strategi Keselamatan Siber Malaysia
MCY	*Malaysia Commercialisation Year*
MCY 2.0	Tahun Pengkomersialan Malaysia 2.0
MDV-TACT	*Malaysia Debt Venture Technology Acceleration and Commercialisation Scheme*
MEPS	Standard Prestasi Tenaga Minimum
MEX II	Lebuhraya Putrajaya-KLIA
MFP	produktiviti pelbagai faktor

MiB300	Majlis Belia Malaysia dalam Perniagaan
MICE	mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran
MKN	Majlis Keselamatan Negara
mmBtu	juta unit termal British
MNC	syarikat multinasional
MoA	memorandum perjanjian
MOOCs	*Massive Open Online Courses*
MOTAC	Kementerian Pelancongan Malaysia, Seni dan Budaya
MoU	memorandum persefahaman
MPA	Kawasan Perlindungan Marin
MPB	Blueprint Produktiviti Malaysia
MPI	Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi
MPN	Majlis Pekerjaan Negara
MPV	*Mobile Patrol Vehicle*
MQA	Agensi Kelayakan Malaysia
MQF	Kerangka Kelayakan Malaysia
MRO	penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih
MRS	Perkhidmatan Berkaitan Pembuatan
MRSM	Maktab Rendah Sains MARA
MRT 1	Transit Aliran Massa Laluan 1
MRT 2	Transit Aliran Massa Laluan 2
MS	Standard Malaysia
MSAP	Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian
MSC	Koridor Raya Multimedia
MSCF	Rangka Kerja Bandar Pintar Malaysia
MSPO	Minyak Sawit Mampan Malaysia
MUO	*Malaysia Urban Observatory*
MURNInets	Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia
MVV 2.0	*Malaysia Vision Valley 2.0*
MW	megawatt
MYCorps	Program Sukarelawan Belia Malaysia

MyCREST	Alat Pengurangan Karbon dan Kelestarian Alam Sekitar Malaysia
MyDeposit	Skim Pembiayaan Deposit Rumah Pertama
myGAP	Amalan Pertanian Baik Malaysia
MyGDX	Hab Perkongsian Data Kerajaan Malaysia
MyHAC	Pusat Analisis Halal Malaysia
MyHDW	*Malaysian Health Data Warehouse*
MyHome	Skim Rumah Pertamaku
MyQUEST	Sistem Penilaian Kualiti Malaysia untuk Kolej Swasta
MyRA	*Malaysian Research Assessment System*
MYSED II	*Malaysia Strategy Framework for Emerging Diseases and Public Health Emergencies II*
MySPC	Majlis Perlindungan Sosial Malaysia
MySTIE	10-10 Sains, Teknologi, Inovasi dan Ekonomi Malaysia
MyWI	Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia
NACCOL	Majlis Tindakan Sara Hidup Negara
NACP	Pelan Antirasuah Nasional
NAICO	Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan
NAP	Dasar Automotif Negara
NAWABS	Sistem Pengurusan Imbangan Air Negara
NCD	penyakit tidak berjangkit
NCR	Hak Tanah Adat
NDI	identiti digital nasional
NEDA	*New Enhanced Dispatch Arrangement*
NEM	*Net Energy Metering*
NFCP	Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara
NFPC	syarikat awam bukan kewangan
NIA	Aspirasi Pelaburan Nasional
NIH	Institut Kesihatan Negara
NLTF	Pasukan Petugas Logistik Kebangsaan
NOSS	Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan
NPQEL	Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan
NPQSL	Kelayakan Profesional Pemimpin Sistem Pendidikan Kebangsaan

NPS	bahan psikoaktif baharu
NRDA	Agensi Pembangunan Wilayah Utara
NRW	air tidak berhasil
NSA	persatuan sukan kebangsaan
NTIS	*Sandbox* Inovasi dan Teknologi Negara
NUA	Agenda Perbandaran Baharu
NWI	Indeks Gaji Kebangsaan
OBS	*Open Budget Survey*
OECD	Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi
OECM	langkah lain yang berkesan untuk pemuliharaan berlandaskan kawasan
OEM	pengilang peralatan tulen
OGSE	perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas
OIC	Pertubuhan Kerjasama Islam
OKU	orang kurang upaya
OPEC	Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum
OTP	Prestasi Ketepatan Masa
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PAJSK	Penilaian Aktiviti Jasmani, Sukan dan Ko-kurikulum
PAP	Pelan Standard Prakelulusan
PATI	pendatang asing tanpa izin
PBD	Penilaian Bilik Darjah
PBR	Program Bantuan Rumah
PBS	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
PBT	pihak berkuasa tempatan
PCP	Projek Ketersambungan Fizikal
PDK	Pemulihan Dalam Komuniti
PDM	Panduan Diet Malaysia
PDRM	Polis Diraja Malaysia
PE	*polyethylene*
PeDAS	Perkhidmatan e-Dagang Setempat
PeKa B40	Skim Peduli Kesihatan untuk Kumpulan B40

PEKB	Pemerkasaan Ekonomi Komuniti Bandar
PEMERKASA	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi
PEMERKASA+	Program Strategik Memperkasa Rakyat dan Ekonomi Tambahan
PEMULIH	Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi
PENJANA	Pelan Jana Semula Ekonomi Negara
PERHILITAN	Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
PERKESO	Pertubuhan Keselamatan Sosial
PERMAI	Pakej Bantuan Perlindungan Ekonomi dan Rakyat Malaysia
PES	bayaran untuk perkhidmatan ekosistem
PET	*polyethylene terephthalate*
PETRONAS	Petroliam Nasional Berhad
PFE	Estet Hutan Kekal
PFLNG	*PETRONAS Floating LNG*
PGK	Pendapatan Garis Kemiskinan
PHB	Pelaburan Hartanah Berhad
PhD	Doktor Falsafah
PIA	Agensi yang Mengeluarkan Permit
PIBG	Persatuan Ibu Bapa dan Guru
PID	Pusat Internet Desa
PIK	Pusat Internet Komuniti
PIN	Pelan Integriti Nasional
PIP	Projek Infrastruktur Keutamaan
PISA	*Programme for International Student Assessment*
PK	Perolehan Kerajaan
PKD	Pusat Komuniti Desa
PKEN	perbadanan kemajuan ekonomi negeri
PKFZ	Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang
PKP	Perintah Kawalan Pergerakan
PLC	syarikat awam tersenarai
PLWS	Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti
PMB	Pelaburan MARA Berhad

PME	metil ester berasaskan sawit
PMKS	perusahaan mikro, kecil dan sederhana
PNB	Permodalan Nasional Berhad
PNGK	Purata Nilai Gred Kumulatif
PNK	pendapatan negara kasar
PNK	Persatuan Nelayan Kawasan
PoP	*points of presence*
PP	*polypropylene*
PPA	perjanjian pembelian tenaga
PPAM	Program Perumahan Penjawat Awam
PPB	Piawaian Perumahan Berkualiti
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
PPISK	Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan
PPK	Pertubuhan Peladang Kawasan
PPKS	pengamal profesional kecil dan sederhana
PPN	Pelan Pemulihan Negara
PPON	Pusat Pengurusan Operasi Negara
PPP	kerjasama awam swasta
PPP	Program Peningkatan Pendapatan
PPP	Program Penyenggaraan Perumahan
PPPM (PT)	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)
PPR	Program Perumahan Rakyat
PPRN	Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta
PPsi	Penilaian Psikometrik
PRC	Republik Rakyat China
PRE	Pakej Rangsangan Ekonomi
PRIHATIN	Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
PRIHATIN PKS+	Langkah Tambahan Bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat
PROSIS	Program Siswa Sihat
PSC	Pembanding Sektor Awam
PSF	*Post School Finishing*

PSH	pembelajaran sepanjang hayat
PT&K	perubatan tradisional dan komplementari
PT3	Pentaksiran Tingkatan Tiga
PTP	Pelabuhan Tanjung Pelepas
PTPTN	Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional
PUNB	Perbadanan Usahawan Nasional Berhad
PUSH	Pemangkin Usahawan Sosial Hebat
PV	fotovoltan
PVC	*polyvinyl chloride colloquial*
QLASSIC	Sistem Penilaian Kualiti untuk Kerja Pembinaan Bangunan
QSWUR	*Quacquarelli Symonds World University Rankings*
R&D	penyelidikan dan pembangunan
R&D&C&I	penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi
RAP	Program Penilaian Kesediaan
RAPID	*Refinery and Petrochemical Integrated Development*
RAS	perkhidmatan udara luar bandar
RBC	*Rural Business Challenge*
RBT	Reka Bentuk dan Teknologi
RCEP	*Regional Comprehensive Economic Partnership*
RECODA	Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah
RECs	koridor ekonomi wilayah
REDD Plus	*Reducing Emissions from Deforestation and Forest Degradation and the Role of Conservation, Sustainable Management of Forest and Enhancement of Carbon Stocks in Developing Countries*
regtech	teknologi pengawalan
REP	*Returning Expert Programme*
RFN4	Rancangan Fizikal Negara Keempat
RIMUP	Rancangan Integrasi Murid untuk Perpaduan
RISE	Pertukaran Saintifik antara Penyelidik dan Industri
RMKe-11	Rancangan Malaysia Kesebelas, 2016-2020
RMKe-12	Rancangan Malaysia Kedua Belas, 2021-2025
RMR	Rumah Mesra Rakyat

RMU	Unit Pengurusan Penyelidikan
RNI	Saranan Pengambilan Nutrien
RON 95	Bilangan Oktana Penyelidikan 95
RTC	Pusat Transformasi Luar Bandar
RTO	Sewa untuk Beli
RU	universiti penyelidikan
SABK	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
SAIDI	Indeks Tempoh Gangguan Purata Sistem
SBP	Sekolah Berasrama Penuh
SCMO	Pejabat Pengurusan Perubahan Strategik
SCORE	Koridor Tenaga Diperbaharui Sarawak
SCP	penggunaan dan pengeluaran mampan
SDC	Koridor Pembangunan Sabah
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan
SE	perusahaan sosial
SEA	penilaian strategik alam sekitar
SEDC	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sarawak
SEDCO	Perbadanan Kemajuan Ekonomi Sabah
SETARA	Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Negara
SIPartner+	Rakan Peningkatan Prestasi Sekolah
SISC+	Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah
SIT	Tarif Perindustrian Khas
SKALA	Sistem Kawal dan Lapor
SKM	Sekolah Kurang Murid
SLDN	Sistem Latihan Dual Nasional
SMOKU	Sistem Maklumat Orang Kurang Upaya
SOE	syarikat milik Kerajaan
SOHO	*small office and home office*
SOP	prosedur operasi standard
SPB-PBT	Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan
SPE	Lebuhraya Setiawangsa-Pantai

SPKPN	Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPPCA	Skim Pelabelan Produk Cekap Air
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SPT	sukan berprestasi tinggi
SRI	Pelaburan Mampan dan Bertanggungjawab
SRN	Sekretariat Rukun Negara
SSB	Blueprint Sektor Perkhidmatan
SST	Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan
STEM	sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik
STI	sains, teknologi dan inovasi
STOLport	padang terbang
SUBB	Jalur Lebar Pinggir Bandar
SUDF	*Sustainable Urban Development Framework*
SUKE	Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi-Ulu Kelang
SULAM	*Service Learning Malaysia - University for Society*
suptech	teknologi penyeliaan
Sustainable INFRASTAR	*Sustainable Infrastructure Rating Tool*
T20	kumpulan isi rumah berpendapatan 20% tertinggi
TABIKA	Taman Bimbingan Kanak-kanak
TAD	Pembangunan Bersebelahan Transit
TADIKA	Taman Didikan Kanak-kanak
TAPS	Takungan Air Pinggiran Sungai
TASKA	Taman Asuhan Kanak-kanak
TB	tuberkulosis
TBB	tenaga boleh baharu
TEEB	*The Economics of Ecosystem and Biodiversity*
TEKUN	TEKUN Nasional
TERAJU	Unit Peneraju Agenda Bumiputera
TEU	*twenty-footer equivalent units*
TFR	kadar kesuburan

TIMSS	*Trends in International Mathematics and Science Study*
TKPM	Taman Kekal Pengeluaran Makanan
TMDL	Jumlah Beban Harian Maksimum
TNB	Tenaga Nasional Berhad
TOD	pembangunan berorientasikan transit
TPA	akses pihak ketiga
TPPM	Tabung Penyelenggaraan Perumahan Malaysia
TRANSKOM	Pelan Transformasi Koperasi Malaysia
TRM	Tanah Rizab Melayu
tsh	tong sehari
TSM	Mekanisme Penetapan Tarif
TVET	pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional
UBBL	Undang-undang Kecil Bangunan Seragam
uCustoms	*Ubiquitous Customs*
UHPC	*Ultra-high Performance Concrete*
UK	United Kingdom
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UNDP	*United Nations Development Programme*
UNFCCC	*United Nations Framework Convention on Climate Change*
UNSC	Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu
UPM	Universiti Putra Malaysia
UPSR	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
URB	Unit Rondaan Bermotosikal
URDA	Agensi Pembangunan Ulu Rajang
USM	Universiti Sains Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
VBI	pengantaraan berasaskan nilai
VDP	Program Pembangunan Vendor
VLE	persekitaran pembelajaran maya
VR	realiti maya

VSN 2030	Visi Sukan Negara 2030
VSP	*Volunteer Smartphone Patrol*
WAN	rangkaian kawasan luas
WCE	Lebuhraya Pantai Barat
WEF	Forum Ekonomi Dunia
WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia
WIM	*Weigh-in-Motion*
WKB 2030	Wawasan Kemakmuran Bersama 2030
WP	Wilayah Persekutuan
WST 2040	Transformasi Sektor Air 2040
YPPB	Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera
ZIA	Zon Industri Akuakultur

Indeks

A

aeroangkasa 1-28, 1-30, 2-19, 2-23, 2-34, 3-2, 3-4, 3-5, 3-7, 3-9, 3-10, 3-12, 3-13, 3-16, 3-17, 3-18, 3-27, 6-15, 6-17, 7-18

agama 4-9, 4-24, 4-28, 4-30

Agenda 2030 bagi Pembangunan Mampan (Agenda 2030) I-4, I-5, I-13, I-14, I-16, I-17, 1-2, 2-29, 4-2, 4-23, 4-26, 5-1, 5-2, 6-6, 6-15, 6-23, 9-10

agenda Kerajaan terbuka 13-5

agenda pembangunan bersih, hijau dan berdaya tahan 8-11, 8-27, 8-28, 8-29, 8-30, 8-33

Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) 10-10

agihan kekayaan 1-11, 11-16

aglomerasi ekonomi 6-20, 7-9

Agriculture Flagship (AgF) 3-6, 3-24

agrikomoditi 1-8, 1-10, 1-29, 2-6, 2-18, 2-26, 3-23, 7-23

agropreneur 2-6, 2-21, 2-30, 3-24, 3-28, 6-8, 6-16, 7-23

air bawah tanah 9-5, 9-10, 9-21

air daratan 7-24, 8-3, 8-23, 8-24

air tidak berhasil (NRW) 7-15, 9-3, 9-10, 9-20

Akademi Binaan Malaysia 2-33, 7-19

akademia 1-26, 2-22, 3-16, 3-17, 3-20, 3-27, 10-3, 10-5, 10-10, 10-21, 11-15, 11-16, 11-24, 11-28

akauntabiliti 7-11, 11-15, 11-16, 11-18, 11-20, 13-3, 13-5, 13-7, 13-15, 13-16, 13-17, 13-23

Akta Akses kepada Sumber Biologi dan Perkongsian Faedah 2017 7-25

Akta Antipemerdagangan Orang dan Antipenyeludupan Migran 2007 [Akta 670] 10-19

Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Warga Emas Swasta 5-11

Akta Kerja 1955 [Akta 265] 10-7, 10-19

Akta Kesatuan Sekerja 1959 [Akta 262] 10-7

Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] 10-7

Akta Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan 1965 2-34

Akta Penyelarasan Perindustrian 1975 5-15

Akta Perbadanan (Kekompetenan Badan Perundangan Negeri) 1962 7-30

Akta Perhubungan Perusahaan 1967 [Akta 177] 10-7

Akta Perikanan 1985 2-34

Akta Perkhidmatan Parlimen 1963 13-3, 13-4

Akta Perlindungan Alam Sekitar 8-3

Akta Perlindungan Data Peribadi 11-20

Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007 5-11

Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] 10-7, 10-19

Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 13-5, 13-19

Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 2-34

Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 [Akta 30] 10-10

aktiviti ekonomi luar bandar 6-8, 6-9, 6-23, 7-22

aktiviti ekonomi utama 6-8

aktiviti hiliran 1-28, 1-31, 2-6, 2-33, 7-9, 7-18, 7-20, 7-21

Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA) 3-23

akuakultur 1-14, 2-30, 3-23, 3-24, 7-18, 7-21, 7-28

alam sekitar, sosial dan tadbir urus (ESG) 2-23, 2-29, 8-5, 9-15

Alat Penarafan Infrastruktur Lestari (Sustainable INFRASTAR) 2-18

amalan hijau 2-13, 2-16, 2-22, 2-23, 3-24

Amalan Peraturan Baik (GRP) 2-33

Amalan Perkilangan Baik (GMP) 3-23

Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) 2-6, 7-18

amalan terbaik 1-8, 2-17, 2-19, 2-22, 2-24, 3-16, 3-20, 3-29, 4-25, 5-26

Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) 5-10

Amanah Lestari Alam 8-5, 8-30

Anak Negeri Sabah 7-7, 7-11, 7-12, 7-27, 7-28, 7-29, 7-30

Analisis Bahaya dan Titik Kawalan Kritikal (HACCP) 3-23

analitis data raya (BDA) 2-12, 2-17, 2-18, 2-19, 4-24, 5-25, 11-5, 11-28

animasi 3-5, 3-19, 11-18

Association of Southeast Asian Nations (ASEAN) 2-26, 3-23, 3-28, 11-8, 11-10, 11-13, 11-18, 11-27

asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak (ECCE) 5-11, 5-14, 5-21, 5-22, 5-27, 5-29, 5-37, 5-39, 10-13, 10-23

atlet 4-8, 4-12, 4-27, 7-7

audit teknologi 11-5

automasi 1-17, 2-3, 2-6, 2-9, 2-20, 2-21, 2-30, 3-7, 3-14, 3-20, 3-24, 3-27, 6-15, 7-18, 7-19, 7-20, 10-6, 10-11, 10-12, 10-19, 10-21, 11-5, 11-8

autonomi 1-30, 10-10, 10-14, 10-23

B

B40 3-28, 5-2, 5-3, 5-4, 5-5, 5-8, 5-9, 5-12, 5-13, 5-14, 5-16, 5-17, 5-18, 5-23, 5-24, 5-26, 5-27, 5-31, 5-40

badan sukan 4-8, 4-12, 4-26

bahan api biojet 3-18

bahan api fosil 11-5

bahan berbahaya 8-7, 8-20, 8-21

bahan cemar 9-9, 9-18, 9-21

bakat digital 11-6, 11-10, 11-13, 11-14, 11-17, 11-18

bakat laten 11-17

bakat tersedia masa hadapan 10-15, 10-17, 10-22, 10-24, 10-25, 11-29

Bandar Mesra Usia 5-40

bandar pintar 11-17

bandar yang mampan 6-10, 6-11, 6-13, 6-18, 6-19, 6-20, 6-21, 6-25

bangunan hijau 2-18, 6-21

bangunan komersial 7-15

bank bergerak 7-20

bantuan kewangan 7-23

bas perantara 12-7, 12-12

bayaran untuk perkhidmatan ekosistem 8-26

behavioural insights 8-29, 13-17, 13-18

bekalan air 4-6, 6-5, 6-7, 6-9, 6-10, 6-16, 6-22, 7-6, 7-8, 7-15, 7-17, 7-19, 7-22, 7-28, 9-2, 9-3, 9-4, 9-5, 9-7, 9-9, 9-16, 9-17, 9-19, 9-20, 9-21

bekalan air alternatif 6-22, 7-22

Bekalan Air dan Kebersihan Alam Sekeliling (BAKAS) 9-5

bekalan elektrik 6-3, 6-4, 6-7, 6-10, 6-22, 7-3, 7-4, 7-6, 7-8, 7-15, 7-22, 9-3, 9-4, 9-5, 9-6, 9-8, 9-13, 9-14, 9-15, 9-23

Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) 9-5

bekalan makanan 1-28

belia 5-4, 5-8, 5-11, 5-13, 5-15, 5-16, 5-17, 5-19, 5-22, 5-27, 5-32, 5-33, 5-38, 5-39, 11-18, 11-25

bentuk muka bumi 7-8, 11-7

berkemahiran rendah 1-17, 1-19, 1-30, 3-7, 3-8, 3-9, 5-13, 5-14, 5-16, 6-9, 7-20, 10-3, 10-6, 10-11, 10-12, 10-21, 11-8

berpaksikan rakyat 1-21, 1-32, 13-2, 13-13, 13-14, 13-15

biobahan api 9-8, 9-13, 9-14

biodiesel 9-5, 9-14

biodiversiti 3-8, 7-10, 7-23

bioefluen 9-22

bioenap cemar 9-22

biogas 1-29, 3-6, 9-8, 9-15, 9-22

biojisim 1-29, 3-2, 3-4, 3-6, 3-9, 3-10, 3-12, 3-13, 3-25, 5-33, 9-8, 9-15

bioteknologi 3-26, 3-27, 5-9

Blueprint Mobiliti Rendah Karbon 12-17

Blueprint Produktiviti Malaysia (MPB) 1-8, 1-26, 2-7

Blueprint Sektor Perkhidmatan 2-7

buangan peralatan elektrik dan elektronik (e-sisa) 8-19

Bumiputera Sarawak 7-7, 7-11, 7-12, 7-27, 7-28, 7-29, 7-30

C

carbon offsetting 3-18, 7-25

Carbon Offsetting and Reduction Scheme for International Aviation (CORSIA) 3-7, 12-17

Central Forest Spine (CFS) 8-5

Climate Governance Malaysia 8-5

Collaborative Research in Engineering, Science and Technology (CREST) 11-5

Common European Framework of Reference (CEFR) 10-24, 10-25

Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 1-13

Cukai Jualan dan Cukai Perkhidmatan (SST) 1-13

cukai karbon 8-13

cuti paterniti 5-40

D

Dana Ekuiti Elektronik dan Elektrik 11-5

dana masyarakat 4-30

dana mudah cara 5-10

Dana Pembiayaan Pembangunan Mampan 8-5

Dana Pengangkutan Awam 8-5

Dana Strategik Pelaburan Tempatan (DISF) 2-7, 3-15

Dasar 4IR Negara 11-15, 11-17

Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030) 3-23

Dasar Agromakanan Negara 2.0 (DAN 2.0) 3-23

Dasar Automotif Negara 2-6

dasar berasaskan bukti (EBP) 2-16
Dasar Ekonomi Baru (DEB) I-5
dasar fiskal 1-3, 1-13, 1-14, 1-31
Dasar Industri Kreatif Negara 2010 (DIKN) 3-7, 3-19
dasar kawal selia 1-8
Dasar Kebersihan Negara 4-25, 8-6
Dasar Keusahawanan Nasional (DKN 2030) 3-6, 3-26
Dasar Komuniti Negara (DKN) 3-6, 3-26, 4-25
dasar monetari 1-3, 1-8, 1-23
Dasar Negara mengenai Industri 4.0 (Industry4WRD) 1-28, 11-3, 11-4
Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 6-23
Dasar Pembangunan Nasional (DPN) I-5, I-6
Dasar Pendidikan Untuk Semua 10-27
Dasar Pengangkutan Negara (DPN) 12-3, 12-4, 12-5
Dasar Perancangan Strategik Kebangsaan 7-11
Dasar Perbandaran Negara 6-19, 7-11
Dasar Sifar Penolakan 10-27
Dasar Tenaga Negara 9-10, 9-12, 9-13
Dasar Transformasi Negara (DTN) I-5, I-6
Dasar Wawasan Negara (DWN) I-5
data analitik 13-17
daya huni 6-9, 6-10, 6-17, 6-18, 6-21, 7-23, 7-24, 11-26
daya saing I-12, I-13, I-14, I-15, I-17, I-20, 1-8, 1-18, 1-27, 1-31, 2-2, 2-9, 2-10, 2-11, 3-7, 3-8, 3-9, 3-12, 3-13, 3-15, 3-16, 3-18, 3-21, 3-22, 3-23, 3-26, 3-27, 7-5, 7-6, 7-9, 7-18, 7-19, 7-23, 11-2, 11-14, 11-16, 11-18, 11-29
daya tahan 1-16, 1-25, 1-31, 1-33, 2-10, 2-13, 2-17, 2-22, 2-26, 2-27, 2-29, 2-33, 7-15, 7-24, 11-2, 11-25, 11-26, 11-29
defisit fiskal 1-3, 1-13
Desa Lestari 6-8, 7-22
diaspora Malaysia 10-11, 10-19
Digital Educational Learning Initiative Malaysia (DELIMa) 10-8, 10-26
Digital On-Boarding for Micro Businesses (DigitalNiaga) 3-27
diod pemancar cahaya (LED) 3-14, 11-21
Diploma Kemahiran Malaysia 10-10
dua tahun di universiti dan dua tahun dalam industri (2u2i) 10-9, 11-24

E

eBerkat 11-19
e-dagang 1-9, 1-30, 1-31, 2-7, 2-17, 2-18, 2-24, 3-23, 3-27, 3-28, 6-23, 7-19, 7-23, 11-6, 11-11, 11-13, 11-15, 11-20, 12-7
efluen 9-19, 9-21, 9-22
e-Invoicing 11-15
eKasih 5-25, 9-6
ekonomi berasaskan teknologi tinggi 11-8, 11-9, 11-29
ekonomi berpendapatan tinggi 3-2
ekonomi bidangan 2-11, 3-28, 7-22, 7-23, 11-7
ekonomi biru 8-24
ekonomi digital I-15, I-16, 3-9, 3-16, 3-26, 6-8, 6-9, 6-20, 7-9, 7-17, 7-18, 11-2, 11-3, 11-6, 11-7, 11-9, 11-10, 11-11, 11-13, 11-14, 11-15, 11-17, 11-18, 11-19, 11-20, 11-21, 11-25, 11-29

ekonomi gig 11-15, 11-16
ekonomi hijau 1-14, 1-31, 11-29
ekonomi kitaran I-14, I-19, 2-18, 2-22, 2-23, 9-20, 9-22
ekonomi linear 8-7, 8-15, 8-16, 8-17
ekonomi perkongsian 5-8, 5-29, 5-39, 5-40, 11-11, 11-13, 11-15, 11-16, 11-20
ekopelancongan 3-20, 5-37, 7-19, 7-28
ekosistem digital 11-16, 11-17, 11-18, 11-20
ekosistem perniagaan 1-27, 2-26
ekosistem tadbir urus 13-2, 13-7, 13-8, 13-10, 13-14, 13-19, 13-23
ekosistem yang terosot 8-3
ekspatriat 10-12, 10-19
eksport kasar 1-12, 1-30
ekuiti 2-7, 5-9, 5-10, 5-14, 5-15, 5-30, 5-32, 5-35, 5-36
Elaun Cukai Pelaburan Hijau (GITA) 8-14
Elaun Modal Kelengkapan Automasi 2-21
elektrik dan elektronik (E&E) I-14, I-17, 1-10, 1-12, 1-28, 1-30, 2-9, 2-19, 2-34, 3-2, 3-5, 3-7, 3-9, 3-13, 3-14, 3-15, 11-8
employee ownership trust (EOT) 10-18
enap cemar 9-22
enrolmen murid 7-7, 10-3, 10-13, 10-17, 10-25
enrolmen sejagat 10-3, 10-5, 10-17
e-Panggilan 4-22, 6-22, 7-22, 12-7, 12-12
eRezeki 5-8, 7-18, 11-20
e-sports 3-19, 4-8, 4-28
eUsahawan 7-18, 11-20
e-Warga Emas 5-40

F

faktor topografi 7-11
fasiliti penjagaan kesihatan 4-7, 4-21, 4-22, 7-26
fasiliti penjagaan kesihatan awam 4-7
Felo Perdana dan Felo Korporat 5-11
fintech 11-19
Fixed Based Operator (FBO) 3-17
fotovoltan 3-4, 9-5, 9-15
frekuensi radio 11-5

G

gaji dan upah penengah bulanan 10-3, 10-4, 10-6, 10-7, 10-17
gaji minimum 1-26, 10-7, 10-12, 10-29
Garis Panduan Amalan Baik (GGP) 10-26
Garis Panduan Perancangan Fizikal bagi Warga Emas 5-11, 5-16, 5-40
Garis Panduan Perancangan Reka Bentuk Sejagat 5-16
gas asli 1-29, 2-34, 7-9, 7-18, 9-6, 9-7, 9-13, 9-14
gas asli cecair (LNG) 1-12, 1-29, 1-30, 8-7, 8-15, 8-16, 8-17, 9-6, 9-8
gas rumah kaca (GHG) I-11, I-19, 3-6, 3-25, 7-24
gaya hidup 3-24, 4-1, 4-2, 4-3, 4-5, 4-7, 4-8, 4-12, 4-20, 4-25, 4-26, 4-31, 11-21
generasi kelima teknologi tanpa wayar (5G) 3-16, 11-17, 11-28
geopark 3-8
geospatial 8-20, 8-25
Global Entrepreneurship Index (GEI) 11-8
Global Innovation Index 11-8, 11-9, 11-12
Going Export (GoEx) 2-26

Greater Kuala Lumpur/Klang Valley (GKL/KV) 12-4, 12-5, 12-6, 12-11
gudang 2-11, 12-7, 12-9, 12-11, 12-16, 12-17
guna tanah 1-31, 6-9, 6-20, 6-21, 6-23, 7-9
guna tenaga luar bandar 6-9
guna tenaga penuh 1-14, 1-23, 1-32, 10-3, 10-6
guna tenaga tidak penuh 10-21

H

Hab Halal Tanjung Manis 7-17
Hab Perkongsian Data Kerajaan Malaysia (MyGDX) 13-17
had beban reka bentuk 7-8
Had Perubahan Boleh Diterima (LAC) 3-8, 3-21
hak cipta 11-5
hak harta intelek (IPR) 11-23
hak milik tanah 7-7, 7-29
hakisan 8-8, 9-10, 9-21
halal 3-2, 3-6, 3-8, 3-9, 3-13, 3-22, 3-23, 3-27
harta intelek (IP) 3-5, 3-7, 3-19, 3-28, 3-29, 11-5, 11-18, 11-21, 11-23
hartanah 1-10, 5-10, 5-14, 5-15, 5-32, 5-34
hasil bukan berasaskan tarif 9-20
Heart of Borneo 7-5
huffaz 5-14, 5-32, 5-33
hydrocarbon fingerprinting 8-20

I

identiti digital nasional (NDI) 11-20, 11-21
iklim mikro 8-13, 8-24
IlmuKeluarga@LPPKN 5-12
imbangan pembayaran 1-4, 1-12, 1-13, 1-31
IMD World Digital Competitiveness Ranking 2020 11-6
import kasar 1-12, 1-31
Indeks Belia Malaysia 5-4, 5-16, 5-19
Indeks Budaya Sukan Malaysia 2-7, 4-15
Indeks Gaji Kebangsaan (NWI) 10-11, 10-18, 10-19
Indeks Keadaan Bangunan Sekolah 7-25, 10-24
Indeks Kemiskinan Pelbagai Dimensi (MPI) I-10, 5-5, 5-6, 5-18
Indeks Kesejahteraan Keluarga 5-4, 5-16, 5-19
Indeks Kesejahteraan Rakyat Malaysia (MyWI) 1-3, 1-5, 1-15, 1-25, 4-2, 4-14
Indeks Pengangkutan Hijau 12-10, 12-15
indeks perkembangan kanak-kanak kebangsaan 5-39
Indeks Perpaduan Nasional (IPNas) 4-9, 4-15
Indeks Persepsi Rasuah (CPI) I-12, 13-4, 13-11, 13-19
Indikator Ekonomi Hijau (GEI) 1-14, 1-15
Industri Aeroangkasa 3-5, 3-7, 3-9, 3-13, 3-16, 3-17, 3-18
industri berintensifkan pengetahuan 1-30
industri berorientasikan eksport 1-10
industri digital 11-6
industri kotej luar bandar 6-23, 7-22
industri kreatif 3-5, 3-7, 3-8, 3-10, 3-13, 3-18, 3-19
industri sukan 4-12, 4-13, 4-25, 4-26, 4-27, 4-28
inflasi 1-2, 1-3, 1-4, 1-6, 1-14, 1-22, 1-23, 1-24, 1-32
infrastruktur berkualiti 11-2, 11-4

infrastruktur digital 3-7, 3-15, 3-16, 7-8, 7-9, 7-13, 7-15, 7-19, 7-22, 7-23, 7-25, 11-2, 11-3, 11-5, 11-6, 11-7, 11-14, 11-16, 11-17

infrastruktur luar bandar 6-9, 6-22, 6-23

inklusif 1-2, 1-23, 2-27, 2-28, 2-31, 3-2, 3-12, 3-13, 3-22, 3-23, 3-26, 3-27, 3-28, 5-2, 5-5, 5-12, 5-16, 5-21, 5-26, 5-27, 5-30, 5-36, 7-31, 11-2, 11-9, 11-10, 11-11, 11-14, 11-16, 11-17, 11-19, 11-20, 11-25, 11-28, 11-29

Inquiry-Based Mathematics Education (IBME) 10-23

Inquiry-Based Science Education (IBSE) 10-23

insiden kemiskinan 5-5, 5-6, 5-13, 5-14, 5-15, 5-23, 5-25, 7-5, 7-10, 7-27

Institusi Kewangan Pembangunan (DFI) 2-11, 2-31, 3-29, 5-34, 6-8, 6-9, 6-10, 6-11, 6-13, 6-17, 6-22, 6-25, 7-8, 7-11, 7-30

institusi pendidikan tinggi (IPT) 1-27, 4-7, 4-9, 4-17, 4-20, 4-21, 4-22, 4-26, 4-27, 4-29, 10-3, 10-9, 10-10, 10-13, 10-14, 10-17, 10-24, 10-25, 10-26, 10-27

institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS) 2-7, 2-19, 2-34, 10-9, 10-11

institusi penyelidikan 1-31, 2-16, 2-19, 2-20, 11-5, 11-24

Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak 7-30

institut latihan kemahiran awam (ILKA) 7-7

institut pendidikan guru (IPG) 10-8, 10-23

Institut Pengajian Islam dan Dakwah Sabah 7-30

Institut Penyelidikan Pembinaan Malaysia 2-33

instrumen perundangan 7-11

integrasi sistem 4-18, 4-19

intensiti tenaga 1-14

internet benda (IoT) 1-30, 2-9, 3-14, 3-24, 10-26, 11-26, 11-28

isi rumah berpendapatan rendah dan sederhana 4-3, 4-5, 4-11

isi rumah miskin 4-3, 4-5, 4-7, 4-8, 5-2, 5-13, 5-17, 5-20, 5-21, 5-22, 5-24, 5-25, 7-10, 7-14, 7-26, 7-27, 7-28

J

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) 3-19, 3-20

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) 3-22

Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) 10-24, 10-25

Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) 9-6, 10-24, 10-25

Jabatan Kerja Raya 10-24

Jabatan Pelajaran Negeri (JPN) 10-9, 10-27

Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK) 10-10

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN) 4-9, 10-24, 10-25

jalan luar bandar 6-7, 6-13, 7-6, 7-13, 7-22

Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) 11-5

Jalur Lebar Pinggir Bandar (SUBB) 11-5

jalur lebar talian tetap 11-3, 11-4, 11-5, 11-6, 11-11, 11-17

jaminan bekalan air 9-2, 9-7, 9-17, 9-21

jaminan bekalan makanan 1-28

Jaringan Penyelidikan Awam-Swasta (PPRN) 10-10

Jawatankuasa Bersama mengenai Perubahan Iklim 8-5, 8-29

Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) 13-5
Jawatankuasa Menangani Keganasan Rumah Tangga 5-11
Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung 6-23
jenayah indeks 4-3, 4-4, 4-14
jenayah siber 4-6, 4-10, 4-17, 11-7
Jumlah Beban Harian Maksimum (TMDL) 8-6, 9-12, 9-18, 9-19
jurang digital 7-10, 7-25, 11-1, 11-2, 11-6, 11-7
jurang pembangunan 1-16, 1-19, 1-29
jurang pendapatan 1-29, 7-5

K

kadar kesuburan (TFR) 10-6
kadar kitar semula 8-3, 8-6, 8-7, 8-21
kadar penyertaan tenaga buruh (LFPR) 10-6
kadar penyertaan tenaga buruh wanita (FLFPR) 1-32, 5-16, 10-11, 10-19
Kampung Baru 5-3, 5-10, 5-13, 5-27
kapasiti penjanaan 7-8, 7-22, 9-6, 9-15
kapasiti terpasang 8-4, 8-6, 8-14, 9-3, 9-4, 9-5, 9-6, 9-8, 9-12, 9-14, 9-15
kargo 7-16, 7-19, 12-3, 12-6, 12-7, 12-8, 12-9, 12-12, 12-14, 12-15
kawalan penyakit 4-11, 4-20, 4-23
kawasan berpenduduk 7-15, 11-3, 11-4, 11-11, 11-21
kawasan hijau dan biru 8-13
kawasan litupan hutan 8-24
kawasan luar bandar 1-29, 2-11, 3-26, 6-8, 6-9, 6-10, 6-11, 6-13, 6-15, 6-22, 6-23, 6-25, 7-2, 7-3, 7-6, 7-8, 7-10, 7-15, 7-19, 7-21, 7-22, 7-26, 7-28, 11-7, 11-12
kawasan pedalaman 4-21, 6-15, 6-22, 7-9, 7-10, 7-16, 7-22
Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu 7-18
kawasan perindustrian 2-1, 2-2, 2-12, 2-13, 2-15, 2-30, 2-31, 7-9, 7-16, 7-17, 7-23
kawasan perlindungan 7-5, 7-24, 8-3, 8-5, 8-24, 8-26
Kawasan Perlindungan Marin (MPA) 7-5, 8-5, 8-22
Kawasan Perlindungan Sepenuhnya 7-5, 8-2, 8-8, 8-11, 8-12, 8-20
kawasan tadahan air 9-5, 9-20
kawasan terpencil 6-7, 6-9, 6-22, 7-5, 7-21
kawasan titik tumpuan 6-11, 6-14, 6-15
keadilan sosial 5-2, 5-16, 5-41
kebergantungan subsidi 7-11
kebolehpasaran graduan (GE) I-10, 10-10
kebudayaan 3-18, 3-19, 3-20
kecekapan tenaga (EE) 9-5, 9-7, 9-8, 9-14, 9-16, 11-25
kecerdasan buatan (AI) 1-30, 2-10, 2-18, 2-19, 3-14, 3-20, 3-24, 3-27, 5-32, 7-19, 10-21, 10-25, 11-28, 13-5, 13-19
keciciran murid 10-23
kedaulatan negara 4-1, 4-2, 4-10, 4-12, 4-14, 4-16
kekurangan bakat 3-7, 3-9, 7-11, 11-2, 11-6, 11-8
Kelab Rukun Negara 4-3, 4-5

kelajuan perkhidmatan jalur lebar talian tetap 11-5
kelajuan purata muat turun global 11-8
Kelayakan Profesional Pemimpin Pendidikan Kebangsaan (NPQEL) 10-26
Kelayakan Profesional Pemimpin Sistem Kebangsaan (NPQSL) 10-26
keluaran dalam negeri kasar (KDNK) I-9, 1-3, 1-4, 1-5, 1-8, 1-9, 1-10, 1-11, 1-19, 1-23, 1-25, 1-26, 1-27, 1-28, 1-29, 1-30, 3-3, 3-4, 3-5, 3-6, 3-10, 3-11, 3-13, 3-14, 3-17, 3-18, 3-22, 3-26, 10-3, 10-4, 10-6, 10-11, 10-17
Keluarga@Kerja 5-12
kemajuan teknologi 2-11, 11-2, 11-5, 11-9, 11-13
kemakmuran bersama 2-29, 11-25, 11-26
kemampanan I-3, I-13, I-14, I-15, I-16, I-19, 1-2, 1-16, 1-28, 1-31, 1-33, 2-16, 2-23, 2-24, 2-25, 2-27, 2-31, 2-33, 4-11, 4-22, 9-2, 9-3, 9-6, 9-7, 9-8, 9-9, 9-10, 9-11, 9-13, 9-14, 9-19, 9-20, 9-22
kemampanan alam sekitar 1-31
kemampanan fiskal 1-2, 1-28, 1-31
kemampuan 9-2, 11-3, 11-6, 11-15
Kementerian Komunikasi dan Multimedia 3-19
Kementerian Pelancongan Malaysia, Seni dan Budaya (MOTAC) 3-19
kemerosotan 3-8, 11-8
kemiskinan mutlak 5-5, 5-14, 5-18, 7-5, 7-10, 7-25
kemiskinan pelbagai dimensi 5-4, 5-5, 5-6, 5-13, 5-18, 5-25
kemiskinan relatif 5-5, 5-18, 5-24
kemudahan asas I-10, 5-2, 5-6, 5-10, 5-22, 5-27, 5-37, 6-2, 6-9, 6-10, 6-17, 6-22, 7-26, 7-29
kenderaan alternatif 12-12, 12-17
kenderaan elektrik 8-14, 11-5, 11-25, 12-17
kepadatan ekonomi 6-9, 6-20
kerajaan dengan kerajaan (G2G) 3-7, 3-17, 3-28
kerajaan dengan perniagaan (G2B) 3-7, 3-17
Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) 3-22, 10-15
kerjasama awam swasta 11-18, 11-24
kerjasama triple-helix 6-16, 8-14, 8-15, 8-19
kesatuan sekerja 10-18, 10-19
kesejahteraan 1-4, 1-21, 1-23, 1-29, 4-2, 4-3, 4-10, 4-11, 4-12, 4-13, 4-14, 4-18, 4-19, 4-26, 4-27, 4-31, 11-8, 11-16, 11-25
kesejahteraan sosial 1-15, 1-32, 11-25
keselamatan makanan 2-22, 2-34, 4-20, 4-23
keselamatan negara I-13, I-14, I-18, 4-2, 4-3, 4-6, 4-10, 4-12, 4-17, 4-18, 4-19, 4-31, 7-10
keselamatan siber 4-17, 11-6, 11-7, 11-13, 11-15, 11-16, 11-17, 11-18, 11-19, 11-28, 13-16
kesepaduan sosial 4-1, 4-2, 4-3, 4-5, 4-9, 4-10, 4-12, 4-28, 4-29, 4-30
kesesakan 3-8, 4-11
kesihatan alam sekitar 8-20
kesihatan bumi 8-2, 8-8, 8-11, 8-12, 8-20
kesukarelawanan 4-6, 4-10, 4-11, 4-18, 4-29, 4-30, 5-11, 5-16, 5-39
ketegangan perdagangan 1-2, 1-3, 1-11, 1-16, 1-21, 1-31, 2-35

Ketegasan, Ketahanan, Memulakan Semula, Pemulihan, Memperkasa dan Menyusun Semula (6R) I-3
ketenteraman awam 4-1, 4-2, 4-10, 4-11, 4-17, 4-18, 4-19, 4-31, 7-8, 7-10, 7-12, 7-25
keterangkuman pendigitalan 11-9, 11-13, 11-18, 11-19, 11-20
keterangkuman sosial 8-2
ketersambungan antara bandar dan luar bandar 6-22
ketersambungan batuan akhir 6-9, 6-21, 7-16, 7-19
ketersambungan batuan pertama dan akhir I-15, 6-9, 6-21, 12-2, 12-3, 12-7, 12-8, 12-12, 12-13, 12-18
ketersambungan jalur lebar 5-22, 7-13, 7-15, 7-28, 11-8, 11-11
ketidaksamaan gender 5-15, 5-39
ketidaksamarataan 1-2, 11-7
ketidaksamarataan pendapatan I-7, I-10, 5-5, 5-20, 5-25
Kilim Geoforest Park 3-20
kitaran air tertutup 9-6, 9-22
klinik kesihatan bergerak 4-7, 4-20, 6-7
Kluster Industri Minyak Sawit 7-17
Kod Amalan Akreditasi Program TVET (COPTPA) 10-10
Kompleks Kraftangan dan Balai Seni 3-21
komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam (CEPA) I-4, 8-30, 12-18
Komuniti Ekonomi Bumiputera (BEC) 5-2, 5-3, 5-4, 5-9, 5-41
komuniti luar bandar 6-7, 6-9, 6-23, 7-7, 7-23, 11-7
komuniti setempat 3-20, 3-24, 4-17, 4-18, 4-20, 4-25, 4-26, 7-5, 7-9, 7-19, 7-21, 7-24, 7-26
Komuniti Sihat Pembina Negara (KOSPEN) 4-7, 4-22
konflik antara manusia dengan hidupan liar 8-8
konsolidasi fiskal 1-2, 1-13, 1-16, 1-21, 1-31
Konvensyen Kepelbagaian Biologi (CBD) 8-5
koperasi dan persatuan berkaitan pertanian 2-17, 2-18, 2-23, 2-24, 3-6, 3-24
koridor ekologi 8-5, 8-23
Koridor Ekonomi Borneo Barat 7-16
Koridor Raya Multimedia (MSC) 3-5, 11-14, 11-18
Koridor Pembangunan Sabah (SDC) 7-11
kos menjalankan perniagaan 1-8, 7-16
kraftangan 3-20, 3-21, 7-7
kualiti hidup 4-7, 7-15, 7-26, 7-30, 11-22, 11-26, 11-28
kualiti penyampaian perkhidmatan 4-11, 7-11, 11-7, 13-8, 13-15
kualiti perkhidmatan 2-19, 2-34, 4-23, 7-26, 11-3, 13-8
kuasa beli 1-3, 1-31
kumbahan 7-15, 9-6, 9-10, 9-19
kumpulan M40 5-12, 5-13, 5-14, 11-7
kumpulan mudah terjejas 5-9, 5-23, 11-7, 11-20
Kumpulan Wang Pemberian Perkhidmatan Sejagat 11-17
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1-8, 1-14
kurangkan, guna semula dan kitar semula (3R) 8-16
Kurikulum Bersepadu Tahfiz 10-23
Kurikulum Pendidikan Khas 10-27
Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) 10-8

Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan Pendidikan Khas (KSPK PK)	10-15
L	
label hijau	8-19
laluan pejalan kaki	9-5
Landasan Berkembar Elektrik Gemas-Johor Bharu (GJB)	12-5, 12-13
Landasan Keretapi Pantai Timur (ECRL)	12-5, 12-12, 12-13
landasan pertumbuhan	1-2
langkah lain yang berkesan untuk pemuliharaan berasaskan kawasan (OECM)	2-19
lapangan terbang	6-7, 7-6, 7-16, 7-18, 12-3, 12-6, 12-7, 12-8, 12-9, 12-12, 12-15, 12-16
Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu	7-18
Lapangan Terbang Mukah	7-7, 12-6
laporan Bank Dunia Doing Business 2020	11-9
lebihan kendalian kasar (GOS)	1-11
Lebuhraya Pan Borneo	1-28, 6-7, 6-18, 7-6, 7-15, 7-19
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA)	9-6
Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA)	9-6
Lembaga Teknologis Malaysia (MBOT)	10-10, 10-28
Lembah Danum	3-20
Lighthouse Project	3-14
liputan bekalan air	6-7, 6-22, 7-6, 7-15, 7-22, 9-3, 9-5, 9-6
liputan jalur lebar	6-7, 6-9, 6-16, 6-22, 7-6, 7-15, 7-22, 11-4
liputan televisyen terestrial digital	11-3, 11-4
litar bersepadu (IC)	3-15
literasi digital	11-7
literasi kesihatan	4-6, 4-7, 4-22
literasi kewangan	5-12, 5-21, 5-29, 5-39, 5-40
M	
Mahkamah Anak Negeri	7-30
Mahkamah Bumiputera	7-30
Majlis Ekonomi Digital dan 4IR Negara	7-18, 11-15, 11-17, 13-16
Majlis Profesional Halal (HPB)	3-22
Majlis Tindakan Perubahan Iklim Negara	8-5
Maklumat Pasaran Buruh (LMI)	10-12
Malaysia Commercialisation Year (MCY)	11-5, 11-12, 11-23
Malaysia Debt Venture Technology Acceleration and Commercialisation Scheme (MDV-TACT)	11-5
Malaysia Truly Asia	3-21
marin	2-23, 7-5, 7-9, 7-24
Massive Open Online Courses (MOOCs)	10-9
masyarakat digital	11-14, 11-25, 11-28
masyarakat pribumi dan masyarakat tempatan (ILC)	8-3
matlamat pelbagai dimensi	1-4, 1-5, 1-21, 1-25, 1-33
Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)	8-5
mediator komuniti	4-9, 4-28
mekanisasi dan automasi	2-21, 3-6, 3-24, 7-20, 11-5
Mekanisme Penetapan Tarif (TSM)	9-19
mekanisme tadbir urus	2-9, 11-28
membasmi kemiskinan	5-13, 5-25, 5-31
memelihara	4-2, 4-6, 4-10, 4-13, 4-16, 4-19, 4-28, 4-30, 7-19, 7-24
memodenkan ekonomi	11-2

memorandum persefahaman (MoU) 6-7
memudah cara perdagangan 1-30, 12-3, 12-4, 12-6, 12-9, 12-16
menara telekomunikasi 7-3, 7-4
mengarus perdana gender 5-11, 5-39
mesyuarat, insentif, konvensyen dan pameran (MICE) 3-20
mineral 2-18, 2-31, 2-33, 7-18, 7-24
mini hidro 7-22
minyak dan gas 1-10, 1-28, 2-3, 2-18, 2-25, 7-17, 7-18, 7-20, 9-2, 9-7, 9-8, 9-10, 9-11, 9-12, 9-13, 9-14
minyak mentah 1-3, 1-4, 1-8, 1-10, 1-11, 1-12, 1-13, 1-14, 1-22, 1-29, 7-3, 7-9
minyak sawit 1-10, 1-12, 1-19, 1-30, 2-6, 2-26, 7-9
Minyak Sawit Mampan Malaysia (MSPO) 7-18
minyak sawit mentah 7-9
minyak, gas dan tenaga 7-21
miskin I-18, 6-21, 11-7
miskin bandar 5-3, 5-8, 5-13, 5-17, 5-20, 5-22, 6-21
mitigasi 11-15
mobiliti 6-7, 6-9, 6-16, 6-20, 6-21, 6-22, 6-23, 7-6, 7-15, 7-22, 11-26
mobiliti hijau 6-20, 6-21
mobiliti mikro 8-13, 12-12
model ekonomi perkongsian 11-16
model quadruple helix 11-15, 11-28
momentum pertumbuhan I-14, 3-2, 3-31
mudah terjejas 7-9, 11-7, 11-20
murid berkeperluan khas (MBK) 7-25, 10-11, 10-13, 10-15, 10-27, 10-28
myBAS 6-7
MyGOV*Net 7-25, 10-27, 13-7

N

negara neutral karbon 8-12, 8-13
net zero carbon emissions 8-12, 8-14, 8-28
Nexus Air-Tenaga-Makanan 9-18, 9-19
Nexus Produktiviti 1-26, 2-7, 2-8, 2-9, 2-10, 2-13, 2-16, 2-22
nilai ditambah 1-8, 1-20, 1-28, 1-29, 1-30, 1-31, 2-1, 2-3, 2-4, 2-6, 2-9, 2-10, 2-17, 2-18, 2-19, 2-20, 2-25, 2-31, 2-32, 5-14, 5-26, 5-34, 5-36, 11-22, 11-24
nilai ditambah yang tinggi 1-20, 1-28, 1-29, 1-30, 1-31, 2-2, 2-6, 2-17, 2-18, 3-7, 3-8, 3-9, 3-14, 3-16, 3-18, 3-22, 3-25, 3-29, 7-9, 7-18, 7-20, 7-21, 7-28, 11-22, 11-24
nisbah pendapatan luar bandar kepada bandar 6-13
nod pengangkutan awam 12-12
nod pertumbuhan 6-11, 6-14, 6-15, 7-21, 7-22
nod pertumbuhan utama 6-11, 6-14, 6-15, 7-21
norma baharu 3-18, 11-7

O

omnipresence 4-6, 4-17
Open Budget Index 13-11, 13-20
operasi helikopter 7-19
Orang Asli 5-2, 5-3, 5-10, 5-12, 5-13, 5-15, 5-16, 5-17, 5-36, 5-37, 5-41, 7-7, 10-11, 10-13, 10-15, 10-24, 10-26, 10-27, 10-28

orang kurang upaya (OKU) 1-32, 13-13

organisasi pembangunan usahawan (EDO) 3-29, 5-10, 5-31, 5-32, 5-34

organisma yang diubah suai secara genetik (GMO) 8-8

outcome murid 10-8, 10-23, 10-24, 10-25, 10-27

outcome pembelajaran 10-2, 10-13, 10-22, 10-23, 10-27

P

padang terbang (STOLport) 7-6

pakej insentif 6-15

Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) 1-13, 1-14

pampasan pekerja (CE) 1-3, 1-4, 1-11, 1-16, 1-19, 1-30, 10-2, 10-3, 10-6, 10-11, 10-15, 10-18, 10-29

Pan Borneo Sabah 7-6, 12-5

Pan Borneo Sarawak 6-7, 7-6, 12-5

Panduan Pendidikan Keusahawanan Bersepadu KPT 10-24

pangkalan data berpusat 3-9, 5-12, 6-23, 11-19, 12-8, 12-15

paras penggantian 5-16

parol 4-18

pasaran baru muncul 1-21, 1-22

pasaran buruh 1-3, 1-4, 1-8, 1-11, 1-14, 1-23, 1-26, 1-32, 10-2, 10-3, 10-4, 10-6, 10-7, 10-11, 10-12, 10-15, 10-17, 10-18, 10-19, 10-20, 10-21, 10-29

pasaran hijau 2-22, 7-24, 8-14, 8-15

paten 11-5, 11-12

patriotisme 4-9, 4-29, 4-30

pegawai integriti bertauliah 13-5

Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) 10-8, 10-25

Pejabat Pengurusan Perubahan Strategik (SCMO) 11-15

Pejabat Penyelarasan Industri Aeroangkasa Kebangsaan (NAICO) 3-16

Pejabat Penyeragaman dan Penyelarasan Insentif (ICCO) 2-32

pekali Gini I-7, I-10

pekebun kecil 2-6, 2-21, 2-26, 7-23, 11-17

pekerja asing 1-13, 1-30, 2-9, 2-17, 2-30, 3-7, 3-23, 7-20, 10-3, 10-6, 10-11, 10-18, 10-19, 10-20, 11-8, 11-28

pekerja berkemahiran rendah 1-17, 1-19, 2-21, 11-8

pekerja gig 10-20, 10-21, 10-22

pekerjaan mahir 1-19, 1-30, 10-12, 10-21

pekerjaan tidak formal 10-12, 10-13, 10-21

pelabuhan 7-16, 7-19, 12-6, 12-7, 12-8, 12-9, 12-10, 12-12, 12-14, 12-15, 12-16

pelabuhan kontena darat 7-19

pelaburan awam 1-6, 1-9, 1-24, 1-27, 1-28, 11-16

pelaburan langsung asing (FDI) 1-9, 1-27, 2-21, 2-34, 3-5

pelaburan swasta 1-6, 1-8, 1-9, 1-24, 1-26, 1-27, 2-33

pelaburan yang direalisasi 7-5

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 13-5, 13-19

pelan data percuma 11-18

Pelan Gentian Optik dan Kesalinghubungan Negara (NFCP) 11-16

Pelan Hala Tuju ke arah Sifar Plastik Sekali Guna 2018-2030 8-6

pelan induk bagi industri gas 7-18

Pelan Induk Industri Halal 2030 (HIMP 2030) 3-22

Pelan Induk Logistik dan Fasilitasi Perdagangan 12-9
Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) I-19, 7-15, 10-28, 11-16
Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) 1-13
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 10-23
Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi) 10-8
Pelan Pembangunan Rangkaian Jalan Raya 2030 (HNDP 2030) 12-5, 12-17
Pelan Pemulihan Negara (PPN) I-3
Pelan Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) 9-7
pelan spatial kawasan marin 8-5
Pelan Strategi Kebangsaan bagi Menangani Punca Perkahwinan Bawah Umur 5-39
Pelan Tindakan Aksesibiliti Orang Kurang Upaya 5-11
Pelan Tindakan Ekonomi Jangka Panjang Sabah 7-11
Pelan Tindakan Keusahawanan Institusi Pendidikan Tinggi 2021-2025 10-24
Pelan Transformasi Koperasi Malaysia (TRANSKOM) 3-28
pelancongan 2-8, 2-9, 2-19, 3-2, 3-3, 3-5, 3-8, 3-9, 3-13, 3-19, 3-20, 3-21, 11-16, 11-27
pelancongan domestik 3-20, 3-21
pelancongan sukan 4-27, 4-28
pelindung kanak-kanak 5-11
peluang pekerjaan 1-32, 3-6, 3-9, 3-13, 3-18, 3-26, 6-6, 6-14, 6-15, 6-16, 7-2, 7-5, 7-6, 7-7, 7-10, 7-11, 7-19, 7-21, 7-22, 7-23, 7-25, 7-27, 10-2, 10-6, 10-12, 10-18, 10-19, 10-21, 10-24
pemacu perubahan 7-19, 8-2
pemain industri 1-31, 2-6, 2-10, 2-11, 2-17, 7-19, 11-6, 11-17, 11-28
pemaju hartanah 4-3
pemaju swasta 4-8, 4-24, 4-25, 7-26, 7-27
pemasaran 2-6, 2-11, 2-17, 2-24, 2-25, 2-31, 2-32, 2-33, 3-8, 3-21, 3-27, 3-28, 3-29, 7-5, 7-23, 7-28
pembaharuan utiliti 11-5
pembangunan bakat 2-17, 2-20, 10-2, 10-14, 10-15, 10-22, 10-24, 10-25, 10-29, 11-6, 11-8, 11-17, 11-18, 13-2, 13-6, 13-7, 13-13, 13-23
pembangunan bandar 7-9, 7-12, 7-17, 7-23, 11-17, 11-26
pembangunan berorientasikan transit (TOD) 12-12, 12-13
pembangunan berorientasikan transit yang saksama (eTOD) 8-13
pembangunan ekonomi wilayah 6-4, 6-5
pembangunan inklusif 7-2, 7-8, 7-9, 7-10, 7-11, 7-14, 7-27, 11-10, 11-12, 11-19
pembangunan kapasiti 7-18, 13-6, 13-8
pembangunan keusahawanan 3-9, 3-26, 3-29, 7-17, 7-20
pembangunan luar bandar 6-7, 6-9, 6-10, 6-22, 6-23, 7-12, 7-17, 7-22
pembangunan mampan 1-14, 1-15, 1-27
pembangunan modal insan 3-29, 7-26, 7-28, 10-2, 10-29

pembangunan sosioekonomi 1-4, 1-21, 1-29, 1-31, 2-29, 7-2, 7-5, 7-11, 7-12, 7-15, 7-20, 7-24, 7-27, 7-28, 7-29, 7-31, 11-14, 11-20, 11-21, 11-28, 13-16, 13-22
Pembangunan Sumber Manusia 10-21
pembangunan tanah 7-2, 7-7, 7-28, 7-29
pembangunan wilayah 2-29, 7-3, 7-9, 7-11, 7-20, 7-30
pembaziran 9-9, 9-22
pembelajaran digital 10-8, 10-26, 10-27, 11-7, 11-18
pembelajaran jarak jauh 11-7
pembelajaran sepanjang hayat (PSH) 5-16, 5-33, 5-40, 10-2, 10-22, 10-25
pembeli rumah 4-8, 4-11, 4-25
pembetungan 7-8, 9-3, 9-4, 9-5, 9-6, 9-19, 9-20
pembiayaan hijau 7-24, 8-2, 8-8
pembiayaan yang inovatif 11-17
Pembimbing Pakar Peningkatan Sekolah (SISC+) 10-8
pembinaan modular 2-21, 7-19
pemburuan haram 8-25
pemerdagangan orang (TIP) 4-6, 4-17
pemilik rumah 4-23, 4-24
pemilikan kekayaan 5-3, 5-4, 5-9, 5-14
pemimpin sekolah 10-8, 10-15
pemindahan ekologi fiskal 7-24, 8-5, 8-29
Pemodelan Maklumat Bangunan (BIM) 2-10, 7-19
pemulihan 1-2, 1-14, 1-21, 1-26, 1-30, 1-32, 2-19, 2-33
pemuliharaan 3-20, 7-24, 9-5, 9-9, 9-18
pencapaian inisiatif terpilih 2-1, 2-6, 7-5, 11-5
pencegahan jenayah 4-2, 4-6, 4-16, 4-17, 4-18
pencemaran 7-10, 9-5, 9-9, 9-18, 9-19, 9-21
pencemaran karbon 7-10
penciptaan kekayaan 5-17, 5-30, 5-34
Pendanaan Ramai berasaskan Ekuiti (ECF) 2-7
Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) I-7, 5-4, 5-5, 5-6, 5-7, 5-8, 5-24
pendapatan negara kasar (PNK) I-6, I-9, 1-3, 1-4, 1-5, 1-23, 1-25, 1-31, 3-11, 3-26, 3-28, 11-3, 11-4
pendapatan penengah bulanan 5-2, 5-4, 5-5, 5-11, 5-18, 5-19, 6-6, 6-12, 7-5, 7-14
pendapatan purata bulanan 5-4, 5-5, 5-8
pendapatan tinggi 1-3, 1-19, 1-26, 1-27, 1-30
pendatang asing tanpa izin (PATI) 4-2, 4-6, 4-10, 4-11, 4-16, 7-10, 10-11, 10-19
pendekatan keseluruhan kerajaan I-20
pendekatan keseluruhan negara I-17, I-18, 4-20, 4-28, 4-30
pendekatan sandbox 11-17
pendidikan berkualiti 7-10, 10-2, 10-8, 10-22, 10-27
pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional (TVET) 5-9, 5-11, 5-16, 5-21, 5-22, 5-27, 5-32, 5-37, 10-2, 10-3, 10-5, 10-10, 10-13, 10-14, 10-17, 10-22, 10-25, 10-26, 10-27, 10-28, 10-29, 11-7, 11-16, 11-18
pendidikan khas 10-15, 10-26
pendidikan pra perkahwinan 5-40

pendigitalan 2-11, 2-17, 2-18, 2-21, 3-7, 3-9, 3-14, 3-15, 3-21, 3-27, 7-18, 7-19, 7-20, 7-23, 7-24, 10-14, 10-26, 11-2, 11-6, 11-7, 11-9, 11-10, 11-11, 11-14, 11-15, 11-16, 11-18, 11-19, 11-20, 11-29, 13-2, 13-3, 13-6, 13-14, 13-15, 13-16

pendigitalan dalam pendidikan 10-14, 11-7

pendigitalan perkhidmatan sektor awam 11-7

penduduk bandar 6-6, 6-7, 6-9, 6-18, 6-19, 6-21, 7-23, 7-24

penduduk luar bandar 6-9, 6-22, 6-23, 7-6, 7-10, 11-16

penduduk yang tinggal secara berselerak 7-10

penerbangan 3-7, 3-8, 3-16, 3-18, 7-5, 7-19, 12-3, 12-6, 12-8, 12-14, 12-15, 12-16, 12-17

penerbitan 11-5

penerimagunaan teknologi 1-8, 1-17, 1-27, 1-28, 1-30, 1-31, 2-6, 2-17, 2-19, 2-20, 2-21, 2-29, 2-30, 2-33, 3-2, 3-3, 3-7, 3-8, 3-9, 3-14, 3-23, 3-24, 3-26, 3-27, 3-29, 4-3, 4-17, 4-21, 7-11, 7-17, 7-18, 7-23, 7-24, 11-2, 11-3, 11-4, 11-5, 11-6, 11-8, 11-14, 11-16, 11-17, 11-25, 11-28, 11-29, 13-5, 13-8, 13-12, 13-15

pengamal profesional kecil dan sederhana (PPKS) 2-10

pengangguran 1-6, 1-14, 1-23, 1-24, 1-32, 5-14, 5-15, 5-16, 5-32

pengangkutan air 7-22

pengangkutan awam 6-9, 6-21, 7-16, 11-17, 11-28

Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE) 8-14

pengetahuan mengenai teknologi 11-5

penggunaan awam 1-4, 1-6, 1-9, 1-24, 1-27, 1-28

penggunaan dan pengeluaran mampan 2-22

penggunaan semula air hujan 7-22

penggunaan sumber yang optimum 2-6, 2-11, 2-17, 2-18, 2-22, 2-31

penggunaan swasta 1-3, 1-6, 1-8, 1-26, 1-27

pengkomersialan harta intelek 11-18

pengkomputeran dan analitis 11-7

pengkuarian 1-8, 1-9, 1-10, 1-26, 1-28, 2-33

pengurangan risiko 8-3, 8-6, 8-12, 8-21, 8-22

pengurangan risiko bencana 8-3, 8-21, 8-22

pengurusan hutan secara mampan 8-26

Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu (IRBM) 8-6

pengurusan permintaan tenaga (DSM) 8-3, 9-3, 9-4

pengurusan risiko bencana 8-22, 8-23

pengurusan sampah 7-10

pengurusan sisa 1-19, 6-9, 6-10, 6-20, 6-22, 11-26

pengurusan sisa bersepadu 8-20

pengurusan sumber air bersepadu (IWRM) 8-27, 9-2, 9-9, 9-16, 9-17, 9-18, 9-23

Penilaian Aktiviti Jasmani, Sukan dan Ko-kurikulum (PAJSK) 10-23

Penilaian Bilik Darjah (PBD) 10-23

Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA) 8-20

penilaian impak karbon 8-14

Penilaian Psikometrik (PPsi) 10-23

peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran semula 10-12, 10-19, 11-3, 11-17, 11-18

pensijilan hijau 2-23, 8-13
penstrukturan 2-19
Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) 10-23
Pentaksiran Tingkatan Tiga (PT3) 10-23
penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19) I-2, I-13, I-14, I-15, I-16, I-18, 1-2, 1-3, 1-4, 1-8, 1-9, 1-12, 1-13, 1-14, 1-21, 1-22, 1-23, 1-26, 2-3, 2-9, 2-35, 3-3, 3-5, 3-9, 3-18, 3-20, 3-21, 3-27, 3-28, 4-2, 4-7, 4-11, 4-20, 5-2, 5-5, 5-9, 5-12, 5-13, 5-14, 5-34, 10-2, 10-3, 10-6, 10-10, 10-11, 10-12, 10-14, 10-15, 10-18, 10-21, 10-23, 10-27, 11-2, 11-7, 11-13, 11-19, 11-25
penyakit tidak berjangkit (NCD) 4-3, 4-7, 4-11, 4-20, 4-22
penyampaian perkhidmatan penjagaan kesihatan I-14, 4-1, 4-2, 4-3, 4-4, 4-6, 4-7, 4-10, 4-11, 4-12, 4-13, 4-14, 4-19, 4-21, 4-31, 7-10, 11-7
penyedia perkhidmatan air 9-2, 9-19, 9-20, 9-22
penyelenggaraan 2-11, 2-30, 3-5, 3-21, 7-8, 7-9, 7-18, 12-5, 12-8, 12-14, 12-16, 13-8, 13-9, 13-21
penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih (MRO) 2-11, 2-29, 3-5, 3-7, 3-17, 3-18, 12-14
penyelesaian berasaskan alam semula jadi 8-14
penyelidikan dan pembangunan (R&D) 1-21, 2-6, 4-8, 4-17, 4-23, 10-10, 10-14, 10-25, 10-26, 11-4, 11-6, 11-8, 11-12, 11-21, 11-22, 11-23, 11-24, 11-28, 11-29
penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi (R&D&C&I) I-15, I-16, I-19, 1-26, 1-29, 6-9, 6-15, 10-26, 11-2, 11-5, 11-6, 11-8, 11-9, 11-22, 11-23
penyertaan sosial 1-32
peralihan struktur ekonomi 1-2, 1-16, 1-18, 1-25, 1-28
Peraturan Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 5-12
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) 10-14, 10-26
perbelanjaan isi rumah 1-2, 1-3, 1-4, 1-14
perbelanjaan kasar R&D (GERD) 11-3, 11-4, 11-8, 11-12
perbelanjaan pembangunan (DE) 1-13, 1-28, 1-31, 6-5, 6-16, 6-17
perbelanjaan penyelidikan dan pembangunan oleh sektor swasta (BERD) 11-3, 11-4, 11-8, 11-12
perbelanjaan swasta 1-8
perdagangan haram hidupan liar 8-25
perikanan laut dalam 7-18
perindustrian 2-2, 2-9, 2-11, 2-12, 7-9, 7-17, 11-2, 11-6, 11-7, 11-8, 11-10, 11-25, 11-26, 11-27, 11-28
Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 1-9, 1-14, 10-3, 11-19
perjanjian perdagangan bebas (FTA) 1-30, 2-17, 2-19, 2-20, 2-21, 3-28, 11-2, 11-5, 11-6, 11-8, 11-10, 11-24, 11-25, 11-26, 11-27, 11-28, 11-29
perkhidmatan air 7-15, 9-3, 9-9, 9-19, 9-20, 9-22
Perkhidmatan Berkaitan Pembuatan (MRS) 3-14
perkhidmatan dalam talian dari peringkat awal ke akhir 13-8, 13-11
perkhidmatan dan peralatan minyak dan gas (OGSE) 2-25, 9-8, 9-12, 9-13, 9-14
perkhidmatan Doktor Udara 6-7
Perkhidmatan e-Dagang Setempat (PeDAS) 6-8
perkhidmatan ekosistem 7-10, 7-24, 7-25, 9-20

perkhidmatan global (GS) 3-2, 3-5, 3-7, 3-9, 3-13, 3-15, 3-16
perkhidmatan kejuruteraan 3-18
perkhidmatan logistik 1-31, 2-11, 2-18, 2-24, 7-10, 7-16, 7-19, 7-21, 7-28, 12-2, 12-3, 12-7, 12-14, 12-18
Perkhidmatan Pembuatan Elektronik (EMS) 3-14
perkhidmatan pengkomputeran awan 11-6
perkhidmatan penjagaan paliatif 5-40
perkhidmatan sosial 7-11, 7-12, 7-14, 7-15, 7-19, 7-25, 7-31
Perkhidmatan Tren Elektrik (ETS) 12-5, 12-6, 12-13
perkongsian data 2-16, 2-31, 2-32, 4-8, 4-12, 4-18, 4-19, 4-23, 7-24, 11-6, 11-15, 11-20, 11-27, 13-8, 13-16
perkongsian faedah secara saksama 8-2, 8-31
Perlembagaan Persekutuan 4-12, 4-29, 5-39
perniagaan dalam talian 7-9, 7-22, 7-23, 11-19, 11-20
Perniagaan Inklusif (IB) 3-29
perniagaan kepada perniagaan (B2B) 3-28
perolehan hijau kerajaan (GGP) I-11, 2-23, 8-3
Perolehan Kerajaan (PK) 1-31, 3-28, 5-32
perpaduan I-14, I-18, 4-1, 4-2, 4-3, 4-5, 4-9, 4-10, 4-12, 4-13, 4-15, 4-25, 4-28, 4-29, 4-30, 4-31
Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) 10-26, 10-27
Persatuan Nelayan Kawasan (PNK) 3-26, 3-28
Persatuan Sukan Kebangsaan (NSA) 4-27
persekitaran pembelajaran maya (VLE) 10-8
pertanian moden 2-10, 2-21, 2-30, 3-24, 7-18, 7-23
pertanian pintar 2-18, 2-19, 2-21, 2-23, 2-31, 3-2, 3-6, 3-8, 3-9, 3-13, 3-23, 3-24, 3-27
pertanian pintar dan berkelompok 6-23, 7-22
pertikaian tanah 7-7, 7-11
Pertubuhan Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) 1-8, 8-16
Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) 3-23
Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) 4-7, 4-21, 11-26
pertubuhan masyarakat sivil (CSO) 4-7, 4-9, 4-12, 4-17, 4-18, 4-20, 4-21, 4-30, 5-8, 5-11, 5-20, 5-25, 5-40, 7-28, 9-18, 11-25, 13-16, 13-19
Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) 1-10
Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) 3-26, 3-28
Pertubuhan Penerbangan Awam Antarabangsa (ICAO) 3-18
Pertukaran Saintifik antara Penyelidik dan Industri (RISE) 11-24
pertumbuhan ekonomi 1-2, 1-3, 1-8, 1-9, 1-10, 1-11, 1-12, 1-13, 1-14, 1-16, 1-21, 1-22, 1-23, 1-26, 1-28, 1-29, 1-31, 1-33, 2-2, 2-3, 2-16, 2-19, 3-2, 3-3, 3-7, 3-13, 3-16, 3-23, 3-28, 5-3, 6-9, 6-10, 6-14, 6-15, 6-16, 6-18, 6-20, 7-2, 7-3, 7-5, 7-6, 7-8, 7-9, 7-16, 7-20, 7-21, 7-23, 7-30, 7-31
pertumbuhan hijau 1-2, 1-25, 1-31, 6-14, 6-15, 7-12, 7-17, 7-22, 7-24
pertumbuhan mampan 3-18
perubahan iklim 1-21, 2-28, 11-26
perumahan awam 4-8, 4-24, 6-9, 7-8, 7-26

perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) 1-17, 1-19, 1-26, 1-27, 1-31, 2-9, 3-1, 3-3, 3-4, 3-6, 3-7, 3-8, 3-9, 3-12, 3-14, 3-16, 3-22, 3-23, 3-26, 3-27, 3-28, 3-29, 5-14, 5-34, 5-36, 6-8, 6-10, 6-15, 6-16, 6-17, 6-23, 7-5, 8-15, 10-18, 10-26, 11-5, 11-6, 11-8, 11-15, 11-16, 11-18, 11-19, 11-20, 11-23, 11-24, 11-27, 11-28
perusahaan sosial 5-8, 5-21, 7-10, 7-22, 7-28, 11-25
pesisir pantai 7-24, 8-3, 8-4, 8-5, 8-10, 8-22, 8-23, 8-24
petrokimia 2-18, 7-9, 7-18, 9-7, 9-13, 9-14
petroleum 1-10, 1-12, 1-30, 9-7
PETRONAS Floating LNG (PFLNG) 1-29, 9-6
petunjuk prestasi utama (KPI) 3-21, 3-27, 5-32, 13-15, 13-17
pihak berkuasa tempatan (PBT) 7-11
pihak yang menuntut tanah 7-11
pindahan risiko bencana 8-30
Piramid Makanan Malaysia 5-6, 5-7, 5-22
plastik sekali guna 8-6, 8-18, 8-19
platform digital 1-31, 2-24, 3-8, 3-19, 3-21, 5-8, 5-11, 5-22, 5-29, 5-31, 5-32, 5-39, 5-40, 6-18, 6-23, 7-22, 7-28, 10-8, 10-26, 10-27, 11-16, 11-19, 11-20
Platform Gerbang Tunggal Transaksi 12-15
platform kerjasama 7-27, 11-5
poket kemiskinan 7-28
portal data terbuka sektor awam 13-5
pos keselamatan 4-16, 7-27
prasekolah 7-6, 10-5, 10-8, 10-13, 10-15, 10-17, 10-23, 10-25, 10-29
prinsip pencemar yang membayar 9-18
prinsip pengguna yang membayar dan pencemar yang membayar 8-19
produk dan perkhidmatan hijau 8-15, 8-19
produk sampingan yang dihasilkan daripada pemerolehan semula sumber 9-22
produk sekali guna 8-19
produk tenusu 7-18
produktiviti buruh 1-4, 1-5, 1-8, 1-11, 1-18, 1-23, 1-25, 1-26, 1-30, 2-3, 2-5, 2-8, 2-9, 7-11, 10-2, 10-3, 10-4, 10-6, 10-17, 10-29, 11-2, 11-6, 11-8
produktiviti pelbagai faktor (MFP) 1-8, 1-26, 11-12
Program Bantuan Rumah 6-8, 6-22, 7-28
Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB) 9-5
Program Dwibahasa (DLP) 10-8
Program Grid Bekalan Air Sarawak 7-19
Program Imersif Tinggi (HIP) 10-8
program Job Coach Service 5-12
Program Kolaborasi Industri (ICP) 2-19, 3-18, 11-23
program kelayakan dan pensijilan profesional 10-24
program kesihatan seksual dan reproduktif 5-16, 5-40
Program Khidmat Bantu di Rumah 5-11
Program Klinik D'Stress 5-12
Program MyDigital Content 3-5
Program Pembangunan Profesional Berterusan 11-18
Program Pengkomersialan Nanoteknologi 11-5

Program Peningkatan Pendapatan 6-8
Program Percepatan Transformasi Digital (DTAP) 3-27
Program Perolehan Impak Sosial Kerajaan (PPISK) 3-28
Program Sukarelawan Pasca Bencana 5-11
Program Transformasi Industri Pembinaan (CITP) 2-6
Program Transformasi Perkhidmatan Bas Henti-henti 6-7
Programme for International Student Assessment (PISA) 10-3, 10-5, 10-8, 10-13, 10-17, 10-23
Projek Integrasi Tanaman Nanas 6-8
prosedur operasi standard (SOP) 12-16
proses membuat keputusan berdasarkan bukti 11-20
proses pengukuran tanah 7-3, 7-11
purata kelajuan muat turun mudah alih 11-8
Purata Nilai Gred Kumulatif (PNGK) 10-13
Purata Nilai Gred Kumulatif Bersepadu (iCGPA) 10-13
Pusat Analisis Halal Malaysia (MyHAC) 3-22
Pusat GENIUS Kurnia 7-25, 10-28
Pusat Governans, Integriti & Anti-Rasuah Nasional (GIACC) I-12, 13-5
Pusat Internet Desa (PID) 3-29
Pusat Internet Komuniti (PIK) 3-29
Pusat Kecemerlangan Industri (ICoE) 10-10
Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE) 10-10, 10-25, 11-5
Pusat Komuniti Desa (PKD) 6-8, 6-23, 7-22
Pusat Konservasi Harimau Kebangsaan 8-6
Pusat Menyelamat Hidupan Liar Kebangsaan 8-6
pusat penjagaan kanak-kanak 5-15
Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas 7-25, 10-28
Pusat Subfertiliti 5-40

Q

Quacquarelli Symonds World University Rankings (QSWUR) 10-3, 10-5, 10-10, 10-17

R

Race to Zero 8-12
Rakan Peningkatan Prestasi Sekolah (SIPartner+) 10-8
Rancangan Fizikal Negara 6-19, 7-11
Rangka Kerja Industri Aeroangkasa 3-16, 3-17, 3-19
rangka kerja institusi 2-32, 2-33, 3-19
rangka kerja kemahiran kebangsaan 10-20, 10-21
Rangka Tindakan (Blueprint) Ekonomi Digital Malaysia I-20, 3-9, 3-16, 11-14, 11-15
Rangka Tindakan Industri Aeroangkasa Malaysia 2030 (MAIB 2030) 3-5, 3-16, 3-17
rangkaian kawasan luas (WAN) 7-25, 10-27
rangkaian kawasan setempat (LAN) 2-17, 2-34, 4-17, 6-6, 7-11, 10-27, 11-17, 13-4, 13-5, 13-6, 13-7, 13-8, 13-11, 13-15, 13-16
rantaian bekalan 1-3, 1-28, 4-20, 5-2, 5-14, 5-21, 5-26, 5-33, 5-34, 11-9, 11-24
rantaian nilai 1-2, 1-16, 1-18, 1-19, 1-20, 1-28, 1-30, 2-3, 2-11, 2-13, 2-16, 2-17, 2-18, 2-19, 2-20, 2-21, 2-22, 2-24, 2-29, 2-30, 2-31, 2-32, 2-33, 11-8, 11-18
rantaian nilai global (GVC) 1-2, 1-16, 1-20, 2-3, 2-11, 2-25, 3-16, 3-18, 3-28
rawatan air dan air sisa 9-10, 9-20, 9-22
realiti terimbuh (AR) 2-17, 10-27
Reformasi Pendidikan Bahasa Inggeris di Malaysia: Pelan Hala Tuju 2015-2025 10-23

reformasi struktur	2-2, 2-3
Regional Comprehensive Economic Partnership (RCEP)	1-30
regulatory sandbox	11-18, 11-28
reka bentuk dan pembangunan (D&D)	3-14, 3-15
reka bentuk sejagat	5-16
Reka Bentuk dan Teknologi (RBT)	10-27
Rekod Perubatan Elektronik (EMR)	4-23
rel	5-12
rendah karbon	2-23, 2-29, 11-26
rentas sempadan	3-28, 7-22, 11-6, 11-15, 11-16, 11-20
retikulasi	9-20
retrofit	2-23, 9-16
Returning Expert Programme (REP)	10-19
reverse logistic	8-19
Revolusi Perindustrian Keempat (4IR)	I-15, I-16, 1-28, 2-17, 2-19, 2-20, 2-21, 3-9, 3-14, 3-27, 3-28, 10-13, 10-21, 10-23, 10-26, 11-2, 11-5, 11-6, 11-8, 11-10, 11-24, 11-25, 11-26, 11-27, 11-28, 11-29
rizab antarabangsa	1-13
rondaan maritim	7-27
Rukun Negara	4-3, 4-5, 4-9, 4-12, 4-29
rumah mampu milik	1-29, 4-1, 4-2, 4-3, 4-5, 4-7, 4-8, 4-10, 4-11, 4-12, 4-13, 4-15, 4-16, 4-23, 4-24, 4-25, 4-31, 5-12, 5-13, 5-22, 5-27, 5-28, 5-29, 6-21, 6-22, 7-12, 7-25, 7-26, 7-27
Rural Business Challenge (RBC)	6-8
Rural Electrification Scheme (RES)	6-8, 6-9, 6-23

S

Sabah Seafront	7-19
sains, teknologi dan inovasi (STI)	11-8, 11-21, 11-22, 11-23, 11-24
sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM)	10-13, 10-23, 11-8, 11-24, 11-25
sambungan jalur lebar tanpa wayar	11-5
Sandbox Inovasi dan Teknologi Negara (NTIS)	11-11, 11-24
sanitasi	4-6, 4-20, 4-22, 6-9, 6-22, 7-15, 9-5, 9-12, 9-20
santuari	8-6, 8-25
sekolah agama	10-26
Sekolah Agama Bantuan Kerajaan (SABK)	10-25
sekolah daif	6-8
Sekolah Kurang Murid (SKM)	10-14, 10-24
Sekolah Model Khas Komprehensif 9 (K9)	5-37, 7-10, 10-15, 10-28
Sekolah Model Khas Komprehensif 11 (K11)	5-37, 7-25, 10-28
sekolah tahfiz	10-13, 10-23, 10-25
sektor korporat	1-14, 4-7, 4-18, 5-10, 5-14, 5-33, 5-35, 5-36
sektor pembinaan	1-8, 1-10, 1-29, 2-3, 2-6, 2-10, 2-17, 7-19, 7-24
sektor pembuatan	1-8, 1-10, 1-11, 1-18, 1-19, 1-28, 2-1, 2-2, 2-3, 2-6, 2-17, 2-18, 2-19, 2-20, 2-22, 2-23, 2-24, 2-25, 2-33, 3-5, 3-6, 7-3, 7-5, 7-7, 7-16, 7-18, 7-21, 11-3, 11-8, 11-26
sektor penjagaan kesihatan	4-20, 4-22, 4-23

sektor perkhidmatan 1-3, 1-8, 1-9, 1-11, 1-14, 1-18, 1-19, 1-28, 2-1, 2-2, 2-3, 2-7, 2-10, 2-17, 2-19, 2-20, 2-21, 2-24, 2-25, 2-26, 2-31, 2-33, 2-34, 2-35, 7-3, 7-7, 7-17, 7-19, 7-20
sektor perlombongan 1-8, 1-9, 1-10, 1-11, 1-29, 2-3, 2-18, 2-32
sektor pertanian 1-8, 1-10, 1-11, 1-18, 1-19, 1-28, 3-6, 3-8, 3-23, 3-24, 6-8, 6-9, 7-3, 7-17, 7-18
sektor swasta 1-23, 1-26, 1-27, 2-7, 2-17, 2-19, 2-21, 2-32, 4-7, 4-8, 4-9, 4-12, 4-17, 4-21, 4-22, 4-23, 4-26, 4-27, 4-28, 4-29, 4-30, 5-11, 5-15, 5-16, 5-20, 5-21, 5-29, 5-31, 5-32, 5-34, 5-40, 6-8, 6-14, 6-15, 6-16, 6-18, 6-21, 6-23, 11-3, 11-4, 11-7, 11-8, 11-12, 11-15, 13-16, 13-21
sempadan antarabangsa 7-27
Senarai Pekerjaan Kritikal (COL) 11-8
seni 3-5, 3-7, 3-20, 3-21, 7-28
sesar aktif 8-6
Sewa untuk Beli (RTO) 4-8, 4-22, 5-27, 5-29, 5-34
Sijil Kemahiran Malaysia 10-10
Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 10-3, 10-5, 10-9, 10-10, 10-17, 10-28
sijil profesional 11-18
SIRIM-Fraunhofer 11-5
sisa kepada kekayaan 9-6, 9-10
sisa kepada tenaga 9-15
sisa kumbahan 9-19
sisa pepejal 7-11, 7-24, 8-15, 8-19, 8-20
sistem bersepadu bagi ramalan cuaca dan banjir serta amaran awal banjir 8-3, 8-22
Sistem Binaan Berindustri (IBS) 2-6, 2-10, 2-17, 2-18, 13-6
sistem grid 7-15, 7-16, 7-29, 9-6, 9-14, 9-15
Sistem Jaringan Penunjuk Pembangunan Mampan Bandar-Luar Bandar Malaysia 7-24
Sistem Kajian Pengesanan Graduan 7-7
Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) 10-10
sistem penarafan 10-10, 10-27, 10-28
Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 6-19, 11-17, 13-7
Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Negara (SETARA) 10-27
sistem pencen 5-40
sistem pengambilan balik 8-19
sistem pengesanan murid 10-23
Sistem Pengurusan Pekerja Asing Bersepadu (ePPAx) 2-9
Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan 2-17
Sistem Penilaian Kualiti Malaysia untuk Kolej Swasta (MYQUEST) 10-27
Sistem Profil Kampung Peringkat Nasional (SPKPN) 6-10, 6-19
sistem saliran 6-9
sistem sanitasi dan saliran 7-8
Sistem Transit Rapid Johor Bahru-Singapura 1-28
Sistem Upah yang Dikaitkan dengan Produktiviti (PLWS) 10-11, 10-18, 10-20
Skim Jejak Jaya Bumiputera 5-10
Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS) 3-25, 8-14
Skim Pensijilan Organik Malaysia (myOrganic) 2-22, 7-18

skim perdagangan pelepasan GHG 8-13
skim persaraan swasta 5-40
SMARTbelanja@LPPKN 5-12
solar 2-29, 6-5, 6-14, 6-15, 7-6, 7-24, 11-14, 11-19, 11-21, 13-16, 13-22
solar hibrid 7-22, 9-15
sosioekonomi I-6, I-13, I-14, I-16, I-18, I-19, 1-2, 1-4, 1-21, 1-29, 1-31, 7-2, 7-5, 7-8, 7-11, 7-12, 7-14, 7-15, 7-17, 7-20, 7-22, 7-24, 7-25, 7-27, 7-28, 7-29, 7-31, 9-18, 11-7, 11-14, 11-19, 11-20, 11-21, 11-22, 11-23, 11-24, 11-25, 11-28, 11-29
spesies hampir pupus 7-9, 8-8
spesies senarai merah kebangsaan 8-25
sponge city 8-13
standard bahan api yang lebih ekonomi 8-14
Standard Hijau Kebangsaan 12-17
Standard Kemahiran Pekerjaan Kebangsaan (NOSS) 3-22
Standard Malaysia (MS) 3-23
Standard Mandatori Mengenai Harga Capaian (MSAP) 11-5
STEM For All 10-23
stesen pendaratan kabel 11-6, 11-17
Strategi Keselamatan Siber Malaysia (MCSS) 11-16
Strategi Literasi Kewangan Kebangsaan Malaysia 5-12
struktur tarif 7-11
subsektor agromakanan 1-10, 1-19, 2-6, 2-18, 7-9
subsektor elektrik 1-19, 9-2, 9-7, 9-8, 9-11, 9-13, 9-14
subsektor minyak dan gas 7-17, 7-18, 9-7, 9-11, 9-13
subsidi 4-7, 4-11, 4-22
sukan 4-1, 4-2, 4-3, 4-5, 4-8, 4-9, 4-10, 4-12, 4-13, 4-15, 4-25, 4-26, 4-27, 4-28, 4-31
sukan berprestasi tinggi (SPT) 4-8, 4-12, 4-27
sukuk hijau 8-28
sumber air I-19, 9-2, 9-5, 9-9, 9-10, 9-17, 9-19, 9-20, 9-21, 9-23
sumber semula jadi 1-21, 1-31, 7-20, 7-24, 7-28
Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) 12-3, 12-4
Suruhanjaya Perkhidmatan Awam 5-12
Suruhanjaya Sekuriti Malaysia 2-29
Survei Harimau Kebangsaan 8-6
syarikat awam bukan kewangan (NFPC) 1-28
syarikat berkaitan kerajaan (GLC) 2-10, 3-25, 3-27, 3-29, 8-29
syarikat milik Kerajaan (SOE) 5-31, 5-32, 5-33, 5-34, 5-35, 5-36
syarikat multinasional (MNC) 2-25, 3-14, 3-16, 3-22, 3-23, 3-27, 3-28, 3-29, 11-23
syarikat unicorn global 11-27

T

Tabung Amanah Konservasi Sumber Asli Nasional 8-26
tadbir urus digital 11-6, 11-10, 11-13, 11-15, 11-19, 11-20, 13-16
tadbir urus fiskal 1-25, 1-31
tadbir urus luar bandar 6-7, 6-22
tadbir urus yang baik 3-29

Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) 6-8, 7-18
Taman Negara Luconia Shoals 7-5
Taman Negara Mulu 3-20
Taman Negeri Royal Belum 3-20
Taman Perindustrian Kota Kinabalu 7-17, 7-23
Taman Perindustrian Minyak dan Gas Sipitang 7-9
Taman Perindustrian Samalaju 7-23
tanah adat 7-2, 7-3, 7-4, 7-7, 7-14, 7-29
tanah komunal 7-11
tanah lembap 9-21
tanah lembap buatan (CW) 9-21
Tanah Rizab Melayu (TRM) 5-14, 5-15, 5-30, 5-32, 5-34, 5-35
tanah wakaf 4-8, 4-23, 4-24
tanggungjawab bersama 8-8, 8-27, 8-30
tanggungjawab sosial digital 11-17
tangki septik 9-19
Teaching Factory 10-25, 11-18
technology sandbox 11-23
teknologi baru muncul 1-17, 1-30, 2-10, 2-20, 2-24, 2-34, 3-14, 3-29, 4-19, 4-21, 4-22, 4-27, 10-2, 10-15, 10-22, 10-24, 10-25, 10-26, 10-27, 11-2, 11-23
teknologi digital 1-28, 2-17, 2-25, 3-18, 3-19, 3-20, 7-9, 7-11, 7-17, 7-18, 7-29, 11-2, 11-6, 11-7, 11-13, 11-14, 11-15, 11-18, 11-19, 13-8, 13-12, 13-15
teknologi disruptif 1-28, 11-2
teknologi hidrogen 11-5
teknologi hijau 3-25, 6-15, 8-13, 8-15, 8-19
teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) 1-8, 1-17, 1-30, 11-14
teknologi pengawalan (regtech) 2-28
teknologi pengecasan tanpa wayar 11-5
teknologi teras (deep technology) 11-25
teknologi termaju 1-30, 2-17, 2-25, 2-29, 2-30, 3-2, 3-7, 3-9, 3-13, 3-14, 3-15, 3-18, 3-20, 3-26, 4-10, 6-6, 6-15, 6-22, 11-1, 11-2, 11-6, 11-9, 11-10, 11-12, 11-25, 11-29
teknopreneur 11-5
telaga tiub 7-22
tenaga bersih 8-14
tenaga boleh baharu (TBB) 9-3, 9-5, 9-7, 9-8, 9-14, 9-15
tenaga buruh 1-14, 1-17, 1-32, 10-2, 10-6, 10-11, 10-12, 10-15, 10-18, 10-19, 11-8, 11-12
terestrial 11-3, 11-4
The International Standards Organization-International Workshop Agreement (ISO-IWA) 11-16
tiga tahun di universiti dan satu tahun dalam industri (3u1i) 10-9
tindakan berasaskan risiko termaklum 8-8
transformasi I-13, I-17, I-19, I-20
transformasi digital 11-14, 11-15
transformasi sektor air 9-2, 9-10, 9-16, 9-17, 9-18, 9-19, 9-20, 9-23
Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) 10-3, 10-5, 10-8, 10-13, 10-17, 10-23
trilema tenaga 9-2

triple helix	2-22, 3-14, 3-16, 3-17, 3-26, 11-5
U	
Ubiquitous Customs	12-3, 12-9, 12-15
Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR)	10-23
undang-undang dan peraturan	2-7
undang-undang digital-by-default	11-17
Undang-undang Kecil Bangunan Seragam (UBBL)	2-34, 11-16, 11-17
undang-undang perburuhan	10-3, 10-4, 10-7, 10-29
UNESCO Global Geoparks	3-21
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)	10-27, 11-15
Unit Pengurusan Penyelidikan (RMU)	2-19, 11-23
United Nations Conference on Trade and Development	3-19
United Nations Framework Convention on Climate Change (UNFCCC)	8-5
universiti	2-20, 10-2, 10-3, 10-5, 10-9, 10-10, 10-14, 10-17, 10-24, 10-28, 10-29, 11-8, 11-23, 11-24
Unmanned Aerial Vehicle (UAV)	3-17
urbanisasi	6-9, 6-19, 11-13, 11-26
urusan menjalankan perniagaan akan dipermudah	2-24, 11-27, 12-15
usahawan fintech	11-19
usahawan luar bandar	6-9, 6-23, 7-23
V	
vaksinasi	1-14, 1-21
Visi Sukan Negara 2030 (VSN 2030)	4-25
Visit Malaysia 2020	3-5
W	
wakaf	2-28, 2-29, 2-32, 4-7, 4-8, 4-22, 4-23, 4-24, 5-15, 5-17, 5-23, 5-27, 5-30, 5-35, 10-26, 11-23
warga emas	6-21, 6-22
Wawasan 2020	I-5, I-6, I-8
Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030)	I-2, I-3, I-5, I-8, I-13, I-16, I-17, 1-2, 1-21, 11-11, 11-26
Weigh-in-Motion (WIM)	12-16
Y	
Yayasan Peneraju Pendidikan Bumiputera (YPPB)	5-9, 5-15, 5-31, 5-33
Z	
zon	11-7
Zon Industri Akuakultur (ZIA)	7-18
Zon Industri Bebas Sama Jaya	7-23
Zon Perdagangan Bebas Digital (DFTZ)	3-23, 12-7
Zon Perdagangan Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ)	3-23
zon perindustrian	7-22, 11-7

Economic Planning Unit
Prime Minister's Department
Setia Perdana 5 & Setia Perdana 6
Federal Government Administrative Centre
62502 Putrajaya, Malaysia

Tel: +603 8000 8000
Fax: +603 8888 3755
Website: https://www.epu.gov.my